



101
Puteri
DUNIA MELAYU
Sejarah dan Legenda





MAHKOTA PUTERI MELAYU

Mahkota Puteri Melayu adalah lambang yang dicipta khusus untuk keperluan buku ini. Ia melambangkan kegemilangan Puteri Dunia Melayu sepanjang zaman. Reka cipta Mahkota Puteri Melayu yang disadur dengan emas 24k ini dihasilkan daripada gabungan motif ukiran diraja dan pucuk rebung. Setiap reka bentuk pucuk rebung dihiasi dengan permata kristal putih (*swarovski*). Kilauan permata kristal putih yang menyerikan mahkota melambangkan kesucian akal, hati dan jiwa Puteri Melayu, manakala lima butir permata hijau (*peridot*) adalah lambang ketakwaan, kebijaksanaan, kecantikan (zahir dan batin), keperihatinan dan kesopanan yang dimiliki oleh Puteri Melayu. Reka bentuk ukiran bulan dan bintang pada bahagian puncak adalah lambang agama Islam yang menjadi pegangan teguh dalam kehidupan.



Puteri **101**
DUNIA MELAYU
Sejarah dan Legenda

NISRIWANI YAHAYA • SYED ZULFLIDA S.M. NOOR

Penasihat
DATO' DR. ADI HAJI TAHA



Jabatan Muzium dan Antikuiti

ISBN 967-9935-31-0 (Kulit Keras / *Hard Cover*)
ISBN 967-9935-32-9 (Kulit Lembut / *Soft Cover*)
JMA - Malaysia

© Hakcipta Jabatan Muzium dan Antikuiti.
Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel,
ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan
cara apa jua secara elektronik, fotokopi, mekanik rakaman atau cara lain
sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah,
Jabatan Muzium dan Antikuiti.

© *Department of Museums and Antiquities copyright reserved.*
No part of this book may be reproduced or transmitted in any form or by
any means, electronic, mechanical, including photocopying, recording, or
by any information storage and retrieval system, without permission in writing from
the Director General, Department of Museums and Antiquities.

Cetakan Pertama/*First Print* : 2003



Diterbitkan oleh/*Published by*:
Jabatan Muzium dan Antikuiti/*Department of Museums and Antiquities*
Jalan Damansara
50566 Kuala Lumpur

Penasihat/*Advisor*
YBhg. Dato' Dr. Adi Haji Taha
Ketua Pengarah/*Director-General*:
Jabatan Muzium dan Antikuiti
Department of Museums and Antiquities

Penyelaras/*Co-ordinator*
Hadijah Mohd Yunus & Haji Md. Yasin Ibrahim

Reka bentuk kulit/*Cover design by*
Azian Omar & Haris Ismail

Rekabentuk oleh/*Design by*
Unique Communications Sdn. Bhd.
No 73E, Tingkat 1, Puteri Park Plaza
68000 Ampang Selangor

Dicetak oleh/*Printed by*
Karya MBH Sdn. Bhd.
47 Jalan PBS 14/3, Taman Perindustrian Bukit Serdang,
Seri Kembangan 43300 Selangor.

M
1135953

19 JAN 2004
Perpustakaan Negara
Malaysia

*D*ipersembahkan kepada

Puteri Dunia Melayu tanpa mengira keturunan, darjat dan pangkat.
Semoga Puteri Melayu maju,
berani dan gemilang sepanjang zaman.



*Limau purut jatuh ke lembah,
Tiba ke lembah tumbuh duri;
Pinang mengadap sirih menyembah,
Jari sepuluh menjunjung duli.*



Kandungan

Perutusan Menteri	xii
Perutusan Ketua Pengarah	xiii
Pengenalan	xiv
Gurindam Kecantikan Puteri Dunia Melayu	xiv
Gurindam Rahsia Seri Puteri Melayu	xv
Peta Dunia Melayu	xvi-xvii
101 Puteri Dunia Melayu	
Kepemimpinan	1
Sokongan dan Sumbangan	137
Berprinsip Teguh	243
Disentuh Keadaan	317
Mitos	395
Indeks	462
Rujukan	470
Penghargaan	479



Sekapur Sirih

DATO' PADUKA ABDUL KADIR HAJI SHEIKH FADZIR
Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia

Tahniah kepada Jabatan Muzium dan Antikuiti dan penulis kerana berjaya mengusahakan penulisan buku *101 Puteri Dunia Melayu – Sejarah dan Legenda* (dari abad ke-7 hingga abad ke-20).

Saya berbangga kerana buku ini bukan hanya memuatkan sejarah dan legenda puteri-puteri Melayu lampau tetapi turut mengungkapkan nilai estetika, seni budaya, busana dan bahasa Melayu zaman silam. Maklumat ini sudah pastinya dapat memberikan keyakinan kepada generasi kini dan akan datang terhadap peradaban bangsa kita yang pastinya dapat memperkukuhkan jati diri mereka.

Kita sedar bahawa sejarah dan kebudayaan adalah warisan khazanah ilmu yang tidak ternilai harganya. Maklumat seumpama ini bukan sahaja sangat berguna kepada kita tetapi juga pelancong asing yang ingin mengetahui dengan lebih lanjut terhadap peradaban Melayu. Kita juga tahu bahawa sejarah dan warisan budaya menjadi satu daripada daya penarik sesebuah tempat atau negara dan menjadi pemangkin kepada produk pelancongan yang sangat diinginkan selain daripada kedamaian dan keindahan alam semula jadinya.

Justeru itu, saya berharap lebih ramai lagi penulis dan penyelidik menjalankan kajian, mengumpul dan mendokumentasikan khazanah sejarah warisan seperti ini untuk memartabatkan agama, bangsa dan negara supaya tidak dilupakan, di samping berfungsi memupuk semangat patriotisme dan jatidiri di kalangan generasi kini dan akan datang.

DATO' PADUKA ABDUL KADIR HAJI SHEIKH FADZIR
Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia





Seulas Pinang

DATO' DR. ADI HAJI TAHA

Ketua Pengarah, Jabatan Muzium dan Antikuiti

Penerbitan buku *101 Puteri Dunia Melayu – Sejarah dan Legenda* ini merupakan satu lagi kejayaan Jabatan Muzium dan Antikuiti dalam usahanya mengumpul warisan sejarah silam untuk dijadikan bahan bacaan dan rujukan kepada generasi kini dan akan datang terhadap peradaban Melayu lampau.

Buku ini diterbitkan tepat pada waktunya iaitu semasa kerajaan sedang mempergiatkan usaha menanamkan semangat cintakan negara dan memperkukuh jati diri berasaskan nilai-nilai murni keislaman. Kisah-kisah yang ditulis dalam buku ini boleh dijadikan contoh yang sangat berguna oleh generasi hari ini dan akan datang yang membuktikan bahawa wanita bukan sahaja bertindak sebagai seorang ibu, isteri dan pengasuh di rumah malah menerokai bidang yang lebih mencabar meliputi pemerintahan dan pentadbiran, pertahanan dan perjuangan, pendidikan dan sebagainya.

Adalah mejadi harapan saya semoga lebih ramai lagi penulis, khususnya di kalangan pegawai dan kakitangan jabatan ini tampil ke hadapan menghasilkan lebih banyak penulisan mengenai sejarah dan kebudayaan negara untuk dikongsi bersama. Sesungguhnya bangsa yang bertamadun mempunyai jati diri dan peradabannya sendiri. Masyarakat beradablah yang sadar 'di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung' dan kegemilangan lampau itu menjadi pendorong penghayatan dan kekuatan jiwa bagi menerus dan membangunkan warisan yang baru pula.

Akhir sekali saya mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi penghargaan kepada penulis kerana berusaha mengumpulkan bahan-bahan yang sungguh berharga ini ke dalam sebuah penerbitan khas seumpama ini.

DATO' DR. ADI HAJI TAHA

Ketua Pengarah, Jabatan Muzium dan Antikuiti



PENGENALAN

"Dengan kuasa Allah, wanita adalah pembawa nyawa, dan ini adalah satu-satunya tanggungjawab yang paling mulia. Sebagai gadis pada zaman yang lalu, kita adalah ibu zaman akan datang dan adalah menjadi tanggungjawab kita untuk membawa kepada zaman kita sebanyak-banyak kasih mesra dan kedamaian serta rasa saling hormat-menghormati yang terupaya oleh kita. Kerana kitalah pembawa kurnia yang paling mulia, iaitu nyawa!"

-Jehan Sadat-

Buku berjudul *101 Puteri Dunia Melayu-Sejarah dan Legenda* ini adalah terbitan khas Jabatan Muzium dan Antikuiti sempena ulang tahun ke-40 Muzium Negara dengan usahasama pengarang dan penyelidik tempatan iaitu Nisriwari Yahaya dan Syed Zulflida S.M.Noor. Projek ini amat menarik dan sesungguhnya warisan dan sejarah sesuatu bangsa itu adalah penting untuk kemajuan dan peradaban bangsa kini dan akan datang.

Secara ringkas, Semenanjung Tanah Melayu dan Kepulauan di Asia Tenggara ini memang terkenal sebagai Dunia Melayu. Di sekitar inilah, dari semasa ke semasa, timbul dan lenyapnya beberapa buah kerajaan dan empayar seperti kerajaan-kerajaan Funan, Campa, Ho-Lo-Tan, Langkasuka, Kataha (Kedah Tua); empayar Sriwijaya, Mataram, Majapahit, Melaka yang gemilang dan lain-lain. Dengan kedatangan penjajah Barat - Portugis, Belanda, Sepanyol, Perancis dan Inggeris, maka Dunia Melayu terbahagi kepada komponen-komponen besar seperti Indonesia, Filipina, Kemboja dan Campa (sekarang Vietnam).

Tidak ramai antara kita yang mengetahui kewujudan ramai puteri Melayu yang begitu cemerlang dan gemilang dari abad ke-7 hingga abad ke-20. Menyedari hal ini, maka satu inisiatif diambil untuk mengkaji dan mengumpul maklumat perihal wanita dalam sejarah dunia Melayu dari abad ke-7 hingga abad ke-20. Untuk mengenali identiti atau rupa bangsa itu, maka perlu dikaji sejarah penghidupan dan tamadunya dengan teliti. Usaha merakamkan kisah 101 perihal puteri pada zaman silam bukan sahaja untuk tatapan dan pengetahuan kita, malahan untuk kita teladani sifat-sifat dan perilaku terpuji yang mereka miliki, di samping memberi penghormatan dan menghargai jasa dan pengorbanan mereka yang telah berjuang demi memelihara dan memartabatkan agama, bangsa dan negara.

Kami yakin bahawa inilah satu-satunya buku yang memaparkan kisah paling ramai puteri Dunia Melayu, lengkap dengan gambaran masa dan suasana zamannya bahkan turut mempersembahkan warisan, kebudayaan, kesenian dan kesusasteraan bangsa Melayu. Buku ini memang unik, bahkan buku seperti ini tidak pernah diusahakan oleh mana-mana pihak sebelum ini. Sesungguhnya wujudnya buku ini mengajak Kita mengimbu kembali sejarah dan legenda kaum wanita Melayu dalam jangkamasa 1300 tahun, secara tidak langsung membuktikan kepada puteri dunia Melayu masa kini dan akan datang bahawa kita mampu mencapai kecemerlangan apabila kita memiliki peradaban dan penghormatan pada diri dan masyarakat serta semangat patriotisme yang tinggi.



Para pembaca budiman akan merasa kagum bukan sahaja tentang kisah 101 Puteri Dunia Melayu yang terkandung di dalam buku ini tetapi juga gaya persembahan yang begitu indah berseri dan analisis yang dibuat tentang pengaruh dan peranan beberapa puteri Dunia Melayu pilihan pada zaman silam. Pengarang mengajak pembaca budiman mengembara ke zaman kegemilangan dalam sejarah bangsa Melayu yang lampau dan melihatnya dari pelbagai perspektif. Pendek kata, 101 Puteri Dunia Melayu dipilih dengan teliti dan ditonjolkan riwayat hidup, perilaku, tindakan tertentu dan pengaruh mereka di kalangan istana dan masyarakat. Mereka inilah puteri-puteri Melayu gemilang.

Buku ini menjadi lembaran kecemerlangan 101 Puteri Dunia Melayu yang bersinambungan selama 1300 tahun. Buku ini muncul pada saat yang amat bersejarah yakni pada awal abad ke-21. Kecanggihan teknologi mewujudkan dunia tanpa sempadan yang mencabar dan memerlukan keperkasaan diri untuk berdaya saing demi memartabatkan diri, agama, bangsa dan negara.

Kebanyakan puteri yang dipaparkan dalam buku ini hidup dalam Dunia Melayu yang luas tanpa sempadan, minda yang terbuka, laut dan samudera terbentang luas telah diharungi, peradaban yang utuh, semangat yang kental dan perpaduan yang teguh, sehinggalah kedatangan bangsa-bangsa kolonial Barat yang menyekat, memecah-belah dan menyempitkan kita. Secara tidak langsung buku ini menyedarkan kita tentang zaman silam bangsa Melayu, suatu dewang-ga kencana yang telah dirobek dan dicemarkan oleh pihak penjajah. Namun jika kita berpegang pada tekad dan semangat serikandi para puteri pada zaman silam, pasti kita akan mendapat ikhtibar, sumber inspirasi untuk membangun dan memperkasakan diri serta mempertingkatkan nilai murni dan peradaban bangsa kita.

Di dalam buku ini terdapat kesinambungan kukuh itu bak itikan rantai emas yang dipakai oleh para puteri - 'merekalah pengaruh di sebalik tabir' dalam banyak keadaan dan suasana. Namun sekiranya puteri itu berkuasa penuh, maka banyaklah sejarah berubah. Misalnya, wirawati Adruja Wijayamala (Langkasuka) telah berjuang dengan penuh kecekalan dan keberanian menyekat kemaraan angkatan tentera Sukhotai dari melanda Semenanjung Tanah Melayu (abad ke-14). Puteri ini juga berisiat mulia dengan membekalkan pelayar Islam terkemuka, Ibnu Batutah, dengan


berguni-guni makanan dan peralatan agar peneroka yang gigih itu dapat sampai ke negeri China.

Benarlah kata Raden Adjeng Kartini, "Kecerdasan fikiran penduduk bumiputera tiada akan maju dengan pesatnya, apabila kaum perempuan itu ketinggalan dalam usaha tersebut. Perempuannya membawa peradaban". Puteri Melayu harus berilmu, beriman dan berbudi pekerti serta berani menghadapi dan mengatasi apa jua cabaran hidup demi kesejahteraan diri, keluarga, agama, bangsa dan negara. Sesungguhnya kaum wanita memainkan peranan penting dalam usaha menggemilangkan tamadun dan pembangunan bangsa dan negara sepanjang zaman.

Kami doakan para pembaca budiman khususnya Puteri Melayu zaman ini dan yang akan datang mendapat manfaat setelah membaca kisah 101 Puteri Dunia Melayu di dalam buku ini sebagai sumber inspirasi, motivasi dan teladan. Semoga nilai-nilai positif serta semangat patriotisme 101 Puteri Dunia Melayu itu dapat diterap di dalam akal, hati dan jiwa setiap pembaca budiman.

Kami doakan Puteri Dunia Melayu cemerlang dan gemilang sepanjang zaman.

Pengarang



Gurindam Kecantikan Puteri Melayu

Digubah semula : Syed Zulflida S.M. Noor

Rupanya kuning kemerah-merahan
Bak tebu di dalam ladang
Tak dapat ditentang oleh mata
Wajahnya yang gilang-gemilang
Bagai lilin dituang.

Mukanya bujur daun sirih
Dahinya bagai sehari bulan
Keningnya bagai bentuk taji
Matanya bagai bintang timur
Alis matanya lentik bagai kiliran taji
Bulu matanya bagai semut beriring
Hidungnya kuntum bunga seroja
Telinganya bagai telipuk layu
Pipinya bagai pauh dilayang
Bibirnya bagai limau seulas
Giginya bagai delima merekah
Lidahnyanya bagai memelam masak
Dagunya bagai lebah tergantung
Leher jinjang buyung Patani
Minum air berbayang-bayang
Santap sirih berkaca-kaca.

Rambutnya ikal mayang seludang
Panjang lebat sampai ke tumit
Hitam berkilat bagai dakwat

Bentuk badan lemah dan lampai
Tubuh kecil rendah rembunai
Dadanya bidang bagai dituang
Lengannya bagai bauh panah
Jarinya bagai duri landak.

Pinggang secekek jari manis
Pahanya bagai paha belalang
Betisnya bagai bunting padi
Tumitnya bagai telur burung
Ibu kaki bungkul setahil
Lenggang bagai goyang dahan
Langkah bagai dibilang-bilang
Jalannya bagai si ganjur lalai
Daripada maju surut nan lebih.

Suara lemah, lemah-lembut
Senyum mengulum-ngulum lidah
Gelak lunak tertahan-tahan
Pandang serong pandang menggila
Pandang tepat ia membunuh
Putih bagai membayang bulan
Kuning bagai panas petang
Tampam sudah, langgam terbawa
Bagai dilukis, digambarkan.




Gurindam Rahsia Seri Puteri Melayu

Oleh : Nisriwani Yahaya

Hati harus suci murni dan beriman
Jiwa harus sentiasa tenteram
Ketrampilan adalah paparan bangsamu
Suaramu jangan ditinggikan
Bicaramu umpama tarian lidahmu
Lemah lembut beralun memikat kalbu
Bibir sentiasa menguntum senyum
Sedekah pasti wajah pun berseri
Gundah gulana jangan pameran
Hanya rahsia dikau dan Maha Pencipta
Persembahan wajah biarlah tenang
Agar disangka damai dan bahagia
Pekung di dada dicerita jangan
Kelak mengundang angkara nestapa
Hati manusia kita tak duga
Gunalah akal, dengarlah bisikan hatimu
Buruk sangka pada orang kita jangan

Kelak kurang dapat rahmat Tuhan
Gerak-geri disusun rapi
Tidak seperti goncangan gunung berapi
Kelak tidak manis dipandang orang
Biar sabar lemah gemalai
Pasti memikat mata siapa memandang
Pakaian biarlah berseri dan berseni
Disusun disisip dengan rapi
Ukurlah pada badan sendiri
Lenyap jangan warisan busana
Kelak kita jua yang rugi
Tidak kenal siapa kita lagi
Rahsia zaman silam rahsia umum
Cuma lupus dihakis zaman
Pesan bonda harap jangan dilupa
Peliharalah budi hiasan diri
Agar bangsa dipandang mulia.





Ihsan Yusoff Restu

**Sesungguhnya Allah jualah yang menguasai segala alam langit dan bumi: Ia menghidupkan dan mematikan: dan tidaklah ada bagi kamu selain dari Allah sesiapa pun yang menjadi pelindung, dan juga yang menjadi penolong*

*At-Taubah 11:116
(Khat Kafi Mushaf)*

Kepemimpinan

Puteri Dunia Melayu dalam kategori kepemimpinan memegang peranan penting sebagai pemimpin utama dalam masyarakat, dalam bidang pentadbiran mahupun di medan perang. Mereka memainkan peranan sebagai peneraju kerana mereka berjiwa kental, berani, tabah, cekal, tegas, adil, bercita-cita tinggi, bijaksana, berwawasan dan sanggup berbakti demi agama, bangsa dan negara. Puteri Melayu juga beriman, berkeyakinan tinggi, berwibawa, berdisiplin, berbudi pekerti mulia, bersemangat waja, prihatin, berpengaruh, berhemah tinggi, penyelesaian masalah, dan sabar menghadapi pelbagai dugaan dan cabaran. Sebagai pemimpin, mereka tidak mementingkan diri sendiri. Pengorbanan Puteri Dunia Melayu dalam kepemimpinan amat dihargai dan dikenang sepanjang zaman.



Keris Semenanjung (reproduksi).

Ihsan : DHEA Finecast Enterprise / Fotografi: icverything Sdn.Bhd.

Keris Semenanjung ini diperbuat daripada logam perak dengan saduran emas 24 karat dan titisan emas putih.

KEPEMIMPINAN

	M/S
1.1 SULTANAH TAJUL ALAM SAFIYYATUDDIN SYAH • ACHEH • 1641-1675	4
1.2 SULTANAH NUR'UL - ALAM NAQIATUDDIN SYAH • ACHEH • 1675-1678	8
1.3 SULTANAH ZAKIYYATUDDIN INAYAT SYAH • ACHEH • 1678-1688	10
1.4 SULTANAH ZINATUDDIN KAMALAT SYAH • ACHEH • 1688-1699	12
1.5 LAKSAMANA KEUMALAHAYATI • ACHEH • c. 1600	14
1.6 CUT NYAK DHIEN • ACHEH • 1856-1908	18
1.7 CUT NYAK MEUTIA • ACHEH • 1870-1910	24
1.8 TENGKU FAKINAH • ACHEH • 1856-1938	30
1.9 POCUT BAREN • ACHEH • 1898-1906	34
1.10 POCUT MEURAH INTAN • ACHEH • 1902-1934	38
1.11 POCUT MEULIGO • ACHEH • 1875-1901	40
1.12 PERMAISURI SENI @ PUTERI HIJAU • ARU • 1540-1554	44
1.13 WAN SERI BENIAN • BENTAN • c. 1390	48
1.14 SITI ZUBAIDAH • CAMPA • 1361-1390	52
1.15 RATU DEWI PAKUNGWATI • CIREBON • 1480-1529	58
1.16 RATU KALINYAMAT • JAPARA • 1550-1574	60
1.17 RATU SIMA • KALINGGA / HO-LING • c. 674	64
1.18 CIK SITI WAN KEMBANG • KELANTAN • 1601-1667	68
1.19 ADRUJA WIJAYAMALA • LANGKASUKA • 1317-1345	76
1.20 RATU TRIBUWANATUNGGADEWI • MAJAPAHIT • 1329-1351	86
1.21 PUTERI GALOH WI KESUMA • MAJAPAHIT • 1429-1446	90
1.22 PUTERI JAMILAN • MINANGKABAU • 1683-1718	94
1.23 DATUK PUTERI SITI AWAN • N. SEMBILAN • c. 1723	100
1.24 RAJA HIJAU • PATANI • 1584-1616	102
1.25 RAJA BIRU • PATANI • 1616-1624	108
1.26 RAJA UNGU • PATANI • 1624-1638	110
1.27 RAJA KUNING • PATANI • 1638-1686	116
1.28 RAJA EMAS CAYANG @ RAJA DEWI • PATANI • 1701-1710 / 1724-1726	120
1.29 RATU NURILAH @ WARDI RAHMATULLAH • SAMUDERA - PASAI • c. 1380	124
1.30 RATU NAHRASIYAH • SAMUDERA - PASAI • 1400-1428	128
1.31 SULTANAH NURUL AZAM • SULU • 1681-1685	132



Sultanah Tajul Alam Safiatuddin Syah

RATU PENTADBIR DALAM SEGALA BIDANG

Buat pertama kali, Aceh, sebuah negeri yang banyak pergolakan dalam bidang politik, agama, sosio-budaya, perdagangan yang lazimnya bagi raja lelaki pun tidak mudah dengan tiba-tiba dikuasai oleh seorang wanita: Sri Sultan Tajul Alam Safiatuddin Syah, wanita pertama yang menerajui kerajaan yang kuat berpegang pada agama Islam. Baginda merintis jalan untuk tiga lagi puteri yang memerintah sesudahnya.

Acheh yang jarang aman itu, berjaya ditangani oleh Sultanah Tajul Alam, seorang wanita secara bijaksana. Persoalannya ialah bagaimanakah seorang wanita boleh menjadi pemimpin? Islam hanya melarang wanita menjadi imam bagi lelaki dalam sembahyang, sedang dalam urusan duniawi lainnya tidak dihalangi. Demikian pendapat ulama ketika itu, antaranya Syeikh Nuruddin al-Raniri dan Syeikh Abdul Rauf. Soalan seterusnya ialah, tidak adakah calon lelaki lain dari keturunan Sultan Iskandar Muda? Oleh sebab seorang putera baginda telah dibunuh kerana dianggap tidak bermoral, maka digantikan dengan menantunya Raja Mughal (Sultan Iskandar Thani,

1636–1641). Dengan mangkatnya Sultan Iskandar Thani maka tiada calon yang terdekak selain Puteri Seri Alam, permaisuri baginda, yakni puteri tunggal Sultan Iskandar Muda.

Semasa Sultan Iskandar Muda (1607–1636) memerintah Aceh baginda menakluk banyak daerah di Sumatera dan Semenanjung Tanah Melayu, termasuk Pahang. Seorang puteri Pahang bernama Raja Kamaliah, telah dibawa ke Aceh lalu dikahwini baginda. Puteri ini terkenal di kalangan rakyat Aceh sebagai

Putroë Phang kerana kebijaksanaannya menyelesaikan masalah perundangan mengenai kaum wanita di Aceh. Dari perkahwinan ini lahirlah Puteri

Seri Alam pada tahun 1641. Setelah dewasa Puteri Seri Alam dikahwinkan dengan Raja Mughal (anak Raja Ahmad Syah, Pahang dengan Puteri Bongsu Candra Dewi) yang ditawan dan dibawa ke Aceh. Dalam tahun 1636, Sultan Iskandar Muda mangkat lalu diganti oleh menantunya bergelar Sultan Iskandar Thani yang memerintah hingga tahun 1641, maka diganti oleh permaisuri baginda Sultanah Tajul Alam.

Mohor Kerajaan Sultanah Aceh yang terkenal dengan nama *Cap Sikureung*

Semasa remajanya Tajul Alam amat gemar membaca syair dan mengarang atas galakan gurunya





Hamzah Fansuri, dan daripada gurunya Syeikh Nuruddin beliau belajar ilmu fikah. Beliau memberi belanja kepada Hamzah Fansuri untuk memperbanyakkan perpustakaan, dan kepada Syeikh Nuruddin agar merantau memperdalam ilmunya, selain mengarang kitab-kitab hukum. Setelah menjadi Ratu, baginda mengadakan barisan wanita untuk menjadi pengawal istana bahkan sebagai pasukan elit menguasai pantai untuk menghindari pencerobohan Portugis. Baginda sendiri menunggang kuda memeriksa dan menyelia barisan dan latihan. Kesukaannya berkuda bermula sejak remaja lagi semasa turut bersama suaminya yang suka memburu, terutamanya gajah, dan sebagai ketua pasukan berkuda. Selain itu Tajul Alam telah membangunkan kota Inong Balee di Krueang Raja. Di dalam kota yang bergagar teguh itu didirikan rumah dan asrama untuk janda-janda dan anak-anak perajurit yang gugur dalam pertempuran di Melaka pada tahun 1640. Perbelanjaan pengenggaraannya dibiahi dari pada Perbendaharaan dan kutipan zakat. Kota itu dijaga dengan rapi agar wanita di dalamnya tidak diancam. Yang ingin berkahwin diberi belanja agar dapat hidup dengan baik dan sempurna.



Sultanah Tajul Alam Safiatuddin Syah
Deda Eri Supria, 1994

Tajul Alam pada hakikatnya tidaklah mempunyai minat yang tinggi dalam bidang ketenteraan sebagaimana ayahnda dan suaminya sendiri. Minat dan penumpuan kebijaksanaannya yang sebenar adalah dalam bidang pendidikan, ekonomi dan kemasyarakatan. Selain itu baginda mengambil berat tentang perkembangan dan penghayatan agama di kalangan masyarakat. Dalam hal ini baginda dibantu oleh Syeikh Nuruddin al-

Raniri dan Syeikh Abdul Rauf Singkel yang berfikir terbuka dan maju, berfahaman bebas dan mempunyai pengaruh yang besar. Syeikh Nuruddin di dalam kitabnya *Bustarus-Salatin* memperihalkan tentang peribadi Tajul Alam sebagaimana berikut:

Bahawa adalah pada baginda itu beberapa sifat kepujian dan perangai yang kebajikan, lagi tak akan Allah dan senantiasa sembahyang lima waktu dan membaca Kitabullah dan menyuhrkan orang berbuat baik dan melarang orang berbuat kejahatan seperti yang diturunkan Allah kepada Nabi kita Muhammad (SAW). Ia terlalu sangat adil perihail memeriksa dan menghukumkan segala hamba Allah

Maka daripada berkat daulat dan sa'adat duli yang maha mulia itu jadi banyaklah segala hamba Allah yang saleh dan sembahyang serta menuntun ilmu. Syahdan ialah yang tawadhunya akan Allah *subhanahu wa Ta'ala*. Maka dianugerahi Allah akan dia lama menjunjung khalifahnyanya, dan pada masanyalah orang mendapat beberapa galian emas itu dan ialah yang mengeraskan syariat Nabi kita Muhammad *salallahu 'alaihi was-sallam*.

Jasa baginda yang besar dalam perkembangan agama, selain memperbanyakkan musalla, juga menyuruh tokoh-tokoh agama pergi ke pusat-pusat ilmu seperti Mekkah, Madinah, Baghdad dan India dan tatkala kembali disuruh mengarang kita-kitab agama: Abdul Rauf Singkel mengarang, antara lain, *Mirat al-Tullab*, *Umdat al-Muktajin*, *Kifayat al-Muktadin Mau'izat al-Badi*; Nuruddin al-Raniri, antara lain, mengarang *Bustan al-Salatin*, *Hujjat al-Siddiq li Daf' al-Zindiq*, *Tibyan fi Ma'rifat al-Adyan*, *Strat al-Mustaqin*, *Syfa*





al-Qulub, Durrat al-Fara'id. Bukan saja menyuruh orang mengarang, bahkan baginda sendiri telah mengarang kitab yang berjudul *Masail al-Mukta'id*. Baginda bukan saja tonggak penyebaran agama di Aceh malah dianjurkan ke seluruh negeri yang di bawah pengaruhnya. Baginda sendiri sebenarnya seorang ahli tanetangara yang unggul.

Ayahanda Tajul Alam telah menyusun undang-undang dan adat istiadat kerajaan Aceh iaitu *Adat Mahkota Alam* yang menjadi pedoman rakyat jelata. Dalam tahun 1633, disusun pula sebuah qanun yang diberi nama *Qanun al-Asyi Darus-Salam* yang berupa suatu majlis Mahkamah Perwakilan Rakyat (semacam Parlimen). Dalam tahun 1649, Ratu Tajul Alam mengadakan perubahan susunan anggota badan legislatif ini yang terdiri daripada 73 wakil, tetapi di dalamnya ditempatkan 16 orang wanita yang duduk sama untuk membantu mengatur urusan negara. Hal demikian untuk mengembangkan kebijaksanaan Sultanah dan meneliti segala adat dan hukum yang sesuai disalurkan kepada rakyat supaya adil dan saksama agar negara makmur.

Baginda insanf tanpa keadilan tidak akan wujud kemakmuran. Tanpa kemakmuran rakyat akan menderita. Selain kedudukan wanita di dalam Mahkamah Perwakilan Rakyat, Tajul Alam juga memperkukuhkan institusi yang telah dimulakan oleh ayahanda baginda, Sultan Iskandar Muda, seperti hak bersyariat dan berkumpul yang dinamakan *Hak Seureukat* yang menetapkan hak wanita sama dengan lelaki dalam hal harta penarikan dengan suaminya. Juga pada zaman Iskandar Muda telah dibentuk satu pasukan khas wanita yang diberi nama 'Keulama Cahaya'. Inilah yang diperkukuh dan diperjuangkan Tajul Alam semasa pemerintahannya sehingga kedudukan wanita berada pada tempat yang sewajarnya. Pengarang-pengarang Belanda mengakui kaum wanita Aceh mempunyai kedudukan tinggi, pernah mengendalikan tugas-tugas besar dan penting.

Di Nusantara pada masa itu kuasa Barat yang besar ialah Portugis dan Belanda. Antara negeri di Semenanjung di bawah Aceh pada masa itu ialah Perak, yang banyak mengeluarkan timah. Belanda ingin mendapatkan timah yang lebih dari Perak. Satu delegasi dihantar dalam tahun 1644 oleh Syarikat Hindia Timur Belanda (VOC: Vereenigde Oost-Indische Compagnie)

terdiri daripada komisaris tingginya, Arnold de Vlamingh van Outsochoorn, dan dibantu oleh Jan Harmanz yang ditunjuk sebagai wakil Belanda di Aceh. Semasa itu Gabenor Jeneral Belanda di Jakarta ialah Antonie van Diemen (1636-1645). Hasrat Belanda ialah agar ia dapat 'menelan' raja wanita ini bulat-bulat dan meletakkan wakilnya secara rasmi di Aceh agar mudah mempengaruhi Aceh supaya mendesak Perak menjual timah kepadanya. Semasa perbicaraan, Sultanah menyoal pelanggaran Belanda terhadap Perak, yang dijawab hal demikian berlaku semata-mata untuk menjaga dan menghindari kerugiannya.

Sultanah menolak alasan itu kerana Perak adalah di bawah naungan Aceh. Akhirnya, pihak Belanda terpaksa pulang dengan hampa.

Kepintaran diplomasi Tajul Alam teruji lagi dalam perundingan selanjutnya apabila dalam pada tahun 1645 telah diadakan perjanjian antara Belanda-Acheh, yang dinyatakan oleh pihak Belanda bahawa orang Islam dari India mendapat kebebasan dagangan timah dengan Aceh dan negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu; sebaliknya pihak Belanda tidak menerima apa-apa selain 'kata-kata indah dan muka manis'. Keluhan Belanda itu adalah tamaran hebat lantaran kelicinan diplomasi Tajul Alam. Mereka menganggap wanita mudah dipujuk, tetapi nyata merelakan terkena rayuan manis mulut wanita. Hanya kertas perjanjian dibawa pulang namun perdagangan mesra tetap dengan pedagang-pedagang Islam India dan lainnya berjalan seperti sedia kala.

Apabila Belanda cuba membuat seketan terhadap Aceh, maka pejabat wakilnya ditutup. Selepas itu G.G. Van Lijn cuba berlembut dengan mengirim surat kepada Tajul Alam agar Belanda diizinkan membeli timah di Perak seperti yang diberikan kepada Portugis. Ratu Aceh secara penuh diplomasi melalui suratnya bertarikh Disember 1647 menyatakan bahawa Aceh memberi kesempatan yang sama kepada semua bangsa asing termasuk Inggeris. Katanya, Aceh sendiri hanya mengambil timah dari Perak sebanyak 600 bahar, satu jumlah yang lebih rendah daripada yang pernah diperolehi Belanda. Oleh itu tidak ada sebab Belanda mendapat keistimewaan.

Taktik subversif Belanda, walaupun gagal di Aceh, mereka cuba menuskus di daerah pegangan Aceh, iaitu Piaman. Mereka cuba menggagalkan orang tempatan membentok terhadap Aceh.



Pitri Dunia Melayu



Kedah: Syed Zulfikar, S.M. Noor

*Sisi muka mata wang emas Sultanah Tajul Alam Syah. Tertera di atasnya :
Paduka Seri Sultanah Tajul Alam Syah*

Tatkala berita itu didengar oleh panglima-panglima Aceh, setelah bentengnya berdiri teguh, maka pada tahun 1656 diserubnyalah Belanda dan dimusnahkan. Selepas itu dengan kemerosotan armada Aceh dan tenaga militernya, beberapa daerah pegangannya seperti Perak, Sumatera Barat dan Sumatera Timur jatuh ke tangan Belanda.

Dalam keadaan yang sentiasa menentang Belanda di negeri-negeri pegangannya maka kekuatan Aceh mula tercabar. Dan sewaktu inilah mangkatnya Sultanah Tajul Alam Safiatuddin Syah pada 23 Oktober 1675. Baginda meninggalkan Aceh dalam keadaan yang tidak berapa menguntungkan disebabkan desakan Belanda yang langsung membawa soldadu dan alat-alat perang yang lebih kuat, bukan lagi untuk berdagang tetapi untuk menjajah.

Namun begitu, baginda berjaya menanamkan di dalam sanubari bangsa Aceh suatu asas kukuh dalam bidang kerohanian dan agama yang kelak bakal diuji apabila Aceh merupakan benteng terakhir mempertahankan tanah air dari serangan penjajah. Tajul Alam memerintah selama 34 tahun, satu jangka masa yang

panjang. Baginda memperoleh sokongan dan disayangi rakyatnya.

Demikian riwayat seorang raja wanita yang memegang peranan yang amat kita kagumi kerana menjadi sarjana, tokoh pentadbiran, tokoh pembangun masyarakat, tokoh diplomasi, pedagang yang bijak, pemimpin yang prihatin dan pendukung agama yang teguh. Bahkan baginda dapat menyekat merebaknya kuasa Belanda yang licik dan jahat itu pada peringkat awalnya.

Seharusnya tokoh diraja yang menyambung titisan kelahiran dari keluarga diraja Tanah Melayu dan Aceh ini menjadi lambang perhubungan erat Malaysia-Indonesia buat selama-lamanya.



Kedah: Syed Zulfikar, S.M. Noor

*Sisi belakang mata wang emas Sultanah Tajul Alam Syah. Tertera di atasnya :
Paduka Safiatuddin Syah Berdaulat*





Sultanah Nurul Alam Naqiatuddin Syah

RATU ACHEH YANG KEDUA

*S*etelah Sultanah Tajul Alam mangkat maka Aceh diperintah sekali lagi oleh seorang wanita yang bergelar Sultanah Nurul Alam Naqiatuddin Syah. Sebelum

itu baginda terkenal sebagai Seri Paduka Putroe. Berdasarkan namanya tentulah beliau adalah seorang kerabat diraja, mungkin daripada Dinasti Mughayat Syah, salah seorang cucu kepada Sultan Alauddin Riayat Syah Sayyidul Mukammil. Suaminya bernama Daeng Ahmad bin Abdul Rahim adalah orang yang banyak membantu baginda dalam urusan pemerintahan baginda. Baginda memerintah selama tiga tahun iaitu pada tahun 1675 hingga 1678. Sultanah Nurul Alam adalah Puteri Malik Radiat Syeikh Hitam, putera Firman Ali Riayat Syah, putera Sayyid al-Mukammil.

Sultanah Nurul Alam menyerahkan pentadbiran seharianya kepada tiga orang Panglima Sagi:

1. Panglima Polem, Uleebalang 22 mukim

2. Panglima Seutia Syekh Ulama, Uleebalang 25 mukim
3. Panglima Ineum Muda, Uleebalang 26 mukim



*Sultanah Nurul Alam
Naqiatuddin Syah
Dede Eri Supria, 1984*

Mereka adalah pembesar yang mengawal Aceh serta berkuasa mengangkat atau menurunkan sultan menurut kemahuaannya. Badan yang digelar Tiga Sagi ini dipercayai telah dibentuk pada zaman Sultanah Tajul Alam, untuk bermusyawarah dengan konsep seperti tampi bersegi tiga. Selama dalam ikatan yang satu, tampi itu akan dapat memberikan muafakat kepada sesiapa yang memerlukannya. Thomas Braddell dalam *On the History of Acheen*, yang melihat kemajuan perlembagaan, mencatatkan: Pembentukan Tiga Sagi di Aceh Besar dengan pembahagian beberapa mukim di bawahnya, adalah satu contoh kemajuan pemerintahan.

Di dalam kerajaan, setiap Panglima Sagi berkuasa penuh. Tiap Sagi terdiri daripada beberapa mukim. Jumlahnya bergantung kepada bilangan mukim yang bergabung. Sagi-sagi itu adalah: pertama 22 mukim, kedua 25 mukim, dan ketiga 26 mukim. Sebelum ini sudah ada pembesar Aceh yang bergelar "Orang kaya Dua Belas" yang sangat berpengaruh.





Kedahiri: Syah Zulfahid, S.M. Noor

Sisi muka mata wang emas Sultanah Nurul Alam Naqiatuddin Syah. Tertera di atasnya : Paduka Seri Sultanah Nurul Alam Syah



Kedahiri: Syah Zulfahid, S.M. Noor

Sisi belakang mata wang emas Sultanah Nurul Alam Syah. Tertera di atasnya: Naqiatuddin Syah Berdaulat

Menurut sesetengah pendapat, Panglima Sagi diwujudkan untuk mengimbangi kedudukan dan kuasa sultan dan sultanah serta Orangkaya Dua Belas. Pendapat lain pula beranggapan bahawa Sultanah Tajul Alam yang membentuk Sistem Tiga Sagi untuk meneguhkan pengaruhnya atas Orangkaya Dua Belas. Walaupun begitu, semasa pemerintahan Sultanah Nurul Alam, pengaruh Panglima Sagi bertambah teguh kerana mereka berhak menentukan siapa yang layak menjadi raja. Ini jelas kerana Panglima Polem (yang sepatutnya menjadi raja, diketepikan kerana beliau anak gundik Sultan Iskandar Muda) merupakan Panglima Sagi 22 mukim yang paling berkuasa semasa pemerintahan sultanah-sultanah Aceh. Walaupun tidak dapat menjadi Sultan, Panglima

Polem (Polem ertinya 'abang' yakni abang kepada Sultanah Tajul Alam) menjadi kuasa dan teraju terkuat di sebalik tirai pemerintahan para Sultanah. Nama Panglima Polem yang gagah perkasa ini ialah Teuku Inam Itam.

Nurul Alam senantiasanya menentang Belanda dan demi matlamatnya itu, baginda cuba mendapat bantuan Siam tetapi gagal. Perhubungan baginda dengan Inggeris baik dan pada tahun 1678 menerima utusan Inggeris dari Madras.

Baginda mangkat pada hari minggu 23 Januari 1678 dan digantikan oleh puteri baginda, Puteri Raja Setia.





Sultanah Zakiatuddin Inayat Syah

RATU KETIGA ACHEH DARUS-SALAM

S

Syiah (Memerintah 1678 sehingga 1688).

Pengangkatan seorang puteri ke takhta kerajaan Aceh pada kali ketiga ini masih dapat dipertahankan oleh Tiga Sagi. Seperti pada zaman Sultanah Nurul Alam, begitu juga zaman pemerintahan Zakiatuddin, pentadbiran negara diserahkan kepada Tiga Sagi, iaitu tiga orang pembesar yang digelar Panglima: Panglima Polem yang menjadi Uleebalang 22 Mukim, Panglima Seutia yang menjadi Uleebalang 25 Mukim dan Panglima Imeum Muda yang menjadi Uleebalang 26 Mukim. Oleh sebab tiga pembesar ini disokong oleh seluruh mukim di Aceh maka mereka berkuasa penuh untuk melantik atau menurunkan mana-mana raja di Aceh. Mereka ini walau pun hanya tiga orang berbanding dengan pembesar yang digelar Orang kaya

Dua Belas namun kuasa mereka lebih besar kerana mewakili semua mukim yang tersebut di atas.



Sultanah Zakiatuddin
Inayat Syah
Dede Eri Supria, 1994

Antara Panglima Tiga Sagi itu yang paling berkuasa ialah Panglima Polem. Menurut T.J. Veltman (TBG 47) ketika Belanda memeriksa marhum Pocut Awan, ibu Panglima Polem yang ditangkap oleh Belanda, menjelaskan bahawa Polem adalah keturunan Sultan Iskandar Muda. Baginda mempunyai seorang bernama Teuku Itam dari seorang gundiknya bangsa Nubia berkulit hitam. Teuku Itam menjadi anak angkat kepada Imam Gle Jeung. Ketika meninggal, ia tiada beranak, lalu Teuku Itam menggantikannya menjadi ketua mukim Gle Jeung. Anak beliau bergelar Teuku Muda Sakti Lam terkenal gagah perkasa. Oleh kerana tiada daerah yang diperintahnya, maka pada pemerintahan Sultanah Tajul Alam, Teuku Muda Sakti Lam

Cot dipilih sebulat suara oleh para ketua 22 Mukim untuk menjadi ketua persekutuan mereka. Oleh sebab

ia anak kepada abang Tajul Alam (Panglima Polem I) maka ia digelar Panglima Polem II.



Puteri Dunia Melayu

Sejak zaman Tajul Alam, Panglima Polem berkuasa di balik tabir kerana dia 'digeruni' disebabkan keturunan Sultan Iskandar Muda, yang mewasiatkan: 'Engkau lebih baik menjadi orang yang mengangkat raja, daripada naik takhta kerajaan.' Walaupun Orang kaya Dua Belas kelihatan berkuasa di istana namun kuasa sebenar dipegang oleh Tiga Sagi.

William Dampier yang mengunjungi Aceh pada masa itu menyebut :

Negeri ini diperintah oleh seorang Ratu, di bawahnya ada 12 Orang kaya atau Pemasar. Mereka bertindak di

pelbagai daerah dengan kuasa masing-masing.

Jelas, apa-apa yang dilihat Dampier adalah 12 orang menteri di balairung seri kerana dia tiada kuasa sebenar yang dipegang oleh Tiga Sagi.

Oleh kerana tidak banyak yang tercatat tentang pemerintah wanita ini maka kita dapat mengangap bahawa baginda meneruskan segala pembaharuan yang dilakukan terlebih dahulu oleh datuk dan bonda baginda. Setelah sepuluh tahun di atas takhta kerajaan, baginda Sultanah Zakiatuddin pun mangkat pada tahun 1688.



Gambar: Syed Zuhaila S.M. Noor


Muka depan mata wang emas Sultanah Zakiatuddin Inayat Syah. Tentera di atasnya : Paduka Seri Sultanah Inayat Syah



Gambar: Syed Zuhaila S.M. Noor

Muka belakang mata wang emas Sultanah Zakiatuddin Syah. Tentera di atasnya : Zakiatuddin Syah Berdaulat





Sultanah Zinatuddin Kamalat Syah

RATU ACHEH YANG KEEMPAT

Sultanah Kamalat Syah (1688–1699) menaiki takhta kerajaan Aceh setelah menempuh perebutan takhta di antara pihak menteri yang enggan menerima wanita menjadi raja, dengan

pihak Tiga Sagi yang tetap mahukan wanita menjadi raja. Akhirnya kerana pihak Tiga Sagi lebih berkuasa maka diangkat adik Sultanah Inayat Syah untuk menerajui pemerintahan Aceh. Baginda digelar Sultanah Zinatuddin Kamalat Syah.

Golongan yang menentang pendapat bahawa wanita tidak boleh menjadi raja terus mendapatkan fatwa dari Mekah lalu semakin rancaklah gerakan untuk menjatuhkan Kamalat Syah. Pendapat sedemikian turut bergema daripada ulama kemudian. Profesor Hamka dalam *Dari Perbaharajaan Lama* menyatakan:

Ulama-ulama mengeluarkan pertimbangan bahawasanya pada pokoknya tidak boleh perempuan dijadikan 'Sultan' sebab sultan itu adalah memang

amar (perintah) sedang di dalam hadis Nabi telah bertemu sabda yang jelas: *Khasira qaumun allazina wallau umuruhum 'mraatan* (Rugilah sesuatu kaum apabila yang menjadi pemegang kekuasaannya ialah perempuan).



Sultanah Zinatuddin Kamalat Syah
Dede Eri Supria, 1994

Golongan yang menyokong bahawa wanita boleh memegang teraju kerajaan di Aceh sejak zaman Sultanah Tajul Alam mengemukakan pendapat serta mengambil contoh yang berlaku di Mesir dan di India. Sultanah Syajaratul-Dur pernah menerajui kerajaan Mameluk di Mesir dan Sultanah Raziah di Delhi, India. Hampir dengan Aceh, terdapat Sultanah Narisah yang memegang teraju kerajaan Pasai. Ketiga-tiga ratu ini memerintah dengan jayanya sebelum adanya ratu di Aceh. Ini untuk menyokong keabsahan kesultanan Tajul Alam. Mereka dibantu oleh Syeikh Abdul Rauf yang menyatakan bahawa fungsi wali raja (wali hakim) itu boleh diserahkan kepada kekanda baginda Teuku Imam Iram dari Lam Si Sagi 22 Mukim. Pada zaman tiga Sultanah yang awal mungkin Orang kaya Dua Belas tidak berani menentang Tiga



Puteri Dunia Melayu



Rafiqi Syed Zulfahri, M. Nur

*Muka depan matawang emas Sultanah
Zinatuddin Kamalat Syah. Tertera di atasnya:
Paduka Seri Sultanah Zinatuddin*

Sagi tetapi kemunduran Aceh setelah pemerintahan tiga orang ratu menyebabkan pihak menteri menyoal kembali maksud hadis yang selalu dikemukakan ulama yang menentang wanita sebagai pemegang teraju kerajaan.

Jelas Panglima Polem yang terkemudian tidak sekuat datuknya untuk meneguhkan kedudukan Ratu di atas takhta kerajaan Aceh. Selain itu keadaan Aceh pun sudah semakin lemah. Daerah-daerah takluknya di Sumatera sudah bebas sejak tahun 1667, manakala Belanda dengan keras menekan kekuasaan Aceh daripada menguasai Sumatera Timur dan Barat. Sebagai akibatnya pedagang dari pedalaman Minangkabau mula membawa emas, lada dan timah melalui sungai-sungai Siak, Rokan, Kampar dan Inderagiri ke pelabuhan-pelabuhan di timur Sumatera dan seterusnya merentas Selat Melaka ke Sungai Ujong, Nanning dan Rembau di Semenanjung Tanah Melayu.

Lama kelamaan cengkaman Aceh ke atas Perak dan Kedah menjadi semakin longgar. Pada akhir abad ke-17 dan awal abad ke-18, pendatang yang baru muncul dari Sulawesi Selatan, iaitu orang Bugis pun menetap di Jawa, Jambi dan Palembang. Lama

kelamaan merekalah menjadi kuasa yang bersaing dengan Belanda di Nusantara.


Tidaklah hairan jika perkembangan seperti ini selanjutnya menimbulkan rasa tak puas hati rakyat. Rasa tidak puas hati pula menimbulkan kekacauan dan kekacauan menyebabkan huru-hara sehinggalah Kamalat Syah terpaksa turun dari takhtanya pada Oktober 1699. Hal yang sedemikian berlaku setelah pihak menteri mendapat fatwa dari Mekah yang menegaskan bahawa wanita tidak boleh menerajui kerajaan.

Banyak puteri Aceh yang berkahwin dengan golongan Syed al-Jamalulail dari Hadramaut, termasuk Kamalat Syah sendiri yang bersuamikan seorang Sayyid. Setelah baginda turun dari takhta, puteranya Syed Hasyim Jamalulail diangkat menjadi sultan dengan gelaran Sultan Badrul-Alam Syarif Hasyim Jamalulail. Tetapi baginda selalu uzur dan mangkat dua minggu selepas turun dari takhtanya pada tahun 1702.



Rafiqi Syed Zulfahri, M. Nur

*Muka belakang matawang emas Sultanah
Zinatuddin Kamalat Syah. Tertera di atasnya:
Kamalat Syah Berdaulat*



Laksamana Keumalahayati

PENGAWAS PERIBADI SULTAN YANG TAAT SETIA

Sultan Alauddin Riayat Syah Sayyid al-Mukammil yang memerintah Aceh daripada tahun 1589 hingga 1604 sudah terlalu tua apabila diangkat menjadi Sultan. Baginda pernah menjadi nelayan, orang buangan, penternak kambing dan Laksamana. Baginda juga pernah menjadi pengasuh seorang putera raja dan akhirnya menjerai negeri Aceh, Daya dan Pidie.

Baginda selalu dikelilingi wanita, baik semasa bersemayam di singgahsana (terdapat 40 orang wanita mengipasi baginda) mahupun pada waktu berunding perihal negara – terutamanya dengan panglima-pengawal peribadinya, ketua protokol dan jawatan rahsia, iaitu Laksamana Keumalahayati. Beliau adalah seorang wanita yang bijak, tangkas dan bertindak pantas, walaupun umurnya sudah separuh. Malahayati adalah penasihat yang sangat dipercayai oleh Sultan Alauddin Riayat Syah Sayyid al-Mukammil. Ketua Khidmat Khas Diraja (*secret service/ geheimraad*) juga diketuai wanita, Cut Limpah.

Pada masa itu Dunia Melayu terkenal dengan hasil bumi dan laut yang amat digemari dan dicari oleh negara-negara Barat dan Timur, dan antara yang sangat dicari-cari adalah pelbagai jenis rempah. Aceh banyak mengeksport lada. Pada 21 Jun 1599, Belanda datang ke Aceh dengan kapal dagang mereka De Leeuw dan De Leeuw. Dua saudara, Cornelis dan Frederick de Houtman,

adalah antara tetamu yang dijamu oleh Sultan di istana. Setelah jamuan itu Sultan membenarkan Belanda membeli lada di Aceh dan juga memberi sebidang tanah untuk membina gudang mereka. Dalam masa yang singkat satu perjanjian dibuat dengan Belanda bagi menyewa dua buah kapal Belanda untuk membawa tentera Aceh ke Johor. Perjanjian ini dimeterai pada 30 Julai 1599. Kapal itu dijangka berangkat pada 11 September 1599. Sempena keberangkatan itu satu majlis makan diadakan untuk kelasi Belanda. Setelah makan maka tentera Aceh pun mula naik ke kapal Belanda tetapi dilarang oleh kapten kapal, J-Van Hamskerek.

Satu pertengkaran telah terjadi. Tentera Aceh yang sudah berada di atas kapal mula mengamuk. Yang belum sempat naik dan masih berada di atas sampan ialah Syahbandar. Setiausaha Sultan bernama Abdullah dan beberapa orang kerabat diraja. Mereka ditembak oleh Belanda sehingga beberapa orang pembesar dan kerabat diraja luka. Sementara pihak Belanda juga ada yang luka dan mati.

Pertempuran itu dipersembahkan kepada Sultan dan didengar oleh Keumalahayati, dan Panglima Pengawal Istana, yang terus mengumpul dan mengerahkan tenteranya untuk mengepung gudang Belanda. Maka berlakulah tembak-menembak. Semua kelasi Belanda yang masih merayau di luar gudang, ditangkap lalu dibunuh. Keumalahayati membatalkan niatnya untuk membakar gudang Belanda kerana titah Sultan. Titah itu ditaati Keumalahayati, tetapi beliau mendapatkan perahu dan sampan lalu berdayung





Laksamana Keumalahayati
Dede Eri Supria, 1994

ke laut menjerak kapal Belanda itu. Melihat tentera Keumalahayati kapal Belanda itu terus membongkar sauh lalu belayar ke Pulau Ceylon. Ada sejarawan menyatakan kedua-dua saudara iaitu de Houtman dan Cornelis ditahan selama dua tahun di Aceh.

Tindakan pantas Keumalahayati serta pasukan khasnya mengepung benteng Belanda untuk membalas kematian tentera dan pembesar Aceh itu menyebabkan Sultan mengurniakan gelaran Laksamana kepadanya. Pasukan khas itu terdiri daripada wanita yakni para janda yang suaminya telah gugur dalam beberapa peperangan menentang Portugis termasuk suami Keumalahayati sendiri. Mereka digelar Angkatan Inong Balé dan tinggal di Kuta Inong Bale (Benteng Wanita Janda).

Pada satu hari tiga buah kapal Inggeris yang diketuai Sir James Lancaster masuk ke pelabuhan Aceh. Rakyat pada masa itu sedang menyaksikan pergerakan ulang tahun Sultan Alauddin Riayat Syah yang diadakan setahun sekali. Kemasukan kapal Inggeris diketahui oleh sultan dan baginda sendiri maklum bahawa Inggeris tidak bermusuhan dengan Aceh dan pemerintahnya juga seorang wanita iaitu Ratu Elizabeth. Menyedari hal itu sultan lalu memanggil Laksamana Keumalahayati mengetahui rombongan mengalu-alukan kedatangan kapal Inggeris yang diketuai oleh Sir James Lancaster itu.

Di hadapan sultan, Laksamana Keumalahayati memutuskan apa-apa yang harus dilakukan dan dinyatakan kepada wakil Inggeris yang bermusuhan dengan Portugis itu. Yang jelas, Portugis tidak akan membiarkan kapal Inggeris masuk ke pelabuhan Aceh kerana Aceh belum membuat sebarang perjanjian dengan Inggeris sebelum Portugis tiba. Laksamana Keumalahayati berpendapat bahawa Aceh dengan bantuan Inggeris akan dapat melepaskan diri daripada desakan Portugis. Justeru itu Inggeris seharusnya diterima baik oleh Aceh, malah dengan segala kebesaran.

Sebagai seorang diplomat yang pintar, Laksamana Keumalahayati berpendapat bahawa harus diselidik terlebih dahulu hasrat Inggeris datang ke Aceh. Aceh harus berpendirian sebagai negara berdaulat, gagah perkasa dan mampu membuat keputusan sendiri selain menunjukkan Aceh menguasai perairan di rantau ini.

Maka kata Laksamana Keumalahayati:

"Tuanku, kirimlah terlebih dahulu utusan Aceh kemudian biarlah orang putih bertemu dengan orang putih."

Baginda Sultan bersetuju dengan cadangan itu, titahnya: "Suruhlah orang Belanda bertemu dengan orang Inggeris untuk menyampaikan salam kita dan menanyakan maksud kedatangannya."

Laksamana Keumalahayati terus melaksanakan perintah Sultan Sayyid al-Mukammil menemui orang Belanda yang berada tidak jauh dari Masjid Raya.

Keumalahayati kini menjadi Penasihat Raja dan suatu kemenangan baginya kerana yang sebenarnya patut menaiki takhta sekiranya Sultan yang tua ini mangkat, ialah cucunya iaitu Perkasa Alam, dan bukan puteranya Mahmud Syah walaupun beliau memegang gelaran Raja Muda, Mahmud Syah sentiasa mencari jalan untuk menurunkan raja yang tua itu dari takhta, namun setakat ini dapat dihindari oleh Keumalahayati, satu-satunya pembesar yang didengar nasihatnya oleh Sultan. Inilah peluang keemasan agar Sultan terhindar daripada ketakutan yang datangnya dari Portugis yang sentiasa mendesak baginda. Baginda yang terhutang budi kepada Keumalahayati, mengikut nasihatnya agar Perkasa Alam dilantik menjadi penggantinya. Sementara itu Inggeris dan Belanda akan bekerjasama untuk menghalau Portugis.

Pada satu malam istana dihiasi dan jamuan pun disediakan untuk Sultan menyambut Sir James Lancaster serta pengiringnya. Turut sama ialah dua orang Belanda. Sultan bersemayam di suatu tempat yang tinggi dikelilingi dayang-dayang yang mengipasnya. Di kiri kanannya duduk secara berkelompok-kelompok pembesar dan orang kaya. Tiga puluh enam orang kesemuanya. Apabila Sir James Lancaster datang maka dipersilakan duduk hampir dengan Sultan di atas permaidani khas. Setelah upacara pengenalan, maka diadakan persembahan tarian yang berbagai-bagai. Setelah selesai tarimenari itu, ruang balai penghadapan itupun dikosongkan maka tinggalah orang Inggeris, dua orang Belanda bersama-sama Sultan, Laksamana Keumalahayati dan Abdullah sebagai Setiausaha Sultan.



Puteri Dunia Melayu

Sultan Sayyid al-Mukammil pun membuka surat daripada Ratu Elizabeth dan setelah itu perjanjian mengenai pembelian emas dan lada pun ditandatangani. Inggeris berjanji akan mengusir Portugis dari pantai Aceh pada masa hadapan.

"Apakah yang harus saya bawa untuk Yang mulia Sultan?" Tanya Lancaster tatkala berundur.

"Anak-anak dara Inggeris yang cantik-cantik untuk menjadi dayang-dayang di istana," jawab Sultan.

Tiga hari kemudian Abdullah, Setiausaha baginda membawa surat diraja kepada Ratu Elizabeth ke rumah orang Belanda, tempat Lancaster menginap. Pada petangnya Laksamana Keumalahayati pula berkunjung dan membawa sebetuk cincin zamrud sebagai bingkisan. Malahayati memberitahu titah Sultan agar Inggeris beredar dari Aceh pada malam itu juga kerana armada Portugis

sebanyak 20 buah kapal sudah dikesan menuju ke Melaka dan esoknya sudah tentu akan berada di perairan Aceh. Lancaster menyatakan dia menunggu kapal-kapal Portugis masuk terlebih dahulu, tetapi Malahayati mendesak agar Lancaster tidak berbuat begitu, takut-takut kelak akan timbul bencana besar. Belanda juga menasihati Lancaster, agar menurut perintah Laksamana itu. Malah Laksamana memberi jaminan akan menahan Portugis selama 10 hari sehingga mereka tidak dapat mengejar Inggeris. Lagipun orang Portugis mahukan lada namun tanpa surat izin daripada Sultan, dia tak boleh berbuat demikian. Setelah mendengar segala nasihat Laksamana Keumalahayati, pada malam itu juga Lancaster terus berangkat dari pelabuhan Aceh belayar pulang ke negerinya.

Pada masa itu mata wang yang digunakan dalam negeri terdiri daripada mata wang Portugis iaitu 'rial cap meriam' daripada logam perak, daripada Jepun 'ringgit cap matahari', daripada Inggeris 'ringgit tongkar'. Aceh juga mencipta mata wangnya sendiri yang diperbuat daripada tembaga, perak, dan ringgit Aceh daripada emas yang dinamakan dirham. Untuk mengeluarkan mata wang ini didatangkan pandai emas dari India yang ditempatkan di Kampung Pandee. Selain mata wang diperbuat juga barang kemas untuk kaum wanita dan alat senjata yang bertatukan emas dan kuasa untuk kaum lelaki.



Kapal perang Angkatan Laut Republik Indonesia yang diberi nama 'KRI MALAHAYATI'



Cut Nyak Dhien

SERIKANDI GIGIH DARI TANAH ACEH

Antara pahlawan patriotik Aceh yang terkenal dalam sejarah peperangan menentang penjajah Belanda, nama seorang pahlawan wanita, Cut Nyak Dhien, tetap terukir dengan tinta emas dan dikenang sebagai srikandi ulung bukan saja di Indonesia bahkan di seluruh Dunia Melayu.

Teuku Nanta Cik Setia Raja ialah ayah Cut Nyak Dhien. Ayahnya telah berkahwin dengan seorang puteri bangsawan dari daerah Lampagar dan ia dianggap seorang Uleëbalang yang gagah berani oleh Sultan Alauddin Mansur Syah. Daripada perkahwinan itu Teuku Nanta Setia Raja mendapat dua orang putera dan seorang puteri. Antara dua orang putera itu seorang meninggal dunia manakala seorang lagi, Teuku Cut Rayeuk, kurang sempurna akalnya. Puteri seorang ini dinamai Cut Dhien yang elok parasnya, baik budi pekerti dan tingkah lakunya tangkas. Semasa menjadi gadis remaja beliau bersemarak jelita di antara para pemuda di Lampadang. Yang menyulitkan ayahandanya ialah siapakah yang layak menjadi suami Cut Dhien di antara ramai pemuda gagah dan kaya-raya di antara putera-putera bangsawan Aceh.

Akhirnya datanglah rombongan dari Lamnga ke Lampadang. Tetamu itu adalah utusan dari Teuku Ujung Aron Iman Lamnga (Teuku Abas) seorang hulubalang gagah berani penjaga pantai laut yang menerima perintah terus daripada Sultan. Utusan itu

bermaksud meminang Cut Dhien untuk menjadi isteri Teuku Cik Ibrahim putera Teuku Abas. Setelah pertunangan itu, maka Cut Dhien puteri Nanta Setia Raja Uleëbalang 6 Mukim, dinikahkah dengan Teuku Cik Ibrahim, Lamnga, tetapi umur Cut Dhien masih belum baligh namun-setelah bernikah maka dipanggil Cut Nyak Dhien. pernikahannya berlangsung pada tahun 1868.

Tahun demi tahun kasih sayang antara dua orang muda ini telah menjadi percintaan yang murni. Sama-sama tangkas dan pintar, sama-sama bersemangat satria dan cintakan tanah air dan agama. Mereka menjadi sepasang ikhwan, sehidup semati, bahu membahu dan siap sedia akan memerangi 'kapee' (kafir) Belanda. Tidak lama kemudian dalam bulan April 1873, suatu tarikh bencana besar bagi Aceh, maka mendaratlah tentera Belanda. Di seluruh Aceh para alim dan panglima serta rakyat yang bersemangat waja ingin mempertahankan tanah air mulalah ratih dan berzikir di masjid, madrasah dan rumah-rumah pembesar. Cut Nyak Dhien, kini dalam usia sekitar 17 tahun, mendengar-dengar penuh tabah dan cemas akan ratih yang besar artinya, sambil tangan menghayun buaian atau menimang anak kecilnya yang di dalam buaian. Dengan kata-kata lunak berupa bisikan, Cut Nyak Dhien menyeru agar anaknya mendengar nasihat dan seruannya bagai guru mengajar murid. "Hai jantung hatiku, hai anaku, lekaslah besar engkau kerana engkau seorang laki-laki. Perlihatkanlah kesatriaammu, kerana kafir hendak menjajah negeri kita, hendak memperbudakkan kita, hendak menyebarkan agamanya, iaitu agama



Puteri Dunia Melayu

kafir. Wahai anakku, turutkanlah jejak ayahmu Teuku Cik Ibrahim, nenekmu Nanta Setia Raja.”

Antara syair yang dibawakan adalah seperti yang berikut ini: (lagu dalam bahasa Aceh memakai ejaan lama di Indonesia)

*Do da da idang
Tjitjem subang pho mengisa
Beruridjang rajek boh atee nang
Tjadjak meuprang bantu Raja*

*Do do da idee
Djantung atee beuridjang raja
Beudjett aneuk kameu beudee
Djak prang kaphee tjang Beulanda*

*Do do da idi
Bidjeuh sawi dalam katja
Beuridjang rajek banta tjudi
Gantoe abi parah Beulanda*

*Djak kutimang bungong padee
Puteeh meuplee lam blang raja
Beudjett aneuk kameu beudee
Djak prang kaphee gantoe nektu*

*Djak kutimang bungong padee
Puteeh meuplee lam blang raja
Beudjett aneuk kameu beudee
Djak prang kaphee gantoe nektu*

*Djak kutimang bungong pandjoe
Indah bogoe bungong langa
Beu di sasch lee kawan droe
Geulah uroe parang Beulanda*

*Djak kutimang bungong rambot
Beungoh seupot bak meusala
Beudjett aneuk kameu laot
Tjadjak reubot kapal prang Beulanda*

*Djak kutimang bungong peukan
Bungong asan kuneng rata
Buedigasel keuh lee rakan
Beu cek taprang kuta Beulanda*

*Mari ku sayang mari ke dendang
Burung subang terbang berputar
Lekas besar buah hati nang
Pergi berperang bantu Raja*

*Mari ku timang mari ku dodil
Jantung hati lekaslah besar
Pandai anak memegang bedil
Serang kafir cincang Belanda*

*Mari ku timang mari ku do di
Pasir di pantai ombak menimpa
Lekas besar si buah hati
Jaga pantai kuala Lam Nga*

*Mari ku do da mari ku do dis
Biji sawi di dalam kaca
Lekas besar banta yang manis
Ganti ayah usir Belanda*

*Mari ku ayun si bunga padi
Putih berseri di sawah raja
Pandai anak memegang bedil
Pergi perang kafir gaut nenek'nda*

*Mari ku timang si bunga panji
Indah sekali bunga kenanga
Hendaklah disayang kawan sendiri
Agar setiap hari serang Belanda*

*Mari ku timang bunga rambutan
Pagi petang hadapi musalla
Jadilah anak juara lautan
Dapat rebut kapal perang Belanda*

Mari ku timang si bunga pekan
Bunga asan kuning serata
Kasih dan sayang oleh kawan
Dapatlah serang kota Belanda

Demikian lagu buaian Cut Nyak Dhien menanam semangat perjuangan dan keperwiraan kepada anak kecilnya yang masih menyusui dan masih dalam buaian. Nyata tangan yang menghayun buaian dapat menggegarkan dunia.

Teuku Ibrahim, suaminya, memimpin pasukannya melawan gerakan Belanda yang berhasrat menghancurkan rakyat Aceh. Pada 14 April 1873 berlaku satu peristiwa yang tak dapat dilupakan.

Belanda telah membakar Masjid Agung, Baitul Rahman. Api menjulang ke udara memerah darah disertai kepulan asap hitam. Seluruh rakyat gempar keluar rumah menyelamatkan diri. Begitu juga Cut Nyak Dhien, yang melihat saja angkara itu, terus naik marah, seraya berseru dengan suara yang lantang:

"Hai sekalian orang Mukmin yang bernama orang Aceh! Saksilah sendiri dengan matamu, masjid kita dibakarnya. Mereka menentang Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Tempatmu beribadat dibakarnya! Nama Allah dicemarkannya. Camkanlah itu. Janganlah kita melupakan budi si kafir yang serupa itu. Masih adakah orang Aceh yang suka mengampuni dosa kafir itu? Masih adakah orang Aceh yang suka menjadi budak Belanda?"

Itulah seruannya. Seruan wanita yang tak tertahan lagi marahnya. Hatinya sungguh ditusuk marah. Tidak lama kemudian datanglah

suaminya, yang membawa khabar gembira bagi rakyat Aceh. Belanda dapat ditumpaskan. Jeneral Kohler tewas tertusuk senjata perwira Aceh. Mendengar berita itu barulah gembira hati srikandit itu. Itulah ekspedisi pertama penjajah Belanda.



Cut Nyak Dhien

Tetapi tidak lama kemudian, Belanda kembali dengan ekspedisi kedua yang lebih besar dan lebih lengkap. Lebih daripada 60 buah kapal membuang sauh di pantai Kotaraja, 8,000 soldadu bersenjata lengkap, 32 orang pegawai perubatan, 8 orang penunjuk jalan, 243 isteri pegawai, 150 jurutera yang akan mendaratkan kelengkapan, 3 orang pendeta (seorang Islam, seorang Protestant dan seorang Katholik), pengantara Mas Sumo Widikjo dengan dua pembantunya, dan Panglima Tertinggi Jeneral Van Suieten. Senjata yang dibawa: 206 pucuk meriam, 22 pucuk mortar, 60 ekor kuda pembawa beban, 80 ekor-sapi penarik, 3,280 orang banduan, 300,000 ransum makanan, 12,000 meter rel kereta api, 186 sekoci (bot) berdayung, empat buah rakit besi, 2 buah perahu, 16 buah bungsang bambu... dan penyakit kolera!

Itulah kelengkapan Belanda yang mendarat di pantai Aceh setelah gagal dalam percubaan pertama.

Yang menanti angkatan yang hebat itu terdiri daripada panglima terulung Aceh: Raja Pidie, Panglima Polem, Imam Longbat Uleëbalang Bait, Uleëbalang Nanta Setia dan Teuku Ibrahim, Lamnga. Pada 9 Disember 1873 bergemuruhlah meriam Belanda membedil Lamnga. Banyak daerah jatuh ke tangan Belanda namun pertahanan Aceh tetap kukuh hingga pihak Belanda terpaksa meminta bantuan dari Jakarta. Pada 9 Disember 1875, Belanda



Makam Cut Nyak Dhien di Sumedang, Jawa Barat

mendesak terus. Dari sembilan mukim terus menuju enam mukim. Teuku Ibrahim serta isteri dan anak mereka segera meninggalkan kampung mereka lari ke pedalaman. Walaupun hidup susah dan payah di dalam rimba, Cut Nyak Dhien tidak pernah berasa kecewa, bahkan berasa bangga kerana bersuami seorang yang gagah berani di samping ayahnya. mempertahankan agama dan tanah air daripada cengkaman musuh. Rumah yang ditinggalkan habis dibakar dan kampungnya disapu rata oleh meriam yang tak mengenal ampun.

Cut Nyak Dhien yang menggendong anaknya yang sedang menyusu ke merata tempat asal bersama di samping suaminya, bergelita sebagai pembantu kerana anak masih kecil. Namun segala barang kemasnya sudah diserahkan untuk menampung perang *fi sabilillah*. Itulah yang dapat disembangkan sebagai bakti suci mempertahankan agama dan tanah air.

Dalam satu penyerangan besar-besaran di Sela Gitaram yang dilakukan pihak Belanda, Teuku Ajai saudara Teuku Ibrahim telah terkena tembak. Melihat saudaranya yang gugur itu, Teuku Ibrahim cuba membawa mayat yang telah syahid itu ke tempat lain, tetapi ketika itu sebutir peluru musuh mengenainya, tepat pada kepalanya maka syahidlah suami Cut Nyak Dhien.

Bayangkan betapa pedih dan sengsaranya hidup sebagai seorang janda tanpa suami yang dikasihani yang syahid di medan perang, berpindah-randah ke ceruk rantau hutan dan pergunakan sambil membawa anak-pinak dan memimpin kaumnya dalam serangan-serangan menentang musuh. Dua tahun kemudian (kira-kira pada tahun 1880) Cut Nyak Dhien berkahwin pula dengan Teuku Umar, saudara sepupunya, anak Teuku Mahmud yang beristeri dengan Cut Mahani di Meulaboh.

Teuku Umar terkenal sebagai seorang panglima yang handal di kalangan tentera Aceh. Teuku Umar sudah pun mempunyai dua orang isteri iaitu Cut Nyak Sapiah dan Cut Nyak Maligai. Dengan perkongsian hidup dengan pahlawan ini maka mereka memperoleh seorang puteri, Cut Nyak Gambang, yang kemudian dinikahkan dengan Teuku Beb/Teuku Dibuket putera Tengku Cik Di Tiro.

Dalam perjuangan di samping suaminya yang pertama dan yang

kedua, Cut Nyak Dhien sentiasa memikirkan hal perlawanan yang gigih terhadap musuh. Beliau seumpama api yang membakar semangat serta menginsafi jiwa suaminya yang kedua untuk meneruskan perjuangannya. Selama 19 tahun (1880-1819) Teuku Umar mengambil bahagian bersifat kesateriaian dalam perang Aceh menentang Belanda disebabkan kerjasama dengan isterinya Cut Nyak Dhien. Sewaktu Tengku Cik Di Tiro meninggal dunia pada tahun 1891 kerana keracunan maka kepemimpinan beralih kepada Teuku Mait, puteranya. Dengan pemimpin baru ini taktik perjuangan berubah sama sekali. Teuku Mait seorang yang bengis dan haluan perjuangannya bagai 'pagar makan padi' – digunakan tentera Islam itu merampas harta benda rakyat dan membakar rumah, termasuk enam mukim tempat tinggal Cut Nyak Dhien. Maka Cut Nyak Dhien mengadu kepada suaminya Teuku Umar yang datang menentang pasukan Teuku Mait. Maka terjadilah perang saudara, antara Teuku Umar dan pasukan Muslimin.

Pada tahun 1892, Teuku Umar meminta bantuan Belanda untuk menghancurkan 'Muslimin' yang tentu saja menggembirakan Belanda. Akhirnya dia berpihak terus kepada Belanda. Mendengar berita belot suaminya itu, Cut Nyak Dhien amat marah, tetapi kerana bijak berdalih dengan alasan itu suatu taktik dan siasah belaka maka Cut Nyak Dhien terpaksa mempercayai suaminya. Oleh kerana Teuku Umar berjanji akan setia kepada Belanda maka diadipertemukan di sebuah rumah besar di Kotaraja. Di situ Cut Nyak Dhien tinggal selama tiga tahun.

Setelah peristiwa hubungan hati ke hati antara Tengku Fakinah dan Cut Nyak Dhien [Silalah kisah Tengku Fakinah] maka semakin bersemangat Cut Nyak Dhien meluahkan kata-kata sindiran kepada suaminya melalui seorang panglima iaitu Panglima Karim, orang kanan Teuku Umar, yang datang meminta belanja:

"Apa lagi Pang Karim, Tengku Fakinah telah ikat kain pinggang menanti kedatanganmu itu baru cukup nilai perjuangannya; laki-laki lawan wanita yang tidak pernah saya dengkur dari nenek-moyang kita, laki seorang perempuan. Kafir sendiri malu pergi menyerang kota perempuan, sebab itu didesak Teuku Umar pergi serang Lam Kerak. Bukankah telah kukatakan dulu. Jangan menyusu kepada badak. Nasi, nasi sebenarnya; air air sebenarnya; raja, raja sendiri, jangan beraja kepada Belanda. Nah, inilah belanja

segera berangkat menuju ke Lam Kerak."

Setelah melaporkan kepada Teuku Umar yang berada di rumah isterinya, Cut Nyak Sapiah, Pang Karim menyatakan:

"Teuku, tunjukkanlah kepada saya 10 kota laki-laki. Pergi menyerang kota wanita saya tidak mahu mengikut lagi."

Pada 25 Mac 1896, bermesyuaratlah Teuku Umar di rumah Cut Nyak Dhien di Lam Pisang. Antara tokoh panglima dalam pasukan Teuku Umar yang hadir adalah Pang Nyak Neh, Keci Bintang Lamieu, Teuku Lamieu, Pang Karim dan lain-lain lagi. Antara yang dibicarakan ialah apakah yang akan dilaporkan kepada Jeneral Deykerhoff tentang perasaan menyerang Lam Kerak (kubu wanita) dan kedua tentang gesaan Cut Nyak Dhien agar mereka kembali berjuang untuk ibu pertiwi. Sementara itu Cut Nyak Dhien mendengar di sebalik dinding di dalam biliknya.

Mesyuarat berolak-dalik sama ada hendak menyertai serangan ke atas Lam Kerak yang didesak oleh Belanda agar orang Acheh (yaitu pasukan Teuku Umar) turut sama menyerang. Oleh sebab marah yang amat sangat maka Cut Nyak Dhien keluar lalu duduk bersama panglima-panglima itu. Dia disuruh oleh suaminya agar berundur kerana mereka sedang merumuskan soalan penting. Maka jawab Cut Nyak Dhien:

"Boleh saya balik ke belakang tetapi dua tiga patah kata saja saya sebutkan. Jangan tunggu lagi diberi bintang oleh kafir seperti Teuku Nek dan Panglima Tibang. Saya tak dapat lagi membuang masa kalau berjalan dalam lorong, bila ditanya orang: Betulkah Teuku mahu pergi menyerang kota perempuan Tengku Fakinah di Lam Kerak?"

Cut Nyak Dhien terus bangun dan berundur ke serambi belakang. Keadaan mesyuarat menjadi hangat. Pang Neh berkata:

"Terserah kepada Teuku, asal kami jangan disuruh menyerang kota wanita."

Teuku Umar bertanya: "Kalau begitu semua sepatak kita kembali ke ibu pertiwi."

"Sedia," sahut yang hadir.

Teuku Umar bangun lalu masuk menyatakan kepada isterinya:

"Ha, Cut Nyak! Angkat nasi, maksudmu sudah sampai."

Teuku Umar kemudian berkead hendak menyerang kraton di Kotaraja dan membunuh Gabernornya tetapi hasratnya itu dibocorkan oleh Keci Umar. Akibatnya pada 11 Februari 1899 Belanda menyerang pasukan Teuku Umar yang tewas di Ujung Kala, di tepi pantai Laut Meulaboh. Bagi Cut Nyak Dhien walau pun berpisah dengan suaminya yang bergelar Johan Pahlawan, namun beliau berasa puas dan bersyukur kepada Ilahi kerana suaminya sedar dan kembali berjuang untuk agama dan tanah air. Dua tahun kemudian beliau sendiri memimpin perjuangan. Enam tahun lamanya (1899-1905) Cut Nyak Dhien diburu oleh Belanda sampai ke hutan belantara dan pergunungan. Beliau menempuh hidup yang amat sukar sementara penglihatan beliau semakin kabur.

Pada 4 November 1905 atas perintah Kapten Veltman, satu pasukan Belanda di bawah pimpinan Letenan Van Vuuren dengan dipandu oleh Pang Laot (bekas teman Teuku Umar yang telah menyerah) mengungkap Cut Nyak Dhien. Beliau terus menyerang dengan rencongnya dan cuba lari tetapi terkena kayu lalu rebah dan ditangkap, lalu dibawa ke Kotaraja. Di Kotaraja beliau setiap hari dikunjungi rakyat yang menunjukkan rasa cinta terhadap pejuang yang banyak berkorban itu. Pada tahun 1906, Letenan Jeneral Van Daalen memerintahkan agar puteri Acheh itu diasingkan ke Pariangan dan ditempatkan di Sumedang, di daerah Jawa Barat, Belanda menyediakan seorang doktor untuk memulihkan matanya yang rabun maka dapatlah beliau melihat keindahan tanah Pariangan yang permai, walaupun itu bukan tanah Acheh. Di situ lah Cut Nyak Dhien menghabiskan sisa hidupnya dengan penuh takwa kepada Allah sehinggalah beliau menghembuskan nafas terakhirnya pada 6 November 1908.



Cut Nyak Meutia

PERJUANGAN HINGGA TITISAN DARAH TERAKHIR

Dalam sejarah perjuangan Aceh menentang Belanda, nama seorang puterinya yang terkenal tidak dapat dikesampingkan. Puteri itu ialah Cut Nyak Meutia (mutia bererti mutiara) dari daerah Keureutoë/Pasai, yang hampir 20 tahun hidup berperang secara gerila dalam hutan Pasai. Lahir sekitar tahun 1870; isteri Teuku Cut Muhammad bergelar Cik Tunong yang tidak mahu tunduk kepada Belanda dan terus melawan dengan gigihnya hingga ke titisan darah terakhir. Ayahnya Teuku Ben Daud, Uleebalang Perak.

Puteri Teuku Ben Daud ini pada mulanya telah dikahwinkan dengan Teuku Syam Syarif anak angkat Cut Nyak Asiah (juga bergelar Cut Nyak Jeurat Manyang) dan Teuku Cik Muda Ali. Setelah suaminya meninggal, Cut Nyak Asiah menjalankan tugasnya sebagai Uleebalang Cik Keureutoë. Cut Nyak Asiah seorang diplomat yang kaya raya selain mempunyai sifat-sifat kewanitaannya yang menarik seperti rupa yang cantik, badannya ramping dan kuat serta bertenaga. Beliau diangkat menjadi Koordinator Gabungan Para Uleebalang sehingga digelar Cut Nyak Jeurat Manyang. Itulah ibu mentua Cut Nyak Meutia, namun hatinya tidak pada suaminya kerana beliau tidak suka dipaksa berkahwin menurut adat orang tua-tua, malah lebih tertarik pada pemuda Teuku Cik Muhammad, adik suaminya. Bahkan setiap kali suaminya pulang, Cut Meutia akan bersembunyi, tidak mahu

bergaul dengan suaminya. Akhirnya atas persetujuan kedua belah pihak, iaitu Cut Nyak Asiah dan Teuku Ben Daud, perkahwinan Cut Meutia dengan Teuku Syam Syarif pun diputuskan. Cut Meutia ditalak suaminya lalu dikahwinkan dengan Teuku Cut Muhammad.


Sejak tahun 1873 imperialis Belanda melanggar dan melanda Aceh Besar sehingga tahun 1897 pertempuran berpindah ke Pidie. Maka Sultan serta Panglima Polem Muhammad Daud berpindah dari Pidie ke Pasai dalam tahun 1901. Tugas Cut Nyak Asiah sebagai Penyelaras Logistik amat berat, namun dibantu dua anak angkatnya. Bahkan Teuku Cut Muhammad turut berperang secara gerila menentang Belanda bersama-sama panglima yang lain hingga diangkat oleh Sultan menjadi Teuku Cik Keureutoë dengan gelaran Teuku Cik Tunong. Isteri beliau, Cut Nyak Meutia, tidak berdiam saja malah berada di samping suaminya, mula-mulanya menyusun perbekalan dan menghantar mata-mata ke dalam kawasan Belanda tapi akhirnya turut memegang senjata bertempur menentang Belanda.

Pada bulan Jun 1902, disekatnya rondaan dua briged soldadu Belanda sehingga dapat ditewaskan. Pada bulan Ogos tahun yang sama satu pasukan Belanda telah diserang oleh ketumbukan Cut Meutia dekat Meunasah (madrasah) Jeuroek lalu Komander Belanda itu luka parah dan mengorbankan tujuh orang askar dan senjata mereka dirampas. Pada 25 November 1902 Belanda ditipu. Telah disiarkan berita bahawa Teuku Cik Tunong serta pengikutnya



akan berkumpul di kampung Matang Rayeuk berkhenduri di seberang Sungai Piada, maka orang tempatan menyediakan perahu yang ditebuk lantainya tetapi disumbatkan dengan gala perahu. Maka datanglah pasukan rondaan Belanda ke situ lalu mengerah orang kampung mendayungkan perahu ke seberang.

Malam itu bulan mengambang. Tatkala didayung ke tengah-tengah sungai maka dengan serentak pendayung-dayung itu menginjak papan perahu yang menyebabkan perahu-perahu itu tenggelam. Dari tebing datanglah tembakan pengikut Teuku Cut Tunong membinasakan soldadu Belanda itu. Kesemuanya mati. Senapang yang jatuh ke sungai diselami, 42 laras dapat diambil. Leftenan R. D.P. de Kok serta 28 askarnya terkorban di sungai itu. Gabenor Sivil, Van Heutsz amat marah lalu memanggil Cut Nyak Asiah mengadap di Lhok Seumawe dan dipecat Teuku Cik Tunong yang diangkat Sultan Muhammad Daud Syah. Disahkan Teuku Syam Syarif saja menjadi Teuku Cik Bentara, Keureutoë. Oleh kerana dahsyatnya serangan pimpinan Teuku Cik Tunong, maka Van Heutsz menambakan askar di Pasai (Keureutoë) dengan dua batalion infanteri dan enam briged Marchause di bawah Kapten H.N.A. Swart. Maka berlakulah kekejaman dan penyeskaan terhadap rakyat oleh Kapten ini dalam tugasnya memburu Teuku Cik Tunong.



Cut Nyak Meutia
A.R. Roosen, 1994

Teuku Cik Bentara agar Teuku Cik Tunong tunduk kepada Belanda kerana banyak panglima perang, termasuk Sultan, Panglima Polem, Teuku Cik Geudong dan lain-lain, sudah tunduk kepada pemerintah Belanda. Setelah berunding dengan ibu angkatnya, maka Teuku Cik Tunong pun mengaku tunduk kepada Belanda namun hasrat hatinya tetap menentang cara rahsia. Maka pada 5 Oktober dibawa oleh Cut Nyak Asiah mengadap Kapten H.N.A. Swart di Lhok Seumawe.

Pada 26 Januari 1905 berlakulah peristiwa Meunasah Meurandeh Paya tatkala pasukan Belanda berhenti bermalam di Kampung Meurandeh Paya, lalu masuk ke perkampungan meunasah menjadikan tempat istirahat dan penginapan. Hal yang demikian kerana telah dicatat di dalam buku oleh C. Snouch Hurgronje (yang masuk Islam dengan nama Abdul Ghaffur semata-mata untuk mencari kelemahan Muslim tempatan untuk disalurkan kepada pihak pemerintah Belanda) bahawa madrasah itu tempat orang berkelana berehat dan menginap. Maka madrasah kampung Meurandeh Paya terus diceroboh. Atas arahan Teuku Cik Tunong maka Petua Dollah, ketua kampung serta panglima Kejruten Buah dan orang kampung pun menyerang dan menymbelih semua soldadu Belanda itu, kecuali seorang yang dapat lari lalu melaporkan kepada ketua markasnya.


Pada September 1903, Kapten Swart mendesak Cut Nyak Asiah dan Peristiwa ini menimbulkan kemarahan Belanda yang amat sangat

lalu mereka pun memburu pembunuh itu. Pada 5 Mac 1905, Teuku Cik Tunong yang berada di Lhok Seumawe ditangkap manakala Petua Dollah dibunuh dalam pertempuran. Kejroen Buah turut ditawan. Setelah 20 hari dalam tawanan, pada 25 Mac, Teuku Cik Tunong dan Kejroen Buah ditembak cara militer di tepi laut. Sebelum itu Cut Nyak Asiah dan Teuku Cut Bentara sempat bertemu Teuku Cik Tunong. Cut Nyak Meutia sedang sarat mengandung maka tidak menemui suaminya, selain takut ditangkap oleh Belanda.

Teuku Cik Tunong sebelum itu telah menghantar seorang utusan kepercayaannya kepada isteri tersayanginya, menyatakan agar Cut Nyak Meutia mengahwini Pang Nangroë dan meneruskan perjuangan membela tanah air dan agama. Puteranya Raja Sabil dan yang sedang dalam kandungan dipesan agar mereka dipelihara dengan baik agar dapat membela bangsa dan nusa semoga bahagia kelak.

Tentunya sang isteri, Cut Nyak Meutia, mengalami kesedihan yang amat sangat kerana bukan saja kehilangan suami bahkan berpegang pada pesanan agar meneruskan perjuangan – membela tanah air serta membesarkan dan mendidik anak. Sebulan setelah syahidnya Teuku Cik Tunong maka lahirlah seorang putera bagi Cut Nyak Meutia tetapi anak itu meninggal dalam masa madaeueng (tempoh berdiang pada api selepas bersalin selama 44 hari).

Dengan perintah Major Jeneral C.C.E. Van Daalen mendesak Major Swart agar Cut Nyak Meutia menyerah. Ini dilakukan melalui mertua dan iparnya, tetapi ditolak oleh wanita berani itu. Anaknya yang berusia enam tahun itu, Teuku Raja Sabil dijadikan lambang perjuangannya di hutan rimba dengan menggelarnya Siwah Rajawali. Anak ini adalah hasil nazarnya semasa mengandung dulut jika anaknya putera akan diserahkan pada Perang Sabil. Dalam tahun 1889 tatkala anak itu lahir diberi nama Teuku Ahmad tetapi mengingatkan nazarnya maka digelar Teuku Raja Sabil. Setelah 100 hari syahidnya Teuku Tunong, maka Cut Nyak Meutia dirukahkan dengan Pang Nangroë, panglima tentera Almarhum Teuku Tunong. Walaupun Pang Nangroë bukan dari darah bangsawan (Cik) namun dia sekeluarga dengan Tuha Peuet



Coniah Rumah Cut Nyak Meutia
Foto: DWSI Dunia Melayu



Matang Tengah, maka tidaklah turun darjatnya menurut adat perkahwinan biasa.

Perkahwinan ini memperhebatkan lagi pertempuran menentang Belanda, kerana pihak Belanda semakin keras dan gigh mengejar setiap gerila Aceh. Maka terpaksa Cut Nyak Meutia berpindah ke pedalaman Samakiling rimba Pasai. Serangan ke atas kedudukan Belanda dilakukan siang dan malam.

Namun begitu semangat serta senjata dan peluru semakin berkurangan kerana payah membawa masuk senjata dari luar negeri (biasanya dari Pulau Pinang), hanya yang sudah usang atau senjata tradisional yang dipergunakan. Manakala Belanda menggunakan senjata yang lebih moden. Makanan hanya diharapkan kepada orang kampung, peladang dan nelayan. Mereka menganggap Teuku Cik Tunong sebagai keramat maka apabila bernazar ada lebih makanan maka dihantar kepada pasukan Cut Nyak Meutia. Kutipan zakat pun diberikan kepada pejuang-pejuang itu. Selalunya hasil nazar atas nama Siwah Rajawali lambang perjuangan Pasai. Senjata seperti pedang, parang, rencong dan tombak dibuat oleh pandai besi di Matang Bangka dan Aluë le Mirah. Inilah tahap perang 'Pertahanan Tanah Air Yang Terakhir' dengan titik darah yang penghabisan. Oleh itu tatkala dikepung mereka tidak dapat bertahan lama lalu ditangkap atau terus berundur. Ada juga yang lari dengan perahu ke Tanah Melayu.

Wang yang ada selalunya diberi kepada orang kampung oleh Cut Nyak Meutia untuk membeli peluru. Gerilawan yang lain merayu ke merata tempat mencari dan membeli peluru, atau menyerang pasukan Belanda yang mengawal pembinaan landasan keretapi. Satu daripadanya berlaku pada 25 Mei 1907, apabila satu briged Belanda yang mengawal buruh Cina dan Benggali yang sedang membina landasan keretapi antara Geudong dan Lhok Seukon diserang. Hasilnya 12 pucuk senapang dan 750 butir peluru. Pada 15 Jun 1907 serangan Pang Nangroe tidak berhasil banyak, hanya tiga pucuk senapang, tetapi berjaya merampas 750 peluru karbin yang sangat diperlukan. Taktik begini disambut baik rakyat tempatan dan mengangkat nama Pang Nangroe sehingga orang kampung sedia untuk ikut berjuang.


Cut Nyak Meutia pula mengadakan barisan wanita yang dihantar ke merata tempat sebagai spion (mata-mata) yang menyebarkan kepada Belanda berita-berita palsu. Bertindak seperti wanita-wanita bodoh, mereka akan bisikkan kepada askar Belanda bahawa satu khenduri akan diadakan di satu-satu tempat. Pasukan rondaan yang keluar akan diserang oleh gerila yang menanti. Atau pun disediakan pelbagai jenis perangkap untuk peronda-peronda kecil seperti ranjau yang menunggu di dalam lubang yang tertutup atau dahan-dahan yang membidas atau pohon-pohon besar yang menimpa. Pada tahun 1907, Kuala di Idi diserang. Ini menamatkan Belanda. Selalunya kumpulan pembina landasan keretapi yang menanggung serangan yang teruk. Dalam tiga bulan terakhir tahun 1907, pihak gerila menyerang dan merosakkan 54 kali rel-rel keretapi, 22 kali pemasangan telefon, 14 kali serangan ke atas tren atau di dalam tren. Nama Pang Nangroë begitu terkenal dan harum seperti air wangi (Watergeus). Nama ini disebut Belanda kerana terkenang akan satu pasukan Belanda yang juga bernama Watergeus dalam perang selama 80 tahun dengan Sepanyol dalam abad ke-16 hingga ke-17.

Pada 26 September 1910, satu briged soldadu Belanda keluar meronda kawasan paya dan rawa di bawah Kapten 'von Stolen'. Maka setelah beberapa lama dapat mengempung satu pasukan gerila Muslim dalam sebuah pondok. Setelah selesai tembak-menembak maka dipercayai salah seorang gerila itu Pang Nangroë lalu dibawa

pulang ke Lhok Sukon untuk dikenal pasti. Setelah pasti maka dikuburkan. Walaupun syahidnya Pang Nangroë namun Cut Nyak Meutia tidak berputus asa. Beliau juga dipujuk oleh kaum keluarganya agar tunduk kepada pemerintahan Belanda yang kini sudah menawan banyak pempasar dan panglima Aceh. Mengapa harus seorang wanita tanpa suami masih mahu tinggal di dalam hutan? Jawabannya: "Saya pulang ke kampung dengan usung atau dengan partuee."

Setelah sebulan Pang Nangroë syahid maka pada 24 Oktober 1910 datang pula rondaan Belanda diketuai Sarjan WJ. Mosselman di rimba Pasai di sekitar Gunung Lipeh, di hulu Sungai Peutoë. Dua hari orangnya mengesan jejak-jejak di sekitar situ sehingga sampai ke sebuah pondok. Itulah kediaman Cut Nyak Meutia. Maka berlakulah tembak menembak. Dengan tenaga yang penghabisan Cut Nyak Meutia keluar dengan pedang terhunus lalu menerkam musuh yang cuba menangkapnya tetapi kerana gentar berhadapan seorang wanita yang menyerang bagai ibu harimau maka tiga soldadu Marchausse melepaskan tembakan. Sebutir peluru kena kepalanya dan dua lagi menembusi tubuhnya, lalu Cut Nyak Meutia pun rebah dengan rambut mengembang. Lalu syahidlah bersama-samanya ulama Tengku Syeikh Payabakong dan Tengku Muhammad Saleh serta lima orang pengawalanya. Puteranya, Teuku Raja Sabil, terlepas daripada kepegangan yang mengakhiri riwayat seorang pejuang Aceh pada tanggal 25 Oktober 1910.

SALASILAH CUT NYAK MEUTIA





Tengku Fakinah

PANGLIMA PERANG ULUNG & PENDIDIK AGAMA DISANJUNG

Tengku Fakinah! Apabila membicarakan sejarah pejuang-pejuang di Dunia Melayu, tidak dapat dikesampingkan namanya kerana beliau scangkatan dengan Cut Nyak Dhien, Cut Nyak Meutia dan lain-lain yang menentang penjajah Belanda dengan berkorban harta bahkan nyawa demi nusa, bangsa dan agama.

Tengku Fakinah (singkatnya Tengku Faki) ialah puteri Tengku Daruk dari Kampung Lam Beunot (Lam Taleuk) Mukim Lam Kerak VII Mukim Baet, segi XXII Mukim Aceh Besar. Ayahnya semasa remaja telah merantau ke Asahan di Aceh Selatan maka terkenal sebagai Tengku Asahan dan sekembalinya ke kampung dikahwinkan dengan Cutmah anak Tengku Cik Lam Pucok. Daripada perkahwinan ini lahirlah Tengku Fakinah pada sekitar tahun 1856. Sejak gadis lagi beliau diastuh dalam ilmu agama, jahit-menjahit dan membuat kerawang sutera dan kasab (benang emas dan perak). Apabila remaja beliau diakui alim dalam perihal agama dan pakar membuat kerawang. Pada tahun 1872, Tengku Fakinah dikahwinkan dengan Tengku Ahmad dari anak Aneuk Glee (digelar Tengku Aneuk Glee). Siami Tengku Fakinah mengasaskan sebuah perguruan (pesantren) untuk pemuda dan pemudi. Kedua-dua suami isteri antara pengajarnya. Baru saja meniti kemajuan, datanglah Belanda menyerang Aceh.

Tatkala menentang serangan pertama Belanda itu, Tengku Imam Lam Kerak serta Tengku Ahmad (suami Tengku Fakinah) turut dalam pasukan Mukim Baet mempertahankan Pantai Cermin tepi laut Uteë Lhue yang diketuai Panglima Polem Nyak Banta dan Rama Setia. Pada 8 April 1873 tewaslah Panglima Perang Rama Setia, Imam Lam Kerak, Tengku Ahmad serta beberapa orang panglima yang lain.

Sejak kematian suaminya, Tengku Fakinah yang cantik jelita itu membentuk satu pertubuhan amal untuk yang terdiri daripada wanita dan para janda sebagai anggotanya untuk menyumbang derma baktinya kepada tanah airnya. Badan amal itu terkenal di seluruh Aceh sebagai tempat mengumpul perbekalan, baik padi mahu pun wang, untuk membantu perajurit dan penjuang Aceh. Selain anggotanya yang keluar mendapatkan bahan bantuan, mereka yang tinggal dimarkas sibuk menyediakan makanan dan mengubat askar yang baru pulang dari medan pertempuran. Mereka juga membantu menuangkan timah untuk membuat peluru senapang. Sebagai Panglima Angkatan Wanita, Tengku Fakinah giat hilir-mudik ke seluruh segi tiga Aceh Besar mengunjungi para pembesar dan orang kaya meminta zakat dan bantuan untuk perang besar *fi sabilillah*.

Bayangkan seorang wanita muda mengeneipkan kesedihan dan duka nestapa kehilangan suami, dengan gigih mencari bantuan dan wang dengan tulang empat kerat dan semangat waja serta hati yang



Puteri Dunia Melayu

tidak tahu gentar dan takut. Puteri muda ini juga harus menghadapi peluru dan darah selain bekerja keras memimpin kaumnya yang tiba-tiba telah mengenepikan 'kelemahan' mereka kerana mempertahankan negara daripada musuh.

Setelah Belanda menguasai Kutaraja, pertahanan berpindah ke kota Lam Bhok, Leung Bata, dan dalam tahun 1883 kota itu pun dikuasai musuh. Tengku Cik di Tiro (Tengku Syek Saman) mempertahankan pula Kota Aneuk Galung bekas kota Panglima Polem Ngak Banta yang dahulu ditawan Belanda dalam tahun 1876.

Kota-kota lain turut diperteguh termasuk tiga buah di Lam Kerak:

1. Kota Lam SaYeun diketuai Tengku Mat Saleh
2. Kota Cut Weue dipimpin Tengku Fakinah sebagai Panglima Perang
3. Kota Bak Garot dikepalai Tengku Amat (Tengku Leupong) iaitu adik kepada ibu Tengku Fakinah.

Semua kota dibina oleh para pemuda kecuali kota Tengku Faki dibina oleh kaum wanita, baik mendirikan pagar, menggali parit mahupun memasang ranjau, semuanya dikerjakan sendiri oleh wanita di bawah penyeliaan panglima mereka, Tengku Fakinah. Antara yang terkemuka ialah: Cutpo Fatimah Blang Preh, Nyak Raniah, Cutpo Habi, Cutpo Nyak Cut dan Cut Puteh. Mereka ini Panglima dan Pembantu Tengku Fakinah.

Setelah siap terbina Kota Cut Weue, maka para panglima bermuafakat agar Tengku Fakinah tidak diam randa (menjanda) lalu dikahwinkan dengan seorang alim, Tengku Nyak Badai yang berasal dari Kampung Langa Pidie. Oleh kerana dipandang tidak layak seorang wanita duduk dalam perundingan para panglima lelaki kesemuanya maka Tengku Fakinah bersetuju dikahwinkan agar kedudukannya sebagai Panglima tidak terjejas. Antara tahun 1893 dan 1895 peperangan menjadi semakin sengit dan antara yang tewas ialah Tengku Mat Saleh, Panglima Penasihat Tengku Fakinah. Gantinya seorang Afghan bernama Habib Kabul dan ditempatkan di Kota Bak Garot. Para wanita yang mempertahankan Kota Cut Weue pun berundur lalu membina sebuah lagi kota yang dinamakan Kota Ulee Tanoh. Setelah Kota Bak Garot jatuh Habib

Kabul berundur dekat Kota Cut Weue.

Satu kemenangan besar Tengku Fakinah yang bukan berunsur perang atau pendidikan ialah sindirannya yang tajam atau musuhhar pintar mempengaruhi Cut Nyak Dhien agar suaminya Tengku Umar (yang berpaling tadah membelahi Belanda) kembali balik ke pihak muslim Aceh. Kita ikut ceritanya di sini.

Perjuangan Cut Nyak Dhien dan Tengku Fakinah bermula sejak Belanda menyerang Aceh, iaitu sejak pertarungan di Muntasiq, Lamsi dan juga ketika Cut Nyak Dhien datang ke rumah Tengku



Rencong Aceh

Fakinah di Lam Kerak untuk beramah-mesra atau mendapat bekal untuk membantu Teuku Umar, suami Cut Nyak Dhien. Begitu juga dulunya Tengku Fakinah sering mengunjungi rumah Cut Nyak Dhien di Lam Padang/Bitai dan tempat-tempat lain Cut Nyak Dhien berada. Perjuangan dua orang wanita kesetiaan ini sangat erat hubungannya. Tengku Fakinah terkejut tatkala diketahuinya bahawa suami Cut Nyak Dhien, Teuku Umar, telah menyertai tentera Belanda. Bagaimanapun beliau tidak percaya sahabatnya, Cut Nyak Dhien, turut berpaling tadah. Dalam masa itu tersebar khabar bahawa Teuku Umar sedang bergiat bersama

Koleksi: Syarif Zulfikar, SM, Negeri / Foto: Nurhasanah Bahaya

Belanda menyerang Kota Tungkop, begitu juga kota-kota Belanda yang dirampas dulunya oleh orang Aceh, kini direbut kembali oleh Teuku Umar. Maka Belanda pun menggelarnya "Johan Pahlawan". Tengku Fakinah pun bersedia membangunkan tiga lagi kota: Cot Piring, Cot Raya, dan Cot Ukam. Dalam keadaan demikian datang-lah dua orang wanita dari Bitai menghantar nazarinya untuk membantu perang sabil bahkan ada sumbangan yang diberi kepada Tengku Fakinah. Dengan itu insaflah Tengku Fakinah bahawa masih ada lagi orang Aceh yang belum dipengaruhi Belanda.

Apabila dua orang wanita Bitai hendak pulang, Tengku Fakinah mengirimi salam kepada sahabat lamanya dengan menyebut beberapa kata sindiran sebagai alat menusuk dada Cut Nyak Dhien:

"Sampaikan kata saya kepada Cut Nyak Dhien suruh suaminya Teuku Meulaboh datang dan perang kota para wanita dan janda supaya orang melihat keberaniannya."

Dua orang wanita itu pun kembali, tetapi tidak terus menyampaikan pesanan itu tetapi memberitahu wanita-wanita lain yang selalu keluar masuk rumah Cut Nyak Dhien. Tentu saja beliau merasa cemas mendengar khabar itu lalu disuruh orang memanggil dua wanita dari Bitai itu tetapi mereka enggan, sehingga Cut Nyak Dhien sendiri mencari mereka tetapi mereka bersembunyi sehinggalah Cut Nyak Dhien menyatakan hasratnya agar mereka balik ke Lam Kerak untuk membawa kata balasan kepada Tengku Fakinah, bukan hendak dipengapapa-apakan. Esoknya datanglah dua orang wanita itu ke rumah Cut Nyak Dhien menyatakan kata-kata Tengku Fakinah. Lama Cut Nyak Dhien termenung, rasanya bagai tertusuk hatinya oleh kata-kata sindiran yang amat dalam ertinya yang lebih pedih daripada tikaman rencong. Namun pejuang wanita yang bijak itu teringat akan kata-kata: Benang yang sudah susut, kembali pada puncanya dan langkah yang telah terdorong surut ke belakang.

Dua orang wanita itu disuruh pergi ke Lam Kerak untuk bertemu Tengku Fakinah disertai bungong jaroe (buah tangan): dua kayu kain hitam untuk celana (seluar), enam potong selendang, sehelai kain untuk baju perajurit wanita dan sepotong kain perang untuk selimut. Untuk Tengku Fakinah juga dikirimkan wang sejumlah

200 rial untuk membeli kapur sirih. Maka berangkatlah kedua-dua wanita itu dari Bitai ke Lam Kerak, seorang menjunjung kampak berisi beras dan seorang lagi menjunjung satu berkas tikar - mensionag yang di dalamnya terkandung barang-barang kiriman Cut Nyak Dhien kepada Tengku Fakinah. Sesampai saja, maka bertemulah dengan Tengku Fakinah lalu disampaikan segala barang yang dibawa serta inti kata-kata daripada Cut Nyak Dhien: *Atee Cut Nyak Dhien matong lagee set lon inseh Keulangkah lakoe lon yang kameusireuk*. Maksudnya: Hati Cut Nyak Dhien seperti dalam perjuangan semula, saya insaf akan langkah suami saya yang telah terdorong.

Ditambah lagi dengan: Hubungan lidah Nyak Faki nyoe ngon lon yang neuba lee droe neuh mudah-mudahan Tuhan puwoe langkah kamoé lagee sot. Maksudnya: Hubungan lidah Nyak Faki ini yang saudara bawa kepada saya, mudah-mudahan Tuhan kembalikan langkah kami kepada langkah yang asal.

Demikianlah hubungan diplomasi di antara kedua pengantar kata hati sanubari yang begitu halus dan sangat merendah diri daripada dua srikandi Aceh yang sangat masyhur iaitu Cut Nyak Dhien di Lam Pisang kepada Tengku Fakinah di Lam Kerak. Keduanya srikandi ulung Aceh yang bersemangat kental ini bagai bidalan Melayu 'biduk lalu kiambang bertaut'. (Peristiwa selanjutnya yang berlaku antara Cut Nyak Dhien dan suaminya, Panglima Teuku Umar, silalah, lihat artikel tentang Cut Nyak Dhien dalam buku ini.)



Ilustrasi Masjid Raya di Kutatara yang dibina oleh Syariat Hindia Timur Belanda dalam tahun 18 sebagai tanda damai. Daripada Karya H.D.T. Willink, Landschappen en Volkstypen van Nederlandsch-Indie. Haarlem, 1883.



Puteri Dunia Melayu

Pada 3 Jun 1896 pasukan pimpinan Kolonel J.W. Stempoort menyerang kota-kota di Lam Kerak. termasuk antaranya Kota Kut Weue. Begitu sengit dan hebatnya pertempuran maka satu demi

satu kota Tengku Fakinah terpaksa dilepaskan. Maka berundurlah Tengku Fakinah ke Cot Piring.

Pada 17 Jun 1896 kawasan Muntasiq pula diserang dengan alat pembakar (sejenis perituk api). Sementara itu pasukan besar di bawah pimpinan Leftenan Kolonel J.B. Van Heutsz mengepung Kota Aneuk Galung dan akhirnya tewaslah Tengku di Tiro Muhammad Amin pada 29 Jun 1896. Tengku Fakinah bertahan pula di kota Cot Ukam. Dalam bulan Ogos, beliau pun berundur ke Gleeleung dan dari situ ke Inderapura. Dalam berundur dari kota ke kota itu suami

beliau, Tengku Badai telah terkorban di dalam hutan kerana diserang harimau. Setelah jatuh Seulimum, Tengku Fakinah mengungsi ke Lammeulo. Pada mulanya beliau tinggal di Tiro bersama dengan Tengku Cik di Tiro Mat Jeed tetapi kemudian berpindah ke Tangse membina tempat tinggal di Blang Peuneulen, satu kawasan yang indah dan nyaman. Di sana beliau membina pesantren untuk para wanita mengaji agama.

Pada April 1899, kampung itu dibedil Belanda dan Tengku Fakinah terpaksa berundur. Sejak itu beliau tidak lagi membina kota tetapi hidup secara gerila bersama-sama wanita lain seperti Pocut Lam Gugup (isteri Tuanku Hasyim Banta Sultan) dan Pocut Awan (ibu Panglima Polem). Beliau mengharung hutan rimba dan berpindah-randah hingga ke pergunungan Pasai dan Patiamang juga di sekitar Laut Tawar. Walaupun tidak lagi menjadi panglima perang namun beliau tetap menjadi guru agama kepada pengikut-pengikut

wanitanya.

Setelah Teuku Panglima Polem Muhammad Daud dan Tuanku Raja Keumala ditundukkan oleh Kolonel Van Heutsz, pada tahun 1910 Panglima Polem pun pulang ke Kampung Beuha Mukim Lam Kerak.

Pada tahun 1914, Tengku Fakinah berhasrat menunaikan haji. Sebelum berangkat ke tanah suci beliau berkahwin dengan Ibrahim, suaminya yang ketiga. Pada bulan Julai 1915 penuhlah pelabuhan Ulee Lheue dengan murid-murid wanitanya yang menghantar beliau ke Sabang dan dari sana akan belayar ke Jeddah.

Setelah menunaikan haji beliau tidak pulang ke tanah airnya tetapi terus menuntut ilmu di Masjid al-Haram, di Mekah. Setelah dua tahun suaminya menyuruhkannya pulang untuk mengambil sewa sawahnya. Pada tahun 1918, apabila suaminya meninggal di Mekah maka Tengku Fakinah pun pulanglah ke Aceh.

Ketibaannya di Lam Kerak, Aceh disambut dengan kegembiraan serta penuh meriah oleh murid-muridnya. Sejak itu beliau kembali memimpin pesantrennya.

Pada tanggal 8 Ramadan 1359 bersamaan tahun 1938 Masihi, Tengku Fakinah, seorang serikandi bangsa serta ahli agama Islam meninggal dunia di rumahnya, di Kampung Beuha Mukim Lam Kerak VII Mukim Baet, Aceh.



Pocut Baren

SEMANGAT PATRIOTISME YANG AMPUH

*S*emasa serangan imperialis Belanda ke atas Aceh sejak tahun 1873, rasanya tidak ada kejadian yang lebih ngeri dan tiada ber-perikemanusiaan daripada peristiwa berikut ini. Namun dalam peperangan, segala-galanya dibenarkan tanpa batasan...

Di Aceh Barat satu daripada kubu pertahanan Aceh menentang penjajahan Belanda ialah di sekitar Gunung Macang berhampiran Tanah Mirah di daerah Tungkop. Kawasan ini dikuasai oleh Pocut Baren seorang panglima wanita Aceh yang amat gigih mempertahankan tanah airnya sejak tahun 1898 sehingga 1906. Berkali-kali Belanda mengejar pasukan Aceh dan selalunya mereka kecundang kerana pertahanan di Gunung Macang yang sungguh hebat. Satu peristiwa yang amat memalukan Belanda ialah serangan dua brigid askar ke sekitar Gunung Macang yang berakhir dengan hanya dua orang yang selamat kembali ke markasnya, manakala yang lainnya menjadi mangsa rencong, keris, pedang dan tombak Aceh.

Bantuan seramai 200 askar yang cuba mendaki lereng Gunung Macang turut menemui maut kerana dihempap batu-batu besar yang digolekkan dari atas. Ini diikuti dengan bantuan dari Kuala Bhee dan Tangsi sementara itu Kapten P.H.A. Heldens

menghantar pula empat brigid ke Tanah Mirah untuk mengepung pahlawan-pahlawan Aceh.

Lefenan Scheurleer memerintahkan supaya pintu gua ke perut gunung itu dikawal untuk mengepung orang Aceh yang berada di dalamnya. Setelah enam bulan dikepung, namun orang Aceh tidak juga keluar melawan. Akhirnya baharulah mereka mengetahui bahawa terdapat empat pintu masuk ke perut gunung itu dari sebelah timur, barat, utara dan selatan. Di dalamnya juga terdapat sungai dan mata air serta jalan keluar melalui puncak gunung tersebut.

Setelah mengumpulkan bala tentera berjumlah 12 brigid, maka gunung itu diserang dari semua penjur, namun dapat dipertahankan oleh pasukan Pocut Baren. Setelah ditinjau dengan teliti baharulah diketahui bahawa jika dialirkan minyak tanah di tepi anak air yang agak curam dan dibakar tentu orang di dalamnya akan hangus. Lefenan Scheurleer mencadangkan hal ini kepada Komandan Gewestelyk tetapi tidak dibenarkan. Apabila ramai askar Belanda terkorban, baharulah dibawa minyak tanah sebanyak 2,000 liter yang dibeli dari seorang Yahudi dan dituangkan ke dalam pintu gua dan dicucuh dengan api. Api itu berjaya memerangkap dan membakar hampir kesemua panglima dan tentera Aceh yang bersembunyi di dalamnya. Antara yang



Puteri Dunia Melayu

terkorban ialah Teuku Keujrung Cut Ahmad, ayah Pocut Baren sendiri.

Pocut Baren, wira wanita yang gagah berani menentang Belanda di Aceh Barat itu dilahirkan pada sekitar tahun 1880. Beliau turut serta memerangi Belanda di samping suaminya. Setelah suaminya gugur dalam peperangan, beliau meneruskan perjuangannya menentang Belanda di bumi Aceh. Markas beliau terletak di Tungkop dan Geume, suatu wilayah di hulu Sungai Wojla.

Ayah Pocut Baren merupakan seorang keturunan Uleebalang (hulubalang) terkenal di Tungkop. Setelah dewasa Pocut Baren berkahwin dengan Keujruoeb Gome Uleebalang Geume yang gugur dalam pertempuran Wejla pada tahun 1898. Pocut Baren mengambil alih tempat suaminya sebagai Panglima Perang, Uleebalang Gome. Sejak itu mereka melancarkan serangan terhadap askar Belanda yang meronda di sekitar Aceh. Rencong sentiasa di badannya. Kalau berjalan di tempat berbahaya pedang terhunus sentiasa di tangan, tetapi dalam keadaan biasa pedang itu dibawa oleh seorang pengawal yang mengikutinya dari belakangnya.

Ketika ketumbukan Marchausse menepung gua Gunung Macang Pocut Baren dapat meluluskan dirinya keluar. Di luar beliau sentiasa menyusun orangnya bergerak secara gerila menyerang balas pihak Belanda. Setelah mengumpul dan bermusyawarah dengan Datuk Sarong, Panglima Nyak Kuta Sabah dan Pang Banta, Pang Nyak Gam Panjang dan lain-lain lantas diserang dan dikepungnya markas Belanda di Tanoh Mirah. Maka berlakulah

perang sengit. Pasukan Letenan Hoogers terus menembak dan kaki Pocut Baren terkena peluru, lalu dikepung dan ditangkap. Beliau dibawa ke Kuala Bheé dan seterusnya ke Meulaboh. Pocut Baren dihantar ke sebuah hospital tentera di Kutaraja sehingga sembuh. Sesudah sembuh beliau ditahan di rumah bekas Sultan Muhammad Daud Syah di Gang Air Wangi.

Setelah itu pasukan perang Pocut Baren dipimpin oleh Teuku



Pocut Baren
Reproduksi dari buku *The Dutch Colonial War in Aceh*.
Edisi kedua, 1990. Pusat Dokumentasi dan Informasi Aceh

Tengah, salah seorang saudaranya. Rondaan Belanda berjalan terus. Van Heutsz, pemerintah Aceh pada masa itu diangkat menjadi Gabenor Jeneral, digantikan oleh Van Dallen seorang yang terkenal kerana keganasan dan kekejamannya menjalankan penindasan terhadap rakyat Aceh. Spion atau mata-mata gelapnya berada dimana-mana saja mencari rahsia dan maklumat bekas-bekas uleebalang dan panglima Aceh ditangkap dan dibuang ke luar Aceh, ke Jawa, Ternate, Ambon dan sebagainya. Dialah yang membenarkan pembakaran gua-gua Gunung Macang yang dilaksanakan Letenan Scheurleer.

Pocut Baren setelah sembuh dirancang hendak dibuang negeri oleh Belanda tetapi Kapten Veltman yang selalu melihat keadaan tahanannya di hospital, menasihati agar tidak dibuang negeri. Dia berpendapat bahawa saudara ara dan pengikut Pocut Baren yang dibuang, itulah yang banyak membangkitkan semangat juang kaum Muslimin dan menimbulkan kekacauan. Usul Van Veltman ini diterima oleh Van Dallen lalu Pocut Baren ditahan di Kutaraja, tidak dibawa ke Meulaboh. Satu kaki kayu dipesan dari Belanda untuk Pocut Baren.

Pada tahun 1910 Pocut Baren dibawa dengan kapal ke Meulaboh dan dihantar oleh Kapten Veltman ke Tungkop. Beliau disambut dengan meriahnya oleh anak negeri dan pengikutnya.

Dalam lawatannya ke merata daerah, pada mulanya Pocut Baren memaki kaki kayu yang diberi oleh Belanda tetapi didapati amat payah baginya. Beliau lebih suka dijulang, lalu dipilihlah seorang muhrimnya bernama Rasyid. Lama-kelamaan beliau berkahwin dengan Rasyid, yang kemudiannya digelar Teuku Muda Rasyid. Beliau sentiasa menggesa orang agar bekerja keras mengusahakan sawah dan ladang dan jika berterusan malas, dihukum menurut adat. Hal demikian menyebabkan penduduk takut manakala banyak yang sayang kepadanya. Pocut Baren adalah seorang pengemang syair dan pantun, terutama pada masa berehat-rehat di rumah waktu bulan terang, mengenang kembali semasa mengatur perang gerila di sekitar Gunung Macang. Dua rangkap pantunnya disiarkan di sini:

*Lé Kroëng Tangsee ilée u Gompang,
Saboh cabang ilée u Nanggroë;
Joh lon jak mengleuëng ngon subang,
Ngon lon riwang pha meupalöë*

[Sungai Tangsee hilir ke Gompang,
Satu cabang mengalir ke negeri;
Masa berangkat bergelang subang,
Waktu pulang paha binasa.]

*Ya Tuhanku Rabbil Jalil,
Boet gon ase lon kapalöë;
Beuteutap iman lon lam hatee,
Bek jeuk keu kapee akhec deudoë*

[Ya Tuhanku Rabbil Jalil,
Kerja belum selesai paha binasa;
Tetapkan iman di dalam hati,
Jangan jadi kafir di akhir masa.]

Walaupun di rumah sendiri namun pergolakan belum selesai bagi Pocut Baren. Beliau selalu diintip oleh Nyak Kulam seorang upahan Letenan J.B. de Kort, komandan markas Belanda di Kuala Bheë. Di rumah Pocut Baren ada seorang pelayan bernama Afeulah yang bergaul dengan lelaki lain yang bukan suaminya. Dia ditegur dan dinasihati beberapa kali tetapi tidak diendahkan, sehingga hal itu menjadi rahsia umum. Pocut Baren menganggap perbuatan itu suatu penghinaan di dalam rumahnya, lalu dijatuhkan hukuman menurut adat. Rambut Afeulah dipotong habis sehingga gondol, lalu dia diusir keluar dari rumah itu.

Kebetulan pula Afeulah ada hubungan saudara dengan Nyak Kulam, lalu diadakan hal yang berlaku kepadanya oleh Pocut Baren. Seterusnya Nyak Kulam melaporkan kepada Letenan de Kort, yang mengarahkan Pocut Baren datang ke Kuala Bheë untuk menjawab tuduhan. Pocut Baren menyatakan bahawa de Kort tidak boleh menyelidiki beliau, sepatutnya pegawai yang lebih kanan, dan de Kort tidak berhak campur tangan dalam hal sivil yang berupa amalan adat. Namun jawab de Kort dia berhak atas segala hal.

Kemarahan panglima wanita ini memuncak, lalu menghusus rencongnya dan menerkam de Kort, hendak ditikamnya tetapi gagal. Walaupun Pocut Baren ditahan tetapi diperintah oleh Kapten Veltman agar tidak diapa-apakan. Arahan pegawai-ini dapat mententeramkan Pocut Baren. Beberapa hari kemudian Letenan de Kort dipindahkan segera dari Kuala Bheë. Kapten Veltman sendiri datang ke Tungkop bertemu Pocut Baren maka selesailah peristiwa itu secara damai.

Pocut Baren meninggal dunia pada tahun 1933 dan tugas Uleëbalang dipegang oleh Teuku Muda Rasyid.

Demikian riwayat seorang pahlawan wanita yang gigih memerintah dan mempertahankan daerah pemerintahannya walaupun kakinya sebelah kaki kayu akibat berperang dengan penjajah Belanda.



Peta Perang Aceh, 1873-1905



Pocut Meurah Intan

PEJUANG YANG DIHORMATI MUSUH

Seorang lagi puteri Aceh yang berjuang menentang Belanda ialah Pocut Biheue. Nama sebenarnya Pocut Meurah Intan, tetapi oleh sebab beliau lahir di Biheue dan tempat tinggal ayahnya pun di situ, maka digelar Pocut Biheue. Beliau anak hulubalang (ketua daerah) Biheue, yang pada masa itu termasuk wilayah Sagi XXII mukim. Pocut Biheue adalah puteri keturunan keluarga bangsawan dari Kesultanan Aceh, berasal dari keturunan Pocut Bantan. Oleh sebab itulah beliau menamakan Pocut Meurah yang merupakan nama panggilan khusus bagi perempuan keturunan keluarga Sultan Aceh. Nama panggilan bagi lelaki ialah 'Tuanku'.

Pocut Meurah Intan ialah isteri pertama Tuanku Abdul Majid juga ibu tiri Tengku Putroe, permaisuri Sultan Aladdin Muhammad Daud Syah dan Tuanku Mahmud bekas Lid Valkstaad. Beliau mempunyai tiga orang putera dengan Tuanku Abdul Majid iaitu Tuanku Muhammad, Tuanku Budiman dan Tuanku Nurdin. Pada masa penyerangan Belanda, beliau turut menentang Belanda secara gerila bersama-sama puteranya yang tinggal di Batee. Pocut Biheue serta anaknya mempunyai pengikut yang menyerang Belanda di sekitar Daerah VII Mukim Pidie (Padang Tiji) dan Laweueung. Perjuangan beliau memang dikagumi oleh Belanda.

Pada awal tahun 1902 telah syahid puteranya yang pertama iaitu

Tuanku Muhammad. Pada 1 Ogos 1902 Pocut Meurah Intan dan puteranya Tuanku Nurdin terkepung dalam asrama di hutan Laweueung. Beliau yang luka parah terkena peluru ditinggalkan saja di tempat itu. Pada sangkaan Belanda, beliau tak akan hidup akibat lukanya yang begitu teruk. Namun kuasa Tuhan tak dapat dijangka. Pahlawan wanita gigih ini terus hidup dan sembuh daripada luka-lukanya.

Puteranya iaitu Tuanku Nurdin, juga luka parah. Pocut Meurah dan puteranya ditangkap oleh Belanda pada bulan Januari 1904 dan dibawa ke Kutaraja sebelum di tempatkan di Blora, Jawa Tengah.

Penulis H.C. Zentgraaf dalam *Atjeh*, menulis kisah berikut ini. Kapten Veltman, seorang pegawai Belanda, yang fasih berbahasa Aceh, setiap kali bercerita tentang seorang wanita Aceh tetap menghormati beliau. Pada satu ketika pasukan Marchausse yang diketuai oleh Kapten Veltman meronda sekitar hutan Laweueung maka berjaya menangkap seorang wanita bernama Pocut Meurah kerana disangka ada tersembunyi senjata di bawah longgokan kain pakaiannya. Dengan tiba-tiba perempuan itu mencabul rencongnya lalu berkata:

"Daripada ditangkap kaphee (kafir) lebih baik aku mati."

Dan dia bergerak hendak menerkam Kapten Veltman. Namun

kerana lemah maka dia rebah. Apabila diselidiki, dia menderita luka yang parah, dua liang pada kepalanya dan dua liang pada bahunya dan urat belakang dahinya putus. Dia bermandi darah yang bergelung lumpur. Seorang sarjan yang berasa belas kasihan melihat keadaan perempuan itu bertanya kepada Kaptenya:

"Benarkan saya tambak agar ia tidak menderita lebih lama, tuan."

"Engkau gila!" Jawab Kapten Veltman. Kapten Veltman pun membawa pasukannya meninggalkan tempat itu dengan maksud supaya perempuan itu boleh meninggal dunia dihadapi oleh kaum kerabat daripada bangsanya sendiri.

Akan tetapi beberapa hari kemudian semasa Kapten Veltman lalu di pasar Biheue dekat Padang Tiji, dia mendengar khabar bahawa Pocut Meurah Intan bukan saja masih hidup tetapi telah melahirkan hasrat akan membunuh penduduk yang mengkhianatnya dalam mukim itu. Veltman tidak percaya Pocut Meurah masih hidup memandangkan lukanya amat parah. Namun untuk kepastian dia pun berangkat dengan pasukannya pergi mengempung kampung itu dan memeriksa setiap rumah.

Akhirnya dijumpai seorang perempuan yang disembunyikan orang di bawah longgokan kain buruk. Keadaan tubuhnya sangat memencamkan kerana diubati dengan kotoran lembu yang masih basah. Beliau menggigil demam dan amat lesu kerana kekurangan darah. Walau dalam keadaan yang demikian pun, katanya beliau tidak mahu bertemu doktor; lebih baik mati daripada disentuh orang kafir.

Kapten Veltman mendekatinya lalu dengan bahasa Achek

memujuk beliau secara perlahan-lahan agar beliau diubati. Lama-kelamaan barulah beliau setuju dirawat. Kapten Veltman sendiri mencuci luka-lukanya, menaruhkan ubat dan membalut luka-luka tersebut. Setelah itu Kapten Veltman sendiri membawanya ke hospital di Sigli. Tidak lama kemudian luka Pocut Meurah pun beransur pulih, namun wira wanita itu tetap cedera selama-lamanya.

Semasa Kolonel Scheuer, Komander Tentera dari Jawa yang baru sampai ke Kutaraja membaca dalam daftar bahawa seorang perempuan bernama Pocut Meurah Intan dengan hanya bersenjatakan renceng berani menentang satu briged Marchausse yang bersenjata lengkap, maka dia ingin melihat wajah pahlawan wanita itu. Dengan ditemani oleh Kapten Veltman, Kolonel Scheuer pun pergi berjumpa Pocut Meurah yang belum sembuh itu. Sesampai dihadapannya, Kolonel yang masyhur namanya dalam peperangan merubut cakranegera di Pulau Lombok itu terus bersikap dan memberi hormat secara militer – jari tangan dicecahkan pada cepiuh (topi).

Pocut Meurah Intan

A.R. Rossem, 1994

"Katakan kepadanya," ujarnya kepada Kapten Veltman, "bahawa saya datang memberi hormat kepadanya."

Kapten Veltman pun menyampaikan ucapan itu dalam bahasa Achek. Sebagai jawapan, kelihatan suatu senyuman pada wajah Pocut Meurah Intan. Sejak itu Belanda tidak lagi mengganggunya.

Pocut Meurah Intan serta puteranya Tuanku Nurdin ditempatkan di Blora, Jawa Tengah dalam Desa Muman. Padatuhun 1934 pejuang wanita yang berani ini telah menutup matanya buat kali terakhir, meninggalkan namanya yang harum sebagai pahlawan bangsa yang tercatat dengan tinta emas dalam sejarah bangsanya menentang penjajah.



Pocut Mueligo

TAK PERNAH BERGANJAK MENENTANG BELANDA

Dr. J. Jacobs yang mengupas persoalan kedudukan wanita di Aceh menyatakan bahawa di Aceh wanita sebagai pemimpin bukanlah soal yang aneh. Katanya: Ketika kita [orang Belanda] menyerang Samalanga telah bertindak di sana seorang wanita bernama Pocut Maligai yang menjadi pemangku kepada seorang putera ahli waris kerajaan yang masih di bawah umur dan ia telah berhasil mempertahankan kekuasaannya. Ia mengancam dengan hukuman dera kepada sesiapa juga laki-laki yang sudah wajib berperang mengelak daripada kewajipannya.

Bukan sahaja Belanda kagum dengan peranan wanita yang berganding bahu dengan patriot lelaki bertempur mempertahankan tanah air mereka iaitu Aceh, bahkan dunia turut menghormati pejuang wanita seperti Cut Nyah Dhien, Cut Meuthia, Cut Nyak Kerti, Cut Nyak Fatimah dan lain-lain. Termasuk barisan itu ialah Pocut Mueligo atau Pocut Maligai yang mempertahankan Samalanga daripada serangan Belanda sehingga bertahun-tahun lamanya. Bahkan telah menyebabkan seorang jeneral Belanda kehilangan sebelah matanya hingga digelar 'Jeneral Mata Satu'.

Dalam serangan ke atas Aceh beberapa orang jeneral terbabit dengan perang, antaranya van Swieten yang telah menawan Kraton pada Januari 1874. Walaupun itu peristiwa besar dan

Belanda menganggap perangnya selesai namun ia memarakan lagi semangat juang patriotik Aceh. Pada 1877, Panglima Tertinggi Belanda di Aceh, Jeneral A.J.R. Diemont telah jatuh sakit, lalu diganti oleh Kolonel (kemudian Jeneral) Karel van der Heijden, seorang tentera Belanda yang terkenal ganas dan buas. Ia dipilih khusus untuk mengganyang pertahanan Aceh selepas berjasa dalam beberapa perang di Bali (1849), Kraton Aceh (1874), Semarang (1874), Padang (1875) lalu ditugaskan memegang tampuk pemerintahan Banda, Aceh.

Samalanga yang tak mahu jatuh-jatuh itu merungsingkan Belanda. Daerah inilah menjadi sasaran van der Heijden. Di sini bertemulah buku dengan ruas. Mata kirinya hilang di tangan pejuang Samalanga yang dipimpin oleh seorang wanita bernama Pocut Mueligo (Maligai). Pocut Mueligo menjadi wakil saudaranya Teuku Chik Bugis, yang sejak 1857 menggantikan Kejuruan Chik. Ia sekadar menguasai kawasan barat Samalanga, dan Teuku Muda di sebelah timur. Lama kelamaan kawasan timur itu pun dikuasai Kejuruan Chik sehinggalah zaman Teuku Chik Bugis. Setelah masuk ke dalam Aceh Besar pada 1874, Belanda cuba membantu waris Teuku Muda, tetapi oleh sebab Pocut Mueligo begitu disukai ramai maka hilanglah harapan Belanda untuk menguatkan penjajahan di Samalanga.

Tentang Pocut Mueligo, kapten Belanda Schumacher menulis, dan kesan daripada catatannya menganggap wanita ini seorang 'anti-

Belanda yang akan menentang mereka mati-matian.

"Kebenciannya terhadap Belanda sedemikian besar, terlihat dari pada perintahnya, bahawa semua rakyat yang sudah sanggup berperang harus masuk berjuang. Bahkan untuk keperluan itu sawah ladang harus ditinggalkan, dan kalau tidak bakal dihukum berat. Demikian pula ia (Pocut Mueligo) dengan terus mengirimi bantuan dana, alat perang dan sukarelawan ke Aceh Besar demi membantu perjuangan Aceh di sana. Samalanga dapat melakukan begitu kerana perdagangan eksportnya ke luar berkembang baik dan kedudukannya pun untuk keperluan tersebut cukup menguntungkan.

"Pada tahun 1876 kita (Belanda) telah cuba sedaya upaya agar Samalanga mengakui pertuanan kita, tetapi mereka menjawabnya dengan menembak kapal-kapal perang kita bahkan hampir dengan bendera kita sendiri mereka melakukan perompakan paling kurang ajar."

Pada tahun 1876 Kolonel Karel van der Heijden, sebagai Gabenor atau Panglima Tentera di Banda Aceh merancang untuk menghentam Samalanga dengan segala kekuatan yang ada. Penyerangan pertama membabitkan tiga batalion serta semua kapal perang yang ada: Metalen Kuis, Amboina, Citadel van Antwerpen, Banda, Borneo, Sambas, Palembang, Watergeus, Semarang dan Sumatera. Angkatan darat dipimpin oleh van der Hegge-Spies manakala angkatan pendaratan oleh Unlenbeck.

Seperti mana-mana peperangan ada tali barutnya, begitulah juga di Aceh. Kini Sutan Maharaja mengintip bagi pihak Belanda. (Dia kemudiannya dibunuh oleh pahlawan Aceh). Tatkala tentera Belanda mendarat, Aceh sudah siap sedia menanti di Kiran dan hampir Kuala Tambora. Manakala di hutan telah dipasang ranjau perintang. Hasilnya satu batalion askar Belanda musnah oleh hanya 40 orang Aceh. Mereka mencantas dengan kelewang siapa saja yang melepasi rintangan ranjau itu. Namun mereka berundur ketika dilanda batalion bantuan, lalu mengumpul tenaga di Pengilit Tunong, tempat berlakunya pertempuran sengit. Askar Belanda amat tertekan tidak dapat maju, bahkan banyak tenteranya lari lintang-pukang serta membuang senjata. Bercerita pihak Belanda: Seorang pemimpin pejuang Aceh, seorang ulama besar yang tegap

badannya, dengan nafsu yang tak terkendalikan lagi, melompat menyerang Leftenan Ajudan Richello serta memancing kepalanya.

Yang dimaksudkan Belanda dengan ulama besar itu ialah seorang ulama di Samalanga bernama Haji Ahmad. Beliau bagaimanapun akhirnya tewas dalam serbuan awal Belanda itu. Dalam masa itu walaupun Belanda cuba berunding dengan Pocut Mueligo, namun Haji Ahmad tidak berganjak oleh sebab pengikut dan rakyat semakin mempertegah benteng Batee Ilie, yang terletak di bukit di luar pekan Samalanga.

Kolonel van der Heijden menyusun serangan terhadap kubu yang dikawal ranjau runcing, buluh berduri, kawat duri dan pelbagai perangkap. Sejumlah tiga batalion tentera serta pasukan marin dan meriam besar diperkuatkan oleh 900 banduan di bawah pimpinan Kapten (Dracula) Kauffman, Pengarah Penjara Belanda. Setelah banyak memakan korban barulah pemerintahan terkutuk di Blang Temulit berhasil ditawan Belanda. Walaupun demikian kemenangan ini tidak menggirangkan Belanda kerana Panglima Perang mereka, Kolonel van der Heijden mengalami luka-luka teruk dan sebelah mata kirinya ditembusi peluru ketika mereka bergelut mati-matian merebut Blang Temulit itu. (Apabila sembuh kemudian van der Heijden digelar "Jeneral Mata Satu" oleh orang Aceh). Selainnya beberapa pemimpin terkanan Belanda seperti Mejar Domselaar dan Leftenan Kolonel Meijar serta ratusan tenteranya luka parah memberi kesan yang negatif kepada Belanda untuk menguasai Samalanga yang dipimpin oleh Cut Mueligo. Kempen itu harus dihentikan, padahal Batee Ilie belum dapat ditawan. Sejak serangan mula dilancarkan pada 1 Ogos 1877 sehingga 17 September 1877 barulah berakhir dengan perundingan oleh Teuku Chik Bugis yang datang ke markas Belanda. Hasilnya Belanda puas dengan penyerahan dan penaikan benderanya di Samalanga tanpa campur tangan dalam sebarang kuasa pentadbiran, dan Samalanga terus dapat menjalankan perdagangan import dan eksportnya. Benteng Batee Ilie kepunyaan Samalanga tidak diganggu-gugat lagi, masih berdaulat dan dengan bangganya mengibarkan bendera yang di puncak bukit. Itulah kegagalan van der Heijden.

Pada 30 Jun 1880, Leftenan van Woortman dengan sepasukan 65 orang secara diam-diam menceroboh masuk kampung dan ketika

tiba di Cok Merak, mereka dikepung oleh penduduk setempat. Pertempuran berlaku dan setelah kehilangan banyak tenteranya, Belanda punlari menyelamatkan diri dan kembali ke markas mereka. Pembesar Sivil Belanda tidak senang dengan insiden itu maka van der Heijden mengubah keputusannya lalu menghantar ekspedisi kedua sebulan kemudian di bawah pimpinan Mejar Schmilau, dibantu oleh Mejar van Steenvelt. Angkatan ini terdiri daripada 32 pegawai dan 1,200 tentera serta dengan segala kelengkapan terkuat menuju Samalanga.

Turut serta angkatan Belanda itu ialah Panglima Tibang bekas pembesar Sultan yang berpaling tadah dengan Teuku Nyak Lehman sebagai jurubahasa dan penunjuk jalan. Pada 14 Julai sampailah angkatan perang berupa kapal-kapal perang yang berlabuh hampir Kuala Samalanga. Belanda cuba menghubungi Teuku Chik Bugis, Pocut Mueligo, Teuku Bentara Cut (anak saudara Pocut Mueligo) dan tokoh-tokoh Samalanga tetapi seorang pun tidak bersedia untuk bertemu, kerana mereka mengharapkan pada keteguhan Batee Ilie bagi menghadapi angkatan Belanda sebesar mana pun. Letaknya Batee Ilie itu di tenggara Aramaneh. Di selatan Batee Ilie itu dilindungi pagar daripada rumpun buluh berduri dan sebelah utara di kelilingi kubu.

Pada 15 Julai, tentera Belanda menyerang Batee Ilie. Maka terjadilah pertempuran sengit. Pagar pengemangan yang terdiri daripada buluh berduri dan dicelah-celahnya ditanam ranjau tidak dapat ditembusi atau diranap dengan meriam atau dicantas dengan pedang. Belanda cuba menyerang dari setiap jurusan namun dibalas dengan tembakan yang menggugurkan tentera mereka, dan sebarang bantuan dihujani dengan batu-batu besar. Malahan

ketibaan pasukan induk pun diserang dengan kelewang oleh pejuang Aceh yang muncul dari belakang bukit. Menurut catatan Schumacher:

"Lagi sekali dan lagi sekali diulang menyerbu tapi terus-terus saja pasukan kita (Belanda) yang gagah berani itu, terpaksa mundur."



Janerel Karel van der Heijden yang digelar 'Jeneral Mata Satu' kerana tercedera mata kirinya ketika menyerang Samalanga.

Beberapa hari kemudian Teuku Chik Bugis dipaksa ikut serta dalam serbuan, tetapi terserempak dengan pasukan Aceh yang menyerang hendap, menyebabkan pasukan Belanda lari lintang-pukang. Oleh kerana peristiwa itu Teuku Chik Bugis segera ditangkap untuk diambil tindakan. Penyerbuan seterusnya pun tidak menghasilkan apa-apa selain banyak kematian pihak Belanda. Akhirnya Belanda menghentikan serangan itu. Pocut Mueligo menemui van der Heijden yang membawa Teuku Chik Bugis dari Banda Aceh. Tiada sebarang tindakan dikenakan ke atasnya.

Dalam kesempatan berada di Samalanga, van der Heijden cuba memimpi penyerangan terhadap Batee Ilie dengan menghantar sebanyak 900 tenteranya yang sama ada menempuh maut atau mengalami luka-luka.

Maka buat kali ketiganya Jeneral van der Heijden betul-betul gagal, sehinggalah pada 1904 sesudah Jeneral van der Heijden membawa pasukan permiannya ke sana, barulah Batee Iie jatuh. Tiga puluh tahun pejuang Samalanga berjuang mempertahankan tanah air mereka demi kemerdekaan daripada pencero-bohan Belanda. Satu keajaiban dalam daya tahan rakyat Samalanga berkat kepemimpinan Pocut Mueligo yang tak luntur semangat, tak tahu erti mundur dan turut mempereratkan iman pengikutnya dalam satu perang *fisabilillah* yang amat mengagumkan!



Itulah Pocut Mueligo, antara srikandi gemilang di kalangan umat Melayu. Dengan membutuhkan serangan Belanda, musuh pejuang Aceh, adalah diharapkan dapat memberi gambaran sebenar mengenai kemampuan pihak yang menentang yang serba kekurangan, bahkan dipimpin oleh seorang wanita. Jelas kewibawaan wanita ini begitu hebat dan dinamiknyanya. Masa lebih 30 tahun berjuang membebaskan tanah air daripada dijajah adalah suatu masa yang panjang dan yang berjaya meneruskannya adalah satu pengorbanan yang cukup besar dan bermakna.



Mohor Diraja Aceh.
Diambil oleh: C.Snoeck Hurgronje, *The Acehnese*.
Leiden: E. J. Brill, 1906, Vol. 1, p. 129



Rencong yang dipakai oleh Raja-raja Aceh



Permaisuri Seni @ Puteri Hijau

PERISTIWA SEJARAH JADI LEGENDA

Dalam abad ke-15, Haru (Deli Tua di Sumatera) merupakan sebuah negeri besar yang sama besar dan sama tarafnya seperti yang digambarkan di dalam *Sejarah Melayu (Sulalatus-Salatin)*: "...pada zaman itu sebuahpun negeri tiada menyamai Melaka, melainkan Pasai, Haru, tiga buah negeri itu tua muda pun rajanya berkirim salam juga."

Walaupun ketiga-tiga negara ini sama taraf namun berlaku perkelahian, bahkan Haru telah menyerang Melaka dengan hebatnya semasa pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Syah (1477-1488) tetapi dapat dikalahkan oleh Melaka. Pada abad berikutnya perhubungan Haru dengan Empayar Johor menjadi lebih rapat mendatangkan musibah pula ke atas kedua-duanya, kali ini dari Empayar Aceh.

Utusan Portugis, Ferdinand Mendes Pinto menceritakan serangan Sultan Alauddin Riayat Syah Al-Qahhar, Aceh ke atas Haru pada tahun 1539 sebanyak dua kali, iaitu pada bulan Januari dan bulan November.

Pinto mencatatkan: Selepas belayar selama lima hari dari Melaka, kami pun sampai ke Sungai Panetikan (Sungai Petani) tempat letaknya ibu negeri Haru. Raja Haru sedang sibuk mengatur dan menyediakan kelengkapan pertahanan serta kubu di seberang

menyeberang sungai itu. Kedudukan istana adalah satu kilometer ke pedalaman. Haru, cuma ada sepucuk meriam besar yang dibeli daripada penderhaka bangsa Portugis di Pasai.

Mendengar khabar bahawa Angkatan Laut Aceh sebanyak 160 perahu dan 12,000 tentera sudah dekat, Sultan Haru pun bertitah memberi arahan agar kaum wanita dan kanak-kanak, termasuklah Permaisuri Encik Seni (menurut Portugis, Anche Sinny) meninggalkan kubu dan berundur ke dalam hutan, kira-kira 40 kilometer dari ibu negeri. Maka tinggallah Sultan Haru serta panglima dan tentera Haru menunggu kedatangan Aceh.

Tidak lama kemudian datanglah angkatan Aceh menyerang kota-kota Haru itu. Aceh banyak menggunakan askar asing: orang Gujerat, Malabari, Turki, Habsyah, Hadramaut, Ilanun dan lain-lain. Setelah dikepung selama 17 hari, barulah Aceh dapat memecahkan tembok kubu Haru serta dua lagi kubu di selatan pintu masuk kubu utamanya. Namun orang Haru yang terkenal garang dan berani itu menyebabkan banyak orang Aceh yang terkorban. Melihat jumlah tenteranya yang banyak mati dan cedera maka Aceh mengubah taktik perangnya. Tak dapat secara keras, secara lembut. Bagaimana keras dan garangnya seseorang tatkala diberi emas akan cairlah kekuatannya dan lentur lah pegang-an dan taat setianya. Itulah yang berlaku pada panglima Haru apabila diberi emas oleh Aceh. Panglima di sebuah kubu telah belot maka dengan mudah tentera Aceh dapat menyerbu






Agak Hijau

masuk. Dalam perang itu Raja Haru turut terkorban. Tentera Aceh pun menetapkan 800 askarnya menjaga kubu pertahanan sementara diperbaiki.

Di pedalaman Haru, Permaisuri Seni telah menyusun suatu tentera gerila yang terdiri daripada askar Haru yang berundur dari kubu Sultan Haru itu. Baginda serta tentera Haru pun menyerang pertahanan Aceh itu tetapi gagal mengatasinya. Permaisuri Seni tidak berputus asa dan ingin meneruskan perjuangan suaminya yang terkorban. Permaisuri Seni serta sekumpulan kecil panglimanya belayar dengan perahu kecil dari sebuah sungai 34 kilometer dari kota Aceh dan melepaskan diri ke Melaka. Di Melaka baginda dialu-alukan oleh Gabenor Portugis tetapi tidak diberi senjata seperti yang baginda harapkan. Setelah beberapa hari di Melaka, baginda secara sulit belayar ke Johor lalu mengadap Sultan Alauddin Riayat Syah (1528–1564).

Sultan Alauddin yang masih muda dan gagah pada masa itu, barangkali kerana melihat Permaisuri Seni juga masih muda dan cantik, lalu bersetuju membantu Ratu Haru itu dengan satu syarat: Permaisuri Seni hendaklah berkahwin dengan baginda. Demi negara dan mungkin tertarik dengan raja keturunan Dinasti Melaka itu, Permaisuri Seni bersetuju. Dalam masa itu Laksamana Hang Nadim masih menjadi panglima terkuat Empayar Johor, maka beliau dititah mengumpulkan satu angkatan dari negeri-negeri di bawah naungan Johor. Dengan bantuan dari Perak dan Siak, Laksamana Hang Nadim melancarkan serangan ke atas Aceh di Haru. Berlakulah perang di laut yang amat hebat antara angkatan Empayar Johor dan angkatan Empayar Aceh. Ketua angkatan Aceh terbunuh, dan kira-kira 13,500 tentera Aceh terkorban dan semua perahu perangnya (160 buah) hancur kecuali hanya 14 buah perahu lulus dan kembali ke Aceh. Selepas itu Johor memerintah Haru selama 14 tahun. Sultan Haru yang terkorban dalam tahun 1539 mungkin Sultan Ali Boncar, putera Sultan Husain yang mengahwini Raja Putih adinda Sultan Alauddin Riayat Syah, Johor, pada 1520. Raja Putih mungkin sudah mangkat sebelum tahun 1539, dan Sultan Ali Boncar mengahwini Encik Seni, seorang puteri berdarah Karo dari Siberaya.

Hikayat Puteri Hijau yang disukai ramai oleh kaum Karo di sekitar



"ASEAN on its own might not be able to change the world. But with other like-minded nations and groups of nations, we can make a difference and achieve a lot.

For the Asia Pacific environment, however, I feel ASEAN has, not only the duty but also the right and the necessary clout to shape a regional order which we can truly call our own. It may require us to draw upon all of ASEAN's ingenuity to do it. But do it we must."

*Prime Minister Dr Mahathir Mohamad,
5th ASEAN Summit, Bangkok, December 14, 1995.*


Puteri Dunia Melayu

ngombus melalui Sungai Deli terus ke Selat Melaka. Pada masa itu perahu yang digunakan menggunakan simbol 'kepala naga' di haluan nya. Pinto juga menyebut Permaisuri Haru itu melarikan diri melalui sungai ke Selat Melaka.

- Adik Puteri Hijau, Meriam Puntung, besar kemungkinan digambarkan sebagai sebuah meriam besar yang, menurut Pinto, dipunyai Sultan Haru yang baginda dibelinya di Pasai. Meriam ini dianggap keramat oleh rakyat jelata.
- Peristiwa menghamburkan wang emas juga ada persamaan walaupun cara ia diberi berbeza.
- Di desa Siberaya masih ada suku 'Karo Sekali' (Karo sebenar). Orang Asahan, orang asli tempatan, juga berasal dari kaum

Haro-Haro. Di Tamiang, Rokan dan Panai masih ada orang dari suku Haru. Daripada nama suku Haru inilah maka kawasan yang kemudian dinamakan Deli Tua mendapat namanya – awal-awal lagi.

Inilah contoh sebuah legenda tempatan yang telah diturunkan menjadi sebuah cerita rakyat yang sangat masyhur, tidak saja untuk masyarakatnya secara khusus tetapi juga untuk Dunia Melayu seluruhnya. Cerita ini sebenarnya adalah berasaskan kepada peristiwa sejarah yang sebenar. Untuk mengagungkan tokoh cerita itu maka simbol-simbol yang mengagumkan – seperti Naga dan Meriam – telah digunakan dan diberi gambaran sebagai objek yang benar-benar hidup dan memainkan peranannya penting nya. Sementara warna hijau yang digunakan untuk puteri itu adalah sebagai lambang kesucian.



Ilustrasi: Jhalatah Muzium dan Herbarium

Celepa untuk mengisi wangi-wangian, sireh dan wang syiling

*Kalau ada lenggundi pahit,
Marih taruh dalam Celepa.
Kalau ada budi yang baik,
Sampai mati tidak kulupa.*



Wan Seri Benian

RAJA PEREMPUAN PERTAMA DINOBATKAN

Pulau Bentan terletak di antara pulau-pulau yang disebut Kepulauan Riau-Lingga di Asia Tenggara, dan memainkan peranan penting dalam sejarah serantau. Namun begitu ada satu perkara yang biasanya tidak dihiraukan orang, iaitu raja Bentan pada satu masa dahulu adalah raja yang pertama memiliki dan menggunakan nobat. Menurut *Sejarah Melayu* (Ms. No. 18) mencatatkan:

"Adapun akan Bentan itu rajanya perempuan, Wan Seri Benian namanya, pada satu riwayat Permaisuri Sakidar Syah namanya. Baginda pun raja besar, lagi pada zaman itu ialah yang pergi ke benua Syam. Permaisuri Sakidar Syahlah yang pertama nobat, maka diturut oleh raja-raja yang lain."

Dikatakan bahawa baginda itu terlalu amat baik rupanya, tiada bertara pada zaman itu; bernegeri di Bukit Bijana, di darat Telaga Tujuh, berbandar di Tanjung Bentan bertimbalan Tanjung Siak Menanti, dan Teluk Bentan itulah labuhan dagang.

Pada satu hari datanglah berita menyatakan ada seorang raja dari Bukit Siguntang datang dari Palembang ada di Selat Sambu, maka disebarkan berita itu kepada Wan Seri Benian oleh Mangkubumi Indera Bupala dan Menteri Arya Bupala. Maka titah Wan Seri Benian:

"Apa bicara tuan hamba akan anak raja itu datang ke teluk rantau kita ini?"

Sembah Indera Bupala:

"Mana titah hamba junjung. Adalah pada pendapat hamba, baik juga kita alu-alukan dia, kerana baginda raja besar."

Maka Wan Seri Benian bertitah kepada Indera Bupala dan Arya Bupala:

"Jikalau raja itu tua, katakan 'Adinda empunya sembah', dan jika ia muda, katakan, 'Kekanda empunya salam', dan jika ia kanak-kanak, katakan, 'Bonda empunya salam'."

Betapa halusnyanya susunan kata-kata aluan yang digunakan Wan Seri Benian kepada menteri-menteri baginda untuk mengalukan seorang raja. Hal yang demikianlah yang dikatakan kesempurnaan budi bahasa. Selain itu pada maksud baginda, jika raja itu tua daripada baginda hendak diambil akan suami, dan jika muda hendak diambil akan anak.

Setelah kelengkapan Palembang itu berlabuh maka Arya Bupala pun melihat rupa Seri Tribuana, dipandangnyanya lagi tengah muda, bangun teruna; maka katanya:



Peralatan Nobat Diraja

Foto: Jabatan Muzium dan Aekuiti Malaysia

"Tuanku, Paduka Bonda empunya salam, Tuanku dipersilakan Paduka Bonda masuk ke negeri; itupun jikalau ada dengan tulus ikhlas Duli Tuanku."

Setelah perahu dikepulkan pada jambatan pelabuhan, Arya Bupati pun memimpin Seri Tribuana naik ke atas gajah yang akan membawa baginda berarak ke istana Wan Seri Benian.

Sulalatus-Salatin menggambarkan perarakan itu seperti berikut:

Syahadan di Bentan gajah memangku puan [tepak sirih] baginda, dan Demang Mangku Raja, saudara Demang Lebar Daun, menyandang pedang Badram Belawa, dengan segala penjawat baginda berjalan di hadapan gajah baginda; Indera Bupati memegang gading kanan, Arya Bupati memegang gading kiri. Maka payung iram-iram kerajaan putih pun terkembanglah empat; serta cogan kerajaan, panji-panji alam pun terdirilah. Maka diarak oranglah baginda masuk ke dalam kota Bentan dengan segala bunyi-bunyian diiringkan oleh segala menteri hulubalang kedua

buah negeri itu, terlalu subur rupanya. Mereka yang melihat berseka bertindih-tindih sepanjang pasar itu. Maka disuruh arak oleh Wan Seri Benian langsung sekali ke dalam; maka diarak orangleh masuk ke dalam rong [balairung] sekali, terkepil di atas rong dalam.

Maka Demang Lebar Daun dengan Menteri Bupati segera menyambut baginda, maka baginda berjalannah di seri balai, naik langsung semayam di atas singgahsana Raja Ishar Syah, ayahanda Wan Seri Benian. Syahadan Wan Seri Benian pun telah semayam di seri penghadapan, dihadap sekalian isi istana dan segala isteri orang besar-besar. Maka Demang Lebar Daun pun diatur bertimbalan dengan Arya Bupati, dan yang lain daripada itu masing-masing kepada peraturan, penuh pepak mengadap Seri Tribuana di balairung.

Maka puan daripada Wan Seri Benian pun dipersembahkan Betaralah kepada Seri Tribuana. Maka titah Wan Seri Benian:

"Ya anaku tuan, santaplah sirih bonda yang tiada dengan seperti-nya. Besarnya untung bonda, tuan datang ke negeri ini, dan kerajaannah tuan di sini. Bonda pun tiada empunya anak. Tuanlah anak bonda, dan tuanlah empunya negeri Bentan ini dengan segala bala tenteranya, bonda berikan kepada tuan, mana perintah tuanlah akan bala tentera tuan. Akan segala alat kerajaan bonda kepada tuanlah bonda salinkan."

.... Adalah Seri Tribuana akan kerajaan di Bentan ditabalkan oleh Wan Seri Benian dan dinobatkan...

Nobat ialah sekumpulan alat bunyi-bunyian yang dibunyikan khusus untuk upacara dan majlis diraja. Nobat berasal daripada *naubat*, bahasa Parsi yang bererti sembilan alat. Alat-alat itu adalah:

1. Gendang Nobat
2. Gendang peningkah
3. Nafiri
4. Serunai
5. Nagara
6. Tongkat bernama 'Mahaguru' yang dipegang oleh Ketua Nobat bergelar Tuk Setia Guna

Pemain-pemain alat nobat digelar 'Orang Kalur'. Ketua Nobat digelar 'Kalur Besar', kemudian Penghulu (yang bergelar Tuk Setia Indera) dan selepas itu Kalur Kecil dan yang lainnya Orang Nobat. Alat perkakas nobat ini boleh dibunyikan oleh orang Kalur sahaja. Jika alat-alat itu dibunyikan oleh orang lain maka tiada sempurna permainannya.

Lagu nobat disebut ragam. Ragam yang asal ialah 'Iskandar Zulkarnain' dan 'Ibrahim Khalil' kemudian ditambah dengan ragam-ragam lain seperti:

1. Gendang Berangkat
2. Puteri Mandi Mayang
3. Dang Gidang
4. Rama-rama Terbang Tinggi
5. Kumbang Si Kumali
6. Arak-arak Andalas
7. Aleh-aleh Panjang
8. Aleh-Aleh Pandak

Nobat hanya dimainkan sebagai menyambut sesuatu temasya dan perayaan yang mulia seperti pertabalan raja, istiadat menjunjung duli, nikah kahwin, berkhatan, memberi gelar, menyambut awal Ramadan dan awal Syawal (pagi Hari Raya) dan peristiwa besar yang lain.

Sungguhpun nobat itu khusus pada raja dan waris negeri sahaja, tetapi pada zaman kesultanan Melaka dahulu. Yang Dipertuan boleh mengurniaknya pada upacara dan majlis yang lain, misalnya menyambut dan menghantar sesuatu utusan diraja dan






*Burung punai ekornya lebat,
Bersarang di pohon mengkudu;
Tiup serunai bergendang nobat,
Sambil mengulit raja beradu.*

kerana memberikan hormat dalam perarakan jenazah. Hanya alat perkakas yang dikurniakan itu sahaja yang berbeza, yakni mengikut taraf atau pangkat masing-masing.

Walaupun menurut *Sejarah Melayu*, raja Melayu yang pertama menggunakan nobat itu Wan Seri Benian atau Permaisuri Sakidar Syah, namun menurut *Hikayat Raja-raja Pasai* dikatakan nobat dibawa ke Kepulauan Melayu oleh Syeikh Ismail yang mengislamkan Sultan Malik'us-Saleh, raja Pasai. Syeikh itu membawa lagu nobat 'Ibrahim Khalil' dan dibunyikan semasa pertabalan Sultan Malik'us-Saleh. Perbezaan jangka waktu Sultan Malik'us-Saleh (akhir abad ke-13) dan Wan Seri Benian (akhir abad ke-14) lebih kurang seratus tahun.

Nobat dimainkan mengikut waktunya dalam Kerajaan Parsi Tua, dan kemudiannya di istana-istana raja Islam di Parsi, Syria, Turki, Mesir, Afrika Utara dan Sepanyol. Di India ia popular sebagai muzik istana.





Siti Zubaidah

JALINAN SEJARAH DAN SYAIR



Syair Siti Zubaidah Perang China adalah sebuah karya penting dalam khazanah kesusasteraan Melayu. Syair ini menceritakan tentang keberanian dan ketabahan seorang wanita pada zaman silam, iaitu Siti Zubaidah, yang berjuang untuk menegakkan kebenaran dan memerangi ketidakadilan, selain menonjolkan betapa nekad dan tabahnya seorang wanita dalam memperjuangkan suatu cita-cita. Tidak diketahui ramai bahawa di sebalik penceritaan secara syair yang meng-asyikkan itu ada terselindung unsur-unsur sejarah. Dalam hal *Syair Siti Zubaidah Perang China* ini, yang dipaparkan adalah sejarah pertelingkahan antara Campa dan Vietnam sekitar abad ke 14.

Negeri Kembayat Negara diperintah oleh seorang raja bernama Darman Syah dan ketika puteranya, Zainal Abidin (timang-timangan Fathul Arifin) meningkat dewasa, baginda menabalkannya lalu digelar Sultan Zainal Abidin. Dalam keadaan negeri yang aman itu, pada satu hari masuklah sebuah wangkang China di Pelabuhan Pabean penuh dengan muatan barang dagangan. Cincu wangkang itu menawarkan barang dagangan kepada seorang pedagang dari Isfan. Tetapi tiga hari kemudian cincu itu telah mungkir janji. Barang dagangannya dijualkan kepada orang lain. Hal ini menyebabkan pedagang Isfan itu marah maka berlakulah selisih faham antara mereka berdua.

Setelah pedagang Isfan itu mengadu kepada Sultan, baginda menyuruh agar nakhoda wangkang itu dipenjarakan dan memerintahkan saudagar Isfan merampas wangkang itu, tetapi saudagar itu bertindak melebihi perintah. Dia membakar wang-kang China itu. Seorang daripada anak buah wangkang itu sempat lari lalu melaporkannya hal itu kepada Raja China.

Semasa pembakaran berlaku, Sultan Zainal Abidin tiada dalam negeri kerana pergi berburu di hutan. Sekembalinya peristiwa itu tidak dilaporkan kepadanya. Ayahanda baginda menyarankan baginda segera berkahwin tetapi baginda ingin mencari jodoh sendiri. Baginda pun belayarlah untuk mencari puteri idaman yang menjelma di dalam mimpinya. Akhirnya sampailah ke Pulau Peringgi. Di sinilah baginda mendengar suara seorang perempuan sedang mengaji Quran dengan suara yang merdu, tetapi baginda tidak dapat melihat wajah qariah itu. Esoknya dengan ditemani seorang dayang, Siti Raudhah, dan baginda sendiri menyamar sebagai pembawa timba lalu masuklah mereka berdua ke taman mandi Siti Zubaidah.

Siti Zubaidah menjemput Siti Raudhah ke balai untuk menjamu selera. Pembawa timba turut berdiri di pintu balai dan jelaslah kepadanya akan kejelitaan wajah Siti Zubaidah, qariah yang mempunyai suara yang amat merdu itu. Sultan Zainal Abidin pun terus melamar puteri itu lalu diterima oleh Kadi Pendeta, ayahanda Siti Zubaidah.

Sesudah perkahwinannya, Sultan Zainal Abidin serta rombongan dirajanya singgah di Yaman, dan setelah menyelesaikan masalah raja Yaman, raja itu menghawinkan puterinya. Sajaah, dengan Sultan Zainal Abidin. Sekembalinya mereka ke Kembayat Negara, semuanya aman damai melainkan sikap permaisuri Darman Syah yang mengutamakan Puteri Sajaah kerana ia anak raja Yaman manakala Siti Zubaidah dipandang rendah kerana ia hanya anak seorang kadi. Siti Zubaidah terus mengajir Quran kepada anak-anak menteri dan pembesar negeri.

Sementara itu, di negara China angkatan tentera sedang bersiap-siap hendak menyerang Kembayat Negara. Maka tujuh orang puteri raja China itu pun berlangkap hendak menyertai perang.

Apabila China menyerang Kembayat Negara maka berlakulah pertempuran hebat antara kedua-dua tentera. Sultan Zainal Abidin serta sahabat-sahabat karibnya turut bertempur, tetapi telah ditawan oleh musuh lalu dimasukkan ke dalam perigi beracun. Siti Zubaidah yang amat gelisah dan risau akan suaminya itupun keluar secara senyap-senyap dari istana hendak mencari suami baginda yang tak kembali dari medan perang. Di dalam hutan belantara Siti Zubaidah melahirkan se-orang putera yang kerana azamnya kuat untuk mencari suaminya, anak itu ditinggalkan di hutan itu, dengan ditemani hanya sebetuk cincin yang bertulis 'Pendeta Ulama'. Secara kebetulan putera itu dijumpai Sultan Muhammad Tahir, abang Siti Zubaidah lalu dipeliharanya.

Dalam pada itu, Siti Zubaidah bertemu dengan anak raja Yunan yang telah dihalau saudaranya bernama Rukiah, bersama-sama belajar ilmu kepahlawanan dengan seorang syeikh. Kemudian

kedua-duanya menyamar sebagai lelaki lalu menangkap raja Yunan iaitu saudara kepada Rukiah yang telah menghalau Rukiah oleh sebab perselisihan faham. Siti Zubaidah, kini menukar nama kepada Syahar Pahlawan, menduduki takhta itu dan Rukiah sebagai

Nahar. Oleh kerana masih ingin mencari suaminya, mereka

berdua keluar negeri itu secara senyap-senyap lalu masuk ke negeri China sebagai penari. Mereka

menjadi terkenal bahkan dialu-alukan oleh puteri China yang tujuh orang itu. Kilan

Suri, salah seorang puteri bertujuh itu

mengajak mereka tinggal di rumahnya,

bahkan me-minta kalau Syahar

Pahlawan (Siti Zubaidah) sudi

menjadi suaminya. Pada satu malam

Siti Zubaidah mendengar dayang-dayang

bercerita bahawa di dalam

Taman Indera Kandi ada sebuah

perigi dan dari dalamnya selalu

kedengaran suara memanggil

'Zubaidah'. Dayang-dayang

juga menyatakan yang terpenjara

itulah Raja Kembayat

Negara, dan Kilan Cahaya (se-

orang di antara puteri yang bertujuh

itu) hendak bersuamikan Raja

Kembayat Negara itu.

Mendengar hal yang demikian Siti

Zubaidah terus menggerakkan Ru-kiah lalu


keluar ke taman tersebut dan pergi ke perigi

beracun dan mereka mendapati Sultan Zainal

Abidin dalam keadaan sangat lemah.

Siti Zubaidah dan Rukiah segera melepaskan Sultan Zainal Abidin dan empat orang sahabatnya lalu menawari racun daripada tubuh mereka. Selama tiga hari menunggang kuda sampaih mereka ke negeri Yunan dan raja serta pengiring-pengiring yang diselamatkan itu dirawat lagi. Setelah sembuh Sultan Yunan (Siti Zubaidah menyamar sebagai Syahar) bertanya sebab baginda ditawan, lalu diceritakanlah baginda segalanya. Syahar pun menyatakan baginda akan membalas perbuatan itu. Ini menaikkan semangat Sultan





*Siti Zubaidah puteri nan gagah,
Musuh dilawan tiada tandingan;
Amatlah susah memegang amanah,
Sedia bertahan banyak halangan.*



Ilustrasi: Jabatan Muzium dan Antikiti.

Pakaian puteri klasik Campa ini dilahirkan dari ukiran dinding apsa. Puteri memakai baju dan seluar lengkap walaupun asalnya didedahkan bahagian bahu. Pakaiannyanya fabrik berkilau dan sarat dengan benang serta kain panjang tenunan Campa. Hiasan asal barang kemas daripada emas padu bertatakan batu-batu permata.

Zainal Abidin untuk terus berjuang, walaupun baginda tetap terkenang akan Siti Zubaidah.

Sultan Yunan pun mengerah rakyat dan mengajak negeri-negeri takluk dan sahabatnya berkumpul untuk mengempur negeri China. Angkatan China diketuai Kilan Cahaya serta adik-adiknya (Kilan Sura, Kilan Jauhar, Kilan Jali, Kilan Johan, Kilan Suri, Kilan Syamsu). Perang berakhir dengan tertangkannya tujuh beradik ini dan mereka dilepas setelah bersetuju memeluk Islam. Sultan Yunan mengahwinkan Kilan Cahaya dengan Sultan Zainal Abidin, dan puteri-puteri yang lain dengan raja-raja yang mengiring dan turut berperang. Sultan Zainal Abidin memohon kepada Sultan Yunan hendak mencari isterinya Siti Zubaidah, yang wajahnya tidak luput dari ingatannya. Wajah jelita itu diserai dengan satu tahi lalat di dahinya. (Mungkin Sultan Yunan memakai serban maka terlindung tahi lalat itu, walaupun selalu diamat-amati Sultan Zainal Abidin). Mendengar itu Sultan Yunan tersenyum dan memberi tempoh tujuh hari untuk mencari Siti Zubaidah. Genap tujuh hari Sultan Yunan pun menanggalkan pakaian lakinya lalu keluar berjalanan di tengah hari dengan berpakaian perempuan. Maka terlihat oleh Sultan Zainal Abidin yang serta-merta mengenalinya. Itulah Siti Zubaidah permaisurinya.

Hijab yang menutup segala rahsia pun terbuka. Puteri Rukiah (sahabat Siti Zubaidah sebagai Nahar) dikahwinkan dengan Sultan Zainal Abidin dan Raja Mahiran (saudara Puteri Rukiah yang di penjara itu) dibebaskan dan diangkat menjadi Raja Yunan. Putera Raja Raja Ahmad, yang dilahirkan di hutan, dikembalikan oleh bapa saudaranya (yang turut berperang melawan negeri China) kepada ibu dan bapanya. Sekembalinya ke Kembayat Negara, Sultan tua Darman Syah menobatkan Siti Zubaidah sebagai raja permaisuri, tetapi ditentang oleh Puteri Sajarah kerana ia pernah dijanjikan oleh permaisuri Sultan Darman Syah, bahawa Kembayat Negara akan diserahkan kepadanya. Namun Darman Syah menobatkan Sultan Zainal Abidin sebagai Pemangku Negara dan Siti Zubaidah sebagai Permaisuri Lela Bangsaawan. Puteri Sajarah digelar Permaisuri, Kilan Cahaya sebagai Permaisuri Muda dan Puteri Rukiah sebagai Puteri Bongsu.

Syair Siti Zubaidah Perang China adalah satu karangan simbolik tentang keadaan menyeluruh yang berlaku di Asia Tenggara,

khususnya di antara negara Campa dan negara Vietnam. Tokoh Zainal Abidin dan Siti Zubaidah mungkin bukan nama sebenar tetapi dipandikan daripada beberapa tokoh besar Campa yang diketahui penyair secara tradisi. Dalam sejarah Campa antara abad ke-14 sampai abad ke-17 dan ke-18 terdapat beberapa tokoh besar Campa yang berperang melawan Vietnam seperti Che Bo Nga (abad ke-14), Po Binansur (akhir abad ke-14), Poh Sah Ina (pahlawan wanita, abad ke-15), Po Rome (abad ke-17/18) dan Katib Sumat (Khatib Abdul Samad, abad ke-19).

Watak Sultan Zainal Abidin sama pengertian namanya dengan Che Bo Nga dan jalanan cerita pun ada kaitan dengan sejarah Campa menentang Vietnam. Dalam tahun 1355, Raja Tra Hoa Bo De (Darman Syah) menyerahkan kuasa kepada anaknya yang masih muda bernama Che Bo Nga. Sultan Zainal Abidin berkahwin dengan Siti Zubaidah anak perempuan Raja Bharubasa di Kota Jiddah Sa'adus-salam (di Kelantan) dan membawanya balik ke kota Bal Ngwe. Menyedari kelemahan negaranya, Sultan Zainal Abidin bersekutu dengan Majapahit pada tahun 1360. Pada tahun 1361/62 baginda melancarkan serangan ke atas Dai Viet dan menawan wilayah Ngh-an (1365) dan pada 1368 Raja Dai Viet, Duong Nhut-Le, menyerang balas tetapi dapat dipatahkan. Setelah Raja Duong meninggal dunia, Permaisuri Duong Khuong atau Kilan Cahaya mengatur komplet mengangku puteranya yang masih kecil. Ini dihalang oleh Tran Nghe-Ton, saudara raja yang meninggalkan itu, lalu memenjarakan Permaisuri Duong Khuong, yang dapat lepas dan lari ke Campa untuk memohon pertolongan Raja Che Bo Nga (1370). Tahun berikutnya Che Bo Nga dapat menawan Hanoi lalu mengangkat Duong Khuong menjadi Raja Dai Viet. Hubungan baik ini sementara saja, dan berubah menjadi tegang disebabkan pembakaran sebuah kapal dagang Dai Viet di Bal Ngwe, ibu kota Campa. Hal ini dirancah oleh bapa saudara Raja Duong Khuong yang tidak mahu perdamaian dengan Campa. Segala kelasi dan barang dagangan dimusnahkan, hanya seorang dapat lari menduga hal kepada Raja Duong Khuong.

Raja Duong Khuong menyerahkan takhta kepada ayahnya, Tran Due-ton (1372) lalu bersiap-siap bersama enam adik-beradiknya (puteri-puteri Tran Due-ton) untuk menyerang Campa. Peperangan berlaku dalam tahun 1377. Che Bo Nga berangkat dari istana isteri mudanya, Dewi Manisuka (Puteri Sajarah) tanpa

membertitahu permaisurinya Dewi Nareswari (Siti Zubaidah) yang tinggal di istana lain, kerana takut menimbulkan kebimbangan di dalam hatinya. Baginda serta empat orang panglima setianya ditawan oleh enam orang puteri Dai Viet itu.

Pistiwa itu mencetuskan satu kisah yang panjang tentang pengorbanan Siti Zubaidah yang sedang hamil keluar mengembara melalui hutan rimba hingga sampai ke kota Hanoi untuk mencari suaminya yang tercinta. Dengan satu muslihat yang pintar, ia dapat menyelamatkan suaminya dan empat orang panglimanya yang terkurung di dalam sebuah telaga beracun lalu melarikan mereka dengan beberapa ekor kuda ke Wilayah Ngke-an dan seterusnya dibawa pulang ke kota Bal-ngwe.

Marah kerana Raja Che Bo Nga diselamatkan, puteri Duong Khuong dan ayahandanya Raja Tran-Due-ton melengkapkan tentera yang besar untuk menyerang Campa. Pada Januari 1377, tiga bulan selepas pelarian itu, Raja Dai Viet serta 120,000 tenteranya menyerang dari laut dan mendarat hampir dengan Bal-ngwe lalu Tran-Due-ton memimpin angkatananya menyerang kota itu. Ketika itu datang seorang Cam menyerah diri menyatakan bahawa kota itu sudah dikosongkan dan Raja Campa sudah melarikan dirinya dan jika dikejar masih dapat ditawan. Baru saja tenteranya diarah mara pada masa itu juga mereka diserang secara mengejut oleh tentera Campa yang bersembunyi. Tentera Dai Viet dikepung. Raja Tran-Due-ton dan beberapa panglima, kaum bangsawan serta tenteranya gugur di medan perang.


Dalam perang itu tentera Majapahit dari Semenanjung Melayu dan Segenting yang sedia berada di kota Bal-ngwe turut bertempur. Siti Zubaidah dengan berpakaian kelasi turut melawan tentera Dai Viet. Dia dapat mengalah dan menawan enam orang puteri pahlawan Dai Viet termasuk puteri Duong Khuong (Kilan Cahaya) dengan menewaskan mereka seorang demi seorang dalam perlawanan satu lawan satu dari atas belakang kuda. Mereka semua diislamkan oleh Siti Zubaidah. Puteri Duong Khuong dikahwinkan dengan Raja Che Bong Nga, manakala puteri-puteri lain dikahwinkan dengan panglima-panglimanya.

Selepas mendapat kemenangan besar itu, dalam tahun 1377 itu juga Che Bong Nga memimpin sebuah armada menuju ke Hanoi, ibu

kota Dai Viet. Tran De-Hien dengan terburu-buru mengisytiharkan dirinya Maharani Dai Viet, dan membuat persiapan pertahanan tetapi dapat diredah masuk oleh tentera Campa dan banyak harta dirampas, antaranya dihantar sebagai hadiah kepada Maharaja China. Kejayaan Che Bong Nga mengepung Hanoi pada tahun 1388 tidaklah sepenuhnya kerana perbuatan khianat seorang panglimanya sendiri. Baginda dibunuh di atas kapalnyanya dan ini melemahkan anggota tenteranya. Di bawah Panglima La Khai (ada pihak menyatakan dialah pembunuh Che Bo Nga) angkatan Campa dibawa balik ke Campa lalu panglima La Khai mengangkat dirinya menjadi Raja Campa dengan gelaran Sri Jaya Simhavarmadeva V Sri Hariyati Virasimha Campa Pura tetapi perbuatan ini ditentang oleh permaisuri Che Bo Nga yang mahu puteranya menjadi raja, namun akhirnya ia mengalah.

Setelah menjadi Raja La Khai banyak melakukan secara sewenang-wenangnya yang menyebabkan Che Da-Biet seorang panglima dan seorang puteri lari ke Vietnam untuk mendapat perlindungan politik. Kesewenangan dan kezaliman La Khai ini ditentang oleh permaisuri Che Bo Nga, Siti Zubaidah dan akhirnya La Khai dibunuh oleh panglimanya sendiri.

[Untuk penjelasan lebih lanjut, sila baca Analisis Teks dalam buku *Syair Siti Zubaidah Perang China: Perspektif Sejarah* kelolaan Abdul Rahman Al-Ahmadi, Penerbitan Perpustakaan Negara Malaysia, 1994.]



Keris Campa



Ratu Dewi Pakungwati

TERKORBAN SEMASA SELAMATKAN KITAB AGAMA

Pada hari Pangeran Mas Mok Arifin, Sultan Sepuh yang pertama mengubah namanya kepada Panambahan Pakungwati, baginda mencuri airmatanya kerana terkenang akan ibunda baginda, Ratu Dewi Pakungwati, yang terkorban di pekarangan Masjid Agung Sang Cipta Rasa dalam usaha menyelamatkan kitab-kitab agama di dalam masjid itu daripada dimakan api semasa kebakaran masjid yang indah itu. Setelah seratus hari kemangkatan ibundanya itu, baginda pun mula mendirikan sebuah istana, Istana Pakungwati, untuk mengenang ibunda baginda yang besar jasanya itu.

Oleh sebab kasih sayangnya begitu mendalam terhadap ibundanya itu, baginda turut menggantikan nama baginda dengan gelaran baru: Panambahan Pakungwati. Dan gelaran ini direstui para pembesar dan rakyat Cirebon. Panambahan Pakungwati kemudiannya diangkat menjadi Sultan pertama bagi Cirebon dalam satu istiadat gilang-gemilang yang diadakan di Balairung Seri Istana Pakungwati yang amat indah itu. Peristiwa ini berlaku dalam tahun 1529.

Siapakah Ratu Dewi Pakungwati yang begitu kuat mempengaruhi jiwa raga puteranya hingga baginda sanggup menukar namanya mengikut nama bondanya?

Sebelum baginda pulang ke rahmatullah, Ratu Dewi Pakungwati

ialah permaisuri kepada Sultan Syarif Hidayatullah, Sunan Gunung Jati, salah seorang Wali Songo yang termasyhūr di Jawa Barat, khususnya di Cirebon. Dewi Pakungwati memang penyokong suaminya yang paling rapat, bahkan baginda turut berakwah di kalangan rakyat, terutamanya kaum wanita. Jiwa baginda jiwa rakyat dan hidupnya juga untuk kebajikan rakyat. Perjuangan baginda mengembangkan agama Islam berkobar-kobar dan bersemarak membakar dirinya sehinggalah baginda terkorban dalam usaha menyelamatkan kitab-kitab dari negeri Arab kepunyaan Masjid Agung Sang Cipta Rasa.

Semasa berlakunya kebakaran Masjid Agung itu, Ratu Dewi Pakungwati berusaha menghimpunkan beratus-ratus orang wanita lalu menyusun mereka agar menimba dan membawa air untuk disimbahkan pada masjid yang sedang bergelora dengan nyalaan api serta kepanasan yang



Keris Pakungwati
Cirebon

mengabui mata. Baginda sendiri menarik dua tiga orang wanita yang dipercayai agar mengikut baginda masuk ke dalam masjid ke arah sekitar mimbar dan di ruang kuliah untuk menyelamatkan kitab-kitab agama yang dikumpulkan oleh suaminya selama ini. Mereka masing-masing memeluk seberapa banyak kitab yang dapat lalu membawanya keluar. Beratus-ratus naskah kitab dapat diselamatkan tetapi bahang api yang semakin menggila telah menghalang usaha mereka seterusnya dan Ratu Pakungwati, wanita terakhir yang sempat merangkul beberapa buah al-Quran dan kitab semasa hendak keluar dari masjid yang sedang terbakar itu telah disambar api. Menyedari ke-hilangan Sang Ratu, rakan-rakannya cuba masuk semula ke dalam masjid tetapi tidak berdaya kerana api terlalu marak. Mereka gagal menyelamatkan baginda.

Bagi memperingati pengorbanan dan jasa besar Ratu Dewi Pakungwati, sejak peristiwa itu sehingga sekarang ini apabila menjelangnya Hari Maulidur-Rasul dan Hari Raya Aidil-Fitri, maka diadakan majlis membaca al-Quran dan tahlil di pekarangan Masjid Agung yang dibina semula.

Ratu Dewi Pakungwati, ketika menjadi ahli rumah tangga Sunan Gunung Jati, menerima didikan agama bukan saja daripada

suaminya yang menjadi telaga ilmu bahkan mendapat asuhan dan teguran daripada ibu mertuanya, Syarifah Mudaim yang ilmu agamanya di kalangan wanita bagai samudera lautan. Cerita-cerita ketabahan dan pengorbanan wanita zaman Rasulullah (SAW) telah



Seorang puteri sedang mentelaah Al-Quran dengan penuh syahdu, semoga disinari cahaya keimanan dan ketakwaan

tercurah dan meresapi hati sanubari Sang Ratu hinggalah cintanya kepada ilmu menyebabkan baginda tidak menghiraukan jiwa raganya, yang utama adalah dapat menyelamatkan kitab-kitab agama yang hampir terbakar.

Dengan kehadiran Puteri Ong Tien dari negeri China ke Cirebon dan memeluk Islam lalu menjadi isteri Sunan Gunung Jati, maka Ratu Dewi Pakungwati turut mengalami hidup bermadu dengan puteri yang digelar Ratu Mas Rara Sumanding.

Berkongsi kasih sayang sang suami dengan isteri yang lain bukanlah mudah tetapi memandangkan Puteri Ong Tien yang telah mengharung lautan semata-mata hendak bersama-sama orang yang dikasihinya dan sanggup pula memeluk Islam menyebabkan Ratu Pakungwati menaruh sabar dan pasrah kepada kehendak Allah. Kegiatan Puteri Ong Tien meng-hiasi masjid dengan tembikar China turut menarik perhatian Sang Ratu kerana perasaan seninya yang halus itu dapat menyerikan tempat beribadat. Nyatalah dua orang puteri itu bagai dua butir mutiara kepunyaan Sultan Syarif Hidayatullah yang menguasai Cirebon dan berjaya mengembangkan Islam di Jawa Barat.



Ratu Kalinyamat

PEGANGAN TEGUH DAN BERAZAM KUAT

Anda tentu pernah mendengar tentang orang lelaki yang pergi bertapa ke tempat sunyi – di dalam hutan atau di atas gunung. Pernahkah anda mendengar tentang kaum wanita yang bertapa? Mungkin ada. Tetapi adakah anda mendengar tentang seorang wanita yang bertapa tanpa seurat benang kain pun ditubuhnya?

Inilah kisah Ratu Kalinyamat, yang disebabkan satu penganiayaan ke atas suami yang amat dikasihinya, telah melakukan pertapaan di Bukit Danareja di Daerah Japara, Jawa. Setelah kezaliman itu terbelah barulah Ratu itu kembali ke Japara dan mentadbir negeri. Beberapa tahun kemudian baginda menghantar armada ke Selat Melaka untuk memerangi Portugis di Melaka. Terdahulu daripada itu Patih Yunus, Raja Japara telah menyerang Melaka dalam tahun 1513, tetapi gagal.

Peristiwa di atas berlaku dalam zaman pergolakan hebat di Jawa, tatkala Islam berpengaruh besar dan ditentang oleh kerajaan Hindu. Dalam tahun 1510, Islam bertapak di Demak dan para Wali Songo (Wali Sembilan) telah mengangkat Raden Fattah sebagai Sultan Demak, bergelar Sultan Syah Sri Alam Akbar Al-Fattah dan berpusat di Kota Gelagah Wangi, Bintara, Demak. Setelah Raden Fattah mangkat (1518) putera baginda Raden Yunus (yang mengetuai angkatan Japara menggempur Melaka pada tahun 1513)

menjadi Raja Demak (1518–1521). Setelah baginda mangkat, Demak diperintah oleh adindanya, Raden Trenggana.

Raden Trenggana dikurniakan enam orang putera-puteri. Yang pertama seorang puteri berkahwin dengan Ki Ageng Nglanggar; putera kedua menjadi Arya Adipati Demak bergelar Pangeran Prawata; yang ketiga seorang puteri kahwin dengan Pangeran Kalinyamat (beliaulah suami Nyai Mas Ratu Kalinyamat); yang keempat seorang puteri kahwin dengan Jaka Tingkir, Adipati Pajang; yang kelima seorang puteri Ratu Kembang; dan yang keenam seorang putera Ratu Mas menjadi Adipati Madiun. Apabila Raden Trenggana dibunuh oleh anak buahnya sendiri pada tahun 1546, kerajaan dipegang oleh puteranya Pangeran Prawata tetapi baginda serta permaisuri dibunuh oleh Ki Rangku orang suruhan Pangeran Penangsang (anak Pangeran Sedalepen cucu Raden Fattah). Adik Pangeran Prawata (Nyai Mas Ratu Kalinyamat) datang ke Demak dan membawa kembali anak-anak kekadanya ke Kalinyamat.

Puteri itu serta suaminya, Pangeran Kalinyamat, datang mengadap Sunan Kudus (seorang Wali Songo) untuk minta peradilan (keputusan secara adil) tetapi Sunan Kudus tidak memberi keputusan. Dengan hati pedih, suami isteri itu pun pulanglah, tetapi di tengah jalan dihambat oleh utusan Adipati Jipang (Pangeran Penangsang). Pangeran Kalinyamat dibunuh. Kini benar-benarlah Nyai Mas Ratu Kalinyamat marah dan sedih, tiada



Masjid Japara seperti yang terlukis di dalam *Reistograt Naar en Doot Oostindien* oleh Wouter Schouten, diterbitkan dalam 1676

lagi kepercayaannya akan keadilan di dunia ini. Maka baginda mengambil keputusan bertapa tanpa seurat benang pun kain melindunginya di Bukit Danareja selain ditemani beberapa dayang sahaja. Baginda tinggal di dalam kerubung (kelambu) dengan mengucapkan ikrar:

"Bila kematian suamiku dan kekandaku belum mendapat peradilan Tuhan, bila Arya Penangsang belum mendapat pembalasan dan terbunuh, beta tak akan berkain."

Setelah Pangeran Prawata dibunuh, maka Jaka Tingkir, Adipati Pajang (menantu Pangeran Trenggana) merebut takhta Demak dan mengalihkan pusat pentadbiran ke Pajang lalu menggelar dirinya Sultan Adiwijaya. Tentu saja Pangeran Penangsang marah kerana menurut pendapatnya dia lebih berhak dan layak menjadi Sultan Demak kerana dia adalah cucu Raden Fattah manakala Jaka Tingkir hanya menantu Pangeran Trenggana. Dengan hal yang demikian berlakulah ketegangan antara Sultan Adiwijaya (Jaka Tingkir) dan Adipati Jipang (Pangeran Penangsang).

Pada satu hari Sultan Adiwijaya pun pergi berkunjung ke Bukit Danareja, tempat iparnya Nyai Mas Ratu Kalinyamat bertapa tanpa kain. Turut serta ialah Ki Pemanahan dan Ki Penjawi dua orang panglima baginda. Ketika menemui baginda, Ratu Kalinyamat ada di dalam gubah (sejenis kelambu) kerana ia masih tidak berpakaian.

Maka titah Sultan Adiwijaya:

"Kekanda Ratu, silakanlah kekanda Ratu berkain dan pulang ke Kalinyamat."

Jawab Ratu Kalinyamat: "Beta telah berikrar tak akan berkain, bila belum ada orang yang menyanggupi akan membunuh Arya Penangsang."

Titah Sultan Adiwijaya: "Kalau begitu hambalah yang menyanggupi membunuh Arya Jipang. Oleh itu baiklah Kanda Ratu lekas-lekas berkain dan kembali ke Kalinyamat."

Jawab Ratu Kalinyamat: "Baiklah, dinda." Ratu Kalinyamat segera

berkain dan menemui Sultan Adiwijaya seraya berkata:

"Bila dinda menyuruh kanda pulang ke Kalinyamat, tinggalkanlah salah seorang dari kakamu itu (maksudnya salah seorang pengiring Sultan itu) untuk menghantarku."

Sultan Adiwijaya menitahkan:

"Baiklah, kakang Pemanahan yang mengantarkan."

Ratu Kalinyamat ingin pembelaan secepat mungkin. Ki Pemanahan menasihati bahawa Sultan Adiwijaya akan terdorong oleh perempuan jelita. Maka semasa berkunjung ke Kalinyamat Sultan pun terlihat seorang gadis sedang bermain dakon (congkah) lalu jatuh hati padanya. Gadis itu pun diminta pada Ratu. Balik di Pajang, Sultan malu berperang kerana Jipang hanya sebuah daerah kecil manakala Pajang kerajaan besar, maka Ki Pemanahan mencadangkan diadakan sayembara, siapa dapat membunuh Arya Jipang akan diberi bumi Pati dan hutan Mataram; tetapi tiada siapa yang berani melawan Arya Jipang.

Akhirnya Ki Pemanahan dan Ki Penjawi menyuggupinya. Dalam satu pertempuran di Bengawan (Sungai) Sore, bertemulah Ngabehi Loring Pasar (Mas Danang anak Ki Pemanahan, juga anak angkat Sultan Adiwijaya) dengan Arya Jipang. Diperturunkan senario ini dari *Babad Tanah Jawi* (1970):

"Melihat barisan nya lari cerai-berai, Ngabehi Loring Pasar menyerbu dengan bersenjatakan 'Kyai Plered'. Waktu itu kebetulan ia naik kuda betina. 'Gagah-rimang' (Kuda kenai kan Arya Penangsang) menjadi gembira melihat kuda betina, lari tak terkendal kan lagi. Cepat-cepat Ngabehi Loring Pasar turun dari kudanya. Ngabehi Loring Pasar menyerang dengan tombaknya. Tidak ampun lagi Arya Penangsang jatuh, masih ingin ia membalas, tetapi tenaga telah tak ada. Tukang kuda 'Gagah-rimang' lari pulang, bertemu dengan Patih Mentaun di tengah jalan. Ia memberitahu kematian Arya Penangsang. Patih Mentaun (seorang menteri Jipang) lupa akan segala-galanya ia menyeberangi sungai, tetapi hanya untuk menghantarkan

jwa. Lehernya dipenggal dan diperlihatkan kepada perajurit Jipang yang ada di seberang sungai. Setiap ada yang hendak menyeberangi segera terkena senjata dari seberang sungai. Akhirnya mereka memutuskan untuk menyerah, kerana mereka pikir tak ada guna melawan lagi."

Ki Gedhe Pemanahan yang berjaya merancang pembunuhan Arya Jipang (Pangeran Penangsang) tidak menerima Mataram seperti yang dijanjikan sehingga Sultan Pajang dipujuk dan didekaf oleh Sunan Kalijaga. Anak Pemanahan, Panembalan Agung Senopati Ing Alaga (dulu, Ngabehi Loring Pasar, bertakhta 1584–1601) merupakan pengasas pembangunan dan perluasan Mataram. Pada tahun 1582 Pajang dikalahkan Senopati dan pada tahun 1586 langsung dikuasai. Beliau terus menguasai Demak (1588), Madium (1590) dan Kediri (1591). Bagindalah yang disebut Sultan Agung yang selama 17 tahun menentang perluasan Belanda di Tanah Jawa.


Akan Nyai Mas Ratu Kalinyamat, baginda diangkat menjadi Ratu Japara di utara pesisiran Jawa. Japara merupakan pelabuhan yang semakin kukuh sejak Patih Yunus berani menyerang Portugis di Melaka pada tahun 1513.

Dengan pentadbiran yang teratur dan semangat juang yang gigih Ratu Kalinyamat mempersiapkan satu angkatan laut untuk membantu Angkatan Laut Johor yang diketuai Laksamana Haing Nadim bagi mengempur kubu Portugis di Melaka.

Pada tahun 1551 Armada Japara dan Armada Johor mengepung Melaka tetapi serangan ini tidak berhasil. Pada tahun 1574 Ratu Kalinyamat sekali lagi menghantar armada yang besar lalu berlaku kepungan ke atas Melaka selama tiga bulan. Namun Melaka tetap bertahan dan berjaya mengukuhkan kedudukannya sehingga tahun 1642.

Demikianlah kisah kebangkitan seorang Puteri Dunia Melayu dari Japara yang amat cekal, tabah dan berani menghadapi sebarang halangan dan cabaran demi kecemerlangan agama, bangsa dan negeranya.

SALASILAH PUTERI DWARAWATI DAN RATU KALINYAMAT





Ratu Sima

RATU MENGHUKUM PUTERA SENDIRI

Dalam Sejarah (Baru) Dinasti Tang di China, pada pertengahan abad ke-7, terdapat sebuah kerajaan bernama Ho-ling dan sebuah negeri bernama Cho-po. Yang menjadi rajanya pada masa itu ialah seorang raja perempuan bernama Simo/Sima.

Penulis sejarah menceritakan betapa aman dan makmurnya negeri yang diperintah Ratu Sima itu. Tanah negerinya subur dan padinya menjadi. Pelbagai upacara kerajaan diadakan dengan lancar dan mewah. Singgahsana Ratu bersalut emas dan baginda sentiasa diiringi dayang-dayang yang memegang kipas bulu merak. Senjata kerajaan seperti keris dan pedang disalut emas dan bertatakan permata pelbagai rupa dan warna. Agama yang dianut ialah agama Buddha.

Menurut penyelidik, 'Cho-po' itu ialah Jo-wo yakni Pulau Jawa, dan Ho-ling ialah kerajaan Kalinga yang pernah wujud di Pulau Jawa dalam kurun ke-7. Dan memang ada seorang Ratu yang bernama Sima.

Tentang keamanan dan kemakmuran negeri Ho-ling itu, menurut pencatat sejarah bangsa Cina itu, sampai juga berita itu ke Ta-shih (negara Arab) sehingga tertarik hati para pengembara bangsa

Ta-shih itu ingin melawat negeri Ho-ling, hendak mengadakan hubungan dengan raja perempuan Sima itu, agar terjalin perniagaan di antara kedua negara itu. Antara tahun 674-675 Masihi, sampailah satu perutusan dari Ta-shih ke Ho-ling. Maka kagumlah utusan Ta-shih itu melihat keamanan dan kemakmuran negeri Ho-ling di bawah pemerintahan Ratu Sima.

Pada satu hari, ketua utusan Ta-shih cuba mencirikan satu uncang emas di tengah jalan tetapi hairanlah utusan Ta-shih itu kerana orang yang lalu-lalang tidak mengendahkan uncang-emas itu. Sampai tiga tahun uncang emas itu terletak tanpa diusik di tengah jalan itu. Apabila ada orang menghampiri uncang itu mereka akan mengelaknya, membiarkannya tidak terusik. Pada satu hari setelah tiga tahun, maka lalulah Putera Mahkota Ho-ling di tempat itu. Dilihat saja pundi itu di tengah jalan lalu disepakinya uncang itu sehingga pecahlah uncang itu dan berhamburanlah emas dari dalamnya.

Perbuatan Putera Mahkota itu dianggap oleh Ratu Sima, ibunya sebagai satu kesalahan besar. Amatlah murka baginda setelah diketahuinya kesalahan puteranya itu. Sengaja memberi muka bagi kerajaan di hadapan bangsa asing, yang datang hendak menyaksikan betapa tenang, aman dan makmurnya negeri Ho-ling. Dengan kelakuan yang biadap itu putera baginda dianggap melanggar keluhuran budi. Oleh sebab itu putera baginda dihukum kaki yang





Pelbagai jenis sisir Puteri Melayu

menyepak uncang berisi emas itu mesti dipotong walaupun para menteri merayu agar baginda tidak menghukum sedemikian, namun Ratu Sima tetap tegas dengan hukuman baginda. Kaki Putera Mahkotanya dipotong.

Dengan peristiwa demikian itu utusan Ta-shih kembali dan tidaklah jadi Raja Ta-shih menyerang Ho-ling.

Siapakah Raja Ta-shih itu dan apakah maksudnya menguji rakyat dan Ratu Ho-ling dengan membiarkan uncang berisi emas di tengah jalan itu?


Mungkin kepada orang biasa cerita atau peristiwa sedemikian dianggap kurang nilainya. Namun kepada Raja Ta-shih yang

menerima berita itu baginda menganggap Ratu Sima dan negeri Ho-ling, walaupun kecil, namun amat teguh dan Ratu serta rakyatnya amat berdisiplin. Negeri yang sedemikian rupa, raja dan rakyatnya, sudah tentu amat sukar dikalahkan kerana semangat mereka kental dan moral mereka tidak dapat dilenturkan walaupun selama tiga tahun uncang berisi emas itu terdedah di tengah jalan. Mereka tidak dapat dibeli!

Perutusan itu sampai ke Ho-ling pada tahun 674 Masihi maka Raja Ta-shih atau Khalifah bangsa Arab masa itu ialah Mu'awiyah bin Abu Sufian (661-680) yang terkenal dengan pentadbirannya yang bijak dan teratur. Mungkin baginda telah menghantar 'pengintip-pengintip' sebelum dihantar armadanya. Nyata baginda seorang pentadbir yang dapat membaca keadaan sesuatu negeri daripada



Wajah puteri bersanggul dari sisi hadapan



Sanggul seorang puteri (sisi belakang)

beberapa faktor seperti:

1. Cara pemerintahan dan undang-undang (ketegasan ratu)
2. Ketahanan militer negeri (disiplin pemerintahnya)
3. Ketabahan moral warga negaranya (tidak korup)
4. Ketahanan ekonomi (tidak terpengaruh dengan emas; negeri aman dan makmur)
5. Berani kerana benar (putera sendiri dihukum)

Demikian Ratu Sima, pemerintah Ho-ling di Tanah Jawa yang dikenang kerana pemerintahannya yang tegas, adil dan berani. Baginda tetap menjalankan hukuman untuk menjaga kesucian budi serta kesopanan bangsanya walaupun terpaksa mengorbankan sebelah kaki puteranya sendiri.

Ibu mana tidak sayangkan anak namun dalam keadaan sedemikian baginda telah melenyapkan rasa 'keibuan'nya dan menghukum putera baginda seolah-olah puteranya itu rakyat biasa yang berkelakuan biadab di hadapan bangsa asing di jalanan Ho-ling.





Cik Siti Wan Kembang

KEAGUNGAN PEMERINTAH WANITA DI TANAH MELAYU

Pada sekitar kurun ke-17 terdapat lebih kurang sepuluh orang Puteri Melayu yang menjadi pemerintah negara iaitu di Aceh, Patani dan Kelantan. Yang amat menakjubkan adalah tentang kewujudan seorang Puteri Melayu yang berjaya menjangkau martabat agama, bangsa dan negara Kelantan sehingga terkenal di Dunia Melayu dan beberapa negara asing dalam tempoh hampir 60 tahun pemerintahannya (1610-1667). Sehingga kini nama puteri ini masih sinonim dengan Negeri Kelantan sebagai Negeri Cik Siti Wan Kembang. Sesungguhnya, Cik Siti Wan Kembang mencatat sejarah sebagai pemerintah wanita yang paling lama di atas takhta sebuah kerajaan dalam Dunia Melayu.

Pada sekitar tahun 1570-an, lahirlah seorang puteri putih suci yang comel, diberi nama Wan Kembang oleh ayahandanya, Sultan Ahmad dan bondanya, Permaisuri Che Banun. Sultan Ahmad adalah pemerintah Kelantan beragama Islam yang ke-4 selepas kemangkatan bapa saudara baginda bernama Sultan Gombak pada tahun 1548. Sultan Ahmad menjadi pemerintah bagi Kerajaan Serendah (Seri Indah) Sekebum Bunga yang berpusat di Kota Pulau Sabar. Kerajaan itu telah dibangunkan semula

oleh pemerintah Kelantan beragama Islam yang kedua, Sultan Mansur, selepas Kota Serendah Sekebum Bunga Cerang Tegayung musnah akibat diserang angkatan Siam semasa pemerintahan paduka ayahanda baginda iaitu Sultan Iskandar.



Kelahiran Wan Kembang di Istana Kota Pulau Sabar disambut dengan penuh kasih sayang dan kegembiraan oleh Sultan Ahmad dan Permaisurinya. Para pembesar dan rakyat jelata turut bergembira dengan kelahiran pewaris pemerintah yang dikasihi. Majlis kenduri kesyukuran diadakan di setiap masjid dan surau di setiap pelosok kampung dan mukim apabila berita gembira tersebut dicanangkan oleh pegawai istana. Genap tujuh hari Wan Kembang dilahirkan, upacara bercukur rambut diadakan dengan penuh adat istiadat diraja. Wan Kembang diasuh dengan penuh kasih umpama sebutir berlian yang bergemerlapan oleh kedua pasangan diraja itu. Sejak Wan Kembang dilahirkan, Serendah Sekebum Bunga bertambah makmur sebagai pusat perdagangan, pusat ilmu dan pusat kebudayaan. Ada di kalangan pedagang-pedagang asing yang sengaja memusnahkan kapal dan tongkang mereka setelah mendarat kerana ingin terus bermastautin sebagai rakyat di negeri Serendah Sekebum Bunga yang terletak di sebahagian Sungai Kelantan. Ramai alim ulama Islam datang membuka pon-

dok untuk mendidik ribuan penuntut dan rakyat dari dalam dan luar negara. Sultan Ahmad terkenal sebagai pemerintah yang adil, mesra-rakyat serta berpegang teguh kepada syariat Islam dalam melaksanakan tanggungjawabnya. Semasa pemerintahan baginda terdapat ramai pedagang asing dari negara Arab, China, India dan Alam Melayu di negeri itu. Rakyat hidup aman damai dalam suasana muhibah walaupun berlainan kepercayaan, agama dan budaya. Pemerintah di negara jiran juga menghantar wakil untuk mempelajari selok-belok pemerintahan Sultan Ahmad. Datang peredaran dunia maka baginda Sultan Ahmad pun mangkat pada tahun 1580 ketika anak tunggalnya, Wan Kembang masih kecil lagi, berusia lebih kurang empat tahun.

Oleh kerana Wan Kembang masih kanak-kanak, maka Kerajaan Kelantan melantik Raja Hussein yang berasal dari Johor (sepupu Permaisuri Che Banun) sebagai Pemangku Raja pada tahun 1580 juga. Sejak dari kecil lagi Wan Kembang diberi pendidikan dalam pelbagai aspek kehidupan dan asuhan keperkasaan jiwa sebagai persediaan menjadi pemerintah oleh beberapa orang pengasuh diraja dan pembesar istana. Beberapa orang alim ulama yang terbaik telah dilantik untuk mendidik Wan Kembang agar mempunyai iman yang teguh. Wan Kembang sendiri amat meminati ilmu tasawuf.

Wan Kembang mewarisi takhta yang diwasiatkan oleh ayahandanya, Sultan Ahmad ketika masih remaja lagi selepas Raja Hussein mangkat pada tahun 1610. Wan Kembang bukan sahaja seorang puteri rupawan yang berbudi pekerti tinggi malah bijaksana. Kerajaan Kelantan menabalkan Wan Kembang dengan gelaran Paduka Cik Siti Wan Kembang sebagai pemerintah yang ke-6 dalam suatu upacara adat istiadat diraja yang gilang gemilang. Rakyat jelata menyambut pertabalan baginda dengan gembira kerana yang menaiki takhta adalah pewaris Sultan Ahmad.

Pertabalan baginda sebagai Raja adalah sesuatu yang luar biasa kerana dalam sejarah kesultanan Kelantan, baginda juga Raja Perempuan pertama di sebuah negara Islam. Baginda bersemayam di Gunung Cinta Wangsa di Ulu Kelantan. Walaupun Paduka Cik Siti bersifat lemah-lembut tetapi Baginda mempunyai banyak sifat dan ciri pemerintah yang terpuji, yang diwarisi daripada ayahanda baginda. Baginda tidak menyalahgunakan kuasa dan memerintah



Ihsan Jabatan Muzium dan Antikuiti

Puteri ini memakai pakaian gaya wanita Aceh bercelana baldi, salaman dipadankan dengan kain batik tulis corak Madura berwarna merah bata dan biru. Kalunginya daripada manik dan kepingan emas.

segusa hati. Segala pengendalian pemerintahan negeri dibantu oleh para pembesar negeri.

Kemasyhuran Paduka Cik Siti yang cantik rupawan, bijaksana serta masih belum berkahwin sebagai pemerintah negeri yang aman dan makmur pastinya menjadi idaman sebilangan raja-raja di Tanah Melayu dan juga negara jiran. Baginda telah menerima banyak

utusan peminangan tetapi semuanya ditolak dengan cara diplomatik. Baginda lebih suka bersendirian sepanjang hayat kerana sekiranya baginda berkahwin dengan salah seorang pemerintah yang melamar baginda, besar kemungkinan ada pemerintah yang kecewa dan akibatnya akan menyerang Kelantan. Baginda rela korbankan kebahagiaan hidupnya sendiri demi memelihara takhta dan negeri. Baginda tidak rela melihat negeri yang dibangunkan dengan cemerlang oleh ayahanda baginda itu hancur diserang musuh dan rakyat dizalimi. Walau bagaimanapun, penolakan peminangan raja-raja serta gangu-gugut ugutan dari pihak musuh tersebut membosankan dan membimbangkan baginda tentang keamanan negara. Justeru itu, baginda mengambil keputusan untuk memindahkan tempat semayam baginda dari Gunung Cinta Wangsa ke suatu tempat baru pilihan baginda di Cerang Tegayung. Sebuah kota baru yang lengkap dengan istana dan balai penghadapan dibangunkan secara gotong-royong oleh para hulubalang dan rakyat jelata. Tempat semayam yang baru itu baginda namakan Serendah (Seri Indah) Sekebum Bunga Cerang Tegayung.

Sesungguhnya Islam adalah agama yang sempurna, Baginda Cik Siti berpegang teguh pada syariat Islam dalam pelaksanaan segala tanggungjawab baginda sebagai pemerintah. Baginda menjemput ramai alim ulama ke negeri baginda untuk mendidik dan mengasuh rakyat jelata dengan nilai kemanusiaan, hidup bermuafakat serta pembangunan rohaniah. Baginda juga menitikberatkan hal pembangunan jatidiri kanak-kanak agar apabila dewasa kelak menjadi insan berhati mulia dan bersemangat perkasa serta sanggup membangun mempertahankan kesejahteraan agama, bangsa dan tanah air. Kaum wanita diberi pendidikan yang sesuai sebagai persediaan memainkan peranan mereka sebagai kaum ibu yang akan melahirkan dan membesarkan anak-anak bangsa yang berbakti kepada keluarga, masyarakat dan tanah air. Sesungguhnya bangsa yang lemah dan mundur merugikan bangsa dan negaranya serta memalukan keturunannya di kemudian hari. Baginda Paduka Cik Siti juga pakar dalam bidang ekonomi. Baginda mengamalkan dasar pemerintahan terbuka dan sesiapa pun boleh datang untuk berniaga atau bermastautin di negaranya. Kedudukan Serendah Sekebum Bunga Cerang Tegayung di tengah perjalanan di antara selatan kepulauan Melayu ke bahagian utara benua kecil Indo-Cina membuatnya amat strategik dan terkenal sebagai pusat perdagangan antarabangsa. Oleh yang demikian bertambah ramailah pedagang

asing yang datang dari segenap pelosok dunia. Ramai juga bangsa asing yang berhijrah ke negeri Kelantan untuk menyebar atau mempelajari ilmu Islam. Baginda menggalakkan amalan sikap baik-baik, tolong-menolong antara satu sama lain, tanpa mengira bangsa, warna kulit dan fahaman agama. Rakyat asing diharuskan oleh baginda untuk menghormati rakyat tempatan, manakala rakyat tempatan pula mestilah menyambut baik kedatangan rakyat asing. Baginda melarang sama sekali semangat berpuak-puak kerana sekiranya berlaku permusuhan, rakyat tempatan dan pendatang asing akan sama-sama rugi dan tercemarlah nama baik bangsa Melayu. Orang Arab yang datang ber-niaga dan menyebarkan agama Islam menggelar baginda dengan nama "Paduka Cik Siti". Perkataan "Siti" dalam bahasa Arab bermaksud 'perempuan mulia'. Gelaran ini menjadi masyhur sehingga orang di Kelantan sendiri menyebut baginda dengan "Paduka Cik Siti".

Semasa zaman pemerintahan Paduka Cik Siti, gejala sosial amat berkurangan kerana pada masa lapang rakyat baginda bergiat dalam aktiviti kemasyarakatan serta pelbagai acara kesenian dan kebudayaan seperti tarian asyik, makyung, menora, gamelan, dikir barat, nasyid, qasidah dan sebagainya. Mereka juga mengisi masa lapang dengan bermain gasing, wau bulan, sabung ayam dan lain-lain. Secara tidak langsung, keunikan kesenian dan kebudayaan tersebut menjadi suatu daya tarikan kepada pendatang asing ke Serendah Sekebum Bunga Cerang Tegayung.

Baginda Cik Siti banyak menerima persembahan hadiah dari dalam dan luar negeri sebagai tanda persahabatan dan penghormatan. Antara berbagai-bagai persembahan itu, ada suatu persembahan diri dalam negeri yang berjaya menambat hati baginda iaitu seekor anak kijang kenca yang jinak. Anak kijang itu menjadi penghibur baginda ketika berehat di taman istana. Anak kijang yang manja itu amat disayangi baginda sehingga gambarnya diterapkan di atas wang emas perbelanjaan negara dan dijadikan Lambang Jata Kebesaran Rakyat Kelantan, kemudian hari.

Kemakmuran negeri di bawah naungan seorang Raja Perempuan inilah yang membuat pemerintah kaum lelaki biasa agak tercabar serta timbul rasa iri hati pihak musuh. Mereka cuba memporak-perandakan negeri Kelantan untuk kepentingan kerajaan mereka tetapi usaha mereka gagal kerana kebijaksanaan baginda dengan



Tali pinggang emas berlabung Kelantan

Ihsan Jabatan Muzium dan Antikuiti



Mata wang pits yang tertera padanya kijang kesayangan Cik Siti Wan Kembang. Kijang tersebut juga tertera pada mata wang Malaysia kini.

bantuan sekumpulan pegawai istana dan cerdik-pandai yang taat setia serta rela berkorban demi mempertahankan agama, bangsa dan negara. Oleh yang demikian per-istiwa perang besar dapat dielak semasa zaman pemerintahan baginda. Sebagai perse-diaan pertahanan negara, baginda meng-galakkan gelang-gelang-silat dibuka oleh mahaguru yang mempunyai pendidikan agama Islam yang baik seperti guru pondok. Pada hemat baginda, kekuatan fizikal sahaja tidak menjamin kekebalan jiwa seseorang pahlawan, ia harus diikuti oleh kekuatan batin iaitu keyakinan kepada Tuhan dengan amalan ayat-ayat al-Quran dan doa-doa tertentu yang dibenarkan dalam Islam. Buah fikiran bernas baginda mendatangkan hasil. Ramai bilangan pemuda tempatan dan luar yang datang belajar ilmu agama dan ilmu kepahlawanan. Sebilangan kaum wanita turut dilatih sebagai srikandi bangsa. Demikianlah cara baginda me-nyediakan angkatan pertahanan negara yang tabah dan perkasa zahir dan batin.

Semasa pemerintahan Paduka Cik Siti terdapat sebuah kerajaan

Jemal yang terletak di sebelah timur laut Kelantan. Perhubungan di antara kerajaan baginda dan Raja Loyor, pemerintah Jemal amat baik. Kedua-dua kerajaan saling berutusan dan bertukar hadiah tanda persahabatan. Pada suatu hari, sampailah kepada pengetahuan baginda bahawa Raja Loyor dan isterinya baru sahaja menyambut kelahiran seorang puteri. Maka berangkatlah baginda untuk melawat puteri Raja Loyor itu. Keberangkatan baginda ke Jemal disambut meriah penuh adat istiadat diraja oleh Raja Jemal serta rakyatnya di istana baginda. Baginda melihat Puteri Sa'adong yang masih kecil dan comel itu dengan rasa penuh kasih sayang, lalu terbukalah hati baginda untuk memohon limpah perkenan Raja Loyor menjadikan Puteri Sa'adong sebagai anak angkat baginda.

Setelah berbincang dengan isterinya, maka Raja Loyor pun menghantar utusan menyatakan persetujuan atas permohonan Baginda Paduka Cik Siti yang murni itu dengan harapan semoga Puteri Sa'adong akan membawa sinar kebahagiaan dalam kesunyian hidup baginda. Baginda menerima utusan tersebut dengan penuh kesyukuran kepada Tuhan dan menyatakan penghargaan baginda atas pengorbanan Raja Loyor dan isterinya. Hubungan akrab itu telah menguatkan lagi perta-hanan kedua-dua kerajaan sekiranya diserang musuh.

Maka bermulalah kehidupan Puteri Sa'adong yang masih kecil lagi dengan bonda angkatnya. Puteri Sa'adong adalah penyeri hidup Baginda Paduka Cik Siti. Baginda memelihara Puteri Sa'adong dengan penuh kasih sayang seperti anak kandung sendiri. Mereka sering berhibur di taman istana ditemani dengan dayang-dayang dan kijang kecanaanya yang manja. Puteri Sa'adong dibesarkan dengan segala kemewahan sebagai puteri raja dan diberi pendidikan sebaik mungkin oleh para pengasuh dan guru yang dilantik oleh Baginda. Baginda yang juga ahli sufi turut mengasuh Puteri Sa'adong sejak kecil lagi tentang agama serta peradaban yang tinggi. Puteri Sa'adong membesar sebagai seorang anak yang taat dan amat sayangkan bonda angkatnya seperti menyayangi ibu kandungnya sendiri. Baginda Paduka Cik Siti memperkasakan jiwa puterinya dengan bekal ilmu kebatinan yang tidak bercanggah dengan agama Islam. Yang menariknya, kedua-dua puteri Melayu itu cantik menawan, halus budi bahasa, kuat beribadat serta mempunyai

keramah, daulat dan sentiasa memelihara maruah diri.

Puteri Sa'adong membesar sebagai seorang gadis yang sungguh anggun dan menawan. Berita tersebut tersebar luas di serata pelosok Tanah Melayu dan negara jiran. Maharaja Siam yang pantang mendengar sebarang perkhabaran kemashyuran puteri jelita, telah menghantar satu utusan peminangan Puteri Sa'adong kepada Baginda Paduka Cik Siti. Pinangan Maharaja Siam itu ditolak dengan helah tertentu dengan budi bahasa yang halus oleh Baginda Paduka Cik Siti.

Puteri Sa'adong sendiri tidak berkenan untuk berkahwin dengan seseorang yang berlainan bangsa dan agama. Utusan Maharaja Siam itu pun pulanglah dengan hampa. Baginda Paduka Cik Siti tahu bahawa menolak pinangan seorang raja terutamanya Maharaja Siam akan mengundang bencana kepada negeri Kelantan. Maka setelah berfikir panjang, Baginda Paduka Cik Siti pun membuat keputusan untuk mengahwinkan Puteri Sa'adong yang kini berusia sekitar 15 tahun dengan sepupunya, Raja Abdullah, yang juga putera Raja Bahar.

Berita tersebut dipersetujui oleh kedua belah pihak, maka pada sekitar tahun 1663 berlangsunglah upacara perkahwinan di antara Puteri Sa'adong yang rupawan dengan Raja Abdullah dalam penuh adat istiadat diraja. Rakyat Serendah Sekebun Bunga Cerang Tegayung dan Jemal berpesta beberapa hari meraikan upacara tersebut. Tidak berapa lama kemudian, Baginda Paduka Cik Siti memerintahkan hulubalang dan rakyatnya bergotong-royong membina sebuah kota dan istana yang diberi nama "Kota Jelasin". Baginda Paduka Cik Siti turut bersemayam seketika di situ bersama-sama anakanda kesayangannya, Puteri Sa'adong dan Raja Abdullah.

Pada tahun 1667, baginda Cik Siti Wan Kembang telah menabalkan anakandanya Puteri Sa'adong sebagai Raja Kelantan yang ke 7, manakala baginda sendiri memashyurkan dirinya sebagai Puteri Wijayamala.

Baginda Paduka Cik Siti Wan Kembang atau Puteri Wijayamala yang sudah lanjut usia itu pun berangkatlah ke suatu tempat yang jauh daripada semua orang iaitu di Gunung Ayam untuk berhening diri, memberi tumpuan kepada hal akhirat dan meninggalkan segala kepentingan hidup keduniaan. Baginda menghambakan diri baginda sepuh jiwa raga kepada Tuhan yang Maha Kuasa.


Tiada siapa yang tahu bila Baginda Paduka Cik Siti mangkat, hanya Allah yang Maha Mengetahui. Yang diketahui orang ramai ialah bahawa Baginda Paduka Cik Siti yang suci dan mulia itu ghaib di Gunung Ayam.

Demikianlah kisah seorang puteri Melayu yang menyerahkan jiwa raganya sebagai pemerintah yang agong selama lebih kurang 60 tahun, demi memelihara dan menjulang martabat agama, bangsa dan tanah air tercinta. Kisah baginda baik dijadikan teladan oleh generasi masa kini terutama kaum wanita. Paduka Cik Siti Wan Kembang membuktikan bahawa wanita mampu menjadi pemimpin yang cemerlang walaupun satu kaum yang lemah jika diukur dari aspek fizikal berbanding dengan kaum lelaki. Kaum wanita harus mempunyai ilmu, keteguhan iman dan taqwa bagi melaksanakan pelbagai peranan dan tugas serta berjaya mengatasi pelbagai dugaan dan cabaran hidup.



Lukisan cat minyak berjudul "Dunia Melayu"
Pelukis: Yusuf Sulaiman
Koleksi Pucuk Rebong Muzium Diraja - Suria, KLCC

SALASILAH CIK SITI WAN KEMBANG DAN PUTERI SA'ADONG





Adruja Wijayamala

WIRAWATI ULUNG BANGSA MELAYU

Sejarah telah membuktikan bahawa bangsa Melayu pernah ada seorang wirawati yang gagah berani bahkan seorang raja dan pemerintah yang cekap dan tegas serta digeruni oleh musuhnya. Sifat-sifat unggul itu wujud pada seorang panglima perang Langkasuka yang dikenali dengan nama Adruja Wijayamala. Nama lengkap wirawati pada puncak perjalanan hidupnya ialah Adruja Wijayamala Singa dan di kalangan rakyat yang masih beragama Hindu dia dikenali dengan julukan Dewi Durga (menurut kepercayaan Hindu: dewi paling garang, isteri dewa Siva dan juga dianggap Kali; biasanya digambarkan sedang menunggang seekor harimau / singa dan membunuh rakasa kerbau dengan lapan atau sepuluh tangannya.). Maksud namanya : Adruja, kepandakan dari sebutan Adhi Raja, ertinya raja yang besar, mulia, tinggi darjatnya, yang utama, yang terbaik dan pemuka pasukan perang.

Selain menjadi seorang puteri yang turut berperang mempertahankan Langkasuka, dia mempunyai satu pasukan wirawati yang dipilih dan dilatih khas. Perkataan Wijayamala dalam bahasa Sanskrit ialah sejenis bunga sakti (sejenis seroja) yang dikatakan dapat menghidupkan orang yang mati. Mungkin tidak secara hurufiah tetapi peribadi serta perlakunya yang cerdas dan cergas itu membangunkan kembali semangat perjuangan dan

nilai kekuatan dan ketabahan di kalangan pengikutnya. Perkataan Singa (Sanskrit: sinha) memanglah raja segala haiwan yang ganas, bengis, berani dan mengatasi segala-galanya.

Yang menyebabkan Adruja Wijayamala Singa begitu menonjol, walaupun tidak dikenali umum sejak runtuhnya kerajaan Langkasuka, ialah perkara-perkara berikut :

Bagindalah antara dua orang raja di Dunia Melayu yang ditemui Ibn Battutah (Abu Abdullah Muhammad) dari Tangier, Afrika Utara dalam perjalanannya ke ceruk rantau dunia Islam-hingga ke negara China dan kembali ke tanah airnya, dari 1325 hingga 1355, yang dicatat di dalam *Rihlah Ibn Battutah*. Pengembara agung ini telah mencatatkan nama dua orang raja yang memerintah dua tempat persinggahan beliau. Raja pertama ialah Sultan Ahmad Bahian Syah Malik'uz Zahir (1326-1349), seorang raja yang pemurah dan sangat menghormati para alim ulama. Baginda sentiasa memerangi orang kafir namun sifatnya merendah diri bahkan berjalan kaki ke masjid pada hari Jumaat. Raja kedua, Adruja [disebut Urduja oleh Ibn Battutah] yang sentiasa bertempur dengan musuhnya Sukhotai (Ibn Battutah menyebutnya bangsa China). Maka dalam satu perang sengit, Adruja berjaya menebas kepala rajanya, Rama Khambaeng dan menghanyutkan mayatnya ke laut. Selain itu, orang Filipina telah 'mencuri' Adruja sebagai wirawati negaranya dan mengagungkannya sebagai idola para


Puteri Dunia Melayu

pemuda dan pemuda bangsanya.

Empayar Melayu yang dimaksudkan sebagai Tawalis oleh Ibn Battutah dalam catatannya itu ialah Langkasuka yang sejarahnya bagai gelombang turun naik dalam samudera sejarah bangsa Melayu. Langkasuka wujud sejak abad ke 2 hingga ke abad ke-16. Walaupun empayarnya sudah tiada namun ia tetap terpatih di dalam ingatan sebab disebut-sebut juga sebagai calon nama bagi negara Tanah Melayu yang baru merdeka. Butiran yang lengkap tentang Langkasuka disebut sebagai Lang-ya-hsiu di dalam kitab sejarah China, Liang-shu (pada awal abad ke-7) dan di dalam kitab-kitab China yang lain hingga ke sekitar tahun 1300. Sumber Arab *Kitab al-Minhaj al-Fakhir fi'ilm al-Bahr al-Zakhir*, menyebutkan "Langa Shuka yang letaknya di perbatasan terjuah dari China" (P. Wheatley, 1961). Pengarang secara butiran meletaknya antara Kelantan dan Singora. Dalam inskripsi Tanjore, India disebut "Ilangasoka yang tidak gentar dalam pertempuran sengit". Dalam teks sastra Jawa, *Nagarakretagama* (1365) menyebut Langkasuka sebagai negeri di dalam Pahang (Terbahagi kepada dua kumpulan negeri di pantai timur dan pantai barat dan Langkasuka tersenarai antara negeri-negeri di pantai timur). Dalam teks sastra tempatan *Hikayat Merong Mahawangsa* menceritakan pembinaan kota istana dengan balai yang besar dan cantik yang dinamai 'Langkasuka'.

Data lengkap tentang Langkasuka, walaupun berbagai-bagai, namun persamaannya dapat dicari daripada hasil mahsulnya yang utama sejak zaman berzaman, yang terpenting ialah kayu-kayu haruman yang berabad-abad dicari oleh para pedagang China di Asia Tenggara. Kayu cendana (*Santalum album*) dan kayu gaharu (*Agilaria malaccensis*), menurut Wang Ta-yuan



Para pedagang China menyebut Lang-ya-hsiu sejak abad ke-7

yang terbaik datangnya dari Langkasuka. Hal ini diakui oleh Linschoten (dalam abad ke-19) ketika beliau menjelajah di Kepulauan Melayu. Kayu cendana yang wangi ini telah dicampur ke dalam minyak wangi daripada bunga melur oleh inang dan dayang istana Langkasuka, dan dikatakan Adruja amat sukakan wangian ini (satu kesukaan khas yang masih menunjukkan bahawa dia masih ada sifat kewanitaan). Juga barus terhad di pantai timur, dan kayu teras yang wangi hanya ada di utara Semenanjung. Kayu jati juga banyak terdapat di Patani, dan gading gajah serta sumbu badak amat laris di pasaran China.

Zaman hidupnya wirawati Adruja Wijayamala merupakan suatu era kegiatan Sukhotai untuk memperluas empayar di bawah raja agung mereka, Rama Khamhaeng yang telah menakluk semua kaum Thai (Siam). Luas empayarnya di timur hingga ke Sungai Mekong di Kemboja, di sebelah barat hingga Pegu di Burma dan di selatan hingga ke Ligor (Nakhon Sithamarat). Kemaraannya ke selatan setakat Ligor itu dibendung oleh orang Langkasuka. Dalam 1295, duta Siam telah sampai ke istana China lalu diberi surat emas yang menyatakan :

"Oleh sebab orang Sien [Siam] dan orang Ma-li-yü-erh [Melayu] (sudah lama bunuh-membunuh satu sama lain dan kini di bawah ketundukan [di bawah kekuasaan China], maka suatu perintah diraja telah dikeluarkan menyuruh orang Sien : jangan merosakkan lagi orang Ma-li-yü-erh dan hendaklah kamu pegang janji kamu." (G.Coedes, 1968)

Pada 1294, Rama Khamhaeng sudah berada di Phetchaburi dan amaran pada tahun 1295 oleh China tidak diendahkan sangat



Puteri Dunia Melayu


kerana dia menganggap tenteranya cukup kuat untuk menentang sebarang tentangan. Orang Ma-li-yü-erh yang disebut pihak China ialah kerajaan Melayur, yang dahulunya di bawah pemerintahan Raja Sakranta (1253-1267) yang diganti oleh puteranya Raja Sang Tawal (1267-1335).

Di Grahi, Raja Sang Tawal membina kota yang teguh untuk menjadi ampuan kepada curahan tentera Sukhotai yang mara ke selatan. Sejak zaman Raja Sakranta (Raja Aminuddin), negeri-negeri di Selatan (Samudera-Pasai, Majapahit) dan timur (Campa) sentiasa bergabung untuk menentang kerajaan Sukhotai. Campa juga sentiasa diserang oleh Dai-Viet dari utara dan mendapat bantuan orang Melayu dari Langkasuka, Patani dan Kelantan.

Untuk sesuatu negara yang lemah terus bertahan daripada musuh yang lebih banyak, ganas dan zalim, kadang-kadang datang daripada pihak yang tidak diduga. Raja Sang Tawal dikatakan mempunyai seorang puteri bernama Adruja yang sejak umur

belasan tahun sentiasa menjadi pembantu ayahandanya, biasanya dibenarkan membawa bendera Langkasuka ke medan perang membiaskan dirinya melihat keganasan perang dalam segala aspek. Selesai saja perang, beliau sibuk membalut luka dan memberi minum kepada askar-askar Langkasuka. Melihat keadaan orang Langkasuka yang sentiasa berundur dan yang menyedihkan ialah kurangnya semangat juang mereka menyebabkan beliau membentuk satu pasukan khas yang terdiri daripada kaum wanita.

Tujuannya ialah untuk membantu tentera Langkasuka serta membela kaum wanita yang sentiasa diperkosa oleh askar Sukhotai tatkala menyerang kampung-kampung yang jauh dari Grahi. Seterusnya untuk menunjukkan kepada kaum lelaki bahawa kaum wanita setanding dengan mereka walaupun dalam medan perang. Itulah yang diusulkan kepada Raja Sang Tawal. Mula-mula baginda enggan kerana kaum wanita hanya untuk membantu merawat dan memasak, tetapi setelah dilihatnya Adruja pernah mempertahankan bendera negara beberapa kali, baginda pun akur.



Sumber: *Bual Melayu: The Golden Kluangites*, 1962.

Inskripsi Tanjore, India menyebut 'langasoka yang tidak gentar dalam pertempuran sengit'



Puteri Dunia Melayu

Namun untuk menyelamatkan puterinya, baginda usulkan :

"Sebenarnya anakanda sudah lepas belasan tahun dan"

"Ayahanda nak kahwinkan anakanda? Tidak! Sesiapa yang mahukan anakanda, sila bertarung senjata satu lawan satu. Kalau menang, boleh."

"Baiklah, ikut kehendak anakandalah."

Adruja seterusnya berusaha mencari wanita yang mahu menyertainya. Para perawan memangnya menolak. Jadi dicarinya segala janda muda yang kematian suami dalam peperangan, namun ada yang membantah :

"Berperang bukan kerja kita, kerja lelaki. Serahkan saja kepada mereka."

"Cis! Semua kamu nak serahkan kepada lelaki," tengking Adruja kepada sekumpulan janda yang ditemuinya.

"Sekarang apa dah jadi kepada kamu? Hidup tercungap-cungap, meremot, harapkan belas orang. Bagaikan pengemis! Lebih baik kamu kulatih agar dapat berperang. Bahkan lebih berani daripada bapa-bapa dan abang-abang kamu yang takut menghadapi gajah Sukhotai hingga kecut pelir mereka. Inilah masanya kamu menuntut bela agar tenteram roh mereka yang sudah pergi. Aku tak dapat memberi harta kepada kamu. Tetapi ingat! Ketika kamu mati, kamu akan mati syahid kerana mempertahankan agama dan negara kamu. Itulah janji bagi orang Islam, agama yang baru kamu anuti sekarang. Insya-Allah, kamu akan dikenang sebagai bunga-bunga suci di medan perang di dalam sejarah Langkasuka."

Latihan dan bekalan senjata untuk pasukannya diusahakan Adruja sendiri. Dialah yang menempah senjata ringan, disuruh membentuk busur panah yang kecil tetapi lebih cekap. Dan tentunya dibeli kuda daripada saudagar-saudagar Arab dan Turki di pelabuhan yang hampir dengan kota Grah. Daripada mereka, Adruja belajar bahasa Arab dan Turki. Beliau juga turut membeli kain dan keperluan wanita daripada mereka. Jelaslah kuda

puthinya, 'Halilintar' sentiasa mendahului sesiapa saja, termasuk Inologu pelatihnya yang berbangsa Turki itu. Pada suatu hari, Adruja masuk menghadap Raja Sang Tawal yang sedang bermesyuarat dengan panglima-penglima perang, semuanya menghadap selembaran peta. Setelah memberi salam, Adruja meluaskan daun-daun tingkap istana itu, seraya berkata :

"Ayahanda, datuk-datuk. Sila lihat di luar sana."

Sang Tawal dan beberapa panglima bergegas ke tingkap.

"Siapa mereka itu?"

"Pasukan khas patik. Hanya 41 orang. Kebanyakannya janda dan hamba abdi serta budak suruhan, untuk berperang bersama ayahanda kelak."

Melihat pasukan yang kecil itu, para panglima bertanya :

"Apa boleh Tuan Puteri buat dengan perempuan sebanyak itu?"

"Untuk menghis istana barangkali," sampuk seorang lagi.

"Dapatkah mereka memikul tombak atau memanah?"

Para panglima mula tersengih-sengih dan ketawa kecil. Ini membarakan dada Adruja lalu ditariknya seorang panglima dan dibawanya ke ruang tingkap. Dijirinya perintah kepada pasukannya, puluhan ela di bawah sana :

"Puspa! Panah panglima ini!"

Berdesing anak panah membelah udara lalu melekat pada daun tingkap - hanya sejengkal daripada muka panglima itu.

"Jika itu belum memuaskan, silalah tunggu di tingkap itu untuk perintahku yang kedua."

Tak siapa pun bergerak. Maka Adruja pun menyembah Sang Tawal dan terus turun. Itu berlaku dalam tahun 1317. Angkatan Sukhotai sudah mula bergerak ke selatan untuk menghancurkan kota Grah. Lama juga rakyat Grah menunggu kedatangan tentera Sukhotai sehingga leka tentang pengawasan kota itu. Tetapi Adruja dengan pasukan khasnya sudah bersiap sedia, dan sifat waspada itu berhasil

pada suatu malam apabila pengawalnya melihat panah berapi menembusi angkasa.

"Adruja!", jerit pengawal di penjuru kota yang dikhaskan untuk pasukan tuan puteri itu, "kampung di sebelah utara sana!"

Serta-merta 41 anggota pasukan itu berlempang lalu menunggang kuda mereka dan menyerbu keluar mengikut rakan-rakan yang membawa obor. Ketika sampai, sebahagian kampung sudah dimakan api. Jelas, askar Sukhotai sudah mula mengganas, membakar kampung, membunuh segala lelaki dan mengheret wanita keluar kampung itu. Tetapi, kali ini maut datang dengan rupa wanita bengis yang tak kenal belas kasihan. Seorang panglima Sukhotai telah merebahkan seorang perempuan muda ke tanah dan dia baru membongkok hendak mencabul kehormatannya apabila kelewang Adruja menebas lehernya. Dipekiknya arahan :

"Bunuh kesemuanya! Jangan biar seekor pun lepas! Cincang yang masih bernafas!"

Memanglah ada wanita antara pengikutnya yang muntah-muntah dan gengan melihat darah, kepala musuh terpelanting dan mendengar jeritan tatkala musuh disembelih. Malam itu tiada seorang Sukhotai yang balik ke markas. Begitu cekap dan terlatihnya pasukan Adruja dan pengikutnya yang luka hanya sedikit. Dengan serangan-serangan malam sedemikian banyak wanita Melayu terselamat, dan askar Sukhotai mula berasa gentar sebab askar yang keluar tak pulang-pulang.

Rama Khamhaeng yang zalim itu tidak sedikit pun terguris hatinya dengan kehilangan ratusan askarnya. Dalam masa itu Grahi mendapat maklumat bahawa tentera Sukhotai sudah hampir Raja Sang Tawal mengarah semua menteri dan panglimanya datang berunding, kecuali Adruja Wijayamala. Selepas mesyuarat, barulah ia diperintah :

"Adruja, kami sepakat bahawa anakanda diberi tugas menjaga kota, semasa ayahanda keluar menentang musuh."

Bayangkan betapa marahnya Adruja kerana diketepikan agar tidak berperang. Apabila tentera Sang Tawal keluar kota untuk menen-


tang tentera Sukhotai, seorang perempuan penduduk kota itu, yang mengenali Adruja, bertanya :

"Dewi Durga, kenapa tidak turut serta?"

"Raja ingat aku perempuan biasa. Layak menunggu di dalam kota saja."

"Tapi," ujar perempuan itu, "kami dengar cerita dari orang Tuan Puteri sendiri, banyak kampung di utara Grahi telah Tuan selamatkan."

Barulah Adruja sedar bahawa perihal itu tidak dilaporkan kepada Raja Sang Tawal, dan memang ingin dirahsiakan. Dia tersenyum. Memang jarang sekali puteri itu tersenyum sebab dia sentiasa berwajah bengis dan tak siapa yang berani bertentang mata dengannya. Sepanjang pagi hari ia gelisah, dan tatkala tengah hari ada sesuatu yang tak kena, bisik naturinya.



Kitub Arab menyebut 'Langsathak' yang letaknya di perbatasan terajah dari China



Puteri Dunia Melayu

"Puspa, pergi selidik. Ada sesuatu yang tak kena di luar sana."
Apa yang dilihat Puspa, memeranjatkan dia, lalu bergegas balik.

"Tuan Puteri, Sukhotai menyerbu kita. Ada yang sudah masuk kota, membunuh dan mengganas."

Serta-merta diarahnya kesemua anggota pasukannya bertindak. Askar musuh yang mengganas terhadap orang tua-tua, kanak-kanak dan wanita di dalam kota Grahil tiba-tiba terkejut kerana diserang para wanita bengis.

"Jahanamkan mereka! Bunuh semuanya! Anak haram zadah! Binatang! Cincang Habis!" pekik Adruja seraya menghayun kelewangnya memecah kepala atau memutuskan tubuh-tubuh musuh. Diarahnya beberapa orang rakan seperjuangannya,

"Kau Seroja, panah dari atas kota sana. Kau Sundari, suruh para abdi siapkan kuda kita."

Walaupun pencerobohan itu dapat dihindari namun itulah pertama kali hati Adruja berasa amat hiba dan remuk-redam kerana perbuatan yang amat zalim dilakukan ke atas orang yang lemah. Adruja mengetap bibirnya, walaupun airmatanya berlinangan tetapi anggota pasukannya terus menangis terisak-isak, sambil mendakap para wanita dan kanak-kanak yang meraung-raung. Dalam pada itu, seorang lelaki tua datang bertongkat ke arah Adruja, katanya :

"Tuan Puteri..." suaranya sebak sambil mengucup tangan Adruja. "hamba sudah tua...tiada tenaga lagi memerangi



Adruja Wiryamala, Wirawati Langkasuka
Ciptaan : Syed Zulfida S.M. Noor dan Haris Ismail





Puteri Dunia Melayu

musuh kita. Bawalah tasbih hamba ini. Semoga Tuan Puteri mencapai kemenangan yang luar biasa....Insya-Allah. Ucaplah Ya Jabbar Ya Qahhar..."

Orang tua itu berlalu dari situ, tak sempat pun Adruja menyebut terima kasih kerana anggota pasukannya sudah mengerumuninya dan bersiap-sedia.

"Pasukanku, Seri Wijayamala, lilitlah rambutmu dengan kain hijau seperti serban yang dipakai ayahmu, suamimu atau saudaramu yang pergi berjuang demi agama dan tanahair. Aku tahu askar ayahanda sedang terpujuk teruk. Aku juga tahu hari ini Rama Khamhaeng turut memimpin tenteranya. Hari ini hari penentuan. Puspaa, lilitkan serban kuning ini ke kepalamu."

Tiba-tiba kedengaran suara azan berkumandang di atas kota.

Suara seorang tua. Adruja memakai tasbih pemberian lelaki tua tadi pada lehernya dan terus menunggang kuda putihnya bernama Halilintar. Ketika selesai saja azan, maka dilatungnya 'Allahu-Akbar!'

Kelewang Adruja Wijayamala yang diberi nama 'Kilatani'. Inilah senjata yang membas kepala Rama Khamhaeng, raja Sukhotai yang disambut semua yang hadir, lalu dipicut kudanya yang menderu keluar kota bagai angin taufan. Tanpa memandang ke belakang anggota pasukan yang seramai 41 wirawati itu terus memacu kuda di belakang ketua mereka Adruja Wijayamala Singa. Jelas di medan perang segala pasukan bergajah Sukhotai sedang meredah dan merempuh apa saja di hadapan mereka. Orang dan kuda habis dibelit dengan belalai atau dipijak dengan kaki atau terodok oleh gading. Lima orang wirawati sudah diperalat dengan tombak bercangkuk dan mereka dibantu oleh pasukan berpanah dan pasukan memakai kusa [alat yang ditakuti gajah]. Puspaa yang memegang bendera khas Adruja Wijayamala (helang merah berlatarkan kuning) menunjuk ke satu arah pasukan bergajah Sukhotai yang mengibarkan bendera yang amat gemilang, terceletus daripada mulutnya :

"Tuan Puteri! Itu dia Rama Khamhaeng!"

Tanpa menghiraukan segala hiruk-pikuk di sekitarnya Adruja Wijayamala memcut kudanya ke arah gajah hitam khas itu. Panas api kemarahan dari lubuk hatinya mengalir ke tangan yang utuh menggenggam kelewangnya yang sudah berkilau-kilau disambar matahari petang.

"Panah!"

Maka gugurlah askar-askar di sekeliling gajah hitam

itu.

"Tombak! Runtuhkan dia!"


Beberapa tombak pun mengangkuk dan meragut raja agung Sukhotai itu sehingga terkeluar dari rengga gajah itu lalu terhempas ke bumi. Dalam saat itu, Adruja merodok pusat Rama Khamhaeng dengan kelewangnya lalu ditusuknya ke atas hingga ke tenggoroknya. Pecahlah jantung dan terburailah segala tali perutnya dengan semburan darah memuncbuk. Kelewang dicabut lalu leher raja agung itu ditebasnya.

Terpisahlah kepalanya daripada tubuhnya. Kepala itu ditancap oleh Puspaa pada hujung tombaknya lalu diberikan kepada Adruja, yang memekikkan arahan :

"Heret bedebah ini ke laut! Cincang sesiapa yang cuba menghalang."

Dua wirawati mengangkat kedua belah kaki raja Sukhotai itu lalu diheret oleh mereka dengan kuda. Ketika itu juga tentera Sukhotai sudah bagai orang gila dan cuba mendapatkan kepala raja mereka. Mereka dicantas dan ditebas terus oleh Adruja manakala yang cuba mendapatkan badannya terus dipanah oleh pasukan pemanah.

"Saroja, bawa balik kepala ini. Biar kuselesaikan saki-baki





anjing-anjing ini.”

Dengan pantas segala arahan Aduja dipatuhi. Kini tentera Sukhotai yang hilang semangat menyaksikan kematian raja mereka tidak dapat berbuat apa-apa selain berlutut meratap menyembah bumi. Itulah hari bencana besar bagi bangsa Sukhotai kerana tak diduga seorang panglima Islam yang berserban kuning, berkelewang panjang serta para pengikutnya yang berserban hijau yang tak takut mati bahkan menyambar di mana saja mereka berada.

“Cantas belalai gajah-gajah mereka !”

Terpegun wirawati Grahi itu mendengar arahan. Perasaan kasihan kepada haiwan mula meruap ke dada....tetapi ini arahan panglima perang. Melihat Aduja sendiri mencantas belalai gajah hitam Rama Khamhaeng, para wirawati turut berbuat demikian. Maka binatang gergasi itu pun terus merempuh tentera Sukhotai sambil meraung-raung kesakitan. Barisan hadapan Sukhotai yang berlutut meratap kehilangan raja mereka, kini diranap oleh gajah mereka sendiri; dan yang bakinya habis direbahkan oleh Seri Wijayamala, pasukan khas Langkasuka.

Badan Rama Khamhaeng yang diheret ke laut terus ditombak dan dicincang sepanjang jalan sehingga tinggal rangka dan cebisan daging tatkala di campak ke Laut China Selatan. Demikian yang diperlakukan oleh ketumbukan khas wanita kepada tentera Sukhotai yang mengiringi raja mereka yang megah itu! Maka larilah saki-baki tentera yang konon hebat itu bertempiran menyelamatkan nyawa mereka. Di pihak Seri Wijayamala memang ada yang luka dan mereka dibawa balik oleh rakan-rakan yang tidak luka. Seorang pun tidak ditinggalkan. Yang terakhir meninggalkan medan perang ketika merah senja mewarnai langit di barat ialah panglima mereka – Aduja Wijayamala Singa.

Lewat beberapa bulan maka datanglah rombongan dari Sukhotai untuk menebus kepala Rama Khamhaeng. Yang datang bukannya golongan tentera tetapi puluhan sami berjubah kuning pinang masak, kepala botak, berjalan kaki ayam membawa sepuluh pedati berisi emas dan perak. Mereka mohon berjumpa Aduja melalui Raja Sang Tawal. Apabila mengadap Sang Tawal dan Aduja di

halaman istana, semua sami itu berlutut lalu menyembah dan ketua mereka menyampaikan hasrat mereka. Setelah kepala Rama Khamhaeng diberikan, mereka pun pulang sambil meratap.

Lama juga tentera Melayu bertahan di Grahi, sehingga tahun 1325 apabila kota itu terlepas ke tangan Siam. Setiap kali kedua tentera itu bertentangan di medan perang, tentera Siam sentiasa mencabar pahlawan Melayu agar berada ketangkasan satu lawan satu di hadapan kedua angkatan, dan Aduja Wijayamala sentiasa dicabar keluar. Hasrat mereka hendak menuntut bela kematian rajanya. Tetapi setelah pertarungan hebat, Aduja seorang yang tinggal dengan kelewangnya berlututan darah. Setelah Grahi jatuh, Raja Sang Tawal lalu berundur ke Phatalung di selatan Ligor (Nakorn Sithamarat) kemudian ke Singgora, lalu dibina ibu negeri Langkasuka yang baru di sebelah Patani, dinamakan Kota Mahligai. Sebelum Sang Tawal mangkat (pada tahun 1335), Empayar Langkasuka diserahkan kepada puteranya Bharubhassa (Sultan Mahmud Syah) tetapi kepada Aduja Wijayamala di beri kawasan Seri Indah Sekebum Bunga Cerang Tegayang, yang juga disebut Kisanan Payung sebagai mengenang jasanya mencantas kepala Rama Khamhaeng dan berperang untuk Langkasuka.

Indah sungguh negeri Kisanan Payung yang berpusat di Kuala Krai, Kelantan Selatan. Dan di sanalah pemerintah wanita Kelantan yang pertama, Aduja Wijayamala mula mentadbir negeri. Beliau dipanggil oleh rakyat tempatan ‘Cik Siti Wan Kembang’ yang pertama. Pasukan Seri Wijayamala turut tinggal di sana. Dalam masa sepuluh tahun Aduja di Kuala Krai, tentu banyak peminangan yang diterimanya, namun titah baginda :

“Sesiapa yang mahukan beta, sila datang bertarung satu lawan satu. Kalau menang, boleh.”

Maka tiada siapa yang berani kerana malu jika diatasi oleh seorang pahlawan perempuan yang terkenal dengan keperwirannya.

Pada tahun 1345, datanglah Ibn Battutah, pengembara Islam yang agung, singgah di Kuala Krai dalam perjalanannya ke China membawa perutusan Sultan Muhammad Tughlug di India. Sebelum itu Ibn Battutah telah singgah di Samudera-Pasai selama 15 hari. Pasai waktu itu diperintah oleh Sultan Malik'uz-Zahir.



Kemudian, Ibn Battutah pun belayar dengan kapal Pasai ke negeri Talawisi. Menurutnyanya negeri ini dinamakan menurut nama rajanya, negerinya yang luas dan raja ini menandingi raja China (Siam). Dikatakan lagi bahawa raja ini memiliki banyak jung dan memerangi bangsa China (Siam) sehingga mereka berdamai dengan bersyarat. Kebanyakan penduduknya masih kafir. Lelakinya kacau dan menyerupai bangsa Turki. Kulit mereka sawo matang, dan mereka berani berperang. Wanita mereka turut menunggang kuda dan cekap memanah, dan berperang seperti kaum lelaki.

Kata Ibn Battutah, tatkala jung Pasai itu berlabuh di Kuala Krai (Kaylukari), antara pelabuhan terbesar dan terbaik waktu itu. Tempat itu sebelumnya diperintah oleh seorang raja tetapi kini putera raja itu disuruh memerintah daerah yang lain dan kini mengangkat puterinya, yang namanya Aduja (Ibn Battutah mencatatnya sebagai Urduja) sebagai pemerintah tempat itu. Datanglah para tetamu itu mengadap pada hari esoknya, yakni nakhoda serta keraninya, para saudagar dan muamil, juga ketua-ketua pasukan berjalan dan berkuda agar naik kerana diadakan majlis jamuan yang disediakan menurut adatnya.

Nakhoda mempelawa Ibn Battutah turut serta tetapi kerana dianggapnya mereka itu kafir maka tidak halal baginya makan makanan mereka itu. Ketika mengadap puteri itu bertanya adakah lagi bersama mereka yang datang. Jawab nakhoda itu, "Ada seorang lagi, seorang qadi kerana dia tak mahu makan makanan tuanku." Puteri itu pun menitahkan agar Ibn Battutah dijemput mengadap. Kata nakhoda jung kepada penumpangnya itu :

"Silalah turut perintah Tuan Puteri yang mahu tuan mengadap."

Maka Ibn Battutah pun masuklah ke balairong seri dan dilihatnya Aduja bersenyum di atas takhta. Tatkala hampir dan setelah Ibn Battutah memberi salam maka dijawab oleh Aduja dalam bahasa Turki, dan baginda bertanya dari mana beliau datang :

"Dari benua India."

"Dari negara tempah-ratus?"

Maka banyaklah soalan Aduja tentang benua India yang terus dijawab Ibn Battutah dengan jelas.

"Beta mesti membawa angkatan ke sana dan menakluknya kerana banyak kemewahannya dan tenteranya menarik minat beta."

Ibn Battutah, dengan kata diplomasi, bersetuju. Apabila jamuan disediakan, maka diteguk Aduja :

"Mengapa tuan tidak makan? Kita tak makan babi dan tak minum tuak. Kita sediakan nasi minyak. Beta suka pulut dengan ganggang puyuh. Buah-buahan pun ada. Silakan."

Aduja turun dari takhtanya dan duduk bersila seperti lelaki di kepala majlis dengan Ibn Battutah dan nakhoda di kanan dan di kiri baginda.

"Mengapa Tuan menyebut nama beta Urduja?"

"Maafkan hamba. Semasa hamba berada di Turkistan, hamba telah mengadap Sultan Muhammad Uzbek Khan (1312-1340) yang pada ketika itu sedang berkhemah di suatu tempat bernama Bishdagh. Pada masa itu bulan Ramadhan dan hamba dijemput ke majlis mengadap dan seterusnya ke jamuan diraja dan kami semua berbuka puasa bersama Sultan Uzbek Khan. Pada hari Jumaat, setelah sembahyang, sultan mengadakan majlis mengadap di khemah besar yang berhias. Di dalamnya di tengah-tengah terdiri takhta kayu bersalut perak, kakinya juga perak dan bertatahkan permata di bahagian atas. Sultan bersemayam di atas takhta bersama-sama empat orang pamerisurinya, Khatun Taytughli dan Khatun Kebeke di sebelah kanan baginda manakala di sebelah kiri duduk Khatun Bayalun bersama-sama Khatun Urduja. Berdiri di bawah takhta ialah putera-putera baginda, yang tua di sebelah kiri. Puteri baginda duduk di hadapan baginda."

"Jadi, Tuan teringatkan khatun Urduja semasa bertemu beta?"


"Ya, Tuanku, sebab nama itu hampir sama bunyinya."

"Cantikkah khatun Urduja itu?"

"Keempatnya cantik tetapi Khatun Urdujalah yang paling jelita, amat mesra dan terbaik antara banyak puteri." ←

Aduja tersenyum sambil menyampaikan air nira kepada tetamunya yang terus minum hingga puas.





Ibn Battuta pernah sampai ke Kuala Krai, dan mengisahkan tentang Aduja di dalam bukunya Rihlah Ibn Battutah

“Sesungguhnya manis, Tuanku.” ujar Ibn Battutah.

Ibn Battuta dihadiahkan oleh Aduja persalinan menurut adat diraja Melayu, antaranya beberapa pasang jubah serta kain songket yang sungguh menakjubkan pengembara itu.

Pada hari perpisahan Aduja membekalkan Ibn Battutah beras yang

dipikul oleh dua ekor gajah, dua ekor kerbau, sepuluh ekor kambing biri-biri, empat paun air gula, dan empat tempayan berisi halia, limau, dan mangga. Kesemuanya telah digarami, sesuai untuk pelayaran laut. Ibn Battutah pun turut mengadap bersama-sama nakhoda Pasai yang pada waktu istirahat di rumah tumpangan telah menceritakan dengan panjang lebar tentang tuan rumah mereka, Aduja Wijayamala Singa. Ketika mengadap itu, nakhoda Pasai menyatakan kepada Aduja bahawa dia telah menceritakan tentang latar belakang puteri wirawati itu kepada Ibn Battutah. Ketika Ibn Battutah mengadap, maka Aduja bertanya :

“Akan tuan ceritakan kisah beta kelak setelah tuan sampai ke negeri Tuan?”

“Tentu sekali, Puteri Aduja, tentu sekali. Hamba tak kan lupa akan Tuanku serta budi Tuanku,” ujar Ibn Battutah.

Aduja Wijayamala tersenyum. Dan dalam fikirannya : Akan terkenallah aku kelak? Dan akan dikenanglah bangsaku akan kisahku yang luar biasa ini? Siapakah yang akan mewarisi negeriku ini? Harap-harap ia tidak dilynampak oleh zaman.

Aduja Wijayamala, wirawati hebat yang lahir daripada kalangan bangsa Melayu ini rupa-rupanya telah dilupai oleh bangsanya sendiri seolah-olah tidak tahu akan srikandi negaranya sendiri atau sengaja dilynampak oleh pihak tertentu sehingga bangsanya sendiri pun ikut sama melupakannya. Tetapi disebabkan kegagahberaniannya maka ia telah ‘dicuri’ oleh orang Filipina dan dijadikan wirawati kebangsaan mereka, diwujudkan sistem pertahanan diri atas namanya untuk para wanitanya dan pelbagai cara memperingati pahlawan Melayu ini kerana orang Filipina tidak ada wirawati sendiri yang seberani, setangkas dan sempitar Aduja.

Inilah kata keramat Aduja Wijayamala: Dengan tertebasnya kepala si bedebah ini [Rama Khamaeng] maka kuharap bangsa ini akan tersekat dan tidak melanda tanah bangsa Melayu seterusnya, agar kekallah bangsaku dan agamaku zaman berzaman.



Ratu Tribhuanatunggadewi

PEMERINTAH WANITA PERTAMA MAJAPAHIT

Ratu Tribhuanatunggadewi Jayawisnuwardhani (1329–1351) ialah puteri kepada Ratu Rajapatni (Puteri Gayatri) dan Raja Kertarajasa Jayawardhana (1293–1309) Maharaja Majapahit daripada Dinasti Rajasa. Baginda anak sulung kepada Ratu Rajapatni yang melahirkan baginda dan adindanya Dyah Wiyah Sri Rajadewi.

Menurut *Nagarakretagama* lagu XLVIII/1, kedua-dua puteri yang dilahirkan Ratu Rajapatni dikatakan amat cantik bagai Dewi Ratih, dan masing-masing penguasa daerah Jiwana dan Daha. Tentunya kedua-dua puteri ini amat jelita kerana ibunda mereka itu Ratu Rajapatni adalah puteri bongsu dan tercantik antara empat puteri Raja Kertanagara (iaitu Tribhuwana Mahadewi, Jajendradewi, Radendradewi dan Gayatri atau Rajapatni) yang dikahwini kesemuanya oleh Raja Kertarajasa. Kedua-dua puteri juga adalah keturunan kerabat diraja Singasari, dan cucu kepada Raja Kertanagara. Jadi mereka berdua inilah calon-calon wanita ke takhta Majapahit setelah mangkatnya Raja Kertarajasa dalam tahun 1309. Namun apabila Raja Kertarajasa mangkat yang diangkat ialah Jayanagara, putera Raja Kertarajasa dengan isterinya dari kerajaan Malayu. Puteri Indreswari atau Dara Petak yang dibawa balik oleh Mahisa Anabrang. Dara Petak dibawa dari kerajaan Malayu bersama kakaknya Dara Jingga. Dara Petak (pitak ertinya sepet) lebih cantik

dan suka melayani Raja Kertarajasa lalu diperisteri, digelar *stri tinuheng pura* (isteri utama).

Dara Petak melahirkan seorang putera, Raden Kala Gemet, satu-satunya putera tunggal Raja Kertarajasa. Putera inilah kemudiannya bergelar Jayanagara (1309–1328). Dalam masa itu kakak Dara Petak, Dara Jingga dikahwinkan dengan Adwayawarman, lalu melahirkan Janatha Warmadewa ataupun Sang Adityawarman pengasas kerajaan Malayu di Pagar Ruyung di Sumatera Barat.

Setelah mangkat Jayanagara, maka hendak diangkat Puteri Gayatri tetapi puteri ini yang digelar Ratu Rajapatni tidak mahu menjadi raja lalu berundur memberi laluan kepada puteri sulungnya Tribhuanatunggadewi naik takhta Majapahit. Pemilihan Tribhuanatunggadewi juga disokong oleh Gajah Mada, seorang menteri yang banyak siasah politiknya, yang mendalangi sesiapa yang akan naik takhta. Adik Tribhuwana, Dyah Wiyah Rajadewi dijadikan ratu kedua. Secara rasminya, puteri sulung menjadi Raja Kahuripan manakala puteri bongsu, Raja Daha; masing-masing bergelar Bhre Kahuripan dan Bhre Daha. Dalam tahun 1329, Bhre Kahuripan dikahwinkan dengan Bhatar Kertawardhana dari Singasari, dan Bhre Daha dinikahkan dengan Wijayarajasa dari Wengker. Gajah Mada menjadi patih di daerah naungan Kahuripan, membantu Ratu Tribhuanatunggadewi, manakala Arya Tadah (patih kepada Jayanagara) tetap menjadi patih amangkubhumi di Majapahit. Jadi



Pelbagai mata wang Majapahit
Ihsan Kedutaan Besar Republik Indonesia, Kuala Lumpur

tidaklah nampak sangat Gajah Mada di tempat berkuasa walaupun beliau yang mengatur segalanya.

Gajah Mada yang ingin memulakan perluasan Majapahit di bawah ketenteraannya dengan menyerang Sadeng, bertemu dengan kekecewaan kerana Kembar dari Pamelekan sudah menjangka akan cita-cita Gajah Mada lalu terus menyerang Sadeng. Bagi mengelakkan pertelingkahan di antara Gajah Mada dan Kembar, Ratu Tribhuwanatunggadewi bergegas ke Sadeng menduduki sebagai Kepala Angkatan Tentera Majapahit sehingga penaklukan Sadeng dinamakan atas Ratu Tribhuwanatunggadewi dan tidak yang lain. Gajah Mada dan Kembar berperanan hanya sebagai pembantu komander kepada Sang Ratu. Penaklukan Sadeng itu berlaku dalam tahun 1331. Semua yang terbabit dinaikkan pangkat. Inilah kebijaksanaan Ratu Tribhuwana dalam menangani pertelingkahan antara pembesar-pembesarnya.

Program politik Gajah Mada yang berasaskan 'Sumpah Nusanlara' itu bermula dengan perluasan daerah dan kawasan. Dalam tahun 1340 satu ekspedisi dihantar ke Sumatera, diikuti dengan Bali dalam tahun 1343, kedua-duanya diketuai Gajah Mada sendiri. Selain mengetuai bala tentera Majapahit, Gajah Mada juga diperintah membina tempat-tempat ibadat seperti Candi Singasari (dalam tahun 1351) mengingati ketua-ketua agama Siva dan Buddha. Patih Singasari tumpas dalam peperangan bersama-sama Raja Kertanagara dalam tahun 1292. Dengan tindakan tegas oleh Gajah Mada, maka tiada lagi penentangan terhadap kerajaan Majapahit semasa pemerintahan Ratu Tribhuwanatunggadewi (juga selepasnya initu pada zaman Hayam Wuruk).

Setelah Ratu Tribhuwana naik takhta maka bertambahlah hakim (*dharmadh yaksa*) dari lima orang kepada tujuh. Lima orang daripada fahaman Sivaisme dan dua daripada fahaman Buddhisme.

Dua *dharmadhuyaksa* setiap satu dari fahaman Siva dan Buddha) menasihati raja terus. Mereka adalah *dharmadhuyaksa ring kasatoan*, ketua Sivaisme, dan *dharmadhuyaksa ring kesogatan*, ketua Buddhisme. Mereka ini dibantu oleh tujuh orang upapati. Tujuh hakim inilah yang dipanggil Saptopapati. Dan pegawai-pegawai tertinggi pada awal zaman Ratu Tribhuwana adalah seperti berikut (menurut inskripsi Berumbung, 1329):

Rakryan patih Majapahit, Mpu Krewes
Rakryan demung, Mpu Tamparawang
Rakryan kanuruhan, Mpu Blen
Rakryan rangga, Mpu Roda
Rakryan tumenggung, Mpu Wayuth

Dan kemudiannya bertukar kepada:

Mpu Gajah Mada
Mpu Alus
Mpu Baji
Mpu ____ (tidak jelas pada inskripsi Surabaya)
Mpu Nala

Kenaikan pangkat bagi Gajah Mada daripada Patih Daha kepada Patih Amangkubhumi Majapahit berlaku setelah berlakunya gempa bumi Pabanyu Pindah pada tahun 1334, apabila beliau mengganti Arya Tadah ataupun Mpu Krewes. Nama Gajah Mada sebagai Patih Amangkubhumi Majapahit telah dirakam buat pertama kali dalam satu inskripsi yang dikeluarkan oleh Ratu Tribhuwanatunggadewi, mungkin selepas 1334. Gempa bumi Pabanyu Pindah itu dikatakan meramalkan sesuatu perubahan besar bagi Majapahit. Gajah Mada yang baru dilantik itu sertamerta mengisytiharkan program politiknya di dalam dewan penghadapan di hadapan segala pegawai tinggi yang duduk mengadap Ratu Tribhuwanatunggadewi:

"Hamba tidak akan berundur sebelum tertakluknya seluruh Nusantara disempurnakan; termasuklah penaklukan Gurun, Seram, Tanjung Pura, Haru, Pahang, Dampo, Bali, Sunda, Palembang dan Tumasik. Hanya setelah penaklukan tanah-tanah inilah baru hamba berundur."

Inilah Sumpah Nusanantara Gajah Mada yang masyhur dalam

sejarah Indonesia. Setelah sumpah yang berhasrat menakluki negeri-negeri di luar pulau Jawa, banyak yang mencela dan mencaci beliau, termasuk Arya Tadah. Beliau terus mendekati singgahsana Ratu Tribhuwanatunggadewi yang bersemayam di hujung balairung seru itu, lalu menagis.

Inilah satu gambaran dramatik yang cukup hebat dan mengharukan kerana orang yang paling berkuasa di Tanah Jawa setelah menyatakan cita-citanya, kini tunduk di hadapan Ratuinya dan menagis; seolah-olah menyatakan: Wahai Ratu, hamba letakkan sumpahan ini ke bawah duli Ratu. Semoga Ratu berkati cita-cita hamba ini demi negara Majapahit dan demi Ratu yang menjadi lambang kuasa yang kelak ku perguna untuk menyempurnakan sumpahan ini.

Setahu kita, Gajah Mada telah mengangkat Ratu Tribhuwana yang cantik jelita ini selepas penawaran ditolak oleh ibunya, Ratu Rajapatni. Nyata Ratu Tribhuwana telah menjadi idola dan sumber inspirasinya, bahkan sebagai obor penerang yang akan menyinari program penaklukannya itu. Kita tidak tahu apakah perasaan Ratu Tribhuwanatunggadewi pada saat itu. Mungkin terkejut, mungkin sudah menduga ia akan berlaku. *Nagarakretagama* lagu I/4 menyebut bahawa Dyah Hayam Wuruk Sri Rajasanagara lahir pada tahun 1334. Setelah lahir ia diangkat sebagai penguasa Kahuripan dengan gelaran Sri Rajasanagara. Tidak diketahui tarikh yang tepat kemahkotaan Hayam Wuruk sebagai Raja Majapahit. *Nagarakretagama* lagu II/2 hanya menyebut bahawa kemahkotaan itu berlaku selepas mangkatnya Ratu Rajapatni dalam tahun 1350. Namun begitu, Ratu Tribhuwanatunggadewi masih menjadi pemerintah negara, menurut inskripsi pada Candi Singasari yang baginda keluaran dalam tahun 1351. Dan mungkin selepas itulah Hayam Wuruk menjadi Raja Majapahit ketika berumur 17 tahun. Secara rasmi Ratu Tribhuwanatunggadewi menjadi Ratu Kahuripan tetapi masih bersemayam di Majapahit.

Dalam zaman Ratu Tribhuwanatunggadewi, baginda telah menghantar Sang Adityawarman sebagai duta ke negara China, iaitu dalam tahun 1332. Lawatan Adityawarman yang pertama, dalam tahun 1325 dilakukan pada zaman Raja Jayanagara. Beliau sebenarnya sepupu Raja Jayanagara dan besar kemungkinan menjadi menteri di istana sehingga 1343 sebelum mengasaskan kerajaan



Puteri Dunia Melayu


Malaya-pura di Minangkabau dalam tahun 1347. Beliau memerintah Malaya-pura bagi pihak Ratu Tribhuanatunggadewi sehingga 1375. Beliau berpangkat Wieddha Mantri dengan gelaran Sang Arya Dewaraja Pu Aditya.

Pentadbiran negara dikelolakan oleh Raja serta ahli keluarga terdekat dan Majlis Penasihat Diraja (badan ini biasanya mempunyai tujuh orang ahli diketuai Raja sendiri). Pada zaman Ratu Tribhuanatunggadewi, ahli-ahli Majlis terdiri daripada Ratu sendiri serta suami baginda Sri Kertawardhana; adik Ratu, Dyah Wiyah Rajadewi serta suaminya Sri Wijayarajasa, Dyah Hayam Wuruk Sri Rajasagara, dan dua orang puteri Bhre Pajang dan Bhre Lasem. Menurut inskripsi Singasari (1351) Patih Gajah Mada menyokong tujuh orang ahli Majlis Penasihat Diraja ini. Setelah puteri Bhre Panjang kahwin dengan Singawardhana dan puteri Bhre Lasem kahwin dengan Rajasawardhana, maka Majlis ini menjadi sembilan orang anggotanya. Tatkala Hayam Wuruk

menjadi Raja Majapahit, Ratu Tribhuanatunggadewi tetap menjadi anggota Majlis tertinggi ini, termasuk suami baginda Sri Kertawardhana. Dalam tahun 1364, Majlis ini mempunyai sembilan orang anggota.

Ratu Tribhuanatunggadewi memerintah Mapapahit dari 1329 hingga 1351, iaitu selama 22 tahun. Selepas baginda mangkat, abu baginda disimpan di kuil Pantarapurwa di Panggih, di utara Majapahit, dan baginda besar kemungkinan didewakan sebagai Dewi Parwati di kuil Rambi, di tenggara Majawarna.

Itulah Ratu Majapahit yang melahirkan seorang putera, Hayam Wuruk Rajasagara (1351–1389) yang pada zaman pemerintahannya membawa Majapahit ke puncak kegemilangan bangsa Jawa dengan sokongan dan tindakan teguh Patih Gajah Mada, Mangkubumi yang dinamik. Ratu ini juga terkenal sebagai pemerintah wanita pertama Majapahit.



Majapahit di Jawa Timur
Dikutip dari: Slametmuljana, *Negara Kartagama dan Tafsir Sejarah*



Puteri Galoh Wi Kesuma

MEMILIH SUAMI MELALUI SAYEMBARA

Berita berikut ini, walaupun dipersembahkan sebagai suatu legenda, namun ada kaitannya dengan peristiwa sejarah. Cerita tentang seorang puteri bernama Raden Galoh Wi Kesuma dapat dibaca di dalam *Sejarah Melayu*, dan dikatakan telah menjadi Ratu Majapahit. Siapakah gerangan agaknya ratu yang dimaksudkan itu?

Di dalam *Sejarah Melayu* tirai terbuka dengan seorang penyadap [penoreh nira] yang bertemu seorang budak yang terapung-apung di laut, hanya berpegang pada sekeping papan. Oleh sebab budak itu masih hidup maka dibawa balik ke rumahnya dan dipelihara seperti anak sendiri. Budak itu memberitahu dia bernama Raden Kiran Langu anak raja Tanjung Pura, dan dia seorang yang selamat setelah perahu ayahandanya dipukul ribut taikala di tengah laut setelah berpesta ke pulau. Budak itu pun dijadikan anak angkat oleh penyadap itu lalu diberi nama Kemas Jiwa. Dalam memuji-muji rupa paras budak itu, kata penyadap itu sambil berangan-angan:

"Tuanlah kelak menjadi Raja Majapahit, hamba kelak dijadikan Pateh Arya Gajah Mada."

Sahut Kemas Jiwa:

"Baiklah, jikalau manira [saya] jadi raja."

Beberapa lamanya Puteri Wi Kesuma di atas kerajaan, Pateh Arya Gajah Mada memangu dia. Ada dibisik orang bahawa Gajah Mada hendak mengahwini puteri itu. Untuk memastikan kebenaran desas-desus itu, Pateh Arya pun menyamar lalu bergaul sesama rakyat dan didengarnya budak-budak berkata sesama mereka:

"Jika aku seperti Pateh Gajah Mada itu ku lompati puteri itu, supaya aku menjadi raja Majapahit ini. Alangkah baiknya?"

Kata orang yang lain pula:

"Akan puteri itu dijadikan oleh Pateh isterinya, kerana ia orang besar di dalam negeri ini, siapa dapat menyalahi katanya?"

Berfikir Pateh di dalam hatinya:

"Jikalau demikian, sia-sialah kebaktianku sekian lama ini."

Pateh Arya Gajah Mada pun mengadap Puteri Wi Kesuma lalu menyembah:

"Tuanku, pada pandangan patik hamba tua ini, tuanku sudahlah besar, baik juga tuanku bersuami, kerana tiada baik rupanya tuanku tiada bersuami."



Pelbagai mata wang Majapahit

Maka titah Puteri Wi Kesuma:

"Jikalau paman hendak memberi beta bersuami, paman kumpulkanlah segala orang di dalam negeri ini, biar beta lihat. Barangsia berkenan kepada beta, itulah beta buat suami."

Maka sembah Pateh Arya:

"Baiklah, Tuanku. Patik himpunan orang. Jikalau manusia sekerat, anjing sekerat sekalipun, jikalau sudah berkenan ke bawah duli tuanku, itulah patik pertuan."

Pateh pun menyuruh para bentara memukul canang ke sekeliling negeri, disuruh berkumpul di Majapahit kerana tuan puteri hendak memilih suami. Mendengar sahaja bahawa Puteri Wi Kesuma hendak memilih suami secara melihat akan calonnya maka hebohlah seluruh Majapahit. Datanglah segala raja, menteri,

hulubalang, sida-sida, serta rakyat besar kecil, tua muda, tinggi rendah, tempang hitot, petot kiat, capik riuk, buta tuli, sengau bisu, sekaliannya pun berhimpunlah ke Majapahit. Kurang-kurang dikerah orang, lebih-lebih ia hendak datang kerana mendengar Tuan Puteri Wi Kesuma hendak memilih suami itu, oleh kerana pada bicara hatinya: "Mudah-mudahan kalau ia dipilih oleh tuan puteri."

Setelah berhimpun, Puteri Wi Kesuma pun naik ke atas peranginan memandang ke jalan, maka Pateh Arya menyuruh segala lelaki yang berhimpun itu berjalan di hadapan tuan puteri seorang demi seorang. Segala raja, menteri, hulubalang, dan orang besar-besar dari jauh dan dekat pun berjalanlah di hadapan peranginan itu, semuanya dengan perhiasannya masing-masing, dengan kenaikan serta kelakuan yang berbagai-bagai. Setelah selesai orang besar-besar barulah rakyat kecil besar semuanya lalu, tetapi seorang pun tiada berkenan pada Puteri Wi Kesuma. Selalunya pada zaman silam peraduan seperti ini disebut


Puteri Dunia Melayu

sayembara atau peraduan untuk memilih seorang suami yang sesuai untuk seseorang puteri sama ada pandai memanah, pandai bersukan, beradu kekuatan atau beradu apa saja yang ditetapkan oleh raja. Biasanya dikehendaki gagah berani dan kepintaran dalam sesuatu kemahiran ketenteraan. Namun kali ini Puteri Wi Kesuma sendiri hendak memilih suami yang baginda sendiri berkenan di hatinya.

Setelah selesai segala orang itu lalu di hadapan baginda tiada seorang pun yang menarik perhatian Puteri Wi Kesuma. Maka tuan puteri pun beralih hendak masuk, apabila lalulah Kemas Jiwa, anak angkat penyadap itu berkin sagara kuning, bertulis madu me-manca, bersabuk biaban hijau, berkeris berbulu cula, tiada memakai kadar bergelang, kemit tubuh, bersunting bunga semandarsah, wilis cempaka, berurap-urapan hingga leher, giginya seperti bunga seri gading, bibirnya seperti daun ketirah, terlalu baik parasnya, sedap, manis, pantas, pangus, tiada siapa taranya pada zaman itu. Setelah dilihat oleh Puteri Wi Kesuma berkenan hati baginda lalu titahnya kepada Pateh Arya:

"Anak siapa ia itu? Ialah berkenan kepada hati beta."

Sahut Pateh Arya Gajah Mada:

"Baiklah, tuanku. Anak barngsiapa pun baik, namun tuanku berkenan akan suami juga."

Pateh Arya pun disuruhnya panggil anak penyadap itu, dibawanya pulang ke rumah, lalu dimandikan dan dibedaki dan dipelihara dengan sepertinya. Malah pekerjaan berjaga-jaga hendak mengahwinkan Puteri Wi Kesuma dengan anak si penyadap itu. Berjaga-jaga [merayakan majlis dengan pelbagai persembahan dan



Puteri Galah Wi Kesuma

permainan terus menerus) itu tujuh hari tujuh malam lamanya. Pada ketika yang baik, anak penyadap itu pun diarak berkeliling negeri, lalu dikahwinkan dengan Puteri Wi Kesuma. Setelah kahwin keduanya amat berkahsh-kasihian dan Kemas Jiwa digelar Sang Aji Jayaningrat.

Setelah itu datanglah si penyadap menasih janji kepada Kemas Jiwa:

"Manakah janji Paduka Bhatara dengan kulo [patik]? Apabila tuanku menjadi Bhatara Majapahit, kulo hendak dijadikan Patih Arya Gajah Mada."

Kemas Jiwa menyuruh si penyadap itu bersabar sementara baginda mencari penyelesaian. Hal itu disampaikan kepada Pateh Arya lalu menteri itu mengusulkan cadangan, iaitu si penyadap itu dijadikan ketua segala penyadap di dalam negeri dan diberikan gelaran: Pateh Arya Dikara, serta duduk setara dengan Pateh Arya Gajah Mada.

Legenda yang terdapat di dalam *Sejarah Melayu* ini ada asasnya dalam sejarah. Dalam tahun 1417 satu rombongan diraja dari Kelantan yang terdiri daripada Raja Muda Sadiq Muhammad dan adindanya Kemas Jiwa telah belayar ke Jawa dengan tujuan politik tetapi kapalnya telah pecah dipukul ribut dekat dengan pantai pelabuhan Tuban dan terkandas pada batu karang. Raja Muda dan beberapa orang pengiringnya telah terselamat, tetapi yang lainnya mati lemas di laut. Kecuali Kemas Jiwa, yang disangka mati, yang lainnya kembali ke Kelantan. Kemas Jiwaw yang hanyut dibawa arus laut sempat bergantung pada sekeping papan lalu terdampar di pantai.

Sepuluh tahun kemudian setelah tinggal bersama-sama keluarga penyadap kelapa, Kemas Jiwa telah berkahwin dengan Ratu Suhtita (cucu Hayam Wuruk, Bhatara Majapahit) yang menjadi Ratu



Majapahit menggantikan ayahandanya Wikramawardhana pada tahun 1429. Kemas Jiwa memakai gelaran Bhre Parameswara (Sang Aji Jayaningrat). Walaupun kedatangan Raja Kemas Jiwa ke Jawa hanya bertujuan politik namun melalui ikatan perkahwinannya dengan Ratu Suhita (Puteri Wi Kesuma di dalam *Sejarah Melayu*) telah melembutkan hati Ratu Majapahit itu dengan membenarkan Ampeldenta dan Gresik dijadikan pangkalan untuk penyebaran Islam di Tanah Jawa.

Apabila kekanda Kemas Jiwa iaitu Sultan Sadiq Maulana mangkat maka datanglah utusan dari Kelantan memanggil baginda balik ke Kelantan menggantikan tempat kekandanya itu. Oleh kerana tanggungjawab itu mengatasi segala-galanya maka terpaksa Kemas Jiwa berpisah dengan Ratu Suhita walaupun sudah

mempunyai seorang puteri. Melalui puteri ini Kemas Jiwa beroleh seorang cucu yang di dalam *Sejarah Melayu* disebut sebagai Raden Galoh Candra Kirana, yang kemudiannya berkahwin dengan Raja Melaka, Sultan Mansur Syah (1456-1477). Kemas Jiwa yang kembali ke Kelantan telah ditabal sebagai Sultan Kelantan bergelar Sultan Iskandar Syah dalam tahun 1429. Ratu Suhita terus memerintah Majapahit sehingga tahun 1446, dan seterusnya adinda baginda, Prabu Kartawijaya (Wijaya Parakramawardhana/Bhre Tumapel) pula memegang tampuk pemerintahan Majapahit (1446 - 1451).

Demikianlah cerita seorang puteri yang memilih jodoh dengan suatu sayembara besar-besaran sehingga beroleh suami daripada keturunan diraja juga.

*Tetak nyirih galangkan dapur,
Tetak dengan dahan-dahannya;
Minta sirih barang sekapur,
Minta dengan tuan-tuanmya.*



Puteri Jamilan

PEMBERI HARAPAN DAN SOKONGAN PADU

Wanita, ada kalanya secara intuitif, dapat menjangkau masa hadapan seolah-olah membaca kitab untung nasib seseorang dan dengan gigih memberi bantuan kepada makhluk itu agar ia dapat tumbuh dan berkembang segar menghadapi cabaran dan mencapai haknya sebagai tokoh dalam sejarah. Inilah kisah Puteri Jamilan, penguasa Pagar Ruyung, yang membesar seorang anak angkat sehingga ia berjaya menakluk sebuah kerajaan. Ini juga kisah ibu anak itu, walaupun hanya secebis sahaja yang dapat diperihalkan; yakni Encik Apung gundik Sultan Mahmud Marhum Mangkat Dijulang, yang juga puteri seorang Laksamana Johor.

Apabila kita singkap tabir sejarah, senario menampakkkan kawasan masjid pada hari Jumaat di Kota Tinggi, Johor Lama. Banyak orang sudah pun duduk di masjid, cuma menunggu kedatangan Sultan Mahmud Shah. Sebentar lagi datanglah rombongan diraja dari istana dan pembesar pun berkumpul di luar masjid hendak menyambut baginda yang dijulung seorang hamba raja. Tiba-tiba Megat Seri Rama yang menunggu di tepi kelompok pembesar itu, menerkam ke hadapan lalu melontarkan tombaknya ke arah Sultan Mahmud lalu menusuk tubuhnya. Melihat Megat Seri Rama cuba lari dari situ, baginda mengutus kerisnya lalu melontarkannya ke arah pengancam nyawanya, terkena tumit kakinya. Megat Seri Rama terus hidup selama empat tahun dalam kesakitan, akan tetapi

pada hari Jumaat dalam bulan Ogos tahun 1699 itu hilanglah zuriat diraja Johor dari keturunan dinasti diraja Melaka.

Sebenarnya apakah yang menyebabkan Megat Seri Rama begitu marah sehingga berendam dan melakukan pembunuhan ke atas Sultan Mahmud Syah?

Sultan Mahmud Syah, sejak menjadi dewasa, telah menunjukkan beberapa tabiat bengis, perilaku zalim dan suka menganiaya. Pada suatu hari baginda mendapati isteri Megat Seri Rama telah menebuk dan mengeluarkan seulas nangka yang dibawa oleh seorang istana hampir rumahnya. Pada masa itu isteri Megat Seri Rama sedang mengandung dan amat teringin akan nangka itu. Sebagai akibat seulas nangka ditebuk maka isteri Megat Seri Rama diheret ke istana lalu perutnya dibelah, konon baginda ingin melihat anak itu memakan nangka!

Sekembalinya Megat Seri Rama serta mendapati isterinya dibunuh raja maka dia pun menyimpan dendam di hatinya. Megat Seri Rama memberitahu Bendahara Tun Abdul Jalil bahawa dia hendak derhaka dan ilah peluang bagi Bendahara itu menjadi raja. Seri Bija Wangsa pengawal raja pun dihapuskan. Jadi, kematian isteri Megat Seri Rama itulah yang menyebabkan terbunuhnya Sultan Mahmud yang setelah mangkat digelar Marhum Mangkat Dijulang.





Puteri Dunia Melayu

Senario sebelum hari Jumaat itu ialah pada malamnya baginda hendak berada tetapi sudah ditinggalkan isterinya dari bangsa peri (Sebab itu baginda tiada berahi akan perempuan jenis manusia betapa cantik sekalipun). Mengetahui raja itu akan mangkat maka isteri peri itu pun hilang. Baginda pun memanggil gundik baginda

itu, lalu ditelannya. Dengan takdir Allah Ta'ala berlaku kepada hamba-Nya, dengan seketika Encik Apung pun hamillah" (*Hikayat Siak*, 1992).

Seterusnya Bendahara masuk ke dalam istana dan menyuruh



Contoh Rumah Gadang yang terdapat di Minangkabau

yang bernama Encik Apung untuk mengurut tubuh dan kaki baginda.

"Ketika dinihari, baginda datang berahi, maka terpancarlah manikam itu ke tikar. Dan baginda beritiah, "Hal Apung jikalau engkau hendak berputera dengan kita, telanlah olehmu, dan kandunglah rahsiaku, supaya adalah benih Raja Iskandar Zulkarnain di dalam Tanah Melayu ini, jangan putus nasabku." Maka segeralah diambilh oleh Encik Apung itu akan manikam

bidan memeriksa segala dayang-dayang jikalau ada yang bunting, disuruh bersumpah. Encik Apung pun bersumpah, "Dan jikalau hamba Datuk bunting dengan Duli yang Dipertuan, tiadalah hamba memandang anak hamba Datuk." Setelah pemeriksaan itu

Bendahara Paduka Raja pun diangkat menjadi Sultan Abdul Jalil Syah pada 3 September 1699.

Encik Apung ialah anak Laksamana dan dia disorok pada suatu


tempat sehingga melahirkan seorang putera yang baik parasnya. Mengingat akanumpahnya dahulu, Encik Apung pun menyuruh anaknya dilarikan, tak mahu memandangi anak puteranya. Laksamana pun berpakat dengan Raja Negara Selat (Ketua Orang Laut) agar anak itu dihantar kepada Temenggung Muar, saudara Laksamana. Setelah beberapa tahun barulah Nakhoda Malim membawanya ke Jambi dan akhirnya sampai ke Pagar Ruyung. Anak itu diberi nama timang-timangan Tuan Bujang. Nakhoda Malim pun mengadap Yamtuan Sakti lalu menceritakan latar belakang Tuan Bujang.

“... maka terlalu sangat sukacita baginda, lalu dipintanya kepada Nakhoda Malim. Maka sembah Nakhoda Malim, “Sepatut-patutlah tuanku memelihara paduka anakanda ini.” Lalu dibawanya mengadap paduka bonda baginda Puteri Jilan [Jamilan]. Maka Puteri Jilan terlalu sukacita melihat cucunda baginda datang itu, kerana Puteri Jilan terus mata akan Tuan Bujang itu, putera Raja Johor. Maka Puteri Jilan bertitah kepada paduka anakanda Yang Dipertuan Sakti, “Dan seperti Si Buyung ini, sangat bertuahnyanya, peliharakanlah baik-baik kerana terlalu kasihan aku akan dia, kerana tiada bapanya. Dan dialah yang membalaskan kematian ayahnyanya.” (*Hikayat Siak*, 1992)

Maka di Pagar Ruyunglah Tuan Bujang (kemudian Raja Kecil) membesar, menerima didikan dan dijadikan anak angkat Puteri Jamilan. Puteri ini bertanggungjawab atas segala aspek didikan, bahkan mengapi-apikan hasratnya mengambil kembali haknya, iaitu takhta kerajaan Johor. Bahkan semasa kecilnya Tuan Bujang

“... sehari-hari ia naik bermain-main ke atas peterana itu. Maka dilarangkan oleh dayang-dayang, takut ia tulah. Maka kata Puteri Jilan [Jamilan], “Jangan dilarangkan Si Buyung itu, ia hendak melihat mahkotanya. Ialah yang warisnyanya, dan tiada ia tulah, kerana ia anak adiknya, di Johor.” Dan bermainlah ia bersama-sama dengan anak Yamtuan Sakti. (*Hikayat Siak*)

Setelah Tuan Bujang berumur tiga belas tahun, dalam perjalanannya mencari ilmu sampailah ia ke istana Sultan Lema Abang di Palembang.



Puteri Jamilat dari Minangkabau, berhias dengan baju kurung gadang, baldi hitam bersulam, benang emas motif pucuk rebung. Tengkolok asal kain telekung ini digubah daripada selendang.



Maka Sultan Lema Abang pun terlalu sukacita melihat sikap Tuan Bujang itu. Maka dipeliharakan Sultan. Jika Sultan berjalan atau dihadap orang, akan Tuan Bujang membawa tepak. Dan selama Tuan Bujang membawa tepak, Sultan tiada boleh duduk di atas, kegatalan pantatnya; jikalau berjalan dahulu, Sultan tiada terjalan, seperti ada orang memegangkan. Dan Sultan Lema Abang pun hairan, lalu bertitah, 'Selama budak ini membawa 32 tepakku ini, tiada sedap tubuhku, sakit sahaja.' (*Hikayat Siak*)

Pada tahun 1683 di tanah tinggi Minangkabau satu kaedah giliran memegang kuasa telah diasaskan. Kedudukan Yamtuan Sakti di Minangkabau bergilir-gilir antara keluarga Pagar Ruyung dan keluarga Suruasso. Nama 'Puteri Jamilan' sebenar satu gelaran turun-temurun yang disandang oleh kedua-dua Ratu (Bonda Ratu) bagi kedua-dua Yamtuan di Pagar Ruyung dan Suruasso, dan melalui Puteri Jamilanlah bahawa hak mewarisi takhta Pagar Ruyung dan takhta Suruasso telah disahkan. Putera sulung seseorang Ratu inilah yang dapat mewarisi gelaran 'Puteri Jamilan' iaitu melalui Ratu (bukan Raja), dan hanya apabila bondanya sudah meninggal dunia. Puteri-puteri Jamilan ini mempunyai kuasa dan pengaruh moral dan politik yang luas di Minangkabau serta mempunyai hak menghantar surat ke dunia luar dengan menggunakan gelaran 'Raja Perempuan negara Minangkabau' (menurut Belanda) atau 'Yang Dipertuan Baginda Puteri Jamilan yang menguasai kerajaan diraja yang amat berdaulat dan berkuasa'. Kedudukan mereka dalam hierarki pemerintahan Minangkabau pada abad ke 17 dan ke 18 adalah lebih kurang sama dengan kedudukan Bundo Kanduang (Bonda Sebenar) seperti yang terdapat dalam karangan Minangkabau, *Kaba Cindua Mata*. Puteri Jamilan dan Bundo Kanduang adalah ibu atau bonda kepada raja-raja Pagar Ruyung, yang sebenarnya mempunyai kedudukan yang lebih tinggi daripada putera mereka. Hal yang demikian menunjukkan peranan yang diutamakan bagi wanita di dalam masyarakat Minangkabau.

Di kalangan pemerintahan Pagar Ruyung, Puteri Jamilan adalah seorang yang amat cergas dan cerdas. Beliau selalu menegaskan kuasa moralnya di daerah-daerah pantai timur dan pantai barat Sumatera. Surat-surat dalam simpanan Belanda di Jambi dan Melaka menyatakan pada awal abad ke 18, Puteri Jamilan menggesa diadakan perdagangan dan rakyat Minangkabau yang dijadikan hamba dibebaskan atau menerima pembalasan daripadanya.

Semasa pemberontakan Minangkabau dalam kerajaan Jambi pada tahun 1708, Puteri Jamilan menulis surat kepada Pringabaya, raja negeri itu tentang sokongan beliau terhadap pemberontak, dan menyuruh raja itu berpegang pada perjanjiannya dengan Yamtuan Sakti di Pagar Ruyung.

Pada tahun 1709 sepeucuk surat daripada Puteri Jamilan telah dihantar kepada raja-raja Jambi. Melalui dutanya, Banya Banta dan Paduka Seri Nara, beliau mengaitkan raja-raja Jambi bahawa semasa ayahanda mereka Sultan Ingalaga datang ke Pagar Ruyung, beliau telah memberinya negeri dari Hujung Jubang ke hulu. Kini beliau minta kedua-dua adik beradik itu untuk memakmurkan kawasan pantai.

Sultan Kiai Gede melihat pemberontakan di atas sebagai satu peluang untuk mengatasi kelemahan saudaranya dan dengan demikian berharap dapat menyatukan orang Jambi yang berbelah bagi itu di bawah kerajaan kekuasaan baginda. Baginda cuba menulis surat kongsi sama kepada Puteri Jamilan agar dapat sesuatu yang menguntungkan kedua-dua belah pihak. Residen syarikat (V.O.C) itu menolak saranan itu kerana menurutnya Puteri Jamilan hanya 'patung' kerajaan Pagar Ruyung yang digunakan orang lain untuk kepentingan masing-masing. Pada Mac 1718, pihak Belanda di Melaka menerima surat daripada Puteri Jamilan menyatakan baginda telah menghantar putera Sultan Johor yang terbunuh itu untuk menjadi raja di Bengkalis. Baginda telah membekal raja baru itu dengan pakaian serta alat perhiasan raja yang terbunuh itu sebagai bukti pengesahan tuntutannya ke atas takhta Johor.

Kedaaan di Johor dalam kacau-bilau sejak naiknya Bendahara menjadi Sultan pada tahun 1699. Ini ditambah pula dengan watak-watak kuat seperti Bendahara Tun Abdullah dan Raja Muda Tun Mahmud. Peperangan dengan Bugis yang bermula pada tahun 1716 semakin melemahkan Johor. Sesuatu tindakan mungkin berlaku ke atas penduduk Minangkabau di Johor sebab berlaku perpindahan ke Jambi, Inderagiri dan Palembang. Kononnya Raja Muda Tun Mahmud telah mengambil wanita-wanita Minangkabau untuk dijadikan gundiknya dan memaksa yang lain menjadi abdi. Pengabdian ialah satu amalan yang sangat dibenci masyarakat Minangkabau yang mengamalkan Adat Perpatih yang meng-

utamakan kaum wanita. Ini tentulah menimbulkan kemarahan Puteri Jamilan. Oleh sebab itulah Raja Kecil diberi mandat penuh untuk menghapuskan Raja Muda Tun Mahmud dan segala kegiatan jahatnya di Johor.

Setelah beberapa lama di rantau, Raja Kecil pun muncul di Pagar Ruyung dan menyembah Yamtuan Sakti, lalu baginda bertitah:

"Mengapa engkau lama di laut? Maka sembah Tuan Bujang, "Patik menenok cupak ganggang orang." Maka baginda pun tersenyum. "Akan sekarang ini, apakah kehendak engkau?" Sembah Tuan Bujang, "Lebih-lebih maklum duli tuanku, mana titah." Maka kata Puteri Jamilan, "Ku tahu kehendak engkau. Baiklah engkau turun ke laut, ke Siak. Ambil olehmu negeri Johor. Tuntut kematian ayahandamu."

Maka tiada berapa lamanya, Tuan Bujang pun dinobatkan Yamtuan Sakti, sama-sama dengan anaknya sendiri. Dan titah Yamtuan Sakti, "Aku ini hendak menguji pesaka Minangkabau, betulkah anak saudara saya pesaka itu, tiada baiklah aku nobatkan akan keduanya sekali."

Maka dipalu tabuh larangan, menyahut tabuh yang banyak maka berkampunglah orang dalam negeri. Menteri yang Berempat, mengadap nobat. Setelah itu, dipukul akan gendang kulit tuma. Tuan Bujang memakai alat kerajaan pun diletakkan oleh Yang Dipertuan Sakti di Kepala Tuan Bujang. Maka Puteri Jilan [Jamilan] pun berdiri, sambil beryang-yang [minta doa kepada dewa]. "Jikalau engkau asal putera saudaraku di Johor, salasilah daripada Sultan Iskandar Zulkarnain, nenek, nasab Nusirwan [Nusyirwan] Adil, pancar nabi Allah Sulaiman 'alaihivassallam, tiadalah dapat suatu apa-apa. Dan pesaka Minangkabau si Bujanglah yang lebih. Dan adalah muka Si Bujang, seperti bunga raya kembang pagi, tiada dapat dipandang, bercahaya-cahaya. Dan empat anak menteri mengang tombak tetaran sakar jantan, kiri dan kanan.

Maka segala pegawai, Menteri yang Berempat, Bendahara yang di Sungai Tarab, Makhdum di Sumanik, Enduma di Suroso [Suruasso] semuanya sujud menyembah, menyatakan, "Dualat Tuanku Yang Maha Mulia, kekalah dan karalah di dalam Tanah Melayu, menjadi raja besar!" Dan lalu diberi gelaran Yang Dipertuan Raja Kecil. Dan anakanda baginda naik, mahkota kerajaan tiada tahan,



Puteri Dunia Melayu

tersenget kepalanya. Maka dengan segera diambil oleh Yang Dipertuan Sakti Mahkota itu, sambil baginda berkata, "Kalah oleh orang laut, dan engkauah aku namakan Raja Beralah." Setelah sudah berjamu segala orang besar, masing-masing bermohon pulang.

Pada suatu hari, maka Puteri Jamilan dan Yang Dipertuan Sakti pun membawa pedang kerajaan, asal bermula tanah Minangkabau, persembah Raja Kuantan, Sepurejab namanya. Dan Puteri Jamilan memberi sepah dan rambut Puteri Jamilan, panjang lima depa, dan kupang-kupang dua butir, dan cap satu. Dan tersebut di dalam cap itu:

"Adalah anak kita, Yang Dipertuan Raja Kecil, turun ke tanah laut. Dan hendaklah segala anak Minangkabau yang di laut, yang selilit Pulau Perca, sungai diapit oleh pasang, dan kita pulangkan ab

malunya anak kita, yang menanggung malu anak Minangkabau. Dan jikalau anak Minangkabau tiada mahu menyerta ia, baik dan jahatnya Yang Dipertuan Raja Kecil, kena sumpah, kena bisa kawi. Dan jikalau orang Minangkabau tiada boleh mengiring [dan] hendaklah ia persembah rial dua puluh dan setinggi selaras ubat sekati."

Setelah habislah Yang Dipertuan Sakti memberi perjamjan itu, lalu diberi hulubalang empat orang, pertama Datuk Lebai Tasi, dan Datuk Gergaji, dan Raja Mendailing, dan Sutan Pendalihan. Dan baginda bermohon kepada Yang Dipertuan Sakti dan Puteri Jamilan. Maka dipeluk dicium baginda dengan nenda baginda. Maka titah Puteri Jamilan, "Selamatlah cucuku, tuan, sampai barang yang dihajati." Setelah sudah, maka baginda pun turunlah. (*Hikayat Siak*, 121 – 123) Dalam tahun 1718, Johor pun diserang dan ditakluk Raja Kecil!



Datuk Puteri Siti Awan

DATUK UNDAK JOHOL YANG PERTAMA

Pada masa ini Luak Johol, di Negeri Sembilan meliputi Inas, Gemeneh, Air Kuning dan Gemas. Luak ini didiami orang Biduanda (lakun) sebelum kedatangan

orang Minangkabau dari Sumatera. Ketua orang Biduanda bergelar Batin dan pembantunya bergelar Jenang. Ketua orang Biduanda yang mula-mula meneroka luak Johol ialah seorang perempuan yang dikenali dengan nama Nenek Kerbau. Kemudian barulah seorang pembesar dari Minangkabau, yang bergelar Datuk Melengkar Alam serta isterinya, Tuk Koyan, datang lalu menetap di Pasir Besar. Di situ mereka beroleh seorang anak lelaki yang diberi nama Johol. Setelah Johol dewasa, ia telah digelar oleh Sultan Johor dengan gelaran 'Johan Pahlawan Lela Perkasa'.

Dari Pasir Besar, Johol berpindah ke Air Keruh (nama bagi Luak Johol pada ketika itu) lalu berkahwin dengan Nenek Kerbau, ketua orang Biduanda. Johol atau Johan Pahlawan Lela Perkasa dan isterinya Nenek Kerbau beroleh seorang anak perempuan yang mereka namakan Puteri Kunun. Nenek Kerbau memerintah di luak Johol serta kawasan Seri

Menanti, Jempul dan Ulu Muar dengan bantuan suaminya, Johan Pahlawan Lela Perkasa, yang dikenali sebagai Datuk Johol. Orang yang datang dari Minangkabau digalakkan mendiami luak Johol itu.




Jata undang Johol

Pada tahun 1699, Sultan Mahmud II, Sultan Johor pun mangkat (Marhum Mangkat Dijulang) maka Datuk Johol pun menjemput Bendahara Skudai (bernama Liman) datang ke Johol. Dalam perjalanannya, Bendahara Skudai datang di Pasir Besar lalu meluaskan lagi perkampungan di situ, kemudian sampailah ke Lantai Kulit (Pabai) yang terletak antara Rembau dan Johol, dan dari situ sampai ke Ulu Tanggai di Johol dalam tahun 1720. Beliau disambut oleh Datuk Johol dan Nenek Kerbau. Seterusnya Datuk Johol menjodohkan puterinya yang tunggal, Puteri Kunun, dengan Bendahara Liman dari Sekudai.

Puteri Kunun pun memeluk agama Islam lalu memakai nama Siti Hawa. Siti Hawa amat suka bersiar-siar di kemuncak gunung. Menurut sesetengah cerita beliau menuntut ilmu sakti dan ilmu kebal daripada seorang guru yang tidak diketahui namanya semasa pergi ke gunung yang bersem-

padan dengan Gunung Rembau. Akhirnya ayahnya, Datuk Johol menggelnarnya Siti Awan kerana selalu di kemuncak gunung berlatar belakang awan, dan digelar 'Johan Lela Perkasa Sitiawan'. Nama 'Siti Awan' juga dimaksudkan 'Setiawan' atau orang yang setia, kerana Siti Awan benar-benar setia kepada suami, emak ayah dan luak Johol. Setelah Datuk Johol meninggal dunia, anaknya Batin Siti Awan (Johan Pahlawan Lela Perkasa Sitiawan) mengambil gelaran bagi dirinya 'Datuk Undang Johol' pada tahun 1723, dan dialah Datuk Undang Johol yang pertama. Beliau juga dipanggil orang Datuk Puteri Siti Awan.

Setelah menjadi pemerintah di luak Johol selama lebih kurang 24 tahun, pada tahun 1747 Datuk Puteri Siti Awan, Undang Johol yang pertama pun meninggal dunia. Jenazahnya dibeubikan di tempat yang sekarang ini bernama Tanggai. Orang yang menggantikan beliau juga seorang perempuan yang bergelar Datuk Rambut



Mohor Undang Johol

Panjang (1747–1760) yang menjadi Undang Johol yang kedua. Selepas memerintah selama 13 tahun beliau meninggal dunia lalu diganti pula oleh seorang perempuan juga iaitu Datuk Siti Awan II (1760–1790) sebagai Undang Johol yang ketiga. Setelah Datuk Siti Awan meninggal dunia, barulah jawatan Undang Johol beralih kepada seorang lelaki, iaitu Datuk Rambutan Jantan (1790–1810), dan sejak itu semua Datuk Undang Johol adalah lelaki.



Alat-alat kebesaran Undang Johol



Raja Hijau

TONGGAK KEGEMILANGAN PATANI

Negeri Patani, seperti negeri Melayu yang lain, secara tradisinya diperintah oleh kerabat diraja daripada kaum lelaki. Menurut sistem pemerintahan beraja Melayu, kemangkatan seorang raja hendaklah digantikan dengan kerabat lelaki yang terdekat. Kemangkatan Sultan Bahadur Syah menemui kerumitan kerana baginda hanya meninggalkan waris perempuan belaka.

Dalam hal sedemikian pemilihan seorang pengganti di kalangan zuriat diraja terpulang kepada keputusan para pembesar negeri. Setelah bermusyawarah maka sepakatlah para pembesar mengangkat Raja Hijau, puteri sulung Sultan Mansur Syah, untuk menaiki takhta kerajaan negeri Patani. Baginda ialah seorang puteri yang pertama sekali menjadi Ratu atau Sultanah dalam pemerintahan beraja negeri Patani. Raja dan rakyat Siam menggelar baginda Phra Nang Cao Yang, manakala orang Melayu pula memanggilnya Raja Nang Cayang, atau Pracau. Baginda menaiki takhta pada tahun 1584.

Pemerintahan baginda dilaksanakan dengan bijak dan adil dan baginda dapat mengimbangkan kuasa para pedagang Barat yang turut berdagang di Patani. Dicatat dalam rekod negara-negara Eropah, Patani mula maju dan dalam masa pemerintahan empat orang sultanah (Raja Hijau, Raja Biru, Raja Ungu dan Raja Ku-

ning) Patani sampai ke puncak kegemilangannya. Zaman yang diliputi keempat Raja Perempuan ini ialah dari tahun 1584 sehinggalah tahun 1686. Ia dikatakan mercu zaman gemilangnya Empayar Melayu Islam dan menjadi pusat kebudayaan Melayu di Semenanjung, sejajar dengan empat Sultanah di Aceh. (Tajul Alam Safiatuddin Syah, Nurul Alam Naqiatuddin Syah, Inayat Zakiatuddin Syah dan Kemalat Syah) dari tahun 1641 sehingga tahun 1699.

Walaupun Raja Hijau menjadi penguasa Patani atas pemilihan para pembesar namun ada juga pihak yang tidak puas hati dan dengki terhadap baginda. Maka tercetuslah satu pemberontakan oleh Bendahara Kayu Kelat dari Sai yang disokong oleh kira-kira 5,000 orang pengikutnya termasuk 40 orang yang dikatakan kebal. Dengan bersungguh-sungguh rombongan itu merempuh masuk istana lalu masuk ke Balai Penghadapan, tempat Raja Hijau sedang bersemayam. Melihat Raja Hijau dalam keadaan tenang tanpa gentar dan takut, tiba-tiba Bendahara tidak jadi memberontak lalu terus melutut dan menyembah. Begitu juga dilakukan para pengikutnya. Semuanya berlutut, tunduk dan menyembah.

Setelah peristiwa itu dan keadaan dalam negeri reda barulah Raja Hijau menyuruh meniasat pembunuhan ke atas Sultan Bahadur Syah, adinda baginda. Setelah diketahui Seri Amar Pahlawan pembunuhnya maka dititahkan Khatib Abdul Jabar supaya


Puteri Dunia Melayu

membunuhnya tetapi beliau telah dibunuh oleh Raja Megat. Mayat Khatib Jabar dititah disemadikan di luar kota istana.

Pada tahun 1600 seorang pengembara Inggeris, John Smith, telah dilantik oleh Raja Hijau sebagai penasihat baginda. Van Neck, seorang penulis Belanda yang tiba di Patani beberapa tahun kemudian memuji-muji pemerintahan Raja Perempuan ini. Katanya:

“Negara Patani ini diperintah oleh seorang perempuan (Raja Hijau)...Baginda telah memerintah dengan aman damainya bersama-sama para pembesarnya (yang mereka gelar menteri) selama 13 atau 15 tahun, maka segala rakyat baginda amat puas dengan pemerintahan baginda berbanding dengan raja yang mangkat dahulu, kerana segala barang makanan pada masa itu amatlah murah di situ, yang pada zaman raja dahulu separuhnya sebagai bayaran cukai. Ratu ini usianya lebih kurang lima puluh tahun....”

Suasana aman dan makmur ini disebabkan pemerintahan baginda yang saksama lagi prihatin terhadap perihai kehidupan rakyat baginda. Satu daripada projek sosio-ekonomi baginda ialah pengalangan Terusan Tambangan dari Sungai Kersik hingga ke sungai di Kuala Tambangan. Sebelum itu, Sungai Kersik yang dahulunya mengalir ke bandar bertakung dan menjadi masin, kerana sungai itu tidak lagi bersambung ke pedalaman. Dengan terbinanya terusan itu, orang di bandar menerima air tawar dan tanah sawah yang digenangi air masin menjadi putih semula.

Dalam masa pemerintahan Raja Hijau, Siam membuat serangan percubaan ke atas Patani pada tahun 1603. Raja Siam pada masa itu ialah Narasuan (1590–1605). Walau bagaimanapun angkatan Siam itu gagal mendaratkan tenteranya. Ini akibat dipukul hebat

oleh orang Melayu Islam Patani serta bantuan para pedagang asing yang menggunakan senjata api. Beberapa tahun kemudian, perutusan Siam dihantar ke Patani untuk membeli senjata api yang banyak dalam pasaran Patani dan ini juga menjadi permintaan utama di kalangan peniaga Jepun yang menguasai perdagangan secara agak besar di Patani.



Dalam tahun 1592 Maharaja Shogun Tokugawa Iyeyasu (1542–1616) telah mengirim surat rasmi serta cenderamata untuk menjalinkan hubungan diplomatik antara Jepun dan Patani. Utusan dari Patani dihantar ke Jepun dalam tahun 1599, dan satu rombongan lagi dihantar ke Jepun pada tahun 1602. Maka banyaklah kapal dagangan Jepun, Belanda dan Inggeris yang singgah di Patani. Yang menjadi duri dalam daging adalah perompak laut Jepun yang mengganas di Laut China Selatan.

Persaingan pedagang Jepun dan Belanda semakin sengit dan Belanda telah mengalami kebakaran barang dagangan mereka oleh Jepun sebanyak dua kali yang mengakibatkan bandar Patani juga terbakar sebahagiannya. Namun begitu hubungan Patani dan Belanda semakin baik apabila Raja Hijau menerima surat daripada Putera Maurice yang dibawa oleh Jacob van Neck dari Netherlands. Patani menjadi pusat dagangan barangan Timur dan Barat kerana barangan dari China, seperti porselin, kain sutera dan pinggan mangkuk, menjadi barang utama di Eropah.

Raja Hijau berpesan kepada Belanda sekiranya bertemu dengan kapal-kapal kepunyaan orang Patani yang dalam keadaan bahaya di lautan, orang Belanda hendaklah mengulurkan bantuan. Mungkin ingat akan pesanan ini ataupun kerana pelaburan Belanda begitu banyak maka Belanda enggan memihak kepada Johor dalam persengketaan Johor–Patani.

Penusuhan dua negeri Melayu ini berpuca dari istana apabila dua orang adinda Sultan Johor (Sultan Alauddin Riayat Syah III, 1597

-1615) telah sampai ke Patani. Raja Hasan (Raja Siak) putera yang tua telah berkahwin dengan seorang puteri Patani. Satu hari Raja Hasan mendapati adindanya berlaku curang dengan kekanda iparnya sendiri iaitu Puteri Patani. Ini menyebabkan Raja Hasan terus membunuh isterinya dan adindanya sekali. Tindakannya itu membawa padah kepada Raja Hasan yang dihukum mati oleh pihak berkuasa Patani. Keadaan ini menyebabkan Johor marah, maka timbulah ketegangan di antara dua negeri itu. Berkali-kali Johor cuba memujuk Belanda agar menyerang Patani tetapi tidak diendahkan Belanda. Mungkin juga kerana pelaburan Syarikat Hindia Timur Belanda (Vereenigde Oost-Indische Compagnie atau ringkasnya VOC) yang tertubuh pada 20 Mac 1601, di Patani adalah lebih besar, iaitu berjumlah 63,000 ryal berbanding dengan jumlah 10,000 ryal di Johor.

Pada 22 Jun 1612 kapal Globe kepunyaan Syarikat Hindia Timur Inggeris (English East India Company) telah sampai ke Patani. Anahnya kapal itu dikendalikan oleh dua orang pelaut Belanda, Peter Floris dan Lucas Antheunis. Peter Floris juga seorang penulis terkenal yang membuat catatan penting tentang kegiatan perdagangan, sosio-politik dan pelbagai peristiwa yang berlaku di Patani pada masa itu. Rombongan Inggeris telah diraikan dengan baik serta diadakan perjanjian perdagangan bebas antara Patani-Inggeris. Cukai pelabuhan dikenakan sebanyak lima peratus, manakala satu peratus untuk Perbendaharaan Negeri. Pembesar Patani diperkenalkan kepada rombongan Inggeris, termasuklah Pengarah VOC di Patani.

Pada 31 Disember 1612, baginda Raja Hijau berangkat dengan iringan pembesar dan rakyat jelata dengan 600 buah perahu pergi berpesta ke Kuala Bekah lalu singgah di Tanjung Patani. Di sana orang Belanda dan Inggeris mengambil peluang mengadap baginda yang mereka dapati begitu tenang, tinggi tubuhnya serta bersifat kebangsawanan Melayu sejadi yang jarang ditemui di rantau ini. Turut bersama ialah adinda baginda Raja Biru dan keluarga diraja Patani. Keberangkatan ke Kuala Bekah secara besar-besaran ini dibuat setelah 17 tahun baginda tidak pernah keluar dari istana untuk berburu lembu, kerbau liar dan binatang buruan yang lain.

Baginda Raja Hijau mempunyai seorang lagi saudara yang bernama Raja Ungu. Adindanya ini yang bersuamikan Sultan Abdul Ghafur.



Busana tradisional

Istana Johore, Muzium dan Arkeologi



Sultan Pahang, telah menetap di Pahang sudah hampir 28 tahun. Oleh kerana baginda Raja Hijau telah meningkat usia menjangkau 60 tahun dan juga perasaan rindu kepada adinda baginda, maka dihantar utusan ke Pahang menjemput Raja Ungu pulang ke Patani.

Tak disangka-sangka jemputan itu ditolak oleh Sultan Pahang. Sikap sedemikian menimbulkan kemurkaan Raja Hijau, maka baginda mengeluarkan perintah menyekat dan memulakan kapal-kapal dari Siam, Patalung dan Ligor yang membawa beras ke Pahang. Akhirnya tindakan tentera telah diambil dengan menghantar satu angkatan Patani ke Pahang iaitu seramai 4,000 tentera dan 70 buah perahu perang di bawah pimpinan Maharaja Datuk Besar dan Orangkaya Seri Nara Diraja. Tujuannya untuk membawa pulang Raja Ungu secara damai atau perang. Kedegilan Sultan Pahang menyebabkan angkatan Patani menyerang Pahang, maka binasalah Pahang. Barulah Sultan Abdul Ghafur bersetuju membawa permaisurinya dan dua orang putera mereka, balik ke Patani.


Pada 2 Ogos 1613, Raja Hijau mengadakan jamuan negara di istana yang turut menjemput orang Belanda dan Inggeris bersama-sama meraikan sambutan kunjungan ipar baginda Sultan Abdul Ghafur Pahang serta adinda baginda Raja Ungu. Dalam majlis diraja itu baginda Raja Hijau telah memperkenalkan permainan Makyung yang dianggotai para wanita bangsawan istana yang cantik-cantik belaka. Persembahan itu penuh gilang-gemilang dan belum pernah dilaksanakan di negeri-negeri Melayu.


Pada 4 Oktober 1613 suatu rusuhan besar berlaku mengakibatkan kebakaran bandar Patani. Rusuhan ini berlaku dalam bulan Ramadan dan berpunca dari orang Jawa yang kebanyakannya

menjadi hamba kepada para pembesar negeri. Mereka ingin membunuh Datuk Besar dan Datuk Laksamana. Datuk Besar cuba menghimpunkan orang Jawa untuk menyelidik siapa yang memulakan kebakaran. Apabila keadaan menjadi runting, Datuk Besar menghunus kerisnya lalu menunjuk seorang pemimpin masyarakat Jawa. Datuk Besar dibenteng oleh pengikut setianya. Rusuhan pun merebak. Orang Jawa yang menjadi hamba Datuk Laksamana juga turut bergabung dengan rakan-rakan mereka. Rusuhan menjadi semakin dahsyat hingga ke pintu gerbang istana. Kebakaran yang tidak dapat dikawal itu memusnahkan sebahagian besar bandar Patani. Kecuali pekarangan istana, kediaman Orang kaya Seri Nara, kediaman Datuk Bendahara dan kawasan masjid, perusuh Jawa terus merajalela, mengacau anak-anak gadis dan merampas harta. Tiada siapa yang berani menghalang.

Akhirnya orang Belanda, Inggeris dan pengawal tempatan dikerah untuk bekerjasama menyekat kemaraan orang Jawa itu. Senjata api dan kekerasan pegawai Patani akhirnya berjaya mematahkan rusuhan itu. Inilah kebakaran besar ketiga yang pernah berlaku di Patani. Terdahulu daripada ini orang Jepun telah membakar bandar itu sebanyak dua kali. Walaupun Aceh menyerang Johor dan membawa tawanan diraja (adinda Sultan Johor Raja Abdullah dan Tun Seri Lanang) ke Aceh pada tahun 1613, hal ini tidak menimbulkan kebimbangan pihak Inggeris namun setelah keadaan reda maka pada 9 Oktober 1615 Mesyuarat Agung Syarikat Hindia Timur telah berlangsung di Patani. Antara yang hadir termasuklah Pengarah Syarikat di Patani iaitu Adam Denton dan saudagar-saudagar syarikat Inggeris itu.

Raja Hijau mangkat ketika berusia 63 tahun setelah memerintah selama 32 tahun. Sepanjang hayatnya dikatakan baginda tidak pernah berkahwin. Baginda dikenali sebagai Marhum Tambangan.





Peta Putani



Raja Biru

PERSAINGAN BELANDA-INGGERIS DI PATANI

Setelah mangkatnya Raja Hijau pada tahun 1616 maka adindanya, Raja Biru menggantikan baginda sebagai Raja Perempuan Patani kedua. Usia Raja Biru ketika menaiki takhta kerajaan Patani ialah 50 tahun. Tugas baginda hanya menyambung pentadbiran yang sudah diasaskan oleh kekanda baginda, Raja Hijau.

Dua tahun selepas ditabalkan, baginda mengarahkan agar Terusan Tambangan diperbaiki kerana didapati airnya mengalir terlalu deras. Dari jambatan Kedi telah berlaku hakisan tebing sehingga ke depan Pintu Gajah yang menyebabkan air sungai di Kersik menjadi tawar, maka perusahaan bendang garam yang diusahakan di situ telah menghasilkan garam yang kurang masin. Satu lagi usaha yang baginda arahkan Bendahara melakukannya ialah bergotong-royong mengangkut batu di hulu Kuala Sungai Korok menggunakan rakit untuk ditimbus di Kuala Tambangan. Mengambil sempena pekerjaan timbunan batu itu maka penduduk sekitar kampung memanggil kampung tersebut Kampung Tindih Batu.

Semasa pemerintahan Raja Biru, Patani lebih condong ke Siam dan tidak ke Johor. Pada tahun 1614, Sultan Abdul Ghafur Mohyiddin Syah, Pahang pun mangkat. Baginda mempunyai seorang puteri bernama Raja Kuning, hasil perkahwinan baginda dengan

pemaisurinya Raja Ungu, adinda Raja Biru. Semasa masih berusia 12 tahun (sekitar tahun 1620) Raja Kuning telah ditunangkan dengan Olphaya Decu, putera negeri Patalung. Keberangkatan pulang Raja Ungu dari Pahang setelah Sultan Pahang mangkat telah dialu-alukan rakyat Patani, dan banyak juga orang Pahang yang mengiringi baginda itu terus menetap di Patani.

Persaingan perdagangan antara Belanda dan Inggeris di Asia Tenggara menjadi semakin sengit. Walaupun Inggeris tidak sekuat Belanda pada zaman itu namun ke mana-mana saja Belanda pergi, Inggeris menurut bagi bayang-bayang. Walaupun dicadangkan untuk mendapat kata sepakat namun jalannya masih buntu. Walaupun pernah ada pertemuan di London (1613) dan di Hague (1615) namun tiada kata sepakat. Belanda tetap mempertahankan haknya yang telah ditanda tangani dengan raja-raja tempatan. Walaupun hubungan baik sangat diharapkan oleh Raja James I (England) dan Raja Phillip III (Holland) namun para pedagang mereka tidak mahu sepakat antara satu sama lain.

Pada Jun 1619, dua buah kapal Inggeris, Hound dan Sampson yang diketuai John Jourdain telah sampai ke perairan Patani. Serta merta Belanda menghantar angkatan lautnya dengan 8,000 orang tentera diketahui Hendrick Jansen untuk menghalau kapal-kapal Inggeris itu. Pada Julai 1619 sampailah armada Belanda di perairan Patani lalu menyerang dua buah kapal Inggeris tersebut dan membunuh



Masjid Wadi al-Husain yang berusia lebih 380 tahun.

John Jourdain dan mengambil tawanan yang dipindahkan ke kapal Belanda, Angel. Mereka dilayan secara kejam dan ada yang dihantar ke Patani dan ke Jepun.

Sebagai akibat kejadian buruk itu maka kedua-dua pihak semakin bermusuhan di Patani. Orang Belanda menambah tenteranya di Patani dan sentiasa mengganggu orang Inggeris. Oleh itu Raja Biru memberi perlindungan kepada orang Inggeris. Peristiwa yang berlaku di Patani ini menjejaskan hubungan antara England dan Holland, dan diatasi oleh Perjanjian Antwerp pada tahun 1619 yang menyatakan syarat-syarat agar kedua-dua pihak berbaik-baik dan sama-sama menikmati perdagangan rempah di Patani.

Menjelang tahun 1620-an, perdagangan Belanda kurang menguntungkan pihak VOC. Walaupun rempah keluaran Patani dianggap yang terbaik dan murah namun ia turun ke tempat kedua antara barangan eksport Patani jika dibandingkan dengan tempat-tempat lain di Nusantara. Hal yang sedemikian berlaku kerana rempah

kurang mendapat pasaran di Eropah. Akhirnya Gabenor Jeneral Jan Pieterzoon Goen memutuskan untuk menutup semua loji Belanda yang tidak menguntungkan, termasuklah yang di Patani, dan ini berkuatkuasa pada 1 Januari 1623.

Berikutan penutupan loji Belanda di Patani, orang Inggeris juga mendapati perniagaan mereka merosot dan akhirnya kapal Fortune telah dihantar ke Patani untuk mengambil barang-barang penempatan di gedung perniagaan Inggeris setelah dirasmikan penutupannya pada 6 Februari 1623. Dengan pengunduran dua kuasa besar itu dari perairan Patani maka perdagangan Belanda dan Inggeris di Patani semakin merosot. Dengan kemerosotan itu ia meninggalkan sejarah zaman kegemilangan Patani sebagai pusat perdagangan terpenting di Asia Tenggara.

Raja Biru mangkat pada tahun 1624 setelah memerintah sebagai Nang Cayang kedua selama lapan tahun. Baginda dikenali sebagai Marhum Tengah.



Raja Unggu

CEKAL DAN BERANI MENENTANG MUSUH

Nampaknya watak dan pemerintahan Raja Unggu atau Raja Perempuan Patani atau Raja Nang Cayang ketiga ini lebih berwarna-warni berbanding dengan kekanda-kekanda baginda yang terdahulu.

Raja Ungu ialah bekas permaisuri Sultan Abdul Ghafur, Pahang dan ditabalkan sebagai raja kerajaan Patani pada 1624 menggantikan kekanda baginda Raja Biru. Apabila menjadi pemerintah di negeri Patani baginda telah mengubah haluan politik Patani. Oleh kerana baginda menetap di Pahang selama lebih kurang 30 tahun, baginda lebih rapat dengan negeri-negeri Melayu Islam berbanding dengan Patani yang kuat pengaruh Siam. Di atas takhta baginda tidak memakai gelaran Phra Nang Chao-Yang atau Raja Nang Cayang sebaliknya mengisytiharkan diri baginda sebagai Paduka Syah Alam.

Berikutan itu baginda mengambil keputusan memutuskan pertunangan anakanda baginda, Raja Kuning, dengan putera Pattalung, lalu menjodohkannya dengan Yang Dipertuan Muda adinda Sultan Abdul Jalil Syah III (1623–1677) Johor. Tindakan ini untuk memulih kembali perhubungan antara Patani dan Johor yang sekian lama bermusuhan. Satu rombongan seramai 3,000 orang dari Johor telah tiba di Patani lalu disambut oleh Seri Maharaja Lela dan Raja Megat bagi pihak Raja Ungu.

Dalam pada itu di negeri Siam telah berlaku beberapa pertukaran pucuk pemerintahan. Raja Intaraja II (1610–1624) telah mangkat dan digantikan oleh anakandanya, Raja Jetta (1628–630). Raja ini sempat memerintah selama dua tahun, kemudian diganti oleh Raja Atityanong. Belum pun sempat beliau memerintah, satu rampasan kuasa dilakukan oleh Phya Sri Worawong, sepupu Raja Jetta. Rampasan kuasa ini terjadi dengan bantuan Jepun di bawah pimpinan Yamada Nagamasa, yang dianugerahi gelaran Okya Senaphimuk. Secara zalimnya semua ahli keluarga Raja Atityanong dibunuh. Raja Siam yang baru ini menggelar dirinya Raja Prasatthong (Raja Istana Emas). Raja Ungu enggan mengiktiraf pertabalan Prasatthong, dan terus menolak penghantaran tufti bunga emas kepada Siam.

Raja Ungu mengisytiharkan bahawa Patani bebas daripada naungan Siam. Siam lalu mengumumkan perang terhadap Patani yang dikatakan mengadakan pakatan dengan Portugis. Pada tahun 1631, Raja Ungu menghantar tentera Islam Patani menyerang Pattalung yang bersempadan dengan Ligor (Nakhon Si Thammarat). Tentera Patani turut berjaya menawan dua buah kapal Siam yang sedang belayar menuju Betawi dengan membawa tujuh anak kapal berbangsa Jepun termasuk dua orang pedagang Belanda.

Orang Ligor, melihat kejayaan orang Patani yang baru bebas dan berjaya menentang Siam, mereka pun mengisytiharkan negerinya



Mata wang Syarikat Hindia Timur Belanda (Vereenigde Oost-Indische Compagnie - VOC)

bebas daripada pertuanan Siam dan tidak mahu mengirim ufti bunga emas kepada kerajaan Siam. Bagaimanapun Siam berjaya menakluk kembali Ligor dan melantik Yamada Nagamasa sebagai Gabenor Ligor tetapi panglima Jepun ini turut terbunuh dan digantikan oleh adiknya. Untuk menghantar gabenor baru, Siam terpaksa meminta bantuan Belanda bagi mengelak kapal mereka ditawan tentera Patani.

Menyedari suasana yang runcing itu, Raja Ungu dalam tahun 1632 telah menyuarakan pakatan tentera bersama yang lebih luas antara Patani-Johor- Belanda- Kemboja-Jambi-Inderagiri. Tujuan pakatan tersebut untuk membendung kuasa Portugis dan Sepanyol yang semakin menggugat rantau ini.

Belanda pun amat bimbang kerana Patani konon berbaik-baik dengan Portugis. Pada tahun 1632, Gabenor Jeneral VOC mengirim surat kepada Raja Prasatthong menegaskan pakatan bersama menentang pakatan Patani, Portugis. Siam pula mengirim hadiah

kepada VOC meminta VOC dan kerajaan Belanda memutuskan hubungan diplomatik dan urusan perdagangan dengan Patani sehingga Patani menghentikan permusuhan terhadap mereka. Siam juga meminta bantuan ketenteraan daripada Belanda.

Dalam satu majlis diraja di Ayuthia, para pegawai Belanda dijamu dan diraikan secara istimewa. Raja Prasatthong pula berikrar bahawa Siam dan Belanda kini bagai satu negara walaupun berasingan. Gelaran tertinggi Siam juga dikurniakan kepada pegawai Belanda itu. Pengarah VOC di Ayuthia, Joost Schouten digelar Okluang dan timbalannya, Jeremias van Vliet, digelar Okkhun. Setelah itu pihak VOC menghantar lima buah kapal ke Ayuthia, dan dua buah lagi di bawah pimpinan Komandan Antonij Caen telah singgah di Patani sebagai wakil kerajaan Siam. Beliau ditugaskan untuk memujuk Raja Ungu supaya memutuskan pakatan Patani dengan Portugis, selain memujuk agar Patani menghantar perwakilan ke Ayuthia untuk mengikat kembali perhubungan diplomatik dengan Siam. Selain itu Antonij Caen cuba merayu agar



Patani melepaskan dua buah kapal Siam yang ditawannya.

Raja Ungu yang mempunyai pendirian tegas dan bersifat degil itu tetap berkeras dan dengan berani, mengutuk dan mengancam hebat Raja Siam sebagai penjajah, pembunuh dan pengkhianat, dan tidak berhak langsung memakai mahkota kerajaan Siam. Pernyataan Raja Ungu itu dipersetujui Maharaja Shogun Tokugawa Iyimitsu (1630-1650). Kecaman tersebut diminta oleh baginda Raja Ungu disampaikan kepada Prasarathong melalui wakilnya Antonij Caen. Jelas Antonij Caen gagal dalam rundingan diplomasi dengan Raja Ungu dan dia juga gagal mendapatkan barang eksport Patani kerana telah dibolot oleh pedagang persendirian Belanda dan Cina.

Berikutan kegagalan Antonij Caen itu, Belanda dan Siam berutus-utus surat dan berpakat menyerang Patani dari darat dan laut. Kedua-dua pihak kini bertekad akan menghancurkan negeri Islam Patani sebagai musuh bersama mereka. Pada 14 Mei 1634, enam buah kapal perang tentera laut Belanda yang lengkap dengan senjata api di bawah pimpinan Komandan Class Brijn belayar mengharungi lautan untuk membantu angkatan Siam menyerang Patani.

Pada waktu yang sama Raja Prasarathong sedang menghadapi masalah keselamatan iaitu ancaman Burma dan Kemboja, namun dia bertekad hendak menghancurkan Patani. Raja Prasarathong juga menghubungkan negeri Kedah dan Singgora agar memberi bantuan ketenteraan. Menurut catatan, sejumlah 30,000 tentera Siam yang serba lengkap, berkuda dan bergajah mula mara ke selatan di bawah Phiraya Phrakhlang, Kalahum, Laksamana Ramasit dan Gabenor Ligor. Mereka kelak akan bergabung dengan orang Siam Ligor dan Singgora sehingga mencapai jumlah 60,000 orang. Ini merupakan angkatan tentera Siam yang terbesar dalam sejarahnya untuk tujuan menyerang negeri-negeri Islam Melayu di Semenanjung. Angkatan darat ini pula dibantu dengan armada laut sebanyak 40 buah kapal perang dan perahu yang siap sedia hanya menunggu arahan.

Pada 11 Mei 1634, tentera laut Siam yang tiba di Kuala Patani telah menyerang tentera Islam Patani yang dibantu oleh 50 buah perahu perang Melayu dari Johor dan Pahang serta enam buah kapal perang Portugis dan Melaka di bawah pimpinan Komandan

Antonia vaz Pinto yang dihantar oleh Gabenor Antonio de Fonseca. Kubu pertahanan Melayu Patani dibina setebal 10 lapis dan pada setiap satu depa diletakkan meriam – antaranya meriam-meriam bergelar Seri Patani, Seri Negara, dan Mahalela. Serangan Siam itu datang serentak dari darat dan laut maka perang dahsyat dan hebat pun berlangsung. Pengarang *Hikayat Patani* mencatatkan sebagaimana berikut:

Arakian maka segala rakyat Siam pun datanglah hendak menyerang pada kota yang belum siap itu, ada yang sudah turun setengah mengarung parit itu, maka dibedil orang Patani, terlalu banyak mati segala rakyat Siam itu, tiada dikira-kira lagi matinya dan beberapa dihalau oleh segala pahlawan Siam rakyatnya itu hendak menyeberang. Hatta maka segala impian tiada dapat juga Siam itu pun undur ke padang berhimpun di muka lorong Malim Aji. Arakian maka segala menteri hulubalang dan rakyat Patani pun keluarlah perang segala Siam itu pun tidadalah menag lagi, sangat kelaparananya.

Dalam masa seminggu berperang itu pihak Siam semakin kurang makanannya dan hampir-hampir kebuluran yang menyebabkan mereka semakin lemah. Akhirnya mereka memutuskan untuk berundur ke Singgora. Bantuan Belanda yang mereka nanti-nantikan tidak juga tiba. Keputusan berundur kerana kalah dan gawat perang itu dibuat pada 21 Mei 1634. Pengunduran angkatan yang besar ini amat memalukan Raja dan negara Siam kerana tidak berjaya menundukkan sebuah negeri kecil yang diperintah seorang Raja Perempuan.

Sekembalinya tentera Siam yang kalah perang itu, pegawai-pegawai mereka dilarang masuk mengadap sehingga siap laporan lengkap mengapa mereka berundur. Oleh kerana terlalu marah dan malu Raja Prasarathong telah menghukum seorang pegawai tentera yang berpangkat tinggi dipenggal lehernya. Leher itu diletak pada tiang dan disuruh anggota tentera yang kalah itu mengelilinginya selama tiga hari dalam keadaan panas terik. Raja Prasarathong menyindir bahawa itulah balasan bagi mereka yang tidak berani berperang. Pegawai tentera yang lain pula dipaksa duduk selama dua hari di hadapan khalayak ramai sebagai pengajaran dan peringatan. Akhirnya kesemua mereka yang terlibat telah dipen-



jarakan oleh Okya Cakri dan Okya Poucelouk yang berasa bimbang sekiranya dibebaskan, mereka akan diperintahkan menyerang Patani sekali lagi. Dan kali ini kalau gagal lagi maka Raja Siam akan menghukum bunuh segala anggota keluarga mereka.

Pada 1 Jun 1634 barulah angkatan Belanda pimpinan Class Bruijn tiba di perairan Patani. Apa hendak dikatakan lagi, yang ingin dibantu telah lari pulang bagai anjing membawa ekor di celah ke-langgangnya. Lagi sekali Raja Prasatthong naik darah maka diarah-nya agar segala urusan perdagangan dengan pihak VOC dipu-laukan, dan para pegawai Siam dilarang membuat hubungan den-gan Belanda. Orang Belanda dibiarkan kerana orang Siam dilarang memberi layanan kepada mereka. Apabila Joost Schouten dan Class Bruijn tiba mengadap dan menerangkan kelewatan mereka dan mendakwa mereka berjaya menenggelamkan enam buah perahu Patani, barulah Raja Prasatthong berasa sejuk dan berterima kasih kepada pihak Belanda. Sesetengah cukai ke atas barangan Belanda di Ayuthia pun dikurangkan.

Pada tahun 1636 satu persediaan yang lebih besar dipersiapkan oleh Siam untuk melancarkan serangan ketiga ke atas Patani. Lebih daripada 100 buah kapal dibina dan dibeli selain memperbaiki yang rosak. Sekali lagi Belanda dipujuk untuk membantu, namun kali ini Belanda serba salah kerana Gabenor Jeneral VOC melarang melibatkan Belanda dalam pertelingkahan tempatan melainkan jika amat perlu. Namun, demi untuk memelihara hubungan baik Siam-Belanda, maka pihak VOC menyatakan kesanggupan.

K keadaan berubah dengan mendadak apabila Sultan Kedah, Sultan Rijaluddin Muhammad Syah (1619-1652) campur tangan. Baginda menghantar dua perutusan: pertama perutusan ke Patani yang mengiktiraf kedaulatan kerajaan Islam Patani dan kedua perutusan ke Ayuthia menasihati Raja Siam, Prasatthong agar mengirinkan wakil perdamaian ke Patani. Hasil daripada campur tangan Kedah itu serta ramalan sami-sami Buddha bahawa kekalahan tetap berada pada pihak Siam malah lebih buruk daripada yang dahulu,


menyebabkan Raja Siam membatalkan serangan ke atas Patani. Phraya Phrakhlang disuruh menghantar wakil damai untuk berunding dengan Raja Ungu.

Perwakilan Siam tiba di Patani pada Februari 1636. Perwakilan itu mengesga Raja Ungu mengirimi perutusan meminta maaf tanpa syarat selain menyambung menghantar bunga emas ke Siam. Ini kononnya akan dapat menghilangkan amarah Raja Siam. Perwakilan itu kembali pada bulan Mac 1636 ke Ayuthia.

Walaupun bagaimanapun, baginda Raja Ungu tetap berdegil tidak mahu menghantar perutusan meminta maaf dan menghantar ufti bunga emas. Hal demikian menyebabkan Raja Prasatthong terus bersikap keras. Pada April 1636, atas nasihat Belanda, Raja Ungu lalu mengirimi kenyataan rasmi memulihkan hubungan diplomatik antara Siam dan Patani. Perwakilan Patani tiba di Ayuthia pada 6 Ogos 1636 dan disambut oleh Phraya Phrakhlang. Menurut laporan Belanda, wakil Patani sentiasa bersopan santun dan bersikap merendah diri. Sebaliknya pegawai Siam memamerkan perangai angkuh dan degil dalam setiap urusan perundingan. Keputusannya berakhir dengan perlantikan seorang Pesuruhjaya bertaraf duta Patani beserta pengiriman ufti bunga emas sebagai tanda bersahabat kedua-dua negara. Kedua-dua pihak juga bersetuju tidak menuntut sebarang ganti rugi akibat kerosakan peperangan.

Setelah selesai perdamaian itu dan ancaman Siam dapat dihindarkan, Paduka Syah Alam Raja Ungu pun diangkat, dan baginda dikenali sebagai Marhum Pahang. Pada zaman pemerintahan baginda, Patani mencapai martabat yang dihormati kawan dan lawan. Joost Schouten sendiri menyifatkan baginda seorang srikandi dan seorang Raja Perempuan yang amat berani pada zamannya, kerana kesanggupannya menentang satu kuasa penjajah yang besar dan berkuasa di rantau ini, dan dengan itu terus mengekalkan kemerdekaan negeri Patani yang berdaulat dan ber-kerajaan Islam; sekaligus kemerdekaan negeri-negeri Melayu di Semenanjung.


SALASILAH RAJA-RAJA PATANI
(Menurut Sejarah Kerajaan Patani)





SALASIAH RAJA-RAJA PATANI

(Menurut Hikayat Patani)





Raja Kuning

HARTA SENDIRI DISERAHKAN KEPADA RAKYAT

Setelah mangkatnya Marhum Pahang Paduka Syah Alam Raja Ungu, para pembesar Patani lalu menabalkan anakandanya, Raja Kuning menjadi pemerintah Patani. Raja Kuning ialah puteri kepada Raja Ungu dengan suami baginda Sultan Abdul Ghafur, Pahang; dan puteri ini telah berkahwin dengan Yang Dipertuan Muda Johor. Baginda Raja Kuning ialah raja Patani yang kesembilan dan Raja Perempuan yang keempat. Baginda menerima kembali gelaran Siam Phra Nang Chao-Yang atau Raja Nang Cayang, serta menjalankan dasar baik-baik dengan Siam. Baginda naik takhta dalam tahun 1635.

Walaupun baginda Raja Kuning hidup mewah sebagai puteri diraja Patani dan Pahang dan sebagai raja pemerintah Patani, namun baginda mempunyai peribadi yang istimewa. Baginda tidak suka membelanjakan hasil kerajaan dari Perbendaharaan Negeri untuk diri baginda walaupun baginda berhak melakukannya. Baginda amat suka bercucuk tanam menghasilkan sayur-sayuran serta bunga-bunga. D daripada hasil jualan tanaman inilah baginda menyara diri baginda. Baginda juga berminat dalam bidang perdagangan dan memang terkenal sebagai 'usahanita' gigih sampai ke luar negeri. Baginda menubuhkan sebuah Syarikat Perkapalan Diraja Patani untuk meningkatkan ekonomi Patani selaras dengan tarafnya sebagai entrepot antarabangsa. Barangan eksport melalui

syarikat diraja ini diselenggarakan oleh Nakhoda Sandang yang juga bergelar 'Saudagar Raja'.

Kemewahan hidup dan kekayaan Raja Kuning bukan sahaja datang daripada usaha baginda yang gigih tetapi juga daripada harta pusaka peninggalan Sultan Muzaffar Syah (Marhum Siam) dan Sultan Mansur Syah (Marhum Bongsu). Ini termasuklah harta dalam khazanah Perbendaharaan Negeri Patani yang terkumpul semasa pemerintahan bonda baginda, Raja Ungu, dan bonda-bonda saudaranya, Raja Hijau dan Raja Biru. Pada satu hari, Raja Kuning menyuruh orang mengumpulkan harta kekayaan baginda. *Hikayat Patani* menceritakan peristiwa ini sebagaimana berikut:

Antara lima hari Phra-Chao kerajaan itu, Phra-Chao pun menyuruh orang mengangkut hartanya itu, sudah itu ditimbunkan di hadapan balai penghadapan. Tiga hari lamanya masa mengangkut harta itu. Setelah sudah habis harta itu diangkut maka Phra-Chao pun menyuruh memanggil Bendahara Datuk Sakur pada masa itu dengan segala menteri semuanya berhimpun masuk mengadap Baginda Phra-Chao. Maka titah Phra-Chao kepada Bendahara dan segala menteri serta sekalian yang ikut hadir mengadap Phra-Chao: 'Inilah harta beta. Harta ini semuanya beta jadikan harta raja.'

Maksud baginda Raja Kuning segala harta benda yang baginda pusakai sebagai harta persendirian itu ditukar, dijadikan harta



Rumah Melayu di kawasan Langkasuka dan Patani

negara untuk diuruskan dan dimakmurkan kebajikan rakyat. Sungguh mulia hati baginda berbuat demikian, tidak tamakkan kebendaan dunia!

Pada tahun 1641, Raja Kuning mengadakan kunjungan ke Ayuthia, ibu negeri Siam, untuk menjalin hubungan Patani-Siam yang terjejas akibat peperangan. Dalam tahun itu juga rombongan diraja yang terdiri daripada Sultan Abdul Jalil Syah III (1623-1677) Johor, Raja Bajau Yamtuan Muda Johor, Yang Dipertuan Muda suami Raja Kuning dan bonda mereka, tiba di Patani untuk menziarahi makam Marhum Pahang Raja Ungu. Ketika itu hubungan diraja di antara Patani dan Johor begitu erat sekali. Namun begitu Sultan Abdul Jalil Syah telah belayar pulang meninggalkan bonda dan adinda baginda di Patani.

Pada masa itu Patani sudah berjaya menjadi pusat kebudayaan dan kesenian Melayu. Makyung dipersembahkan semasa peme-

rintahan Raja Hijau dan persembahan Tarian Asyik pula semasa pemerintahan Raja Ungu. Tarian Asyik yang dianggotai gadis-gadis cantik di kalangan anak para pembesar dan bangsawan amat memikat minat penonton. Pelbagai cerita dipersembahkan, antaranya: "Seri Rama Menambak Tasik Pergi ke Langkapura", "Datuk Bendahara Paduka Raja Melaka berjuang dengan Feringgi", "Datuk Paduka Seri Maharaja Johor menyerang Jambi", dan berbagai-bagai lagi.

Selain para penari ada juga para penyanyi di istana Patani itu. Antaranya ialah seorang penyanyi yang sungguh merdu suaranya. Namanya Dang Sirat. Selain suaranya, sifat-sifat lain Dang Sirat tidaklah menarik bahkan banyak yang buruk. Tubuhnya besar dan hitam, mukanya penuh dengan parut puru. Dang Sirat ini mempelajari ubat guna-guna daripada Dang Jela, Jurumandi Yang Dipertuan Muda Johor, suami baginda Raja Kuning. Apabila diselitkan ubat guna-guna pada sanggulnya rupa dan wajahnya

yang hodoh itu akan kelihatan cantik jelita, bahkan suaranya menjadi merdu. Kejelitaan Dang Sirat ini mempersোনakan Yang Dipertuan Muda. Baginda dikatakan telah hilang akal kerana terlalu kasih akan Dang Sirat. Akibat godaan palsu ini Dang Sirat dijadikan gundik baginda dan ditempatkan khas di sebuah istana berasingan sebelah matahari terbenam. Yang Dipertuan Muda, suami Raja Kuning, tidak lagi tinggal di istana besar tetapi sering bersendirian di taman diraja Rangkai Raksi siang dan malam.

Bayangkan bagaimana terhirisnya hati baginda Raja Kuning dan se-dihnya para pembesar Patani dengan kelakuan Dang Sirat itu! Maka Bendahara Patani mengirinkan surat ke Johor. Surat itu tiba di Johor pada 13 Mei 1644. Di dalam surat itu dinyatakan bahawa permaisuri Yang Dipertuan Muda Johor sedang sarat mengandung, tetapi tidak menyentuh perihai pesona Dang Sirat. Dalam masa itulah adinda Sultan Johor itu mengambil kesempatan berbaik-baik dengan orang Aceh dan orang Patani.

Kembali kepada Dang Sirat, dia terus menggoda dan mendesak supaya diadakan cuping emas seberat 50 tahil, baju daripada emas, dan seterusnya meminta agar dia ditabalkan. Yang Dipertuan Muda sendiri memberi gelaran 'Cik Puan', lalu persiapan dilakukan untuk menabalkan Dang Sirat di Tambangan, tetapi para pembesar Patani enggan menyertai istiadat pertabalan itu walaupun diperintah oleh Bendahara Datuk Sakur. Ini menimbulkan kemurkaan Yang Dipertuan Muda. Dengan menaiki gajah bersama Dang Sirat serta diiringi pengikutnya baginda mengejar para pembesar Patani. Pada ketika itu tanggal guna-guna yang dipakai Dang Sirat pada sanggulnya telah tanggal lalu terjatuh. Secara serta merta wajahnya bertukar menjadi hodoh. Apabila dilihat oleh Yang

Dipertuan Muda, baginda lalu menghunus kerisnya dan membunuh Dang Sirat yang selama ini menjadi kesayangannya. Mayat Dang Sirat dikuburkan di Kampung Tabih di hujung Bukit Tabih. Peristiwa ini dipantunkan orang, demikian bunyinya:

Zaman-zaman terkukur mati,
Mati di bawah terung perat:

Zaman-zaman Raja Johor mari,
Mari membunuh Dang Sirat.

Dari Patani ke Tanjung Kandis,
Ditipu angin selatan daya;
Dari mula dipandang manis,
Rupanya Sultan kena pedaya.

Kisah godaan Dang Sirat itu berlaku pada sekitar bulan Februari 1645 yang menyebabkan Yang Dipertuan Muda pulang tergesa-gesa ke Johor dan tiba pada bulan Jun 1645 dan meninggalkan Raja Bajau Yamtuan Muda Johor serta bondanya di Patani. Akhirnya Raja Lela bersama-sama 40 orang anak cucunya diperintahkan oleh Raja Kuning membawa pulang bonda mereka dan iparnya. Sepucuk surat daripada Patani dibacakan di hadapan baginda Sultan Abdul Jalil, Johor untuk memulihkan kembali perselisihan antara keluarga Johor dan Patani.

Tarian Asyik

Zaman kemerosotan Patani sebagai negara Melayu-Islam mula terlihat menjelang akhir pemerintahan Raja Kuning yang mengalami tekanan jiwa akibat peristiwa Dang Sirat dan pulangnya suami baginda ke Johor. Baginda tidak lagi secergas seperti dulu dan tidak lagi memberi perhatian terhadap keselamatan dan pertahanan negeri. Dalam keadaan yang lemah ini seorang pembesar istana, Raja Kali berserta Tun Mir dengan cucucunya berjaya mencerooboh ke dalam istana dengan niat hendak merampas kuasa. Nasib baik baginda Raja Kuning diselamatkan





Puteri Dunia Melayu

oleh dayang-dayang dengan bantuan Bendahara Datuk Terentam, Datuk Wang Ketakih dan pembesar-pembesar yang lain. Raja Kali menguasai istana selama 13 hari sebelum pada akhirnya ditangkap dan dibunuh kerana menderhaka.

Dalam jangka masa 1671-1679, Patani terlibat dalam persengketaan dengan Singgora yang di bawah penguasaan Siam. Raja Siam yang bernama Narai (1657-1688) menghantar perwakilannya untuk menyelesaikan pertikaian itu. Orang Melayu Patani telah menyen-

rang Singgora, lalu tentera Siam datang menggempur Patani. Baginda Raja Kuning yang sudah lanjut usia itu terpaksa berundur ke selatan, berhenti di Teradith, dan kemudian mencari perlindungan di Kota Jembal, kawasan Selatan Patani menghalu ke Kuantan yang diperintah oleh Raja Sakti I Wijaya Indera (1632-1662). Baginda Raja Kuning mangkat sekitar tahun 1686, dan dikenali sebagai Marhum Besar. Dengan kemangkatan Raja Kuning maka berakhirlah zuriat keturunan Raja Seri Wangsa, pengasas Kerajaan Islam Patani.



Hulu keris Tajung atau Pekaka yang biasa digunakan oleh Raja-raja dan para panglima Patani



Raja Emas Cayang

RATU NAIK TAKHTA KERAJAAN DUA KALI

Setelah mangkatnya Raja Kuning, Patani tidak mempunyai zuriat keturunan raja Seri Wangsa yang layak memerintah. Maka Patani harus mencari calon rajanya daripada kerabat diraja negeri-negeri jiran. Seorang anak raja dari keturunan raja Kelantan, Raja Bakal, akhirnya diangkat menjadi Raja Patani. Oleh kerana usia baginda sudah tua, baginda hanya memerintah selama dua tahun saja (1688–1690).

Sekali lagi masalah yang sama timbul kerana Raja Bakal tidak meninggalkan zuriat. Seorang lagi kerabat diraja Kelantan yang bernama Raja Emas, dilantik menjadi Raja Patani. Semasa pemerintahan baginda Raja Siam, Phetracha (1688–1703) Siam telah menyerang Patani dan daerah sekitarnya tetapi akhirnya berdamai. Orang Kelantan pun barulah dibenarkan keluar masuk secara bebas ke Patani. Baginda Raja Emas memerintah selama 17 tahun (1690–1707).

Setelah kemangkatannya sekali lagi takhta Patani mengalami kekosongan. Lalu dicari lagi calon untuk menjadi pengganti dan mengisi kekosongan itu, maka kali ini dapatlah seorang puteri dari keturunan diraja Kelantan, iaitu Raja Emas Cayang, puteri Raja Emas Kelantan dengan Raja Bahar, putera Raja Sakti I (Raja Kelantan utara). Adinda Raja Emas iaitu Nang Kogayah telah berkahwin dengan Tun Zainal Abidin, Terengganu iaitu anakanda

Bendahara Seri Maharaja Tun Habib Abdul Majid, Johor bergelar Paduka Maharaja.

Semasa pemerintahan Raja Emas Cayang (1707–1710) sekali lagi Siam menyerang Patani. Oleh kerana Raja Emas Cayang dengan Bendahara Johor mempunyai pertalian saudara, baginda meminta bantuan melalui sepucuk surat yang dikirim pada 30 April 1709. Walaupun angkatan Siam mempunyai tentera yang banyak dan sejumlah 400 buah perahu perang, namun atas titah Sultan Abdul Jalil Riayat Syah IV (1699–1718) angkatan perang Patani telah bergabung dengan angkatan pereang Johor menentang Siam. Perang yang berjalan selama 12 hari itu tiba-tiba terhenti disebabkan kematian Raja Siam Pra Chao Sua (1703 – 1709).

Setelah kira-kira tiga tahun memerintah negeri Patani, para pembesar Patani (seperti Bendahara, Datuk Wang Kabual, dan Raja Laksamana Dajang) memutuskan agar Raja Emas Cayang yang bergelar 'Baginda' turun dari takhta kerajaan.

Setelah Raja Emas Cayang yang memerintah Patani dari tahun 1707 sehingga 1710 diturunkan daripada takhtanya, maka diangkat pula seorang lagi Raja Perempuan, tetapi kali ini bukanlah dari keturunan Raja Kelantan. Yang dipilih kali ini ialah Raja Dewi, anakanda Raja Putera, seorang kerabat diraja Kedah yang lari ke Patani semasa Kedah di serang oleh Aceh. Raja Dewi telah menggunakan semula gelaran Siam, Phra-Chao. Semasa pemerintahan



Sita Dewi



Seri Rama

bagindalah, seorang penulis Inggeris telah berkunjung ke Patani. Penulis itu ialah Kapten Alexander Hamilton yang sampai ke Patani pada tahun 1718. Beliau menulis:

"Patani was formerly the greatest Port for trade in all those Seas, but the Inhabitants being too potent to be afraid of the King's laws, they became so insolent, that merchants were obliged to remove their Commerce to Countries of more security. It was the staple Port for Surat Shipping, and from Goa, Malabar and Chormandel they had a good Trade, and so they had from China,

Tunquin, Cambodia and Siam, but the Merchants finding no Restraint on Robbers and Murderers were obliged to give their Trade or Turn into another Chanel, which was a great Advantage to Batavia, Siam and Malacca, where they were kindly used, and in those Ports it has continued ever since."

Menurut Kapten Hamilton, Patani menguasai 43 buah jajahan termasuk Kelantan dan Terengganu. Terengganu pula dipindahkan ke bawah kekuasaan Johor akibat perkahwinan anak raja Patani dengan Putera Mahkota Johor. Kemudiannya, Sultan Johor telah

menghantar kerabatnya untuk memerintah Terengganu dan hal ini menyebabkan negeri Patani tinggal hanya sebanyak 42 buah jajahan. Pelabuhan Patani mempunyai dua buah kuala, iaitu Kuala Patani dan Kuala Bekah, manakala bandar Patani digelar Kota Kedi. Semasa itu penduduk yang bermastautin di Kota Kedi berjumlah kira-kira 150,000 orang.

Pelabuhan Patani begitu terkenal dan merupakan yang terbesar di rantau ini. Dalam perdagangan dan kepulauan Patani menguasai perairan sekitarnya. Keadaan aman damai di bawah pemerintahan Raja Dewi menyebabkan para pedagang berani singgah untuk memunggah barang eksport dan import di pelabuhannya. Begitu juga pedagang asing mempunyai kepercayaan tentang pengurusan pelabuhan Patani dan akan singgah setiap kali mereka belayar ke timur.

Tidak banyak yang diketahui tentang Raja Dewi. Baginda memerintah daripada tahun 1710 hingga 1719.

Selepas Raja Dewi menerajui negeri Patani maka Raja Bendang Badan atau Along Betong mendapat sokongan para pembesar Patani lalu menaiki takhta bergelar Paduka Syah Alam. Baginda memerintah selama empat tahun dan tidak memperlihatkan sebarang perubahan dari segi pentadbiran atau sosio-ekonomi Patani. Akhirnya baginda diturunkan dari takhta oleh Raja Laksamana Dajang yang menaiki takhta dan bersemayam di satu tempat bernama Dujang. Raja Laksamana sempat memerintah selama sebelas bulan sahaja. Semasa pemerintahan baginda telah berlaku perebutan kuasa antara Datuk Kun Pangkalan Pauh dan Raja Sai. Peristiwa ini menyebabkan baginda lari ke Singgora tetapi dibawa pulang ke Patani. Setelah beberapa

lama Permaisuri Nang Puteri gering dan mangkat, Raja Laksamana pula gering dan mangkat. Masa pemerintahan baginda antara 1723 dan 1724.

Kecuali zaman pemerintahan Raja-raja Perempuan yang empat (Raja Hijau, Raja Biru, Raja Ungu dan Raja Kuning) yang jelas kukuh, pemerintahan raja-raja yang lain nampaknya goyah dan tidak menentu. Malahan hendak mengangkat seorang raja pun payah bagi pembesar Patani kerana ketiadaan calon sehingga terpaksa 'mengambil' kerabat diraja dari negara jiran.

Hal yang demikian berlaku sekali lagi apabila Raja Laksamana Dajang mangkat. Hendak tak hendak lalu diangkatlah Raja Emas Cayang buat kali kedua menjadi pemerintah Patani dari tahun 1724 sehingga tahun 1726. Empat belas tahun dulu baginda telah diturunkan daripada takhtanya oleh sekumpulan pembesar seperti Datuk Bendahara, Datuk Wang Kabual dan Raja Laksamana Dajang.



Tarian Makyung

Apabila Bendahara Tun Habib Abdul Majid, Johor meninggal dunia, baginda dimakamkan di Padang Saujana, maka anakandanya yang tua, Tun Abdul Jalil dilantik menjadi Bendahara Paduka Raja pada zaman pemerintahan Sultan Mahmud Syah II (1685–1699). Setelah Sultan ini mangkat dan dikenali sebagai Marhum Mangkat Dijulang, baginda tiada meninggalkan waris. Dengan demikian putuslah zuriat keturunan raja-raja Melaka-Johor yang berasal dari Bukit Si Guntang. Bendahara Paduka Raja dilantik dengan gelaran Sultan Abdul Jalil Riayat Syah IV (1699–1718). Dengan perlantikan itu baginda telah menjemput adindanya, Tun Zainal Abidin, di Patani untuk menyerahkan negeri Terengganu kepadanya. Tun Zainal Abidin ialah ipar baginda (Tun Zainal Abidin berkahwin dengan Nang Rogayah, adinda Raja Emas Cayang) dan pernah menjadi anak angkat Raja Patani itu.

Apabila Raja Emas Cayang tahu bahawa adinda iparnya akan dilantik menjadi pemerintah, satu rombongan dari Patani yang terdiri daripada Raja Emas Cayang, Tun Zainal Abidin dan isterinya, Nang Rogayah, serta 80 ahli keluarganya turut bersama mengiringi rombongan itu. Upacara pertabalan Tun Zainal Abidin diselenggarakan oleh Tok Raja Kilat, seorang pembedar Terengganu. Turut sama mengahdirinya ialah Raja Upu Daeng Menambun dari kerajaan Mempawah, Kalimantan Barat.

Sebagai merestui pengiktirafan itu juga, Raja Emas Cayang telah menganugerahkan sebilah pedang dan keris panjang yang dikenali sebagai 'Keris Panjang Emas Cayang' untuk dijadikan alat kebesaran Kerajaan Terengganu turun-temurun. Dengan itu berlangsunglah pertabalan Sultan Zainal Abidin (1725–1733) dengan permaisurinya Nang Rogayah. Tun Husain kekadang Sultan Sulaiman, Sultan Johor-Riau-Pahang, yang diam di Terengganu itu jadi Bendahara di Terengganu.

Anak Sultan Zainal Abidin dengan isteri Pataninya empat orang: Ku Tana Wangsa, Ku Tana Ali, Ku Tana Ismail dan Ku Tana Mansur (atau Tun Dalam). Apabila Sultan Zainal Abidin mangkat, ketiga-



Tarian Makyung

tiga putera baginda menyerahkan takhta kepada adik mereka Ku Tana Mansur atau Tun Dalam kerana telah diramal oleh Datuk Pulau Manis (Datuk Abdul Malik bin Abdullah) bahawa Tun Dalam akan menjadi raja besar kelak. Dalam tahun 1739, Yang Dipertuan Kecil Raja Mansur (Tun Dalam) dijemput ke Riau dan berkahwin dengan Raja Bulang anak Yamtuan Muda Daeng Celak; kemudian berkahwin pula dengan Raja Bakal, puteri Sultan Sulaiman, Yang Dipertuan Besar Johor-Riau-Pahang. Pada tahun 1740 Sultan Sulaiman mengangkat Raja Mansur menjadi Sultan Mansur Syah, yang memerintah Terengganu selama 54 tahun, dan memainkan peranan penting dalam politik Empayar Johor. Zuriat bagindalah mewarisi takhta Terengganu sehingga ke hari ini.

Setelah kira-kira dua tahun memerintah Patani untuk kali kedua, Raja Emas Cayang mangkat di tempat bersemayamnya iaitu di Jambu pada tahun 1726 dan dimakamkan di Teluk.



Ratu Nur Iah Warda Rahmatullah

PEREMINTAH AGUNG PASAI DAN KEDAH

Di desa Minye Tujuh Kacamatan Matangkuli, Kabupaten Aceh Utara, terdapat sebuah makam yang mencatatkan bahawa Pasai dan Kedah merupakan sebuah kesatuan di sekitar separuh akhir kedua abad ke-14 Masihi. Pada batu nisan makam itu terpapat sebuah syair dalam bahasa Melayu kuno bercampur Sanskrit dan Arab. Tulisan bercorak tulisan Jawa kuno. Sebahagian daripada syair itu berbunyi:

*Hijrat nabi mungstapa yang praddha
tujuh ratus asta puluh sawarssa
haji catur dan dasa vara sukra
raja iman [warda] rahmatallah*

*Gutra bah[rul]bhasa[ng] mpu hak kadah pase ma
tarukk tasih tanah samaha,
ilahi ya rabbi tuhan samuha,
taruh dalam swarga tuhan tatuha*

Maksudnya: "Setelah hijrah Nabi, kekasih yang telah wafat, tujuh ratus delapan puluh satu tahun, bulan Zulhijah, 14, hari Juma'at, Ratu iman Warda rahmat Allah bagi Baginda, dari suku Barubasa mempunyai hak atas Kedah dan Pasai, menaruh di laut dan darat semesta, ya Allah, ya Tuhan semesta, taruhlah Baginda dalam

swarga Tuhan."

Tahun 781 H itu bersamaan dengan tahun 1380 M. Walaupun nisan ini jelas menyatakan, bahawa Warda Rahmatullah dari keturunan raja Barubasa, berkuasa ke atas Kedah dan Pasai, namun siapakah raja yang beriman ini?

Dalam salasilah Raja-raja Pasai tidak ada seorang pun raja Pasai yang bernama atau bergelar 'Warda Rahmatullah'. Tarikh kemangkatan baginda pada tahun 1380 itu bersamaan dengan zaman pemerintahan Sultan Zainal Abidin bin Sultan al-Malik'uz-Zahir II (1350-1394). Mungkinkah Warda Rahmatullah ini gelaran bagi Panglima Nagur Rabat Abdul Qadir Syah pemerintah tentera Pasai ketika ia mempertahankan Pasai dari serangan Majapahit yang berlaku pada kira-kira tahun 1361? Dan ini memang sezaman dengan Sultan Zainal Abidin (1350-1394) yang juga sezaman dengan dasar perluasan Empayar Majapahit yang dilaksanakan oleh Pateh Gajah Mada, Mangkubumi kepada Hayam Wuruk (1351-1389). Serangan ini telah dipatahkan oleh tentera Pasai di bawah pimpinan Panglima Nagur. Bagaimanapun, makam itu bukan kepunyaan seorang lelaki tetapi seorang puteri atau permaisuri.

Inskripsi pada nisan yang bertulis dengan bahasa Arab menyebutkan angka tahun mangkat tokoh ini iaitu 14 Zulhijah tahun 791 Hijrah, sedangkan yang tertera pada nisan yang berhuruf Jawa



Daripada, Wajah Ummu Nuqman

Makam Ratu Nur Iah

Kuno terpahat tahun 781 Hijrah. Jadi antara kedua nisan itu terdapat selisih 10 tahun.

Menurut Dr. W.F. Stutterheim, hal itu terjadi kerana kesilapan pemahat sehingga, baginya, tahun yang tertera pada nisan yang bertulisan Jawa Kuno, yang bertepatan dengan tahun 1380 Masihi tersebut, merupakan tahun mangkatnya tokoh itu. Tulisan Jawa Kuno yang terpahat pada nisan yang sebuah lagi telah diteliti oleh Stutterheim dan dimuatkan dalam *Acta Orientalia*, (Leiden, tahun 1936). Transliterasinya, sila lihat pendahuluan artikel ini, beserta terjemahannya oleh Dr. C. Hooykaas dalam *Perintis Sastra*, (1951, halaman 73).

Pada nisan bertulisan huruf Arab, Prof. R.A. Dr. Hoesein Djajadiningrat mentransliterasikan sebagai berikut:

Matn [sic] al-malikah al-mu'azzamah alalah (al- 'alah?) bint as-sultan almarhum malik az-zahir khan (?) al-athar (?) ibn walidhi khan (?) al-khawar (?) taghammadahul-lahu bi'r-ridhwan fi'r-rabi' 'ashar yaum al-jum'ah min dzilhijjah ahad wa tis 'ina wa sab'a mi'ah min al-hijrah al-mustafawiy (yah).

Tulisan Arab yang terpahat pada batu nisan itu sebenarnya amat sukar dibaca. Prof. Djajadiningrat membaca nama tokoh itu 'al- 'alah' manakala Dr. Orhman M. Yatim membacanya 'al-Ala', sedangkan Prof. Dr. T. Ibrahim Alfian lebih cenderung menyebutnya 'Nur Ilah', meskipun kata 'Nur' begitu samar-samar terukir pada batu nisan itu.

Walaupun terdapat perselisihan kecil, namun bolehlah kita akur dengan nama Ratu itu sebagai 'Nur Ilahi' atau 'Nur Ilah Warda Rahmatullah'. Menurut Prof. Alfian lagi, kata *matn* pada awal tulisan Arab itu harus dibaca *magbarah* yang artinya: 'ini kubur'.

Jadi, terjemahannya berbunyi: 'Ini kubur Ratu yang Agung Nur Ilah binti Sultan almarhum Malik az-Zahir terkenal dengan Ahady Khan direstui ayahnya, Allah meliputinya dengan segala kerelaan, pada 14 hari bulan Zulhijah, Juma'at, Hijrah Nabi al-mustafawiyah.'

Daripada keterangan di atas yang menjelaskan tentang batu nisan yang wujud di Acheh itu maka terakamlah nama seorang ratu besar yang memerintah Pasai di Sumatera dan Kedah di Semenanjung Tanah Melayu. Baginda keturunan Raja Barubhassa, putera Raja Sang Tawal, berpusat di Langkasuka kira-kira pada tahun 1339. Tidak hairanlah Kedah disebut di bawah kuasa Pasai kerana Kedah juga adalah sebahagian Empayar Langkasuka. Pertalian pentadbiran dan kebudayaan antara Pasai dan Kedah telah lama sejak lama seperti terdapatnya persamaan istilah untuk menyukat hasil pertanian, misalnya padi dan beras. Dan tentunya dua tempat yang berseberangan itu telah berlangsung perdagangan yang sebenarnya sudah berlaku zaman berzaman sejak Empayar Sriwijaya.

Oleh kerana kekurangan fakta, maka tidak dapat digambarkan peribadi dan sumbangan Ratu ini secara butiran, namun kata-kata seperti 'Ratu yang Agung', 'Ratu (ber)jiman' dan nama baginda 'Nur Ilah Warda Rahmatullah' memberi makna yang cukup jelas bahawa Ratu ini seorang raja yang berwibawa, berkebolehan, disanjung tinggi selain beriman dengan agama Islam. Sesungguhnya nisan yang ditinggalkannya turut menjadi bahan sejarah sebab syair padanya merupakan prasasti tertua dalam bahasa yang digunakan pada masa itu.

Sejak beberapa dekad para pelajar sejarah dan bahasa serantau sudah mengenali prasasti di Minye Tujuh ini tetapi tidak (atau kurang) mengenali Ratu-Nur Ilahi Warda Rahmatullah yang kerajaan baginda turut meliputi sebuah kerajaan tertua di Malaysia.



*Bunga-bunga di atas peti,
Anak tiung jatuh ke lantai;
Bau-bauan pemberian puteri,
Dicium dulu baru dipakai.*



Ratu Nahrasiyah

SANGGUP MENGAHWINI LELAKI TUA YANG MENEGAKKAN KEADILAN

Ratu Nahrasiyah Rawangsa Khadiyu yang hidup antara 1400 hingga 1428, makamnya kini terdapat di Kabupaten Aceh Utara. Makam baginda dibina daripada batu pualam (marmar) dan merupakan makam Islam yang terindah di Asia Tenggara, yang hampir keseluruhannya dihiasi dengan ayat-ayat al-Quran yang diukir melalui seni khat yang cukup cantik. Nisan Ratu ini adalah tiruan makam Umar ibn Ahmad al-Kazaruni yang terdapat di Cambay (Kembayat), Gujarat, India. Tentulah Ratu ini seorang raja perempuan yang besar, terbukti dari hiasan makamnya yang amat istimewa itu. Siapakah puteri ini?

Pada batu nisan Ratu Nahrasiyah ini terdapat beberapa nukilan dengan huruf Arab mengenai orang yang dimakamkan itu. Begini maksudnya:

Inilah kubur wanita yang bercahaya lagi suci, Ratu yang terhormat almarhumah yang diampunkan dosanya Nahrasiyah... puteri Sultan Zainal Abidin putera Sultan Ahmad putera Sultan Muhammad putera Sultan al-Malik al-Salih. Kepada mereka itu dicurahkan rahmat dan diampunkan dosanya, meninggal dunia dengan rahmat Allah pada hari Isnin 17 Zulhijah 832.

Sayangnya sumber sejarah tentang Ratu ini yang mangkat pada

hari Isnin 27 September 1428, ini amat sedikit sekali.

Sejak zaman pemerintahan Sultan Malik al-Salih atau Meurah Silu (1261–1289), Samudera-Pasai yang pada mulanya bermazhab Syiah kemudian dihapuskan oleh Sultan Malik al-Salih, Islam mazhab Syafii terus berkembang sehinggalah zaman Ratu Nahrasiyah yang berlaku beberapa kemajuan sehingga meletakkan Samudera-Pasai sebagai pusat perkembangan Islam yang teguh lagi dihormati.

Ratu Nahrasiyah ialah puteri Sultan Zainal Abidin yang memerintah Pasai dari 1350 hingga 1394. Seorang panglima Pasai, Nagur Rabat Abdul Qadir Syah telah berjaya mengalahkan angkatan Majapahit dan setelah Sultan Zainal Abidin mangkat, dikatakan beliau ini naik takhta kerajaan Pasai. Menurut catatan China, *Ying-Yai Seng-lan* (1416) diceritakan bahawa Raja Samudera-Pasai diserang oleh Raja Nakur (Nagur), maka Raja Samudera-Pasai itu mangkat disebabkan anak panah beracun. Permaisurinya bersumpah di khalayak ramai dengan menyatakan, barangsiapa yang berjaya menuntut bela di atas kemangkatan suaminya, baginda bersedia berkahwin dengannya dan akan memerintah Samudera-Pasai bersama-samanya. Maka muncullah seorang lelaki yang sudah berumur, seorang panglima laut, yang tugasnya menyelia perihal perikanan, yang menyatakan kesanggupannya. Beliau pun terus memimpin tentera Samudera-Pasai

lalu memerangi Raja Nakur (Nagur) dan berjaya membunuhnya.

Tentera Raja Nakur (Nagur) berundur dan terus menyerah. Sang Ratu tetap memegang janji baginda lalu mengahwini panglima laut itu. Pada tahun 1409 raja yang baru itu pun berangkat ke China membawa ufti kepada Maharaja Ch'eng-tsu (1403-1424). - Sekembalinya baginda, putera raja terdahulu, yang kini sudah dewasa secara rahsia bersekutu dengan para bangsawan dan berjaya membunuh ayah tirinya serta mengambil alih tampuk kerajaan. Suami kedua Ratu itu, yang mempunyai seorang anak saudara bernama Sukanlah (Sekandar atau Iskandar) mengumpulkan pengikut-pengikutnya lalu menarik diri ke daerah pergunungan. Di sana dia mendirikan benteng pertahanan dan terus melakukan serangan demi serangan ke Samudera-Pasai untuk menuntut bela atas kematian pamannya, Sultan Salahuddin.

Pada tahun 1415, Laksamana Cheng Ho (Zheng He) dengan armadanya mengunjung kerajaan Samudera-Pasai. Dalam *Kronika Dinasti Ming (1368-1643), Buku 22*, diceritakan bahawa Sekandar bersama-sama beberapa ribu orang pengikutnya menyerang dan merompak Cheng Ho. Askar China dan rakyat Samudera-Pasai berjaya membalas dan membunuh sebahagian besar penyerang-penyerang itu dan mengejar mereka sampai Lamabri (Lamuri) di hujung pulau Sumatera. Sekandar ditangkap dan dibawa balik sebagai tawanan ke negeri China. Ratu yang dimaksudkan di dalam berita China itu tiada lain adalah Ratu Nahrasiyah, puteri Sultan Zainal Abidin.

Satu lagi cerita yang menarik tentang Ratu Nahrasiyah adalah seperti berikut. Pada saat-saat penggabungan kerajaan Pasai dengan Aceh satu peperangan telah berlaku antara Malik Mustafa (suami Ratu Nahrasiyah) dengan Mangkubumi Pasai, Maharaja Bakong Ahmad Permalu. Maharaja Bakong ini penganut

dan pemimpin tasawuf pantheisme yang beraliran Syiah. Beliau ingin sangat mengahwini anaknya sendiri iaitu Madong Peuria dan Tun Dara Takiah. Hasratnya ini tentunya ditentang oleh Ratu Nahrasiyah dan Malik Mustafa dengan sokongan para ulama. Dengan bantuan tentera Aceh, Malik Mustafa berjaya menewaskan dan membunuh Maharaja Bakong.



*Ratu Nahrasiyah
Dede Eri Supria, 1994*

Jelas zaman Ratu Nahrasiyah itu satu zaman huru-hara dengan konflik agama, politik dan sosial namun baginda dapat menangani kesemuanya dengan bijak-sana dan berani walaupun menjadikan diri baginda sebagai ganjaran kepada lelaki yang berani membantu baginda menuntut bela kematian suaminya. Apakah yang lebih berharga daripada diri seorang ratu sebagai hadiah?

Tentu saja para penasihat dan menteri akan bertanya ketika muncul seorang panglima laut yang sudah berumur dan menyanggupi kerja berat lagi berbahaya itu, "Apakah Tuanku sanggup kahwin dengan dia yang usianya sudah jauh lebih tua daripada usia Tuanku?"

Jawab Sang Ratu: "Ya, beta sanggup. Kalian hanya melihat pada zahirnya yang kelihatan tua, akan tetapi beta melihat batinnya yang penuh keberanian dan kesetiiaan. Tidak seperti kalian, dia berani menggadai nyawanya kerana beta. Dia juga menunjukkan taat setianya kepada seorang pemerintah. Jika dia berjaya dia beruntung, tetapi jika dia gagal dia mengorbankan nyawanya yang terputus sebelum waktunya. Dialah seorang wira yang sanggup beta berikan diri beta sendiri serta kerajaan beta."

Mendengar hujah Ratu Nahrasiyah yang jujur itu, para menteri dan penasihatnya pun tunduk kerana malu dan bersifat pengecut dalam keadaan yang meminta ketangkasan dan keperwiraan. Seterusnya Sang Ratu bermadah:




Puteri Dunia Melayu

"Usah kau lihat pada pohon nan gagah;
Lihatlah pada akarnya,
Yang menunjang ke dalam tanah.
Yang patah akan tumbuh,
Yang hilang akan berganti,
Yang usang akan roboh,
Yang baharu akan menanti.

Usah dihiraukan perubahan zaman
Hari ini rimba, esok 'kan menjadi taman."

Tidak hairanlah Ratu Nahrasiyah yang berjiwa besar ini disanjung begitu tinggi dengan dibina makamnya begitu indah sekali apabila baginda mangkat setelah memerintah Samudera-Pasai selama kira-kira 20 tahun.



Tulisan khat Yassin pada makam Ratu Nahrasiyah.

Sumber : Wanita Utama Nusantara



Makam Ratu Nahrasiyah yang dihiasi dengan teraan beberapa surah al-Quran
Sumber: Wanita Utama Nusantara



Sultanah Nurul-Azam

MEMERINTAH SULU MENURUT NILAI-NILAI ISLAM

Puteri ini nyaris-nyaris terkeluar daripada sedarai 101 puteri di dalam buku ini, namun kedudukan baginda sebagai Ratu pemerintah Sulu (di antara kira-kira 30 Sultan Sulu) sekurang-kurangnya menjadi wakil puteri dari Sulu (selain Puteri Paramisuli). Nama baginda, Siti Kabil atau Sitecabil (dalam bahasa Arab, *Siti Kabira*, bermakna wanita agung), tidak tersenarai di dalam *Salastlah Sulu*. Ini dapat diperjelaskan dengan mudah kerana baginda adalah seorang wanita dan oleh yang demikian ketiadaan namanya berhubung dengan soal kelayakan seorang wanita menaiki takhta kerajaan, sesuatu pandangan yang mungkin diterima kemudiannya. Lebih-lebih lagi, baginda telah mengahwini seorang Datu Iranun, Hama sa Pulau, dan keadaan ini mungkin mempunyai helah politik yang paling bijak untuk mengelakkan orang Iranun daripada campur tangan dalam soal pewarisan diraja ke takhta Sulu.

Dalam Islam, khutbah adalah ucapan yang disampaikan mendahului solat Jumaat dan dua sembahyang hariraya, iaitu Hari Raya Aidil-Fitri dan Aidil Adha. Semua khutbah mestilah menyebutkan doa terhadap Rasulullah (SAW) dan juga doa untuk para sahabat Nabi termasuklah empat khalifah yang pertama di samping nama pemerintah Islam di negeri itu pada waktu itu. Sayangnya nama baginda tidak disebut dalam Pidato Ramadan Sulu melainkan khutbah Patikul yang menyebutnya dengan nama

'Azam'. Kata 'Nur' yang seharusnya sebahagian daripadanya ternyata telah digugurkan dengan alasan supaya orang nanti tidak akan mempercayai bahawa seorang wanita yang memerintah, tetapi 'Azam' dikekalkan oleh kerana ia mungkin nama seorang lelaki. Nama seperti "Nurul-Alam" turut dipakai oleh ratu Aceh, dan puteri Sultan Hasan, raja Brunei pada awal abad ke-17, juga dipanggil Siti Nurul-Alam. Maka dari nama ini di dalam khutbah Patikul itulah dikutip oleh Dalrymple untuk memperlempak senarai Sultan-sultan Sulu. Tetapi Dalrymple tidak memanggilnya dengan gelaran Sultanah tetapi sebagai Pangyang Ampay (oleh kerana baginda seorang puteri diraja Sulu) atau Siti Kabil (Siti Kabira).

Menurut Dalrymple baginda memerintah selama empat atau lima tahun. Mungkin antara 1681 dan 1685. Dikatakan juga bahawa baginda adalah anak saudara kepada Sultan Salahuddin yang telah mengahwini Balatamay Datu Buayan. Nurul-Azam yang telah mengahwini seorang Datu Iranun, telah melahirkan seorang putera, Datu Amir Bahar. Menurut secebis daripada khutbah Patikul itu, baginda "tidak sukakan orang sombong."

Siti Kabira adalah puteri kepada Balatamay dengan seorang puteri Sulu. Ibunya mempunyai saudara perempuan, dan kedua-duanya adalah puteri kepada Sultan Muwalil-Wasit (Raja Bongsu) yang memerintah Sulu dari 1610 hingga 1650. Ibu saudaranya telah




Puteri Dunia Melayu

berkahwin dengan Sultan Dipertuan Qudrat yang memerintah Maguindano dari 1619 hingga 1671. Baginda merupakan seorang raja yang amat kuat menentang kemasukan orang Sepanyol di Kepulauan Filipina dan dianggap Sultan yang agung dalam sejarah Filipina amnya dan orang Islam khususnya. Baginda terkenal dengan julukan 'Nasiruddin'.

Sebelum Siti Kabira naik takhta Sulu, ayahanda saudaranya, Sultan Salahuddin Bakhtiar (1610-1680) telah memerintah Sulu lalu diikuti oleh Sultan Ali Syah yang tiada namanya dalam Salasilah Sulu atau Dalrymple, kononnya pemerintahannya terlalu singkat. Siti Kabira mungkin menggantinya pada 1681 dan menerajui kerajaan Sulu hingga 1685.


Walaupun pemerintahan Sultanah Nurul-Azam berakhir pada

1685, tetapi tidaklah diketahui bila baginda mangkat, mungkin pada tahun yang sama. Baginda diganti oleh Sultan Al-Haqunu ibn Wali al-Ahad dan setelah itu oleh sepupu baginda, Sultan Syahabuddin. Dari secebis kata-kata di dalam khutbah Patikul itu, 'tidak sukakan orang sombong' maka jelaslah kepada kita akan peribadi mulia baginda yang mahu rakyat berlaku sopan santun dengan amalan-amalan baik agama Islam. Baginda tentunya seorang puteri diraja yang kuat beragama kerana berasaskan namanya, Siti Kabira (yang bererti seorang wanita besar) serta nenek moyangnya yang bertali dengan kerabat diraja Brunei. Ayahanda baginda, Raja Bongsu (Sultan Muwalil-Wasit) ialah cucunda Pangeran Budiman yang mengahwini seorang puteri Brunei (adinda Sultan Saiful-Rijal, Brunei) dan daripada perkongsian hidup ini lahirlah seorang puteri yang kemudian dikahwini Sultan Hasan Brunei, lalu mereka berdua beranakkan Pangeran Syahbandar/Maharajalela yang





HUBUNGAN SULTANAH NURUL-AZAM DENGAN KERABAT DIRAJA
MAGUINDANAO, IRANUN, BUAYAN DAN BRUNEI



terkenal dengan nama Paguian Tinding atau Batara Syah Pangeran Tengah sepupu Raja Bongsu, ninda Sultanah Nurul-Azam. Berikut ini digambarkan pertalian itu:

SENARAI SULTAN-SULTAN SULU

1. Sultan Syariful-Hasyim (k. c.1450-1480)
2. Sultan Kamaluddin (putera no. 1)
3. Sultan Alauddin (saudara no. 2. Salasilah Sulu: bukan Sultan)
4. Sultan Amirul-Umara (Tiada dalam Sal. Sulu & Dalrymple)
5. Sultan Mu'izul-Mutawadin (Sal. Sulu & Dalrymple: Maharaja Upo)
6. Sultan Syah Nasiruddin I (Digunung) (Tiada dalam Sal. Sulu & Dalrymple)
7. Sultan (Syah) Muhammadul-Halim (Pangeran Budiman)
8. Sultan Batara Syah (Pangeran Tengah)
9. Sultan Muwalil-Wasit (Raja Bongsu) (k. c.1610-1650)
10. Sultan Nasiruddin II (Tiada dalam Dalrymple)
11. Sultan Salahuddin Bakhtiar (Marhum Karamat (k. c.1650 - 1680)
12. Sultan Ali (Thani) Syah (Tiada dalam Sal. Sulu & Dalrymple)
13. Sultanah Nurul-Azam (Siti Kabira, Panyan Ampay dlm Dalrymple)
14. Sultan Al-Haquun ibn Wali'ul-Ahad (Tiadal dalam Sal. Sulu, Dalrymple)
15. Sultan Syahabuddin (putera no. 11) (k. c.1685-1710)
16. Sultan Mustafa Syafiuddin (saudara no. 15) (Johan Pahlawan)
17. Sultan Badaruddin I (saudara no. 15&16) (Marhum Dungan, Tawi-Tawi, k. c.1719-1732)
18. Sultan Nasaruddin (k. c.1732-1735)
19. Sultan Azimuddin I (Alimuddin) (putera no. 17) (k. 1735-1448/1764-1774)
20. Sultan Muizuddin (Pangeran Bantilan) (saudara no. 19) (k. 1748 - 1763)
21. Sultan Muhammad Israil (putera no. 19) (k. 1774-1778)
22. Sultan Azimuddin II (putera no. 20) (k. 1778-1791)
23. Sultan Syarafuddin (putera no. 19) (k. 1791-1808)
24. Sultan Azimuddin III (putera no. 23) (Sayyid al-Asr) (k. 1808 hanya 40 hari)
25. Sultan Aliuddin (saudara no. 24, putera no. 22) (Datu Bantilan) (k. 1808-1821)
26. Sultan Syakirullah (saudara no. 25) (Datu Sakilan) (k. 1821-

1823)

27. Sultan Jamalul-Kiram I (putera no. 24) (k. 1823-1842)
28. Sultan Muhammad Fadl (putera no. 27) (k. 1842-1862)
29. Sultan Jamalul-Azam (putera no. 28) (k. 1862-1881)
30. Sultan Badaruddin II (putera no. 29) (k. 1881-1884)
31. Sultan Harun ar-Rasyid (k. 1886 - 1894)
32. Sultan Jamalul-Kiram II (saudara no. 30) (Raja Muda Amirul Kiram) (k. 1884-1936) (Pada 1915 menyerahkan kuasa politik baginda kepada pemerintahan Amerika Syarikat di bawah Carpenter's Agreement).

Sampaguita, Bunga Kebangsaan Filipina

Bunga yang paling disanjung di antara bunga-bunga di kepulauan ini ialah bunga sampaguita (Jasminum sambac) yang telah disyiharkan oleh Gabenor Frank Murphy pada 1 Februari 1934, sebagai bunga kebangsaan Filipina. Bunganya dalam bahasa Melayu ialah melur atau melati. Ia kecil, berbentuk seperti bintang, putih seperti salji dan harum baunya.

Kata *sampaguita* dikatakan berasal dari perkataan *sumpa kita* yang bererti "kita bersumpah". Menurut cerita-cerita dongeng kononnya pada zaman dahulu dara dan teruna Filipina yang berkaasih-kasihian memadukan kasih-sayang mereka pada malam bulan terang dengan si teruna mengalungkan bunga malai sampaguita ke leher si dara sambil berikrar *sumpa kita*.

Satu lagi kisah tentang asal nama bunga ini ialah seperti berikut: Si teruna memberi kekasihnya sekalang bunga sampaguita sebagai tanda kasih sayangnya. Si dara menyimpan bunga itu selama beberapa tahun. Tetapi pada satu hari si dara mengetahui akan perbuatan si teruna yang mungkir janji, lalu diambilnya kalung bunga yang telah layu itu lalu mencampakkannya sambil menyumpah dengan kecewanya - 'sumpah kita'. Begitulah asalnya bunga itu mendapat nama.

Satu lagi legenda menceritakan bahawa bunga bunga itu pada asalnya hidup di atas kubur Liwayway, seorang puteri yang cantik dari suatu *barangay* (negeri) Filipina purbakala. Puteri itu telah meninggal dunia kerana kecewa menunggu kembalinya kekasihnya,




Puteri Dunia Melayu

iaitu Lakan Galing, seorang putera pendekar yang telah keluar berperang pada petang menjelang hari perkahwinan mereka. Dia tidak kembali kerana terbunuh di dalam peperangan itu. Adalah menjadi adat di kalangan wanita Filipina memakai malai sampaguita pada bulan Mei. Adat ini khas bagi Filipina seperti memakai bunga malai di Hawaii. Berikut ialah syair seorang penyair Filipina, Manuel Barnabe, dialihbahasa daripada bahasa Sepanyol:

Alangkah indah si bunga,
Namanya Sampaguita
Siapa yang tidak memakainya
Bukanlah dia orang Filipina

(Nota tentang sampaguita di atas dikutip dari Gregogorio F. Zaide, *Philippine Political and Cultural History*, Vol. 1, 1972.)



Bunga Sampaguita atau Melur yang menjadi Bunga Kebangsaan Filipina

Foto: Nuraini M. Rashid, MSc (P. 4)



Hiasan Yagasan Kertu

"(Hati) orang-orang yang beriman dan tenang-tenang hati mereka dengan "dzikru'llah". Ketahuilah! Dengan "dzikru'llah" itu, tenang-tenangamlah hati manusia.

Ar-Raad 13:28
(Khat Muhaqqaq)

Sokongan & Sumbangan

Puteri Dunia Melayu dalam katgori ini, walaupun tidak memegang peranan sebagai peneraju utama, namun kehadiran dan pengaruh serta sumbangan mereka terhadap pemegang kuasa ada kalanya merubah sejarah. Kebanyakan mereka ini berwawasan, redha dan berani membuat keputusan, yang akhirnya mewujudkan dinasti baru, corak pentadbiran baru, dan anjakan paradigma dalam pemikiran yang melahirkan sesuatu yang baru sama ada dalam bidang kehidupan rohani maupun jasmani, semata-mata untuk mengubah keadaan ke arah kebaikan dan kesatuan rakyat atau golongan di bawah penguasaannya. Semangat dan sifat-sifat tersebut menagih pengorbanan yang tinggi, kebijaksanaan yang luar biasa dan jatidiri yang mendalam lagi utuh.



Pending

Ihsan : DHEA Finecast Enterprise / Fotografi : everything Sdn.Bhd.

Pending bertatah batu permata delima ini diperbuat daripada logam-perak yang disadur dengan emas 24 karat serta emas putih. Ia dihiasi dengan motif yang halus dan indah.

SOKONGAN / SUMBANGAN

	M/S
2.1 RAJA KAMALIAH @ PUTROE PHANG • ACEH • 1617-1636	140
2.2 PUTERI TAPASI • CAMPA • c. 1292	144
2.3 PUTERI RAMAWATI • CAMPA • c. 1355	148
2.4 SYARIFAH MUDAIM @ DEWI RARA SANTANG • CIREBON • 1450	154
2.5 RADEN ADJENG KARTINI • JAPARA • c. 1879-1904	158
2.6 WAN HAJAR • KEDAH • 1870	162
2.7 PADUKA BONDA CHE' MENJALARA • KEDAH • 1869-1941	166
2.8 RATU RAJAPATNI • MAJAPAHIT • 1300-1350	172
2.9 RATU WANDAN SARI • MATARAM • c.1530	176
2.10 TUN SENAJA • MELAKA • c.1500	180
2.11 PUTERI WANANG KEMUNING • MELAKA • c.1500	184
2.12/13 PUTERI TUNINA & (2.13) PUTERI ANGINTABU • MAGINDANIO • c.1515	188
2.14 INDO JATI • MINANGKABAU • c. 1350	192
2.15/16 DARA PETAK & (2.16) DARA JINGGA • PALEMBANG • c.1300	202
2.17 PUTERI MAKHDUM TANSYURI • PERLAK • c.820	206
2.18 PUTERI GANGGANG SARI • PERLAK • c.1265	210
2.19 RAJA AISYAH SULAIMAN • RIAU-LINGGA • c.1870-1925	214
2.20 PUTERI SURIA • SOMBAS • c.1650	218
2.21 KEN DEDES • SINGASARI • c.1220	222
2.22 PUTERI PARAMISULI • SULU • c.1455	228
2.23 TENGGU DALAM KALTHUM • TERENGGANU • c. 1936	234
2.24 TENGGU AMPUAN MARIAM • TERENGGANU • 1920-1942	238



Raja Kamaliah / Putroe Phang

PEMBELA WANITA YANG ADIL

Anitara kuasa-kuasa yang terkut di dunia Melayu pada awal abad ke 17 ialah Aceh. Dalam bulan Jun tahun 1613, Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam, Raja Aceh yang masyhur gagah perkasu itu, telah menghantar satu angkatan perang laut lalu menyerang dan mengalahkan Johor. Sultan Alauddin Riayat Shah III (Raja Mansur), adinda baginda Raja Abdullah (disebut juga Raja Seberang atau Raja Bongsu) serta Bendahara Johor Tun Seri Lanang (pengarang *Sulalatus Salatin*) dan pengiring-pengiring Sultan Johor telah ditawan dan dibawa ke Aceh.

Setelah Sultan Alauddin Johor mangkat maka Raja Abdullah diangkat menduduki takhta kerajaan Johor bergelar Sultan Abdullah Ma'ayat Syah. Anak saudara baginda, Raja Bujang, sedang memerintah di Pahang. Pada tahun 1617, Aceh menyerang dan memusnahkan Pahang. Raja Bujang dapat melepaskan diri dan diam di Pulau Lingga; tetapi ayah mertuanya Raja Ahmad (adinda almarhum Sultan Abdul Ghafur) dan puteranya Raja Mughal serta kira-kira 10,000 rakyat Pahang telah ditawan dan dibawa ke Aceh untuk menguatkan lagi tentera Sultan Iskandar Muda.

Seorang puteri keluarga diraja Pahang bernama Puteri Kamaliah yang ditawan telah dibawa bersama seorang puteri yang bernama Puteri Khairul-Bariyah sampai ke Aceh. Mereka ditawan oleh Gocah Pahlawan Laksamana Kud Bintan, ketua angkatan laut Aceh.



Di Aceh, Puteri Kamaliah (menurut sumber Medan) diperisterikan oleh Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam dan baginda mengahwinkan Puteri Khairul-Bariyah dengan Gocah Pahlawan Laksamana Kud Bintan. Puteri Pahang, Puteri Kamaliah, termasyhur dalam sejarah Aceh kerana kebijaksanaannya, dan disebut oleh orang Aceh Putroe Phang. Oleh kerana kejelitaan dan kebijak-sanaannya, Sultan Iskandar Muda mengangkatnya menjadi Pemaisuri Aceh.

Pengarang buku *Singa Aceh* menyebut pernah terjadi pada masa Sultan Iskandar Muda, suatu kes faraid (pembahagian pusaka) dengan ahli waris wanita mendapat sawah, dan ahli waris lelaki mendapat rumah. Ahli waris wanita tersebut diputuskan supaya meninggalkan rumah pusaka, kerana rumah tersebut akan diduduki oleh ahli waris lelaki. tetapi ahli waris wanita tidak dapat menurut keputusan itu kerana sudah hilang tempat tinggal. Dia cuma ada sawah tanpa



Ilustrasi: Jabatan Muzium dan Antikuiti


Puteri memakai baju kebaya labuh dari sutera India sardon - juga kain yang didagangkan pada zaman itu. Kain kelubung sarung Bugis bermotif tapak catur. Perhiasan badan yang menambah lagi kejelitaan puteri ialah kalung, kerongsang dan gelang kaki dari emas tukang Melayu.

rumah. Apabila kes itu sampai kepada pengetahuan Permaisuri Kamaliah (Puteri Pahang), baginda pun membela ahli wanita itu dengan alasan bahawa wanita yang tidak mempunyai rumah tidak dapat tinggal di meusanah (madrasah), sedangkan lelaki dapat. Pendaftar Puteri Pahang ini dipersetujui oleh Sultan Iskandar Muda, dan sejak itulah sebarang pendapatnya yang bernas merupakan hukum. Inilah asalnya bidalan Aceh:

*Adat bak Poteu Meureuhum,
Hukum bak Syah Kuala,
Qanun bak Putroe Phang,
Reusam bak Bentara*

Inilah zaman gemilang Aceh yang mempunyai raja yang gagah perkasa, adil dan saksama bertimbal pula dengan Permaisurinya yang bijaksana lagi mengambil berat tentang rakyat terutamanya kaum wanita.

Pada zaman Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam, negeri Aceh mencapai kemajuan yang jarang ada tandingannya dengan negeri-negeri Islam yang lain di rantau ini, terutamanya dalam susunan pentadbiran negara. Baginda Sultan tidak memerintah negeri dengan sesuka hatinya. Sultan sebagai penguasa tertinggi diapit di kiri kanan oleh beberapa orang pembesar tertinggi. Ada waris Sultan, ada Perdana Menteri dengan para menterinya, ada Kadi Malik al-Adil dengan empat orang Mufti di bawahnya, ada Balai Laksamana yang mengetuai Angkatan Laut dan Darat, ada Menteri Dirham (Kewangan) yang bertanggungjawab terus kepada Sultan, ada pula Balai Mal (Perbendaharaan Negara), dan di bawahnya satu jawatan bernama Balai Furdhan yang memungut bea dan cukai pelabuhan. Semua yang disebut ini adalah badan pelaksana atau eksekutif. Di samping itu terdapat tiga tingkat Balai Musyawarah, atau badan perundangan, iaitu:



*Taman Gunung, Aceh
Gunungan yang dibina di sebuah taman, khusus untuk permaisuri Sultan Iskandar Mahkota Alam, Puteri Pahang*

1. Balaiung Sari, terdiri daripada empat Hulubalang (Ulee-balang) terbesar di Aceh Raya.
2. Balai Gading, terdiri daripada 22 orang ulama besar.
3. Balai Majlis Mahkamah Rakyat, dilengkapi dengan 73 anggota yang datang dari 73 mukim, iaitu setiap satu mukim seorang wakil rakyat.

Kedua-dua Balaiung Sari dan Balai Gading merupakan badan-badan eksekutif kepada Balai Majlis Mahkamah Rakyat yang

berfungsi sebagai badan legislatifnya. Besar kemungkinan sistem tiga tingkat 'Balai Musyawarah' ini baru dilaksanakan setelah dirasmikan pada 12 Rabi'ul-Awal 1042 H (1633 M). Kanun pentadbiran yang disusun baginda dalam tahun 1633 itu diberi nama Qanun al-Asyi Darus-Salam.

Sultan Iskandar Muda (1607 – 1636) dengan Puteri Pahang telah melahirkan seorang puteri bernama Puteri Seri Alam yang kemudiannya menjadi Sultanah Aceh pertama, diikuti tiga lagi



Puteri Dunia Melayu

Sultanah. Seorang lagi puteri Pahang yang dibawa ke Aceh ialah Puteri Bongsu Candra Dewi. Puteri ini ialah anak Raja Putih Puteri Kecil Besar anak Sultan Mansur Syah, Pahang dengan Raja Isak (Raja Kasab) anak Sultan Khoja Ahmad, Siak yang berkahwin dengan Puteri Mah anak Sultan Mahmud Syah, Melaka dengan Puteri Wanang Kemuning, Kelantan.

Puteri Bongsu Candra Dewi telah dikahwini Raja Ahmad Syah, Pahang dan telah melahirkan Raja Mughal. Apabila Raja Mughal besar, orang Aceh mengangkatnya menjadi Sultan menggantikan Sultan Iskandar Muda yang mangkat dalam tahun 1636, dengan gelaran Sultan Iskandar Thani Alauddin Alam Syah (1636 - 1641). Baginda berkahwin pula dengan Puteri Seri Alam, puteri almarhum Sultan Iskandar Muda dengan Puteri Kamaliah yang datang dari Pahang. Maka bertemulah putera dan puteri yang berasal dari Pahang, kini memerintah negara Aceh Darus-Salam.

Puteri Bongsu Candra Dewi juga mempunyai kaitan dengan raja-raja yang memerintah negeri Perak. Beliau mempunyai kekadang bernama Raja Mahmud atau Raja Ahmad. Di Pahang setelah Sultan Abdul Ghafur mangkat, dikenali dengan Marhum Pahang dan putera baginda Raja Muda Abdullah setelah mangkat dibunuh oleh putera Sultan Abdul Ghafur yang kedua (tidak diketahui namanya) dikenali dengan Marhum Muda Pahang. Pada tahun 1619, setelah Sultan Iskandar Muda menakluki negeri Perak

beberapa orang raja Perak telah ditawan dan dibawa balik ke Aceh, antaranya balu dan anak-anak Marhum Muda Pahang (yang dulu telah mengahwini seorang puteri dari kerabat diraja Perak dan mendapat dua orang puteri. Setelah boginda dibunuh maka balu dan puteri-puterinya balik ke Perak).

Semasa di Aceh, seorang daripada puteri Marhum Muda Pahang telah dikahwinkan dengan Raja Sulong anak Raja Mahmud atau Raja Ahmad putera Raja Kasab anak Sultan Khoja Ahmad, Siak. Ibu Raja Sulong ini Tun Dermapala Johara anak Bendahara Paduka Raja. Raja Sulong kemudiannya dilantik menjadi Sultan Perak yang kesepuluh bergelar Sultan Muzaffar Syah (1636-1653). Perkahwinan Raja Sulong dengan puteri Marhum Muda Abdullah Pahang mempertemukan kembali putera dan puteri di raja yang berasal dari Pahang di istana diraja Perak sebagai Sultan dan Permaisuri.

Di Dunia Melayu, seperti juga di kalangan kerabat diraja di Eropah, perkara begini tidak ada halangannya selain hanya tentangan yang tidak begitu berkesan daripada sesetengah pihak. Anak-anak raja yang telah ditawan pun boleh menjadi raja pengganti pihak yang menawannya atau di negeri lain yang tiada beraja – asalkan beliau berasal daripada kerabat diraja dari mana-mana saja negeri di Dunia Melayu.



Puteri Tapasi

SIAPA YANG MENYELAMATKAN DUNIA MELAYU ?

Peranan wanita dalam sejarah kadang-kala tidak disadari atau dilihat dengan jelas oleh sebarang perlakuan mereka telah diketepikan oleh peristiwa-peristiwa besar yang para pelakornya kebanyakannya kaum laki-laki.

Dalam kisah yang membabitkan Tanah Jawa, China dan Campa, jelas bahawa peranan yang dimainkan oleh Puteri Tapasi dapat menghalang angkatan China daripada menakluk Tanah Jawa.


Setelah penaklukan Suwarnabhumi oleh angkatan Jawa, Maharaja China, iaitu Kublai Khan, tidak mengambil inisiatif bertanya hal kepada rajanya atau menghantar tentera untuk menyingkir angkatan Singasari (Jawa) dari Sumatera Selatan. Sebaliknya pada tahun 1289 baginda telah menghantar seorang utusan ke Jawa bernama Meng-chi yang menggesa agar Raja Kertanagara, raja Singasari (1254 - 1292) supaya patuh dan mengakui Maharaja Kublai Khan sebagai maharaja besar dan menghantar ufti ke negeri China. Perintah Maharaja China itu ditolak keras oleh Raja Kertanagara dan utusan diraja itu disuruh pulang setelah dahinya diselar dengan besi panas.

Raja Kertanagara memang raja terbesar antara raja-raja Singasari, terkenal kerana usaha baginda membina sebuah Empayar Jawa di Asia Tenggara, terdiri daripada Pulau Jawa dan pulau-pulau di

sekitarnya. Baginda berjaya menakluk Bali pada tahun 1284 dan Darmasraya atau Kerajaan Melayu di Sumatera Selatan pada tahun 1286. Penolakan tegas terhadap gesaan oleh utusan China pada tahun 1289 agar baginda tunduk kepada Maharaja Kublai Khan menunjukkan kewibawaan baginda yang berani mengekalkan kedaulatan serta kebebasan Tanah Jawa. Barangkali satu daripada tindakan baginda yang bijak ialah mengahwinkan Puteri Tapasi dengan Raja Jaya Singawarman III, Raja Campa. Kerajaan Campa dengan ibu negerinya Vijaya (Caban) terletak di persisiran Vietnam sekarang. Kerajaan ini sentiasa mengadakan hubungan baik dengan Singasari semasa pemerintahan Raja Kertanagara.

Setelah utusan China, Meng-chi, kembali dan melaporkan penolakan raja Kertanagara itu, maka amat murkalah Maharaja Kublai Khan, raja keturunan Jenghis Khan dari Mongolia itu. Maka dihantarlah satu angkatan laut yang besar di bawah Shih-pi dan Ike Mese pada akhir tahun 1292. Dalam masa perjalanan angkatan laut itu merentas Laut China Selatan menuju ke Tanah Jawa, angkatan itu meminta izin berlabuh di Vijaya, Campa. Apabila didengar oleh Raja Jaya Singawarman tentu sekali baginda berfikir panjang kerana jika dibenarkan angkatan itu mendarat tentunya rakyat Campa terpaksa membantu menjual makanan dan pelbagai keperluan lain kepada angkatan besar itu. Jika ini dilakukan, bermakna baginda bersubhat dengan China untuk menghancurkan Singasari, tempat tumpah darah permaisuri baginda, Puteri





Peta Campa

Sumber: Malaysia Kita

Tapasi. Besar kemungkinan juga Raja Jaya Singawarman ingin dibantu pihak China kerana takut negaranya pula akan diserang, tetapi kerana puju rayu Puteri Tapasi baginda sedia menurut pendapat permaisuri itu.

"Biarkan saja angkatan Mongol itu belayar terus, kakanda, usah dibenarkan mereka mendarat dan melayan mereka. Jikalau sudah mendarat bukankah mudah ditawannya ibu negeri kita? Kita tidak bersedia berperang dengan angkatan sebesar itu. Macam-macam perkara boleh berlaku jika dibenarkan mereka itu mendarat di pesisir Campa ini. Laki-laki dapat ditawan dibuatnya hamba, perempuan dapat dilarikan. Macam-macam perkara yang buruk boleh berlaku. Lagipun bangsa Mongol itu ganas dan kasar, tidak seperti bangsa China yang lebih beradab."

Termenung seketika Raja Jaya Singawarman, tetapi kemudian baginda bertitah:

"Kalau kita membenarkan angkatan itu mendarat, tentu mereka akan berada di Vijaya beberapa hari sementara kita dapat hantar utusan ke Singasari agar mereka dapat bersedia."

Sembah Puteri Tapasi:

"Usah disusahkan hati kanda tentang hal itu. Ayahanda Raja Kertanagara sudah mangkat. Kini yang memerintah ialah Raja Jayakatwang dari Kediri. Katalah jika pun ayahanda masih ada tentu baginda bersedia dengan askar yang kuat dan lengkap. Masakan baginda berani menyelar dahi utusan Meng-chi kalau tak berani menanggung akibatnya. Kanda, lepaskan sahaja angkatan itu. Usah diberi makanan dan bekalan Campa untuk menguatkan urat saraf mereka membunuh sanak saudara dan bangsa beta di Tanah Jawa."

Pujuk rayu demikian terpukul ke dalam benak baginda Raja Jaya Singawarman lalu dikeluarkanlah perintah tidak membenarkan angkatan laut China itu mendarat dan diarah agar diusir jika ada percubaan berbuat demikian. Puteri Tapasi dengan serta merta memanggil dayangnya orang Singasari, lalu menyuruh

menghantar sepucuk surat kepada penghulu orang Jawa di Vijaya, yang mengarahkan agar berita penting itu diberitahu mana-mana pedagang Jawa yang mahu belayar segera ke Jawa.

Pada awal Mac 1293 sampailah angkatan China itu ke Jawa, lalu memudiki Sungai Brantas dan membuat persediaan untuk menyerang Daha. Dalam pada itu, Raden Wijaya (menantu Raja Kertanagara, Singasari) menghantar utusan kepada Shih-pi yang menjelaskan bahawa Raja Kertanagara sudah mangkat dibunuh oleh Raja Jayakatwang. Raden Wijaya menyatakan bantuaannya dengan memberi peta Daha kepada Shih-pi.

Tentera China itu pun terus melangar dan menghancurkan Daha. Setelah Daha dengan mudahnya jatuh oleh bantuan Raden Wijaya yang memberikan peta Daha, maka Raja Jayakatwang pun ditawan dan dibawa ke Jung Galuh di muara Sungai Brantas. Sebelum baginda dibunuh, baginda telah mengarang sebuah puisi bertajuk "Wukir Polaman".

Menurut laporan Shi-pi, sejumlah 3,000 orang tentera China mati atau hilang dalam serangan itu. Nilai harta rampasan yang dapat dikumpulkan daripada serangan itu berharga lebih daripada 500,000 tahl perak.

Kehilangan tentera China yang begitu banyak dalam serangan tersebut menyebabkan Shi-pi dicambuk sebanyak 17 kali dan seperti hartanya dirampas. Tetapi pada tahun 1295 dia diangkat kembali memandangkan dia telah mengharung lautan yang jauh dan meneroka negeri asing yang belum pernah dilakukan. Hartanya dikembalikan dan diangkatlah dia ke jawatan tertinggi sehingga dia mati dalam usia 86 tahun.

Begitulah ganjaran dan hukuman yang setimpal buat pegawai kerajaan China. Sementara bagi Puteri Tapasi pula, walaupun banyak anak bangsanya terkorban, namun tidak sampai terjahat terus oleh suatu kerajaan penjajah pada masa itu. Berbanggallah bahawa orang di Dunia Melayu atau Nusantara berjaya menolak angkatan Mongol yang pernah menjajah dunia dari negeri China hingga ke Eropah.



Bunga Cempaka



Puteri Ramawati

PARA ZURIATNYA SEBAHAGIAN WALI SONGO

Ramai antara kita yang mengetahui anggota Wali Songo (Sanga) atau Wali Sembilan yang memelopori pengembangan agama Islam di Tanah Jawa tetapi tidak ramai malahan amat sedikit yang mengenali asal-usul mereka atau pun keturunan mereka. Sebenarnya sesuai dengan darjat mereka yang begitu tinggi, mereka juga berasal daripada keturunan yang mempunyai darjat yang tinggi.

Raden Rahmat atau Sunan Ampel dan Raden Paku atau Sunan Giri misalnya adalah berketurunan pendakwah daripada kaum Syed (keturunan Rasulullah SAW) dengan Puteri Cempa iaitu Syed Husein Jamaluddin al-Kubra (juga disebut Syed Jamaluddin Husein atau Syed Husein Jamadil-Kubra) dengan Puteri Ramawati iaitu puteri Raja Cempa.

Pada abad ke-14 Masihi, sekumpulan pendakwah yang terdiri daripada tujuh orang adik-beradik dari wilayah Dekkan, India Selatan telah belayar ke Asia Tenggara untuk meneruskan usaha penyiaran syiar Islam dan memperkukuh agama itu di kalangan raja dan rakyat serantau. Kumpulan ini terkenal dengan nama

Wali Tujuh yang diketuai Syed Husein Jamaluddin al-Kubra.

Mereka serta rakan-rakan seperjuangannya sebelum memilih haluan dan arah serta destinasi masing-masing telah terlebih dahulu singgah di Samudera-Pasai. Dari Pasai mereka lalu berpecah menuju ke haluan masing-masing lalu meninggalkan Syekh Zainuddin al-Khatib atau Tuan Jana Khatib (seorang rakan yang sama-sama dalam pelayaran) di Samudera-Pasai.

Pada masa itu Samudera-Pasai diperintah oleh Sultan Zainal Abidin (1350 - 1394). Baginda mengirim beberapa pendakwah asing keluar dari Pasai untuk menyebarkan Islam. Salah seorang daripadanya ialah Tuan Jana Khatib, yang dihantar menuju Singapura. Inilah Tuan Jana Khatib yang diceritakan di dalam *Sejarah Melayu*, dikatakan tatkala beliau berjalan hampir istana Raja Singapura maka permaisuri ada di tingkat maka terpancang ke arah Tuan Jana Khatib.

Hampir istana itu ada sepon pinang maka diteneb dengan matanya lalu terbelah menjadi dua. Peristiwa ini disaksikan Raja Singapura lalu Tuan Jana Khatib disuruh bunuh. Semasa ditikam tubuhnya, darahnya menitik ke bumi, tetapi tubuhnya ghaib, dikatakan terhantar ke Langkawi. Maka dipantunkan orang :





Puteri Dunia Melayu

Telur itik dari Singgora,
Pandan terletak dilangkahi;
Darahnya titik di Singapura,
Badannya terhantar ke Langkawi

Begitulah kekuatan batin pendakwah pada masa itu, diizinkan Allah (SWT) berbuat sesuatu yang luar biasa, namun takala ajalnya sampai ia menyerah tanpa melawan atau banyak bicara.

Rombongan Syed Husein Jamaluddin belayar terus ke Kelantan. Di Kelantan dia disambut oleh Raja Bharubhasa (bekas Raja Cermim yang berpindah ke Kelantan) dan diberi tempat tinggal di istana. Syed Husein Jamaluddin dijodohkan oleh Raja Bharubhasa dengan adinda baginda, Puteri Linang Cahaya, dan daripada perkahwinan itu lahir seorang puteri bernama Siti Aisyah.

Setelah lima tahun di Kelantan pada kira-kira tahun 1355, Syed Husein Jamaluddin berkahwin pula dengan Puteri Ramawati, puteri Raja Campa, Sultan Zainal Abidin Syah dengan permaisuri Siti Zubaidah (sila lihat ceritanya dalam *Syair Siti Zubaidah*). Melalui perkahwinan inilah lahirnya Syed Ibrahim Zainal Abidin al-Akbar (juga terkenal dengan nama Ibrahim Samarkandi atau Ibrahim Asmoro, Ibrahim al-Chazi atau Ibrahim Hadhrami) dan daripada titisannya pula lahirlah pendakwah terkenal Syed Ahmad Rahma-tullah yang termasyhur dengan gelaran Sunan Ampel. Syed Abu Isahak setelah mengahwini Puteri Sekardadu (sila lihat ceritanya) melahirkan Raden Paku yang kemudian digelar Sunan Giri, dan anak ketiga Syed Ali Murtaza.

Syed Ibrahim dibesar dan dididik di istana oleh bondanya Puteri Ramawati yang terkenal bijaksana serta mendapat didikan agama daripada ayahanda yang alim. Apabila sudah remaja maka dikahwinkan dengan puteri Raja Campa, Wira Bhadrawarman (yang menggantikan ayahandanya Jaya Sinhawarman pada tahun 1401) maka memperolehi tiga orang putera seperti disebut di atas. Dikatakan Syed Husein Jamaluddin al-Kubra telah membawa serombongan kaum kerabatnya dari Campa, turun ke Nusantara untuk menyebarkan Islam.

Anaknya Syed Ibrahim ditinggalkannya di Aceh untuk mendidik masyarakat Aceh dengan amalan Islam. Syed Husein Jamaluddin

kemudian pergi ke Tanah Jawa, untuk membantu serta menyebarkan usaha Maulana Malik Ibrahim di Jawa Timur, yang meninggal dunia di Gresik, dekat dengan Surabaya pada tahun 1419.

Rombongan ini terlebih dahulu pergi ke Palembang memeluk Islam. Seterusnya mereka disambut di Tuban oleh Bupatinya, Arya Teja yang juga memeluk Islam. Arya Teja kemudiannya menjadi mertua ke-pada Ahmad Rahmatullah yang terus tinggal di Ampeldenta yang menjadi pusat penyebaran Islam ke seluruh Tanah Jawa. Oleh kerana Ahmad Rahmatullah menjadikan Ampel tempat penyebaran agama baru itu maka beliau dikenali sebagai Sunan Ampel, salah seorang daripada Wali Sembilan (Wali Songo) di Jawa. Maulana Malik Ibrahim terlebih awal berada di Jawa dan dianggap sebagai pendakwah perintis dan pelopor Wali Songo yang mengembangkan Islam di Jawa. Orang yang dianggap sebagai pengasas Islam di Jawa ialah Ahmad Rahmatullah (Sunan Ampel) seperti yang diceritakan di dalam *Babad Tanah Jawi*. Makam beliau terletak di dalam bandaraya Surabaya di Jawa Timur.

Dikatakan bahawa Ahmad Rahmatullah adalah anak saudara Ratu Dwarawati, puteri dari Campa yang berkahwin dengan Raja Brawijaya, Raja Majapahit. Menurut *Serat Kanda*, Ratu Dwarawati mangkat pada tahun 1320 Saka (1398 Masihi) di Trawulan, Jawa Timur; tetapi kajian lanjutan membuktikan Puteri Campa itu mangkat dalam tahun 1370 Saka (1448 Masihi) menurut tarikh pada makam baginda. Dengan itu jelaslah Sunan Ampel datang dari Campa sekitar pertengahan abad ke 15. Sunan Ampel yang telah mengadakan petempatan Islam di Jawa mengenalpasti Raden Rahmat (Syed Ahmad Rahmatullah) sebagai anak Makhdum Ibrahim (Syed Ibrahim Zainal Abidin) dari Campa. Beliau baru kembali dari Mekah apabila didengarnya bahawa bonda saudaranya, Puteri Dwarawati berkahwin dengan Brawijaya raja Majapahit. Oleh hasrat hendak berjumpa dengannya setelah memperolehi izin Raja Campa beliau lalu belayar menuju Tanah Jawa.

Apabila sampai ke kraton Majapahit, beliau diperkenalkan oleh Ratu Dwarawati kepada Bhatar Majapahit maka dialu-alukan dengan mesra. Setahun kemudian Raden Rahmat (memakai gelar-



an Jawa) telah jatuh hati dengan anak Bupati Wilwatikta (Arya Teja) yang bernama Nyai Gede Manila lalu mengahwininya. Daripada perkahwinan ini lahirlah dua orang putera: Raden Ibrahim (kemudian bergelar Sunan Bonang) dan Raden Syarifuddin (kemudian bergelar Sunan Darajat), dan dua orang puteri, Dewi Murtasiah dan Nyai Ageng Maloka.

Kedua-dua Raden Rahmat dan adiknya Maulana Abu Ishak mengajar dan menyebarkan agama Islam dari markas mereka di Ampelanda, dan bersama-sama pergi mengadap Bhatara Majapahit. Vikramavardhana dan menyampaikan dakwah, tetapi Bhatara Majapahit itu belum bersedia menerima Islam. Walaupun demikian baginda tidak menghalang rakyatnya menganut agama baru itu, lalu tersebarlah Islam hingga ke Pulau Madura dan sedikit sebanyak telah masuk ke Balambangan tempat yang ditugaskan kepada Maulana Abu Ishak.

Di Balambangan, Maulana Abu Ishak berkahwin dengan puteri raja itu, Prabu Menak Sembayu, yang bernama Dewi Sekardadu [sila lihat ceritanya]. Hasil perkahwinan ini lahirlah Raden Paku (juga terkenal sebagai Joko Samudro dan Ainul-Yaqin) yang kemudiannya bergelar Sunan Giri. Beliau berkahwin dengan Dewi Mur-tasiah puteri Raden Rahmat (Sunan Ampel). Seorang lagi Puteri Sunan Ampel ialah, Nyai Gedo Maloka telah dikahwinkan dengan Raden Fatah (Arab: 'Fattah'). Raden Fatah ini sebenarnya putera Phrabu Brawijaya Majapahit dengan permaisuri perempuan China, yang kerana dibenci oleh permaisuri perempuan Campa (Ratu Dwarawati), maka dikahwinkan dengan Arya Damar, Palembang ketika permaisuri itu masih dalam keadaan hamil.

Di Palembang lahirlah Raden Fatah dan setahun kemudian baru lahir Raden Kusen, anak Arya Damar dengan isterinya bekas permaisuri raja Majapahit. Raden Fatah dan Raden Kusen, apabila besar, kembali ke Jawa dengan hasrat hendak berkhidmat dengan raja Majapahit. Sampai di Surabaya mereka singgah di Ampel lalu berguru dengan Sunan Ampel (Raden Rahmat) dan Raden Fatah mengahwini anak Sunan Ampel yang bernama Nyai Gede Maloka.

Oleh sebab Raden Fatah tidak mahu berkhidmat kepada raja yang kafir, maka Raden Kusen pergi ke Majapahit berseorangan, dan di sana bertugas sehingga digelar Adipati Terung. Raden Fatah pula

membuka negeri di Bintara di sebelah timur Semarang. Bintara ini terkenal dengan nama Gelagah Wangi. Setelah Raden Kusen membawa Raden Fatah ke kraton mengadap Phrabu Brawijaya maka tahlulah raja itu baginda berhadapan dengan puteranya sendiri, lalu Raden Fatah diangkat menjadi raja Islam yang pertama di Tanah Jawa dengan pangkat Panembahan Jimbun, dan kota pemerintahannya diberi nama Demak.

Apabila Sunan Ampel (Raden Rahmat) meninggal dunia pada tahun 1481, barulah Raden Fatah (Senapati Jimbun Ngabdurrachman Penembahan Palembang Saidin Panatagama) mengumpul askar Islam untuk menyerang dan menakluk Majapahit. Selagi Sunan Ampel masih ada, beliau tidak menentang kemahuan mertuanya agar jangan menyerang Majapahit. Dengan kejatuhan Majapahit maka bermulalah perkembangan Islam dengan pesatnya dari pusatnya di Demak.

Melihat akan salasilah yang tertera, jelaslah betapa besarnya jasa Puteri Ramawati. Daripadanyalah lahirnya zuriat yang suci termasuk sebahagian daripada Wali Songo yang mengembangkan Islam di Tanah Jawa. Ini disebabkan Puteri Ramawati sanggup mengahwini seorang pendakwah dari golongan Sayid, iaitu Sayyid Husein Jamaluddin al-Kubra (atau Syed Husein Jamadil-Kubra) yang sudah lanjut usianya namun diterima beliau kerana alimnya dan daripada keturunan yang agung. Memang Puteri Ramawati sendiri tidak dapat menjangkau masa depan dan melihat bahawa bukan sahaja antara zuriatnya itu menjadi antara anggota Wali Songo, bahkan terjelma seorang Sultan Islam yang pertama di Tanah Jawa, iaitu Raden Fatah ('Fattah' dalam bahasa Arab bermaksud: Pembuka atau Penakluk).

BARISAN WALI SONGO

1. Maulana Malik Ibrahim (Maulana Maghribi) bin Syed Berkat Zainal Alam bin Syed Jamaluddin Husein (Syed Husein Jamadil-Kubra) dengan isterinya yang pertama di India. Dianggap pelopor Wali Songo dan pengasas pesantren (pondok tempat mempelajari agama Islam) di Gresik, Jawa. Beliau meninggal dunia di Gresik pada tahun 1419.
2. Sunan Ampel, Syed Ahmad Rahmatullah bin Syed Ibrahim Zainal Abidin al-Akbar bin Syed Jamaluddin Husein Al-Kubra



Ilustrasi: Jilid 10, Museum Alamendah

Pakaian cara Melayu Campa potongan baju kurung beskap sungguh menawan daripada kain broke India yang didagang di rantau ini seawal kurun ke-14. Puteri berselendang kain tenun Campa. Husnan dirinya permata dari Kemboja.

dengan isterinya Puteri Ramawati puteri Sultan Zainal Abidin dengan Siti Zubaidah (Dewi Sudaksini) pemerintah Campa menjadikan Ampeldenta pangkalan penyebaran agama Islam di Jawa Timur. Beliau lahir di Campa pada kira-kira tahun 1401 dan meninggal dunia pada tahun 1481.

3. Sunan Bonang, Makhdum Ibrahim bin Sunan Ampel Syed Ahmad Rahmatullah (Raden Rahmat) bertugas mengembangkan

agama Islam di Tuban. Beliau lahir dalam tahun 1450 dan dengan Sunan Kalijaga bertemu satu datuk (Arya Teja, Bupati Tuban) sebelah ibunya, Nyai Ageng Manila. Bersama sepupunya, Sunan Giri, mereka mempelajari ilmu agama di Mekah. Beliau meninggal dunia di Pulau Bawean dalam tahun 1525 dan dimakamkan di Tuban.

4. Sunan Giri, Joko Samudro (Raden Paku, Muhammad Ainul-Yaqin) bin Maulana Abu Ishak (Syeikh Wali Lanang) bin Syed Ibrahim Zainal Abidin al-Akbar. Ibunya Dewi Sekardadu puteri Menak Sembayu, raja Balambangan. Mengembangkan agama Islam dari Giri, dan setelah Sunan Ampel tiada, meneruskan tugasnya memimpin di Ampeldenta dan Gresik. Sebelum menjadi negara Islam, Sunan Giri digelar secara tidak rasmi, Sultan Abdul Fakhir. Beliau meninggal dalam tahun 1506, dan dimakamkan di Bukit Giri.

5. Sunan Darajat, Syarifuddin ialah adik Sunan Bonang memperteguhkan agama di Sedayu. Beliau digelar Masih Maunat. Beliau menggunakan gamelan untuk menanamkan rasa keislaman di kalangan rakyat, dan lagu gamelan ciptaannya ialah 'Gending Pangkor'. Makamnya di Sedayu dalam Kabupaten Lamongan.

6. Sunan Kalijaga, Raden Mas Syahid ialah anak Bupati Tuban bernama Raden Sahur Temenggung Wilatikta. Pada awal hidupnya, kerana melihat ketidakadilan dan penindasan pihak ningrat ke atas rakyat maka beliau merompak dan merampas harta-benda mereka lalu diagih-agihkan kepada mereka yang memerlukan. Oleh kerana itu beliau digelar Lokajaya. Berguru pada Sunan Bonang dan Syeikh Sutabris. Berkahwin dengan Dewi Sarah anak Maulana Ishak dan memperolehi tiga orang anak: Sunan Muria, Dewi Rokiah dan Dewi Sofiah. Isteri keduanya, Siti Zainab ialah adik Sunan Gunung Jati.

7. Sunan Muria, atau Muriapada, Raden Umar Sa'id ialah anak Sunan Kalijaga, juga semasa kecil bergelar Raden Prawata. Beliau amat suka menyendiri di kawasan desa dan lereng bukit khususnya di sepanjang lereng Gunung Muria tidak jauh dari kota Kudus. Beliau kemudiannya berkahwin dengan kakak Sunan Kudus yang bernama Dewi Sujinah binti Sunan Ngudung, dan memperolehi seorang anak laki-laki bernama Pangeran Santri bergelar Sunan

Ngadilangu.

8. Sunan Kudus, Ja'afar Sadiq ialah anak Raden Usman Haji (Sunan Ngudung) di Jipang Panolan. Datuknya ialah Sunan Ampel melalui ibunya. Nyai Ajeng Maloka, saudara kandung Sunan Bonang, Sunan Darajat dan Dewi Murtasiah, isteri Sunan Giri. Di Mekah, atas jasanya menyembuh penyakit yang merbahaya maka dihadiahkan sebutir batu (yang berasal dari Baitul Muqaddis), dan kemudian diletak di atas mihrab Masjid Kudus, Semarang.

9. Sunan Gunung Jati, Syarif Hidayatullah ialah putera Sultan Abu Abdullah (Raja Campa) manakala ibunya ialah Ratu Mas Rarasantang, puteri Prabu Siliwangi dari Pajajaran. Beliau dilahirkan di Pasai dan setelah remaja belajar di Makkah. Beliau berkahwin dengan Ratu Dewi Pakungwati, puteri Pangeran Cakrabuwana. Beliau berjaya mendirikan kerajaan di Cirebon dan pusat pengajian Islam di Gunung Jati.




Sanggul dan hiasan kepala wanita Campa.

Sumber: Abdul Rahman Al-Ahmadi, Sejarah dan Kebudayaan Campa, 1988.



SALASILAH DEWI DWARAWATI DAN RAMAWATI





Syarifah Mudaim

IBU YANG SALEH PENYULUH DUNIA MELAYU

Jikalau Allah mengkehendaki seseorang untuk melakukan sesuatu di jalan-Nya (*fi sabilillah*) maka dipancarkan cahaya (nur) agar diterangkan jalan yang gelap menjadi cerah. Pernah seorang perompak yang ganas dan tidak berperikemanusiaan tatkala mendengar bacaan ayat al-Quran, yang bermaksud:

"Tidaklah sampai masanya bagi mereka yang beriman agar menyerah kepada Peringatan Allah dan kepada kebeneran yang diperlihatkanNya, agar mereka tidak menjadi seperti mereka yang telah menerima kitab lama, tetapi jangka masa itu telah dilanjutkan bagi mereka dan oleh itu hati mereka telah dibekukan, dan kebanyakan daripada mereka adalah orang yang fasik (hidup cara jahat)."

- al-Hadid (57): 16

Maka serta merta jantungnya terpuak lalu dia bertaubat dan kembali ke jalan yang lebih baik daripada dahulu. Perompak itu ialah Abu Ali al-Fuzayl bin Iyaz al-Talaqani.

Ada kalanya Allah (SWT) memilih anggota istana atau daripada kalangan bangsawan untuk sesuatu matlamat. Itulah yang berlaku kepada dua orang adik-beradik anak Prabu Siliwangi dari Pajajaran.

kerana diberi nur Ilahi, telah lari meninggalkan istana. Mereka ini, anehnya, seorang putera dan seorang puteri. Puteri itu ialah Dewi Rarasantang. Setelah bertemu dengan Syeikh Nurjati dan Maulana Ibrahim dari Campa, mereka berdua pun memeluk agama Islam.

Setelah meninggalkan agama Hindu dan memeluk Islam mereka diberi nama baru. Sang putera (abang Dewi Rarasantang) dinamakan Samadullah manakala sang puteri diberi nama Syarifah Mudaim. Mereka berdua disuruh mendalami ilmu agama di Makkah. Di sana mereka berdua dipimpin oleh Syeikh Bayan dan Syeikh Abdullah. (Makkah yang dimaksudkan dalam cerita-cerita lama di Dunia Melayu tidak semestinya Makkah di Jazirah Arab, tetapi dua serambi Mekah di Dunia Melayu, iaitu Kelantan dan Aceh (termasuk Pasai)).

Syarifah Mudaim atau Dewi Rara Santang telah dikahwinkan dengan Sultan Maulana Mahmud Syarif Abdullah (disebut juga Raja Mesir). Mereka berdua inilah yang dikurniakan putera yang masyhur bernama Syarif Hidayatullah. Beliaulah yang terkenal sebagai Sunan Gunung Jati. Gelarannya yang lain ialah Syed al-Kamil dan Ahmad Fatahillah.

Orang zaman dulu yang banyak merantau dari setempat ke setempat, banyak gelarannya. Sebenarnya nama-nama yang terdahulu daripada ini pun demikian juga; Syeikh Nurjati ialah Sunan Ampel (Raden Rahmat), Syeikh Bayan ialah Maulana Abu





Isahk (adik Sunan Ampel) dan Maulana Ibrahim Zainal Abidin. Syeikh Abdullah yang pernah bersama-sama Syeikh Bayan mengajar Dewi Rara Santang dan-abangnya di Serambi Mekah [Pasai atau Kelantan] ialah Sultan Abu Abdullah (juga digelar Maulana Syeikh Israil) sebelum beliau dan Dewi Rara Santang dijodohkan. Oleh sebab Syarif Hidayatullah lahir di Pasai, besar kemungkinan 'Mekah' yang dimaksudkan di sini ialah Pasai, tempat ibunya mempelajari agama.

Dewi Rara Santang mempelajari agama dan ditukarkan namanya menjadi Syarifah Mudaim dan kemudian mengahwini gurunya, Syeikh Abdullah (Sultan Abu Abdullah pewaris Campa).

Walaupun tidak banyak butiran terperinci tentang Syarifah Mudaim, namun hasrat kuat untuk memeluk Islam dan mempelajari ilmu sehingga merantau ke tempat orang yang-gambarkan satu watak yang cukup kuat semangatnya. Apatah lagi beliau seorang wanita. Pada zaman itu kaum wanita terkongkong di rumah atau pun di istana. Nekat beliau lari dari istana ayahnya bersama-sama abangnya menunjukkan beliau sudah pun tahu serba sedikit tentang pantang larang agama iaitu beliau harus bersama seorang muhrimnya tatkala merantau jauh.

Semangat teguh Syarifah Mudaim juga dapat diibayangkan melalui bertaqa sukarnya hidup di rantau orang, di luar negeri sendiri dan belajar pula di kalangan komuniti yang tentunya lebih banyak lelaki daripada perempuan di pondok-pondok pelajaran, sama ada di Pasai atau pun di Kelantan. Beliau juga tidak keberatan menerima lamaran daripada gurunya yang tentunya lebih tua daripadanya dan berasal dari negeri yang jauh daripada tanah tumpah darahnya. Oleh kerana kuat semangat Islamnya beliau sanggup berpuasa, malah meninggalkan hidup yang senang-lenang di istana dipelihara ayah dan ibu serta sanak-saudara, semata-mata kerana hendak mendalami ilmu agama yang baru dianutnya.

Pada masa itu agama Islam belum tersebar luas di Tanah Jawa, bahkan orang yang menjadi guru beliau itu adalah antara pendakwah yang terawal di Tanah Jawa yang datang dari Kelantan dan Campa. Dan dari segi sejarah tentunya Syarifah Mudaim ini pendakwah wanita terawal dan terpenting kerana, walaupun beliau tidak diungkap sebagai pendakwah, namun peranan dan pengaruh


beliau mendidik seorang putera yang kelak menjadi salah seorang daripada Wali Songo di Jawa, adalah satu darjat besar bagi Syarifah Mudaim. Tentunya putera itu, Syarif Hidayatullah, diasuh, dididik dan diajar agama Islam yang teguh dan mendalam di Campa sebelum dihantar pulang ke Jawa. Tidak cukup dengan semangat juang Islam, tentunya Syarifah Mudaim dan suaminya melatih agar Syarif Hidayatullah juga dilengkapi dengan kemahiran ketenteraan dan ilmu pentadbiran kerana jelas segala ilmu yang dihayatinya itu dipergunakan sepenuhnya sepanjang hayatnya.

Pada awal abad ke-16 satu ancaman besar dari Barat telah menunjukkan 'belang hitamnya' di perairan Dunia Melayu dengan hasrat memperluaskan kuasa dan pengaruh melalui slogan: *For God, Gold and Glory* [Dem! Tuhan, Emas dan Kecemerlangan]. Ancaman besar itu berupa angkatan laut Portugis yang sudah sampai ke pesisiran barat India. Pada tahun 1511 menghancurkan kerajaan Melaka, dan pada tahun 1512 menduduki Pasai. Walaupun Melaka sudah jatuh namun kerajaan yang timbul daripada abu keruntuhan itu, iaitu kerajaan dalam buangan yang berpangkalan di Bentan terus-menerus menyerang Melaka dan angkatan Portugis di mana saja mereka berada. Dalam masa ini kerajaan Islam Demak sudah diasaskan. Patih Yunus pernah telah menyerang Melaka tetapi gagal menawaninya.

Niat Syarif Hidayatullah hendak menuju ke Pasai terpaksa diubah kepada Demak, kerana Pasai telah dikuasai Portugis. Beliau berkahwin dengan seorang adinda Sultan Terengganu (Terengganu) iaitu Ratu Mas dan diangkat menjadi Panglima Perang kerajaan Islam Demak. Bandar Sunda Kelapa di Jawa Barat memang menjadi idaman Portugis selepas kejatuhan Melaka. Portugis berhasrat menjadikan Sunda Kelapa satu lagi tapak untuk menyerang Islam di Nusantara terutama Demak yang semakin kuat. Dengan tiba-tiba, cita-cita Portugis itu dipatahkan oleh Syarif Hidayatullah dengan menyerang terlebih dahulu dan menawan Sunda Kelapa yang di bawah kerajaan Hindu Pajajaran yang bersekutu pula dengan Portugis. Ini merupakan pukulan hebat kepada Portugis dan juga kerajaan Pajajaran yang menentang anak tempatan yang kini sudah berlainan agama. Syarif Hidayatullah juga berjaya menakluk pelabuhan-pelabuhan lain di Pajajaran seperti Banten dan Cirebon. Sunda Kelapa yang ditawan itu, namanya ditukar menjadi Jayakarta (kini Jakarta) yang bermakna



SALASILAH SYARIFAH MUDAIM DAN SYARIF HIDAYATULLAH





Puteri Dunia Melayu

'Kota Kemenangan', dan para alim tempatan menggelar beliau 'Fatahillah' (Kemenangan Allah).

Syarif Hidayatullah berjaya menegakkan kerajaan di Cirebon dan mengasaskan pusat pengajian dan penyebaran Islam di sekitar Gunung Jati. Daripada nama tempat inilah beliau digelar Sunan Gunung Jati, yakni sebagai menghormati tempat didirikan pangkalan penyebaran Islam di Jawa Barat.

Sunan Gunung Jati mempunyai seorang putera bernama Hasanuddin. Puteranya ini berjaya menakluk Banten lalu menjadi Sultan Banten yang pertama. Dalam masa perebutan kuasa di antara Arya Penangsang dengan Adiwijoyo, Sunan Gunung Jati memisahkan Cirebon keluar daripada ikatan Demak yang pada masa itu sudah menjadi sebahagian jajahan takluk kerajaan Pajang yang mendukung ajaran Pantheisme [kepercayaan bahawa Tuhan adalah segala-galanya dan segala-galanya adalah Tuhan]. Cucu beliau, Pangeran Arya bin Sultan Hasanuddin pernah dipelihara oleh Ratu Kalinyamat (sila lihat ceritanya) seorang Ratu Jepara yang pernah menghantar armada dua kali untuk menyerang Portugis di Melaka.

Untuk mengetahui pertalian Sunan Gunung Jati, pendakwah dan panglima Islam yang agung ini, dengan raja-raja Kelantan maka diceritakan bahawa ibu tirinya (puteri Raja Campa) bersaudara dengan Abul Muzaffar Waliullah, datuk kepada Sultan Adiluddin (Raja Loyor) ayahanda kepada Puteri Mariam yang terkenal dengan gelaran Puteri Sa'adun (Puteri Sa'adong) Kelantan (sila lihat ceritanya). Sunan Gunung Jati pulang ke rahmatullah pada tahun 1570 dan dimakamkan di Cirebon.

Beginilah agungnya seorang ibu yang saleh, teguh beriman dan mencari ilmu agama walau pun di rantau orang, ibu yang dulunya menganut agama nenek moyangnya tetapi mengubahnya disebabkan pancaran nur ilahi. Itulah Syarifah Mudaim yang dahulunya bernama Dewi Rara Santang. Beliau melahirkan salah seorang Wali Songo, pahlawan *fi sabilillah* menentang dua agama sekali gus agama tradisional nenek-moyangnya dan agama pendatang dan penceroboh iaitu Kristian Roman Katolik yang dibawa Portugis.

Semoga semangat dan nama Syarifah Mudaim [Mudaim bermaksud Yang Kekal Abadi] dikenang dan usahanya dihayati para puteri zaman ini dan akan datang.



'Macam Cirebon' yang dicipta dengan sent khat, menunjukkan ketegasan kerajaan Islam Cirebon sebelum kedatangan imperialis Belanda



Raden Adjeng Kartini

SERIKANDI PENDIDIKAN PUTERI

Raden Adjeng Kartini adalah wanita perintis jalan kemajuan kaum puteri. Beliau berjasa besar bagi golongannya, walau pun beliau tidak dapat menyempurnakan misinya itu dalam jangka hidupnya yang begitu singkat. Namun angkatan yang menyusuli beliau kemudiannya meneruskan cita-cita mulia yang diasaskannya itu untuk kemajuan pendidikan khasnya dan bangsa Indonesia amnya.

Raden Adjeng Kartini lahir pada 21 April 1879 di Moyong, Japara, anak perempuan kedua Regen Japara, Raden Mas Adipati Aria Sasraningrat. Ia bersaudara lima orang perempuan dan seorang lelaki. Neneknya Candra Negara Bupati Demak, antara yang mula-mula mengucap peradaban Barat. Setelah dewasa, Adjeng Kartini dikahwinkan dengan Raden Adipati Aria Jayadiningrat, regen di Rembang, dan di sanalah beliau menetap dengan suaminya. Raden Adjeng Kartini seorang puteri yang sangat rajin dan pandai, dan sentiasa memikirkan masa hadapan kaum puteri. Dalam kehidupan sehariannya, Raden Adjeng Kartini mendirikan sebuah sekolah dan menyediakan kaedah pembelajaran dengan cara tersendiri.

Pada 17 September 1904, Kartini dikurniakan seorang putera, Raden Singgih, tetapi empat hari kemudian setelah melahirkan anak itu, Kartini telah pulang ke rahmatullah dalam usia 25 tahun. Walaupun hidupnya sesingkat itu namun benih suci mulia yang beliau tanam, tumbuh menyemarak ke seluruh ceruk rantau Indonesia, dimanfaatkan oleh seluruh puteri hingga kehari ini.



*Raden Adjeng Kartini
Pelopor pendidikan puteri
Indonesia*

Ayah Kartini, seorang bumiputera yang pertama kali memberi pendidikan Barat kepada anak perempuannya, walaupun beliau dicemuh pada awalnya, nyata dia tidak menyesal atas perbuatannya kerana dengan demikian ia membuka jalan baru dalam pendidikan puteri bangsanya.

Namun begitu, gadis-gadis itu tidak sahaja masuk ke sekolah Kartini, malah mereka masuk juga ke sekolah-sekolah lain seperti H.I.S. Europese Lagare School. Di Kartini-school para gadis mendapat pelajaran sama dengan di H.I.S. dengan tambahan mata pelajaran menjahit dan perihal rumah-tangga. Walaupun ramai tinggal di rumah namun ada juga yang meneruskan pelajaran seperti ke Frobel Kweekschool, ke Van Deventerschool, ke Lagare Huishoudschool, ke Mulo dan lain-lain.

"Masyarakat bumiputera sudah gelisah, semangat hendak maju sudah menjadi buah tutur dan pikiran." (Surat Kartini kepada Nyonya de Booy, 19 Ogos 1908)

Kartini tidak berjuang dengan senjata di medan perang, tidak juga berpidato ke sana sini di medan politik atau sosial dan tidak juga menulis di dada-dada akhbar untuk membangunkan bangsa. Beliau hanya meratap dan menangis, kerana itulah saja senjata yang dapat dipergunakannya pada zaman penuh pancaroba dalam segala hal ini, zaman khurafat dan bidaah yang tebal menutup kebenaran Islam. Dalam surat beliau kepada Nyonya Van Kool pada 12 Julai 1901, ditegaskannya pendiriannya dalam agama takkala nyonya Belanda itu mengajak beliau masuk agama Kristian,

"Yakinlah nyonya kami akan tetap memeluk agama kami yang sekarang ini (Islam). Serta dengan nyonya kami berharap moga-moga kami mendapat rahmat, dapat bekerja membuat umat agama lain memandang agama kami patut disukai." Jelas Kartini begitu tegas dalam pendirian agamanya walaupun Islam belum dinamik seperti masa kini di Indonesia.

Kumpulan surat-surat yang ditulis Kartini kepada sahabat-sahabat beliau kemudiannya terkumpul dalam buku *Door-duisternis tot licht jelas menjadi pencetus cita-citanya*. Surat-surat itu mula ditulis pada tahun 1899, takkala beliau berusia 20 tahun. Dalam usia begitu muda beliau telah membincangkan banyak isu dan persoalan yang menarik perhatiannya, seperti soal-soal kewantiaan, perguruan, kesenian, kesihatan serta hal-hal lain tentang masyarakat masa depan yang amat menyentuh hati dan sanubarinya.


Apakah pendirian Kartini tentang pendidikan sebenarnya? Dalam pergaulan beliau dengan kaum keluarga seberapa boleh beliau cuba mengubah

adat lama. Dengan keluarganya yang lebih tua beliau masih menurut adat tetapi dengan adik-adiknya tidak memakai adat leleh sebagai sahabat mengurangkan batas-batas tinggi rendah dan perbezaan umur. Cara ini menimbulkan pertalian kukuh dan perhubungan mesra dan rapat. Itulah pokok pangkal perasaan cinta yang teguh.

Kartini seorang bangsawan namun tidak terpengaruh oleh kebangsawanannya. Baginya sifat suka meniru merupakan sifat kemanusiaan. Rakyat jelata meniru kaum-bangsawan dan kaum bangsawan meniru kaum yang di atas iaitu bangsa Eropah. Segala perbuatan yang baik dianjurkan supaya meniru keadaan orang bangsawan. Untuk menegak cita-cita inilah beliau mendirikan sekolah sendiri dalam kabupatennya. Di sekolah itulah beliau berhasrat menjalankan segala kegiatan yang tercurus di hatinya untuk mendidik dan mengajar gadis-gadis bangsawan yang diharapkan dapat mengubah seluruh keadaan kaum wanita Indonesia.

Setelah beliau tiada, semangat yang dianjurkan Kartini telah diteruskan oleh pihak intelektual bumiputera dan Belanda yang menghormati pendirian dan cita-cita beliau. Pada tahun 1912 di Semarang, didirikan sekolah-sekolah yang diberi nama Kartini-school, sebagai langkah awal ke arah kemajuan para puteri.

Surat-surat Raden Ajeng Kartini yang dihantar kepada sahabat-sahabatnya yang berbangsa Eropah, telah dikumpulkan oleh seorang Direktur dari department pengajaran semasa Belanda, iaitu J.H. Abendanon pada tahun 1900, dan pada tahun 1911 dikeluarkan sebagai *Door duisternis tot licht* dalam bahasa Belanda. Buku ini diterjemahkan ke bahasa Indonesia oleh Balai Pustaka di Jakarta dengan judul *Habislah*



*de yfere siel te yeggen - maar hun beender
indruyveling my hand gort. kan.
De letter hier en knijp van 5 yfere. by opende
lang - widdelment - en lang juor. waaron
by en kanten kanten. kal by yfere beginnig
bengik - en juor juor juor. wie by in it kooy-
kand in it widdelment of lang juor. waan
kan opatken. ten kandy kandy. by kandy it by
ten by de juor. ten.*

Tulisan tangan Raden Ajeng Kartini

Gelap Timbullah Terang. Buku ini juga disiarkan dalam bahasa Inggeris dalam akhbar *Atlantis Monthly*. Juga diterjemah ke dalam bahasa Arab oleh seorang wanita Syria, dan salinannya dalam bahasa Perancis disiarkan dalam akhbar *LiAsie Française*. Begitu besar perhatian dunia terhadap surat-surat Kartini terutama terhadap kaum wanita yang diinginkannya maju sejajar dengan golongan wanita negara-negara maju di dunia.

Berikut ini disajikan beberapa petikan surat-surat Kartini yang amat bermakna itu.

Jika saya masih anak-anak ketika kata-kata 'emansipasi' belum ada bunyinya, belum bererti lagi bagi pendengaran saya pula karangan dan kitab-kitab tentang kebangunan kaum puteri masih jauh dari angan-angan saya, tetapi di kala itu telah hidup di dalam hati sanubari saya satu keinginan yang kian lama kuat, ialah keinginan akan bebas, merdeka, berdiri sendiri.

(Surat Kartini kepada Nona Zeehandelaar, 25 Mei 1899)

Bagi saya dua macam bangsawan, ialah bangsawan fikiran dan bangsawan budi. Tidaklah yang lebih gila dan bodoh menurut pendapat saya daripada melihat orang yang menbanggakan asal keturunannya.

(Surat Kartini kepada Nona Zeehandelaar, 18 Ogos 1899)

Langkah besar badanya bagi masyarakat Indonesia bila kaum perempuan dididik baik-baik. Dan untuk keperluan perempuan itu sendiri, berharaplah kami dengan harapan yang sangat supaya disediakan pelajaran dan pendidikan, karena inilah yang akan membawa bahagia baginya.

(Surat Kartini kepada Nona Van Kool, Ogos 1901)

Kami berikhtiar supaya kami teguh sungguh, sehingga kami sanggup menolong diri sendiri. Menolong diri sendiri itu kerap kali lebih sukar daripada menolong orang lain. Dan siapa yang dapat menolong dirinya sendiri, akan dapat menolong orang lain dengan lebih sempurna pula.

(Surat Kartini kepada Nona Abendanon, 12 Disember 1902)

Sudah banyaklah kami berjuang dan menanggung, karena hendak mencapai cita-cita kami. Dan kami percaya bahawa ada kesukaran yang akan kami tempuh, barulah dapat nanti kami tinggalkan



*Raaden Adjeng Kartini berada di antara dua orang
adik-beradiknya.*

segala hal yang tiada menyenangkan hati itu.

(Surat Kartini kepada Tuan Van Kool bertarikh 3 Disember 1903)

Kaum muda di masa ini tidak memandang kaum perempuan dan laki-laki, wajiblah mereka berhubungan. Masing-masing memang dapat memajukan bangsa. Tetapi apabila berkumpul bersatu, mempersatukan tenaga bekerja bersama-sama tentu usaha itu akan lebih besar hasilnya.

(Surat Kartini kepada Nona Abendanon, 30 September 1903)

Tidak peduli agama apa yang dipeluk orang dan bangsa apa mereka itu, jiwa mulia akan tetap mulia juga, dan orang budiman akan budiman juga. Hamba Allah tetap dalam tiap-tiap agama dalam



Raden Adjeng Kartini bersama suaminya

tengah-tengah segala bangsa.

(Surat Kartini kepada Dr. Adriani, 5 Julai 1903)

Demikianlah rupanya hidup ini, ada kalanya tertiarap bangun ada kalanya menang dan kalah.

(Surat Kartini kepada Nona Abendanon, 7 Julai 1903).

Kecerdasan fikiran penduduk bumiputera tiada akan maju dengan pesatnya, apabila kaum perempuan itu ketinggalan dalam usaha tersebut. Perempuan jadi pembawa peradaban.

(Surat Kartini kepada Nona Zeehandelaar, 9 Julai 1901)

Pada 18 September 1904, Kartini meninggal dunia setelah melahirkan seorang putera dan tinggallah sekumpulan surat-surat yang digarap dan dihantar kepada sahabat-sahabatnya menjadi khazanah yang amat bernilai. Di dalam surat-surat itu dengan jelas dan terang tergarap segala cita-cita yang terkandung di dalam hati sanubarinya yang inginkan kemajuan buat puteri-puteri bangsanya Indonesia. Itulah pusaka yang kita warisi daripada perjuangan seorang srikandi yang berjaya besar.

Berikut ini disertakan seni kata Lagu Kartini yang dicipta oleh WR. Supratman yang mengarang lagu 'Indonesia Raya':

LAGU KARTINI

Raden Adjeng Kartini puteri sejati,
Puteri Indonesia, harum namanya,
Raden Adjeng Kartini, pendekar isteri,
Pendekar kaumnya, untuk mulia.

Raden Adjeng Kartini, pendekar isteri,
Pendekar kaum ibu, tanah airnya,
Raden Adjeng Kartini penyuluh budi,
Penyuluh bangsanya, karena cita-citanya.

Raden Adjeng Kartini pendekar jauhari,
Puteri yang berjasa, se-Indonesia,
Raden Adjeng Kartini, puteri yang suci,
Puteri yang Merdeka, cita-citanya.

Refrain:

Wahai Raden Adjeng Kartini
Puteri yang mulia
Sungguh besar cita-citamu
Bagi Indonesia



Wan Hajar

PENGORBANAN IBU AGAR ANAK JADI SULTAN

Wan Hajar binti Wan Ismail ialah permaisuri pertama Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Syah III (1854 – 1879). Wan Hajar juga adalah saudara kandung kepada Wan Muham-mad Saman bin Ismail, Perdana Menteri Negeri Kedah Darul Aman, suatu jawatan yang disandang bersama-sama dengan Tengku Yaakop ibn Sultan Zainal Rasyid Muaz-zam Syah I (1843 – 1854). Wan Muhammad Saman menjadi Perdana Menteri dari tahun 1870 hingga 1898. Beliau adalah keturunan Dato' Seri Paduka Raja Laksamana Kedah.

Perkahwinan Wan Hajar dengan Sultan Ahmad Tajuddin merupakan perkahwinan politik bagi mengukuhkan ikatan dua keluarga itu; selain mengenang jasa Wan Ismail (ayah Wan Hajar) yang memainkan peranan penting mencabar tindakan Raja Muda Tengku Muhammad Said yang hendak merampas kuasa selepas mangkatnya Sultan Zainal Rasyid I. Perkahwinan itu diatur oleh Wan Masheran binti Datuk Seri Paduka Maharaja Sura, Raja Bendahara, bonda Sultan Ahmad Tajuddin.

Wan Hajar telah me-lahirkan beberapa orang putera: Tengku Abdul Hamid, Tengku Abdul Aziz, dan Tengku Mahmud. Seorang lagi permaisuri Sultan Ahmad Tajuddin ialah Wan Jah binti Luang Nik Abidin, anak angkat yang dipelihara oleh Menteri Siam dalam hal-ehwal Kedah. Sultan Ahmad Tajuddin yakin hubungan ini akan menguntungkan kedudukan politiknya dalam hubungan

dengan Siam. Wah Jah telah melahirkan Tengku Putera, Tengku Kasim, Tengku Abdul Jalil dan Tengku Zainal Abidin.

Ketika Sultan Ahmad Tajuddin mangkat pada tahun 1879, maka berlakulah krisis perebutan takhta apabila dua orang putera baginda dikemukakan sebagai calon Sultan. Tengku Dhiauddin (yang pernah menjadi Wizurai mentadbir Selangor bagi pihak Sultan) bersama-sama dengan saudaranya Tengku Yusof mahukan Tengku Putera, anakanda Wan Jah dilantik sebagai Sultan, manakala putera Wan Hajar, Tengku Abdul Hamid, disokong oleh Tengku Yaakop dan Wan Muhammad Saman. Tengku Dhiauddin menyokong putera Wan Jah kerana beliau dengan Wan Jah berbesan, manakala Wan Muhammad Saman menyokong Tengku Abdul Hamid disebabkan Wan Hajar adalah saudaranya dan Tengku Yaakop adinda iparnya. Oleh sebab Tengku Putera dan Tengku Abdul Hamid masih remaja, masing-masing berusia 16 dan 12 tahun niaka harus dilantik seorang Pemangku Raja. Setelah dirujuk ke Siam maka ditetapkan Tengku Dhiauddin dan Tengku Yusuf menjadi 'Pelindung dan Penasihat' Sultan yang diketuai oleh Tengku Yaakop yang pernah menjadi Pemangku Raja dan Perdana Menteri.

Namun demikian keadaan di Kedah masih terus membara kerana tidak ada Sultan yang sah. Tiga orang pembesar yang ada sentiasa bertelagah. Akhirnya kedua-dua calon itu dibawa ke Siam pada 20 Ogos 1879, dipimpin oleh Tengku Dhiauddin dan Tengku Yaakop



Puteri Dunia Melayu



*Wan Hajar Wan Ismail
Bonda Sultan Abdul Hamid Halim Syah*



agar masalah itu diselesaikan oleh Siam. Pada 29 Januari 1880 barulah Siam melantik Tengku Putera sebagai Sultan dengan gelaran Sultan Zainal Rasyid II dan Tengku Abdul Hamid sebagai Raja Muda. Kejayaan Tengku Putera mendapat pengakuan Siam disebabkan baginda lebih tua daripada Tengku Abdul Hamid walaupun bondanya, Wan Jah hanya permaisuri kedua tetapi kedudukannya setaraf dengan Wan Hajar. Selain itu, Siam lebih mengenalinya Wan Jah kerana beliau dibesarkan di Bangkok di rumah Menteri Hal-Ehwal Kedah.

Walaupun Kedah sudah ada Sultan namun itu tidak menyelesaikan masalah perebutan kuasa kerana kedua-dua pihak masih bersengketa. Tiga tahun kemudian, Sultan Zainal Rasyid II mangkat. (Ada pihak yang mengatakan baginda diracun). Krisis takhta bergolok semula. Pihak Tengku Dhiuddin dan Tengku Yusuf sekali lagi mencalonkan putera Wan Jah, iaitu Tengku Kasim, menantu Tengku Dhiuddin; manakala Tengku Yaakop dan Wan Muhammad Saman terus menyokong Tengku Abdul Hamid. Keadaan amat meruncing dan jika dibiarkan dengan tiada penyelesaian tentunya akan melarat menjadi perang saudara. Pada kali ini pun calon yang menentang Tengku Abdul Hamid adalah lebih tua daripadanya. Meskipun beliau memegang jawatan 'Raja Muda' tetapi dalam sejarah Kedah, Raja Muda tidak semestinya mewarisi takhta. Oleh sebab didapati Tengku Kasim tidak berfikirannya wasat maka tentunya Tengku Dhiuddin akan berkuasa sebagai 'Pemangku Raja' jika pihak ini dapat mempengaruhi Siam.

Dalam keadaan yang genting ini, pihak yang menyokong Tengku Abdul Hamid terpaksa bekerja keras dan berkorban agar calon mereka kali ini dapat memerintah Kedah. Di sinilah menonjolnya peranan Wan Hajar yang tiga tahun dahulu telah terlepas peluang anakandanya menaiki takhta walaupun beliau permaisuri yang pertama.

Pada kali ini Wan Hajar terus bertekad agar puteranya berjaya walaupun putera mudanya, Tengku Kasim lebih tua daripada puteranya sendiri. Untuk membiayai perjalanan satu rombongan ke Siam bukanlah perkara biasa. Ia memakan belanja yang besar. Resah dan gelisah hatinya memikirkan rombongan menghantar puteranya ke Siam. Tiap-tiap hari ditanyakan kepada saudaranya,


Wan Muhammad Saman, sama ada sudah cukupkah belanjanya atau belum. Wan Hajar sedar kalau rombongan ke Siam tidak dihantar, peluang Tengku Abdul Hamid menjadi pemerintah Kedah tersangat nipis.

Tengku Yaakop, ketua pihak yang menyokong Tengku Abdul Hamid, menyatakan bahawa Sultan Ahmad Tajuddin II telah berwasiat selepas kemangkatannya, takhta kerajaan hendaklah diserahkan kepada Tengku Putera, dan selepas itu kepada Tengku Abdul Hamid. Walaupun wasiat dalam masyarakat Melayu penting dan harus dipatuhi, namun golongan yang menentang pencalonan Tengku Abdul Hamid tidak mengendharkannya.

Dalam keadaan genting inilah Wan Hajar bertekad keras agar puteranya akan naik takhta kerajaan Kedah, lalu menyerahkan barang kemasanya kepada saudaranya untuk digadai agar wang itu menjadi perbelanjaan utusan ke Bangkok bagi menjamin anakandanya ditabalkan menjadi Sultan. Ini berlaku pada tahun 1881. Pada hari keberangkatan puteranya, Tengku Abdul Hamid datang mengadap bondanya bukan saja untuk menyatakan pemergian rombongannya tetapi terhutang budi yang amat besar atas pengorbanan bondanya. Dengan rasa sebak dan terharu Tengku Abdul Hamid mencucup tangan bondanya, tanda hormat atas asuhan dan panduan hidup yang kelak akan menjadi bekal kepadanya sebagai pemerintah negeri. Walaupun Wan Hajar tidak kelihatan terharu pada wajahnya namun ia sentiasa bersyukur kepada Allah (SWT) kerana menggerakkan hatinya agar berkorban untuk kebaikan putera dan negeri yang bakal diperintahnya. Dengan doa yang tulus ikhlas itu maka Tengku Abdul Hamid dipilih oleh Siam sebagai Sultan Kedah dan adindanya Tengku Abdul Aziz sebagai Raja Muda. Dengan itu kekuasaan pemerintahan beralih kepada putera Wan Hajar, seorang ibu yang kental semangat, sanggup berkorban dan bercita-cita tinggi.

Berkat pengorbanan dan tekad Wan Hajar yang begitu tinggi, Sultan Abdul Hamid Halim Syah merupakan 'Bapa Negeri Kedah moden' yang sekian lama membawa pembangunan dan perubahan pada negeri yang sekian lama ditindas oleh penjajah serta mengalami keadaan ekonomi yang buruk. Baginda memerintah dari tahun 1881 hingga 1943.

SALASILAH WAN HAJAR DAN HUBUNGANNYA DENGAN KERABAT DIRAJA





Paduka Bonda Che' Menjalara

IBU YANG MELAHIRKAN 'BAPA KEMERDEKAAN'

Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, putera terulung negeri Kedah Darul Aman dan Perdana Menteri pertama negara Persekutuan Tanah Melayu (31 Ogos 1957) dan Malaysia (16 September 1963), adalah seorang putera diraja yang berjiwa rakyat. Ayahandanya ialah Sultan Abdul Hamid Halim Syah (memerintah 1881-1943) dan bondanya (Mak Encik) Menjalara, seorang wanita keturunan Siam. Tunku lahir pada 8 Februari 1903 di Alor Setar, di sebuah bangunan tiga tingkat (Istana Tiga Tangga) yang dibina oleh seorang seni bina Cina berbentuk seperti sebuah pagoda.

Walaupun ayahandanya dan Tunku sendiri amat terkenal dalam sejarah, namun tidak ramai yang mengenali ibunya, Menjalara.

Sultan Abdul Hamid mengahwini banyak orang isteri yang melahirkan banyak orang putera dan puteri. Baginda mengahwini Menjalara, isteri baginda yang keenam, pada tahun 1886 tatkala baginda berumur 23 tahun dan Menjalara kira-kira 17 tahun.

Menjalara berasal dari Siam, anak perempuan kepada Luang Nara Borirak. Ayahnya adalah keturunan Chao Phya Maha Kota dan Khun Yip Sup. Chao Phya Maha Kota adalah pemerintah Wilayah Mataban. Ketika Burma menyerang Siam pada tahun 1774, beliau serta keluarganya berundur ke Bangkok, ibu negara yang baru, dan kemudian menjadi Gabenor daerah Meaung Nontaburi

di utara Bangkok. Melalui pangkat dan kebijaksanaannya beliau memperoleh harta yang banyak. Sebahagian harta itu diwarisi kemudiannya oleh Menjalara.

Luang Nara Borirak, keturunan orang besar Mataban itu, mempunyai seorang anak gadis bernama Nearing. Gadis itu juga terkenal dengan nama Menjalara, suatu nama kesukaan bangsa Siam. Pada masa itu antara keluarga diraja Kedah yang selalu mengunjungi Siam, ialah kekanda Sultan Abdul Hamid, Tunku Aminah. Ketika Tunku Aminah berada di Bangkok, beliau terpancang dan tertarik dengan keayuan dan tingkah laku gadis comel itu dan dengan persetujuan Nara Borirak lalu dijadikan anak angkatnya. Gadis kecil itu kemudiannya dibawa balik dan tinggal di Kampung Kepala Bukit dekat Alor Setar. Sejak itu ia dipanggil Menjalara sebab lebih hampir dengan bunyi sebutan Melayu. Tunku Aminah mendapati anak angkatnya itu mempunyai daya tarikan serta kebijaksanaan yang luar biasa, maka dibawanya tinggal bersama-sama bondanya, Wan Hajar. Pada masa itu Wan Hajar atau di kalangan istana disebut 'Mak Wan Besar', bersemayam di bahagian dalam istana yang dikelilingi tembok.

Wan Hajar binti Wan Ismail (sila lihat ceritanya dalam buku ini), kakak Wan Muhammad Saman, Perdana Menteri Kedah pada masa itu, ialah seorang daripada dua Permaisuri Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Syah III. Seorang lagi permaisurinya ialah Wan Jah anak Luang Nik Abidin. Mak Wan Besar yang tertarik dengan



Puteri Dunia Melayu



Puteri - Harau Lar

*Paduka Bonda Che' Menjalara
Bonda YTM Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj*



kesopanan dan keserian wajah Menjalara mengahwinkan gadis itu dengan anaknya sendiri iaitu Sultan Abdul Hamid pada tahun 1886

Antara bulan Disember 1890 dan Oktober 1894, Menjalara melahirkan lima orang putera-puteri; kemudian beliau turut merawat Sultan Abdul Hamid semasa baginda lumpuh. Putera Menjalara yang berikut, iaitu Tunku Abdul Rahman Putra, tidak lahir se- hinggalah pada tahun 1903.

Sebelum kelahiran Tunku Putra berlaku satu peristiwa yang membabitkan Menjalara dan yang secara tidak langsung meramalkan watak anak yang akan dilahirkannya kelak - anak yang penuh dengan sifat keprihatinan dan tidak mementingkan diri sendiri.

Seorang daripada pegawai istana yang amat dipercayai baginda Sultan ialah Penyimpan Mohor Diraja; dialah yang memetri segala dokumen yang dikeluarkan dari pejabat Sultan, dan tanpa cap mohor itu dokumen itu tidak sah. Antara dokumen yang menghendaki kebenaran Sultan dan cap mohor tersebut adalah geran-geran tanah. Pada zaman itu tanah adalah komoditi yang amat dicari-cari, maka pegawai tersebut telah mengeluarkan banyak geran tanah menggunakan cap mohor itu tanpa mendapat izin Sultan, dan menerima wang yang banyak atas perkhidmatan 'gelap' itu. Pada masa itu baginda sedang gering dan Penyimpan Mohor itu menganggap baginda Sultan tidak akan mengetahui akan hal itu.

Sebenarnya hukuman bagi jenayah seperti itu memang diketahui pegawai itu, sebab hukuman tidak berubah selama beberapa abad, yakni hukuman bunuh ke atas Penyimpan Mohor Diraja dan pengudungan ibu jari kanan ke atas isteri serta anak-anak mereka. Hanya baginda Sultan yang boleh menjatuhkan hukuman tersebut. Bagaimanapun, barang yang busuk akan berbau dan perilaku jahat akan menjadi nyata. Berita perihal Penyimpan Mohor Diraja itu akhirnya sampai juga ke pengetahuan Sultan Abdul Hamid apabila sembuh daripada serangan lumpuhnya yang kedua. Penyimpan Mohor itu pun ditangkap lalu dipenjarakan.

Pada satu malam datanglah isteri Penyimpan Mohor itu mengadap

Menjalara di biliknya di Istana Tingkat Tiga yang seperti pagoda itu, lalu merayu dengan tangisnya agar Menjalara dapat memohon ampun terhadap suaminya. Sang isteri tidak ada jalan lain selain merayu dan meratap kepada Menjalara yang diketahui ramai sebagai isteri yang amat dikasihinya Sultan. Walaupun terasa amat berat bagi Menjalara memohon agar dibatal hukuman yang telah dilaksanakan berzaman-zaman itu, namun beliau bersetuju kerana terbayang olehnya sekeluarga menjalani hidup penuh malu tanpa ibu jari kanan disebabkan jenayah seorang yang tamakan wang. Menjalara sedar bahawa perbuatan menyampaikan permohonan itu boleh menjejaskan perkahwinan beliau sendiri, namun beliau berharap kepada Allah (SWT) agar keadilan akan terlaksana.

Ketika itu keadaan kesihatan baginda Sultan dapat dikatakan hampir pulih, namun Menjalara belum lagi hamil. Walaupun begitu beliau memberitahu baginda bahawa beliau baru hamil, dan terus mengingatkan baginda bahawa menurut kepercayaan orang Melayu jikalau salah seorang ibu atau bapa kepada anak di dalam kandungan itu, menyebabkan kecederaan atau pengudungan seseorang maka anak di dalam kandungan akan dilahirkan dengan keadaan cedera atau kudung. Dengan itu beliau memujuk baginda agar menangguhkan sebarang pelaksanaan hukuman ke atas Penyimpan Mohor Diraja itu sehingga beliau melahirkan anaknya.

Sultan Abdul Hamid bersetuju dengan cadangan itu tetapi dalam keadaan menyambut berita penangguhan itu dengan riang, Menjalara berdo'a agar dia dikurniakan anak. Berkat pengharapan yang suci itu, Menjalara pun hamil tidak lama kemudiannya, dan anak yang lahir ini dinamakan Tunku Putra (iaitu Tunku Abdul Rahman Putra al-Hajj). Baginda Sultan pun mengubah hukuman ke atas Penyimpan Mohor Diraja dari dibunuh ke penjara jangka panjang dan menghapuskan hukuman ke atas isteri dan anak-anaknya.

Menjalara amat percaya bahawa keprihatinan dan belas kasihan yang berkaitan dengan kelahiran anaknya itu membezakan Tunku Putra daripada saudara-saudaranya yang lain dan turut mempengaruhi peribadi dan watak Tunku Putra sepanjang hayatnya. Pendapat dan perasaan seorang ibu yang penuh kasih sayang terhadap sesama manusia ini ternyata benar kerana sejarah



Puteri Dimpita Melayu

membuktikan bahawa bangsa Malaysia kini terhutang budi dan jasa kepada seorang putera diraja yang berjwi rakyat. Beliau bukan saja membebaskan bangsanya daripada belenggu penjajahan dengan aman, bahkan membebaskan bangsanya daripada kongkongan kepercayaan lama lalu menganjurkan pemikiran terbuka dan berperasaan penuh kemanusiaan.

Menjalara adalah seorang bonda diraja yang amat mengambil berat tentang pendidikan dan pelajaran anak-anaknya terutamanya

Tunku Putra. Semasa Tunku belajar di Penang Free School, beliau sentiasa menerima barang-barang yang menyenangkan beliau seperti bantal lembut yang bersarung baldi hijau dan bertekad benang emas dengan motif bunga dan daun. Tunku selalu meminjamkan bantalnya ini kepada rakan-rakannya agar mereka pun dapat merasa tidur dengan bantal anak-anak raja. Anaknya yang pertama, Tunku Yusuf yang diambil sebagai anak angkat oleh Raja Chulalongkorn dan menerima pelajaran di Siam dan menjadi 'King's Scholar' di Sekolah Rugby, England dan di Woolwick



Bapa Kemerdekaan Malaysia mengisytiharkan kebebasan daripada British pada 31hb Ogos, 1957 di Kuala Lumpur.



Puteri Dunia Melayu

sebagai kadet, juga membanggakan Menjalara. Anaknya yang kedua, Tunku Mohamed Jawa mendapat didikan Kolej Melayu, Kuala Kangsar. Dengan bantuan Tunku Mohamed Jawa dan pegawai-pegawai tertinggi dalam kerajaan Negeri Kedah termasuklah Penasihat British, Menjalara berjaya mendapatkan Biasiswa Negeri yang pertama untuk Tunku Abdul Rahman Putra.

Untuk mendapat biasiswa ini seseorang pelajar harus lulus Peperiksaan Darjah Tujuh. Tunku tidak sedar tentang hal itu ketika beliau mengambil peperiksaan itu. Berkat doa bondanya Tunku lulus. Pada satu hari guru besarnya, Encik R.A. Pinhon memanggilnya. Tunku berasa agak gentar ketika mengetuk pintu pejabat pegawai pelajaran itu. Tanya Encik Pinhon: "*How would you like to go to university in England?*" Mula-mula Tunku tergamam tak berkata apa-apa; akhirnya beliau menjawab: "*Very much, Sir.*"

Seterusnya kata Guru Besar itu: "*I am recommending you for a Kedah scholarship. Good Luck!*"

Walaupun Tunku keberatan berjauhan dengan bondanya namun itu semua berubah tatkala beliau balik ke Alor Setar dan disambut dengan riang gembira oleh Menjalara yang merancang segala-galanya. Rancangan seorang ibu yang pemurah dan baik hati telah di makbulkan Allah (SWT) dengan sebaik-baiknya. Masa depan Tunku sudah terjamin.


Paduka Bonda Tunku Abdul Rahman Putra, Che' Menjalara meninggal dunia pada 23 April, 1941 dan dikuburkan di Makam Diraja Langgar, Alor Setar, Kedah. Di Kampung Kepala Bukit dekat Alor Setar sebuah masjid telah di bina bagi mengenang seorang tokoh yang pernah bermastautin di situ dengan nama Masjid Hamidi Menjalara.

*Bunga melati di dalam puan,
Dara berdendang sambil menari;
Jangan menjadi seperti dian,
Menerangi orang membakar diri.*

*Buah cempedak di hutan duri,
Jatuh sebiji dimakan ulat;
Jikalau tidak bahasa dan budi,
Apa guna kaya berdaulat.*



SALAHSILAH PADUKA BONDACHIE MENJALARA





Ratu Rajapatni

DARI RATU MENJADI PENASIHAT RATU

Tanah Jawa terkenal dengan tinggalkan-tinggalan lama yang berupa pelbagai candi, arca dan patung yang menggambarkan hasil budaya Hinduisme dan Buddhisme. Patung yang paling cantik pernah dihasilkan di Jawa Timur ialah

wajah Prajnyaparamita di Singasari. Dalam ajaran Buddhisme, dewi Prajnyaparamita adalah penjelmaan nilai-nilai Bodhisattwa: Kesempurnaan Kesedaran (*the Perfection of Insight*). Arca ini berupa seorang puteri memakai mahkota, duduk bersila, tingannya membentuk suatu *mudra*. Keadaan wajahnya menunjukkan ketenangan, kebijaksanaan dan kepatuhan.

Menurut *Nagarakretagama* lagu II/I, Puteri Gayatri yang juga terkenal sebagai Rajapatni, telah menganut Buddhisme dan akhirnya menjadi seorang *bhiksuni* di hari tuanya. Beliau me ninggal dalam tahun 1350 dan mayatnya dimakamkan di Kamal Pandak. *Nagarakretagama* lagu LXIX/I merakamkan bahawa makam beliau dinamakan Prajnyaparamita puri dan wajah beliau telah diterapkan pada arca Dewi Prajnyaparamita. Ertinya setelah meninggal dunia Puteri Gayatri/Rajapatni telah diangkat menjadi dewi dengan segala sifat dan nila Prajnyaparamita. Beliau adalah penasihat bijaksana

kepada Ratu Tribhuwanatungadewi, Maharatu Majapahit (1329–1351).

Menurut *Nagarakretagama* lagu XLVI/1-2 menyebut bahawa Raja Kertarajasa Jayawardhana (1293–1309) telah berkahwin dengan empat orang puteri mendiang Raja Kerta-nagara, iaitu: Tribhuwana, Jayendradewi, Rajen-dradewi dan Gayatri. Menurut inskripsi pada *Pe-nanggung* tahun 1305, tiap-tiap puteri itu diperjelas :

Tribhuwana Mahadewi adalah seorang pelakon lucu, cukup pantas dengan permainan kata-kata serta cerita-cerita lucu; Jayendradewi yang juga bernama Narendraduhita adalah kesayangan raja; Rajendradewi juga dipanggil Prajnyaparamita mempunyai banyak sifat terpuji dan amat taat dan setia; Gayatri juga terkenal sebagai Rajapatni adalah yang bongsu dan yang paling cantik antara mereka, bagi sebutir mutiara cemerlang dan gilang gemilang cahayanya, yang menarik kesayangan dan belas kasih segala orang. Hubungan puteri ini dengan raja dapat diibaratkan umpama hubungan dewi Uma dengan dewa Siva. Beliau melahirkan dua orang puteri, yang bernama Tribhuwanatungadewi dan Dyah Wiyah Sri Rajadewi yang menjadi sumber kebahagiaannya.



Ratu Rajapatni

Pada zaman Singasari-Majapahit terdapat dua jenis gelaran yang menunjukkan status kelahiran pemegangnya, iaitu *Dyah* dan *Pu*. Hanya keturunan terdekat raja-raja, tak kira laki-laki atau perempuan, yang layak memakai gelaran *Dyah*. Misalnya, Dyah Hayam Wuruk Sri Rajasanagara. Keempat-empat puteri yang dikahwini Nararya Sanggrama Wijaya (Raja Kertarajasa) juga memakai gelaran Dyah seperti yang telah dirakamkan dalam inskripsi *Nagarakretagama* tahun 1296. Diseritakan senarai nama dan gelaran penuh keempat-empat puteri itu di bawah ini :

1. Dyah Dewi Tribhuwana Iswari Sri Maha Dewi
2. Dyah Dewi Narendraduhita Sri Jayendradewi
3. Dyah Dewi Prajnyaparamita Sri Rajendradewi
4. Dyah Dewi Gayatri Kumara Rajasa

Orang lain yang bukan keturunan raja memakai gelaran *Pu* atau *Mpu*, misalnya rakryan patik Kahuripan ialah Mpu Tandii, dan rakryan patih Majapahit, Janggala dan Kediri, Mpu Mada. Namun perjalanan sejarah telah menyebabkan beberapa perubahan dalam pemakaian gelaran di Majapahit.

Dyah Dewi Gayatri, merupakan seorang yang ideal bukan sahaja sebagai puteri raja, bahkan sebagai isteri raja dan ibu kepada dua orang puteri. Segala perihal keistanaan, kebudayaan bangsa dan keagamaan dipatuhi dan dilalaminya. Disebabkan beliau adalah isteri yang paling disayangi oleh Raja Kertarajasa, maka setelah raja itu meninggal dunia, dan setelah meninggalnya Jayanagara (1309-1328), Puteri Gayatri adalah calon yang paling layak memaiki takhta kerajaan Majapahit, namun beliau menolak. Dengan sukarela, beliau menyerahkan takhta itu kepada puteri sulungnya, Tribhuwanatunggadewi.

Semasa pemerintahan Ratu Tribhuwanatunggadewi Jayawisnuwardhani, Ratu Gayatri merupakan penasihat kepada puteri sulung baginda itu, dan dikatakan pada zaman pemerintahan puteri sulungnya itu negara agak aman.

Majapahit semakin makmur dan kuasanya sendiri semakin meluas, yang nanti akan sampai ke puncaknya pada zaman pemerintahan putera baginda, iaitu Dyah Hayum Wuruk Rajasanagara (1351-1389). Keamanan, kemakmuran dan perluasan kuasa Majapahit itu

mungkin juga kerana Majapahit pada masa itu diketuai seorang menteri yang amat bijaksana dan gagah, iaitu Patih Gajah Mada yang bertugas sebagai mangkubumi pada kedua-dua zaman itu.

Pada tahun 1343, sebuah manjusi telah dibangunkan oleh menteri kanan Pu Adityawarman. Inskripsi dalam bahasa Sanskrit itu menyebutkan : "Sebuah manjusi telah dibina di tempat ibadat Jinalaya oleh Arya Wangsadiraja. Adityawarman, seorang menteri kanan dan bertalian darah dengan Ratu Rajapatni, penguasa Jawa, telah membina tempat ibadat ini dalam negara baginda dalam tahun saka 1265. Semoga baginda berkenan dan redha di dalam dunia ini dan di akhirat".

Manjusi ialah Bodhisattwa yang biasanya digambarkan memegang pedang terhunus di sebelah tangan untuk menghapuskan kesalahan dan kepalsuan, dan sebuah buku di tangan yang lain yang menerangkan sepuluh kesempurnaan unggul yang dipanggil *paramita*, yang telah digubal oleh para Bodhisattwa. Manjusi yang terbina itu merupakan Pu Adityawarman manakala sepuluh paramita adalah kod etika dan nilai yang dipegang oleh Ratu Raja-patni serta para menteri Majapahit.

Apakah sepuluh paramita yang dianuti Ratu Rajapatni sehingga baginda akhirnya dihubungkan dengan Dewi Prajnyaparamita setelah baginda mangkat? Sepuluh paramita itu adalah:

1. *dana* – derma (wang, bantuan, khidmat) kepada sesama manusia atas rasa belas-kasih
2. *sila* – perilaku yang baik atau kelakuan yang menurut adab dan kesopanan yang ditetapkan
3. *ksanti* – kesabaran mengawal diri; toleransi terhadap orang lain
4. *virga* – keberanian, berani kerana benar
5. *dhyana* – tafakkur, menghisab diri
6. *prajna* – kesedaran tentang diri, alam dan Maha Pencipta
7. *upayakausalya* – daya usaha, kaedah yang membawa faedah
8. *pranidhana* – kuasa dan batasan kuasa
9. *bala* – kuasa dan batasan kuasa
10. *jnana* – ilmu pengetahuan, maklumat penting untuk menjalani hidup

Seperti yang dianjurkan dan diamalkan oleh Ratu Rajapatni beserta




Puteri Dunia Melayu

Ratu Tribhuwanatungadewi, puteri sulungnya, demikian yang diamalkan oleh Pu Adityawarman yang kelak menjadi raja di Palembang. Kedua-dua mereka, Ratu Rajapatni dan juga Pu Adityawarman adalah penganut agama Buddha maka persembahan manjuri oleh Adityawarman kepada Ratu Rajapatni adalah sesuai, dan menunjukkan bahawa mereka mempunyai pertalian darah dan agama.

Gambaran yang kita dapat tentang Ratu Rajapatni atau Puteri


Gayatri ini ialah seorang puteri yang tidak suka memerintah, mungkin kerana beliau tidak suka menggunakan kuasa atau menyalahi kuasa mutlak yang bakal dipegang baginda. Maka baginda memilih jalan yang berperanan sebagai penasihat kepada puteri sulung baginda yang memerintah selama 22 tahun. Kemudian pada masa tua baginda tentu menumpukan masa dalam beramal dan beribadat kerana dikatakan baginda menjadi *bhiksuni* (sami wanita) sehingga kemangkatan baginda pada 1350 lalu didedahkan sebagai Dewi Prajnyaparamita.



Mata wang Majapahit



SALASILAH RATU RAJAPATNI TRIBUWANATUNGGADEWI,
 RATU SUHITA DAN DINASTI RAJASA





Ratu Wandan Lari

PATUH PENUH PADA ADAT KESATERIA

Kerajaan Mataram di Pulau Jawa akhirnya diperintah oleh Mas Rangsang yang menggantikan ayahnya Mas Jolang yang mangkat pada tahun 1613. Mas Rangsang membentuk Falsafah Negara yang menggabungkan fahaman lama (Hindu) dengan fahaman baru (Islam) seperti Kertanegara sebelumnya yang menyatukan fahaman Siva dan Buddha. Dicarinya mana-mana yang sama, dicampurbaurkan menjadi gaulan baru yang tidak Hindu lagi, dan nyata tidak pula Islam.

Baginda memakai gelaran 'Sentopati Ing Alogo' (Ketua Bala Tentera) pada nama Islamnya, Ngabdurrahman. Selain itu ditambah lagi gelaran 'Prabu Pandito Cokrokusomo' juga disebut 'Hanyokrokusomo' dan pernah menghantar utusan ke Mekah agar Syarif Mekah mengakui baginda sebagai 'Sultan' Tanah Jawa. Maka masyhurlah baginda dengan gelaran Sultan Agung.


Namun begitu pihak pendakwah Islam, termasuk dua orang antara Wali Songo yang hidup di pesisiran utara Jawa memandang bahawa falsafah yang diutarakan Sultan Agung itu membahayakan perkembangan Islam walaupun diakui suatu perkara yang bijak. Namun, pihak yang masih kuat pada agama lama menganggap baginda 'Prabu Pandito' dan orang Islam pula rela kerana baginda juga 'Sultan Ngabdurrahman Sayyidin Panatagama (Yang

Dipertuan Pengatur Agama) maka kian terasalah perbezaan antara 'Islam Pesisir' yang tulen, dan 'Islam Pedalaman' yang kacukan.

Oleh itu diperteguhkan Giri sebagai benteng Islam dan pusat penyiaran Islam. Dengan itu Sunan Giri (Raden Paku) diakui sebagai Sultan Agama. Antara yang terpengaruh oleh ajaran Giri ialah Adipati Surabaya, Pangeran Faqih.

Sultan Agung mempunyai cita-cita ingin menyatukan seluruh Tanah Jawa, bahkan di luarnya, ke bawah satu pemerintahan yakni pemerintahan baginda. Cirebon sudah ditaklukinya manakala Palembang dan Jambi cuba dipengarui. Dalam masa itu baginda menerima tentangan dari Kompeni Belanda (Syarikat Hindia Timur Belanda) di bawah musuh besarnya Jan Pieterzon Coen, dan daripada bangsanya sendiri di kawasan Jawa Timur.

Mendengar Belanda hendak membuat hubungan dengan Adipati Surabaya, baginda menyuruh tenteranya di bawah pimpinan Suroantani menakluk Jawa-Timur. Serta-merta Adipati Surabaya bersatu dengan bupati-bupati lain (Lasem, Tuban, Jaraton, Wirosobo, Pasuran dan Arisbaya di Madura serta Sumenep), bukan sahaja akan bertahan tetapi akan meyerang Mataram. Sayangnya sesampai di Pajang tentera itu kekurangan makanan lalu dikalahkan oleh Sultan Agung pada tahun 1615. Tujuh tahun kemudian banyak daerah baginda di takluki: Lasem, Pasuruan,



Seorang puteri berpakaian perajurit dengan busur dan panah.

Sumber: DWI Dana Wana, Timan, Alor Indonesia, Batak.



Puteri Dunia Melayu

Tuban, Gerisik dan Jaratan. Pada tahun 1622 Madura pula diserang dan setelah bertahun dengan gigih jatuh juga kepada tentera Mataram. Raden Praseno, anak saudara Bupati Arisabaya, seorang anak tempatan diangkat menjadi Adipati seluruh Madura, digelar Cakraningrat dan mendapat gelaran Pangeran.

Setelah Madura ditakluknya, Sultan Agung menghalakan tenteranya untuk menakluk Surabaya. Oleh kerana tidak lagi mengharapakan bantuan daripada Madura, sementara angkatan Mataram itu besar maka Adipati Surabaya, Pangeran Faqih, mengirim utusan kepada Sultan Agung menyatakan beliau ingin berdamai. Apabila Pangeran Faqih datang menghadap Sultan Agung, beliau disambut dengan segala kebesaran yang layak bagi raja yang besar. Tidak seorang pun berkelakuan angkuh, bahkan beliau dilayani bukan sebagai musuh.

Tatkala itulah Sultan Agung mempamerkan kebesaran jiwanya, walaupun baginda seorang 'Senopati', Ketua Perang yang gagah perkasa. Baginda tidak berwujud garang atau marah, bahkan muka manis yang dirunjukkan kepada musuhnya. Hasrat baginda hendak menakluk Surabaya dengan kasih sayang! Yang dibicarakan tidak lagi urusan penyerahan kuasa, tetapi seolah-olah 'meminang' Pangeran Faqih dengan kata-kata yang mengjutkan:

"Sudi apalah kiranya Pangeran Faqih yang dihormati menerima puteri beta, Puteri Wandan Sari, menyerikan istana Pangeran yang mulia di Surabaya."

Tentu saja Pangeran Faqih tidak percaya akan kata-kata yang masuk ke telinganya. Beberapa saat Adipati Surabaya itu terpegun, menantikan Sultan Agung menyatakan bahawa kata-kata tadi adalah olok-olok sahaja. Melihat wajah Pangeran Faqih yang kurang percaya itu, maka titah Sultan Agung:

"Beta tidak bergurau, Pangeran Faqih. Memang benar Puteri Wandan Sari akan Pangeran peristeri dan tinggal di Surabaya. Ini besar ertinya, Pangeran, kerana puteri beta itu amat beta kasih bagi menatang minyak yang penuh."

Inilah satu siasah politik yang cukup licin dalam sejarah Mataram bahkan di Tanah Jawa, satu tawaran yang sukar ditolak. Mula-mula

Pangeran datang menghadap hanya untuk berdamai, tidak mengharap apa-apa selain berdamai tetapi menerima puteri Sultan Agung memang tidak diduga. Apatah lagi menerima seorang puteri yang memang cantik rupawan. Maka tanpa perang dan kehilangan nyawa tertaklukkan Surabaya dengan Puteri Wandan Sari menjadi Ratu di Surabaya dan dengan demikian Surabaya menyembah ke Mataram.

Puteri Wandan Sari bukan saja puteri yang cantik jelita bahkan sebijak ayahandanya dan telah dididik agar menurut kata-kata ayahandanya demi kebesaran Sultan Agung dan kedaulatan Mataram. Di Surabaya, Puteri Wandan Sari terus memujuk suaminya, Pangeran Faqih, agar menyerang Giri. Menyerang tempat beliau berakar-umbi dalam agamanya, seolah-olah menikam ibu bapanya sendiri. Itulah suatu ujian yang amat besar bagi Adipati Surabaya. Pujukan dan cumbuan isterinya datang bertubi-tubi, kadang-kadang dengan suara manja, kadang-kadang dengan tindakan merajuk. Akhirnya bertekadlah Adipati Surabaya akan menyerang Giri, tempat kediaman para gurunya. Tetapi serangan yang dilakukan Pangeran Faqih itu gagal kerana pihak Giri dapat bertahan dengan gigih. Akhirnya, Puteri Wandan Sari, yang melihat suaminya bersusah-payah sebagai akibat desakannya, beliau sendiri mengelapai tentera Surabaya dengan memakai pakaian lelaki. Barulah Giri dapat dikalahkan dan Sunan Giri ditawan dan dibawa ke Mataram.

Sikap Sunan Giri terhadap Sultan Agung bukan seperti seorang tawanan terhadap seorang raja penakluk. Beliau menyatakan terus terang beliau tidak puas hati kerana Sultan Mataram tidak betul-betul menegakkan Islam. Sultan Agung pula memela diri dengan berjanji tidak akan mengganggu perkembangan Islam dan kepimpinan Sunan Giri dalam hal ehwal agama.

Sunan Giri dibebaskan dan diberi izin memerintah Giri sebagai sedia kala. Cuma gelarannya sebagai 'Sunan' diturunkan menjadi 'Panembahan' saja. Begitulah pertelagahan antara pihak Pesisir dan Pedalaman pada zaman itu. Bagi Sultan Agung seluruh penaklukan yang dilakukan ke atas Jawa Barat dan Jawa Timur adalah suatu rancangan menyatupadukan Tanah Jawa, dalam rangka menghadapi musuh yang lebih besar, iaitu Kompeni Hindia Timur Belanda.





Puteri Dunia Melayu

Baginda pernah mengatur tentera mengempur dan mengepung Jakarta namun tidak berhasil. Belanda yang berjaya memutuskan hubungan Jawa dan Indonesia Timur, sentiasa menjadi duri dalam dagingnya sehingga baginda mangkat pada tahun 1654.

Akan Ratu Wandan Sari, sudah tentu baginda berasa amat bangga kerana berjaya melaksanakan kemahuan ayahandanya dan membantu suaminya. Satu perkara luar biasa yang dilakukan baginda ialah menonjolnya peranan baginda sebagai puteri kraton yang beradab dan sopan santun dengan kelembutan wanita, dengan tiba-tiba berubah watak menjadi panglima perang. Mungkin baginda dilatih ayahandanya, Sultan Agung, dalam perihal berperang serta taktik militer. Kalau tidak masakan baginda dapat menakluki Giri yang gagal dilaksanakan suaminya. Mungkin juga

sang suami, Pangeran Faqih, tiada semangat menerangi rakan seagamanya, maka puteri ini menyelesaikan tuntutan ayahandanya. Baginya taat setia tidak berbelah-bagi. Apa-apa yang dijanjikan itulah yang ditunaikan. Bagai permainan catur, baginda berubah daripada 'bidak' menjadi 'kuda'. Inilah peranan besar baginda dalam membantu raja dan negeri Mataram. Asalkan matlamat tercapai tidak kira peranan yang harus dilakukan. Jelas baginda nekad sekali agar perintah rajanya (yang juga ayahandanya) dilaksanakan dengan baik dan berkesan. Tentunya baginda berasa puas hati dan bangga dengan hasil perjuangannya; apatah lagi dengan puji-pujian Sultan Agung sendiri. Titah perintah raja berlalu, tugas khidmat hamba berlaku. Itulah adat kesateria bangsawan pada masa itu dan Ratu Wandan Sari telah menyempurnakannya dengan cemerlang.



Kendi tanah liat buatan Jawa.



Tun Senaja

PEMILILIHAN BENDAHARA OLEH KATA HIKMAT

*S*ulalatus-Salatin (*Sejarah Melayu*) edisi A. Samad Ahmad, hal 100 menyatakan : Bermula akan Seri Nara Diraja [Tun Ali] pun beranak dengan Tun Kudu [kakak Tun Perak] tiga orang, yang tua lelaki bernama Tun Tahir [yang kemudian mengganti ayahnya sebagai Penghulu Bendahari Seri Nara Diraja], yang tengah perempuan bernama Tun Senaja [yang dikahwini Sultan Alauddin Ri'ayat Syah (1477-1488)], yang bongsu lelaki bernama Tun Mutahir [yang kemudian menjadi Temenggung Seri Maharaja], terlalu baik rupanya.

Tun Senaja, sebagai anak seorang pembesar Melaka tentunya mendapat segala pendidikan yang cukup, baik bidang agama, adat istiadat dan resam hidup budaya Melayu. Ayahnya, walaupun sudah tua, pernah menjadi Bendahara pada zaman Sultan Muzaffar Syah (1444 -1458) tetapi setelah berkahwin dengan Tun Kudu, seorang isteri Sultan Muzaffar maka beliau turun pangkat 'satu tangga' untuk memberi laluan kepada iparnya, Tun Perak, menjabat jawatan Bendahara. Pengasuh Tun Senaja

yang utama tentunya bondanya sendiri, Tun Kudu yang terkenal cantik itu. Bahkan wajah Tun Senaja seakan-akan wajah bondanya yang ayu dengan hidung mancung (dari ayahnya Tun Ali) terbentuk cantik di wajah yang jelita.



Tatkala Raja Raden/Raja Hussein menjadi raja, baginda berkahwin dengan gadis di kalangan raja-raja dan hasil daripada perkongsian hidup itu lahirlah Raja Munawar (yang menjadi raja di Kampar) dan Raja Zainal (yang kemudian dibunuh oleh Sultan Mahmud Syah). Ketika itu Tun Senaja mungkin belum cukup umur. Kemudian, Sultan Alauddin Ri'ayat Syah menaiki takhta dan mungkin setelah melihat Tun Senaja maka terus dipinang dan daripada perkahwinan itu lahirlah Raja Hitam, seorang putera, Raja Muhammad (yang kemudian menjadi Sultan Mahmud Syah) dan Raja Fatimah, seorang puteri.

Sejarah Melayu (Raffles MS no.18, edisi Winstedt) mencatatkan : "Adapun akan Sultan Alauddin itu terlalu perka tiada berbagai pada zaman itu".

Baginda selalu meronda keliling Melaka bersama-sama dua orang pengiring baginda, Hang Ishak dan Hang Stak. Dan baginda bertiga



berjaya membunuh dua orang pencuri pada satu malam. Temengung pada masa itu ialah Tun Mutahir, adik Tun Senaja. Selepas peristiwa itu Tun Mutahir pun berkawal terlalu keras melaksanakan hukum hudud.

Zaman Sultan Alauddin ini beberapa peristiwa penting telah berlaku. Yang amat ditakuti ialah peperangan dengan Aru, namun berakhir dengan damai. Sultan Alauddin amat suka bermain sukan maka selalu dijemput raja-raja untuk bertanding di Melaka. Menurut tulisan Portugis, baginda telah bersiap sedia untuk membawa keluarga diraja belayar ke Mekah untuk menunaikan haji. Baginda sendiri yang warak dan dalam ilmu agama itu mengajar mereka, tetapi rancangan ini kononnya tidak disukai sesetengah mereka maka dikatakan baginda diracun.

Dengan kegangkatan Sultan Alauddin, maka Tun Senaja menjadi janda dan tugasnya memelihara anak cucu baginda. Baginda terus tinggal di istana Melaka, mungkin memberi nasihat atau teguran kepada kaum keluarganya. Kini tinggal berleluasa di kalangan keluarga baginda ialah Tun Tahir yang jadi Penghulu Bendahari (jawatan kedua selepas Bendahara, yang dipegang oleh Tun Perpatih Putih pada akhir abad ke-15).

Apabila Bendahara Tun Putih meninggal dunia (sekitar 1500), semasa pencalonan ke jawatan Bendahara sedang berjalan lalu timbulnya hasrat Tun Senaja agar adiknya, Tun Mutahir, dapat memegang jawatan itu.

Di halaman istana Sultan Mahmud Syah, Melaka sedang berbaris sembilan orang kenamaan Melaka. Mereka ialah Tun Muhammad Paduka Tuan, Tun Zainal Abidin, Tun Telanai, Seri Nara Diraja Tun Tahir, Seri Maharaja Tun Mutahir, Seri Dewa Raja, Tun Abu Saiyid, Tun Abdul dan Tun Bijaya Maha Menteri.

Mengapakah mereka ini berbaris di hadapan istana Raja Melaka? Sultan Mahmud bertitah agar dihindarkan semua calon yang akan menjadi Bendahara negeri Melaka. D daripada barisan sembilan orang calon daripada menteri-menteri kanan Melaka itu maka baginda dapatalah membuat penilaian siapakah yang paling layak menjadi Bendahara Melaka, maka berdirilah berbanjar di hadapan istana Sultan Mahmud, maka titah baginda:

"Siapa antara orang kaya-kaya ini akan jadi Bendahara?"

Sembah Paduka Tuan:

"Patik sekelian sembilan orang ini semuanya patut jadi Bendahara. Barang siapa yang dikehendaki Duli Yang Dipertuan itulah jadi Bendahara."

Itulah skenario yang digambarkan di dalam *Sejarah Melayu*, satu peristiwa yang amat penting dalam menentukan pentadbiran kerajaan dan liru-liru hidup penduduk Melaka dan para pedagang antarabangsa pada masa itu dan masa hadapan.

Pada Sultan Mahmud Syah barangkali kesemua calon yang berbaris di hadapan baginda sudah dikenali benar, baik watak mahupun perilakunya, baik pengalaman mahupun kebolehan, baik kekuatan mahupun kelemahannya. Baginda juga mungkin sudah menimbangkan keupayaan dan kemahiran dua atau tiga calon yang ada di hadapan baginda.

Bagi yang tidak pernah membaca *Sejarah Melayu* atau jarang-jarang meneliti watak-watak dalam zaman Melaka maka elok juga kita teliti siapakah calon-calon itu.

Pertama, Tun Muhammad Paduka Tuan yang disebut calon paling utama oleh pengarang *Sejarah Melayu* ialah salah seorang anak Bendahara Tun Perak (abang Bendahara Putih yang baru meninggal itu). Sebelum bergelar 'Paduka Tuan' tokoh ini sudah pun bergelar 'Tun Pikrama' suatu gelaran yang tergolong sebagai bakal Bendahara. Kemudian oleh kegagahannya bertempur dalam Perang Pasai maka dianugerahkan gelaran 'Paduka Tuan'. Kemudian pada zaman Sultan Alauddin Ri'ayat Syah (ayahanda Sultan Mahmud Syah) dititah mengahului angkatan Aru yang datang menyerang Melaka. Tun Muhammad juga mengetuai angkatan Melaka menundukkan Manjong di Perak, iaitu pada masa ayah-saudaranya, Tun Perpatih Putih menjadi Bendahara. Beliau jugalah satu-satunya pemain catur yang dapat melawan pakar catur dari Pasai.

Kedua, Tun Zainal Abidin juga anak Bendahara Tun Perak. Tidak diketahui gelaran atau jawatannya di istana. Beliau tinggal di Lubuk Cina dan digelar Datuk Lubuk Cina. Beliau ini dikenang



Puteri Dunia Melayu

kerana melahirkan zuriat yang, kalau lelaki handal-handal belaka dan kalau perempuan cantik-cantik pula. Beliau beranak lima orang: tiga laki-laki iaitu Tun Salehuddin, Tun Hasanuddin dan Tun Muhiyaddin. Seorang daripada anak-perempuan beliau diperisteri oleh Seri Maharaja Tun Mutahir. Ketiga-tiga anak lelakinya menunjukkan sifat-sifat kepahlawanan yang luar biasa tatkala Portugis menyerang Melaka; Tun Salehuddin syahid manakala Tun Muhiyaddin (yang digelar Tun Mai Ular Bulu, memegang jawatan Temenggung pada masa itu) luka parah.

Ketiga, Tun Telanai, ialah anak Bendahara Tun Perak yang pada masa itu sudah tua. Beliau telah berkhidmat pada zaman Sultan Mansur Syah sebagai utusan ke negeri Siam. Tun Telanai juga dapat berbicara secara bijak di istana raja Siam dan membantu Siam menyerang musuh negara Siam. Tun Telanai dianugerahkan seorang puteri, Wanang Minang Hang, untuk diperisterikannya, kerana mengenang jasanya membantu Siam.

Keempat, Seri Nara Diraja Tun Tahir ialah anak Seri Nara Diraja Tun Ali, saudara tua Tun Senaja dan Tun Mutahir dan yang bongsu lelaki, Tun Mutahir. Tun Tahir menjadi Penghulu Bendahari dan Tun Mutahir menjadi Temenggung.

Kelima, Seri Maharaja Tun Mutahir yang diangkat menjadi Temenggung oleh Sultan Mansur Syah. Kedua-dua, Tun Tahir dan Tun Mutahir ini telah diberi modal oleh Tun Perak supaya melabur dan berniaga sebelum memegang jawatan di istana.

Keenam, Seri Dewa Raja iaitu anak bongsu Bendahara Tun Perak. Beliau pakar gajah dan disayangi Sultan Mahmud, Sultan Mahmud yang suka bermain muda, pada satu malam telah memberi sirih kepada seorang pengikutnya, Tun Ali Sandang, supaya membunuh seorang pemuda yang sedang melawat Tun Dewi yang digilai baginda. Setelah pembunuhan itu Tun Ali Sandang lari ke merata negeri, takut akan Seri Dewa Raja kerana pemuda yang dibunuhnya ada pertalian keluarga dengan Seri Dewa Raja. Sekembalinya ke Melaka, walaupun dipinta Sultan agar Tun Ali Sandang diampunkan namun Seri Dewa Raja mencambuk kepalanya dengan kusa gajah, dan baginda tidak dapat berbuat



Baju kebaya kain sutera Cina yang cantik ini menjadi rebutan wanita pada zaman Melaka. Dipadankan dengan kain tenun songket dari Palembang serta selendang panjang kain corak limar.

Tissara Jabatan Muzium dan Antikuiti

apa-apa.

Ketujuh, Tun Abu Saiyid anak Bendahara Perpatih Putih. Beliau bergelar Seri Amar Bangsa, seorang menteri di istana Melaka. Tidak banyak diperihai tentangnya selain mempunyai seorang anak lelaki bernama Tun Muhammad yang menurut *Sejarah Melayu* : "... jika daripada pihak anak Melayu ialah alim, tahu akan saraf dan nahu sedikit, dan tahu akan ilmu fikah sedikit."

Kelapan, Tun Abdul (Abdullah) bergelar Seri Nara Wangsa, anak Seri Nara Diraja Tun Ali, lain bonda selain Tun Kudu. Beliau semenjak kecil lagi terlalu olahan [berperangai ganjil]. Jika membuang kuku tiga hari baru sudah. Jika berkuda berlegar pada bayang-bayang panas. Dan jika berpakaian dan bersolek, bak kata orang dulu-dulu 'berpenanak', artinya berkali-kali menanak nasi pun tak sudah-sudah. Namun begitu kalau ditilik daripada gelarannya, beliau seorang menteri.

Kesembilan, Tun Bijaya Maha Menteri juga anak Seri Diraja Tun Ali dengan seorang gundik. Dulu namanya Tun Naina Madi tetapi tidak diakui Tun Ali kerana takut akan isterinya. Setelah isterinya meninggal dunia baru Tun Ali berani menyatakan kepada ramai itulah anaknya. Sultan Muzaffar Syah menggelarnya Tun Bijaya Maha Menteri. Beliau turut bersama Bendahara Tun Perak menakluk Pahang dan berperang di Pasai. Pada zaman Sultan Mahmud ini beliau sebenarnya sudah tua.

Kembali kepada Sultan Mahmud Syah yang berdiri di sebuah tingkap istana memerhati dan menilai sembilan orang menterinya lima dari keluarga Tun Perak dan empat dari keluarga Tun Ali masing-masing menanti akan keputusan Sultan Mahmud Syah. Jika ditinjau dari keluarga Tun Perak, dua orang mempunyai harapan cerah iaitu Paduka Tuan dan Seri Dewa Raja manakala dua orang dari keluarga Tun Ali ialah Tun Tahir (pada masa itu memegang jawatan Penghulu Bendahari) dan Tun Mutahir (pada masa itu memegang jawatan Temenggung, pangkat ketiga selepas Bendahara). Semasa Sultan Mahmud sedang memeriksa dan meni-

lai para calon Bendahara, bonda Sultan Mahmud iaitu, Tun Senaja permaisuri almarhum Sultan Alauddin Ri'ayat Syah ada menegok-negok dari balik pintu hampir dengan Sultan Mahmud yang masih belum membuat keputusan.

Maka kata Tun Senaja kepada anakanda baginda: "Tuan, Pak Mutahir itulah jadian Bendahara."

Tentang perlantikan itu *Sejarah Melayu* mencatatkan: Maka sekalain orang pun sukalah, dan segala saudaranya pun kabullah [bersetuju] akan Seri Maharaja jadi Bendahara. Maka datanglah persalinan seperti mana adat Bendahara dan dianugerahi karas bandan [kotak alat tulis] dengan selengkap alatnya. Adapun akan adat dahulu kala, apabila orang jadi Bendahara, atau jadi Penghulu Bendahari, dan Temenggung, dan Menteri, dianugerahi baju sakhlai dan karas bandan selengkap alatnya, tetapi Penghulu Bendahari, dan Temenggung, dan Menteri tiada berkobak hanya Bendahara berkobak dan buli-buli dakwat: jika jadi Temenggung dianugerahi tombak bertetapan.

Setelah Seri Maharaja jadi Bendahara, bergelar Bendahara Seri Maharaja, maka negeri Melaka pun makin makmurlah lagi dengan ramainya, kerana Bendahara Seri Maharaja terlalu saksama, serta adil dengan murahnya; dan terlalu baik budi pekertinya pada membaiki orang dan terlalu sangat memeliharaikan segala dagang. Maka akan kapal dari atas angin apabila akan belayar ke Melaka, serta ia membongkar sauh, maka selawatlah mutlim, disahuti nakhoda dengan segala kiwi [penyewa petak perahu] :

*Selamat bandar Melakal
Pisang jarum, air Bukit China
Bendahara Seri Maharaja*

Begitulah kasihnya seorang perempuan, seorang lakak kepada adiknya, iaitu Tun Senaja kepada adindanya, Tun Mutahir, Kalimatnya turut merubah sejarah Melaka, dan secara tidak langsung sejarah Dunia Melayu.



Puteri Wanang Kemuning

PUTERI TAWANAN PENGASAS DINASTI DIRAJA NEGERI PERAK

Pada zaman Sultan Mahmud Syah (1488 – 1578) memerintah Melaka Darul-'Azim, empayar Melaka sudah sampai tingkat perluasan yang maksimum, namun begitu negeri Kelantan belum lagi masuk ke bawah naungannya. Oleh sebab pengaruh Siam semakin kuat di Kelantan maka sebelum negeri itu jatuh ke tangan Siam, Sultan Mahmud Syah menitahkan Temenggung Seri Maharaja Tun Mutahir menyerang Kelantan. Pada masa itu negeri Kelantan lebih besar daripada Patani dan diperintah oleh raja Islam bernama Sultan Mansur Syah, dan tiada baginda menyembah ke Melaka. Setelah sampai ke Kelantan, Seri Maharaja serta orang Melaka pun mendarat lalu berlakulah perang yang berakhir dengan tertawannya Kelantan.

Sultan Mansur Syah mempunyai seorang putera bernama Raja Gombak yang melarikan diri; sementara tiga orang puteri baginda ditawan lalu dibawa ke Melaka. Menurut *Sejarah Melayu* nama mereka Wanang Kening, Cupa dan Cobak. Wanang Kening (atau Kemuning) diperisteri oleh Sultan Mahmud Syah dan yang bongsu, Wanang Cempaka, dianugerahkan kepada Hang Nadim. Kejatuhan Kelantan ialah semasa Tun Perpatih Putih (adik Bendahara Tun Perak) menjadi Bendahara antara tahun 1498 dan 1500. Ini dapat dikesan daripada kata-katanya: "Dari kakak hamba Bendahara Paduka Raja, besar hamba, kerana Bendahara Paduka

Raja sekali dititahkan mengeluari Siam, sekali dititahkan menyerang Pasai, sekali dititahkan menyerang Pahang. Akan hamba jadi Bendahara, bergerak pun tiada. Seorang anak saudara hamba dititahkan menyerang Manjong, alah Manjong; seorang anak saudara hamba dititahkan menyerang Kelantan, alah Kelantan."

Perkahwinan Wanang Kemuning dengan Sultan Mahmud Syah melahirkan tiga orang putera-puteri, iaitu yang tua seorang perempuan bernama Raja Mah, yang tengah seorang laki-laki bernama Raja Muzaffar dan yang bongsu seorang perempuan bernama Raja Dewi.

Wanang Kemuning tidak diangkat menjadi Raja Perempuan oleh sebab pada waktu itu Raja Perempuan Melaka ialah Tun Teja Ratna Benggala [sila lihat ceritanya] yang dilarikan Hang Nadim dari Pahang lalu dibawa ke Melaka langsung dipersembahkan kepada Sultan Mahmud. Oleh sebab jasanya itulah Wanang Cempaka, adik bongsu Wanang Kemuning dianugerahkan Sultan Mahmud jadi isteri Hang Nadim.

Kira-kira pada tahun 1509/1510 dikatakan bahawa "sekarang negeri Melaka ini tiada beraja perempuan, kerana permaisuri Pahang telah mangkat" artinya Tun Teja sudah meninggal dunia. Setelah Sultan Mahmud membunuh keluarga Seri Maharaja Tun



Istana kenangan Bukit Chardon Kuala Kangsar, Perak

Mutahir untuk memperisterikan anaknya Tun Fatimah yang sangat cantik itu, barulah Melaka mendapat Raja Perempuan yang baharu.

Sejarah Melayu menceritakan bahawa Tun Fatimah [sila lihat ceritanya] tidak mengendahkan sangat Sultan Mahmud sehinggalah baginda berasa menyesal membunuh Bendahara Tun Mutahir. Akhirnya anakanda baginda yang bernama Raja Ahmad dirajakan, dan baginda diam di Kayu Ara, di Ulu Melaka.

Tun Fatimah pula, setiap kali hamil, dibuangnya sehinggalah Sultan Mahmud bersetuju putera Tun Fatimah kelak akan dijadikan bakal raja. Anak Tun Fatimah yang awal adalah Raja Putih dan Raja Khadijah.

Setelah Melaka ditawan oleh Portugis, Sultan Mahmud pun berundur ke Pahang, kemudian ke Bentan. Sultan Ahmad Syah yang mempertahankan Melaka juga turut berundur dan setelah dibunuh oleh ayahandanya maka Sultan Mahmud kembali menjadi raja. Dan ditimbang-timbangan baginda akan kerajaan ialah Raja Muzaffar, putera Wanang Kemuning. Tentulah Wanang Kemuning berasa bangga kerana, walaupun dia tidak menjadi Raja Perempuan, sekurang-kurangnya puteranya akan mengganti ayahandanya Sultan Mahmud Syah. Segala kemuliaan yang diberi kepada Raja Muzaffar semasa mengaji pun amat membanggakan bondanya, Wanang Kemuning. Menurut *Sejarah Melayu* 'maka tempat baginda mengaji itu, pertama dibentangi tikar pacar di atas sekali, di bawah itu permaidani dan tikar hamparan, dan di atas tikar pacar itu peterana, di atas itulah Raja Muzaffar duduk mengaji.'



Setelah Raja Muzaffar besar maka dikahwinkan dengan Tun Terang anak Tun Fatimah dengan suaminya Tun Ali sebelum Tun Ali dibunuh bersama-sama ayahnya. Daripada perkongsian ini lahirlah Raja Mansur.

Tun Fatimah hamil sekali lagi lalu melahirkan seorang putera yang diberi nama Raja Ali, timang-timangannya Raja Kecil Besar. Permaidani daripada Raja Muzaffar pun diambil orang, tinggal tigar jamparan sehela. Untuk menunaikan janji baginda, maka Sultan Mahmud terus menabalkan Raja Ali dengan gelaran Sultan Alauddin Riayat Syah, disebut orang Sultan Muda. Dengan itu terkabullah kehendak Tun Fatimah agar puteranya kelak menggantikan Sultan Mahmud Syah.

Tidak terkirakan lagi bagaimana kecewanya hati Wanang Kemuning kerana hak puteranya, Raja Muzaffar, dirampas oleh adik tirinya, Raja Ali. Mungkin Wanang Kemuning ada sesuatu rancangan yang tidak dijelaskan oleh sejarah. Namun yang berlaku kemudian nampaknya seolah-olah ada komplot untuk terus memartabatkan putera Sultan Mahmud yang lebih tua itu. Apabila Sultan Mahmud Syah mangkat di Kampar, Sumatera pada tahun 1528, inilah yang berlaku menurut *Sejarah Melayu* (Raffles MS No. 18):

Setelah Marhum di Kampar sudah mangkat, maka baginda Sultan Muda kerajaan, gelar baginda Sultan Alauddin Ri'ayat Syah, maka Raja Muda [Raja Muzaffar] pun diincitkin [dihalau] oleh Bendahara [Paduka Tuan Tun Isak Berakah] dan segala orang kaya-kaya. Maka kata Raja Muda, 'Mengapatah maka beta dinyahkan?' Maka kata segala orang kaya-kaya itu, 'Baik juga Raja Muda pergi dari negeri ini.' Maka kata Raja Muda, 'Nantilah nasi beta' lagi di dapur, belum masak.' Maka kata segala orang kaya-kaya, 'Apa akan dinanti lagi. Sekaranglah turun.' Maka Raja Muda pun turunlah dengan isterinya Tun Terang dan anak baginda seorang, Raja Mansur namanya. Maka kata Raja Muda, 'Persembahkan pada Encik Leman, jikalau beta mati, Mansur Syah hendaklah diperbaiki oleh Encik Leman.' Maka kata orang kaya itu, 'Baiklah.' Maka Raja Muda pun menumpanglah pada sebuah baluk baginda ke Siak, dari


Siak lalu ke Kelang. Maka ada seorang Manjong SiTumi namanya, dia sentiasa berniaga dari Perak ke Kelang, maka dilihatnya Raja Muda di Kelang maka dibawanya ke Perak. Maka dirajakannya di Perak, maka baginda bernama Sultan Muzaffar Syah (1528 - 1549). Dan baginda ditabalkan dengan iringan bunyian nobat. Sejak zaman itu nobat di Perak itu dianggap nobat yang *du l u n y a* berada di Melaka. Soalnya, bagaimana pula nobat *M e l a k a i t u* jatuh ke tangan Sultan Muzaffar Syah, dan tidak disimpan oleh Sultan Alauddin Ri'ayat Syah? Bagaimanakah Sultan Muzaffar memperoleh nobat itu kalau sudah dihalau oleh para pembesar di Kampar?

Di sini dikemukakan beberapa kemungkinan. Pertama, Sultan Alauddin Ri'ayat Syah sudah pun ditabal semasa baginda baru lahir, maka alat-alat kebesaran dan nobat itu terabai sahaja, maka diambil oleh pihak Sultan Muzaffar sebelum pergi ke Perak. Kedua, memang ada komplot di istana untuk melarikan alat-alat kebesaran dan nobat itu sebagai membalas dendam terhadap 'rampasan kuasa' oleh Raja Ali menjadi Sultan Muda. Perkara ini besar kemungkinannya didalangi oleh Wanang Kemuning sendiri. Ketiga, walau pun dikatakan Raja Muzaffar 'diincit oleh segala orang kaya-kaya' namun begitu ada seorang pembesar pada masa itu mungkin bersimpati dengan Raja Muzaffar, iaitu Laksamana Hang Nadim. Laksamana Hang Nadim pada masa itu kuasanya melebihi raja dan para pembesar kerana seluruh lautan dan selat di bawah jagannya, lebih-lebih lagi sewaktu menentang Portugis. Lagi pun tidak pula dilupakan bahawa Hang Nadim mempunyai pertalian keluarga dengan Wang Kemuning; beliau dianugerahkan Wanang Cempaka, (adik bongsu Wanang Kemuning) sebagai isteri dan dengan demikian menjadi bapa saudara kepada Raja Muzaffar. Maka dengan komplot istana yang cukup licin tidak mengetahui alat-alat kebesaran dan nobat yang purba itu kini berada turun-temurun di istana negeri Perak.

Begitulah cerita yang jarang ditonjolkan dalam sejarah, tempatan seorang puteri tawanan Kelantan menjadi pengasas dinasti raja-raja di negeri Perak hingga ke hari ini.



SALASILAH WANANG KEMUNING, TUN MERAH, PUTERI LIMAU PURUT
DAN KESULTANAN AWAL NEGERI PERAK





Puteri Tunina & Angintabu

MEMBANTU SUAMI MENGEMBANGKAN ISLAM

Pengislaman Pulau Mindanao dan seterusnya Kepulauan Filipina serta sekitarnya dicirikan bermula dengan seorang keturunan Nabi Muhammad (SAW) yang bernama Syarif Muhammed Kabungsuwan. Syarif Muhammed Kabungsuwan, Syarif Muhammed Kabungsuwan telah berlayar ke Mindanao dari Tanah Melayu lalu berlabuh di muara Sungai Pulangi. Di situ Syarif Kabungsuwan bertemu dengan orang tempatan yang tidak memahami kata-katanya sehinggalah bertemu dengan Tabunaway dan Mamalu yang memahami kata-katanya. Selepas itu mereka pun menunda perahu Syarif Kabungsuwan lalu mudik ke Magindanao. Tempat bermulanya tundaan itu dinamakan Tinundan. Di sana Syarif Kabungsuwan berkahwin dengan Sarabanun, adik Tabunaway tetapi isterinya itu meninggal dunia sebelum melahirkan anak.

Menurut tradisi tertulis Mindanao, Syarif Kabungsuwan telah didahului oleh dua orang pendakwah perintis yang bernama Syarif Awliya yang dianggap ada hubungan kekeluargaan dengan Kabungsuwan. Kedatangan pendakwah perintis kedua ke Mindanao ialah Syarif Maraja (Maharaja) yang berkahwin dengan Puteri Paramisuli dan dari perkongsian hidup mereka lahirlah Tabunaway dan Mamalu, yang menjadi penghulu di Mindanao semasa keribaan Syarif Kabungsuwan. Syarif Maraja kononnya ada seorang adik bernama Syarif Hasan yang mengiringi abangnya setakat

Basilan, tetapi tinggal di sana lalu mengasaskan kesultanan Sulu. Tentang pertemuan Syarif Kabungsuwan dengan Tabunaway cukup menarik sebab tatkala Tabunaway mendekatinya, Syarif Kabungsuwan dapat mengenali cincin yang ada pada jari Tabunaway lalu ditanya bagaimana Tabunaway memperoleh cincin itu sama ada dibelinya atau diwarisinya. Jawab Tabunaway bahawa cincin itu bukan dibelinya tetapi diwarisinya.

“Kalau demikian,” ujar Syarif Kabungsuwan, “engkau adalah keturunan bapa saudaraku.”

Barulah Tabunaway dan Syarif Kabungsuwan berasa lebih mesra lalu dibawa ke Magindanao dan dikahwinkan dengan adiknya, Sarabanun. Setelah kematian Sarabanun, Tabunaway mengahwinkan Syarif Kabungsuwan dengan seorang gadis bernama Puteri Tunina.

Siapakah sebenarnya Puteri Tunina ini? Menurut satu cerita, Siti Paramisuli, bonda Tabunaway, menyuruh anaknya menanamkan sisir (atau sikat) kepunyaannya yang diperbuat daripada buluh, di sisi tingkap apabila ia meninggal.

Setelah Siti Paramisuli meninggal, maka ditanamlah sisir buluh itu oleh Tabunaway. Maka dengan cepat sisir itu pun tumbuh menjadi serumpun buluh. Pada satu hari adik Tabunaway, Mamalu sedang menebang buluh itu untuk membuat bubu menangkap ikan. Habis


Puteri Dunia Melayu

buluh ditebang melainkan hanya sebatang yang tinggal. Kata Tabunaway :

“Baik selesaikan kerana buluh tunggal itu tidak menguntungkan bubu kita kelak.”

Apabila ditegak buluh itu, maka terjemalah daripada dalam buluh itu seorang gadis yang jarinya luka sedikit kerana terkena selimbu buluh itu. Gadis kecil itu dibawanya kepada Tabunaway lalu disuruhnya Mamalu memelihara dan Tabunaway menamakan gadis itu Puteri Tunina, kerana menganggap ibu mereka telah hidup kembali.

Perkahwinan Syarif Kabungsuhan dengan Puteri Tunina memperolehi tiga orang puteri. Puteri pertama bernama Mamuranda dan berkahwin dengan Pulwa, Datu Bwayan; yang kedua bernama Milagandi berkahwin dengan Malangsa-Ingud,



Seorang pengantin lelaki sedang menyarungkan cincin ke jari seorang puteri di Filipina

juga seorang Datu di Bwayan; dan yang ketiga bernama Puteri Bay Batula yang berkahwin dengan Ambang, tetapi tiada beranak.

Syarif Kabungsuhan sibuk berdakwah dan menyebarkan agama Islam kepada rakyat di Magindanao, Slangan, Matampay, Lusud, Katittwan, dan Simway. Berkas sokongan kuat daripada Puteri Tunina yang sentiasa di samping beliau, Syarif Kabungsuhan dapat bergerak ke merata tempat mengembangkan syiar Islam ke tempat-tempat yang disebut di atas. Sebarang konsep baru, pemikiran baru, amalan baru bahkan cara hidup yang harus diubah yang disampaikan Syarif Kabungsuhan diperjelaskan lagi oleh Puteri Tunina. Kedudukan beliau sebagai seorang puteri serta anak angkat Tabunaway memperteguhkan lagi kepercayaan orang dan dengan mudah dapat mengubah cara hidup mereka menurut gaya hidup Islam.

Puteri Tunina ini bukan sahaja cantik rupa parasnya bahkan perwatakannya amat menarik, dengan kata sebutannya yang lemah-lembut dan bahasanya yang tepat dan lancar. Maka kebanyakan kaum wanita datang kepadanya bertanyakan sesuatu yang sukar difahami.

Anak Puteri Tunina, iaitu Puteri Mamur yang berkahwin dengan Pulwa, Raja Bwayan telah menurunkan raja-raja di Bwayan, dan juga raja-raja di Bumbayan.

Namun begitu Dinasti Kabungsuhan yang menurunkan para sultan di Magindanao bukanlah daripada perut Puteri Tunina tetapi daripada perut madunya, isteri Syarif Muhammad Kabungsuhan yang bernama Angintabu. Angintabu adalah anak Maki-apun, seorang Datu di pesisiran Malabang. Maki dengan perkahwinan itu lahir-lah Syarif Maki-alang, dan daripada Syarif Maki-alang inilah turunnya kesultanan Magindanao. Antara sultan-sultan Magin-danao yang besar ialah Sultan Dipatwan [Dipertuan] Qudrat (1619 ~ 1671) yang dianggap pemerintah teragung dalam kesultanan Magindanao. Baginda menentang kedatangan Sepanyol dengan keras dan berjaya bertahan beberapa tahun. Angkatan laut baginda digeruni di Luzon dan Visayas dan mengawal lautan selatan dalam jangka masa yang lama.

Tidak ada keterangan tentang Angintabu tetapi sebagai anak



Puteri Dunia Melayu

seorang datu di pesisiran tentunya beliau mempunyai semangat bebas dan keras hati selain mempunyai perwatakan *regal* tanpa mengeneipkan sopan-santun dan kewanitaannya. Tentu sekali Angintabu ini rapat dengan Syarif Kabungsuhan dalam usaha beliau mengislamkan Magindanao, lebih-lebih lagi daripada perut beliau turunnya segala sultan di Magindanao, antaranya yang menentang keras kemasukan Sepanyol ke Filipina yang hendak menghancurkan bangsa Melayu dan agama Islam. Wujudnya sejumlah dua puluh lebih sultan sebagai keturunan beliau merupakan satu penghormatan besar bagi wanita yang diperisteri pendakwah terkemuka di Magindanao. Beliauah Puteri Angintabu.

Berikut ini adalah senarai sultan-sultan Magindanao yang berketurunan Syarif Muhammad Kabungsuhan dengan isterinya Puteri Angintabu:

1. Syarif Kabungsuhan
2. Syarif Maka-alang
3. Datu Bangkaya


4. Datu Dimasangkay
5. Datu Gugu Sarikula
6. Datu Kapitan Lawut Bwisan
7. Sultan Dipatwan Qudrat
8. Sultan Dundang Tidulay
9. Sultan Barahaman
10. Sultan Kaharuddin Jamalul'-Alam Kuda
11. Sultan Muhammad Ja'afar Sadik Manamir
12. Sultan Dipatwan Anwar
13. Sultan Muhammad Tahiruddin Malinug
14. Sultan Pakir Maulana Muhammad Khairuddin Kamza
15. Sultan Pakaruddin
16. Sultan Muhammad Amirul'-Umaru Alimuddin Kibad Sahriyal
17. Sultan Kawasa Anwaruddin
18. Sultan Qudratullah Jamalul'-Alam Untung
19. Sultan Muhammad Makakwa
20. Sultan Muhammad Jalaluddin Pablu
21. Sultan Mangigin



Sumber: Orchids of the Singapore Botanical Gardens

*Orkid Paphiopedilum Shireen,
ini dinamakan menurut nama cucu
Yang Dipertuan Agong dan Permaisuri,
Agong dalam tahun 1963.*

SALASILAH SYARIF KABUNGSUAN DAN RESULTANAN MAGINDANAO





Indo Jati

IBU KEPADA DUA PENGASAS ADAT

Ramai yang tahu tentang Adat Temenggung dan Adat Perpatih, namun tidak ramai yang tahu bahawa kedua-dua pengasas adat itu datangnya daripada satu 'perut'. Tegasnya, Datuk Katumanggungan dan Datuk Parapatih nan Sabatang berasal daripada seorang ibu, iaitu Indo Jati. Tambo Minangkabau memberi berbagai-bagai nama kepada ibu yang luar biasa ini, antaranya: Indah Jaliah, Indo Julita, Indo Juliah dan Indo Juita.

Pada mulanya Indo Jati berkahwin dengan Yang Dipertuan Minangkabau, iaitu Raja Bamego-mego dan perkongsian itu menghasilkan seorang anak lelaki yang diberi nama Sutan Maharaja Basa. Beliau lah yang bergelar Datuk Katumanggungan.

Apabila Raja Bamego-mego meninggal dunia, Datuk Katumanggungan menggantikan ayahnya dan Indo Jati bernikah pula dengan Cati Bilang Pandai, seorang ahli fikir dan penasihat kepada raja. Perkahwinan Indo Jati yang kedua ini menghasilkan:

- Sutan Baiun (disebut juga Parapatih atau Jatang).
 - Mambang Sutan (disebut juga Cumatang, Bandahara Kayo dan kemudian sebagai Datuk Sakalok Dunia nan Bamego-mego).
- Dan anak-anak perempuannya adalah:
- Puti Reno Mande (disebut juga Reno Mandah atau Puti Lelo Suli)

- Puti Ambun Suri (disebut juga Reno Sudi)
- Puti Cayo Dunia (disebut juga Reno Judah atau Puti Lelo Jati)
- Puti Jamilan (disebut juga Gadih Jamilan atau Putih Jamilan)


Anak-anak ini dibesarkan di Dusun Tuo, kini dalam Nagari (daerah) Limo Kaum, Tanah Datar. Setelah besar, Sutan Balun diangkat menjadi Penasihat Raja, menggantikan ayahnya.

Nampaknya sikap dan pemikiran Indo Jati turut berubah setelah berkahwin dengan Cati Bilang Pandai. Terdahulu daripada itu Minangkabau dikuasai Undang-undang Nan Tigo, iaitu:

- Undang-undang Si Mumbang Jarueh (Jatuh)
- Undang-undang Si Gamak-gamak, dan
- Undang-undang Si Lamo-lamo

Undang-undang pertama menyuruh rakyat menjaui raja kerana keputusan raja tidak dapat disangkal; yang kedua berdasarkan 'siapa kuat dia yang berhak' dan 'siapa dahulu dia yang dapat'; yang ketiga menegaskan bahawa seseorang harus menjaga dirinya sendiri dan berusaha agar tidak bersalah atas sebarang tuduhan.

Akhirnya Undang-undang Nan Tigo diubah atas saranan Suri Dirajo agar keadaan autokratik digantikan dengan Undang-undang Tariek Baleh yang lebih memuskan rakyat. Prinsip Undang-



Bodi Canago Surambi Papek (Ragam Luhak Agam)

Sumber: A. A. Natus, Alam Persembunyi Jati Guru, 1994

undang baru ini memberi hak dan kuasa kepada mangsa jenayah untuk menuntut ganti rugi. Ia digambarkan sebagai berikut:

*Kok palu babaleh palu,
nan tikam babaleh tikam,
hutang ameh, bayie jo ameh (emas)
hutang padi, bayie jo padi,
hutang nyawa, bayie yo nyawo
hutang kato, bayie yo kato.*

Suami Indo Jati yang kedua, Cati Bilang Pandai, seorang rakyat yang menasihati raja, tentulah melihat segala undang-undang dari kaca mata rakyat, dan amalan serta pengalamannya tercurah kepada Indo Jati yang ketika mendidik anak-anaknya (dua orang lelaki dan empat orang perempuan) jelas berubah daripada didikan Sutan Maharajo Basa (Datuk Katumanggungan).

Indo Jati mengasuh anak-anaknya dengan lemah-lembut dan kasih sayang tetapi tegas dan bertimbang rasa penuh dengan pengajaran

yang selalunya beranalogikan keadaan alam sekeliling dan logik. Contohnya, anak-anaknya tidak dapat bekerjasama membersihkan rumah, maka dipanggil kesemuanya lalu diberi hanya sebatang lidi kepada setiap anaknya. Lalu disuruh menyapu lantai rumah. Anak-anaknya menyatakan hal demikian tidak mungkin. Maka kata Indo Jati:

*"Kalau dengan disatukan kesemua lidi ini lalu diikat menjadi penyapu, tentu boleh; dan tentu cepat bersih.
Baik dipakai jo mupakek (muafakat)
Buruek dibuang jo rundingan."*

Tanya Sutan Balun, anak sulung yang sepintar ayahnya, Cati Bilang Pandai:

"Mengapa harus muafakat? Apakah kebaikannya?"

Jawab Indo Jati, dengan senyuman:

"Nagari aman, kampueng santoso."



Puteri Dunia Melayu

*padi masak, jagueng manjadi;
teranak bakambang biak,
bapak kayo, mande batueh
mamak dihormati urang pulo."*

Demikian pendidikan yang diterima anak-anak Indo Jati terutamanya Sutan Balun yang memikirkan kata-kata ibunya yang sentiasa menegaskan 'Alam takambang jadi guru'. Oleh yang demikian ajaran dan pandangan hidup mereka yang dinukilkan dalam pepatah, petiti, pituah (petua), mamang [peribahasa yang mengandungi nasihat] dan sebagainya mengambil ungkapan daripada bentuk, sifat dan kehidupan alam. Cati Bilang Pandai di tanya oleh Sutan Balun –tentang akal maka kata Penasihat Raja itu:

*"Orang yang berakal itu pada zahirnya pendiam,
penyabar, rendah hati dan suka berbuat kebajikan.
Terlihat pada batinnya suka belajar, suka memberi, rajin
beribadat dan berani menyatakan kebenaran."*

Maka sampuk Indo Jati dengan bertanya, agar memudahkan pengajaran:

Apakah empat hal yang menyebabkan orang hilang akal?"

Jawab Cati Bilang Pandai:

*"Pertama, tidak takut menghadapi kenyataan dan
tentangan. Kedua, malu melihat kelemahan diri sendiri.
Ketiga, bersifat jahat, melihat semuanya dari sifat yang
buruk. Dan keempat, bersifat bebal, tidak mampu
menggunakan fikiran. Itulah empat perkara yang
menjadi penyebab orang hilang akal." Sutan Balun terus
bertanya:*

"Ayah, apakah gunanya akal itu?"

Kata Cati Bilang Pandai menjeling ke arah isterinya:

*"Bonda kau boleh memberi jawapan. Dan ingat betul-
betul."*

Maka Indo Jati menghuraikan:

"Akal itu berguna untuk memelihara budi, agar sentiasa

*luluh. Ja juga untuk memelihara diri, agar sentiasa
selamat. Ia juga untuk memelihara kaum, agar sentiasa
sejahtera. Dan ia berguna untuk memelihara harta, agar
sentiasa memberi rahmat."*

Seterusnya kata Cati Bilang Pandai:

*"Hikmat akal pula adalah untuk membuat pertimbangan
bagi enam kebajikan, iaitu: pertama, menimbang berat
ringan, agar selalu adil. Kedua, menimbang tinggi rendah,
agar selalu santun. Ketiga, menimbang rugi laba, agar
selalu beruntung. Keempat, menimbang tingkah laku,
agar selalu disegani. Kelima, menimbang hina mulia, agar
selalu jujur. Dan keenam, menimbang jerih payah, agar
selalu berkebakjian."*

Setelah Cati Bilang Pandai meninggal dunia, Sutan Balun diangkat menjadi penasihat kepada abang tirinya, Sutan Maharajo Basa. Tetapi kerana satu perbalahan antara keduanya, maka Sutan Balun mengambil keputusan pergi merantau. Tindakan ini ialah untuk mendapatkan pengalaman, pengetahuan dan juga berdikari, tidak bergantung kepada sesiapa. Menurut tambo Minangkabau diarah orang pertama yang keluar merantau yang kemudiannya menjadi tradisi masyarakat Minangkabau, maka dipantunkan:

*Karatau madang di hulu,
Babuah babungo balun;
Marantau bujang dahulu,
Di rumah baguno balun.*

Sekembalinya Sutan Balun maka berlakulah satu peristiwa yang mempercepatkan perubahan terhadap Undang-undang Tarek Baleh. Sutan Maharajo Basa, Raja Minangkabau tatkala mendengar adik tirinya pulang telah menghantar seorang hulubalang ke rumah Sutan Balun untuk menyambutnya kerana ketidadaannya banyak masalah yang payah mencari penyelesaiannya timbul. Hulubalang yang datang itu semasa membelai anjing di rumah Sutan Balun, tak semena-mena lalu digigit oleh anjing itu. Sutan Balun lalu dibawa ke pengadilan.

Menurut Undang-undang Tarek Baleh, yang bersalah ialah anjing

kerana dia yang menggigit, maka sesuai dengan kehendak undang-undang hulubalang yang kena gigit berhad balas menggigit anjing yang dituuh. Cabaran yang di-kemutikakan Sutan Balun menimbulkan masalah, ia-itu: manusia terpaksa menggigit seekor anjing. Su-tan Maharajo Basa tidak dapat

melaksanakan hukuman itu melainkan menanguhkannya. Dengan itu sedarlah Sutan Maharajo Basa bahawa perubahan yang dianjurkan Sutan Balun selama ini terhadap Undang-undang Tariek Baleh itu harus dilakukan menurut peredaran zaman.

Kadaan ini memang sesuai dengan perbilangan:

*Cupak dialieh
urang manggalah
jalan dialieh
urang baladang.*

Dengan persetujuan Sutan

Maharajo Basa, maka Sutan Balun ditugaskan meminda mana-mana bahagian Undang-undang Tariek Baleh itu. Maka wujudlah adat baru bernama Adat Tuah Disakato, yang dasar penyusunan-nya berlandaskan musyawarah.

Sutan Balun menghuraikan keadaan alam semula jadi tempat orang Minangkabau tinggal, dipengaruhi empat unsur alam, iaitu *panas* (api), *sejuk* (air), *pernafasan* (angin) dan *makanan serta sumber makanan* (tanah). Tanpa keempat-empat unsur itu tidak ada manusia, haiwan atau tumbuhan dapat hidup. Itulah asas angka empat yang dianggap keramat. Hidup dalam alam ini dibayangkan menurut aturan kosmos:

*Melayang ka langit jadi contoh,
Manukiek [menjunam] ka bumi jadi banar [benar].*

Akan *banar* (benar) itu, antara lain, dapat diperoleh melalui bersemadi atau bermusyawarah, dan dapat ditokok tambah sehingga Alam Minangkabau terus hidup aman, sejahtera dan makmur.



Bodi Camiogo Rajo Babandiang (Ragam Luhak 50)

Sumber: A. A. Nuzul, Alam Terkembang Jadi Guru, 1974

*Setitik dijadikan lauk [lau],
sakapa [sekepal] dijadikan gunieng,
Alam tokambang jadi guru.*

Aturan Adat di Alam Minangkabau
Aturan adat (*adek*) mengandungi empat jenis:

1. Adat nan Sebanar Adat. Aturan ini berdasarkan peraturan alam semula jadi yang tidak dapat diubah, bak kata perbilangan:

*Adek tajam melukai,
adek air membasahi,
adek api meng-*

hanguhkan.

Maka peraturan jenis inilah yang disifatkan sebagai:

*Nan tak lapuek dek hujan,
nan tak lakang dek panas.*

2. Adat nan teradat.

Peraturan yang diwaris turun-temurun ini merupakan sistem sosial yang diamalkan zaman-berzaman dan didapati amat sesuai untuk hidup dalam keadaan rukun dan damai.

3. Adat nan diadatkan.

Peraturan yang dapat diubahsuai menurut kehendak zaman dan persekitaran hidup. Ia diterima setelah dibincang secara mendalam oleh ketua-ketua dan bijak pandai.



4. Adat istiadat.

Dari segi ketahanan ia paling lemah, kerana berubah-ubah dari tempat ke tempat dan dari zaman ke zaman.

*Lain padang lain belalangnya,
lain lubuk lain ikannya.*

Kedudukan Raja di Minangkabau

Dalam penyusunan adat baru, Adat Tuah Disakato, Sutan Maharaja Basa kekal sebagai Raja tetapi kedudukan dan kuasanya diturunkan dengan keadaan. Sebelumnya, bak kata perbilangan:

Pucuek bulek, urek tunggang [tunjang].

Raja mempunyai kuasa mutlak (*pucuk bulat*) dan kedudukannya amat kukuh (seperti *urat/akar tunjang*), sehingga tiada kuasa yang dapat menggoncangkannya. Menurut adat baru, raja adalah:

*Ka ateh nan tak bapucuek (berpucuk),
ka bawah nan tak baurek (berurat),
di tengah dilariek kumbang.*

Kini kuasa mutlak Raja dihapuskan dan cengkamannya juga ditandakan namun Raja tetap menjadi simbol penyatuan negara dan rakyat dan tumpuan kehormatan. Raja terpaksa menjaga diri agar tidak menjadi beban kepada rakyat. Jika melanggar batasan maka Raja menerima nasib seperti pokok yang batangnya *di tengah dilariek kumbang*. Amanan ini dinyatakan oleh perbilangan:

*Rajo banar disambah,
Rajo nana disanggah.*

Kedudukan sedemikian hampir sama dengan *Raja Berperlembagaan* pada zaman sekarang.

Tidak diketahui sejauh mana Indo Jati mempengaruhi pelbagai gagasan dan keputusan yang dibuat oleh anaknya, Sutan Balun, namun nampaknya sebahagian besar keputusan yang menjadi adat atau peraturan baru itu, seperti keturunan dihitung menurut garis ibu, persukuan menurut garis ibu dan prosedur eksogami (mengahwini orang di luar sukunya), kalau tidak pun datangnya

daripada Indo Jati tentu pengaruhnya tetap ada. Sudah tentu Sutan Balun, dari semasa ke semasa, merujuk pemikiran dan pendapat ibunya. Asuhan dan pendapat Indo Jati mungkin membuahkan adat Minangkabau yang memberikan panggilan *bundo kanduang* kepada kaum wanita.

Dari segi adat, *bundo kanduang* bermaksud ibu sejati yang mempunyai sifat-sifat keibuan dan kebolehan kepemimpinan.

Antara sebab-sebab mengapa keturunan diambil dari garis ibu ialah agar manusia yang dilahirkan (tentunya oleh kaum ibu), terutama kaum lelaki, menghormati dan memuliakan kaum yang sejenis (sejantina) dengan ibunya. Dia tidak akan berbuat sesuka hati terhadap kaum yang sama jenis dengan ibunya apalagi berbuat jahat terhadapnya. Adat Minangkabau memandang berat sebarang perbuatan yang melanggar kesucilaan terhadap kaum wanita kerana ia adalah kesalahan yang sangat besar dan hina. Selain itu, tugas dan tanggungjawab seorang ibu banyak menumpukan masa mengasuh dan membentuk watak anaknya bak kata perbilangan:

*Kalau keruh air di hulu,
sampai ke muara keruh jua;
Kalau kurik (berbintik) induknya,
rintik anaknya.*

Latar Belakang dan Pentadbiran Minangkabau.

Menurut legenda, petempatan terawal orang Minangkabau bermula di sekitar Gunung Merapi. Di lerengnya dibangunkan sebuah nagari (daerah) bernama Pariangan (dibangunkan oleh Maharaja Diraja adik bongsu daripada tiga adik-beradik: Maharaja Alif dan Maharaja Depang). Kemudian oleh sebab pertambahan penduduk, dibangunkan nagari kedua, Padang Panjang. Oleh kerana penduduk kian banyak maka banyak yang berpindah ke tanah luas di sekitar Gunung Merapi. Tanah luas yang baru itu dinamakan luak (luhak): di sebelah barat dinamakan Luak Agam; sebelah utara Luak Lima Puluh; dan sebelah timur, Luak Tanah Datar. Kesuburan ketiga-tiga kawasan itu digambarkan seperti berikut:



Koto Piliang Sitiinjau Laut (Ragam Luak Tanah Datar)

- Luak Agam: buminya hangat, airnya keruh, dan ikannya liar.
- Luak Lima Puluh: buminya sejuk, airnya jernih, dan ikannya jinak.
- Luak Tanah Datar: buminya nyaman, airnya tawar, dan ikannya banyak.

Menurut tambo, tiap-tiap luak dibangun oleh tiga orang pemimpin, iaitu: Luak Agam oleh Datuk Katumanggungan, Luak Lima Puluh oleh Datuk Perpatih nan Sebatang, dan Luak Tanah Datar oleh Datuk Maharaja nan Bamego-mego.

Tambo menyebut bahawa pemerintahan di Minangkabau menggunakan dua sistem, iaitu *Koto Piliang* yang digagaskan oleh Datuk Katumanggungan, dan *Bodi Cantigo* oleh Datuk Perpatih nan Sebatang. Kedua-dua sistem itu disebut *laras* (larih) yang bermaksud kesesuaian sistem pemerintahan. Sultan Balun semasa me-nyusun semula suku-suku yang ada pada laras dan mencadangkan supaya rakyat Minangkabau dikelompokkan ke dalam dua laras, iaitu *Larih nan Bunta* (Laras yang Bulat) dan *Larih nan Panjang* (Laras yang Panjang).



Setiap laras itu mengandungi dua suku. Suku Koto dan Suku Piliang termasuk Lareh nan Panjang, manakala Suku Bodi dan Suku Caniago di dalam Lareh nan Bunta. Tetap dengan sifat pentadbirannya: *ba cupak sepanjang batieng*. Lareh nan Panjang diletakkan di bawah pimpinan Sutan Maharajo Basa. Menurut tambo, pemimpin Lareh nan Bunta dipimpin oleh Sutan Balun yang diberi gelaran baru pula. Oleh sebab kata *pemikiran* (dalam bahasa Minangkabau disebut *parapatieh*) tentang perubahan-perubahan sistem sosial itu datangnya dari kelarasan Bodi Caniago, dan berpunca dari seorang (*nan sabatang*) sahaja, maka pemimpin laras Bodi Caniago itu diberi gelaran: *Parapatieh nan Sabatang*. Dan sesuai dengan pandangan Minangkabau, tempat berlabuh itu di kuala dan penjaga kuala itu buaya (dan dalam bahasa Minangkabau disebut *tumangueng*) maka pemimpin laras Koto Piliang ini disebut *Katumanguengan*. Demikianlah asal nama atau gelaran kedua-dua pemimpin laras yang dua itu.

Sekarang, kedua-dua laras ini mengamalkan sistem yang berasaskan nasab ibu (*matrilinea*). Peraturan kekerabatan di Minangkabau pula mempunyai beberapa ciri, seperti berikut:

1. Keturunan menurut garis ibu

Setiap lelaki atau perempuan menarik garis keturunan melalui orang perempuan saja, bermula daripada ibunya dan ibunya daripada ibunya dan seterusnya melalui talian perempuan. Keistimewaan ibu digambarkan seperti berikut:

*Bundo kuduang,
limpapeh rumah nan gadang,
umbun puro pagangan kundi,
hiyasan di dalam kampueng,
sumarak di dalam nagari,
nan gadang basa batuah,
kok hiduik tampek banasa (banazar),
kok mati tampek baniat,
kok Undang-undang ka Madinah,
ka payuang panji ka siruga (syurga).*

Sebagai sistem patrilineal (kekerabatan dari keturunan sebelah bapa) yang mementingkan anak lelaki, sistem matrilineal mengutamakan anak perempuan. Orang Minangkabau akan berasa sangat kecewa jika tidak mempunyai keturunan anak perempuan.

Hal ini akan menyebabkan putusnya keturunan dalam keluarga itu.

2. Suku terbentuk menurut garis ibu

Di Minangkabau, istilah *suku* ialah kelompok kaum yang berasal daripada nenek perempuan. Pada mulanya jumlah suku adalah empat dan jumlah ini tetap menjadi syarat mewujudkan sebuah nagari (daerah). Suku asal yang empat itu adalah: Koto, Piliang, Bodi dan Caniago.

3. Perkahwinan hendaklah di luar suku

Seorang lelaki (misalnya dari Suku Bodi) tidak dibenarkan mengahwini gadis dalam sukunya, tetapi harus dari suku yang lain (sama ada Suku Caniago, Koto atau Piliang). Orang yang sesuku menganggap diri mereka sebagai *berdansanak* (bersaudara).

4. Tempat tinggal adalah matrilokal

Selain kahwin di luar suku, seseorang pengantin lelaki harus tinggal di tempat kediaman isterinya. Kata perbilangan adat:

*Sigai mancari anau,
anau tatap sigai baranjak,
datang dek bajampuk (berjemput),
poi jo baanta (berhantar)
Ayam putih tabang siang,
basuluah matohari,
bagalanggang mato rang (orang) banyak.*

5. Lelaki bertanggungjawab terhadap anak saudara perempuannya
Seorang lelaki, sebagai seorang *mamak* (bapa saudara) bertanggungjawab tentang saaraan, didikan dan pertumbuhan *kema-nakannya* (anak-anak saudara perempuannya), dan adat tidak mewajibkan si suami memberi nafkah kepada si isteri, dan yang memberi belanja kepada anak kandungnya bukan si ayah tetapi *mamak* anak itu. Dengan itu *mamak* tidak akan membiarkan kemandukannya diperlakukan sewenang-wenang oleh sesiapa pun, termasuk ayahnya sendiri. Kemandukannya hanya berbuat sesuatu dengan izin mamaknya.

6. Pewarisan Harta

Harta dikategorikan kepada dua: harta yang berupa material seperti sawah, ladang, rumah, emas, perak; dan harta bukan

material seperti gelar pusaka. Kedua-dua disebut harta tinggi atau harta basalin. Harta jenis pertama diwariskan menurut garis keturunan ibu, misalnya dari ibu ke anak perempuan. Harta jenis kedua diwariskan oleh mamak kepada kemanakannya (daripada saudara lelaki sebelah ibu kepada anak lelaki saudara perempuannya).

7. Kuasa dalam suku

Menurut adat, kuasa dalam suku atau keluarga berada di tangan perempuan. Yang menjadi ketua di dalam rumah sepatutnya nenek perempuan namun kuasa ini jarang dijalankan. Pada hakikatnya kuasa dan kepemimpinan tetap di tangan lelaki pada semua peringkat, dan dipertanggungjawabkan kepada lelaki dewasa.

8. Pembalasan dendam kewajipan seluruh suku

Semua anggota sesuatu suku harus bersemangat bersatu-padu. Setia kawan dan awas mengawasi sesama mereka. Juga bertanggungjawab ke atas apa-apa yang dilakukan oleh anggota suku ataupun apa-apa yang dipraktikkan ke atas anggota suku. Ini digambarkan dengan perbilangn:

*Sahino samalu, sasanang;
barek samo dipukua (dipukul)
ringan samo dijinjing (dijinjing).*

Daripada aspek pentadbiran adat, aturcara yang dijalankan dalam penyelesaian masalah atau sebarang persoalan di kedua-dua aras berasaskan musyawarah (syura) untuk mendapatkan kesepakatan (muafakat).

*Kemanakan beraja kepada mamak,
mamak beraja kepada Penghulu,
PENGHULU beraja kepada muafakat,
muafakat beraja kepada kebenaran,
menurut halur dengan patit,
serta baris dan bebas,
adat kawi tiap-tiap negeri.*

Perbezaan antara Laras Koto Piliang dan Bodi Caniago.

Perbezaan antara kedua-dua Lareh nan duo ini ialah tentang

kedudukan raja dan sistem pemerintahan. Menurut Koto Piliang, raja adalah kepala pemerintahan seluruh alam Minangkabau, maka raja digelar *Raja Alam*. Menurut Bodi Caniago, raja memiliki kuasa yang terbatas pada wilayah yang berbeza. Kekuasaannya hanyalah di rantau sedangkan di luak ia berperanan sebagai lambang sahaja, seperti yang diungkapkan dalam *mamang* (peribahasa): *Luhak berpenghulu, rantau beraja*. Sistem pemerintahan antara kedua-duanya pun berbeza. Menurut Koto Piliang, kedudukan penghulu bertingkat-tingkat dengan hak dan kuasa bersifat menegak yang disebut *mamang: Herjenjang naik, bertangga turun*; sedangkan menurut Bodi Caniago, kedudukan penghulu sejajar dengan hak dan kuasa yang bersifat mendatar seperti yang diungkapkan *mamang: Duduk sehamparan, tegak sepematang*.

Persetujuan antara kedua-dua sistem itu berlaku pada perdamaian yang berlangsung di Lima Kaum pada peristiwa Batu Batikam. Pada dasarnya, sesebuah nagari (daerah) yang didirikan penganut Koto Piliang, peraturan Koto Pilianglah yang berlaku. Begitu juga peraturan Bodi Caniago akan terlaksana di nagari yang didirikan kaum itu. Namun begitu, setiap nagari berhak menentukan pilihan masing-masing, dan penduduk sesuatu nagari boleh memakai kedua-duanya.

Untuk menyatakan wujudnya laras masing-masing, maka dicipta susunan adat (seperti peribahasa, perbilangn dan *mamang*) bahkan seni bina (arkitektur) yang memamerkan gaya atau corak serta model masing-masing. Misalnya, nagari yang menganut Lareh Koto Piliang membahagikan wilayah nagari dalam jumlah yang *geriap*, seperti Empat Koto, Enam Koto, Sepuluh Koto atau Nan Empat, atau Nan Enam. Seni bina balairung dan rumah gadangnya mempunyai lantai yang bertingkat-tingkat [Lihat sketsa]. Sebaliknya Bodi Caniago membahagi wilayah nagari dengan jumlah yang *garjil*, seperti Tiga Koto, Tujuh Koto, Sebelas Lingkung, dan Tiga Belas Jorong. Struktur rumah gadang dan balairungnya mempunyai lantai yang rata. [Lihat sketsa.]

Selepas zaman *Nimik Nan Batigo* (tiga serangkai) iaitu pemerintahan Datuk Katumanggungan, Datuk Parapatieh, dan Sebatang dan Cati Bilang Pandai, pucuk pemerintahan di Pagar Ruyung mempunyai struktur yang lain. Kuasa raja terbahagi tiga:

Raja Alam berkedudukan di Pagar Ruyung, *Raja Adat* berkedudukan di Buo, dan *Raja Ibadat* berkedudukan di Sumpur Kudus. Ketiga-tiga biasanya disebut *Raja Tiga Selo* (Raja Tiga Sila), masing-masing dengan hak dan kuasa yang berbeza. Raja Alam adalah ketua pemerintahan manakala Raja Adat mengendalikan urusan Undang-undang dan Hukum, sedangkan Raja Ibadat memegang urusan keagamaan. Pimpinan Raja Tiga Sela berada pada Raja Alam dan yang diertikan dengan Raja Alam ialah Raja Alam Minangkabau.

Raja Alam di Pagar Ruyung sebagai ketua pemerintahan dibantu oleh sebuah lembaga yang digelar *Basa Ampek Balai* (Pembesar Empat Balai):

- *Bandaharo* di Sungai Tarab (Pamuncak Koto Piliang) bertugas sebagai Ketua Menteri atau Menteri Besar
- *Andomo* di Saruaso (Puro Panuah Koto Piliang) bertugas sebagai Menteri Kehakiman dan Urusan Dalam Negeri.
- *Mangkudum* di Sumanik (Aluang Buntian Koto Piliang) bertugas sebagai Menteri Kewangan dan berkuasa atas rantau Minangkabau khususnya Rembau-Seri Menanti, Negeri Sembilan
- *Tuan Kadi* di Padang Ganting (Suluah Bendang Koto Piliang Suluah Benderang Koto Piliang) selaku Menteri Keagamaan.

Pemegang jawatan tertinggi, *Bandahara* di Sungai Tarab, dibantu oleh enam orang *gadang* (enam orang besar). Bersama-sama mereka digelar *Gadang nan Batujuhah* (Orang Besar yang sBertujuh):

- *Pamuncak Koto Piliang* – pemimpin
- *Pardamaian Koto Piliang* – pendamai nagari yang bersengketa
- *Pasak Kungkuang* (Pasak Kungkung) Koto Piliang – pengawas keamanan
- *Harimau Campo Koto Piliang* – panglima perang
- *Camin Taruih* (Cermin Terus) Koto Piliang – penyelidik
- *Cumati* (Cemeti) Koto Piliang – pelaksana hukum
- *Gajah Tongga* (Gajah Tunggal) Koto Piliang – utusan

Wilayah di luar luak yang dipimpin penghulu pada nagari (dearah) yang berstatus autonomi, dinamakan wilayah rantau. Statusnya terus di bawah Raja Alam. Memang mengungkapkannya: *Luhak bapangulu rantau barajo* (Luak penghulu rantau beraja). Pemerintah di rantau diangkat oleh raja atas hubungan darah atau perkahwinan. Panggilan mereka tidak seragam, misalnya: *Raja Muda* di rantau Indrapura, *Rajakacik* di Padang, *Bandahara* di Kampar dan *Tan Tuah* di Indragiri.

Demikian sistem pemerintahan di Laras Koto Piliang dan sistem beraja yang berpusat di Pagar Ruyung.

Dalam organisasi Bodi Caniago, selepas kematian Datuk Parapatiehan Sabatang, tambo hanya menyebut tentang *Datuk Bandaharo Kuning*, yang tinggal di Limo Kaum. Beliau tidak dianggap 'ketua' tetapi sebagai duta atau wakil Lareh Bodi Caniago di istana Daulat Yang Dipertuan di Pagar Ruyung. Ketika menjadi tetamu Raja semasa menghadiri sesuatu istiadat, beliau akan didudukkan berhadapan dengan Yang Dipertuan. Pada peringkat istiadat, semasa payung putih Datuk Bandaharo Sungai Tarab dikuncupkan, sebagai lambang tunduknya Koto Piliang kepada pemerintahan Raja, payung kuning Datuk Bandaharo Kuning tetap terbuka. Hal ini melambangkan bahawa Laras Bodi Caniago tidak tunduk kepada Raja Pagar Ruyung, tetapi tunduk kepada 'rajanya' sahaja, yakni rundenangan (rundenangan). Namun begitu dalam kerapatan adat di Balai Gadang di Ulak Tanjung Bunga, Datuk Bandaharo Kuning bertugas hanya sebagai pengurus, dan tidak mempunyai kuasa membuat keputusan dalam perihal Bodi Caniago, walaupun boleh bersuara dalam majlis ketua-ketua adat. Maka beliau digelar *Gajah Tungga Patah Gading*.

Bagi memudahkan rakyat bermusyawarah, Bodi Caniago mewujudkan beberapa balai tempat beradat. Jika di Koto Piliang didirikan *Langgam nan Tujuh*, maka di Bodi Caniago disediakan tempat beradat di Tanjung nan Tigo dan Lubuak nan Tigo. Keenam-enam pusat ini dianggap sebagai *Pardamaian Bodi Caniago*. Ada juga tambo yang menyebut satu lagi balai di Ulak Tanjung Bunga dan dinamakan *Tampek Gadang*. Laras Bodi Caniago dalam menghadapi pelbagai masalah membuat keputusan berpandukan kepada:



Puteri Duitia Melayu

*Tuah dek sakato
mulonya rundiengan dimupakati,
dilaiae (dilahir) lah samo nyato,
di batin bulieh dilieti (dilihati).*

Setelah dimusyawarahkan bersama-sama, maka hasil muafakat itu mestilah diperolehi melalui *kebulatan* (tiada yang membantah) dan ini berpandukan:

*Kato saurang dibulati,
kato basamo kato mupakek,
lah dapek rundiengan nan saiyu,
lah dapek kato nan sabuah,
pipieh nan indak basaduk (bersudut)
bulek nan indak basanding,
takuriang (terkurung) makanan kunci,
tapauik (terpaut) makanan lantak,
saukuu (seukur) mako manjadi,
sasuai mako takanak.*

*putuik gayueng dek balabeh (belepas)
putuik kato dek mupakek,
tabasuik (terbusut) dari bumi.*

Dengan berpandukan perbilangan ini dapatlah dirumuskan bahawa dalam mencari suatu keputusan, Laras Bodi Caniago yang menurut Adat Perpatih adalah sistem musyawarah mencari muafakat, semoga mendatangkan keharmonian dan kesejahteraan.

Demikianlah rakyat di Alam Minangkabau memilih adat atau peraturan hidup yang sesuai untuk mereka, sama ada aliran yang dibawa oleh Datuk Katumanggungan atau Datuk Parapatieh nan Sabatang, dua pemimpin yang berasal dari satu perut, Indo Jati. Bagaimanapun jika ditanya kepada Indo Jati: Apakah yang terbaik bagi manusia? Tentu jawapannya:

*Bulek aie (air) dek pambuluh (pembuluh)
bulek kato dek mupakek*



Dara Petak & Dara Jingga

DUA PUTERI MELAYU MELAHIRKAN DUA TOKOH MAJAPAHIT

Ini adalah cerita dua orang puteri yang berasal dari Melayu/Jambi (Sumatera Selatan), setelah dibawa ke Majapahit di Jawa, telah melahirkan dua orang tokoh, seorang menjadi pemerintah Majapahit dan seorang menjadi pengasas kerajaan baru di Melayu/Jambi iaitu Pagar Ruyung atau Minangkabau.

Dua puteri tersebut dibawa pulang oleh Mahisa Anabrang yang dihantar ke Melayu atau Jambi untuk menakluk daerah itu di bawah Dasar Pamalayu yang dianuti kerajaan Singasari, raja Kertanagara (1254-1292). Raja Singasari inilah yang tidak mahu tunduk kepada kuasa Mongol yang diterajui Kublai Khan di negeri China. Bagindalah yang menyelar dahi Duta China, Meng-chi sebagai tanda kebebasan dan kebanggaannya sebagai tonggak kerajaan Singasari. Kublai Khan yang amat marah kerana dutanya dihina sebegitu rupa menghantar satu angkatan besar ke Asia Tenggara untuk 'mengajar' Raja Kertanagara. Armada itu apabila sampai ke Campa tidak dibenarkan mendarat oleh Raja Jaya Singawarman III yang

permaisurinya ialah Puteri Tapasi [sila lihat ceritanya] yang berasal dari Singasari. Maka armada Mongol itu tidak dapat bekalan dan rehat secukupnya, namun sampai juga mereka ke Tanah Jawa.

Semasa tentera Mongol itu mendarat lalu diberitahu oleh Raden Wijaya (menantu Kertanagara) bahawa Kertanagara telah dibunuh oleh Jayakatwang, raja Kediri. Raden Wijaya meminta bantuan Shih-pi (Ketua tentera Mongol) untuk menentang Jayakatwang. Setelah Jayakatwang mati, Raden Wijaya berjaya menyerang angkatan Mongol itu dan menghalau mereka dari Jawa.

Sepuluh hari selepas angkatan Kublai Khan terhalau, kembalilah Mahisa Anabrang membawa dua puteri Melayu itu, seorang bernama Dara Petak dan seorang bernama Dara Jingga. Apakah erti nama-nama itu? 'Petak' dalam bahasa Minangkabau, 'pitok' yang bererti 'sepét'. Jadi Dara Petak bermakna 'gadis bermata sepet'. 'Jingga' atau 'jinggo' ialah warna kemerah-merahan, dan Dara Jingga ertinya 'gadis berkulit kemerah-merahan'.





Setelah keluarnya tentera Mongol dari Jawa, Naraya Sanggramawijaya diangkat menjadi Raja Majapahit (gabungan kerajaan Kediri dan Singasari) pada tahun 1293. Baginda memakai gelaran Kertarajasa Jayawardhana dalam tahun 1294.

Dara Petak, yang lebih muda, mungkin kerana kejelitannya dan mahir dalam melayani orang, dipilih oleh Raja Kertarajasa untuk dikahwini. Dara Petak pun digelar *stri tinuheng pura* yang bererti isteri utama. Baginda berdua beroleh seorang putera, Raden Kala Gemet, satu-satunya pewaris raja itu. Menurut *Nagarakretagama* lagu XLVII/2, Raja Kertarajasa mengahwini Indreswari yang melahirkan Jayanagara yang diangkat menjadi Raja Daha pada tahun 1305. Ini bermakna Dara Petak telah memakai gelaran baru iaitu Indreswari; dan puteranya, Raden Kala Gemet, bergelar Jayanagara ketika menjadi Raja Daha. Jayanagara kemudian diangkat menjadi Raja Majapahit yang kedua (1309 – 1328).

Dara Jingga pula dikahwinkan dengan seorang menteri kehormat di Singasari bernama Adwayawarman, dan mereka memperoleh seorang putera bernama Janaka Warmadewa. Beliau adalah pengasas kerajaan Minangkabau/Pagar Ruyung (Sumatera Barat) yang terkenal kemudian hari dengan gelaran Sang Adityawarman. Oleh kerana beliau terdiri di istana maka tentunya termasuk anggota elit dan mendalami segala ilmu yang diperlukan oleh seorang anak menteri, termasuk ilmu kenteraan, diplomasi, dan pentadbiran. Selain itu ibunya, Dara Jingga tentunya memupuk semangat berani, adil, bijaksana dan taat pada agama (Buddhisme) kepada anaknya ini. Oleh kerana Dara Jingga bertaraf rendah sedikit daripada kedudukan Dara Petak maka beliau tahu anaknya Aditya-warman tidak akan menjadi raja di Majapahit, namun digalakkan anaknya itu menjadi orang yang terkuat dan berpengaruh tetapi setia kepada tonggak kerajaan Majapahit. Lama kelamaan, Aditya-warman memegang jawatan menteri kanan *Wieddha Manteri* de-ngan gelaran *Sang Araya Dewaraja Pu Aditya*, dengan pangkat Prandhatara. Hal demikian berlaku semasa pentadbiran Ratu Rajapatni [sila lihat ceritanya] semasa memangku pemerintahann puteri baginda, Tribhuwanatunggadewi.

Dara Jingga yang berasal dari Malayu/Jambi itu dan ‘terperangkap’ di Majapahit sudah tentu berpesan kepada Adityawarman agar memperluaskan ilmu dan pengalaman terutama bergaul dengan

utusan luar negara seperti negara China. Dalam tahun 1326,

beliau dilantik menjadi utusan Majapahit ke negara China iaitu semasa pemerintahan Raja Jayanagara, putera Dara Petak; dan sekali lagi dalam tahun 1332 semasa pemerintahan Ratu Tribhuwanatunggadewi. Beliau bertugas di Majapahit sehingga tahun 1343. Adityawarman kemudiannya dihantar ke Malayu/Jambi dalam tahun 1347 untuk mengasaskan kerajaan Malayu-pura di Pagar Ruyung, Minangkabau bagi pihak Ratu Tribhuwanatunggadewi.

Adityawarman ini selain menjadi menteri di kraton, dan ahli diplomat ke negara China selalu ditugaskan menjadi Panglima Perang membawa tentera Majapahit menundukkan pemberontakan. Pada tahun 1295 Pemberontakan Sora, pada tahun 1316 Pemberontakan Lumajang, pada tahun 1319 Pemberontakan Dharmaputera, dan akhirnya Pemberontakan Sadeng pada tahun 1331. Dalam masa inilah Adityawarman menjadi Panglima Besar yang dapat mengamankan kecacauan itu, lalu digelar *Sang Dewaraja*, suatu gelaran yang hanya khusus untuk keturunan raja sahaja.

Setelah berbakti di Majapahit, putera kepada Dara Jingga ini meneruskan baktinya sebagai pengasas Malayu-pura yang bermula dari Malayu/Jambi terus merebak ke pedalaman menjadi kerajaan Pagar Ruyung/Minangkabau. Maksud menjadikan Adityawarman raja di Sumatera Selatan itu kerana kawasan inilah penghasil lada yang besar selain mengembangkan agama Buddha Tantrayana guna untuk membendung agama Islam yang sudah lebih dahulu bertapak di daerah-daerah itu. Maksud Adityawarman menjauhkan dirinya ke pedalaman agar dia bebas dari cengkaman Majapahit kerana beliau inginkan kebebasan. Ini terbukti dari pada prasasti Kuburajo yang menyebut beliau sebagai ‘Kanakamedindra’ atau Raja Negeri Emas (Suwarnadwipa = Sumatera) yakni sebagai Raja di Minangkabau.

Apabila Adityawarman sampai ke Malayu, yang mula-mula dilakukannya ialah memindahkan arca Wisnuwardhana yang ada di Sungai Langsat serta pemindahan pusat kerajaan Malayu dari Dharmasrja (Jambi) ke Daerah Batu Sangkar (Pagar Ruyung). Oleh kerana Adityawarman putera Dara Jingga, berasal Melayu dan leras faham keadaan Minangkabau maka beliau diterima



Puteri Dunia Melayu

menjadi Raja dan digelar Datuk Seri Maharaja Diraja. Kononnya Adityawarman menjadi raja itu tidak ditentang oleh rakyat, hanya kekuasaan Raja itu dibatasi hingga istananya sahaja dan di sekitar istana diberi berpagar dengan ruyung. Kuasa terhadap rakyat tetap seperti yang berlaku sebelum adanya Raja tersebut. Daerah kerajaan itu dimasyhurkan saja dengan 'Pagar Ruyung' sedangkan nama aslinya ialah Batang Bengkawas, terletak dekat Kota Batu Sangkar sekarang. Ada beberapa tugu peringatan yang didirikan oleh Adityawarman iaitu di Rambahan dan di Saruoso. Tugu yang kemudian sekali didirikan pada tahun 1375, mungkin juga tahun baginda meninggal dunia.

Itulah cerita dua orang puteri dari Melayu/Jambi (Sumatera) yang melahirkan dua orang tokoh, Raja Majapahit kedua dari dinasti Rajasa iaitu Jayanagara putera Dara Petak, dan seorang menteri yang besar jasanya di Majapahit dan kemudian menjadi raja Minangkabau pertama, Adityawarman, putera Dara Jingga.

Asal-Usul Minangkabau

Bercakap tentang Minangkabau, elok juga diceritakan asal-usulnya. Banyak kaba dan tambo Minangkabau menceritakan permulaan kerajaan Pagar-Ruyung/ Minangkabau. Sebuah di antaranya, *Tambo Alam Minangkabau*, menceritakan pada satu hari datang sebuah kapal yang membawa kerbau yang panjang tanduknya, dan kapal itu mendarat di Bukit Gombak. Nakhodanya berkata kepada ketua masyarakat pada waktu itu, iaitu Datuk Ketemunggungan dan Datuk Perpatih Nan Sebatang:

"Marilah kita adakan pertandingan beradu. Andainya kalah kerbau hamba, maka seluruh isi kapal menjadi milik masyarakat Datuk berdua. Akan tetapi jikalau kerbau Datuk Ketemunggungan dan Datuk Perpatih Nan Sebatang yang kalah, daerah Datuk berdua akan diserahkan kepada hamba."

Pertandingan itu dipersetujui oleh datuk berdua beradik itu dan setelah berunding timbullah dan berfikir panjang terdapatlah akal bagaimana akan mengalahkan kerbau nakhoda kapal itu. Mereka pun mencari anak kerbau yang sedang kuat menyusui. Sehari



Isnan Jabatan Muzium dan Antikuiti

Puteri Palembang lazim memakai baju kurung besar tenunan songket bunga penuh yang dipadankan dengan kain sarung songket. Selendang daripada kain sarung diselempangkan pada bahu. Memakai barang kemas yang banyak dipakai oleh masyarakat Melayu di Kepulauan Sumatera.



Puteri Dunia Melayu

sebelum anak kerbau itu dihadapkan ke dalam gelanggang, ia tidak diberi susu setitis pun.

Keesokan harinya, pada masa gelanggang akan dibuka, maka dipasang pada tanduk anak kerbau itu 'minang' yang diperbuat daripada besi. Kedua-dua ekor kerbau itu pun dihadapkan lalu dilepaskan. Serta-merta anak kerbau itu menerkam dan menyeruduk ke bawah perut kerbau Nakhoda dan cuba menyusui. Oleh sebab diruduk-ruduk perut kerbau besar itu maka putus-putuslah perutnya, lalu ia lari kesakitan. Kemudian hari, tempat mengadu kerbau itu iaitu sebuah kampung maka kampung itu dinamakan 'Minang'; dan pada tempat perutnya keluar terburai dinamakan kampung 'Sinurut'. Kemudian kerbau itu berusaha hendak lari terus tetapi ia sudah tidak berdaya lagi lalu matilah kerbau itu. Tempat matinya kerbau itu dinamakan Kampung 'Sijangat', disebut sedemikian kerana di situlah kerbau itu dikuliti (dijangati) oleh penduduk setempat.

Kemudian diketahui bahawa isi kapal Nakhoda itu ialah tentera Majapahit yang besar jumlahnya. Banyak tempat sudah ditakluknya kecuali Minangkabau. Raja Majapahit terlalulah murka (marah) mendengar kekalahan itu lalu menghantar Adityawarman untuk sekali lagi mencuba mengalahkan Minangkabau.

Sejak kerbau Datuk Ketemunggunan dan Datuk Perpatih Nan Sebatang menang, maka daerah-daerah yang di bawah kekuasaan kedua penghulu itu dinamakan 'Alam Minangkabau'. Kedatangan Adityawarman dengan tenteranya menyebabkan kedua-dua penghulu itu menyerah dan tidak melawan bahkan menerimanya sebagai penguasa atau Yang Dipertuan Alam Minangkabau dan bersemayam di Pagar Ruyung. Dikatakan selanjutnya bahawa Adityawarman berkahwin dengan adik Datuk Ketemunggunan dan seluruh Sumatera Selatan tunduk di bawahnya kerana beliau seorang Raja yang arif dan bijaksana serta pandai mentadbir negara.

*Kalau jagung kulitnya putih,
Tidak berbunga masa berubah;
Di laut Temenggun di darat Perpatih,
Adat berpunca kitab Allah.*

*Buat bangsal di Pulau Daik,
Menahan taut sambil mengilau,
Kalau asal benih yang baik,
Jatuh ke laut menjadi pulau.*



Puteri Makhdum Tansyuri

PENGASAS DINASTI NEGARA ISLAM TERTUA

Bilakah agama Islam mula bertapak di Dunia Melayu dan siapakah raja pertama yang memeluknya? Adakah puteri Melayu yang terlibat? Semasa pemerintahan Mu'awiyah bin Abu Sufian, pengasas kerajaan Bani Umay-yah (661 – 680 M) baginda berusaha memperluaskan Empayar Islam, bukan saja ke barat malah ke timur termasuk ke Dunia Melayu. Walaupun matlamat baginda hendakkan monopoli perdagangan lada hitam yang dihasilkan oleh kerajaan Melayu-Jambi, namun di samping itu baginda mengajak Raja Lokitawarman (pemerintah Melayu ketika itu) memeluk agama Islam. Pelawaan itu telah ditolak oleh Lokitawarman yang menganut agama Buddha. Namun begitu, pemerintah Melayu yang berikutnya, Raja Srindrawarman telah menganut Islam kira-kira pada tahun 718 M, hasil usaha Khalifah Umar bin Abdul Aziz (717 – 720 M).

Setelah peristiwa itu kerajaan Melayu dikenali orang Arab sebagai Sribuza Islam. Menurut catatan I-Tsing, pada masa itu Melayu di bawah kekuasaan Sriwijaya Palembang. Kerajaan Islam ini kemudian jatuh kembali ke bawah kerajaan Sriwijaya Palembang (*Shih-li-fo-shih*) yang beragama Buddha hasil campur tangan kerajaan Tang (China) yang berasa bahawa perdagangan lada hitamnya terancam oleh pengislaman Melayu-Jambi. Sriwijaya menawan kembali Jambi (sekitar tahun 730 M) setelah membunuh

Indrawarman, maharaja Islamnya yang kedua dan terakhir.

Pada awal abad ke-9 Masihi, agama Islam telah tersebar di Perlak (Sumatera Utara) hasil usaha para ulama Syiah yang dipimpin oleh Nakhoda Khalifah. Beliau serta para pengikutnya sampai sekitar tahun 820 M. Mereka datang ke Perlak akibat kekalahan pihak Syiah di tangan Bani Abbasiyah. Khalifah al-Makmum (813 – 833) menghadapi pemberontakan kaum Syiah Alawiyah, pimpinan Muhammad bin Ja'afar as-Sadiq di Mekah. Walaupun al-Makmum berjaya mengalahkan pemberontakan itu, baginda telah memaafkan mereka dan mengizinkan agar mereka berdagang di luar Tanah Arab. Satu daripada rombongan itulah rombongan Nakhoda Khalifah.

Di Perlak, rombongan Syiah itu dapat mengislamkan Meurah Syahr Nuwi, pemerintah Perlak yang pada masa itu sebuah pelabuhan dan petempatan yang dikuasai oleh orang Parsi. Bahkan Syahr Nuwi sendiri berketurunan Parsi. Salah seorang daripada anggota rombongan itu, Ali bin Muhammad bin Ja'afar as-Sadiq, telah berkahwin dengan adik Meurah Syahr Nuwi yang bernama Puteri Makhdum Tansyuri. Hasil perkahwinan ini melahirkan seorang putera bernama Sayyid Abdul Aziz, yang kemudiannya diangkat menjadi Sultan Perlak yang pertama pada tahun 840 M, dengan memakai gelaran Sultan Sayyid Maulana Abdul Aziz Syah. Dengan itu bermulalah pemerintahan Dinasti Aziziyah di Perlak.

Dinasti Aziziyah ini telah memerintah Perlak agak lama iaitu selama lima generasi sehingga kuasa beralih pada Dinasti Makhdm daripada golongan bangsawan asal Perlak yang bermazhab Ahli Sunnah Wa'l-Jamaah.

Puteri Makhdm Tansyuri yang cantik jelita (keturunan Parsi dan Melayu) itu adalah puteri pengasas Dinasti Aziziyah yang bermula dengan puteranya Sayyid Abdul Aziz. Beliau juga adalah sultan Perlak yang pertama. Suami Puteri Tansyuri, iaitu Ali bin Muhammad adalah cucu Muhammad bin Ja'afar as-Sadiq (atau Muhammad ad-Dibaj) yang memberontak menentang Khalifah al-Makmum di Mekah. Oleh kerana menyedari dengan terus menentang Khalifah Abbasiyah itu tidak akan mendatangkan keuntungan politik, golongan Syiah itu mengubah hasrat mereka untuk berdakwah di Kepulauan Melayu, dan telah ditetapkan takdir berjaya mendirikan kerajaan Islam pertama di Perlak.

Antara usaha penting kerajaan Perlak ialah menubuhkan beberapa buah *zawiyah* atau *dayah* [sekolah pondok] untuk mengajar dan mendalami agama, misalnya pada zaman Sultan Sayyid Maulana Abdul Rahim Syah telah didirikan Dayah Bukit Ce Breck, dan dalam zaman sultan yang berikutnya iaitu Sultan Sayyid Maulana Abbas Syah ditubuhkan Dayah Cot Kala. Dengan adanya dayah-dayah ini maka agama Islam (mazhab Syiah) berkembang di sekitar Perlak.

Pedagang Islam yang datang ke Perlak sebenarnya terdiri daripada golongan Syiah dan Sunni. Oleh yang demikian berlakulah perselisihan dan menjadi pertentangan terbuka pada zaman pemerintahan Sultan Sayyid Maulana Ali Mughayah Syah (915 – 918). Dalam pereng saudara antara dua mazhab itu pihak Sunni meraih kejayaan, lalu mengangkat seorang sultan yang bergelar Sultan Makhdm Alaidin Malik Abdul Kadir Syah Johan Berdaulat (918 – 922). Dengan itu runtuhlah Dinasti Aziziyah diganti dengan Dinasti Makhdm. Sebagai akibat perbalahan antara dua mazhab itu Perlak menjadi kucar-kacir, namun atas usaha sultan berikutnya Sultan Makhdm Alaidin Malik Muhammad Amin Syah Johan Berdaulat (922 – 946) diadakan perdamaian dan seorang daripada keturunan Aziziyah, Sayyid Maulana Abdullah, diangkat menjadi Perdana Menteri.

Namun perdamaian ini buat sementara saja, kerana dalam pemerintahan sultan berikutnya, Sultan Makhdm Alaidin Abdul Malik Syah Johan Berdaulat (946 – 973) tercutus kembali perang antara dua mazhab itu yang berlarutan selama kira-kira empat tahun. Akhirnya diadakan satu perjanjian yang disebut Perjanjian Alue Meuh yang dimeterai pada 10 Muharram 353 H. Dengan perjanjian ini negeri Perlak dibahagi dua: Perlak Baroh (Bandar Khalifah) diserahkan kepada Dinasti Aziziyah (Syiah) manakala Perlak Tunong ditadbir oleh Dinasti Makhdm (Sunni). Selepas itu agama Islam daripada kedua aliran itu terus berkembang di sekitar pesisir Sumatera Utara.

Walaupun antara dua mazhab itu sudah ada penyelesaian namun pada tahun 986, Perlak diserang oleh Sriwijaya (yang beragama Buddha). Perlak Baroh kalah oleh Sriwijaya dan Sultan Sayyid Maulana Mahmud Syah (976 – 988) terbunuh. Walaupun begitu, Perlak Tunong tidak dapat ditawan oleh Sriwijaya. Sriwijaya tidak bertapak lama di Perlak kerana pada tahun 1006 tentera Sriwijaya terpaksa berundur dari Perlak oleh sebab ancaman kerajaan Dharma Wangsa dari Jawa. Walaupun kawasan pesisir Perlak dipengaruhi Buddhisme Sriwijaya namun kawasan pedalaman Perlak tetap teguh dengan Islamnya dan terus berkembang. Bahkan Raja Lingga, Adi Genali, berjaya diislamkan oleh Syeikh Sirajuddin dalam zaman pemerintahan Sultan Makhdm Alaidin Malik Ibrahim Syah Johan Berdaulat (1012 – 1059) yang juga berjaya menyatukan seluruh Perlak di bawah satu kerajaan.

Berkat perut Puteri Makhdm Tansyuri yang melahirkan urutan dinasti kerajaan di Perlak, kaum wanita dalam kerajaan Islam Perlak telah diangkat maratbanya dengan penerimaan mereka dalam pentadbiran negara. Perkara ini memang jarang terdapat di negara Islam lain melainkan di Aceh Darussalam dan di Patani Darussalam. Seorang puteri raja, anakanda Sultan Makhdm Alaidin Malik Abdullah Syah Johan Berdaulat (1078 – 1108) bernama Puteri Nur'ul-'Ala dilantik menjadi Mangkubumi (memainkan tugas dan peranan sebagai Perdana Menteri) kerajaan Perlak dalam zaman pemerintahan Sultan Makhdm Alaidin Malik Ahmad Syah Johan Berdaulat (1108 – 1134). Seorang lagi yang bernama Puteri Nur'ul-Qadimah telah dilantik memegang jawatan Ketua Urusan Baitu'l-Mal (Perbendaharaan Negara). Tentunya kedua puteri ini adalah wanita yang dalam ilmu mereka



Puteri Dunia Melayu

tentang pentadbiran dan urusan kewangan untuk diangkat ke jawatan-jawatan terpenting negara. Di bawah ini diturunkan senarai sultan yang memerintah Perlak dari keturunan Ali bin Muhammad bin Ja'afar as-Sadiq dengan Puteri Makhdum Tansyuri:

1. Sultan Alaiiddin Sayyid Maulana Abdul Aziz Syah (840 – 864)
2. Sultan Alaiiddin Sayyid Maulana Abdul Rahim Syah (864 – 888)
3. Sultan Alaiiddin Sayyid Maulana Abbas Syah (888 – 913)
4. Sultan Alaiiddin Sayyid Maulana Ali Mughayat Syah (915 – 918)

Sultan seterusnya daripada golongan Makhdum yang bermazhab Ahlul-Sunnah wal-Jamaah:

5. Sultan Makhdum Alaiiddin Malik Abdul Kadir Syah Johan Berdaulat (918 – 922)
6. Sultan Makhdum Alaiiddin Malik Muhammad Amin Syah Johan Berdaulat (922 – 946)
7. Sultan Makhdum Alaiiddin Malik Abdul Malik Syah Johan Berdaulat (946 – 973)
8. Sultan Makhdum Alaiiddin Sayyid Maulana Mahmud Syah (976 – 988) memerintah Perlak Baroh. Sultan Makhdum Alaiiddin


Malik Ibrahim Syah Johan Berdaulat (976 – 1012) memerintah Perlak Tunong.

9. Sultan Makhdum Alaiiddin Malik Ibrahim Syah Johan Berdaulat (1012 – 1059) berjaya menyatukan seluruh Perlak.
10. Sultan Makhdum Alaiiddin Mansur Syah Johan Berdaulat (1059 – 1078)
11. Sultan Makhdum Alaiiddin Malik Abdullah Syah Johan Berdaulat (1078 – 1108)
12. Sultan Makhdum Alaiiddin Malik Ahmad Syah Johan Berdaulat (1108 – 1134)
13. Sultan Makhdum Alaiiddin Malik Mahmud Syah Johan Berdaulat (1134 – 1158)
14. Sultan Makhdum Alaiiddin Malik Usman Syah Syah Johan Berdaulat (1158 – 1170)
15. Sultan Makhdum Alaiiddin Malik Muhammad Syah Johan Berdaulat (1170 – 1196)
16. Sultan Makhdum Alaiiddin Malik Abdul Jalil Syah Johan Berdaulat (1196 – 1225)
17. Sultan Makhdum Alaiiddin Malik Muhammad Amin Syah II Johan Berdaulat (1225 – 1263)
18. Sultan Makhdum Alaiiddin Malik Abdul Aziz Syah Johan Berdaulat (1263 – 1292)

*Pohon limau buahnya jati,
Tidak boleh dimakan;
Hidup di dunia lawannya mati,
Budi bahasa yang kita tinggalkan.*



SALASILAH PUTERI MAKHDUM TANSYURI
DAN KESULTANAN PERLAK





Puteri Ganggang Sari

MENYATUKAN DUA NEGARA ISLAM BERLAINAN FAHAMAN

Walaupun *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Raja-raja Pasai* menyatakan bahawa Meurah Silu (Silau) atau Malik'us-Saleh adalah raja pertama Samudera-Pasai dan raja pertama memeluk agama Islam, namun kajian terkini dengan penemuan barunya berasaskan data-data terkini menolak dakwaan itu.

Kerajaan Samudera didirikan kira-kira pada tahun 1042 dan rajanya yang pertama ialah Meurah Khair yang bergelar Maharaja Mahmud Syah (1042–1078). Keturunan Meurah Khair memerintah Samudera sehingga tahun 1210. Selepas itu Samudera dikuasai oleh keturunan Meurah Silu (Malik'us-Saleh) yang memerintah dari tahun 1261 hingga tahun 1428.

Apakah pentingnya Malik'us-Saleh di dalam cerita ini?

Pemerintah negeri Perlak yang ke-17 iaitu Sultan Makhdom Alaidin Malik Muhammad Amin Syah II Johan Berdaulat (1225–1263) ingin merapatkan tali silatur-rahim dengan Samudera-Pasai, lalu baginda mengahwinkan puteri baginda yang bernama Puteri Ganggang Sari (Puteri Raihani) dengan Sultan Malik'us-Saleh yang memerintah kerajaan Samudera-Pasai, iaitu raja Samudera-Pasai yang kelima. Raja-raja Samudera-Pasai sebelum Malik'us-Saleh adalah seperti berikut ini:

1. Maharaja Mahmud Syah (Meurah Giri/Khair) (1042 – 1078)
2. Maharaja Mansur Syah (1078 – 1133)
3. Maharaja Ghiyathuddin Syah (1133 – 1155)
4. Maharaja Nuruddin (Meurah Noe/Sultan al-Kamil) (1155 – 1210)
5. Malik'us-Saleh (Meurah Silu) (1261 – 1289)

Antara tahun 1210 dan 1261 telah berlaku perebutan kuasa di Samudera-Pasai sehinggalah Meurah Silu berjaya menduduki takhta pada tahun 1261.

Sejak perkahwinan Puteri Ganggang Sari dengan Malik'us-Saleh negeri Islam Perlak mula merosot dan Samudera-Pasai pula semakin kuat dan berkuasa. Hasil perkahwinan Puteri Ganggang Sari dari Perlak dengan Malik'us-Saleh lahirlah seorang putera yang kemudiannya menjadi Sultan Muhammad Malik'uz-Zahir (1297 – 1326). Berkat gagah berani ayahandanya, Malik'us-Saleh dan kebijaksanaan serta budi pekerti bondanya, Puteri Ganggang Sari, Malik'uz-Zahir berjaya menyatukan Samudera-Pasai dengan kerajaan Perlak. Hal yang demikian berlaku disebabkan raja Perlak tidak mempunyai anak lelaki untuk menggantikan baginda. Baginda mempunyai tiga orang puteri, iaitu Puteri Latifah Hanum, Puteri Nur Azizah dan Puteri Nur Khatimah.

Pada abad ke-13, seluruh Mesir dan Hijaz dikuasai oleh kerajaan



Puteri Dunia Melayu

Mameluk yang berfahaman Sunni, maka dihantar oleh Syarif Mekah dua orang pendakwah, Syeikh Ismail dan Fakir Muhammad (bekas Sultan Mala'abar) ke Samudera-Pasai untuk menukar fahaman penduduknya daripada fahaman Syiah kepada fahaman Sunni. Sebelum kedatangan dua orang pendakwah itu, Meurah Silu dan penduduk Samudera-Pasai telah pun memeluk agama Islam tetapi fahaman Syiah. Di bawah pemerintahan raja Samudera-Pasai yang keenam, Sultan Muhammad Malik'uz-Zahir Bahian Syah (putera Malik'us-Saleh dengan Puteri Ganggang Sari), Islam mazhab Sunni telah berkembang dengan pesatnya serta meliputi negeri Perlak yang turut disatukan dalam kerajaan Samudera-Pasai.

Keturunan Puteri Ganggang Sari seterusnya, Sultan Ahmad Bahian Syah Malik'uz-Zahir (1326 - 1349) meneruskan dakwah Islamiah dengan pesatnyanya. Selain memperluaskan jajahan taktuknya baginda turut menyebarkan Islam ke pedalaman yang belum menerima agama itu. Menurut Ibnu Battutah, Malik'uz-Zahir adalah seorang pemerintah Islam yang bermazhab Syafi'i yang paling alim dan warak pernah ditemuinya. Dikatakan baginda amat menghormati para ulama, dan sering dikelilingi ulama, antaranya dua orang yang berasal dari Parsi, Syarif Amir Syed al-Syirazi dan Tajuddin al-Isfahani. Pada masa inilah

Samudera-Pasai menjadi pusat pembelajaran dan penyebaran Islam yang utama di Kepulauan Melayu.

Dari Samudera-Pasai, Islam terus berkembang ke kawasan-kawasan lain seperti ke Kedah, Melaka, Patani, Jawa dan Sulawesi. Semasa pemerintahan Sultan Zainal Abidin Bahian Syah (1385-1405) dua orang ulama iaitu Maulana Malik Ibrahim dan Maulana Ishak, telah dihantar ke Jawa untuk berdakwah dan menyebarkan Islam di sana.

Pada tahun 1414 salah seorang puteri Pasai telah dikahwinkan dengan Megat Iskandar Syah, pemerintah kedua kerajaan Melaka Daru'l-'Azim. Megat Iskandar Syah memeluk Islam kerana perkahwinan itu. *Sejarah Melayu (Sulalatus-Salatin)* mencatatkan beberapa kali Melaka menghantar masalah agama ke Pasai untuk diselesaikan.

Banyak orang mungkin tidak mengenal mahupun mengenang jasa Puteri Ganggang Sari yang melalui perkahwinannyanya dengan seorang raja dari Samudra-Pasai melahirkan zuriat yang teguh pendirian Islamnya selain gigih menyebarkannya sehingga Samudera-Pasai suatu waktu dalam sejarahnya tercatat sebagai pusat pengajian dan penyebaran agama Islam utama di Dunia Melayu.

*Puas saya bertanam ubi,
Nanas juga dipandang orang;
Puas sudah ku tabur budi,
Emas juga dipandang orang.*



Kendi Labu untuk digunakan oleh wanita-wanita berumur



Kendi Ganyung untuk kanak-kanak




Kendi Rawan untuk kaum lelaki



Kendi Banan untuk kaum wanita

Jenis-jenis kendi dari Aceh Tengah

**SALASILAH PUTERI GANGGANG SARI DAN SULTANAH NAHRASIYAH
 SERTA KESULTANAN SAMUDERA-PASAI**



Pada tahun 1524, Pasai ditawan oleh Aceh dan seterusnya ditadbir oleh Sultan-sultan Aceh



Raja Aisyah

PERJUANGKAN EMANSIPASI WANITA BERSENJATAKAN PENA

Seorang wanita tidak semestinya berjuang dengan bersilat, bermain senjata atau bersuara lantang secara terbuka demi memartabatkan kaum wanita. Kuasa pena yang mengalirkan kata-kata yang halus tapi berbisa juga mampu dijadikan sebagai alat dalam sesebuah perjuangan yang murni.

Pada sekitar tahun 1870-an, lahirlah seorang puteri bernama Raja Aisyah binti Sulaiman di Kompleks Istana di Pulau Penyengat, Riau. Beliau adalah generasi ke-empat keturunan Daeng Celak, bangsawan Melayu-Bugis dan dibesarkan dalam persekitaran ahli keluarga dan masyarakat yang terdiri daripada ilmuwan, budayawan, cendekiawan dan ahli politik. Raja Aisyah adalah cucu kepada Raja Ali Haji, seorang tokoh terkenal dalam politik, pakar bahasa, ahli sejarah, ulama, budayawan dan pengarang di Pulau Penyengat. Semenjak dalam buaian lagi Raja Aisyah Sulaiman mendengar keindahan puisi, syair, pantun serta hikayat yang dibaca dan didendangkan oleh ahli keluarga dan inang pengasuhnya. Pada usia yang muda lagi, beliau amat berminat membaca dan rajin meminjam buku daripada Khutub Khanah Marhum Ahmadi yang telah ditubuhkan oleh Raja Muhammad Yusof dan terletak di Masjid Raya di Pulau Penyengat. Raja Aisyah seorang yang pintar dan mudah menghafaz apa saja yang dengari dan dipelajarinya.

Apabila meningkat dewasa, Raja Aisyah berasa tidak tenang hidup dalam kompleks istana kerana jiwanya berasa tertekan dan diganggu masalah perkahwinan dan adat resam yang pada pendapatnya menyekat kebebasan wanita dalam masyarakat patriarki. Namun, Raja Aisyah telah dikahwinkan dengan sepupunya bernama Raja Khalid Hitam yang juga dari keturunan bangsawan Melayu-Bugis. Raja Khalid Hitam adalah seorang usahawan dan ahli politik Riau. Besar kemungkinan Raja Aisyah tidak bersedia untuk berkahwin, namun dipaksa menurut kehendak ahli keluarganya.

Pada tahun 1911, apabila Belanda menjajah Riau-Lingga dan menyingkir Sultan Abdul Rahman dari Pulau Penyengat, keadaan di Pulau Penyengat menjadi huru-hara. Ramai penduduk menyelamatkan diri meninggalkan Pulau Penyengat. Raja Aisyah dan suaminya menumpang sebuah kapal Aceh menuju ke Singapura. Ketika di Singapura, suaminya bergiat dalam urusan perniagaan sekitar Pulau Penyengat, Johor Bahru dan beberapa tempat lain di samping menyusun strategi untuk menentang Belanda. Pada tahun 1913, Raja Aisyah telah belayar ke negara Jepun untuk menemani suaminya yang giat berusaha bagi mendapatkan bantuan ketenteraan Jepun untuk menumpaskan Belanda di Riau. Tidak berapa lama kemudian Raja Aishah pulang ke Singapura sendirian. Pada 11 Mac 1914, Raja Khalid Hitam meninggal dunia tanpa Raja Aisyah di sisinya di sebuah hospital di



Raja Aisyah Sulaiman bersama suaminya.

Dari Prof. Azaliah Dhor, Cuo Ming, ATMA, UUM, Bangi



Tokyo akibat cuaca yang terlalu sejuk. Raja Aisyah hampir tidak mempercayai berita sedih itu sehinggakan beberapa bulan selepas mendapat berita itu, Raja Aisyah tetap setia menunggu kepulangan suaminya yang biasanya akan pulang selepas keluar berniaga untuk beberapa minggu dan menyuruh pembantu rumahnya menyediakan makan minum untuk suaminya.

Sebagai seorang balu muda berusia 30-an, kehidupan Raja Aisyah tidak aman kerana begitu ramai golongan atasan dan bangsawan berhasrat memperisterikannya. Namun semua lamaran itu berjaya ditolaknya melalui budi bicara dan pelbagai helah serta muslihat. Raja Aisyah tidak pernah berkahwin semula selepas suaminya meninggal dunia walaupun hidupnya agak sunyi kerana tanpa anak. Bukulah menjadi teman karibnya setiap masa. Selain itu ia banyak memanfaatkan masanya dengan beribadat, menimba ilmu dan juga mengarang hikayat dan syair.

Dari segi watakannya, Raja Aisyah seorang yang berjiwa kental, kuat beribadat, berdisiplin, tabah, berkeyakinan diri yang tinggi serta amat menghargai masa. Kebijaksanaan, pengetahuan yang luas serta pendedahan awal tentang sastera Melayu memudahkan Raja Aisyah menyusun kata dan ungkapan yang indah dalam karyanya. Tambahan pula, Raja Aisyah sudah mula berkarya semenjak berusia muda.

Pada sekitar abad ke-18, arus gerakan feminisma yang memperjuangkan pembebasan wanita daripada kuasa patriarki yang bermula di Eropah sudah mula tersebar ke Alam Melayu. Dalam pemerhatiannya, beliau juga berasa tidak senang hati dengan keadaan penindasan terhadap kaum wanita oleh laki-laki. Pada zaman itu kaum wanita tidak mendapat layanan yang baik, kurang dihormati, diperlekehkan dan dipandang rendah oleh laki-laki. Raja Aisyah tahu betapa sukarnya memperjuangkan kedudukan wanita jika berlawan secara terbuka dengan kaum laki-laki. Namun perasaan dan keperitan melihat penderitaan yang dialami kaum wanita yang ditindas dan dipermudahkan oleh kaum laki-laki sudah tidak dapat dibendung lagi.

Pada masa itu, Raja Aisyah tidak dapat berkongsi wawasan perjuangan tersebut dengan sesiapa pun kerana tiada wanita yang berpengetahuan luas yang dapat merasa betapa ruginya kaum

wanita di dalam masyarakat patriarki. Walaupun seruan untuk memperjuangkan emansipasi wanita sudah mula masuk ke alam Melayu dari Eropah dan Timur Tengah namun tiada wanita yang berani menyokong seruan tersebut baik secara langsung ataupun tidak langsung. Raja Aisyah telah bertekad menyahut seruan tersebut walaupun secara bersendirian dan dengan hanya bersejatakan pena.

Tujuan Raja Aisyah berkarya adalah untuk menyedar, merangsang, mendidik dan membuka minda kaum wanita agar mengangkat maruah diri khususnya dan kaum wanita amnya. Selain itu, penulisanannya adalah untuk meluahkan jeritan batin kaum wanita, pendapat dan wawasan juga bertujuan untuk mengubah tanggapan kaum laki-laki terhadap kaum wanita. Semua itu menjadi sumber inspirasi Raja Aisyah dalam berkarya. Bagi Raja Aisyah, suatu karya yang baik harus ada syair dan pantun. Raja Aisyah bijak menyulam keindahan bahasa Melayu yang halus tetapi menyengat selain menggunakan strategi penyamaran diri dalam beberapa watak dalam karyanya. Antara kaaryanya:

- 1) *Hikayat Shamsul Anuar* - 1067 halaman.
Terbitan Matbaah al-Ahmadiyah di Singapura pada 1927
(2 tahun selepas Raja Aisyah meninggal dunia.)
- 2) *Syair Khadamuddin* -1483 rangkap syair.
Terbitan Matbaah al-Ahmadiyah di Singapura pada 1927.
- 3) *Hikayat Shariful Akhtar* -25 jilid buku latihan sekolah rendah dan masih dalam bentuk naskah di Muzium Kuala Terengganu. Jilid pertama diterbitkan di Singapura pada 1929.

Secara ringkas, *Hikayat Shamsul Anuar* dan *Syair Khadamuddin* mengisahkan wanita dalam proses pencarian martabat diri dalam masyarakat patriarki. Afandi Hakim adalah watak utama dalam *Hikayat Shamsul Anuar*, seorang wanita yang lembut, serba tahu, mempunyai jiwa yang kental serta kekuatan fizikal seperti lelaki. Ini adalah sebuah karya yang berunsur bantahan beliau terhadap tanggapan kaum laki-laki bahawa wanita adalah golongan lemah dan berjiwa rapuh. Hikayat ini juga turut menggambarkan penderitaan wanita sebagai akibat tidak dilayan dengan adil oleh




Puteri Dunia Melayu

kaum laki-laki. Dalam *Syair Khadamuddin* pula, watak utamanya ialah Sabariah, seorang wanita jenis 'baharu' yang jelita tetapi berjiwa kental, berani serta pandai memelihara maruah diri dan mengelak godaan laki-laki. Wanita jenis 'baharu' tidak seperti puteri dalam pingitan istana zaman silam yang segan silu. Wanita jenis 'baharu' ini pintar berkata-kata dan dapat mengeluarkan pendapat yang bernas. Dari segi teknik penulisan, Raja Aisyah hanya

mengarang dan akan menyuruh orang lain untuk menyalin semula karya beliau dengan menggunakan lidi kabung atau ludi ayam atau pena celup.

Raja Aisyah berani memberontak secara ekspresif tetapi tidak secara langsung, hanya bersenjatakan pena dalam usahanya yang berterusan bagi pemertabatan dan emasipasi kaum wanita dalam masyarakat patriarki. Karyanya menjadikan Raja Aisyah seorang pengarang feminis yang terulung dan amat berbeza daripada enam orang pengarang Riau-Lingga sebelum dan sezaman dengan beliau iaitu; Raja Zaleha, Raja Safiah, Raja Kalthum, Salamah, Khatijah Terung dan Badariah. Mereka ini lebih cenderung menceritakan citra wanita tradisional seperti perihal rumah tangga dan kesihatan. Wanita dibayangkan sebagai kaum pasif, selalu mengalah kepada kaum laki-laki dan tidak berani bersuara serta membantah walaupun jiwa mereka terseksa.

Raja Aisyah Sulaiman meninggal dunia pada tahun 1925, dalam lingkungan usia 50-an kerana sakit ahmar di Singapura dan kemudian disemadikan di Pulau Penyengat. Setelah Raja Aisyah meninggal, maka pengarang-pengarang yang lain pula berkarya dengan penuh yakin, berani, ekspresif dan individualistik. Sesungguhnya Raja Aisyah menjadi sumber inspirasi dan pencetus gelombang pembaharuan bukan sahaja bagi kaum wanita malahan dalam dunia sastra Melayu. Demikianlah kisah seorang pengarang ulung wanita Melayu.



Pulau Penyengat dalam peta Kepulauan Riau-Lingga wilayah Kerajaan Melayu Johor - Riau abad ke-17 hingga ke-18



Ratu Suria

PENGASAS KETURUNAN KESULTANAN SAMBAS



leh sebab pemikiran kebanyakan orang sudah begitu lama dihadkan oleh penjajah tentang Dunia Melayu, maka yang mereka tahu hanya dunia mereka sendiri, Malaysia, dan Dunia Melayu yang lain setakat

yang besar-besar seperti Indonesia, Brunei Darus-Salam dan Filipina. Mereka seolah-olah lupa bahawa pada satu masa dahulu banyak lagi negeri Melayu selain itu seperti misalnya Sambas, Sukadana dan Pontianak. Oleh sebab negara Brunei pada abad ke-17 adalah sebuah negara yang luas pengaruhnya maka elok kita ikuti cerita seorang anak raja Brunei yang berkahwin dengan Ratu Suria menjadi titisan darah raja-raja kesultanan Sambas.

Apabila Sultan Hasan (Marhum di Tanjung) Sultan Brunei ke-9 mangkat, ia diganti oleh Sultan Abdul Jalilul Akbar (1597-1659). Adinda baginda, Pangeran Muda Tengah berniat hendak menaiki takhta kerajaan Brunei dengan alasan baginda diputerakan sesudah ayahanda baginda dipuspankan ditabalkan], tidak seperti kekanda baginda Sultan Abdul Jalilul Akbar yang diputerakan pada waktu

ayah-andanya belum ditabalkan lagi. Hasratnya tidak dizahirkan secara terang-terangan melainkan baginda berkelakuan ganjil, gila-gila bahasa sebagai mencari sebab yang boleh menimbulkan perselisihan dengan kekanda baginda. Sultan Abdul Jalilul Akbar pula faham akan maksud adindanya tetapi baginda pura-pura tidak mengetahui dan tidak mengendahnya sangat. Agar tidak menjadi perkara yang lebih serius, maka Pangeran Muda Tengah dilantik menjadi raja di Sarawak (yang pada masa itu memang sebahagian Brunei).

Pangeran Muda Tengah ini digelar Sultan Tengah, dan apabila dilantik menjadi Raja Sarawak, baginda pun belayar dengan seribu orang pengiring daripada orang Pebalit, orang Kedayan dan orang Pulau Bunut, selain anak orang baik-baik yang akan memegang jawatan-jawatan penting. Setelah membina istana, lapau dan kota, maka ditetapkan jawatan serta gelarannya sekali seperti Datuk Patinggi Seri Setia, Datuk Syahbandar Indera Wangsa, Datuk Amar Setia Diraja dan Orangkaya Temenggung Lela Wangsa.

Setelah beberapa lama menjadi raja di Sarawak, Sultan Tengah pun




Puteri Dunia Melayu

belayar ke Johor bertujuan menziarah ibunda saudara baginda yang berkahwin dengan Sultan Abdul Jalil, Johor. Tatkala baginda tiba, baginda disambut dengan kemuliaan. Akan tetapi dalam satu majlis tari-menari, disebabkan seorang daripada anak raja di situ melepaskan sapatangannya ke muka baginda, maka baginda serta pengiringnya telah mengamuk. Selepas kejadian itu, baginda pun pulang ke Brunei.

Dari Johor, Sultan Tengah terus belayar ke Sambas dan di sanalah baginda berkahwin dengan puteri Ratu Sambas yang bernama Ratu Suria, saudara Sultan Muhammad Safiuddin, raja Sukadana. Dengan puteri Sambas yang cantik itu baginda berputerakan Raden Sulaiman. Dan dari keturunan Sultan Tengah dengan Ratu Suria inilah turunya sultan-sultan Sambas seterusnya bermula dengan Raden Sulaiman yang menjadi Sultan Sulaiman, Sultan Sambas yang pertama.

Setelah putera Sultan Tengah dan Ratu Suria besar maka Raden Sulaiman dikahwinkan dengan Raden Mas Ayu Bongsu, anak Ratu Sapuda. Daripada pasangan diraja inilah turunya sultan-sultan Sambas. Selepas Sultan Sulaiman (Sultan Sambas pertama) ialah Sultan Muhammad Tajuddin (Sultan Sambas kedua) yang terkenal dengan nama 'Marhum Bima'.

Tidak tercatat Sultan Tengah dengan Ratu Suria beranak lebih daripada putera tunggal mereka itu, namun lama juga Ratu Suria bersama-sama Sultan Tengah di Sambas kerana setelah mengahwinkan Raden Sulaiman barulah baginda meninggalkan Sambas dan belayar ke Matan. Di Matan baginda berkahwin dengan seorang puteri Ratu Matan dan berputera seorang lelaki bergelar Pangeran Mangku Negara. Sayangnya, anak raja Brunei yang gagah berani ini, serta suka mengembara, dalam perjalanan balik ke Sarawak, baginda telah terbunuh dalam satu serangan perompak laut di Batu Buaya. Jenazah baginda dibawa oleh Datuk Patinggi dan Datuk Temenggung serta Datuk Syahbandar ke istana baginda dan dimakamkan di Sarawak.

Apabila Ratu Sambas mangkat, putera Ratu Suria dengan almarhum Sultan Tengah, iaitu Raden Sulaiman menjadi Sultan Sambas menggantikan ninda baginda. Pada masa baginda hendak dipuspankan [ditabalkan] baginda mengutus kepada Sultan Abdul

Jalil-Akbar di Brunei untuk memohon gelaran 'Sultan', dan permohonan itu dibenarkan, dengan syarat setiap kali Sultan Sambas akan dipuspankan hendaklah berarak ke Brunei. Syarat itu diikuti oleh Ratu Sambas (Raden Sulaiman) maka baginda pun berangkat ke Brunei untuk mengesahkan gelaran itu. Apabila baginda sampai ke Brunei lalu digelar oleh Sultan Brunei dengan gelaran 'Sultan Sulaiman'. Sultan Sulaimanlah yang mula-mula menerima gelaran 'Sultan' daripada Sultan Brunei. Hal yang demikian membuktikan kekuasaan negeri Brunei pada masa itu memang luas dan mempunyai kewibawaan besar ke atas negeri-negeri kecil yang di sekitarnya. Sejak itu, kesemua Sultan



Ihsan Jabatan Muzium dan Antikuiti

Puteri Suria didandan dengan baju kurung sutera Cina yang cantik dan selendang bersulam kelengkapan yang banyak diwarisi keluarga diraja Sambas, Borneo. Barang kemas daripada emas yang berunsur tukang Cina dari Kalimantan.



Puteri Dunia Melayu

Sambas ketika hendak dipuspakan, akan berarak ke Brunei dan tempat yang menjadi perhentian angkatan Sambas itu dinamakan 'Pasir Pengarakan'.

Ada kemungkinan Ratu Suria berperanan mengasuh putera tunggal baginda mengikut keberanian dan kecekalan suami baginda, Sultan Tengah, bertujuan mendekatkan Sambas dengan raja Melayu yang besar dan tidak dengan pengaruh Jawa. Gelaran 'Ratu' bagi raja-raja Sambas memang dipengaruhi Jawa. Ratu Suria juga mungkin berkeras agar puteranya mewarisi kerajaan Sambas walaupun suami baginda orang Brunei, padahal Sultan Muhammad Safiuddin yang memerintah Sukadana merupakan putera Ratu Sambas.

Setelah Sultan Sulaiman menaiki takhta Sambas, Ratu Matan pun mangkat, lalu putera Sultan Tengah dengan puteri Ratu Matan itu,

yang bergelar Pangeran Mangku Negara pun diangkat menaiki takhta kerajaan Matan menjadi Sultan Matan. Baginda juga pernah ke Brunei mengadap Sultan Abdul Jalilul-Akbar. Pada masa itu sempadan Matan dan Sambas ditetapkan oleh Sultan Brunei, iaitu bahagian sebelah Sambas dari Tanjung Datuk Batu Berpayung hingga ke Batu Belah dan bahagian sebelah Matan pula dari Batu Belah hingga ke Kota Waringin.

Walaupun kita punyai butiran yang sedikit tentang Ratu Suria puteri Sambas ini, namun bagindalah yang menjadi punca kerajaan Sambas berubah 'kiblat' daripada pengaruh Jawa kepada pengaruh Brunei disebabkan perkahwinan baginda dengan seorang putera diraja Brunei. Sejak putera baginda, Sultan Sulaiman menaiki takhta, Dinasti Sambas seterusnya semakin teguh. Begitu juga kedudukan Islam di sana kerana nama 'Sultan' sebagai pemerintah disebut dalam setiap khutbah Jumaat.


*Di antara padi dengan selasih,
Yang mana satu tuan lurutkan;
Di antara budi dengan kasih,
Yang mana satu tuan turutkan.*

*Ke Tanjung menjual bayam,
Dayung terlepas sampan terapung;
Jangan diikuti resmi ayam,
Bertelur sebiji riuh sekampung.*

*Deram-derum ombak di laut,
Sampan karam di kolam mawar;
Jika belum ajal dan maut,
Racun diminum jadi penawar.*



SALASILAH RATU SURIA KESULTANAN SAMBAS



[Menurut Yura Halim & Jamil Umar, *Sejarah Brunai*, 1958]



Ken Dedes

PUTERI YANG MENURUNKAN RAJA-RAJA DUA EMPAYAR

Kita selalunya tidak perasan bahawa kaum wanita menjadi pengasas sesuatu kerajaan, apatah lagi menjadi pengasas dua Empayar. Ada seorang puteri di Tanah Jawa yang menepati kenyataan ini. Puteri itu ialah Ken Dedes yang menurunkan raja-raja Empayar Singasari dan diikuti dengan raja-raja Majapahit. Dalam kepercayaan masyarakat Jawa, Ken Dedes dianggap wanita *nareswari* dan difafsirkan sebagai wanita yang bertuah yang akan menurunkan raja-raja, sama seperti wanita yang berketurunan pendeta.

Tentunya Ken Dedes seorang tidak dapat berbuat demikian tanpa pasangan laki-lakinya. Di sinilah ditampilkan cerita Ken Arok yang menjadi penyebab Ken Dedes menurunkan para raja Singasari dan Majapahit.

Diceritakan bahawa Ken Arok itu kononnya anak dewa Bhatara Brahma yang berjinak-jinak dengan Ken Ndok di ladang Lalateng. Semasa kecilnya menjadi pembalut kerbau tetapi kesukaannya ialah berjudi sehingga diusir oleh bapa angkatnya. Hidupnya terus berlegar dari setempat ke setempat sebagai perompak, pengacau dan perogol, namun selalu lulus daripada bahaya konon berkat perlindungan Bhatara Brahma. Tempat perlindungannya di Turiyantapada telah dilaporkan kepada pihak berkuasa Daha yang

menarahkan agar dia ditangkap. Lalu larilah Ken Arok dari situ dan akhirnya sampai ke Gunung Lejar lalu bertapa di sana. Di sinilah dia diberitahu oleh keputusan dari langit bahawa dia akan menjadi orang besar di Jawa.

Ada seorang Brahman bernama Lohgawe di India disuruh mencari dewa Wisnu yang sudah menjelma dalam tubuh manusia yang bernama Ken Arok. Tanda-tandanya: tangannya begitu panjang hingga melampaui lututnya, garis pada tapak tangan kanannya terbentuk seperti cakera dan pada tangan kirinya bagai cangkerang. Dia dapat dicari pada tempat perjudian. Ken Arok dijumpai di kampung Taloka lalu dibawa kepada Ketua Daerah Tumapel iaitu Tunggul Ametung. Pendeta Lohgawe menyatakan dia datang dari lambudvipa dan ingin menyerahkan anak angkatnya, Ken Arok sebagai pembantu Tunggul Ametung.

Sebelum kedatangan Ken Arok di Tumapel, Tunggul Ametung sudah mengahwini seorang wanita cantik bernama Ken Dedes, anak seorang pendeta Mpu Purwa di Panawijen. Mendengar berita kecantikan Ken Dedes, Tunggul Ametung pergi ke Panawijen meminang Ken Dedes tetapi setibanya di sana Mpu Purwa sedang bertapa. Tidak dapat menahan nafsunya maka Ken Dedes dibawa lari. Sekembali Mpu Purwa, melihat anaknya tiada, lalu dia bersumpah: "Semoga yang melarikan anaku tidak akan selamat hidupnya. Semoga matinya disebabkan tikaman keris. Semoga

Puteri Dunia Melayu

sumur dan sumber di Panawijen semuanya kering sebagai hukuman kepada para penduduk kerana enggan memberitahu pencuri anakku. Semoga anakku yang mendapat *wejangan karman amamadangi* tetap selamat dan mendapat bahagia.”

Apabila Ken Arok sampai ke Tumapel, Ken Dedes sudah tiga bulan hamil. Pada satu hari Ken Dedes serta suaminya sedang bersiar-siar dengan rata [sejenis kereta yg dihela oleh sepasang kuda] hendak pergi ke Taman Baboji. Ketika sampai dan hendak turun dari rata itu, tiba-tiba kainnya terselak. Ken Arok yang ada di situ, terpesona melihatnya kerana rahsia Ken Dedes berpancarkan sinar. Setelah pulang, Ken Arok menceritakan peristiwa itu kepada pendeta Lohgawe yang menyatakan:

“Wanita yang rahsianya bernyala, adalah wanita *nageswari* dan bakal menjadi seorang ratu. Betapa pun hina seorang lelaki itu, sekiranya dapat mengahwiniya, akan menjadi raja besar.”

Terpegun mendengar keterangan pendeta itu, Ken Arok berhasrat hendak membunuh Tunggal Ametung lalu mengahwini Ken Dedes, namun tidak dibenarkan Lohgawe. Bagaimanapun, Ken Arok meminta izin menziarahi bapa angkatnya, Bango Samparan di desa Karuman; lalu menceritakan peristiwa di Taman Baboji serta niatnya hendak membunuh Tunggal Ametung. Bango Samparan menasihatinya agar terlebih dahulu menempah sebilah keris pada seorang pandai besi bernama Mpu Gandring di desa Lumumbang.



Candi Singasari

Ken Arok meminta agar keris itu siap dalam masa lima bulan tetapi dibantah oleh Mpu Gandring yang malu tempoh setahu supaya sempurna. Ken Arok tetap dengan pendiriannya lalu pergi.

Lima bulan kemudian datanglah Ken Arok hendak mengambil kerisnya namun masih belum siap. Dengan marah Mpu Gandring ditikamnya, kemudian apa saja yang ditetaknya terbelah. Ken Arok yakin keris itu benar-benar sakti. Kata Mpu Gandring menyempahnyaa:

“Hai Arok! Kamu dan anak cucumu sampai tujuh keturunan akan mati kerana keris itu juga.”

Setelah selesai sumpahnya, pandai keris itu pun mati. Fikir Ken Arok: “Kalau kelak aku benar-benar jadi orang besar, anak-cucu Gandring akan mendapat balasan atas jasanya ini.” Lalu dia terus pulang ke Tumapel, dan keris itu dinamai menurut nama pembuatnya: *Kiai Gandring*.

Di Tumapel, Ken Arok mempunyai sahabat karib bernama Kebo Hijo. Kebo Hijo pula sangat dikasihinya Tunggal Ametung tetapi dia suka menunjuk-nunjak dengan mengayak apa-apa yang ada padanya. Apabila dilihatnya Ken Arok mempunyai keris yang berukiran kayu cangkrik, dimintanya pinjam. Memang itulah maksud Ken Arok, lalu keris itu dipinjamkan kepada Kebo Hijo, yang terus mengayak dan menunjuk-nunjak kepada orang ramai, sehingga hampir semua orang Tumapel tahu.

Bagi Ken Arok inilah saat yang dinanti-nantikannya. Keris itu diambilnya tanpa pengetahuan Kebo Hijo. Pada malam sepi, Ken Arok naik ke rumah Tunggal Ametung lalu masuk ke tempat tidurnya. Tunggal Ametung yang sedang nyenyak tidur terus ditikam dengan *Kiai Gandring*. Esok harinya maka dihebahkan Tunggal Ametung telah mati ditikam keris kepunyaan Kebo Hijo. Dengan serta-merta Kebo Hijo ditangkap oleh sanak-saudara Tunggal Ametung, lalu dipukul dan ditikam. Anaknya, Kebo Randi, yang menangis kerana kematian ayahnya, diambil Ken Arok dijadikan budak suruhan.

Dengan matinya Tunggal Ametung maka Ken Arok mengambil alih menjadi penguasa (akuwu) di Tumapel, dan mengahwini Ken

Dedes yang dicita-citkannya itu. Tidak ada siapa pun berani menentang. Desa Kutaraja menjadi pusat pentadbirannya. Agar menjadi lebih berkuasa, Ken Arok membuka negerinya dan menjemput orang desa seperti sanak-saudara dan keturunan orang yang pernah berbuat baik kepadanya seperti Bango Samparan dari Karuman, Mpu Palot dari Turiyantapada dan Mpu Gandring dari Lulumbang agar tinggal di Tumapel.

Pada masa itu Tumapel di bawah penguasaan Kediri (Daha) yang diperintah oleh Kertajaya (Dandang Gendis) yang sedang selisih faham dengan pendeta Siva-Buddhisme, berpunca dari keinginannya untuk disembah tetapi ditolak kerana belum pernah berlaku pendeta menyembah raja. Kertajaya menunjukkan kebolehanya dengan menancapkan tombaknya ke tanah lalu duduk di atas hujungnyaa. Namun para pendeta tidak menghiraukannya di Tumapel. Dengan itu menambahkan lagi pengikut Ken Arok. Maka Ken Arok diangkat oleh pengikutnya menjadi raja dan mengambil nama abhiseka: Raja Sang Amurwabhumi. Sejak menjadi raja dia tidak lagi mengadap raja Kertajaya di Kediri.

Kertajaya berasa bimbang terhadap Ken Arok takut-takut ia akan memberontak, lalu bersumpah [mengeluarkan cabaran] bahawa Kediri tidak akan dapat ditundukkan oleh sesiapa pun melainkan Bhataru Guru (Siva). Mendengar sumpah itu, Ken Arok menghimpunkan pendeta dan rakyat untuk menyaksikan bahawa ia mengambil nama Bhataru Guru, lalu memerintahkan tentera Tumapel menyerang Kediri. Dalam pertempuran itu, Mahisa Walong (saudara Kertajaya) dan Menteri Kediri, Gubar Baleman, tewas; maka tentera Kediri pun lari kucar-kacir dan Kertajaya berlindung di dalam sebuah candi. Kediri jatuh ke dalam kuasa Tumapel pada tahun 1222.

Perkahwinannya Tunggal Ametung dengan Ken Dedes melahirkan seorang putera bernama Anusapati, dan dengan Ken Arok memperoleh tiga orang putera: Mahisa Wunga Teleng, Panji Saprang dan Agniabaya; dan seorang puteri, Dewi Rimbu. Putera sulung Ken Arok dengan Ken Dedes, Mahisa Wunga Teleng ialah ayah Mahisa Campaka yang mengambil nama abhiseka, Narasingamurti. Nama ini diakui sebagai nenek Sanggramawijaya, pendiri kerajaan Majapahit. Dari perkahwinan Ken Arok dengan



Puteri Dunia Melayu

Ken Umang juga lahir tiga orang putera dan seorang puteri: Panji Tohjaya, Panji Sudatu, Tuan Wregola dan Dewi Rambli. Semuanya diasuh dan dididik dalam istana di Tumapel.

Bertahun-tahun lamanya kisah pembunuhan Tunggul Ametung dirahsiakan oleh Ken Dedes dari anaknya Anusapati. Semakin Anusapati besar dia berasa diasingkan oleh Ken Arok, lalu timbul tanda tanya di dalam hatinya. Atas desakan inangnya, Anusapati bertanya kepada ibunya, Ken Dedes, mengapa Ken Arok bersikap begitu terhadapnya. Jawab Ken Dedes:

"Jika engkau ingin tahu, ayahmu yang sebenarnya ialah mendiang Tunggul Ametung. Ayahmu telah mati ketika engkau masih di dalam kandungan. Pada waktu itu aku dikahwini oleh Sang Amurwabhumi."

Anusapati terus bertanya:

"Apa sebabnya ayah meninggal?"

Terkeluarlah dari mulut Ken Dedes:

"Dibunuh oleh Sang Amurwabhumi."

Pada saat itu Ken Dedes terdiam sebab sudah terbobok rahsia yang terpendam selama ini.

Anusapati bertanya seterusnya:

"Ibunda, bolehkan anakanda melihat keris Gandring pusa ka Sang Amurwabhumi?"

Keris Kiai Gandring dikeluarkan daripada tempatnya lalu dihulurkan kepada Anusapati.

Ada seorang pegawai istana (pengalasan) yang berasal dari Batil, dijadikan pembantu kepada Anusapati. Pegawai ini disuruh membunuh Sang Amurwabhumi dengan menjanjikan hadiah lumayan. Keris Gandring diberi kepadanya lalu pegawai itu pergi tanpa membantah. Sang Amurwabhumi yang sedang santap [makan] itu ditikam dari belakang, mati pada saat itu juga. Waktunya senja pada tahun 1247. [Nagarakretagama lagu XI/5 merakamkan bahawa Raja Ranggha Rajasa mangkat dalam tahun Saka 1114 atau tahun 1227 Masihi]. Tarikh ini lebih dipercayai. Pengalasan itu terus melaporkan kematian itu kepada Anusapati, katanya: "Telah mati dibunuh oleh hamba ayah paduka."

Setelah menerima kembali keris Gandring, maka dengan serta-merta pula pengalasan itu ditikam oleh Anusapati. Maka disiarkan khabar kepada umum: Sang Phrabu mati diamuk orang Batil. Anusapati mengembari [melawan] amuk itu dan membunuh pengalasanya. Rajasa Sang Amurwabhumi (Ken Arok) dicandikan di Kagenengan.

Anusapati ialah ayah Wisnuwardhana, yang mengadakan pemerintahan bersama dengan Narasingamurti (Mahisa Campaka anak Mahisa Wunga Teleng). Wisnuwardhana menurunkan raja Kertanagara, raja terakhir Singasari. Perkahwinan antara Sanggramawijaya dan empat orang puteri Kertanagara adalah penyatuan keturunan Ken Arok dan Tunggul Ametung. Kedua belah pihak adalah keturunan Ken Dedes – ibu kepada dua dinasti Singasari dan Majapahit.




Sumber: *Orchids of the Singapore Botanical Gardens*.

*Orkid Bulbophyllum Vaginatum,
yang terdapat di Borneo, Indonesia,
Semenanjung Malaysia, Singapura dan Thailand*

*Bunga anggerik sungguh berseri,
Kembang indah di dalam taman;
Amat menarik kisah puteri,
Jadi ibu dua kerajaan.*

SALASILAH KEN DEDES DAN RAJA-RAJA SINGASARI





Puteri Paramisuli

PERMAISURI PERTAMA KESULTANAN SULU

Kesultanan Sulu bermula dengan seorang pendakwah Islam yang bergelar Sultan Syarif al-Hasyim, yang menurut *Salasilah Sulu* nama sebenarnya ialah Syed Abu Bakar. Beliau telah mengahwini puteri tunggal Raja Baguindo yang bergelar Puteri Paramisuli dan daripada keturunan mereka berdua inilah wujudnya kesultanan Sulu. Sulu sebenarnya merupakan kawasan Filipina yang terawal menerima Islam.

Menurut *Salasilah Sulu*, orang yang mula-mula memperkenalkan Islam di Sulu ialah Tuan Masya'ika yang dipercayai berasal dari Arab Selatan. Tuan Masya'ika dikatakan berkahwin dengan anak perempuan Raja Sipad [Seri Paduka] pemerintah Sulu ketika itu. Walaupun keluarga Tuan Masya'ika ini pasti Islam, ini tidak bererti kerajaan Sulu dan rakyatnya sudah diislamkan.

Bukti terawal yang menunjukkan Islam sudah bertapak di Sulu ialah sebuah kubur lama seorang Islam yang dikenali sebagai Seri Paduka Maqbalu di Bud Datu yang terletak di Jolo. Kubur ini bertarikh 710 H bersamaan 1310 M. Menurut *Tarsila* atau *Salasilah Sulu* terdapat nama seorang yang dipercayai ahli sufi yang datang ke Buansa untuk mengajar agama Islam, namanya Syarif Aulia Karim al-Makhdum. Ada lagi seorang sufi yang

menyebarkan agama itu di selatan Filipina dalam jangka waktu yang sama, iaitu Makhdum Aminullah yang menyebarkan Islam di Pulau Jolo. Beliau dikenali sebagai Sayyid'un-Niqab. Antara makhdum lain yang turut berdakwah di sana ialah Makhdum Abdur-Rahman.

Selain para makhdum ini terdapat seorang putera raja dari Minangkabau, Sumatera yang berkelana ke Sulu. Beliau ialah Raja Baguindo (Baginda). Dengan iringan pengikut yang ramai beliau berjaya menubuhkan satu dinasti di Buansa. Mengikut *Salasilah Sulu*, orang yang memperkenalkan Islam ke Sulu ialah seorang Sayyid dari Palembang di Sumatera dikenali sebagai Sayyid Abu Bakar. Beliau dikatakan mendarat di Sulu sekitar tahun 1450 lalu mengahwini anak Raja Baguindo yang bernama Puteri Paramisuli dan menetapkan agama bagi Sulu. Walaupun Syed Abu Bakar digambarkan sebagai orang yang pertama menegakkan Islam di Sulu, Sulu sebenarnya sudah pun Islam terlebih awal tetapi yang dimaksudkan di sini ialah penegasan Islam sebagai agama negara yang membabitkan institusi politik dan sosial.

Sebagai ulama syariat Syed Abu Bakar sanggup dilantik menjadi Sultan dan keturunannya terus menjadi Sultan hingga abad ke-20. Makam dan tugunya yang indah masih ada lagi di Gunung



Tumantangis dan terukir gelarannya: Paduka Mahasari Maulana al-Sultan Syarif al-Hasyim.

Puteri Paramisuli, anak tunggal Raja Baguindo yang berasal dari Pagar Ruyung (Minangkabau) tentunya tidak asing rupa parasnya dengan gadis-gadis tempatan kerana dari rumpun Melayu, mempunyai keayuan dan paras cantik, lembut serta tingkahlakunya yang beradab serta sopan kerana diasuh oleh keluarga dari kerabat diraja Pagar Ruyung.

Pinangan Syed Abu Bakar dari Palembang terus diperkenankan kerana pada masa itu keturunan Nabi Muhammad (SAW) atau Ahlul-Bait, mulia serta daripada nasab yang dipilih untuk memimpin dunia. Seorang dari Palembang dianggap 'saudara' kepada orang 'Minangkabau' bukan orang asing. Menerima Syed Abu Bakar sebagai menantu, tentunya Raja Baguindo berasa puas bagi peribahasa: pucuk dicita ulam mendatang. Apatah lagi Syed Abu Bakar seorang ulama yang setelah mengahwini Puteri Paramisuli mendirikan madrasah dan masjid serta turut mengajar orang di istana dan membentuk sebuah kerajaan Islam pertama di Sulu dengan segala pembesar sebulat suara mengangkat beliau sebagai sultan yang pertama bergelar 'Sultan Syarif al-Hasyim'.

Tidak diketahui dengan mendalam tentang Puteri Paramisuli namun daripada namanya 'Paramisuli' mungkin bermaksud 'Permaisuri', dan nama ini bukanlah nama tubuh puteri itu tetapi nama gelaran baginda di samping suami baginda Sultan Syarif al-Hasyim. Ini juga bermakna baginda adalah wanita yang utama di dalam negeri Sulu dan yang utama di samping suami baginda. Peranan baginda tentunya sebagai pemimpin kaum wanita dan sebagai guru agama kepada kaumnya, sekurang-kurangnya yang berada di dalam istana. Tentunya baginda mempunyai perwatakan yang kuat serta kesihatan yang cukup baik kerana menjadi 'ibu' kepada satu dinasti para sultan yang turun-temurun selama beberapa abad kemudiannya. Kekuatan rohaniah baginda dalam agama juga tentunya teguh, justru itu meneguhkan para sultan keturunannya yang tidak berganjak dalam agama bahkan menentang musuh (orang Sepanyol) bersama raja-raja Muslim di selatan Filipina dan Brunei.

Tempat dan budaya asal-usul baginda iaitu Minangkabau,

tentunya mempengaruhi baginda agar bersifat adil tidak kenal pangkat dan darjat; matang dalam menjalankan undang-undang dan hukuman, dan bersifat murah kepada orang bawahan terutama kaum wanita dan kanak-kanak. Baginda adalah 'Permaisuri' dalam ertikata yang sebenarnya: *seorang suri yang permai*; 'Suri' dalam bahasa Melayu ada banyak maknanya: pertama "suri teladan" ertinya contoh yang baik untuk dijadikan ikutan; air suri ialah air nira yang belum menjadi masam atau tuak, ia masih manis; "suri" bererti raja perempuan atau rani; *"suri rumah tangga"* ialah isteri; dan *"ibu suri"* ialah ibunda raja. "*Permai*" pula ertinya indah, cantik, elok. Maka 'Permaisuri' Sultan Syarif al-Hasyim ini tentunya menepati segala pengertian yang baik-baik itu.

Menurut *Salasilah Sulu*, Sultan Syarif al-Hasyim dengan Puteri Paramisuli telah melahirkan dua orang putera yang dirakam sebagai telah mewarisi kerajaan Sulu, yang pertama (Sultan) Kamaluddin dan (Sultan) Alauddin. Daripada khutbah dan kitab diketahui bahwa Sultan Kamaluddin adalah seorang yang penyayang, bertimbang rasa dan pemurah. Begitu juga Sultan Alauddin, seorang yang pengasih, pemurah dan yang memerintah berasaskan prinsip Islam.

Jelas putera-putera itu mewarisi sifat ayahanda mereka yang menurut khutbah dan banyak kitab adalah seorang yang bijaksana, pintar, arif dalam ilmu fikah, seorang tokoh dalam zamannya (al-sayyid al-'asr) dan 'Cahaya obor Allah'. Tidak ketinggalan asuhan keibuan dan kasih sayang daripada ibunda mereka yang menjadi 'suri' dalam pelbagai hal kewanitaannya. Sebagai ibu pengasah Dinasti Sulu yang kuat berimam, berjihad mempertahankan negara menentang musuh, dan antara yang terkuat di Asia Tenggara, Puteri Paramisuli dianggap sebagai 'mastika kilau-kilauan' di Mahkota Dinasti Sulu.

SENARAI SULTAN YANG MEMERINTAH SULU SEJAK SYED ABU BAKAR HINGGA TAHUN 1936

1. Sultan Syarif'ul-Hasyim (Syed Abu Bakar)
2. Sultan Kamaluddin
3. Sultan 'Alauddin



Puteri Dunia Melayu

- | | |
|--|-----------------------------|
| 4. Sultan 'Amir'ul-Umara (Maharaja Diraja) | 21. Sultan Muhammad Isra'il |
| 5. Sultan Mu'izzu'l-Mutawadi'in (Maharaja Upo) | 22. Sultan 'Azimuddin II |
| 6. Sultan Nasiruddin I (Digunung Habud) | 23. Sultan Syarafuddin |
| 7. Sultan Muhammad al-Halim (Pangeran Budiman) | 24. Sultan 'Azimuddin III |
| 8. Sultan Batara Syah (Pangeran Tengah) | 25. Sultan 'Aliuddin |
| 9. Sultan Munawilil Wasit (Raja Bongsu) | 26. Sultan Syakirullah |
| 10. Sultan Nasiruddin II (Pangeran Sarikula) | 27. Sultan Jamal'ul-Kiram I |
| 11. Sultan Salahuddin Bakhtiar (Pangeran Bakhtiar) | 28. Sultan Muhammad Fadl |
| 12. Sultan Ali Thani | 29. Sultan Jamalul-'Azam |
| 13. Sultanah Nur'ul-Azam (Siti Kabira/Pangyan Ampay) | 30. Sultan Badruddin II |
| 14. Sultan al-Haqunu ibn Waliyul-Ahad | 31. Sultan Harun ar-Rasyid |
| 15. Sultan Syahabuddin | 32. Sultan Jamalul-'Azam II |
| 16. Sultan Mustafa Syaftuddin (Johan Pahlawan) | |
| 17. Sultan Badaruddin I | |
| 18. Sultan Nasaruddin | |
| 19. Sultan 'Azimuddin I | |
| 20. Sultan Mu'izzuddin | |


[Salasilah ini adalah menurut Cesar Adib Majul dalam bukunya *Muslims in the Philippines*, 1973; dan terjemahannya, *Islam di Filipina*, 1988, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.]





Pemandangan Pantai Biru

*Tanjung Katong airnya biru,
Tempat mandi nak dara jelita;
Sama sekampung sedang dirindu,
Inikan lagi jauh di mata.*

**SALASILAH PARAMISULI DAN KESULTANAN SULU
MAGINDANAO DAN BWAYAN**









Tengku Dalam Kalthum

PENGARANG SYA IR MELAYU TERPANJANG

Menurut suatu kajian Pensejarahan Malaysia, syair bercorak sejarah dalam bahasa Melayu yang terpanjang yang pernah ditemui di Semenanjung Malaysia adalah sepanjang 3,084 rangkap. Siapakah sebenarnya yang menganang syair yang sepanjang itu? Pengarangnya ialah seorang puteri Terengganu bernama Tengku Dalam Kalthum binti Tengku Wok Khazaki.

Siapakah Tengku Dalam Kalthum ini? Beliau adalah cucunda kepada almarhum Sultan Zainal Abidin III, Sultan Terengganu (1881–1918). Beliau lahir sekitar awal abad ke 20 (1913 atau 1914), dan selain mengarang *Sya'ir Tawarikh Zainal Abidin III* (yang juga berjudul *Riwayat Terengganu Darul Iman*) yang dikatakan karangan syair terpanjang itu, juga berjaya mengarang beberapa buah karya sastera seperti: *Koran*, *Syamsul-Anwar*, *Syah Kobat*, dan *Kobat Syah Riyar*.

Walaupun beliau bukan seorang penulis rasmi istana namun beliau dapat digolongkan dalam kumpulan penulis daripada kerabat diraja. Perihal pengarang ini yang diketahui umum amatlah sedikit maka oleh itu dapat dijelaskan secara ringkas sahaja.

Ibu Tengku Dalam Kalthum ialah Tengku Wok Khadijah binti Almarhum Sultan Zainal Abidin III, maka dengan itu beliau adalah

cucu baginda. Ayahanda beliau ialah Tengku Wok Khazaki bin Tengku Abu Bakar bin Tengku Abdul Jahl bin Sultan Hussein Syah, Singapura. Oleh itu, Tengku Dalam Kalthum adalah piut kepada bekas sultan di Singapura itu. Jadi beliau berketurunan terus daripada kerabat diraja Terengganu di sebelah ibu dan kerabat Singapura daripada sebelah bapa.

Tengku Dalam Kalthum bersuami sebanyak tiga kali. Suaminya yang pertama ialah Tengku Putera Haji. Suaminya yang kedua ialah Tengku Othman bin Tengku Ngah Omar (Tengku Seri Utama Raja) bin Tengku Abdul Rahim. Suaminya yang ketiga ialah Tengku Embong Mahmud.

Tengku Dalam Kalthum tidak mene-rima sebarang pendidikan formal. Pelajaran membaca dan menulis (terutamanya, pendidikan agama dan tulisan Jawi) dipelajari melalui guru khas yang dipanggil ke rumah. Inilah satu amalan tradisional di kalangan istana dan pembesar-pembesar negeri. Daripada pengetahuan menulis yang asas itu Tengku Dalam Kalthum mengasah bakat mengarangnya selain membaca hikayat-hikayat yang bercorak Islam dan Jawa, termasuk hasil karangan beberapa tokoh kerabat diraja kesultanan Riau-Lingga. Sebelum tahun 1940, Tengku Dalam Kalthum berjaya melahirkan beberapa karya tradisional Melayu, antaranya:

1. Gharib – karangan berangkap 15 jilid buku catatan sekolah

2. Asyik – karangan berangkap berupa nasihat kepada kanak-kanak dalam 7 jilid buku catatan.

3. Kobat Syah Riyar – cereka Islam dalam 36 jilid buku catatan.

4. Syarif'ul-Akhtar – karangan prosa dan puisi berunsur Islam dalam 9 jilid buku catatan.

5. Syamsu'l-Anwar – karangan prosa berunsur Islam dalam 1 jilid sahaja.

6. Khatim – karangan berangkap berbentuk nazam dalam bahasa Melayu dan Arab, tertulis dalam satu jilid sahaja, atas kertas hijau.

Dikatakan ada lagi tiga judul karangan Tengku Dalam Kalthum, iaitu:

7. Cik Siti Lela

8. Kobat Syahar Zaman II

9. Hayat'ul-Nasib

Sya'ir Tawarikh Zainal Abidin

terdiri daripada tiga naskah yang terkarang pada tahun 1936 (bersamaan 4 Muharam 1355 H). Naskah pertama (tanpa tahun) dicetak oleh The Ahmad Press, 61 Jalan Sultan, Singapura. Ia dicetak dalam dua jilid. Jilid pertama mengandungi 1,541 rangkap dan jilid kedua mengandungi 1,543 rangkap, menjadikan jumlah bilangan rangkap pada kedua-dua jilid, sebanyak 3,084 rangkap semuanya. Inilah syair bercorak sejarah dalam bahasa Melayu yang terpanjang pernah ditemui. Dari segi penyairan Melayu dan bahasanya, karya ini tidak membawa banyak perubahan atau pun bernilai tinggi. Walau pun penyairannya sama dengan tradisi penyairan Melayu, namun mutunya terletak daripada segi nilai sejarahnya.

Syair ini (juga dikenali, dan lebih tepat lagi, sebagai Riwayat Terengganu Darul Iman) mengisahkan peristiwa bersejarah di Terengganu sejak pemerintahan Sultan Zainal Abidin III, dari tahun 1881 hinggalah ke pertengahan pemerintahan Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah dalam sekitar tahun 1930-an.



Tengku Dalam Kalthum
Pencipta *syar'ir* dari Terengganu

Lakikan / Wan Zaidah Wan Ibrahim

Antara kisah-kisah itu termasuklah kebangkitan Tuk Janggut di Kelantan, bah besar di Terengganu, lawatan rasmi Sultan Muhammad Syah ke Singapura untuk memperkenalkan Penasihat British di Terengganu, pelbagai acara perkahwinan dan kemangkatan diraja dan hal-hal yang lain seperti tokoh dan peristiwa tempatan. Jilid pertama yang dicetak ini bermula dengan rangkap:

*Bismillahir-Rahman mula
dikarang
Ar-Rahim pula tersebut gerang
Cerita sebenar lagi pun terang
Mulai mengarang bulan
Muharam.*

Dan diakhiri dengan rangkap:

*Beratur di padang bersusunan
Orang berjalan kiri dan kanan
Siapa suka membeli panganan
Pilihlah sahaja mana berkenan.*

Jilid yang kedua bermula dengan rangkap:

*Motokar beca apatah lagi
Ke sana ke mari petang dan pagi
Di tempat permainan ramai pergi*



Melihat temasya tari dan jogi.

Dan berakhir dengan rangkap yang berbunyi:

*Tamatlah kisah duli saksama
Di dalam tahun lima puluh lima
Tiga puluh enam Masihi bersama
Maaf kuharap selama-lama.*

Tengku Dalam Kalthum bukanlah pengarang wanita yang pertama di Terengganu. Tradisi mengarang di kalangan bangsawan di Terengganu bermula sejak penghujung abad ke 19. Tengku Tuan Bilik, puteri saudara Sultan Ahmad II, telahpun mengarang beberapa buah karya, satu daripadanya berjudul *Kobat Syahar Zaman I*, sebuah karangan prosa. Beliau inilah yang berkahwin dengan Sultan Abdul Rahman, Lingga yang tersingkir daripada takhta oleh Belanda pada tahun 1911. Merujuk salasilah rasmi, beliau nampaknya mempunyai nasab keturunan yang sejurai dengan Tengku Dalam Kalthum.

Sebagai tokoh pengarang di kalangan wanita, Tengku Dalam Kalthum dan Tengku Tuan Bilik tidaklah terpercil di Terengganu

kerana ada sekurang-kurangnya dua orang lagi tokoh penulis kreatif wanita di negeri itu.


Pengarang diraja yang pertama ialah Tengku Ampuan Besar Mariam binti Sultan Ahmad, Pahang (di Istana Kolan, Kuala Terengganu), iaitu permaisuri Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah (memerintah 1920-1942). Baginda mengarang *Sya'ir Perkahwinan Dahulu Kala*. Tidak diketahui tahun berapakah ia dikarang, namun tahun penyalinannya pada 13 Safar 1370 (bersamaan 23 November 1950). Kandungannya memperihalkan proses adat istiadat dalam perkahwinan daripada mula merisik hingga mandi bersiram. Baginda juga penaung, pelatih dan penulis tentang Joget Gamelan Terengganu [Sila lihat kisahnya dalam buku ini].

Seorang lagi pengarang wanita Terengganu ialah Hajah Wok Aisyah binti al-Haji Nik Idris (Seaview Villa, Batu Buruk, Terengganu). Karya tunggalnya ialah *Syair Tuan Hampris* yang mengisahkan secara ringkas Sultan Zainal Abidin III (bahagian pertama) tentang J.L. Humphreys, wakil Inggeris yang terakhir dan Penasihat Inggeris yang pertama di Terengganu. Syair ini siap disusun pada 12 Januari 1928, kemudian dicetak dengan huruf Jawi pada Jamadil Awal 1347 (bersamaan 22 Oktober 1928).



Tepak Sireh

*Buah Mengkudu kusangka Kandis,
Kandis terletak dalam puan;
Gula madu kusangka manis,
Manis lagi senyuman tuan.*



Tengku Ampuan Mariam

PEMAJU JOGET GAMELAN TERENGGANU

Kesenian gamelan yang tersebar di seluruh Nusantara berasal dari Tanah Jawa. Perkataan 'gamelan' itu adalah bahasa Jawa, bentuk ngoko, 'gamel', bererti sejenis alat pemukul atau pemalu. Jadi 'bergamel' bermaksud memainkan sejenis alat muzik yang dipukul atau ditabuh. Dalam masyarakat Jawa ia juga bermaksud bermain alat muzik, termasuk alat-alat yang tidak dipukul, seperti rebab dan seruling. Di Malaysia, gamelan tidak termasuk alat yang ditiup atau digesek.

Di Semenanjung Malaysia ada dua bentuk permainan gamelan. Yang di Pahang dan di Terengganu. Kini dikenali sebagai Gamelan Terengganu manakala yang di Selangor dan di Johor dikenali sebagai Gamelan Johor. Gamelan Terengganu adalah tradisi istana dan berasal dari Riau-Lingga manakala Gamelan Johor lebih mirip ciri-ciri persembahan rakyat, mengisi kegiatan hidup rakyat sehari-hari.

Tumpuan kisah kita kali ini adalah kepada Gamelan Terengganu dan bagaimana ia berkembang dan menjadi suatu persembahan di

istana yang menarik kerana tokoh yang mengusahakannya adalah seorang puteri istana, iaitu Tengku Ampuan Mariam, permaisuri Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah (memerintah 1920 – 1942).



Sultan Sulaiman, Terengganu mengahwini Tengku Ampuan Mariam, puteri Sultan Ahmad, Pahang dalam tahun 1913 dan pertalian ini telah memulihkan perhubungan Terengganu dan Pahang, selain mencetuskan pemuliharaan gamelan di Terengganu setelah persembahan di Pahang dan Riau menjadi malap. Apabila Sultan Ahmad mangkat dalam tahun 1914, isterinya Cik Zubahah telah berpindah ke Terengganu untuk tinggal bersama-sama puterinya di sana. Dalam tahun berikutnya satu set gamelan dipinjamkan ke Istana Maziah Terengganu. Dengan minat yang ditunjukkan, Tengku Sulaiman serta Tengku Mariam melatih pemuda dan gadis

Terengganu bermain dan menari gamelan menyebabkan perkembangan persembahan gamelan di Terengganu semakin cerah.

Selepas kemahkotaan Sultan Sulaiman pada tahun 1920, usaha mempergiatkan lagi persembahan gamelan dilaksanakan dengan

membawa bekas penari Pahang, Yang Khoja dan Cik Meriam, untuk melatih penari Terengganu yang dipimpin oleh Tengku Ampuan Mariam. Bekas pemain muzik dari Pahang, Wan Muhammad, Wan Ahmad dan Ahin, turut melatih kumpulan Terengganu yang dikelolakan sendiri oleh Sultan Sulaiman. Sejak itu gamelan berkembang sehingga tahun 1936.

Sultan Sulaiman serta Permaisuri Tengku Ampuan Mariam memiliki set sendiri yang dicari oleh Tengku Setia hingga ke Bali. Seorang guru bekas pemain gamelan Pahang turut diundang untuk memperbaiki permainan ahli gamelan Terengganu. Dengan kelengkapan dan kemahiran sedemikian maka terciptalah berbagai-bagai lagu dan tarian oleh Sultan Sulaiman dan Permaisuri Tengku Ampuan Mariam bersama-sama pemain yang berpengalaman. Dalam ruang waktu itu tercipta-lah 95 persembahan gamelan, 60 daripadanya bersama tariannya sekali. Keba-nyakannya adalah lanjutan daripada hasil ciptaan dari Pahang dan selebihnya adalah yang dicipta di Terengganu.

Tengku Ampuan Mariam turut menulis sebuah manuskrip tentang tarian. Manuskrip ini diberi nama 'Joget Pahang'. Nama Joget Pahang diubah oleh Sultan Sulaiman kepada 'Joget Gamelan Terengganu' dan dalam masa pemerintahan baginda, kumpulan gamelan Terengganu berjaya mempertontonkan permainan di Kelantan, Singapura, Pulau Pinang dan Thailand. Kali terakhir persembahan mereka adalah di Thailand pada tahun 1942.

Usaha yang dilakukan Tengku Ampuan Mariam sebagai penaung, pelatih dan penulis yang gigih memang mengagumkan. Daya kreatif seperti ini memerlukan bukan sahaja minat yang berterusan bahkan ketekunan yang konsisten dan disiplin yang luar biasa kerana persembahan dramatik seperti gamelan bukanlah persembahan biasa. Adab dan sopan-santun istana harus dikekalkan serta taraf persembahan harus sentiasa tinggi,

lebih-lebih lagi apabila dipertontonkan di tempat-tempat lain di luar Terengganu.

Karangan Tengku Ampuan Mariam itu terkandung di dalam tiga jilid buku latihan (*exercise book*): jilid pertama 98 halaman, jilid kedua 92 halaman dan jilid ketiga 74 halaman. Jilid I dan II mengandungi tulisan tentang cara dan gaya tarian, yang ditulis dengan huruf Jawi, manakala di dalam jilid III terdapat lakaran (*sketches*) gerak-geri para penari, lengkap dengan pakaian (*costumes*) dan alat-alat hiasan (*accessories*). Tiap-tiap tarian dipenuhi dengan urutan gerak tari hingga beberapa halaman.

Walaupun lakarannya *simple*, namun ia dapat menggambarkan apa yang harus dilakukan.

Setengah lakaran diwarnakan dengan warna merah, kuning dan hijau selain dakwat hitam dan pensel. Bahasa karangan ini dipengaruhi dialek Terengganu. Karangan ini bukanlah untuk belajar tari gamelan tetapi sebagai buku panduan dan ingatan buat para pengajar yang sudah mahir.

Keseluruhan *repertoire* tari dalam karya Tengku Ampuan Mariam adalah ciptaan-ciptaan yang berasingan berdasarkan beberapa episod daripada cerita-cerita yang sudah diketahui umum, ataupun berupa kisah atau perlakuan dalam kehidupan manusia sehari-hari. Ciptaan-ciptaan baginda (66 kesemuanya) dapat dikategorikan ke dalam empat bahagian:

1. Episod-episod yang disesuaikan dari babak-babak dalam cerita Panji Melayu.
2. Penyesuaian dari cerita-cerita rakyat, penglipur lara ataupun epik yang disukai ramai.
3. Cerita-cerita dari peristiwa dalam kehidupan seharian sama ada di dalam dunia manusia ataupun haiwan.
4. Ciptaan-ciptaan lain yang berupa perluaan seni dan estetika, dengan fungsi-fungsi tertentu.






Puteri Dunia Melayu

Dalam zaman penaklukan Jepun, bermula pada tahun 1941 dan kemangkatan Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah pada tahun 1942, maka Gamelan Terengganu akhirnya bukan saja kehilangan penanggungnya malah mengalami zaman gelapnya.

Tengku Ampuan Mariam berpindah ke Istana Kolum (kediamannya yang terbina dalam tahun 1932) dengan membawa set gamelan yang telah menjadi sebahagian hidupnya. Set gamelan tersebut kemudiannya dijual kepada kerajaan negeri Pahang pada tahun 1973, dan dipamerkan di Muzium Pahang hingga ke hari ini.

Dengan demikian lenyaplah satu bentuk persembahan yang diusahakan oleh seorang penggiat seni dari kalangan istana iaitu Tengku Ampuan Mariam seorang seniman besar yang bukan sahaja meneruskan satu seni taridra tradisional bahkan mencipta ciptaan-ciptaan sendiri agar subur dan berkembang, walaupun dalam jangka masa yang terhad.




Ibnu Jabuan Maslawa dan sahabat

Puteri diraja Pahang merekacipta pakaian sendiri Baju Riau Pahang yang dibuat daripada sutera bunga tabur atau songket tenun Terengganu. Tengku Ampuan menghias diri dengan maikta terbesar

ملك لوالدين، مباروك مستبكره اوتي نوروخ مفاخره
 دان تيق، سكل خدائي نوح مفتوحى انورين ساري ورمي
 برمولان دورق، ناروخ كان الاوت
 ملك تيق، لانو تيق دورق مقفلة صمد صر ووتيك
 تحقق ليغله باوليين ووال دورق ايت له دين دورق بويدي
 نوبت كدرا وحقق ليغله باوليين كدرا ندين باقويين
 بوزون ملك انور ليمانى بو ملاده كدرا جارو بقفلا بيلو
 برهان سمويان سنج الاوت
 ملك تيق، لانو تيق دورق مقفلة صمد صر ووتيك
 تحقق ليغله باوليين ووال دورق ايت له دين دورق بويدي
 نوبت كدرا وحقق ليغله باوليين كدرا ندين باقويين
 بوزون ملك انور ليمانى بو ملاده كدرا جارو بقفلا بيلو
 برهان سمويان سنج الاوت
 ملك تيق، هابيس الاوت، وادرا تيق
 بقق ليغله باولو برانق امنت ساروسن سمويان
 صدق اسره سمويان
 ملك تيق، مماله باوري صمد
 كوخ كورا ابو اوتيه مسكوك لكا
 سموي كدرا ندين باقويين
 ملك تيق، هابيس الاوت، وادرا تيق
 صدق اسره سمويان
 صدق اسره سمويان



Teks dan sketsa Joget Gamelan oleh Tengku Ampuan Mariam Terengganu.





Dewan Yappanah Restu

Wahai umat manusia! Sesungguhnya telah datang kepadamu Al-Qur'an yang menjadi nasihat pengajaran dari Tuhan kamu, dan yang menjadi penawar bagi penyakit-penyakit batin yang ada didalam dada kamu, dan juga hidayah petunjuk untuk keselamatan, serta membawa rahmat bagi orang-orang yang beriman.

*Yunus 11:57
(Khat Diawan Jali)*

Berprinsip Teguh

Kategori ini memuatkan kisah Puteri Dunia Melayu yang berpegang teguh dan tidak berbelah bagi dalam sesuatu prinsip yang diamutnya, sama ada berupa suatu cita-cita mahupun suatu aspirasi yang difikirkannya wajar dan munasabah. Keputusan adalah muktamad dan tidak berganjak daripada pendirian yang diamuti apa lagi setelah merasa pahitnya ketidakadilan, kecurangan, pembelotan, kecuaiian mahupun kelalaian daripada mereka yang berkuasa. Antara sifat-sifat mereka adalah ketabahan, kecekalan, kesabaran, kesanggupan untuk berkorban, sanggup menanggung malu demi mempertahankan maruah kaum wanita. Mereka ini sanggup bercerai nyawa, kasih, anak dan keluarga kerana semata-mata berpegang kepada keyakinan dan kebenaran pendiriannya.



Wau Bulan

Ilham : DHEA Finecast Enterprise / Fotografi: everything Sdn.Bhd.

Wau Bulan bertatah batu permata kristal ini diperbuat daripada logam perak dan disadur dengan emas 24 karat dan titisan emas putih.

BERPRINSIP TEGUH

	M/S
3.1 RATU SYARIFAH FATIMAH • BANTAM • 1750-1753	246
3.2 RAJA NUR ALAM • BRUNEI • 1822-1824	248
3.3 RATU MAS RARASUMANDING @ ONG TIEN • CIREBON • c. 1481	252
3.4 RAJA FATIMAH • JOHOR • c. 1571	254
3.5 TENGGU TENGAH TUN IRANG • JOHOR-RIAU • c. 1720	260
3.6 ENGGU PUTERI RAJA HAMIDAH • JOHOR-RIAU • 1812-1823	264
3.7 MAHSURI • KEDAH • c. 1750	268
3.8 PUTERI SA'ADONG • KELANTAN • 1667-671	278
3.9 PUTERI NENG @ NAN NIO LIAN KHI • LAMURI • c. 1200	286
3.10 RADEN GALOH GEMERENCANG • MAJAPAHIT • c. 1367	290
3.11 RATU KENCANA WULAN • MATARAM • c. 1811	294
3.12 PUTERI ROKAN • MELAKA • c. 1440	296
3.13 TUN FATIMAH • MELAKA • 1507-1528	300
3.14 WAN FATIMAH • PERLIS • 1839-1843	306
3.15 TENGGU AMPUAN MAHRUM • SELANGOR • 1890-1938	312



Ratu Syarifah Fatimah

KEKEJAMAN MEMBAWA KERUNTUHAN

Para pedagang Arab sudah sampai ke Kepulauan Melayu sejak tempat ini masyhur kerana rempah dan emas, selain hasil mahsul dari hutan belantaranya. Apabila agama Islam mula berkembang golongan pendakwah Islam mengikut jejak para pedagang dan saudagar. Antara pendakwah itu tentu sekali golongan 'Syed' memainkan peranan utama kerana mereka ini dianggap keturunan Rasulullah (SAW) melalui Sayyidatina Fatima az-Zahra (RA) dan Sayyidina 'Ali bin Abi Talib (*karamullahu wajhahu*). Walaupun banyak golongan 'Syed' ini berkahwin dengan puteri-puteri raja tempatan namun jarang-jarang kedegaran golongan wanitanya atau 'Syarifah' berbuar demikian, melainkan seorang yang bernama Syarifah Fatimah yang berkahwin dengan Sultan Arifin (1733-1753) Raja Bantam di Jawa.


Sultan Bantam semuanya bermegah dengan agama Islam ortodoks. Dalam tahun 1750-an, Bantam boleh dikatakan diperintah oleh 'Ratu Syarifah', seorang anak perempuan pemimpin Arab dari golongan Sayyid. Ratu Syarifah inilah Syarifah Fatimah yang dikatakan cantik dan amat bercita-cita tinggi. Beliau dari tahun ke tahun semakin berkuasa atas suaminya sehingga menjalankan tugas-tugas mentadbir dan memerintah negeri Bantam.

Sebelum berkahwin dengan Sultan Arifin, Syarifah Fatimah adalah isteri seorang Leftenan Melayu yang berkhidmat dengan pasukan

tentera Betawi. Beliau terkenal kerana rupa paras yang cantik, pandai memikat serta bijak bertutur kata. Bahkan buaian beliau amat memikat sesiapa yang mendengarnya. Lama kelamaan setelah berkuasa penuh, Ratu Syarifah menjadi semakin tidak disukai ramai bahkan dibenci kerana beliau mengenakan tuntutan yang berlebihan di atas rakyat jelata.

Beliau juga dibenci rakyat kerana berpihak kepada orang Belanda. Apabila beliau menge-tepikan raja muda, Pangeran Gusti, maka pangeran itu terpaksa melancarkan pemberontakan. Pada tahun 1747 Belanda berjaya menumpaskan pemberontakan oleh Pangeran Gusti dan mengiktiraf Syarifah Fatimah. Pangeran Gusti serta para pengikutnya dibuang negeri ke Ceylon (kini Sri Lanka). Kejayaan ini menyebabkan Syarifah Fatimah yang sangat akrab dengan Belanda itu bercita-cita untuk mengawal kerajaan Bantam dengan sepenuhnya dan dengan cara kuku besi.

Dalam tahun berikutnya Syarifah Fatimah yang bercita-cita tinggi itu berjaya mempengaruhi pemerintah Betawi (kini Jakarta) mengenai ketidaksiuman suami beliau. Sultan Arifin pun diturunkan dari takhta Bantam lalu dihantar ke Ambon. Di sanalah raja itu menghabiskan hidupnya. Syarifah Fatimah lalu menjadi ratu mutlak menggantikan suaminya. Beliau menjadi Pemangku Raja bagi Sultan yang baru diangkat, iaitu seorang kanak-kanak yang masih mentah. Ratu Syarifah mulalah memerintah secara kuku besi dan menindas rakyatnya.



Peta Jawa (Bantam)

Dalam tahun 1750 berlakulah satu pemberontakan bertujuan hendak menjatuhkan Ratu Syarifah. Kaum tani yang memberontak itu telah melantik seorang 'Kiai Tapa' sebagai pemimpin mereka, se-orang alim yang bertapa di dalam sebuah gua suci di kawasan pergunungan. Kiai Tapa ini dianggap keramat oleh pengikutnya. Kiai Tapa ini lebih merupakan orang pertapaan Hindu daripada orang alim Muslim, dan hal ini diperkuatkan lagi dengan terjumpanya banyak kesan Hindu di dalam gua tempat pertapaannya itu.

Begitu kuatnya kebencian rakyat terhadap Ratu Syarifah sehingga mereka terpaksa dan sanggup melantik seorang yang bukan seagama dengan mereka bertujuan untuk menjatuhkan Ratu Syarifah yang begitu jelas kezalimannya terhadap rakyat yang di bawah kekuasaannya. Dalam masa kecemasan itulah Kiai Tapa itu diangkat untuk menentang simbol Islam yang melakukan penganiayaan.

Pemberontakan pada tahun 1750 itu telah menyebabkan banyak kerosakan di kawasan Betawi dan hampir-hampir menjadikan kawasan itu tandus. Perang gerila berlarutan selama beberapa tahun.

Akhirnya Belanda sedar sebab musabab terjadinya pemberontakan itu, dan selepas pemberontakan itu dapat dihancurkan maka Ratu Syarifah dilucutkan kuasanya. Seorang sultan baru, Pangeran Adi Sandaka, seorang adinda Sultan Arifin diangkat menjadi Pemangku Raja. Peristiwa ini memperteguhkan lagi engkaman Kompeni Belanda di Jawa Barat, namun begitu keadaan di situ tidak berubah bahkan rakyat terus menderita. Ratu Syarifah Fatimah yang hendak dihantar oleh Belanda ke Saparua sebagai orang buangan, bagaimanapun telah meninggal dunia sebelum pemuangan itu dilaksanakan.



Raja Nur Alam

KEAZAMAN IBU MEMBAWA ANAK KE TAKHTA

Sultan Omar Ali Saifuddin, sultan ke-18 negara Brunei Darus-Salam dikatakan telah naik takhta pada usia masih muda dan mangkat pada tahun 1795. Dirakamkan bahawa baginda menjadi raja pada tahun 1762 dan berkahwin dengan Raja Putih, puteri Sultan Kamaluddin. Marhum di Lobah. Dari perkahwinan itu lahirlah seorang putera yang kemudiannya bergelar Sultan Muhammad Tajuddin. Apabila Raja Putih mangkat, baginda mengahwini adinda bekas permaisuri baginda, yang bernama Raja Nur Alam. Isteri yang kedua ini melahirkan seorang putera yang kemudiannya menjadi Sultan Muhammad Kanzul Alam. Isteri baginda yang ketiga ialah Pangeran Isteri Bongsu, juga puteri kepada Marhum di Lobah, dan janda kepada Pangeran Pemanca Kasim. Pangeran Isteri Bongsu dengan Pangeran Pemanca Kasim, sebelum kematiannya, melahirkan seorang anak perempuan yang bernama Pangeran Saliha.

Setelah Sultan Omar Ali Saifuddin mangkat, Sultan Muhammad Tajuddin, puteranya menggantikan baginda, menjadi Sultan Brunei yang ke-19. Baginda turun takhta dalam tahun 1804 untuk

membenarkan puteranya Sultan Muhammad Jamalul Alam I naik takhta, tetapi baginda mangkat setelah enam atau sembilan bulan memerintah. Sultan Muhammad Tajuddin menaiki takhta kembali sehingga tahun 1807, tapi pada tahun itu baginda mangkat.



Yang menaiki takhta kali ini ialah Sultan Muhammad Kanzul Alam putera Sultan Omar dengan Raja Nur Alam. Baginda memerintah dari tahun 1807 hingga 1826. Permaisuri ialah Pangeran Saliha dan hasil daripada perkahwinan ini lahirlah seorang puteri yang diberi nama Raja Nur Alam, nama yang sama dengan nama bonda Sultan Muhammad Kanzul Alam sendiri. Selain itu baginda mempunyai seorang putera, Pangeran Muhammad Alam, yang kemudiannya bergelar Sultan Muhammad Alam.

Setelah mangkatnya Pangeran Saliha, Sultan Muhammad Kanzul Alam berkahwin pula dengan Pangeran Nur Alam, anak Pangeran Seri Rama lalu memperoleh Pangeran Mariam dan Pangeran Pasar. Apabila Pangeran Nur Alam mangkat, Sultan Muhammad Kanzul Alam kahwin sekali lagi dengan Pangeran Selamah, juga anak Pangeran Seri Rama, dan melahirkan Seri Banun, Pangeran Muda Hasim, Pangeran Muda Muhammad, dan

Pangeran Khatijah. Putera tertua kepada Sultan Muhammad Alauddin, Sultan Brunei ke-17, yang juga dikenali sebagai Pangeran Muda Amir Bahar, beranak seorang putera Pangeran Nasiruddin yang bergelar Pangeran Maharaja Dinda, beranak seorang putera Pangeran Muda Anak Bahar yang menjadi menantu Sultan Muhammad Kanzul Alam, dan beranak seorang puteri bernama Pangeran Isteri Nur Alam. Anak yang lain ialah Pangeran Besar Anak Besar Muhammad Saman, Pangeran Anak Tengah Ismail, Pangeran Anak Damit Omar Ali dan Pangeran Isteri yang berkahwin dengan Sultan Omar Ali Saifuddin II (1828 – 1852).

Kalau pembaca budiman meneliti cerita diraja yang ringkas di atas tentu sahaja bertemu dengan beberapa orang puteri yang bernama Nur Alam. Nur Alam yang pertama ialah permaisuri kedua Sultan Omar Ali Saifuddin, dan bonda kepada Sultan Muhammad Kanzul Alam. Nur Alam yang kedua ialah puteri kepada Sultan



Busana

Muhammad Kanzul Alam dengan Permaisuri Pangeran Salihah. Nur Alam yang ketiga ialah anak Pangeran Seri Rama yang berkahwin dengan Sultan Muhammad Kanzul Alam setelah mangkat Permaisuri Pangeran Salihah. Dan Nur Alam yang keempat bergelar Pangeran Isteri Nur Alam anak Pangeran Muda Anak Bahar dengan seorang puteri kepada Sultan Muhammad Kanzul Alam. Jadi, Sultan Muhammad Kanzul Alam bukan sahaja mempunyai ibu yang bernama Nur Alam (Raja Nur Alam), seorang isteri bernama Nur Alam (Pangeran Nur Alam), seorang puteri bernama Nur Alam (Raja Nur Alam) bahkan seorang cucu bernama Nur Alam (Pangeran Isteri Nur Alam)!

Namun begitu, salah seorang Nur Alam ini juga yang akan menyebabkan baginda tidak menjalani adat istiadat pertabalan yang lengkap (berpuspa) yang membolehkan baginda bergelar 'Yang Dipertuan Brunei.'

Pada tahun 1806 (atau 1807)



Puteri Dunia Melayu

setelah Sultan Muhammad Tajuddin mangkat, maka Pangeran Digadong Muhammad Kanzul Alam (jawatan baginda pada masa itu) menaiki takhta Brunei tetapi pemerintahan baginda digugat oleh putera baginda Raja Api (Pangeran Muhammad Alam), dan saudaranya Raja Nur Alam (anak Pangeran Saliha) yang menganggap Omar Ali Saifuddin (putera Raja Nur Alam) layak dan seharusnya diangkat menjadi Sultan.

Oleh sebab tuntutan Raja Nur Alam bagi pihak putera beliau itu, maka penabalan yang lengkap (berpuspa) ke atas Sultan Muhammad Kanzul Alam tergendala dan tertangguh. Ini berpanjangan sehinggalah baginda mangkat pada tahun 1826. Dalam masa pemerintahan baginda berlaku beberapa peristiwa yang menarik.

Sultan Terengganu pada masa itu telah menghantar seekor harimau (berkandang) sebagai hadiah kepada Sultan Muhammad Kanzul Alam. Kononnya harimau itu dilepaskan atau terlepas dari kandangnya lalu melompat ke sana ke mari di balai istana. Tentunya riuh-rendah dan kelam-kabut keadaan di istana sehinggalah se-orang menteri dapat mententeramkan harimau itu dan bermain dengannya bagi bermain dengan kucing. Sejak itu menteri tersebut amat dihormati di Brunei.

Sebagai balasan pula, Sultan Muhammad Kanzul Alam menghantar kepada Sultan Terengganu seorang gundik yang amat disayangi baginda cuma semasa gundik itu sampai ke Terengganu ia sudah pun hamil. Dalam surat yang mengiringi hadiah itu raja


Brunei menyatakan bahawa bersama-sama hadiah itu diri baginda turut mengikut pergi. Kononnya Sultan Terengganu amat sukacita dengan pemberian itu.

Setelah Sultan Muhammad Kanzul Alam mangkat, maka berlakulah rampasan kuasa oleh putera baginda, iaitu Raja Api yang dikatakan tidak siaman dan selalu melakukan kezaliman dan keganasan. Raja Api bergelar Sultan Muhammad Alam (1826-1828). Dalam masa inilah Raja Nur Alam (saudara perempuan baginda) serta para penyokong Omar Ali Saifuddin bertindak menggulingkan Sultan Muhammad Alam, lalu menghukumnya dengan hukuman mati. Pada tahun 1828, semasa para petanda bersedia untuk mengakhiri riwayatnya, baginda meminta para petanda itu memerhatikan, setelah dilakukan hukuman, ke sebelah mana tubuh baginda akan jatuh jika ke sebelah kanan memang tanda baik bagi negara Brunei, dan jika ke sebelah kiri maka alamat tidak baik bagi negara Brunei. Tubuh baginda terjatuh ke sebelah kiri dan nasib Brunei selepas itu mengalami kemerosotan.

Bagaimanapun, puak Omar Ali Saifuddin yang ditangani oleh bondanya sendiri, Raja Nur Alam telah menang dan memberi laluan mudah kepada Omar Ali Saifuddin naik takhta kerajaan Brunei. Baginda memerintah dari tahun 1828 hinggalah tahun 1852.

Itulah satu-satunya Puteri Nur Alam di Brunei yang kerana keazaman, ketegasan dan pendirian teguh beliau menakkakan anak sendiri, akhirnya berjaya melihat cita-citanya.

SALASILAH EMPAT ORANG PUTERI BRUNEI BERNAMA 'NUR ALAM





Ratu Mas Rarasumanding

SAMUDERA RAYA BUKAN PENGHALANG CINTA

Bukan saja bangsa, budaya dan agama memisahkan mereka, bahkan ribuan batu samudera. Apakah yang mendorong seorang puteri China mengharung lautan yang amat berbahaya untuk bertemu dengan seorang pemuda dan pendakwah Islam? Jawabannya terdapat dalam bidalan Parsi: Samudera raya bukan penghalang cinta.


Menurut *Sejarah Cirebon*, semasa Dinasti Ming (1368-1648), Syarif Maulana Hidayatullah (Sunan Gunung Jati) bin Syed Umdatuddin Abdullah bin Syed Ali Nurul Alam bin Syed Jamaluddin Husain al-Kubra, iaitu sebelum tahun 1429 pernah berangkat ke negara China untuk mengembangkan agama Islam di sana. Beliau menetap beberapa lama di Nanking dengan menamakan dirinya Maulana Insan Kamil. Raja China pada masa itu bernama Hong-hsi yang menggantikan Yung-lo.

Semasa Syarif Hidayatullah bermau-stautin di sana, suatu hari ketika beliau menghadap Maharaja Hong-hsi, beliau telah bertemu pandang dengan Puteri Ong Tien, puteri raja China, dan puteri itu telah jatuh cinta kepadanya. Namun begitu Maharaja China tidak merestui maksud puterinya itu. Sebaliknya baginda menganggap Syarif Hidayatullah sebagai seorang yang tidak dihendaki di negara China, dan terus dihalaui pulang ke Cirebon, di Pulau Jawa.

Puteri Ong Tien tetap berkeras meminta izin ayahandanya agar beliau dapat pergi ke Cirebon. Setelah berulang kali merayu-meminta izin, akhirnya Raja China terpaksa beralah menurut hasrat puterinya. Satu angkatan disediakan untuk Puteri Ong Tien belayar ke Cirebon. Angkutan ini diketuai Panglima Li Guan Kang, dan Nakhodanya Li Guan Hien. Keberangkatan puteri ini dibekalkan dengan barang-barang keperluan istana yang bernilai tinggi seperti seramik, barang hiasan dan busana yang sesuai untuk pakaian seorang puteri. (Barang-barang itu kini tersimpan di Istana Agung Gunung Jati, Cirebon).

Kembali pada kisah Syarif Hidayatullah. Sekembalinya ke Cirebon beliau berkahwin dengan Ratu Mas Pakungwati, puteri sulung Ceri Mangana Embah Kuwu. Selepas perkahwinan itu, Ceri Mangana Embah Kuwu pun menyerahkan kerajaan Cirebon kepada Syarif Hidayatullah dan sejak itu baginda terkenal dengan nama Sunan Gunung Jati. Beberapa lama kemudian baginda berangkat ke Lur Agung untuk mengislamkan Raja Lur Agung serta para pembesar dan rakyatnya. Jelas matlamatnya tercapai.

Semasa Syarif Hidayatullah masih berada di Lur Agung, Puteri Ong Tien yang menyusul baginda telah sampai di muara Jati Pasamangan, Cirebon lalu segera bertemu dengan baginda di Lur Agung. Puteri Ong Tien serta para pengiringnya pun memeluk



Makam Sunan Gunung Jati di kaki Gunung Ciremai dekat Cirebon dihiasi pinggan-pinggan porselin yang berasal dari China zaman Ming

agama Islam lalu menukar namanya menjadi Ratu Mas Rarasumanding. Setelah Islam maka puteri itu pun berkahwin dengan Syarif Hidayatullah. Tetapi hayat puteri itu tidak lama. Setelah empat tahun menetap di Cirebon, Ratu Mas Rarasumanding meninggal dunia dan dimakamkan di Istana Agung Gunung Jati. Baginda hanya ada seorang anak angkat bernama Pangeran Kuningan, anak Raja Lur Agung.

Sebuah masjid yang terletak di Kompleks Pemakaman Sunan Gunung Jati di Desa Astana Gunung Jati, Kecamatan Cirebon Utara, Kapupaten Cirebon, Jawa Barat selain terkenal sebagai

Masjid Sunan Gunung Jati juga ada nama yang lain iaitu Masjid Agung Sang Cipraras.

Masjid ini dibangunkan pada tahun 1480 atas dorongan Nyai Ratu Pakungwati dengan bantuan Wali Songo dan tenaga ahli yang dikirim oleh Raden Fattah. Hiasan dan corak dalamannya banyak pengaruh Cina. Seluruh dindingnya dihiasi porselin Cina yang berbentuk pinggan warna merah dan biru. Ratu Mas Rarasumanding telah berkahwin dalam tahun 1481, setahun setelah berdirinya Masjid ini dan mungkin mempengaruhi hiasannya dari sumbangan barang-barang yang dibawa bersamanya dari China.



Raja Fatimah

PUCUK DICITA PUCUK TERCAPI

Setelah Sultan Alauddin Riayat Syah mangkat, anakanda baginda, Raja Muzaffar naik takhta kerajaan, dan beberapa lama kemudian baginda membuka negeri di Seluyut. Raja Umar (suami Raja Fatimah) sebelum berkahwin dengan Raja Fatimah sudah beristeri dengan anak Seri Nara Diraja Pahang; dan dengan isteri itu beroleh seorang putera, Raja Mansur. Selepas itu Raja Fatimah pun hamil. Melihat Raja Fatimah hamil dengan tiba-tiba Raja Umar berasa benci terhadap bonda Raja Mansur. Dipanggilnya Seri Nara Diraja (kerana Seri Nara Diraja Johor, Tun Hamzah) dengan Seri Nara Diraja Pahang itu bersaudara tiga pupu. Lalu kata Raja Umar:

"Orang kaya, akan emaknya si Mansur, hamba serahkanlah kepada Orang kaya, kerana ia keluarga kepada Orang kaya, mana perintah Orang kayalah. Jikalau hendak diberi berlaki pun kabullah kepada hamba. Telah talaklah hamba dengan dia."

Selepas itu bonda Raja Mansur pun dihantar ke rumah Seri Nara Diraja Tun Hamzah.



Pada satu hari Sultan Muzaffar Syah bermain-main ke rumah Seri Nara Diraja Tun Hamzah lalu terpanjang akan bonda Raja Mansur maka berahilah baginda. Tiga hari tiga malam bagi orang yang kena guna-guna, lalu baginda pergi ke rumah Seri Nara Diraja menyatakan hasrat baginda hendak memiliki bonda Raja Mansur, tetapi hendaklah berkahwin secara rahsia. Dengan persetujuan Bendahara kahwinlah Sultan Muzaffar dengan bekas isteri Raja Umar itu secara sulit, tidak dihebahkan. Maka berselang-selang malam baginda ke rumah Seri Nara Diraja. Kira-kira sebulan lamanya hamillah bonda Raja Mansur, mengandungkan zuriat Sultan Muzaffar Syah. Sultan Muzaffar pun memberi tahu hal itu kepada Seri Nara Diraja dan Bendahara dan meminta mereka berdua melindungi baginda kerana malu akan Raja Umar. Seri Nara Diraja Tun Hamzah pun pergi ke rumah Raja Umar dan Raja Fatimah, lalu

ditanya isteri Raja Umar itu:

"Apa pekerjaan nenek baru-baru ini datang?"

Sembah Seri Nara Diraja:

"Patik hendak persembahkan hal bonda Raja Mansur, paduka kekanda suruh taruh kepada patik. Patik adalah ketakutan menaruh patik itu, kerana ia hamil."

Pada fikiran Raja Umar yang dalam kandungan itu anaknya kerana dia tidak membilang hari tiada bersama bekas isterinya itu. Katanya:

"Jikalau ia hamil sekalipun, apatah Orang kaya takut menaruh dia, kerana Orang kaya orang tua kepadanya?"

Sahut Seri Nara Diraja:

"Benar itu tuanku, tetapi adalah kurang majlisnya didengar orang."

Lalu Raja Fatimah menyarankan:

"Nenek Hamzah, hantarkanlah kepada hamba. Raja (maksudnya Raja Umar, suaminya) sudah tiada berkenan, biar hamba memelihara akan dia."

Bonda Raja Mansur pun dipelihara oleh inangda Raja Fatimah. Raja Fatimah pula, setelah genap bulannya, melahirkan seorang putera, dinamakan Raja Abdul Jalil oleh Sultan Muzaffar dan dijadikan anak angkat baginda. Tatkala usia Raja Abdul Jalil sepuluh bulan, bonda Raja Mansur pula melahirkan anak lelaki dan diberi nama Raja Abdullah.

Tatkala Sultan Muzaffar Syah gering [sakit] maka titah baginda kepada para pembesar lalu mewasiatkan bahawa apabila baginda tiada, Raja Abdul Jalil akan menggantikan baginda. Antara yang mendengar titah itu ialah Raja Umar dan Raja Fatimah. Setelah Sultan Muzaffar mangkat maka Raja Abdul Jalil ditabalkan tetapi oleh kerana baginda masih kanak-kanak ia dipangku oleh



Muse Abadi Muzaffar dan Aminah

Lazimnya kelsarga Diraja Johor memakai baju kurung Johor kain brokad Cina yang cantik, namun tidak dipakai sedondon. Kain sarung songket dari Terengganu atau Kelantan dan memakai kain berdaugang luar songket Palembang serta selayang kelengkapan mantul di bahu. Sanggul tinggi pula dihiasi cucuk sanggul pepaku.



Bendahara di atas peterana. Keadaan sedemikian menimbulkan iri hati pihak Raja Fatimah kerana suaminya Raja Umar tidak memangku [meriba] anaknya sendiri seolah-olah Bendaharalah raja. Raja kanak-kanak itu bergelar Sultan Abdul Jalil Syah.

Beberapa tahun kemudian apabila Sultan Abdul Jalil sudah dapat bersemayam [duduk] sendiri di atas peterana, baginda mula-mula suka bermain dengan Raja Mansur tetapi beralih pula kasih sayangnya kepada Raja Abdullah, "tiada bercerai barang sehari, santap [makan] pun sama-sama berdua". Apabila sampai umur baginda sembilan tahun maka hendak dikharankan tetapi dengan tiba-tiba baginda gering. Titah baginda kepada para pembesar termasuk Raja Fatimah dua laki isteri:

"Jikalau beta mati, akan kerajaan beta ini kepada Raja Abdullallah beta berikan."

Maka kata bonda baginda, Raja Fatimah:

"Ayahanda tuan bukan ada? Mengapa maka tuan amanatkan kerajaan tuan kepada adik tuan?"

Sahut Sultan Abdul Jalil:

"Bagaimana bonda boleh berkata begitu? Akan beta dengan ayahanda ini, bukankah beta anaknya? Mengapa maka oleh ayahanda yang mangkat itu, kerajaannya diberikan kepada beta? Demikian lagi beta pun sahaja amanat beta, kerajaan beta Raja Abdullah yang empunya dia."

Setelah Sultan Abdul Jalil mangkat maka hendak dirajakan oleh Bendahara akan Raja Abdullah. Raja Fatimah pun marah akan

Bendahara sebab suaminya Raja Umar tidak mahu dirajakan. Kata Raja Fatimah:

"Siapa yang hendak menerima Raja Umar akan jadi suami beta? Bukankah Bendahara menyuruh ayahanda beta menerima dia? Tiada ghalat [silap] lagi Bendahara dengan segala orang besar-besar menyembah. Sekarang bagaimana pula perintah Benda-hara mungkir? Anaknya pula yang hendak dirajakan. Akan Abdul Jalil

benarlah; dengan amanat abang Muzaaffar Syah. Akan pesan Abdul Jalil hendak Bendahara turutkan juga? Biar-lah beta keluar dari negeri ini bersama-sama Raja Umar ba-rang ke mana, jangan seorang juga selenggarakan beta."

Bendahara pun tiada terkata lagi, mendengar kata-kata Raja Fatimah itu. Berfikirlah di dalam hatinya:

"Jikalau kugagahi merajakan Raja Abdullah ini, selaku-laku akulah hendak menjadi raja, kerana baginda lagi budak."

Maka Bendahara pun bermohonlah kepada Raja Fatimah dua laki isteri, kembali duduk di balainya, menyuruh memanggil wazir, menteri, hulubalang, orang kaya-kaya, sida-sida, bentara sekalian berkampunglah mengadap Bendahara. Pada masa itu Laksamana Hang Nadim pun ada di Johor, mendengar Sultan Abdul Jalil mangkat. Setelah kesemuanya berkumpul, Bendahara pun berkata:

"Apa bicara orang kaya-kaya sekalian, akan Raja Fatimah tiadalah kabul akan Raja Abdullah dirajakan, yang seperti amanat kekanda baginda itu."

Segala tutur-kata Raja Fatimah itu semua dikatakan Bendahara



Sisi muka mata wang Sultan Alauddin Rayat Syah Johor.



kepada segala orang besar-besar. Maka kata Laksamana:

"Mengapakah Datuk maka begitu? Yang mana sembah Datuk ke bawah Duli Paduka Marhum itulah yang sempurna Datuk kerjakan, orang nama Baginda dan nama Tuanku bercerca disebut jang dalam alam ini."

Segala wazir, menteri, orang besar-besar, hulubalang sekalian muafakatalah dengan kata Laksamana itu, dan Bendahara kabullah akan Raja Umar lalu menyuruh menabalkan akan Raja Umar. Sekalian pembesar pun berdiri mengadap. Setelah baginda nobat, digelar baginda di atas takhta kerajaan: Sultan 'Ali Jalla Abdul Jalil Riayat Syah (1580-1597).

Peristiwa yang berlaku di atas adalah dilema atau keadaan serba-salah yang dialami seorang Bendahara. Pertama, Bendahara sanggup menyimpan rahsia Sultan Muzaffar Syah, yang setelah memandang akan isteri Raja Umar ibu Raja Mansur, telah jatuh cinta dan setelah iddah perempuan itu, terus mengahwininya. Walaupun Sultan Muzaffar tiada berputera dengan isteri pertamanya, anak Tun Hassan Temenggung, dengan takdir Allah mendapat seorang putera, Raja Abdullah.

Kedua, Bendahara tidak menyatakan anak siapa yang dikandung oleh bonda Raja Mansur, semasa datuk itu menceritakan kepada Raja Umar dan Raja Fatimah bahawa bonda Raja Mansur sedang hamil. Raja Umar (menurut cerita) tidak menghitung hari dia berpisah dengan bonda Raja Mansur itu. Seterusnya, Raja Fatimah sanggup membela bekas isteri suaminya sendiri.

Ketiga, oleh sebab Sultan Abdul Jalil (anak Raja Umar dan Raja Fatimah) naik takhta baginda dipangku oleh Bendahara. Tentulah Raja Fatimah marah sebab bapa Sultan (iaitu Raja Umar) masih ada dan boleh memangku. Namun begitu Bendahara, menurut adat, yang memangku raja.

Keempat, apabila Sultan Abdul Jalil nazak, baginda mahukan Raja Abdullah menggantikan baginda. Tentunya Bendahara berseruju

sebab Raja Abdullah sebenarnya putera Sultan Muzaffar Syah, anak seorang raja. Tetapi perlantikan itu tidak diperseutujui Raja Fatimah yang menganggap calon itu (Raja Abdullah) adalah anak Raja Umar yang lahir setelah ibu Raja Abdullah itu melahirkan anak itu selepas ia ditalak. Calon yang terdekat ialah Raja Umar suami beliau yang juga menantu Sultan Alauddin Riayat Syah. Maka Raja Fatimah mengukuti peristiwa lama bahawa Bendahara yang berseruju beliau (Raja Fatimah) dikahwinkan dengan Raja Umar.

Menurutnya amanat Sultan Muzaffar itu memberikan takhta kepada Abdul Jalil dapat diterima (walaupun yang layak ialah Raja Umar suaminya) tetapi mengangkat seorang calon yang jauh daripada kerabat terdekat tidak dapat diterima oleh Raja Fatimah. Jika Raja Abdullah diangkat juga maka beliau akan meninggalkan negeri Johor! Kata putus ini menyebabkan Bendahara berfikir panjang sebab tentulah Bendahara juga akan memangku raja yang masih budak seolah-oleh Bendahara yang disembah dan memerintah. Bagi Raja Fatimah seorang raja kanak-kanak sudah cukup dipangku oleh Bendahara. Mungkin juga umur Raja Abdullah itu lama maka lamalah Bendahara di atas takhta kelak. Akhirnya be-liau khuatir suami beliau tiada peluang langsung menjadi Raja.


Inilah seorang puteri yang keras hati, berani melawan pegawai tertinggi di Johor, padahal Raja Umar itu bukan anak Johor tetapi dari kerabat diraja Pahang. Raja Umar pun bukan lelaki yang berpendirian teguh. Beliau tidak mengambil berat tentang keadaan isterinya bonda Raja Mansur dan membiarkan saja Raja Fatimah memelihara perempuan itu setelah didapatinya hamil. Memelihara bekas isteri suami sendiri yang malang itu adalah suatu sifat belas kasihan yang luar biasa. Inilah suatu tamparan kepada Seri Nara Diraja Tun Hamzah dan juga kepada Raja Umar. Raja Fatimah sebagai puteri Sultan Alauddin Riayat Syah yang besar dan mempunyai sifat-sifat berpendirian teguh dan menurut dasar yang benar, maka Raja Fatimah menegakkan juga pencalonan suaminya dan berjaya!



Tepak sirih dan sepasang kipas yang bertekat benang emas.



SALASILAH RAJA FATIMAH DAN SULTAN-SULTAN JOHOR, 1511-1699



[NOTA: + = kahwin]



Tengku Tengah Tun Irang

KISAH DENDAM TAK SUDAH

Walaupun beberapa orang perempuan telah berjaya mengubah sejarah dengan menonjolkan Raja Kecil ke kancha percaturan politik Dunia Melayu dalam awal abad ke 18 sehingga dia berjaya menduduki takhta kerajaan Johor Lama – ada seorang perempuan yang meruntun dan merobohkan kedudukannya kerana malu dan terhina. Inilah kisah Tengku Tengah Tun Irang.

Raja Kecil, berkat asuhan dan bantuan Puteri Jamilan di Pagar Ruyung, berjaya menakluk Johor Lama pada 21 Mac 1717. Pada masa itu Sultan Abdul Jalil berkerajaan. Mendengar khabar Johor diserang, Yamtuan Muda Mahmud (saudara Sultan Abdul Jalil) yang sedang bermain catur terus mengamuk lalu membunuh isterinya yang termasyhur kerana kejelitaannya dan memusnahkan alat tenunan kencanaanya, serta beberapa orang putera-puterinya. Yamtuan Muda akhirnya terbunuh. Sultan Abdul Jalil, yang lari ke Kota Tinggi, dilucutkan jawatan “Yang Dipertuan” lalu menjadi Bendahara, jawatan lamanya. Raja Kecil pun menggelar dirinya Sultan Abdul Jalil Rahmat Syah. Seterusnya Raja Kecil mengikat tali pertunangan dengan Tengku Tengah, timang-timang Tun Irang, puteri sulung Bendahara Abdul Jalil.

Pada satu Hari Raya, masuklah Bendahara serta keluarganya menyembah Raja Kecil. Tengku Tengah tiada bersama. Tatkala Raja Kecil melihat paras jelita Tengku Kamariah, puteri Bendahara yang bongsu sekali, maka hatinya berahilah akan Tengku Kamariah. Raja Kecil pun memutuskan pertunangannya dengan Tengku Tengah, lalu meminang Tengku Kamariah dan ini dipersetujui oleh Bendahara Abdul Jalil. Raja Kecil pun ber-kahwinlah dengan Tengku Kamariah, adik tuangannya yang dahulu.



Tidak lama kemudian datanglah putera-putera handalan dari Bugis yang diketuai Opu Daeng Parani. Setelah mengadap Raja Kecil, mereka menemui Bendahara Abdul Jalil yang kini dalam keadaan duka nestapa akibat dihina Raja Kecil. Walaupun ayahandanya berendam air mata, namun jantung hati Tengku Tengah bagai dipanggang bara api. Sudahlah pertunangan diputuskan, adik kandung pula diambil sebagai ganti, dan kini bertaraf lebih tinggi pula sebagai Permaisuri Raja Kecil! Tengku Tengah yang sentiasa berasa terhina dan marah itu berhasrat menuntut bela, lalu mengadu hal kepada saudaranya Raja Sulaiman. Mereka berdua pun berunding dengan Daeng Parani yang menunggu pihak berkuasa Johor memberinya gelaran Yang



Puteri Dunia Melayu

Dipertuan Muda, yang telah ditolak oleh Raja Kecil. Bagaimana pun, Tengku Tengah dan Raja Sulaiman membuat rancangan agar Tengku Tengah dikahwinkan dengan Daeng Parani agar mereka dapat bantuan orang Bugis untuk menuntut bela atas penghinaan ke atas dirinya. Menurut *Hikayat Siak* (1992):

"... Maka Daeng Parani pun bertemulah dengan Raja Sulaiman. Maka ia pun berbicaralah dengan Daeng Parani. Setelah itu, sudah bicaranya, maka bidai istana Raja Sulaiman digulung oranglah. Maka Raja Tengah pun berdiri di muka pintu, mengelepak subangnya. Lalu ia berkata dengan Daeng Parani, "Hai Raja Bugis, jikalau engkau berani, hendaklah tolong lepaskan malu aku. Dan jikalau sudah lepas maluku ini, sukalah aku menjadi hamba engkau, akan menjadi menanak nasimu. Dan apakah kehendak engkau, aku sekalian turut."

Setelah disanggupi Daeng Parani, Raja Sulaiman bersetuju jika Panglima Bugis itu berjaya membunuh Raja Kecil dan mengembalikan kerajaan Johor, dan salah seorang antara mereka akan diangkat menjadi Yang Dipertuan Muda. Selepas berteguh janji, Tengku Tengah pun dikahwinkan dengan Daeng Parani. Tanpa berlelah lagi Tengku Tengah terus menjalankan rancangannya hendak mencuri Tengku Kamariah daripada suaminya, Raja Kecil. Menurut *Hikayat Siak*:

"Dan kepada satu malam, lepas waktu sembahyang maghrib, Raja Tengah pun masuk ke dalam kota. Dan waktu Duli Yang Dipertuan lagi tengah sembahyang Isyak. Dan isteri tiada boleh jauh, duduk dekat baginda juga. Dan Raja Tengah pun masuk dari penangga. Raja Tengah sampai di pintu tengah. Maka kelihatan Tengku Kamariah duduk dekat baginda, lagi sembahyang. Maka lalu dilambai oleh Raja Tengah. Maka Tengku Kamariah pun datang mendapatkan saudaranya, lalu dibawa oleh Raja Tengah turun. Lalu keluar kota, pulang ke istana."

Setelah didapati isterinya hilang, Raja Kecil pun melanggar kediaman Bendahara Abdul Jalil yang sempat bersama keluarganya serta Tengku Tengah dan Tengku Kamariah lari ke Terengganu, dan kemudian ke Pahang. Raja Kecil pun menghantar angkatan di



Tan Irang memakai pakaian cara pengantin Melayu Johor Riau dahulu. Kainnya songket panjang sembilan dipakai dengan baju kurang pendek. Hiasan diri *pendang*, *dukuh* dan *pemeleh* daripada emas

Gambar: Jabatan Muzium dan Warisan



Puteri Dunia Melayu

bawah Laksamana Sekam ke Pahang pada tahun 1720 untuk menangkap dan membawa balik Bendahara serta keluarganya. Yang berlaku adalah pembunuhan Bendahara semasa dia disembahyang di dalam kurungan perahu. Semasa ayahandanya terbunuh, Tengku Tengah memakai celana dan bersiap dengan senjata hendak melawan orang Minangkabau yang menyerang itu. Dia pun naik ke geladak perahu lalu melibas dan menetak orang Minangkabau yang ada. Jerit Laksamana Sekam kepada pengikutnya: "Jangan diapa-apakan dia, kelak Duli Yang Dipertuan Raja Kecil membunuh kamu semua dan merampas harta-benda serta anak isteri kamu." Apabila orang Minangkabau itu mendengar amaran Laksamana mereka pun terjun ke laut. Keluarga Bendahara Abdul Jalil pun dibawa balik.

Dalam masa itu Raja Kecil telah berpindah ke Riau kerana menganggap Johor itu sial. Kemudian Daeng Parani dan Raja Sulaiman menyerang Raja Kecil yang lari ke Linggi. Apabila diikut oleh Bugis, dia kembali mengamuk di Riau. Di sini orang Bugis dan Minangkabau berbunuh-bunuhan. Apabila Raja Kecil pergi membantu Minangkabau di Linggi, orang Bugis kembali menakluki Riau. Raja Kecil pun balik ke Siak dan berutus surat kepada Raja Sulaiman supaya isterinya dikembalikan kepadanya. Dewasa itu Tengku Kamariah telah mendapat seorang putera lalu dinamakan Tengku Buang. Tengku Tengah pula mendesak Tengku Kamariah supaya berkahwin dengan Daeng Celak salah seorang Opu Lima Bersaudara, tetapi Tengku Kamariah enggan, katanya, "Baiklah abang, jikalau sudah janji daripada Allah Ta'ala, dan saya minta isi kahwin saya. Jikalau abang dapat kepala laki saya; jika dapat bolehlah kita nikah." Daeng Celak pun diam. Seterusnya Tengku Kamariah berutus warkah kepada Raja Kecil yang berada di Siak:

"... Dan jikalau paduka kekanda hendak mengambil paduka adinda, hendaklah ambil dengan perang. Jika tiada diambil dengan perang, tiada adinda mahu."

Pada tahun 1727 Raja Kecil pun mengumpul panglima handalan

yang berani mati kira-kira 150 orang semuanya pergi menyerang Riau dengan hanya 5 buah kapal. Mereka belayar mudik Sungai Riau hingga sampai ke Pulau Bayan lalu mendarat. Kubu pertahanan Bugis pun dilanggar dan banyak orang Bugis terbunuh. Dalam masa itu Tengku Kamariah pun bersiap-siap lalu turun bersama dayang-dayang dan harta-bendanya sekali. Tengku Kamariah, akhirnya, bersatulah dengan suaminya, Raja Kecil. Demikian perlakuan nekad dan berani seorang wira disebabkan kasih sayang terhadap isterinya yang juga tidak pasif tetapi mencabar kekelakuan suaminya.


Selepas itu Raja Kecil menyerang Riau beberapa kali tetapi gagal. Pada tahun 1737, anak sulungnya Raja Alam (ibunya anak Dipati Batu Kuching) menyerang Riau dengan 90 buah perahu, tetapi kalah. Tidak lama kemudian Tengku Kamariah pun meninggal dunia yang menyebabkan Raja Kecil menjadi separuh gila, sentiasa mengulangi pusara isterinya dan tidur di sana, tidak memperdulikan pentadbiran negeri sehinggalah tahun 1746 apabila beliau kembali ke rahmatullah.

Raja Kecil atau Sultan Abdul Jalil Rahmat Syah dikuburkan hampir pusara isterinya di Buntan dan disebut Marhum Buntan. Sebenarnya Kesultanan Siak Seri Inderapura bermula dengan baginda sehinggalah tahun 1784 apabila diganti oleh kaum Sayyid, bermula dengan Tengku Sayyid Ali hinggalah ke tahun 1946.

Retentan pertelingkahan hebat di antara Johor dan Minangkabau berlarutan sehingga ke hari ini. Ikat destar Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan yang diberi nama 'Dendam Tak Sudah' telah diambil oleh kerajaan Malaysia untuk pakaian ulu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia. Namun begitu pihak Diraja negeri Johor enggan memakainya disebabkan kesan sejarah yang masih kental dan berpanjangan.

Kalaupun kata 'dendam' itu dapat dialihkan daripada makna 'dendam benci' kepada 'dendam berahi' – langkah indah dan sejahteranya hidup manusia!

**SALASILAH TENGGU TENGAH TUN IRANG, ENGGU PUTERI RAJA HAMIDAH
 DAN TENGGU AMPUAN MAHRUM DAN HUBUNGANNYA DENGAN SULTAN-SULTAN SELANGOR.**





Engku Puteri Raja Hamidah

PENYIMPAN ALAT KEBESARAN RIAU-LINGGA

Pada 12 Januari 1812, Sultan Mahmud Syah mangkat di Lingga, lalu meninggalkan masalah pewarisan takhta tidak selesai dan kuasa sebenar terletak dalam tangan Yamtuan Muda Ja'far. Baginda gagal menamakan warisnya secara rasmi mengikut adat Melayu. Siapakah di antara puteranya - Abdul Rahman atau Tengku Husain - yang baginda mahu untuk menggantikan baginda?

Almarhum Sultan Mahmud mengahwini empat orang wanita. Pertama ialah anak Bendahara Tun Abdul Majid, Bendahara Paduka Raja Pahang dengan seorang puteri, Tuanku Besar. Kalaupun isteri pertama ini, iaitu Engku Puan melahirkan anak, keadaan tidaklah menjadi keliru, kerana tiada yang akan menyangkal hak putera itu mewarisi takhta. Namun Engku Puan tiada berputera.

Tidak lama kemudian, Sultan Mahmud berkahwin pula dengan Encik Makah anak seorang Bugis, Daeng Haturang dan lahirah dari perkahwinan ini Tengku Sulong atau Tengku Husain, kemudiannya diangkat oleh Sir Stamford Raffles menjadi Sultan pertama Singapura. Pada tahun 1780 Sultan Mahmud kahwin pula dengan Encik Meriam, anak seorang Bugis, Bandar Hasan.

Perkahwinan ini diatur oleh Raja Haji Yamtuan Muda (Bugis) di Riau. Encik Meriam ini melahirkan putera kedua untuk Sultan Mahmud, dinamakan Tengku Abdul Rahman, kemudian diiktiraf oleh Belanda sebagai Sultan Lingga.



Seterusnya Sultan Mahmud mengahwini isteri keempat baginda iaitu Engku Puteri Raja Hamidah puteri kepada Raja Haji, Yamtuan Muda Riau yang terkenal sebagai Marhum Teluk Ketapang yang syahid menentang Belanda di Melaka. Engku Puteri Raja Hamidah diam di Pulau Penyengat Indera Sakti yang baru ditebang-tebas khusus untuknya, siap dengan istana. Titah Sultan Mahmud ketika menjadikan Pulau Penyengat tempat kerajaan yang baru, di hadapan para pembesarinya serta Raja Hamidah:

"Hai Raja Hamidah! Adalah saya membuat Pulau Penyengat ini dijadikan negeri, sudah cukup dengan istana dan kota paritnya. Maka Raja Hamidahlah saya buatkan jadi miliklah kepada Raja Hamidah."

-(Raja Ali Haji, *Tuhfat al-Nafis*)

Raja Hamidah melahirkan seorang anak perempuan tetapi hidup hanya sejam sahaja. Raja Hamidah terkenal dengan gelaran Tengku Puteri dan hidup terus selepas kemangkatan Sultan


Puteri Dunia Melayu

Mahmud dan tinggal di istana di Pulau Penyengat, sambil menikmati hasil pulau-pulau di sekitar dan menjadi penyimpan alat-alat kebesaran diraja.

Menurut Bugis dan juga Belanda, Sultan Mahmud sewaktu baginda nazak telah menyatakan kepada Yamtuan Muda Ja'far: "Komeng, Ja'far! Komeng, Ja'far!" Ini bermaksud Abdul Rahman yang nama timang-timangannya 'Komeng' patut mewarisi takhta. Tetapi Engku Puteri Raja Hamidah, adik Yamtuan Muda Ja'far tidak bersetuju lalu menyebelahi Tengku Husain dan terus menyimpan alat-alat kebesaran dan dengan itu tergendalalah sebarang pertabalan diraja.

Pada tahun 1827 Tengku Husain menyatakan bahawa beliau, sebagai putera sulung telah dijadikan anak angkat oleh isteri ayahanda beliau iaitu anak Bendahara Pahang dan kemudian dijadikan anak angkat isteri ayahandanya yang terakhir, Engku Puteri Raja Hamidah yang juga dijadikan penyimpan alat-alat kebesaran bagi pihak beliau (Tengku Husain). Kemudian semasa Sultan Mahmud belayar ke Riau untuk menyelesaikan pertelingkahan antara Yamtuan Muda Ali dan Temenggung Engku Muda, baginda membawa kedua-dua pu-



Puteri ini mengenakan baju Engku Puteri berasal dari Riau-Penyengat. Polanya pesak enam, dadanya berkancing tujuh dan leher cekak musang. Kepala berhias gendik, memakai rantai bunga bintang dan berpendang di pinggang.

tera baginda, membenarkan Tengku Husain menaikkan bendera diraja manakala Tengku Abdul Rahman, bendera merah. Menurut Raffles, Tengku Abdul Rahman tidak pernah menuntun lebih daripada menjadi Sultan Lingga dan Sultan Husain menyatakan bahawa sebelum kemangkatan Sultan Mahmud baginda membiarkan dia (Husain) memilih Riau sebagai pusat kerajaan dan ini menyebabkan Abdul Rahman menetap di Lingga.

Yang pasti, agar dapat menyatukan kerajaannya Sultan Mahmud harus berbaik-baik dengan tiga pihak yang kuat: Yamtuan Muda (Bugis) di Riau, Bendahara (Melayu) di Pahang dan Engku Muda (Melayu) yang banyak kelihatannya di Riau dan Bulang. Dengan mengahwini Raja Hamidah pada tahun 1803 Sultan Mahmud telah menikahi adik perempuan Raja Ja'far yang dalam tahun 1811 diangkat menjadi Yamtuan Muda. Puteranya Tengku Abdul Rahman dipinta asuhkan kepada iparnya itu, manakala putera sulungnya Tengku Husain diusuh oleh Temenggung Engku Muda, yang selepas mengkhatakan anak piliharaannya terus mengahwinkan beliau dengan anak perempuannya, Raja Bulang. Sultan Mahmud, sebelum baginda mangkat, telah

Rajah: Prof. Muziq Siti Zubaini, Gambar oleh penyedek Muzium dan Antikiti.



Puteri Dunia Melayu



Mimbar Masjid Pulau Penyengat

Pada pagi setelah kemangkatan Sultan Mahmud, Raja Muda mengumpulkan segala pembesar bahawa Sultan telah tiada dan kini meninggalkan dua orang putera dan berharap mereka memilih satu daripadanya. Dua daripada pembesar yang hadir telah mengemukakan Tengku Husain sebagai Sultan Johor, tetapi tidak dipersetujui Raja Ja'far. Perkelahian pun berlaku dan Raja Ja'far hampir mengalah kalau tidak bonda kepada calon Raja Ja'far serta bapa saudaranya meminta bantuan adik-iri Raja Ja'far, Tengku Buntit, lalu memujuk beliau mengangkat Tengku Abdul Rahman sebagai Sultan pada petang itu juga.

Esoknya Tengku Abdul Rahman digesa mengebumikan jenazah ayahandanya walaupun beliau masih enggan kerana, menurutnya almarhum Sultan Mahmud mahu Tengku Husain naik takhta, dan menyarankan Raja Ja'far menjadi Pemangku. Jawab Raja Ja'far: "Masakan hamba memegang kuasa Sultan sedangkan salah seorang putera almarhum sedang hadir." Tengku Abdul Rahman yang tidak mahu memberi kebenaran, akhirnya membenarkan perkebumian jenazah Sultan Mahmud. Tiga hari kemudian, Tengku Abdul Rahman ditabalkan – tanpa alat kebesaran diraja kerana masih berada pada Engku Puteri Raja Hamidah.

Setelah kembali dari Pahang Tengku Husain disambut oleh Sultan Abdul Rahman, kekanda baginda dengan baik, dan sanggup

mengiring putera sulung baginda ke Pahang untuk dikahwinkan (buat kali kedua) dengan Wan Esah, anak Tun Koris, Bendahara Pahang. Jelas Sultan Mahmud mahu mengekalkan perimbangan kuasa menentang Bugis, dengan mengahwinkan putera baginda dengan anak perempuan dua pembesar Melayu yang paling berkuasa di dalam kerajaannya. Dan kedua-dua pembesar ini pada mulanya memang menyokong Tengku Husain.

menyerahkan takhta kerajaan kepadanya, tetapi dibantah oleh Yamtuan Muda Ja'far. Tengku Husain terus pergi ke Pulau Penyengat dan mendapat sokongan Engku Puteri Raja Hamidah lalu mendapatkan sokongan tentera serta bantuan daripada Tun Ali, Bendahara Pahang untuk merampas kerajaan. Yamtuan Muda Ja'far lalu memberitahu Residen British di Melaka tentang 'niat jahat' Bendahara Pahang itu lalu dihantar Adrian Koek untuk menasihati Bendahara bahawa sebarang campur tangan dalam hal Lingga akan mendatangkan amarah Great Britain. Tun Ali pun membawa balik angkatan tenteranya ke Pahang.

Lingga maju di bawah Sultan Abdul Rahman walaupun sentiasa di bawah kawalan Yamtuan Muda Ja'far. Kuasa baginda amat terhad kerana tiadanya alat-alat kebesaran diraja itu. Sultan Husain pula cuba mendesak British untuk mendapatkan alat-alat tersebut bahkan, menurut Belanda, baginda ingin membayar Engku Puteri Raja Hamidah \$50,000 dolar Sepanyol.

Akhirnya pada Oktober 1822 Gabenor Melaka, Timmerman Thysen, diiringi Adrian Koek, pergi ke Pulau Penyengat. Apabila perundingan gagal maka istana Raja Hamidah pun diserang lalu alat-alat kebesaran itu dirampas daripada Raja Hamidah secara paksa. Sultan Abdul Rahman dijemput pulang ke Riau tetapi takut akan Engku Puteri Raja Hamidah, kenalah dihantar Yamtuan Muda Ja'far dengan kapal Belanda mengambil baginda dari Terengganu, malangnya tiang agung kapal itu disambar petir maka terpaksa mereka kembali.



Masjid Pulau Penyengat




Puteri Dunia Melayu

Pada 3 November barulah Sultan Abdul Rahman dan Yamtuan Muda Ja'far sampai ke Riau dan pada 27 November Sultan Abdul Rahman pun ditabal secara rasmi lengkap dengan segala alat kebesaran diraja.

Pada masa itu Temenggung di Singapura menyokong Sultan

Husain. Bendahara Ali yang pada waktu itu berada di Pahang telah meminta Yamtuan Muda Ja'far menjadi wakil beliau. Sejak itu bermulalah Dunia Melayu terbahagi kepada dua pengaruh besar waktu itu iaitu pengaruh Belanda dan British. Saudara berpisah dengan saudara buat selama-lamanya disebabkan politik yang didalangi oleh penjajah.



Makam Engku Puteri Raja Hamidah di Pulau Penyengat



Mahsuri

KETEGUHAN IMAN PUTERI NAN SUCI

Pulu Langkawi di Kedah menyimpan pelbagai kisah sejarah dan legenda, tetapi yang paling merdayatkan hati adalah kisah seorang puteri suci bernama Mahsuri yang menjadi mangsa fitnah kerana kecantikannya dan di hukum putus nyawa tanpa ihsan serta keadilan oleh seorang pemimpin pada sekitar abad ke-18. Walau bagaimana pun, puteri yang beriman itu tetap sabar menerima hukuman, reda pada qadar, ikhlas dalam tawakal serta menyerah diri sepenuhnya kepada Allah (SWT).

Kisah Mahsuri berlaku lebih kurang 250 tahun yang lalu apabila sepasang suami isteri yang dikenali sebagai Pandak Mayah dan Mak Andak meninggalkan kampung mereka di selatan negeri Siam atas desakan hidup lalu berhijrah ke Pulau Langkawi untuk mencari rezeki dan kehidupan yang lebih baik. Mereka telah membina hidup baru di suatu tempat di pinggir pantai utara Pulau Langkawi. Mereka tidak mencari penempatan di kawasan pedalaman pulau itu kerana tidak mengenali sesiapa dan tidak tahu-menahu tentang keadaan di pulau itu. Sebagai punca rezeki, mereka berdua bersama-sama bercucuk tanam, berhuma, memernak ayam itik serta membuat kerja-kerja kampung. Selain daripada itu, Pandak Mayah juga rajin ke hutan mencari rotan dan kayu untuk dijual. Dasar orang merantau yang rajin berusaha dan berbudi pekerti tinggi disenangi oleh orang sekeliling. Pandak Mayah dan Mak Andak sentiasa beryukur kepada Tuhan atas

segala limpahan rezeki, reda atas segala cabaran hidup dan sering berdoa agar dikurniakan sekurang-kurangnya seorang cahaya mata buat penyeri hidup. Kononnya Pandak Mayah dan Mak Andak telah mengalami beberapa peristiwa pelik sebelum kelahiran cahaya mata yang dinanti-nantikannya itu.

Pada suatu hari ketika hujan lebat, Pandak Mayah telah berteduh di sebuah bangsal setelah penat mencari kerbaunya yang hilang. Sedang dia berehat, dia terdengar bunyi seperti tangisan bayi, maka dicari-carinya tetapi terjumpa hanya sekeping kerak nasi. Bagaikan tidak percaya, dia mengangkat kerak nasi itu, tiba-tiba bunyi tangisan itu juga berhenti. Peliknya, ia menangis semula apabila Pandak Mayah meletaknya ke lantai. Setelah hujan reda, Pandak Mayah pun pulang dengan segera bersama kerak nasi itu lalu menceritakan kisah pelik itu kepada isterinya. Setelah mendengarkan kisah itu, Mak Andak mencampurkan kerak nasi itu dengan beras untuk diranak. Maka makanlah mereka berdua nasi istimewa itu bersama lauk yang ada. Tidak lama kemudian, satu lagi peristiwa luar biasa berlaku. Pasangan suami isteri itu ternampak sepasang ular cintamani (ular itik) berdekatan dengan rumah mereka. Mak Andak telah memakannya, kerana menurut kepercayaan orang tua-tua, sesiapa yang dapat melihat atau memakan ular cintamani, orang itu akan bertuah. Tidak beberapa lama kemudian, dengan izin Allah hamillah Mak Andak. Semenjak Mak Andak hamil, rezeki mereka semakin bertambah, segala tanam-tanamannya subur dan ternakannya membiak menjadi-jadi.



Lukisan Mahsuri



Puteri Diria Melayu

Tambahan pula, Pandak Mayah terjumpa sarang burung layang-layang di sebuah gua ketika mencari rotan dan damar getah meranti di hutan. Maka sebahagian kecil daripada hasil rezeki tersebut, Pandak Mayah jual kepada penduduk Pulau Langkawi manakala sebahagian besarnya pula dijual ke Pulau Pinang melalui seorang tauke Cina.

Genap sembilan bulan dan sampai takdir Tuhan, maka Mak Andak pun melahirkan seorang bayi perempuan yang sihat dan sungguh comel. Permata berseri itu disambut dengan penuh kesyukuran dan kegembiraan. Pandak Mayah dan Mak Andak menamakan

puterinya itu, Mahsuri. Kononnya pada malam kelahiran Mahsuri, air di perigi mereka menjadi beku, maka terpaksa Pandak Mayah mengambil air dari tempat lain. Seminggu selepas Mahsuri dilahirkan Pandak Mayah mendapat mimpi agar memandikan Mahsuri di sebuah lubang yang tidak jauh dari rumahnya. Pandak Mayah menurut mimpinya itu dan selesai sahaja Mahsuri dimandikan, maka pulanglah Pandak Mayah sambil mendukung anaknya dengan penuh kasih.

Ketika dalam perjalanan pulang itu, Pandak Mayah terlihat ketul-ketul macam batu di bawah sebuah pokok. Dia singgah sebentar lalu diambinya sedikit dengan rasa hairan. Tergerak hatinya untuk membakar sedikit ketulan batu itu. Alangkah wangi baunya bak kemenyan. Pandak Mayah mengambil beberapa ketulan benda itu dan terus pulang dengan gembira. Sesampai saja di rumahnya, Mahsuri diserahkan kepada Mak Andak. Tanpa melengahkan masa, Pandak Mayah pun pergi menemui seorang tauke Cina untuk menunjukkan ketul-ketul batu itu. Alangkah gembiranya Pandak Mayah apabila tauke Cina itu

memberitahunya bahawa ketul-ketul batu itu adalah kemenyan (kini tempat itu dikenali sebagai 'Lubuk Kemian'). Melalui tauke Cina itulah Pandak Mayah menjual hasil kutipan kemenyannya ke Pulau Pinang. Tambahan lagi hasil cucuk tanam serta ternakan ayam itik mereka semakin menjadi.

Hidup mereka tiga beranak semakin mewah tetapi masih merendah diri bak resmi padi 'semakin berisi semakin tunduk'. Mereka sentiasa mensyukuri segala rahmat dan pemberian Tuhan. Tidak lama kemudian, Pandak Mayah sekeluarga berpindah ke Kampung Mawat, di Mukim Ulu Melaka untuk mendapat suasana kehidupan

yang lebih baik. Penduduk di kampung itu menerima baik kehadiran Pandak Mayah sekeluarga terutamanya Mahsuri yang sangat comel.

Mahsuri dibesarkan dalam suasana penuh kasih sayang bak menatang minyak yang penuh. Pandak Mayah dan Mak Andak mendidiknya dengan ajaran agama agar Mahsuri mempunyai keteguhan iman dan takwa bagi mengharungi apa jua cabaran hidup. Dia

juga diasuh dengan adab dan adat bangsa Melayu serta amalan budi pekerti yang tinggi. Mahsuri juga bersifat pemalu dan pendiam. Apabila meningkat dewasa, keayuan dan kejelitannya semakin terserlah, dihiasi pula dengan budi bahasa yang halus serta sopan. Banyak penduduk di kampung itu sukakan Mahsuri terutamanya kaum lelaki yang cuba memikatnya, tidak kira tua atau muda. Banyak lelaki yang berangan memperisterikan gadis yang paling jelita di pulau itu. Namun demikian, ada juga sebilangan perempuan yang mencemburui kejelitaan dan kemasyhuran Mahsuri termasuklah Wan Mahura, isteri Dato' Pekerma Jaya,



Fotografi: Wikimedia

Rumah Kedah di Perkampungan Kedah, Pulau Langkawi

Penghulu Pulau Langkawi yang dilantik oleh Sultan Kedah. Ingin sekali Wan Mahura bertembung atau melihat Mahsuri yang heboh diperkatakan itu. Maka pada suatu hari, Dato' Pekerma Jaya telah menerima undangan untuk menghadiri satu temasya rakyat di Kampung Mawat. Temasya itu biasa diadakan selepas selesai musim menuai, apabila penduduk kampung keluar beramai-ramai untuk berhibur dengan pelbagai persembahan kesenian dan kebudayaan setelah lama membanting tulang berhuma.

Ramai juga penduduk dari kampung lain di Pulau Langkawi yang turut memeriahkan temasya itu. Itulah masa yang baik untuk mereka beramah-mesra dan mengeratkan persaudaraan. Temasya itu jugalah tempat para teruna mencari calon isteri. Pandak Mayah sekeluarga turut hadir dan tidak ketinggalan dengan puterinya yang mula menjadi buah mulut orang tentang cantiknya. Kehadiran Mahsuri yang anggun dan menawan itu tentulah menjadi perhatian orang ramai terutama para pemuda.



Telaga Mahsuri

Foto: M. Yusoff

Sebagai Tok Penghulu, Dato' Pekerma Jaya turut hadir bersama isterinya Wan Mahura dan adiknya Mat Darus. Kesempatan ini diambil oleh Dato' Pekerma Jaya untuk beramah-mesra dengan rakyat dan mengambil tahu tentang perkara-perkara yang terjadi di Pulau Langkawi seperti yang dititahkan oleh Tuanku Sultan Kedah. Manakala bagi Wan Mahura pula, itulah peluang keemasan baginya untuk melihat dengan lebih dekat siapakah Mahsuri yang terkenal di seluruh Pulau Langkawi itu. Ketibaan Penghulu Dato' Pekerma sekeluarga disambut dengan penuh hormat dan sukacita oleh penduduk Kampung Mawat. Riuh-rendah mereka bertemasya dengan pelbagai persembahan kesenian dan kebudayaan yang menghiburkan. Dato' Pekerma Jaya gembira benar melihat keletah rakyatnya dan sempat juga dia mengerling pandangannya kepada Mahsuri sekeluarga. Wan Mahura memandang Mahsuri sepuas-puas hatinya, memang sahlah bahawa Mahsuri seorang wanita yang tercantik di pulau itu seperti yang dimasyhurkan, melebihi dirinya isteri kepada orang yang paling berkuasa di Pulau Langkawi. Makin meluap lagi rasa cemburu apabila Wan Mahura memalingkan mukanya melihat suaminya sedang memerhatikan Mahsuri. Dasar orang yang cemburu buta, Wan Mahura terus menyimpan syak wasangka bahawa suaminya sudah jatuh hati kepada Mahsuri. Wan Mahura berasa begitu terganggu dengan bisikan iblis yang menghasut hati dan perasaannya. Wan Mahura sanggup melakukan apa saja untuk menghalang suaminya daripada memiliki Mahsuri. Selang beberapa hari selepas temasya itu, Wan Mahura mencadangkan kepada suaminya supaya menjodohkan adik iparnya, Wan Darus dengan Mahsuri secepat mungkin. Wan Darus adalah salah seorang pahlawan yang gagah perkasa di Pulau Langkawi.

Cadangan itu disambut baik oleh Dato' Pekerma Jaya, manakala Wan Darus pula memang telah lama menyimpan hajat untuk memperisterikan puteri tercantik di Pulau Langkawi itu. Pandak Mayah sekeluarga menyambut dengan mesra rombongan peminangan Wan Darus walaupun mereka datang secara mengejut. Pinangan Wan Darus diterima oleh Pandak Mayah sekeluarga. Kedua-dua pihak kemudian berunding untuk menetapkan tarikh perkahwinan antara Wan Darus dengan Mahsuri. Maka berlangsunglah upacara adat istiadat perkahwinan pasangan itu



secara besar-besaran dalam suasana meriah. Wan Darus membawa Mahsuri menetap di sebuah rumah di Pengkalan (Padang Mat Sirat). Mereka berdua hidup dalam suasana penuh kasih sayang dan bahagia. Tidak lama kemudian, Mahsuri pun hamil. Berita itu menggembirakan keluarga kedua-dua belah pihak.

Pada suatu hari, Dato' Pekerma Jaya menerima titah Baginda Sultan agar dihantar angkatan pahlawan dan orang Pulau Langkawi untuk mempertahankan negeri Kedah dari serangan musuh. Wan Mahura dengan senang hati mencadangkan kepada suaminya yang sedang uzur, agar melantik Wan Darus sebagai ketua angkatan dari Pulau Langkawi. Tiada siapa menduga muslihat Wan Mahura yang cemburunya tidak pernah padam terhadap Mahsuri, isteri adik iparnya. Arah dan perlantikan mengejut itu menyedihkan Wan Darus dan Mahsuri yang tidak pernah berpisah sejak berkahwin. Tambahan pula Mahsuri sedang sarat mengandung dan sedang menunggu hari saja lagi. Walaupun berat rasa hati masing-masing, namun mereka redakan perpisahan buat seketika demi mempertahankan negeri Kedah dari ancaman musuh.

Wan Darus sempat berpesan agar sepeninggalannya Mahsuri memelihara diri dan anak yang bakal dilahirkan itu sebaik-baiknya. Dia berjanji akan pulang segera setelah selesai tugasnya. Mahsuri merelakan pemergian suaminya dan berdoa semoga Allah melindungi suaminya. Dato' Pekerma Jaya, merestui pelayaran Wan Darus dan angkatan orang Pulau Langkawi berjuang menentang musuh. Ramai penduduk Pulau Langkawi termasuk Mahsuri berada di Pengkalan dengan linangan air mata, melihat ahli keluarga masing-masing belayar demi satu perjuangan. Tidak berapa lama kemudian, Mahsuri pun melahirkan seorang bayi lelaki yang sihat, kelahiran yang disambut dengan penuh kasih sayang oleh Mahsuri. Pandak Mayah dan Mak Andak turut gembira menyambut cucunya yang diberi nama Wan Mat Arus.

Suasana di Pulau Langkawi masih suram kerana ramai kaum lelaki terlibat dalam angkatan mempertahankan negeri Kedah. Pada suatu hari, datanglah seorang perantau bernama Deramang dari Sumatera ke Pulau Langkawi. Deramang telah menemui Dato' Pekerma Jaya untuk memperkenalkan dirinya dengan harapan mendapat sebarang kerja untuk menyara kehidupannya ketika di

pulau itu. Oleh kerana tiada peluang kerja, maka Deramang pun mengembara hampir ke merata pelosok pulau itu mencari rezeki dengan menghiburkan penduduk dengan bersyair, membaca hikayat, berpantun dan menyanyi.

Pada satu hari, singgahlah Deramang di rumah Mahsuri, merayu sedikit makanan dan air buat mengalas perut. Mahsuri yang bersifat ihsan, lalu dengan senang hati memakulkan rayuan Deramang. Sebagai balasan, Deramang pun menghiburkan Mahsuri dengan dendangan syair dan gurindam. Kerap kali dia singgah ke rumah Mahsuri untuk menghiburkannya yang selalu berduka kerana menunggu keputulungan suaminya yang pergi berjuang. Apabila Deramang membuat persembahan di halaman rumahnya, Mahsuri hanya melihatnya sambil duduk di atas rumahnya. Mahsuri tahu memelihara maruah dirinya dan selalu ingatkan pesan suaminya. Tidaklah Mahsuri rasa begitu sedih lagi kerana Deramang rajin datang menghiburnya.

Untuk membalas budi baik Deramang, maka pada suatu hari Mahsuri telah bertemu dengan Deramang di halaman rumahnya untuk menyerah sebungkus cincin miliknya sebagai tanda terima kasih. Peristiwa itu telah dilihat oleh beberapa orang gadis kampung yang sedang berjalan di kawasan perumahan Mahsuri. Salah seorang daripada gadis itu cemburukan Mahsuri tali barut Wan Mahura. Apa yang dilihatinya itu telah disalahertikan dan tanpa melengahkan masa, gadis tersebut terus memberitahu peristiwa itu kepada Wan Mahura.

Bagaikan pucuk dicita ulam mendatang, Wan Mahura terus menyampaikan berita yang ditokok-tambahnya kepada suaminya, Dato' Pekerma Jaya, bahawa adik ipar mereka, Mahsuri sedang berkasih-kasih dengan Deramang di rumahnya sepeninggalan Wan Darus. Terkejut sungguh Dato' Pekerma Jaya. Sungguh tidak disangka Mahsuri yang disanjung semua orang kerana kemuliaannya itu, berani berlaku curang kepada suaminya dengan melakukan perbuatan terkutuk yang ditegah agama Islam. Dengan hati panas membara dan tanpa usul periksa, Dato' Pekerma Jaya pun mengarah sebilangan pegawainya untuk menangkap Mahsuri dan Deramang serta merta untuk dijatuhkan hukuman sula di Pengkalan (Padang Mat Sirat) atas tuduhan berzina.


Puteri Dunia Melayu

Ketika para pegawai Tuk Penghulu ke rumahnya petang itu, Mahsuri sedang duduk menjahit baju di halaman rumahnya sambil berendoikan Wan Mat Arus. Ketibaan tetamu yang tidak diundang yang berpakaian lengkap dengan senjata termasuk membawa keris Datuk Penghulu itu amat memmeranjatkan Mahsuri. Ketua pegawai memberitahu Mahsuri bahawa kedatangan mereka adalah atas perintah Dato' Pekerna Jaya untuk menangkapnya dan Deramang. Mereka berdua harus menjalani hukuman atas tuduhan melakukan dosa besar dalam agama Islam iaitu berzina. Mahsuri bagaikan hendak pangsang mendengar tuduhan palsu itu lalu menafikan tuduhan itu sekeras-kerasnya! Puas Mahsuri merayu dan menjelaskan bahawa dia tidak bersalah, namun dia tetap ditangkap untuk dibawa ke Padang Mat Sirat tanpa sedikit pun belas kasihan sehinggakan Mahsuri tidak diberi peluang mencium Wan Mat Arus yang sedang tidur nyenyak dalam buaian. Tinggallah anak Mahsuri keseorangan, mujurlah ada jiran berdekatan yang terlihat peristiwa itu datang segera menyelamatkan Wan Mat Arus lalu diserahkan kepada datuknya, Pandak Mayah.

Pandak Mayah dan Mak Andak hampir pangsang mendengar berita buruk itu. Mereka yakin bahawa ada orang yang busuk hati menabur fitnah terhadap anak tunggal mereka yang suci dan mulia itu. Tanpa melengahkan masa, mereka mengumpulkan segala harta, wang ringgit, permata dan emas yang ada ke dalam beberapa guni untuk dijadikan tebusan bagi menyelamatkan Mahsuri. Setelah semua guni diletakkan di atas sebuah andar (kereta lembu), mereka pun bertolak ke Padang Mat Sirat.

Khabar Mahsuri dan Deramang dihukum atas tuduhan berzina tersebar sepiantas kilat di kalangan penduduk Pulau Langkawi. Sejurus Deramang terdengar berita itu, dia terus meninggalkan Pulau Langkawi menyelamatkan dirinya yang tidak bersalah. Di Padang Mat Sirat, Mahsuri diikat pada seponon pokok asam. Dato'

Pekerna Jaya, Wan Mahura dan berduyun-duyun penduduk Pulau Langkawi keluar dan berhimpun di Pengkalan untuk melihat Mahsuri menjalani hukuman. Kebanyakan yang hadir tidak percaya tuduhan itu kerana mereka tahu Mahsuri seorang yang beriman dan tidak akan melakukan perkara teruk itu. Mahsuri menangis tidak henti-henti, merintih pilu sehingga hampir hilang suara memohon dilepaskan kerana dia tidak bersalah.

Pandak Mayah dan Mak Andak sempat tiba di Pengkalan sebelum hukuman terhadap anak tunggalnya dilaksanakan. Cucu mereka, Wan Mat Arus dipeluk erat oleh Mak Andak untuk bertemu ibunya. Mereka terus meluru kepada Dato' Pekerna Jaya, melutut menyembah supaya diambil segala harta benda mereka di atas andar itu sebagai tebusan nyawa anak mereka yang suci itu, sekurang-kurangnya tunggulah sehingga menantunya, Wan Darus pulang. Mahsuri turut merayu supaya Dato' Pekerna Jaya memberinya kesempatan terakhir untuk memeluk dan mencium sepuas-puasnya Wan Mat Arus sebelum menghembus nafas terakhir, namun semua rayuan mereka itu dibantah dengan zalimnya oleh Dato' Pekerna Jaya, biar keluar air mata darah sekali pun. Mahsuri tetap dihukum bunuh di hadapan khalayak ramai, itulah hukuman orang yang berdosa atas tuduhan berzina. Sebenarnya, Dato' Pekerna Jaya juga telah melakukan dosa besar sebagai seorang pemimpin yang menghukum bunuh seseorang rakyat tanpa usul periksa. Perintah hukuman dilaksanakan. Peliknya keris yang ditikam bertubi-tubi ke tubuh Mahsuri oleh pegawai Tuk Penghulu itu langsung tidak lut. Mahsuri yang sudah tidak bernyawa lagi untuk berdiri sambil diikat di pohon itu, akhirnya berkata, jika benar sungguh mereka hendak membunuhnya, pergilah ambil sebilah tombak yang tersimpan di suatu tempat di rumahnya. Hanya senjata itu yang



Makam Mahsuri

Fotografi Nurhanim



boleh menembusi tubuhnya dan membunuhnya.

Mahsuri yang walaupun sudah sangat lemah tetapi imannya masih teguh. Dia pasrah sahaja kepada Allah yang Maha Kuasa dan reda atas suratan takdir oleh Maha Pencipta.

Semua orang yang berada di situ semakin gelisah, ramai yang menngas dan bertambah yakin bahawa Mahsuri tidak bersalah. Dato' Pekerma Jaya pun memerintah orang-orangnya segera mengambil tombak itu. Hukuman diteruskan dengan menggunakan tombak Mahsuri. Mahsuri ditikam dari atas bahu kirinya terus pada jantungnya. Dengan kehendak Tuhan yang Maha Kuasa, tiba-tiba langit menjadi kelam, angin bertiuip kencang, petir sambar menyambar dan hujan turun sungguh lebat. Semua orang lari bertemparian menyelamatkan diri masing-masing. Pada masa itu juga darah Mahsuri terpancut ke udara berwarna putih - umpama payung, tiada setitik pun jatuh ke bumi. Sesungguhnya Allah Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengasihani pasti memakbulkan doa hamba-Nya yang dianiaya dengan zalim. Dalam keadaan tubuh yang teramat sakit serta sesak nafas terakhir, Mahsuri sempat berdoa kepada Tuhan, "Pulau ini tidak akan makmur dan aman sehingga genap tujuh keturunan, kerana kezaliman yang berlaku terhadapku."

Pandak Mayah dan Mak Andak meluru sambil meratap pilu mendapatkan tubuh Mahsuri yang sudah terkulai dan masih terikat pada pohon itu. Tali ikatan dibuka serta-merta, mayat Mahsuri rebah ke atas pangkuan ibu bapa yang amat dikasihinya. Air mata kasih berucuran selebat hujan yang turun membasahi tanah Pulau Langkawi. Pandak Mayah mendukung dengan penuh kasih mayat anaknya dan diletak ke atas andur yang masih terdapat guni-guni berisi harta mereka yang tidak dapat menebus nyawa Mahsuri. Pulanglah mereka dengan hati yang hancur pilu meninggalkan padang nestapa itu untuk menyemadikan mayat Mahsuri di Kampung Mawat di ufuk senja. Dalam perjalanan pulang, Pandak Mayah berhenti seketika di Sungai Mati untuk membuang semua isi guni tersebut kerana terlalu kecewa. Tiada guna segala harta itu kerana tidak mampu menyelamatkan nyawa anak tunggal mereka. Permata kasih yang ditatang bak minyak yang penuh sejak dilahirkan kini sudah tiada lagi di dunia. Oleh kerana tragedi itu, keluarga Mahsuri telah meninggalkan

Pulau Langkawi dan pulang ke tempat asal mereka di selatan Siam. Mereka telah menukar nama anak Mahsuri, Wan Mat Arus kepada Wan Hakim apabila menetap di Kampung Kemala (Siam) bagi melindunginya daripada sebarang ancaman terutamanya dari orang Dato' Pekerma Jaya.

Hati Wan Darus hancur lebur apabila sepulangnya ke Pulau Langkawi mengetahui kekejaman yang dilakukan oleh abangnya, Dato' Pekerma Jaya, ke atas Mahsuri yang amat dikasihinya. Wan Darus terus mengambil keputusan untuk meninggalkan pulau nestapa itu dan belayar ke selatan Siam untuk mencari anaknya dan keluarga isterinya.

Tidak lama kemudian, Pulau Langkawi menjadi huru-hara akibat diserang angkatan Siam. Ramai rakyat dizalimi, ditawan dan dibunuh dengan kejam. Tanaman-tanaman dan harta benda dirampas. Banyak rumah dan balai musnah dibakar oleh Siam. Dato' Pekerma Jaya dan pahlawannya gagal mempertahankan keamanan Pulau Langkawi walaupun berjuang berhemmas pulas beberapa hari. Akhirnya Dato' Pekerma Jaya melarikan diri ke hutan bersama beberapa orang pengikutnya. Namun Penghulu Langkawi itu dapat dijejaki oleh tentera Siam dan diseksa dengan kejam sebelum dibunuh. Manakala isterinya, Wan Mahura yang telah memfitnah Mahsuri telah dirogol oleh beberapa orang tentera Siam sebelum diseksa dan dibunuh dengan kejam. Siam juga telah membakar banyak jelapang padi dan berkoyan-koyan beras di gudang Dato' Pekerma Jaya yang disimpan di dalam tanah di Kampung Raja, Pengkalang (Padang Mat Sirat).

Dato' Ali, anak Dato' Pekerma Jaya yang menetap di Pulau Pinang, pulang segera ke Pulau Langkawi setelah mendapat berita pembunuhan bapanya. Dato' Ali menghimpunkan satu angkatan pertahanan Pulau Langkawi untuk berjuang mati-matian menentang Siam. Dari Masjid Hulu Melaka, orang Melayu telah membunuh sejumlah tentera Siam dengan panah beracun. Di tempat lain pula, ramai tentera Siam mati akibat terminum air beracun dari punca-punca air di Selat Pancur 'Telaga Racun' Hujung Buluh. Akhirnya, tentera Siam yang sudah lemah itu berundur balik ke negaranya. Dato' Ali kemudiannya mengetahui beberapa serangan hebat ke atas negeri Siam.

Nota: Menurut kaji selidik yang dijalankan oleh Persatuan Sejarah



Puteri Dunia Melayu

Malaysia (cawangan Kedah), Pulau Langkawi bertambah makmur dan masyhur selepas lahirnya keturunan ketujuh Mahsuri bernama Wan Aisyah binti Wan Nawawi di Kampung Kemala, Phuket (Selatan Siam) pada tahun 1985. Kebanyakan keturunan Mahsuri kini menetap di Kampung Kemala, Phuket, Thailand.

Majalah *Variasi* (edisi Mac 2003), mencatatkan pada tahun 2000, suatu peristiwa yang bersejarah berlaku di antara keturunan ketujuh Mahsuri dan Dato' Pekerma Jaya di Pulau Langkawi. Untuk pertama kalinya, Wan Aisyah (keturunan ketujuh Mahsuri) telah datang bersama-sama sanak saudaranya ke rumah Cik Ah (keturunan ke-enam Dato' Pekerma Jaya) di Pulau Langkawi. Keturunan Mahsuri telah memaafkan keturunan Dato' Pekerma Jaya. Menurut Khadijah (keturunan ketujuh Dato' Pekerma Jaya), kedua-dua keturunan itu cepat mesra bagaikan sudah lama kenal

walaupun baru bertemu buat kali pertama. Kedua keluarga sependapat bahawa tiada apa yang perlu dimusuhkan kerana apa-apa yang berlaku adalah peristiwa lama dan tidak sepatutnya dibawa sehingga ke anak cucu yang tidak terlibat dalam kejadian itu. Ternyata keturunan Mahsuri berjiwa suci murni seperti moyang mereka, Mahsuri.

Seungguhnya kemakmuran dan pembangunan pesat Pulau Langkawi adalah atas usaha pihak Kerajaan, LADA dan rakyat Kedah, berdasarkan cetusan pelbagai ilham dan wawasan dua orang Perdana Menteri Malaysia yang berasal dari negeri Kedah iaitu YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj (Perdana Menteri Malaysia yang pertama) dan YAB Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed (Perdana Menteri Malaysia yang keempat).




Ilham: Majalah Wanita, Umsion Melayu (Malaysia) Berhad

Wan Aishah Wan Nawawi, keturunan ke-7 Mahsuri



SALASILAH KETURUNAN MAHSURI DI PHUKET, THAILAND



Berdasar kaji selidik Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah Darul Aman di Kampung Kamala, Phuket pada 18 - 22 Disember 1988 (Haji Wan Shamsuddin bin Mohd. Yusof), dengan kerjasama Muzium Negeri Kedah DarulAman



Puteri Sa'adong

PENGORBANAN TANPA HILANG KESUCIAN DIRI


Segala cabaran dalam hidup pasti tidak dapat diharungi sekiranya sang puteri yang pada zahirnya bersifat lemah lembut itu tidak mempunyai ilmu, jiwa yang tabah serta kekuatan iman dalam menghadapi segala dugaan dan cabaran hidup. Itulah rahsia keberhasilan Puteri Sa'adong, pemerintah ke-7 dalam senarai pemerintah Kelantan beragama Islam. Puteri Sa'adong adalah anak angkat yang juga permata kasih Baginda Paduka Cik Siti Wan Kembang.

Diriwayatkan pada sekitar kurun ke-17, wujud Kerajaan Jemal yang terletak di sebelah timur laut Kelantan, tidak jauh dari pusat pemerintahan Baginda Paduka Cik Siti Wan Kembang di Serendah (Seri Indah) Sekebum Bunga Cerang Tegayung. Pemerintah Kerajaan Jemal ketika itu ialah Raja Loyor, salah seorang daripada empat orang anak Raja Sakti dan Mani Kemenyan. Raja Loyor dilantik menjadi pemerintah Kerajaan Jemal selepas kemangkatan Raja Sakti pada tahun 1649. Raja Loyor kemudian berkahwin dengan Puteri Jarum Bergiling dan hasil pengkongjian itu mereka dirahmati Allah dengan kelahiran seorang puteri comel yang diberi nama Puteri Mariam. Baginda Raja Loyor telah mencanangkan berita gembira tersebut kepada sekalian rakyat jelata.

Berita tersebut sampai kepada pengetahuan Baginda Paduka Cik Siti Wan Kembang, lalu baginda pun tergeraklah hati untuk berangkat menziarahi Raja Loyor di Jemal. Perhubungan antara

Kerajaan Raja Loyor dan Kerajaan Baginda Paduka Cik Siti Wan Kembang amatlah rapat. Keberangkatan baginda Paduka Cik Siti Wan Kembang ke istana Kerajaan Jemal disambut dengan penuh mesra oleh Raja Loyor dan rakyat di sana. Apabila sahaja dilihat puteri Raja Loyor yang sungguh comel dan sihat itu, maka terbukalah hati baginda Paduka Cik Siti Wan Kembang yang tiada pewaris itu untuk memohon limpah perkenan Raja Loyor dan Permaisuri Mani Kemenyan untuk mengambilnya sebagai anak angkat. Sesungguhnya amat berat bagi Raja Loyor dan isterinya untuk memberi cita putus dengan segera kepada baginda Paduka Cik Siti kerana mereka amat mengasihani anakanda puteri yang comel itu. Setelah berfikir panjang, akhirnya Raja Loyor menghantar utusan persetujuan kepada permohonan baginda Paduka Cik Siti. Besar kemungkinan juga Raja Loyor rela menunaikan permohonan baginda Paduka Cik Siti sebagai suatu pengorbanan suci mereka dan suatu penghormatan kepada baginda Paduka Cik Siti Wan Kembang serta dengan harapan semoga kehadiran puteri comel itu akan membahagiakan pemerintah perempuan yang mulia itu yang tiada bersuami serta pewaris.

Raja Loyor dan isteri yakin bahawa puteri mereka akan diasuh dan diberi ilmu yang terbaik oleh pemerintah wanita yang agung itu. Raja Loyor juga yakin bahawa suatu hari nanti baginda Paduka Cik Siti akan menyerahkan takhta pemerintahan Kerajaan kepada puteri mereka yang berasal dari keturunan Raja Jemal. Malahan ini adalah suatu peluang keemasan demi mengangkat martabat



Pohon Bunga Emas (replika).

Satu bentuk ufti yang disembahkan kepada kerajaan Siam oleh negeri-negeri Melayu di sebelah utara Semenanjung pada satu masa terdahulu

Koleksi: Puncak Rebung, Muzium Galeri Diraja - Suria, KLCC

keturunan Raja Jemal. Persetujuan Raja Loyor dan isteri itu disambut dengan perasaan sungguh gembira oleh baginda Paduka Cik Siti. Baginda telah me-nukar nama Puteri Mariam kepada Puteri Sa'adong yang bermaksud kebahagiaan dalam bahasa Arab. Maka bermulalah kehidupan Puteri Sa'adong sebagai permata kasih baginda Paduka Cik Siti Wan Kembang di istana Serendah Sekebum Bunga Cerang Tegayung. Puteri Sa'adong dibesarkan dengan penuh kasih sayang bagaikan anak kandung sendiri oleh baginda Paduka Cik Siti. Sejak kanak-kanak lagi Puteri Sa'adong diasuh dengan segala sifat dan nilai terpuji dan perihai pentingnya memelihara kesucian dan harga diri. Baginda Paduka Cik Siti dan beberapa alim ulama telah mendidik Puteri Sa'adong tentang agama Islam. Bagi Paduka Cik Siti, kekuatan iman dan takwa adalah unsur keperkasaaan jiwa yang amat penting disemai dengan subur dalam akal, hati dan jiwa setiap insan yang beragama Islam.

Setelah meningkat dewasa, Puteri Sa'adong mula diasuh oleh bonda angkatnya tentang ilmu pentadbiran dan kepimpinan yang adil dan saksama. Kepada siapa lagi baginda Paduka Cik Siti hendak curahkan segala ilmu, kemewahan dan takhta Kerajaan kalau tidak kepada anakanda tunggalnya Puteri Sa'adong yang baginda kashi sepenuh jiwa. Puteri Sa'adong banyak mempelajari rahsia keperkasaaan diri, kebijaksanaan pentadbiran negeri dan juga ilmu kebatinan daripada bondanya. Puteri Sa'adong sangat menyayangi dan menyanjung tinggi Paduka Cik Siti yang lemah lembut tetapi bijaksana dan tegas sebagai pemerintah Kerajaan yang aman dan makmur. Puteri Sa'adong turut mengkagumi bonda Paduka Cik Siti sebagai pemerintah yang bertanggungjawab iaitu suatu amanah Allah, bersifat amat prihatin serta kasihkan rakyat jelata. Paduka Cik Siti sering berpesan kepada Puteri Sa'adong mengenai kepentingan memelihara kesucian diri, keperkasaaan jiwa, kekuatan iman dan takwa serta ilmu dalam menghadapi pelbagai dugaan dan cabaran hidup. Pada usia remaja, Puteri Sa'adong sudah mula mendapat perhatian kerabat diraja Melayu serta rakyat jelata terutamanya kaum lelaki kerana kecantikan dan keayuannya yang tiada terbandingkan. Boleh dikatakan bahawa Puteri Sa'adong adalah puteri Melayu yang tercantik di Kelantan pada masa itu. Lebih-lebih lagi puteri remaja itulah menjadi pewaris takhta Kerajaan Baginda Paduka Cik Siti Wan Kembang. Perihai Puteri Sa'adong yang cantik rupawan lengkap dengan hiasan budi pekerti



Ihuan Juhaini Seni Persembahan Petronas

Seorang penari Maknyung, tarian sejak zaman silam di Kelantan

yang tinggi, tersebar luas ke seluruh pelusuk negeri di Tanah Melayu malah sehingga ke pengetahuan Maharaja Siam yang amat berkuasa pada masa itu bernama Narai (1657-1688) iaitu anak kepada Raja Phrasatthong. Suatu utusan peminangan Puteri Sa'adong oleh Siam telah dihantar kepada baginda Paduka Cik Siti, namun peminangan itu ditolak olehnya dengan cara halus dan penuh diplomasi. Utusan Maha-raja Siam itu pulang dengan berita kecewa. Baginda Paduka Cik Siti sedar bahawa penolakan peminangan Maharaja Siam yang perkas itu besar kemungkinan akan mengundang nestapa kepada anakandanya, Puteri Sa'adong, serta malapetaka kepada negeri Kelantan.

Pandangan jauh yang membimbangkan baginda yang amat mengasih Puteri Sa'adong, kesejahteraan rakyat dan negeri baginda menajihkan perkahwinan Puteri Sa'adong dengan sepupunya, Raja Abdullah iaitu putera Raja Bahar dari keturunan Raja Jemmal. Ketika itu Puteri Sa'adong berusia lebih kurang 16 tahun, usia perkahwinan yang lazim zaman itu. Namun Puteri Sa'adong yang masih bermanja kasih dengan bondanya itu berasa amat berat untuk berpisah daripada bondanya jika dikahwinkan dengan Raja Abdullah. Puteri Sa'adong ingin menurut jejak langkah Paduka Cik Siti yang tidak berkahwin, sebagai suatu pengorbanan tanpa mementingkan kebahagiaan diri sendiri demi pelaksanaan tanggungjawab serta amanah Allah (SWT) sebagai pemerintah serta demi agama, bangsa dan negeri Kelantan. Walau bagaimana pun, Paduka Cik Siti telah memujuk permata kasihnya sebaik mungkin. Akhirnya Puteri Sa'adong terpaksa bersetuju setelah difahamkan oleh bondanya bahawa perkahwinannya itu juga suatu pengorbanan demi memelihara kesejahteraan bangsa dan negeri Kelantan daripada gangguan dan serangan musuh terutamanya Siam.

Pada suatu hari yang istimewa pada tahun 1663, berlangsunglah upacara adat istiadat perkahwinan diraja yang gilang-gemilang di antara Puteri Sa'adong dan Raja Abdullah di istana Serendah Sekebum Bunga Cerang Tegayung. Tidak beberapa lama kemudian, sebuah kota dan istana dibangunkan secara gotong-royong oleh hulubalang dan pegawai istana serta rakyat jelata. Penempatan baru diraja itu dinamakan 'Kota Jelasin'. Baginda Paduka Cik Siti bersemayam bersama Puteri Sa'adong dan suaminya, Raja Abdullah buat seketika di situ. Kemungkinan besar mereka membangunkan Kota Jelasin atas dasar keselamatan daripada

ancaman musuh. Ramai juga rakyat jelata dari Serendah Sekebum Bunga Cerang Tegayung yang turut berpindah ke Kota Jelasin.

Pada tahun 1667, baginda Paduka Cik Siti yang sudah lanjut usianya menabalkan Puteri Sa'adong yang masih belasan tahun sebagai pemerintah Kelantan beragama Islam yang ketujuh. Puteri Sa'adong mengekalkan corak pemerintahan bondanya. Baginda banyak mewarisi sifat kepemimpinan bondanya kecuali Puteri Sa'adong berjaya membuat dan tidak cukup tegas. Sekalian pegawai istana serta rakyat jelata terus menerus menjunjung kasih dan berikrar taat setia kepada pemerintah baru mereka, Puteri Sa'adong. Sekalian rakyat jelata berasa amat sedih kerana baginda Cik Siti Wan Kembang sudah berangkat pulang ke Gunung Ayam bersama beberapa orang pengikut setianya untuk beribadat dan menghambakan diri baginda sepenuhnya kepada Allah Yang Maha Esa. Tiada sesiapa pun tahu khabar tentang baginda Paduka Cik Siti selepas itu. Hanya Tuhan yang Maha Mengetahui ketikanya baginda Paduka Cik Siti meninggal dunia atau ghaib di Gunung Ayam.

Berita perkahwinan Puteri Sa'adong dengan Raja Abdullah tersebar hingga ke pengetahuan Maharaja Siam yang masih berasa tercabar dan hampa kerana tidak berjaya memiliki puteri Kelantan yang termahsyur kejelitannya itu. Maharaja Siam lalu memerintah persiapan satu angkatan yang terdiri daripada sekumpulan sami serta genting hulubalang yang paling hebat pergi ke Kota Jelasin untuk membawa pulang Puteri Sa'adong ke istana baginda, sekalipun mereka perlu berperang bermati-matian di Kota Jelasin.

Ketibaan rombongan Siam di istana Kota Jelasin menggemparkan semua orang terutamanya Puteri Sa'adong dan Raja Abdullah. Utusan permohonan Maharaja Siam itu dipersembahkan kepada Puteri Sa'adong. Puteri Sa'adong dan Raja Abdullah naik berang terhadap hajat Maharaja Siam yang tidak bertimbang rasa itu. Buat kali terakhir, permohonan Maharaja Siam ditolak dengan tegas dan penuh diplomasi oleh Puteri Sa'adong dan suaminya. Maharaja Siam berasa amat kecewa, tercabar dan marah atas penolakan lamarannya itu. Akibatnya, Kota Jelasin diserang secara mengejut oleh angkatan Siam. Rakyat Kota Jelasin yang taat setia dan rela berkorban keluar beramai-ramai, baik lelaki mahupun perempuan, berjuang mempertahankan tanah air serta melindungi Puteri



Sa'adong yang amat mereka kasahi. Pertarungan hebat berlaku di antara panglima Siam yang gagah dengan pihak Raja Abdullah yang kurang bersedia. Peperangan berhenti seketika apabila angkatan Siam kehabisan bekalan makanan.

Kesempatan ini diambil oleh Puteri Sa'adong dan Raja Abdullah dengan para menteri dan panglima untuk berundur ke sebelah selatan. Ramai juga rakyat jelata yang mengikut jejak langkah baginda. Di sana, Puteri Sa'adong memerintahkan supaya mereka semua bergotong-royong membangunkan secepat mungkin sebuah kota baru yang dinamakan 'Kota Mahligai'. Mereka juga memperkasakan dan melengkapkan diri untuk menentang serangan angkatan Siam. Puteri Sa'adong dan Raja Abdullah mengadakan mesyuarat tergempar bersama para pembesar negeri mencari kata sepakat bagaimana keamanan negeri dan keselamatan rakyat dapat dipertahankan. Kata sepakat dibuat, Puteri Sa'adong harus melakukan suatu pengorbanan besar. Berat sungguh dugaan hidup Puteri Sa'adong. Kata-kata bestari bonda Paduka Cik Siti yang dikasihinya sentiasa di ingati dan sumber keperkasaan dirinya. Puteri Sa'adong berpegang teguh kepada prinsip bonda Paduka Cik Siti, seorang pemimpin atau pemerintah yang bertanggungjawab tidak mempunyai sifat mementingkan diri sendiri.

Puteri Sa'adong sudah tidak sanggup lagi mendengar rintihan kesengsaraan rakyat yang tidak berda dizalimi oleh Siam. Jiwanya berasa amat pilu melihat negeri yang dibangunkan dengan gemilang oleh bonda Paduka Cik Siti dimusnahkan oleh angkatan Siam yang mengganas bagaikan dirasuk syaitan. Akhirnya, Puteri Sa'adong bersetuju untuk berkorban demi mempertahankan keamanan, agama, bangsa dan negeri Kelantan. Raja Abdullah juga rela berkorban, walaupun amat sedih baginya melepaskan isteri tersayang yang juga pemerintah Kerajaan ke tangan musuh yang durjana. Pada masa itu Puteri Sa'adong dan Raja Abdullah masih belum dirahmati Tuhan dengan seorang pewaris walaupun telah berkahwin hampir setahun. Maka satu perutusan jemputan menghadap Puteri Sa'adong di balairong istana Kota Mahligai dihantar kepada ketua panglima Siam sebelum angkatan Siam itu mula menganas dengan kejam. Dalam rundingan tersebut, Puteri Sa'adong menyampaikan persetujuan baginda kepada ketua panglima Siam itu untuk menurut kehendak Maharaja Siam. Ini bermakna angkatan Siam akan pulang menghadap Maharaja Siam

dengan suatu kejayaan. Puteri Sa'adong menyerahkan amanah pemerintahan sementara Kota Mahligai kepada suaminya, Raja Abdullah. Raja Abdullah berjanji akan terus memelihara kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negeri semen-tara Puteri Sa'adong dalam tawanan Maharaja Siam. Suatu upacara istiadat keberangkatan Puteri Sa'adong diadakan sebelum baginda menaiki bahtera Siam. Puteri Sa'adong berjanji kepada Raja Abdullah akan tetap memelihara kesucian dirinya dan mohon suaminya agar sabar menunggu kepulangannya ke Kota Mahligai. Hampir seluruh rakyat jelata berasa pilu dan menitikkan air mata menyanjung tinggi Puteri Sa'adong, seorang puteri Melayu rupawan yang rela berkorban demi kasihkan keamanan bangsa dan tanah air.

Baginda berangkat ke Siam berbekalkan kebijaksanaan, keperkasaan jiwa, kekuatan iman dan takwa serta iringan doa rakyat semoga Allah sentiasa melindungi Baginda daripada sebarang bencana dan selamat seta segera pulang kembali ke negeri Kelantan. Sesungguhnya amat mengagumkan, seorang pemerintah wanita Melayu yang berusia lebih kurang 18 tahun, bersemangat waja serta memiliki keberanian luar biasa, rela menempuh apa jua cabaran semasa dalam tawanan Maharaja Siam yang berkuasa, sebagai suatu pengorbanan demi agama, bangsa dan negara. Kejayaan angkatan Siam membawa pulang Puteri Sa'adong, pemerintah Kelantan yang amat cantik itu disambut dengan upacara besar-besaran oleh Maharaja Siam dan rakyatnya. Puteri Sa'adong ditempatkan di dalam sebuah istana yang serba indah yang telah disediakan oleh Maharaja Siam. Diriwatikan bahawa hampir se-tiap hari Maharaja Siam bertemu Puteri Sa'adong di istana itu, namun puteri Kelantan yang sering menangis kedudukan hanya menyenipkan diri. Puteri Sa'adong lebih suka bersendirian tanpa ditemani dayang-dayang, sepanjang masa beramal ibadat dan berzikir memperkuatkannya sebagai pertahanan diri daripada percubaan mencemar kesuciannya oleh Maharaja Siam. Puteri Sa'adong sebatang kara dan tiada apa-apa kuasa di tanah asing hanya reda dan pasrah kepada Tuhan yang Maha Kuasa atas segala-galanya.

Maharaja Siam tidak jemu berusaha menghampiri Puteri Sa'adong dengan pujuk rayu dan janji manis serta memberi pelbagai hadiah barangan kemas, namun puteri rupawan yang berprinsip teguh itu tetap menolak segala kemahuan dan tawaran Maharaja Siam itu.

Semakin hari, Maharaja Siam semakin geram terhadap puteri Melayu yang cantik tak terhingga itu. Maka pada suatu hari, Maharaja Siam tidak dapat lagi membendung gelora nafsunya, lalu cuba mencabuli Puteri Sa'adong yang suci itu. Puteri Sa'adong dengan tangkas dan berani berjaya menepis dan menolak Maharaja Siam daripada menyentuh tubuhnya. Puteri Sa'a-dong telah meludah kemaluan Maharaja Siam dengan penuh rasa benci dan jijik. Sesungguhnyanya orang yang beriman dan teraniaya dipelihara oleh Allah. Selang beberapa hari, Maharaja Siam diserang penyakit kudis hampir keseluruhan tubuh baginda. Beberapa omoh yang handal diarah baginda menyembuhkan penyakit pelik itu, tetapi semua usaha mereka gagal.

Daripada sami-sami yang bijaksana Maharaja Siam akhirnya mengetahui bahawa punca timbulnya kudis pada tubuh baginda adalah disebabkan penganiayaan terhadap Puteri Sa'adong. Mengikuti sami-sami itu, hanya Puteri Sa'adong yang boleh sembuhkan penyakit itu. Maharaja Siam akhirnya menurut nasihat para sami itu lalu menjemput Puteri Sa'adong ke istana baginda serta memohon pertolongannya untuk menyembuhkan penyakitnya. Puteri Sa'adong yang bijaksana itu mengenakan beberapa syarat sebelum bersetuju memenuhi permohonan Maharaja durjana itu. Syaratnya adalah sekiranya penyakit kudis Maharaja Siam itu sembuh dengan izin Tuhan, maka wajiblah Maharaja Siam menghantarnya pulang ke Kota Mahligai, di Kelantan dengan serta merta diiringi oleh beberapa orang hulubalang Siam yang beragama Islam. Maharaja Siam menerima syarat itu. Apabila syarat itu diterima Puteri Sa'adong megambil air dan membasuh kakinya lalu menyiram Maharaja Siam. Dengan kuasa dan kahendak Allah (SWT) lalu sembuhlah penyakit kudis pada tubuh Maharaja Siam itu dengan segera.

Maharaja Siam amat gembira dan menganggap Puteri Sa'adong seorang wanita suci yang mempunyai keramat dan dengan segera menitahkan tujuh orang panglimanya yang beragama Islam mengiringi Puteri Sa'adong berangkat pulang ke Kota Mahligai. Itulah kali pertama dalam tempoh hampir dua tahun dalam tawanan, Maha-raja Siam melihat seri wajah Puteri Sa'adong yang tersenyum gembira.

Dalam pelayaran pulang ke Kota Mahligai, seramai empat orang panglima Siam yang mengiringi Puteri Sa'adong meninggal dunia atas takdir Tuhan. Mayat panglima Siam itu dikuburkan mengikut waktu dan tempat ajal mereka masing-masing iaitu di Kuala Kemayan (kini dikenali sebagai Kuala Kemasin), Tanjung Jering, Pandang Duri dan di Tambak.

Puteri Sa'adong menemui ayahndanya, Raja Loyor, dengan perasaan sangat gembira sepulangnya dari Siam. Raja Loyor menyambut puterinya dengan rasa sungguh terperanjat dan penuh kesyukuran. Puteri Sa'adong menceritakan pengalaman yang dilaluinya semasa di Siam. Bagaimanapun, Puteri Sa'adong rasa kecewa apabila Raja Loyor sukar mempercayai bahawa dia

masih suci dan tidak dicemar semasa dalam tawanan Maharaja Siam. Seterusnya, Puteri Sa'adong menuju ke istana Kota Mahligai diiringi oleh tiga orang panglima Siam yang beragama Islam. Dalam perjalanan ke istana itu, Puteri Sa'adong melihat dengan sedih keadaan rakyat dan kawasan pemerintahannya yang terabai dan kucar-kacir, membuktikan bahawa Raja Abdullah mengabaikan tanggungjawabnya dan tidak amanah sebagai pemerintah semasa ketiadaannya. Langkah terperanjatnya Puteri Sa'adong apabila melangkah masuk ke istana melihat suaminya, Raja Abdullah sedang bermesra dengan isteri mudanya di Balai Penghadapan.



Kalung emas untuk Busana Diraja

Koleksi: Pakaian Rebusan Muzium Galeri Diraja - Suria, KLCC.



Puteri Dunia Melayu

Raja Abdullah juga terpegun dan gemetar melihat kepulangan isterinya yang tidak disangka dapat bebas daripada tawanan Maharaja Siam dengan selamatnya.

Suatu pertelingkahan berlaku di antara pasangan suami-isteri itu. Puteri Sa'adong menuduh Raja Abdullah mengkhianati janji, tidak sabar menunggu kepulangannya serta hanya mementingkan hawa nafsu. Raja Abdullah pula mempertikaikan kesucian Puteri Sa'adong semasa dalam tawanan Maharaja Siam. Tiada sesiapa yang menjadi saksi perkelahian itu berani campur tangan. Perkelahian berubah menjadi pergelutan yang membara di antara suami dan isteri. Raja Abdullah menghunus keris dan menikam rusuk Puteri Sa'adong. Lalu, terpancutlah darah putih daripada tubuhnya yang jatuh lemah ke lantai menahan sakit terkena tikaman Raja Abdullah. Salah seorang daripada dayang Puteri Sa'adong teringatkan air mawar penawar yang sentiasa disimpan dalam sanggul Puteri Sa'adong. Maka dengan segera, sanggul Puteri Sa'adong diuraikan dan cembul berisi air mawar itu dicurahkan pada luka Puteri Sa'adong, dan baginda menyapu lukanya dengan rambutnya yang panjang itu. Dengan kuasa Tuhan, sembuhlah luka baginda. Setelah itu, Puteri Sa'adong terus menentang Raja Abdullah. Dan sekali lagi Raja Abdullah menghunus kerisnya ke tubuh Puteri Sa'adong tetapi secepat kilat ditepis oleh Puteri Sa'adong dengan tangkas, lalu keris itu menikam balik tuannya, Raja Abdullah.

Kebanyakan penulis kisah Puteri Sa'adong menyatakan bahawa Puteri Sa'adong telah membunuh suaminya. Walau bagaimana pun kami menyangkal tuduhan ini berasaskan pendapat bahawa tidak mungkin Puteri Sa'adong yang beriman dan sentiasa memelihara maruah dan kesucian diri tergamak melakukan dosa besar itu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apakah kebenaran peristiwa itu.

Puteri Sa'adong melihat mayat suaminya terbaring dilantai lalu menantikan para pembesar menguruskan permakaman jenazah Raja Abdullah. Raja Abdullah telah dimakamkan di Padang Halban.


Tragedi yang memilukan ini berlaku sekitar tahun 1671. Pada tahun yang sama juga, Puteri Sa'adong menyatakan hasratnya kepada para pembesar istana dan sekalian rakyat jelata yang dikasihinya tentang perlantikan Raja Abdul Rahim iaitu saudara Raja Abdullah sebagai pemerintah Kota Mahligai yang baru. Selepas perlantikan Raja Abdul Rahim, Puteri Sa'adong pun berangkat bersama beberapa orang pengikut serta inang pengasuhnya ke Bukit Marak untuk membina satu petempatan baru yang damai. Namun, rakyat Kota Mahligai sering datang mengadu kepada Puteri Sa'adong tentang corak pemerintahan Raja Abdul Rahim yang kurang bertanggungjawab serta kezaliman yang baginda lakukan sebagai pemerintah. Ini jelas membuktikan bahawa rakyat baginda tetap masih taat setia dan sangat mengasihi Baginda Puteri Sa'adong.

Walaupun Baginda Puteri Sa'adong sedih mengenangkan nasib rakyat yang dikasihinya, namun baginda sudah tiada kuasa untuk menentang pemerintah negeri yang sudah dilantik. Menentang pemerintah bermakna menderhaka. Baginda Puteri Sa'adong hanya mampu berdoa semoga rakyat jelata Kota Mahligai dilindungi Allah daripada sebarang angkara yang dilakukan oleh pemerintah yang tidak amanah dan zalim. Akhirnya Baginda Puteri Sa'adong juga menurut jejak Bonda Cik Siti Wan Kembang dengan mengasingkan dirinya daripada hal keduniaan serta menghabiskan sisa hidupnya hanya dengan beribadat kepada Allah (SWT) di Gunung Ayam. Seperti kisah Paduka Cik Siti Wan Kembang, bonda angkatnya, hanya Allah (SWT) sahaja yang Maha Mengetahui bila masa Puteri Sa'adong diangkat atau ghaib di Gunung Ayam.

Demikianlah kisah seorang puteri Dunia Melayu yang berjaya perkas, sanggup berkorban demi memelihara kemakmuran agama, bangsa dan negeri Kelantan tanpa mengadai kesucian dirinya. Puteri ini juga berjaya menundukkan Maharaja Siam yang angkuh dan berkuasa dengan kebijaksanaan, keberanian, kesabaran, ketabahan, kecekalan dan ilmu. Sesungguhnya amatlah penting bagi kaum wanita memelihara harga diri dan kesucian diri sepanjang masa, di mana saja berada.



SALASILAH PUTERI-PUTERI DAN KESULTANAN AWAL KELANTAN





Puteri Neng

KALAH BERPERANG MENANG BERAGAMA

Untuk memahami cerita ini dengan lebih jelas eloklah terlebih dahulu dibentangkan watak-watak pelaku yang terbabit serta latar belakang tempat di dalamnya. Kerajaan Indera Purba (pada masa ini adalah kawasan Banda Aceh moden) diasaskan dua abad sebelum era Masehi. Negeri itu diperintah oleh seorang raja bergelar Maharaja Indera Sakti. Dari semasa ke semasa nama Indera Purba berubah menjadi Lamuri (kini Lambarih) dan dalam catatan bangsa asing disebut: Lan-Wuli oleh pencatat China, Rammi oleh Ibn Khurdadbeh (851 M), Lameri oleh Bozorg seorang pengembara Parsi (955 M) dan di dalam *Sulalatu's-Salatin (Sejarah Melayu)* dicatatkan sebagai Lamuri. Pada tahun 1023/24, Raja Rajendra Cola I dari selatan India melanggar Lamuri, dan menurut *Hikayat Raja-raja Pasai*, Lamuri masih wujud sehingga abad ke 15.

Diceritakan bahawa semasa pemerintahan Maharaja Indera Sakti, kerajaan Indera Purba atau Lamuri diserang oleh satu angkatan perang China di bawah seorang panglima wanita bernama Nian Nio Lian Khi. Maka utusan pun dihantar ke Perlak (Peureulak) untuk memohon bantuan. Pada masa itu Lamuri belum lagi dislankan maka raja Perlak menganggap inilah satu peluang untuk membantu Lamuri dan jika menang dapat mengislamkan Lamuri. Perlak pada masa itu telah kembali kuat selepas diserang Srivijaya pada tahun 986. Ramai pembesar dan ulama Islam sejak

itu telah berpindah ke Lingge (di Aceh Tengah) dan menubuhkan kerajaan baru, Kerajaan Islam Lingge. Pengasasnya ialah Addi Genali yang bergelar Meurah Lingge, anak Meurah Tanjung yang berasal dari Sungai Jambu Ait. Baginda juga ahli keluarga Makhдум Johan Berdaulat Syahir Nuwi, Raja Perlak. Addi Genali mempunyai tiga orang putera: Sibayak Lingge merantau mengembangkan Islam di kawasan Batak dan menubuhkan perkampungan di Gunung Sibayak; Meurah Johan pula menjadi pengikut Syeikh Abdullah Kan'an dari Perlak dan ditugaskan untuk mengislamkan Indera Purba atau Lamuri; Lingge II, anak ketiga tinggal di Lingge menjadi raja. Maka Raja Perlak memerintahkan tentera seramai 300 orang membantu Syeikh Abdullah Kan'an serta Meurah Johan pergi ke Lamuri menguatkan lagi angkatan pertahanan Maharaja Indera Sakti.

Meurah Johan, panglima kanan Syeikh Abdullah Kan'an dikenali juga sebagai Tengku Kawee Teupat, putera Raja Lingge dan terasahyur gagah berani serta mempunyai perawakan yang kakak dan menarik. Niat awalnya memang hendak bersama-sama Syeikh Abdullah Kan'an untuk mengislamkan Lamuri dengan berkelana sambil berdakwah. Bagaimanapun dengan kedatangan angkatan China yang besar itu, tugas beliau semakin berat kerana hanya dengan 300 askar Islam dari Perlak serta ribuan askar Lamuri, yang belum diketahui taat setianya, harus bertarung dengan ribuan askar China yang jelas lebih berdisiplin dan kuat.



Puteri Dunia Melayu

Ketika tiba di istana Lamuri, Syeikh Abdullah Kan'an dan Meurah Johan disambut baik oleh Maharaja Indera Sakti, dan antara lain titah raja itu:

"Terima kasih kerana tuan-tuan sudi membantu beta, tetapi memandangkan tuan-tuan datang hanya dengan tiga ratus askar berkuda, apakah harapan kita akan menang? Lagipun dihantar oleh negara China seorang panglima bernama Nian Nio Lian Khi, seorang perempuan. Maha-raja China menganggap kita amat lemah hingga dia sudah yakin seorang perempuan dapat me-nyembelih kita."

Mendengar kenyataan raja Lamuri itu, kedua-dua Syeikh Abdullah dan Meurah Johan tersentak. Satu kerana bantuan yang mereka bawa tidak seberapa, kedua angkatan China itu diketuai oleh perempuan. Sembah Syeikh Abdullah Kan'an:

"Tuanku, biarlah patik berdua serta tiga ratus wira Perlak mendahului angkatan Tuanku memerangi angkatan China itu. Kami soldadu Islam tidak takut mati kerana perang kami menentang kafir adalah perang jihad *fi sabilillah*. Jika mati seseorang itu dia terus masuk Syurga. Dia dikuburkan dengan pakaiannya yang berdarah itu. Segala dosanya terhapus. Segala kenikmatan menanti dia di Syurga."

Raja Lamuri terus bertanya pelbagai perkara yang memikat hatinya tentang agama Islam, sehingga para menteri pun hairan melihat rajanya begitu takjub berbicara dengan Syeikh Abdullah

Kan'an itu.
"Tuan Syeikh seorang pendakwah, juga turut berperang?"

"Semua orang Islam adalah soldadu Islam, apatah lagi ketua-ketua mereka. Mereka harus memimpin perang."

Raja itu menggeleng-geleng kepalanya, kemudian tersenyum seraya berkata:

"Angkatan China itu dipimpin seorang perempuan. Orang kita tak bersemangat memerangi kaum yang lemah. Apatah lagi membunuhnya? Boleh Meurah Johan memberi pendapat?"

Meurah Johan menyembah lalu berkata:

"Ampun Tuanku, patik sendiri akan membawa seratus pahlawan Muslim khas untuk mengepung Panglima Nian Nio Lian Khi itu dan menyerahkannya kepada

Tuanku, atau patik semua akan syahid, tak kan kembali menyembah Tuanku."

Mendengar kesanggupan Meurah Johan itu, maka titah Maharaja Indera Sakti dengan penuh semangat:

"Jika demikian pengakuan Meurah Johan yang sedia membawa kemenangan kepada beta dan Lamuri, maka beta serta rakyat Lamuri akan beta serahkan kepada Tuan Syeikh untuk diislamkan, dan Meurah Johan akan beta kahwinkan dengan puteri beta Puteri



Tiga buah kendi dari negeri China Dinasti Ming.



Buleun Indra Purba Kusuma."

Perang yang berlaku antara askar Lamuri dengan askar China amat dahsyat satu pihak mempertahankan tanah airnya manakala pihak satu lagi hendak menakluk dan memperluaskan kuasanya, lebih-lebih lagi pada tempat yang strategik seperti Lamuri. Sebelum perang tercetus, Meurah Johan menghantar orangnya pergi ke pantai untuk membakar wangkang China yang berlabuh di sana.

Seperi yang dijangkakan angkatan China cukup kuat dan berdisiplin. Yang menghidupkan semangat angkatan Lamuri itulah antara 300 Muslim dari Perlak. Nyata askar China amat sayang akan Panglima Nian hingga tidak dibenar ke hadapan tetapi ditempatkan di tengah-tengah antara mereka. Nampaknya tiada harapan menangkan panglima China itu. Bagaimanapun, Meurah Johan dengan seratus askar Perlak yang tangkas itu dengan berani dapat juga menembusi benteng itu maka berlakulah pertempuran sengit hendak menawan Panglima Nian yang menangkis segala serangan. Hanya satu cara bagi Meurah Johan. Pada saat Panglima Nian membelakangkan dirinya, Meurah Johan melompat dari kudanya ke belakang kuda Panglima Nian lalu merangkul leher panglima China itu serta mencengkam tangan kanannya yang memegang senjata. Melihat keadaan itu seorang askar Perlak merampas tali kekang kuda Panglima Nian lalu dengan bantuan rakan-rakan yang lain meluluskan mereka dari kepungan askar China. Puluhan askar Perlak terkorban dalam usaha melindungi Meurah Johan yang berpaut pada Panglima Nian. Akhirnya Panglima Nian ditawan dan dirantai, jauh daripada pengikutnya yang kini sudah tawar hati lalu separuhnyanya menyerah kepada angkatan Lamuri manakala yang lain cuba lari ke wangkang yang sudah terbakar. Lama kelamaan mereka pun menyerah diri.

Dalam perjalanan dari medan perang ke istana Raja Lamuri, Panglima Nian dirantai dan dibenar menunggang kuda di sisi Meurah Johan yang sentiasa terhunus pedang panjangnya. Panglima Nian berkata sesuatu:

"Panglima Lamuri, apa akan kau lakukan sekarang?"

"Terpulang kepada Raja Lamuri. Aku cuma askar bantuan dari Perlak. Oleh sebab orangnya lemah dan tidak mahu hura-hara mungkin kelak dibunuh kesemua orang kamu."

"Adakah pilihan lain agar aku dan askar-askar aku terus hidup?"

"Ada. Kamu semua boleh memeluk agama Islam." Lalu Meurah Johan menjelaskan cara-caranya.

Setelah menerima laporan daripada Syeikh Abdullah Kan'an dan Meurah Johan, Maharaja Indera Sakti amat gembira lalu terus menyatakan sedia masuk Islam. Beberapa hari setelah itu Maharaja Indera Sakti serta rakyatnya pun diislamkan oleh Syeikh Abdullah dan Meurah Johan. Berikutnya berlakulah perkahwinan puteri raja itu dengan Meurah Johan. Tidak lama kemudian Panglima Nian Nio Lian Khi dibawa masuk mengadap Maharaja Indera Sakti untuk menerima hukuman. Tanpa berlehang-lehang, sembah Panglima China itu:

"Tuanku, patik dan segala askar patik sedia memeluk agama Islam. Kami tidak rela dihantar pulang kerana sudah tentu Maharaja China akan membunuh kami. Kami sedia patuh dan berkhidmat ke bawah Duli Tuanku dan bermastautin di Lamuri ini, hidup bersama-sama rakyat Tuanku."

"Baiklah," titah Maharaja Indera Sakti. "Adakah permintaan kamu yang lain?"

Panglima Nian menunjuk dengan hormat ke arah Meurah Johan yang turut mengiring Raja Lamuri di sebelah kiri baginda, lalu sembahnya:

"Jika ada limpah kurnia Tuanku patik mahu diislamkan oleh Panglima Meurah Johan dan akhirnya dikahwinkan dengan beliau itu."

Maharaja Indera Sakti tersenyum seraya beritah:

"Bukan sahaja kamu ditawannya bahkan hati kamu pun turut ditawannya. Sungguh ajaib. Walaupun Meurah Johan sudah menjadi menantu beta namun untuk mempereratkan silaturahmi antara Perlak dan Lamuri dan masyarakat China maka beta kabulkan permintaan kamu. Kamu beta angkat darjat kamu ke taraf seorang puteri maka beta namakan kamu Puteri Neng."

Beberapa hari kemudian berlakulah pengislaman besar-besaran



Puteri Dunia Melayu

buat kali kedua di Lamuri. Di istana dengan penyaksian Maharaja Indera Sakti, Panglima Nian yang kini dipanggil Puteri Neng pun berhadapan dengan Meurah Johan. Setelah mengucap dua kalimah syahadah dan segala yang hadir berdo'a maka Syeikh Abdullah Kan'an tampil di hadapan Meurah Johan lalu mengijab-akbulkan kedua-dua panglima itu. Kelihatan Puteri Neng amat terharu dan menangis teresak-isak kerana amat gembira menghadapi kehidupan barunya sebagai seorang Muslimat yang akan mempertahankan agama barunya di Lamuri, meninggalkan cara hidup lamanya.

Meurah Johan, sebagai menantu Maharaja Indera Sakti terus tinggal di Lamuri mengetahui angkatan tenteranya. Apabila Maharaja Indera Sakti mangkat maka Meurah Johan diangkat menjadi Raja Lamuri dengan gelaran 'Sultan Alaidin Johan Syah', dan baginda memerintah bersama-sama kedua Permaisurinya dari tahun 1205 hingga 1234. Kerajaan Lamuri bertukar nama menjadi Kerajaan Aceh Darus-Salam dengan beribu negeri di Kuala Naga (di Sungai Aceh, sekarang Krueang Aceh. Pengisytiharan ini berlaku pada hari Jumaat dalam bulan Ramadan tahun 1205/601 Hijrah).

Puteri Neng mendalami agamanya dengan sempurna dan dengan demikian mempermudah penyampaian kepada para pengikutnya. Sultan Alaidin sentiasa mengajar di balai khas kepada rakyat Chinanya dan Puteri Neng tidak pernah lekap daripada sisinya. Begitu hebat kecintaannya terhadap Meurah Johan dan agama Islam, bahkan semasa lawatan Meurah Johan ke merata teluk rantau negeri, Puteri Neng sentiasa di sisinya, apatah lagi semasa mentadbir dan mengurus di balairung seri Puteri Neng tetap memberi nasihat secara lembut dan tertib. Dengan asas yang kukuh dibina oleh Sultan Alaidin Johan Syah serta Puteri Neng itu maka Aceh terkenal sebagai negeri Islam yang cukup kuat sehinggalah zaman penentangan penjajah Belanda.

Salsilah Pemerintah Aceh Darussalam:-

1. Sultan 'Alaidin Johan Syah
(1205-1234 A.D./601-631 A.H.)
2. Sultan 'Alaidin Ahmad Syah
(1234-1267 A.D./631-665 A.H.)
3. Sultan 'Alaidin Johan Mahmud Syah
(1267-1309 A.D./665-700 A.H.)
4. Sultan 'Alaidin Firman Syah
(1309-1354 A.D./708-755 A.H.)
5. Sultan 'Alaidin Mansur Syah
(1354-1400 A.D./755-811 A.H.)
6. Sultan 'Alaidin Mahmud Syah
(1400-1465 A.D./811-870 A.H.)
7. Sultan 'Alaidin Husain Syah
(1465-1480 A.D./870-885 A.H.)
8. Sultan 'Alaidin 'Inayat Syah
(1480-1490 A.D./885-895 A.H.)
9. Sultan 'Alaidin Mudhaffar Syah
(1490-1497 A.D./895-902 A.H.)
10. Sultan 'Alaidin Syamsu Syah bin Raja Munawar Syah
(1495-1511 A.D./902-916 A.H.)
11. Sultan 'Alaidin Mudhaffar Syah
(1511-1530 A.D./916-936 A.H.)



Raden Galoh Gemerengang

KASIH TAK SAMPAI, NEGARA BERKECAI

*M*encari jodoh dengan menyebarkan gambar wajah calon, lelaki atau perempuan, pada zaman ini suatu perkara lumrah, walaupun hal yang demikian pernah berlaku pada zaman silam. Namun, pernahkah pembaca terbaca bahawa ada seorang puteri telah membuat pilihan melalui lakaran-lakaran pelukis yang dihantar khas ke setiap istana di Dunia Melayu? Dan disebabkan 'angkatan asmara' yang membawa puteri itu ke negeri calon pilihannya tetapi disebabkan dengki khianat seorang raja, maka akhirnya sebuah kerajaan musnah. Ikutilah cerita berikut ini.

Alkisah, maka tersebut perkataan Tuan Puteri Gemerengang, anak Ratu Majapahit di negeri Jawa; kerana Tuan Puteri itu tiada bersuami, sebab ia hendak bersuamikan daripada segala anak raja yang bijaksana dan yang perkasa. Maka Tuan Puteri itu menyuruhkan hulubalangnyanya yang bernama Tun Perpatih Jena kepada segala negeri akan menuliskan [melukiskan] rupa segala anak raja-raja yang pada segala negeri serta membawa kertas sepeti dan dakwat sekoci dan kalam seberkas. Maka Tun Perpatih Jena pun berlempaklah ia dengan sebuah perahu, lalu belayar daripada suatu negeri kepada suatu negeri serta ia menuliskan rupa segala anak raja-raja yang di dalam negeri itu.

Sebermula yang sudah tertulis itu ada kira-kira sembilan puluh

sembilan orang yang sudah dituliskannya oleh Tun Perpatih Jena itu, hingga masuklah ia ke negeri Pasai. Demi terlihat olehnya akan rupa Tun Abdul Jalil lalu dituliskannya rupa Tun Abdul Jalil. Maka jadi genaplah seratus orang dengan rupa Tun Abdul Jalil itu. Setelah itu, maka keluarlah ia dari Pasai, lalu belayar ke negerinya.

Hatta beberapa lama antaranya, maka sampailah ia ke benua Jawa lalu ia masuk mengadap Tuan Puteri Gemerengang serta membawa tulis rupa segala anak raja-raja itu. Maka dilihat oleh Tuan Puteri Gemerengang rupa segala anak raja-raja yang sembilan puluh sembilan itu seorang pun tiada berkenan pada hatinya. Maka demi terlihat kepada rupa Tun Abdul Jalil itu, maka Tuan Puteri itu pun hairan melihat dia seraya ia bersabda [berkata] kepada Tun Perpatih Jena:

"Rupa siapa ini dan apa namanya dan di mana benuanya?"

Maka Tun Perpatih Jena pun berdatang sembah:

"Ya tuanku, inilah rupa Tun Abdul Jalil namanya, anak raja di benua Pasai."

Maka Tuan Puteri Gemerengang pun terlalu amat ia berahi akan dia, daripada sebab ia melihat rupa gambarnya itu.

Maka Raden Galoh Gemerengcang pun tiadalah lagi tertahan hatinya, seperti orang gilalah lakunya, maka minum pun tiada ia kenyang dan tiada puas dahaganya. Maka dipersembahkan oleh segala inangdanya dan embuainya [dayang] tuannya kepada ayahanda dan bondanya akan hal ehwalnya Tuan Puteri gila itu sebab melihat rupa Tun Abdul Jalil itu. Maka demi didengar oleh Sang Nata Majapahit dan Permaisuri akan hal anaknya yang demikian itu, maka hairanlah ayah bondanya serta dengan masygulnya [dukacita]. Maka ayah bondanya pun menyuruh panggil anaknya Tuan Puteri Gemerengcang itu, serta katanya:

“Hai anakku, apa juga masygul dalam hatimu?”

Maka Tuan Puteri Gemerengcang pun berdatang sembah:

“Ya Tuanku Syah Alam, adapun masygul yang didatangkan Allah Ta’ala ke atas hati patik itu masygul yang amat sangat tiadalah tersifatkan lagi adanya kerana rupa Tun Abdul Jalil anak raja benua Pasai itu pada hati hambamu tiadalah dapat patik kelupai [melupakan] barang seketika jua pun, dan karamlah rasa patik dalamnya; seperti kata sya’ir: *sabbat ‘alaiya’l-masa’ib Alaiya’l-ayam sarat layaliyan* Ertinya: Telah didatangkan atasku percintaan, jikalau percintaan didatangkan atasku segala hari ini umpama semalam jua adanya. Demi Sang Nata mendengar sembah paduka anakanda baginda Tuan Puteri Gemerengcang demikian itu, maka bertambah-tambah masygulnya serta membicarakan dalam hatinya:

“Jika tiada kuperkenankan seperti kehendaknya anakku ini, rasanya gilalah ia dalam percintaannya.”
Maka titah Sang Nata:

“Hai anakku, sabarlah dahulu, insya-Allah Ta’ala akulah membicarakan segala pekerjaannu itu.”

Maka Tuan Puteri pun berdatang sembah demikian bunyinya:

“Ya Tuanku Syah Alam, tiadalah kuasa patik menahani sabar. Jikalau ada sayang syafaat duli Syah Alam akan patik, baiklah hambamu disuruh hantarkan ke negeri Pasai itu dengan segeranya. Jika tiada demikian itu, nescaya matilah patik dalam percintaan yang diperhamba.”

Maka takala didengar ayahanda dan bonda baginda sembah Raden Galoh demikian itu, maka pada ketika itu jua baginda bertitah menyuruh memustaidkan [melengkapkan] segala kelengkapan [angkatan laut] itu daripada ghurab [sejenis perahu] dan kalutis [sejenis perahu] dan daripada jong. Setelah siap segalanya, maka disuruh baginda hias sebuah ghurab yang besar akan kenaikan paduka anakanda Raden Galoh Gemerengcang itu, daripada perhiasan yang indah-indah; dan dianugerahi baginda itu akan Tuan Puteri itu daripada beberapa



Kitab Hikayat Raja Pasai yang terkandung di dalamnya kisah Puteri Galoh Gemerengcang

perkakas alat kerajaan daripada pakaian yang indah-indah dan daripada segala hulubalang dan menteri dan rakyat dan daripada beberapa emas dan perak dan permata yang indah-indah dan daripada pakaian yang berbagai-bagai warnanya.

Maka pada hari yang baik, Sang Nata pun berangkatlah dengan segala hulubalangnya dan segala bala tenteranya akan menghantarkan paduka anakanda Tuan Puteri itu ke tepi laut. Setelah itu sampailah baginda ke tepi laut, maka Tuan Puteri pun sujud menyembah bermohon kepada ayah bondanya, maka oleh Sang Nata dan Permaisuri dipeluknya dan diciumnya lalu baginda bertangis-tangislah. Maka Tuan Puteri pun naiklah ke atas ghurab yang dihiasi itu serta dengan inangdanya dan bondanya dan embuai tuannya. Maka segala hulubalang pun masing-masing naiklah ke perahunya, lalu Tuan Puteri dan segala mereka itu



Puteri Dunia Melayu

berlayarlah ke negeri Pasai itu pada siang dan malam.

Maka tatkala terdengarlah warta angkatan Raden Galoh Gemenreng anak ratu Majapahit datang dari Jawa itu hendak ke benua Pasai, daripada sebab berahi akan Tun Abdul Jalil itu. Setelah dide-ngar Sultan Ahmad [Raja Bakoy; dengan gelaran Hindu Perumudal Perumal; putera Sultan Malikul Mahmud] maka sultan pun tiadalah lagi karar [tenang] hatinya daripada hendak membicarakan daya upaya membunuh Tun Abdul Jalil [putera baginda sendiri] itu juga pada siang dan malam.

Maka pada suatu hari Sultan Ahmad bersabda kepada Dara Zulaikha Tingkap pu-teri baginda:

"Ayuh Dara Zulaikha Tingkap, amanatku padamu hubaya-hubaya [tak boleh tidak] jangan engkau kata-kata pada seorang jua pun, jikalau Si Abdul Jalil tiada kubunuh kerajaanku jangan kekal dan Tuan Puteri Geme-rengancun jangan kuperolehi."

Setelah itu, maka dicarinya daya-upaya hendak membunuh Tun Abdul Jalil. Pada suatu ketika, maka Tun Abdul Jalil disuruhnya bunuh, maka dibunuh oranglah ia. Maka Tun Abdul Jalil pun pulanglah ke rahmatullah ta'ala. Maka disuruh Sultan buangkan mayat baginda itu ke laut, ke Jambu Air.

Hatta, beberapa lama antaranya, maka kelengkapan Raden Galoh Gemenreng pun datanglah ke laut Jambu Air itu. Maka berlabuhlah sekaliannya angkatan itu di labuhan Jambu Air itu, maka keluarlah sebuah perahu orang mengail dari kuala Jambu Air itu. Maka dilihat oleh orang dalam jong itu sebab perahu itu, maka tatkala hampirlah perahu itu kepada segala jong itu, maka segala orang dalam jong itu pun bertanya, katanya:

"Apa nama negeri ini?"

Maka sahut orang mengail itu:

"Adapun nama negeri ini Pasai."

Maka kata orang dalam jong itu:

"Apa ada khabar dalam negeri ini?"

Maka sahut orang mengail itu:

"Adapun khabar dalam negeri ini badak makan anaknya."

Maka kata orang dalam jong itu:

"Tiadalah kami tahu apa ertinya katamu itu."


Maka sahutnya:

"Adapun ertinya, paduka Sultan yang dalam negeri Pasai ini mem-bunuh anaknya dua orang, seorang bernama Tun Beraim Bapa, dari kerana Sultan itu berahi akan anaknya perempuan seorang bernama Tun Madam Peria dan seorang bernama Tun

Takiah Dara; dan anaknya Tun Abdul Jalil pun dibunuhnya dibuangkan dalam laut Jambu Air ini, sebab ia mendengar khabar Tuan Puteri Gemenreng datang dari benua Jawa terlalu amat ia berahi akan Tun Abdul Jalil itu. Itulah erti kata kami badak makan anaknya.

Maka dipersembahkan oranglah kepada Tuan Puteri Gemenreng segala kata orang pengail itu. Demi didengarnya oleh Tuan Puteri Gemenreng khabar orang itu, maka ia pun menumbuk-numbuk dadanya, serta dengan tangisnya. Maka kata Tuan Puteri:

"Hai segala kamu tuan-tuan hulubalangu, dan segala rakyatku, kembalilah kamu sekalian ke benua Jawa kepada ayah bondaku, dan



Mata wang Majapahit

jika ada salah bebalku melainkan minta ampunlah aku ke bawah kedua ayah bondaku beribu-ribu ampun, dan kamu ceritakanlah kepada ayah bondaku seperti yang kamu dengar dan yang kamu lihat.”

Maka Tuan Puteri pun berkata pada segala orang isi perahu itu:

“Hai segala kamu yang di dalam ghurab ini, siapa kamu mahu bersama-sama dengan aku di sinilah kamu; dan siapa kamu mahu kembali turunlah kamu kepada perahu lain, kerana maksudku kepada Tun Abdul Jalil yang kuberahikan itu dalam laut ini; aku pun di sinilah akan tempatku.”

Maka Tuan Puteri pun minta doalah ia kepada Allah (S.W.T), demikian bunyinya:

“Ya Illahi, ya Rabbi, matikanlah kiranya hamba-Mu dan tenggelamkan ghurab hamba-Mu dengan Tun Abdul Jalil itu.”

Hatta dengan takdir Allah Ta’ala maka ghurab itu pun tenggelamlah dalam laut itu dan segala angkatan itu pun kembalilah ke benua Jawa.

Setelah itu maka sampailah segala angkatan Tuan Puteri Gemerengang itu ke benua Jawa, maka masalah sekalian mereka itu mengadap Sang Nata itu serta dipersembahkanyalah segala hal ehwalnya Tuan Puteri Gemerengang sudah tenggelam itu, dan dikhabarkannya khabar Sultan yang dalam negeri Pasai membunuh anaknya itu. Maka tatkala didengar Sang Nata Majapahit khabar yang demikian itu, maka baginda kedua

laki isteri menangis terlalu amat sangat dan menghempas-hempaskan dirinya keduanya lalu pengsan tiadalah khabar akan dirinya...

Setelah itu ratu Majapahit pun menghantar angkatan laut yang kuat untuk menyerang Pasai dan setelah mendarat maka hancurlah tentera pertahanan Pasai. Dipersembahkan berita itu kepada Sultan Ahmad, yang bertitah dengan kesalnya:

“Wah anakku Beraim Bapa, jikalau ada ia, jika Jawa sejawanya, jika Cina seCinanya, jika Keling seKelingnya tiada mahu melawan Si Beraim Bapa.”

Tun Perpatih Tulus Agung Tukang Sukara pun berdatang sembah seraya berpantun:

“Lada siapa dibangsalkan?

Selama lada sekerati

Pada siapa disesalkan?

Tuan juga empunya pekeriti.”

Sultan Ahmad pun meninggalkan istana baginda lalu berangkat pindah di suatu tempat yang bernama Menduga, kira-kira lima belas hari perjalanan dari negeri Pasai.

Cerita di atas ini adalah petikan daripada *Hikayat Raja Pasai* yang meliputi suatu jangka masa dalam Sejarah Pasai tatkala agama Islam mula bertapak pada akhir abad ke-13 dan tiga perempat abad ke-14. Penaklukan negara Islam Samudra-Pasai di utara Sumatera seperti yang terakam di dalam *Nagarakretagama* lagu XIII, amatlah penting.



Ratu Kencana Wulan

CITA-CITA YANG MENDATANGKAN PADAH

Setelah kejatuhan Syarikat Hindia Timur Belanda (VOC) pada tahun 1799 maka tanah jajahan Belanda di Jawa terletak dalam tangan pemerintahan pegawai-pegawai tempatan. Walaupun dijanji perubahan dan kebebasan berdagang namun apapun tidak berlaku sehinggalah datangnya Marshal Herman W. Daendels sebagai Gabenor Jeneral Tanah jajahan Belanda bagi pihak Republik Batavia yang dikawal oleh pihak Perancis.

Di Eropah, permusuhan British-Perancis berlangsung terus (1792-1815) dan dalam tahun 1793 Belanda dilanda oleh Perancis, maka raja Belanda membenarkan Tanah Jawa diduduki oleh British, tetapi setelah Belanda ditakluk oleh Perancis, maka British menyerang Jawa agar terus menjadikan Jawa tanah jajahannya sebelum kedatangan tentera Perancis ke situ. Walaupun Daendels bertugas bagi pihak Perancis, namun dia adalah seorang Belanda yang menjadi askar Revolusi Perancis pada 1793 dan telah menunjukkan kecemerlangan sehingga diangkat menjadi 'Marshal' oleh Napoleon. Maka atas jasanya itulah dia diangkat menjadi Gabenor Tanah Jajahan Belanda di Asia Tenggara.

Daendels cuba membawa nafas revolusi dan permodenan tetapi pergelutan kuasa antara British dan Perancis akhirnya sampai juga ke Nusantara. Pada tahun 1811 Daendels diarah pulang, maka

akhirnya selepas pertempuran singkat, pihak Belanda di Jawa menyerah dan selama lima tahun (1811-1816) pulau itu ditadbir sebagai koloni British oleh Thomas Stamford Raffles bagi pihak Syarikat Hindia Timur British. Walaupun Raffles cuba mengekalkan Jawa di bawah British namun ia dikembalikan pada Belanda pada tahun 1816.

Dalam zaman Daendels inilah berlakunya pemberontakan dua kesultanan disebabkan kebiadapan gubernor itu menjalkan hubungan dengan pemerintah tempatan, terutamanya Sultan Sepuh di Jogjakarta yang berfikir bebas dan tak mahu dikongkong itu. Baginda sebelum ini memang penentang penjajahan terutamanya Belanda. Sejak tahun 1811, Daendels cuba memasukkan pengaruh Belanda di istana baginda. Melalui protokol baru Daendels telah mengangkat dirinya sebagai Residen Belanda bergelar 'menteri' yang membawa kuasa seperti Raja setaraf dengan Sultan, bahkan mengunjungi Sultan Sepuh secara sendiri-sendiri tanpa sebarang undangan.

Dalam keadaan inilah Sultan Sepuh beralih kepada tawaran yang dikemukakan oleh Raffles yang sedang membuat rancangan melaga-lagakan raja-raja di Nusantara sebelum menyerang Jawa. Dalam masa itu juga baginda Sultan Sepuh terus memperkukuhkan askar dan alat pertahanannya (kepada Daendels dikatakan kerana pertelingkahnanya dengan Sunan Solo).



Puteri Dunia Melayu

Dalam masa yang sama, di dalam istana Sultan Sepuh sedang berlaku suatu komplot yang berpusat kepada Ratu Kencana Wulan, salah seorang Permaisuri Baginda Sultan. Ratu Kencana Wulan adalah seorang Permaisuri yang berpendirian teguh serta bersifat degil. Baginda bercita-cita tinggi dan inginkan salah seorang puteranya naik takhta kerajaan Sepuh. Walaupun puteranya, Pangeran Adipati Anom, sudah digelar Putera Mahkota, namun baginda ingin kedudukan Sultan lebih cepat diperolehi puteranya. Maka dengan cara yang licin sekali Baginda Kencana Wulan cuba mencari jalan melaga-lagakan Pangeran Adipati Anom dengan Sultan, dengan tujuan hendak melemahkan kedudukan Sultan. Namun tanpa disedari oleh pihak yang bertelagah itu, ada pihak luaran yang mengambil kesempatan.

Atas alasan Sultan Sepuh sedang memperkuat tenteranya yang mungkin akan mengancam Belanda, dan juga atas adanya komplot di dalam istana yang di 'bakar' oleh Ratu Kencana Wulan, maka pada awal tahun 1811, Daendels mengarahkan tenteranya menyerang Sepuh atas alasan menyelesaikan komplot istana itu dan membantu Pangeran Adipati Anom.

Sultan Sepuh pun diturunkan lalu digantikan dengan puteranya, Pangeran Adipati Anom, sebagai Pemangku Raja (Regent). Setelah pengangkatannya sebagai Pemangku Raja, Pangeran Adipati Anom dipaksa membayar 196.000 ringgit Sepanyol sebagai perbelanjaan operasi ketenteraan Belanda yang memberi baginda sokongan dan seterusnya pengangkatannya sebagai 'Regent'; selain terpaksa menyetipkan bayaran ufti dari Belanda untuk daerah-daerah persisiran, dan menukar-ganti daerah-daerah Kedu, Grobogan, Wirosari, Selo, Jipang dan Jepun (Mojokerto) dengan Boyolal dan Galoh di dalam kawasan Pranger atas alasan strategi.

Walaupun Ratu Kencana Wulan dapat mencapai cita-citanya, dan berjaya meletakkan puteranya di atas takhta kerajaan Sepuh, namun pengorbanan dari segi belanja dan kerugian jajahan tidaklah sedikit.

Sultan Sepuh yang dibenarkan diam di dalam istana, bagaimana pun tidaklah kecewa terus disebabkan prinsip baginda yang

antiBelanda itu mendapat simpati dan sokongan terus, dan menggunakan fakta itu untuk merampas semula kuasa sebagai sahaja Daendels keluar dari Jawa.

Apabila British berjaya mendabir Jawa pada akhir tahun 1811, mereka dapati Sultan Sepuh kembali dengan teguhnya di atas takhta baginda. Melalui perjanjian Sultan Sepuh dengan British pada tahun 1812, Raja itu mengakui penguasaan British dan tanah-tanah yang diambil Daendels dahulu pun dikembalikan kepada Jogjakarta. Sayangnya, Sultan Sepuh menganggap itu semua sebagai kelemahan British, lalu setelah British pergi ke Palembang, Baginda bersedia untuk melancarkan perang ke atas British, yang serta-merta datang menyerang Jogjakarta. Sultan Sepuh digulingkan buat kali kedua. Kali ini baginda dibuang ke Melaka, kemudian ke Pulau Pinang dan, setelah pengembalian jajahan kepada Belanda, baginda dibuang ke Ambon.

Sekali lagi putera baginda, diangkat menaiki takhta dengan gelaran Sultan Amangkubuwana III (Sultan Rojo). Peristiwa ini berlaku pada tahun 1812. Walau pun putera Ratu Kencana Wulan itu kembali berkuasa, namun khazanah kerajaan habis diambil oleh British di bawah Raffles, iaitu sebanyak dua juta ringgit Sepanyol sebagai 'rampan perang' dan kuasa Sultan turut dikurangkan. Bahkan segala wang yang sepatutnya menjadi hak Sultan turut diserahkan kepada British lalu diganti dengan pencen tahunan. Menteri utamanya pun pilihan Raffles, tidak lagi menurut kemahuan baginda. Raffles juga mengambil alih monopoli atas dagangan candu, yang dahulunya dikuasai oleh Sultan dan pembesar-pembesar Jawa.

Kita tidak tahu apakah nasib yang menimpa Ratu Kencana Wulan selain menerima bencana dan kehinaan setelah negara dan kerajaan dijajah oleh Barat. Cita-cita baginda tercapai juga kerana puteranya tetap memerajui kerajaan tetapi kecemerlangan yang diharap tidaklah tercapai dan tidak dapat dikecap nikmatnya seperti yang diidam-idamkannya. Manusia hanya dapat merancang namun pelaksanaannya tetap di tangan Tuhan. Kita hanya dapat mengharap akan yang terbaik namun begitu, usah berputus asa kerana harapan itu tidak kesampaian.



Puteri Rokan

BEREKAD MELETAK ANAK DI ATAS TAKHTA

Sultan Muhammad Syah, Melaka (1424 – 1444) sudah mengatur adat istiadat di istana. Empayar Melaka semakin luas, termasuklah Rokan di seberang Selat Melaka. Mani Purindan yang kononnya keturunan kerabat diraja kerajaan Islam Pahili di India, turun ke Melaka lalu dijadikan Menteri dan berkahwin dengan anak Seri Nara Diraja, bernama Tun Ratna Sundari. Daripada perkongsian ini lahirlah Tun Ali dan Tun Ratna Wati, terlalu baik rupanya; dikahwini Sultan Muhammad Syah, beranak seorang lelaki diberi nama Raja Kasim.

Kemudian Sultan Muhammad beristerikan anak Raja Rokan. Perkahwinan diraja pada masa itu terjadi sama ada untuk mempereratkan hubungan atau pun kerana seseorang puteri itu memang cantik. Besar kemungkinan dalam hal ini, Melaka ingin mengeratkan hubungan dengan sebuah negeri di seberang Selat Melaka. Selain itu Puteri Rokan terkenal sebagai seorang wanita yang cantik jelita dan mempunyai watak yang tegas kerana setelah perkahwinan, baginda diangkat menjadi Raja Perempuan Melaka.

Baginda Puteri Rokan diangkat menjadi Raja Perempuan mengatasi Tun Ratna Sundari yang lebih kanan kerana desakan baginda kepada Sultan Muhammad Syah:

“Masakan Tuanku mahu rakyat Melayu menyembahkan seorang

Raja Perempuan keturunan dari benua India. Beta dari keturunan raja-raja Rokan, darah Melayu, tiada apa bezanya dengan perempuan Melayu Melaka.”

Maka Sultan Muhammad membenarkan pendapat permaisurinya itu.

“Ya, kata-kata adinda itu benar. Lagipun kulit adinda lebih cerah daripada kulit Tun Ratna Sundari. Lagipun adinda sungguh menawan.”

Puteri Rokan tersenyum, lalu terus memberi pendapat:

“Harapkan matanya hitam terbeliak dan hidung mancung.”

Sahut suaminya lagi:

“Ya, lagi pun adinda antara yang tercantik di Rokan, bahkan di seluruh jajahan Melaka.”

Puteri Rokan agak tersipu-sipu tetapi menggunakan peluang ini untuk terus meminta sesuatu:

“Benarkah kanda kasih akan dinda?”

“Ah, masakan tidak benar...”





Puteri Dunia Melayu

"Kanda sedar bahawa adinda pada masa ini berbadan dua. Mahukah anda berjanji sesuatu kepada dinda?"

"Janji apa itu, dinda?"

"Jika anak dalam kandungan dinda ini seorang putera, dia diangkat menjadi Raja Muda menggantikan kanda kelak?"

Lama Sultan Muhammad Syah terdiam kerana mengenangkan Raja Kasim, puteranya yang pertama.

"Tapi Raja Kasim..."

"Mengapakah Tuanku masih ingat akan anak Tun Ratna Sundari? Kalau begitu biarlah adinda balik ke Rokan dan melahirkan putera Tuanku di Rokan. Mungkin satu hari kelak dia akan menjadi raja di Rokan menyembah Raja Kasim di Melaka. Apa pula kata orang kelak, putera Raja Perempuan Melaka menyembah anak seorang perempuan keturunan bangsa asing."

Sultan Muhammad Syah tidak berdaya lalu memujuk Puteri Rokan yang menangis tersedu-sedu itu, lalu bersetuju anak yang di dalam kandungan itu kelak akan menggantikan baginda di atas takhta kerajaan Melaka.

Menurut *Sejarah Melayu*, "...daripada malu baginda akan Raja Perempuan, diturutkan bagindalah akan kehendak Raja Perempuan itu, dan barang laku Raja Ibrahim dibiarkan oleh baginda. Adapun akan Raja Kasim itu, jika terambil sirih orang secarik pun dimurkai baginda." *Sejarah Melayu* juga menyatakan bahawa Raja Kasim itu terlalu baik budinya, dikasihani rakyat manakala mereka membenci Raja Ibrahim.

Pada satu hari datanglah Raja Rokan (anak cucu Sultan Sidi, saudara Sultan Sujak) mengadap ke Melaka maka sangat dipermulia oleh Sultan Muhammad, kerana Raja Perempuan itu saudara sepupu Raja Rokan [mungkin Raja Rokan sudah bertukar-ganti]. Apabila Raja Rokan masuk mengadap, orang pun menitir gendang raya, semuanya berkampung maka dinyanyikan:

Gendang raya dapat berbunyi,
Raja Rokan masuk mengadap;
Orang kaya apa disembunyi,
Dendam sahaya dapat berpadat.

Raja Rokan pun didudukkan tara Bendahara, iaitu Seri Wak Raja; tetapi apabila makan, ke bawah; tidak pula bersama-sama Bendahara. Maka sembah segala hulubalang Rokan kepada rajanya:

"Mengapakah kita seperti ayam? Tidur di bumbungan, makan di bawah rumah. Baiklah bermohon sekali-sekali."

Raja Rokan pun bermohon duduk di bawah Bendahara, lalu dipersetujui Sultan Muhammad.

Setelah beberapa lamanya Sultan Muhammad Syah di atas kerajaan, datanglah peredaran dunia, maka baginda pun kembalilah ke rahmatullah, maka anakanda baginda Raja Ibrahimlah kerajaan seperti kehendak Puteri Rokan. Tetapi Raja Ibrahim yang bergelar Parameswara Dewa Syah masih kanak-kanak, tiada hiraukan kerajaan; tiada lain kerjanya selain bermain bantak sama-sama dengan budak-budak banyak. Oleh sebab Raja Ibrahim itu masih kanak-kanak maka baginda dipangku (iaitu duduk pada ribaan) Raja Rokan, jadi Raja Rokanlah yang memerintahkan negeri Melaka, mentadbir dan menjatuhkan hukuman. Tindakan pertamanya, Raja Kasim dinyahkan dari istana lalu diamlah Raja Kasim pada seorang pengail, sentiasa mengail ke laut.

Kedaaan sedemikian menyebabkan para pembesar resah-gelisah kerana negeri dikuasai orang luar, lalu mereka mengadu hal pada Bendahara: "Apahal kita ini? Kerana sekarang Raja Rokanlah tuan kita, bukannya duli Yang Dipertuan." Sahut Bendahara: "Apatah daya kita! Kerana Raja Rokan tiada pernah berceraai dengan Yang Dipertuan." Mendengar jawapan yang menghampakan itu, para pembesar pun pulang. Pada masa itu jawatan Seri Nara Diraja dipegang oleh Tun Ali anak Mani Purindan, abang kepada Tun Ratna Wati bonda Raja Kasim. Maka Seri Nara Diraja Tun Ali ingin berbuat sesuatu untuk membela nasib anak saudaranya.



Dalam pada itu Raja Kasim terus mengail dan menjual ikan tangkapannya. Pada satu hari datanglah sebuah kapal dari atas angin maka segala nelayan, termasuk Raja Kasim, pergi menjual ikan pada orang di dalam kapal itu. Di dalam kapal itu ada seorang alim bernama Maulana Jalaluddin. Terpandang pada Raja Kasim, lalu dijemput naik dan diberi hormat dengan sepatutnya. Tanya Raja Kasim: "Mengapa maka tuan hamba menghormati hamba? Hamba hanya penjual ikani!" Sahut Maulana Jalaluddin, "Engkau ini anak raja Melaka. Engkaulah kelak jadi raja dalam negeri ini." Kata Raja Kasim, "Apa daya hamba akan menjadi raja? Jika dengan tuah Maulana mahu menolong hamba maka dapat hamba akan jadi raja." Kata Maulana itu, "Pergilah tuan hamba ke darat. Cari orang yang dapat mengerjakan pekerjaan tuan hamba. Insyaa-Allah, berhasillah pekerjaan tuan hamba. Tetapi suatu janji hamba pinta pada tuan hamba, Puteri Rokan bonda Sultan yang kerajaan sekarang, berikan hamba." Kata Raja Kasim, "Baiklah, jika hamba menjadi raja." Kata Maulana itu lagi, "Segeralah tuan hamba naik ke darat. Kerjakanlah oleh tuan hamba malam ini. Bahawa Allah (SWT) ada menyertai tuan hamba."

Raja Kasim pun mendapatkan Seri Nara Diraja Tun Ali lalu menceritakan apa yang disebut oleh Maulana itu. Setelah berteguh-teguhan janji, Seri Nara Diraja pun berlempang menghimpun segala orang besar-besar yang dahulu datang mengadap Bendahara. Telah hari malam, Raja Kasim pun naik gajah bernama fuara Demang. Seri Nara Diraja di kepala gajah. Maulana itu pun sama di atas gajah itu. Anak buahnya dari kapalnya pun naik dengan segala alat senjatanya. Walaupun begitu Raja Kasim masih ragu-ragu, katanya, "Apa bicara tuan hamba, kalau Bendahara tiada menyertai kita?" Jawab Tun Ali yang pintar itu, "Mudah juga pekerjaan itu pada hamba, tuanku. Mari kita pergi pada Bendahara."


Setelah sampai di luar pagar Bendahara, maka kata Seri Nara Diraja, "Segera beritahu Bendahara, Yang Dipertuan menanti di luar." Orang pun berkejar memberitahu Bendahara, Yang

Dipertuan ada di luar. Bendahara pun segera keluar, berkeris pun tiada berdestar pun di jalan. Malam itu sangat kelam kabut. Gajah pun dederumkan. Kata Seri Nara Diraja, "Titah suruh naik." Setelah naik dan gajah pun berjalan, barulah Bendahara melihat raja itu Raja Kasim, bukan Raja Ibrahim. Kilat senjata terluar banyak di sekeliling mereka. Kata Seri Nara Diraja, "Apa bicara tuan hamba? Bahawa Raja Kasim hendak membunuh Raja Rokan?" Bendahara tidak dapat membantah lalu bersetuju sahaja dengan suara-suara yang sampai ke telinganya waktu itu.

Pasukan Raja Kasim pun masuk melanggar ke dalam kawasan istana. Dengan sesingkat masa saja pertahanan di istana dapat dialahkan oleh pasukan Raja Kassim. Raja Rokan pula sentiasa bersama Raja Ibrahim. Seri Nara Diraja menyuruh merebut Raja Ibrahim, takut dibunuh oleh Raja Rokan. Orang pun berseru-seru melarang jangan menikam Raja Rokan dahulu, tetapi tiada didengari orang kerana sangat sabur [kacau tidak kerman], lagi pun banyak orang yang sakit hati akan Raja Rokan. Maka ditikam oranglah Raja Rokan, kena dadanya terus menerus. Merasai luka itu, ditikamnya Raja Ibrahim maka baginda pun matilah setelah di atas kerajaan selama setahun lima bulan. Raja Ibrahim bergelar Sultan Abu Syahid (1444 – 1445).

Raja Kasim pun menjadi Raja Melaka dengan gelaran Sultan Muzaffar Syah. Maulana Jalaluddin pun menagih janjinya kepada raja. Maka disuruh baginda hiasi seorang dayang yang baik rupanya dengan selengkap pakaian, lalu diberikan kepada Maulana, dikatakan bahawa itulah Puteri Rokan. Pada hati Maulana ialah Puteri Rokan maka segera diambilnya dan dibawa ke atas angin. Walau pun cita-cita Puteri Rokan tidak tercapai sepenuhnya namun bagindalah berkuasa di balik tabir, sekurang-kurangnya selama 17 bulan. Tentu saja Puteri Rokan itu cantik rupawan kalau tidak masakan seorang saudagar dari negara lain mahu membantu Raja Kasim merampas kuasa!

SALASILAH PUTERI ROKAN DAN KESULTANAN MELAKA



[NOTA : + = kahwin]



Tun Fatimah

DUKACITANYA TERUBAT JUA

Terentang seorang srikandi kesultanan Melayu Melaka, *Sejarah Melayu* memperihalkan kecantikannya seperti berikut: Maka tersebutlah perkataan peri baik paras anak Bendahara Seri Maharaja yang bernama Tun Fatimah, terlalu sekali elokny, tiada tercela lagi, sedap manis pantas bagus, seperti laut madu, bercahaya-cahaya. Tambahan anak Bendahara pula barang lakunya dan barang pakaian larangan semuanya dapat dipakainya, makin bertambah-tambah baik parasnya.

Tun Fatimah ialah anak Bendahara Tun Mutahir yang mentadbir Melaka pada tahun 1500 sehingga 1510. Setelah besar maka Bendahara ingin mengahwinkan anaknya itu dengan sepupunya Tun Ali, anak Seri Nara Diraja Tun Tahir yang menjadi Penghulu Bendahari kerajaan Sultan Mahmud Syah (1488–1510 dan 1512–1528).

Semasa sirih dihantar, Raja di Baruh (bapa saudara Sultan Mahmud dan saudara tua kepada almarhum Sultan Alauddin Ri'ayah Syah) ada dipersilakan hadir oleh Bendahara. Setelah melihat betapa cantiknya Tun Fatimah itu maka tanya Raja di Baruh:

"Yang Dipertuan sudahkah melihat anakanda ini?"

Sahut Bendahara:

"Belum lagi Duli Yang Dipertuan memandang dia."

Lalu Raja di Baruh memberi pendapat:

"Akan anakanda ini terlalu sekali baik parasnya. Pada hati beta tiada patut ia diberi bersuami orang keluaran ini. Jikalau Bendahara mendengar kata beta ini, janganlah anakanda ini diberi bersuami dahulu. Baik juga ditunjukkan kepada Yang Dipertuan, kerana sekarang negeri Melaka ini tiada beraja perempuan, kerana permaisuri Pahang telah mangkat. Yang istiadat raja Melayu, apabila tiada beraja perempuan, anak Bendaharalalah akan jadi raja perempuan."

Sahut Bendahara pula:

TuanKu, akan patik ini orang jahat, patut sama jahat juga."

Kata Raja di Baruh:

"Baiklah, yang mana kesukaan Bendahara itu kerjakan, kerana beta orang tua sekadar mengingatkan Bendahara juga."
Setelah bualan itu, Bendahara Tun Mutahir pun melangsungkan

Puteri Dunia Melayu

perkahwinan Tun Fatimah dengan Tun Ali, dan menurut adat Sultan Mahmud dipersilakan untuk menghadapi anaknya kahwin itu. Tatkala melihat rupa Tun Fatimah, baginda pun hairan maka inginlah rasa baginda akan Tun Fatimah, seperti kata sya'ir:

*Mā yarji' u'l-tarfu 'anhā 'inda ru' yatihā
Hattā yu'adu ilayhā'l-tarfu musyāqū*
(Tiada akan berkelip kelopak mata
makin bertambah-tambah dendam jua)

Kata baginda di dalam hatinya:

"Jahatnya Pak Mutahir. Demikianlah baik anaknya tiada ditunjukkannya kepada kita."

Setelah itu Sultan Mahmud berendam di dalam hatinya terhadap Bendahara, beberapa hari sedikit saja baginda santap, tiada lepas lagi Tun Fatimah daripada hatinya. Maka baginda setiap hari mencari daya upaya akan Bendahara Seri Maharaja. Genap masanya Tun Ali berkahwin dengan Tun Fatimah maka ia beranak seorang perempuan, dan diberi nama Tun Terang.

Di Melaka ada seorang saudagar besar bernama Naina Sura Diwana yang berdakwa dengan seorang yang bernama Raja Mudaliyar, dan kerana dakwaan mereka itu perkara besar maka keduanya mengadap Bendahara Tun Mutahir. Tetapi disebabkan hari sudah petang maka Bendahara menyuruh mereka pulang dan datang esok hari. Tetapi Naina Sura Diwana merasa bimbang takut-takut lawannya Raja Mudaliyar akan 'menyorong' pada Datuk Bendahara' kerana dia orang kaya maka dia tentu akan kalah pembicaraan. Oleh yang demikian Naina Sura Diwana pun membawa emas sebahara, lalu datang memberi emas itu kepada Bendahara dengan kata-kata: "Emas ini persembah saya akan pembeli-beli sirih-pinang." Kata Bendahara: "Baiklah, tuan hamba

memberi hamba, hamba ambil.' Dalam pada itu, ada seorang Keling, keluarga pada Naina Sura Diwana, bernama Kitul dan dia ini berhutang kepada Raja Mudaliyar sekati emas. Pada tengah malam itu juga dia terus ke rumah Raja Mudaliyar lalu menyatakannya:

"Malam tadi Naina Sura Diwana datang mengadap Datuk Bendahara, persembahkan emas sepuluh kati, hendak menyuruh bunuh tuan hamba. Akan sekarang Datuk Bendahara sebicara [sepakat] dengan Naina Sura Diwana, tuan hamba hendak dikerjakannya."

Telah mendengar kata-kata Kitul itu, Raja Mudaliyar mengambil surat hutang Kitul, dicariknya seraya berkata:

"Yang hutang tuan hamba sekati emas itu halallah dunia akhirat. Tuan hambalah saudara hamba."

Pada malam itu juga, Raja Mudaliyar membawa emas sebahara dan permata yang baik-baik dan pakaian yang indah-indah lalu dibawa ke rumah Laksamana Khoja Husain, kerana Laksamana Khoja Husain pada zaman itu dengan kaum-keluarganya terlalu karib dengan Sultan Mah-mud. Setelah masuk

ke dalam maka segala harta yang dibawanya itu pun dipersembahkan kepada Laksamana. Kata Raja Mudaliyar:

"Saya-mengadap ini, saya berlepas taksir, supaya jangan saya dikatakan orang sebicara dengan penghulu saya; kerana saya ketahui bahawa Datuk Bendahara hendak derhaka. Hendaklah Orang kaya persembahkan ke bawah Duli Yang Dipertuan. Sudah ia berbuat takhta kerajaan menempa cerek emas dan kaus emas, kasadnya [hasratnya] hendak naik raja di dalam negeri Melaka ini."



Puteri Melayu tangkas dan berani

Ilustrasi: Mahmudah Siti Hajar Dhor


Puteri Dunia Melayu

Setelah Laksamana melihat harta terlalu banyak itu maka hilanglah budi akalunya, sebab disamun harta dunia, baik kata orang yang berilmu: Hai, emas, Tuhan bukannya engkau, tetapi yang kehendak hati berlakulah olehmu. Kata Laksamana kepada Raja Mudaliyar:

"Baiklah, hamba persembahkan ke bawah Duli Yang Dipertuan." Laksamana pun masuk menghadap Sultan Mahmud dan segala kata-kata Raja Mudaliyar itu semuanya dipersembhakkannya ke bawah Duli Sultan Mahmud. Apabila didengar Sultan Mahmud sembah Laksamana itu, kabullah pada hati seperti orang mengantuk disorongkan bantal, kerana baginda sedia berendam akan Bendahara Seri Maharaja, sebab anaknya Tun Fatimah itu, bak kata bidalan Arab:

*Al-mahabbatu bainin
manfiyyun Wa'l-isyyu
fikrin manfiyyun*

[Yang kasih itu antara tiada, dan berahi itu antara tiada]

Setelah mendengar sembah Laksamana itu, kabullah [dipersetujualah] pada hati baginda, kerana baginda sedia berendam terhadap Bendahara Seri Maharaja sebab anaknya Tun Fatimah itu. Sultan Mahmud pun menitahkan Tun Sura Diraja dan Tun Indera Sagara, dua orang pertanda atau pelebayu diraja [orang yang menjalankan hukuman mati] pergi membunuh Bendahara Seri Maharaja.

Dua orang pertanda itu pun pergilah dengan segala hamba raja. Apabila didengar akan hal yang amat buruk itu segala anak buah dan kaum keluarga Bendahara pun berkampung pada Bendahara lengkap dengan senjata. Temenggung Tun Hasan bersedia hendak

melawan tetapi ditegah Bendahara Tun Mutahir: "Hai Hasan! Hendak derhakakah engkau! Hendaklah membinasakan nama orang tua-tua kita; kerana adat Melayu tiada pernah derhaka." Tun Hasan pun membuang senjatanya. Lalu kata Bendahara kepada anak buah dan kaum keluarganya: "Barang siapa kamu melawan, hamba dakwa di akhirat." Mereka yang mendengar itu pun membuang senjata lalu kembali ke rumah; tinggallah Bendahara dua bersaudara dengan Seri Nara Diraja Tun Tahir serta anak buahnya.

Dua orang pertanda diraja itu pun masuk ke Balai Bendahara membawa keris daripada Sultan Mahmud Syah, dibubuh di atas ceper, ditudungi dengan tetampun, diletakkan di hadapan Bendahara Seri Maharaja. Kata Tun Sura Diraja kepada dua pembesar Melaka itu:

"Salam doa anakanda, bahawa hukum Allah Taala berlakulah pada hari ini."

Sahut Bendahara Seri Maharaja dan Seri Nara Diraja:

"Barang yang telah berlaku pada hukum Allah itu, hamba pun

redalah."

Setelah itu, Bendahara Tun Mutahir dan Seri Nara Diraja Tun Tahir dan Tun Ali (suami Tun Fatimah) serta anak buah yang setia kepada kaum Bendahara pun mengambil wuduk lalu sembahyang dua rakaat sebelum dibunuh oleh pertanda diraja.

Bayangkanlah betapa sedihnya kaum wanita yang tinggal tiada bersuami, tiada berpapa dan tiada bersaudara di kalangan kaum Bendahara Tun Mutahir. Antara mereka itu ialah Tun Fatimah yang baru kahwin kira-kira setahun, dan baru sahaja melahirkan



Puteri Melayu bijaksana dan tenang menghadapi cabaran.

Foto: Murni/Sinar Bala, Puti

anak sulungnya, seorang puteri.

Tindakan pertama Sultan Mahmud selepas membunuh Bendahara dan keluarganya ialah memindahkan Tun Fatimah ke istana dan mengahwiniya serta-merta. Penderitaan batin Tun Fatimah, walaupun kini bergelar Raja Perempuan Melaka, tidak dapat digambarkan. Siangnya berendam air mata, malamnya menanggung derita kerana tidur dengan Sultan Mahmud bagai sentiasa diperkosa. Setiap kali memandang pada anaknya, Tun Terang, maka terbayanglah wajah suaminya, Tun Ali, yang hanya dapat mengecap nikmat hidup sebagai suaminya dalam jangka masa yang pendek. Beliau kini sudah hilang segala-galanya. Segala harta-pesaka keluarga Bendahara, termasuklah dirinya, kini kepunyaan Raja Melaka.

Walaupun Sultan Mahmud mengetahui perihal itu semuanya tiada benar, namun apakan daya, nasi sudah menjadi bubur. Timbullah rasa kesal dan dukacita yang amat sangat di kalbu baginda kerana bertindak tanpa usul periksa terlebih dahulu. Oleh kerana menimbulkan fitnah, Raja Mudaliyar dihukum bunuh, dan Si Kitul hukumannya disula melintang, Laksamana Khoja Husain dihukum kasi [dikembirikan], tidak dibunuh kerana semua keluarga 'Laksamana' haram diambil darahnya. Cuma harta bendanya dirampas, maka tiadalah beliau berdaya lagi. [Inilah sebabnya Laksamana Melaka tidak berperanan semasa pertahanan Melaka menentang Angkatan Portugis pada tahun 1511, sehinggalah beliau meninggal di Bukit Pantau, dan Hang Nadim diangkat menjadi Laksamana dalam tahun 1512.]

Sultan Mahmud amatlah menyayangi Tun Fatimah namun Tun Fatimah tiap kali baginda hamil dibuangnya, sehinggalah dua tiga kali. Apabila mengetahui hal demikian, Sultan Mahmud pun bertanya:

"Mengapakan tuan hamil maka dibuang? Tiada suka tuan beranak dengan beta?"

Sahut Tun Fatimah:

"Apatah kerja raja beranak dengan beta lagi? Kerana anak raja yang kerajaan telah ada."



Keris Semenanjung

Ilmu: Majalah Sini Bala Dir.

Maka titah Sultan Mahmud:

"Ada pun, janganlah dibuang anak kita ini. Jika laki-laki, ialah kita rajakan."

Setelah itu Tun Fatimah hamil lagi, tiadalah dibuangnya, dan setelah genap bulannya lahirlah seorang puteri, dinamai Raja Putih yang amat disayangi Sultan Mahmud. Kemudian Tun Fatimah melahirkan seorang puteri lagi, Tun Khatijah namanya.

Dalam masa itu Sultan Mahmud sudah turun dari takhta Melaka dan menyerahkan kerajaan kepada Raja Ahmad, yang mengetuai pertahanan Melaka semasa serangan Portugis. Setelah Melaka alah, dan Sultan Mahmud pun berundur dan membuat negeri di Bentan manakala Sultan Ahmad bersemayam di Kopak. Atas sebab



Puteri Dunia Melayu

Sultan Ahmad tidak sukakan para pembesar maka baginda disuruh bunuh oleh ayahandanya Sultan Mahmud, yang mengambil semula tampuk kerajaan. Putera baginda bersama Permaisuri Kelantan, Wanang Kemuning yang bernama Raja Muzaffar itulah ditimangkan baginda kerajaan akan ganti baginda, maka dikahwinkan dengan Tun Terang, cucu Bendahara Seri Maharaja, anak Tun Fatimah dengan Tun Ali.

Di Bentan, Tun Fatimah melahirkan seorang putera yang diberi nama oleh Sultan Mahmud, Raja Ali, timang-timangan Raja Kecil Besar. Ketika putera itu jadi, peterana tempat Raja Muzaffar duduk itu pun diambil orang setelah tujuh hari di luar, maka dicukur, maka permaidani daripada Raja Muzaffar diambil orang, lalu


tinggal tikar hampan seperti adat orang kebanyakan. Setelah 40 hari di luar, Raja Ali ditabalkan dengan gelaran Sultan Alauddin Riayat Syah oleh ayahandanya Sultan Mahmud Syah akan ganti baginda di atas kerajaan, maka disuruh sebut Sultan Muda. Dengan itu terkabullah cita-cita Tun Fatimah agar puteranya mengganti Sultan Mahmud di atas kerajaan Empayar Melayu, walaupun tidak bertapak di Melaka. Tun Fatimah mungkin juga berasa puas kerana puterinya, Tun Terang, menjadi Raja Perempuan pertama di negeri Perak oleh sebab puteri itu berkahwin dengan Raja Muzaffar (dulunya bakal raja, tetapi kemudian menjadi Sultan Muzaffar Syah, Sultan Negeri Perak yang pertama.)



Ilham: Mawadah, Siti Huda, Diti.

Puteri Melayu bersenjatakan kerambit.

SALASILAH BENDAHARA KESULTANAN MELAKA
 SERTA PUTERI-PUTERI YANG BERKAITAN





Wan Fatimah

IBU GIGIH MENGANGKAT ANAK MENJADI RAJA

ada akhir abad ke-18, kira-kira dalam tahun 1798, Sultan Abdullah Mukarram Syah, Kedah, telah mangkat. yang pertama. Surat kuasa itu bertarikh 12 Rabi'ul-Awwal sanat Hijrah 1212 (bersamaan 1798).

Oleh sebab putera almarhum Tunku Ahmad Tajuddin (Tunku Pangeran) belum

dewasa lagi maka adinda almarhum Tunku Dhiauddin (Raja Muda Kayang dan Setul) ditabalkan menjadi Pemangku Sultan Kedah bergelar Sultan Dhiauddin Mukarram Syah. Semasa pemerintahan baginda baginda telah mengahwinkan puteri baginda yang bernama Tunku Safiah (timang-timangan Tunku Tunjung) dengan seorang peranakan Arab bernama Syed Harun Jamalulail yang telah membuat kampung halaman di Arau, iaitu setelah beliau berpindah dari Cenak, sebuah kampung di Patani di bawah pemerintahan Siam. Daerah Arau pun dianugerahkan kepada puteri baginda Tunku Safiah dan suaminya Syed Harun Jamalulail. Penganugerahan tersebut berbunyi: "Akan Mukim Arau itu diberi kepada Tuan Syed Harun menjadi pesaka sampai anak, cucu, cicit Tuan Syed Harun selama-lamanya." Dengan demikian jadilah Syed Harun itu Penghulu Mukim Arau



Setelah beberapa lama berumah tangga Syed Harun dan Tunku Safiah tidak juga beroleh anak. Dengan sokongan isterinya Tunku Ku Cik (Tunku Safiah) Syed Harun berkahwin lagi. Calon isteri itu ialah Wan Fatimah (timang-timangan Wan Fatem) dari Kota Indera Kayangan. Namun begitu Tunku Safiah menetap syarat iaitu setelah Wan Fatimah melahirkan putera atau puteri kelak, ia hendaklah diserahkan kepada Tunku Safiah untuk dipelihara. Wan Fatimah ialah cucu Datuk Johan Lela Perkasa yang berasal dari Ujung Salang dan berkhidmat di bawah Sultan Dhiauddin Mukarram Syah di Kota Indera Kayangan Kedua.

Hasil daripada perkahwinan Syed Harun dengan Wan Fatimah maka lahirlah pada tahun 1805 seorang putera yang dinamakan Syed Husain Jamalulail. Seperti dijanjikan Syed Husain dipelihara dan dididik oleh Tunku Safiah yang menganggapnya sebagai anakandanya sendiri dan oleh Sultan Dhiauddin sebagai cucunda baginda sendiri. Tidak lama kemudian,



Puteri Dunia Melayu

Sultan Dhiauddin menyerahkan balik kerajaan Kedah kepada anak saudaranya Tunku Ahmad Tajuddin. Pada masa pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II ini Kedah diserang oleh Siam-Ligor dalam tahun 1821 dengan perintah Raja Ligor Nakhon Si Thammarat. Oleh sebab serangan Siam-Ligor dilakukan dengan mengejut, Kedah pun kalah, dan Sultan Ahmad Tajuddin berundur ke Pulau Pinang dan kemudian ke Melaka. Di Kedah ditempatkan Gabenor Siam, Phya Boriraks Phubes, bergelar Phya Saiburi dan pembantunya Phya Sina Nuncit anak raja Ligor. Antara tahun 1821 hingga tahun 1839 adalah masa huru-hara di Kedah kerana panglima Melayu Kedah melakukan perang gerila terhadap Siam-Ligor. Serangan ke atas tentera Siam begitu sengit kerana perilaku tentera Siam-Ligor yang tiada berperikemanusiaan, bahkan kata-kata seperti 'Siam perut hijau' timbul, disamakan dengan hempedu berwarna hijau dan amat pahit itu. Apabila ditawan orang lelaki maka dicucuk telinga tawanan itu dengan rotan seni lalu diheret beramai-ramai ke markas tentera Siam di Alur Ganu atau dibawa ke Ligor. Kaum perempuan yang muda-muda dibawa terus ke Ligor dan ke Bangkok untuk dijadikan gundik. Kanak-kanak terus dibunuh. Semua tawanan perang disiksa dan dijadikan hamba. Kekejaman sedemikianlah yang menaikkan semangat pejuang Melayu Kedah menentang Siam-Ligor mati-matian.

Rakyat Melayu pula sentiasa mengelakkan bahaya serangan dan seksaan Siam maka disediakan nasi gerit (nasi kering yang disimpan dalam karung atau kecung) dan dalam masa kecemasan dibawa bersama. Ketika hendak dimakan barulah direndamkan nasi gerit itu di dalam air dan dimakan dalam hutan dengan pucuk-pucuk kayu atau buah-buahan. Dalam keadaan tiada air nasi gerit dimamah dengan bantuan air liur sahaja. Asalkan perut dapat diisi.

Pada tahun 1825 Syed Harun Jamalulail meninggal dunia dan diganti oleh anaknya Syed Husain Jamalulail sebagai Penghulu Arau kedua. Perang Siam berlarutan. Syed Husain ingin mempertahankan Arau sehingga ke titisan darah terakhir tetapi dinasihati Datuk Awang (Muhammad Arshad) agar berundur ke Kedah dan ketika Siam menyerang Kedah, terus ke Pulau Pinang. Di sana Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II bersemayam di Kelawai. Adinda baginda, Tunku Ya'kub pula mengarah agar tentera Siam-Ligor menyerang Kedah kerana tidak puas hati



Puteri Jelutong, Muzium dan Amfiteater

Baju kebaya labuh wigu yang menghiasi puteri ini ditenui daripada benang sutera putih dan dipadankan dengan kain limar songket. Selelai songket dipegang paras pinggang dijadikan kain kelubung.

menjadi Raja Muda dan tidak menjadi Raja Muda Kayang dan Setul, tambahan pula ia berasa cemburu kalau-kalau Syed Husain berkuasa di Kayang.

Seembali Syed Husain ke Arau, beliau bersekutu dengan Tunku Anum Paduka Raja Jambangan dan Tunku Bisnu (Tunku Seraja Wang) serta panglima Kedah yang lain di Bukit Kelpu. Di sana disepakati akan diadakan serangan terhadap Siam takala Tunku Anum dan rombongan berada di Ligor kononnya hendak berbaik-baik dengan raja Ligor. Sebelum tahun 1838 itu berangkatlah Tunku Anum dan Tunku Bisnu serta rombongan ke Ligor hendak memujuk agar Siam menyerahkan kembali negeri Kedah kepada pemerintahan orang Melayu, dan juga untuk menyelamatkan orang Melayu yang ditawan.

Dalam masa itu, Syed Husain Jamalulail bertolak ke Tanjung Tokong di Pulau Pinang. Bonda beliau, Wan Fatimah dengan tiba-tiba menyuruh Syed Husain tinggal di Pulau Pinang menunggu Tunku Safiah, dan Wan Fatimah balik ke Arau. Nampaknya tindakan Wan Fatimah ini akan menjadi titik emas dalam sejarah Arau khususnya dan negeri Perlis amnya.

Pada pendapat Wan Fatimah beliau tidak semestinya berada di Pulau Pinang bersama kerabat diraja manakala rakyat beliau ditinggalkan menderita dalam keadaan sengsara di Arau. Pada saat-saat genting itu beliau sebagai ibu kepada Penghulu Arau harus bersama-sama rakyatnya. Apabila beliau sampai di Arau maka diusahakan beberapa urusan penting bagi memperbaiki suasana yang sentiasa terancam itu. Arau didapati sunyi sepi, tetapi dengan usaha, bantuan dan kebijaksanaan beliau, lama kelamaan Arau dapat dipulihkan dan keadaan menjadi aman tenteram. Dengan semangat yang luar biasa, Wan Fatimah menyeru sekalian rakyat agar tidak gentar akan musuh itu kerana mereka tidak akan menjajak bumi Arau lagi. Rakyat dinasihati agar balik ke kampung masing-masing dan memperbaiki rumah yang dirosakkan oleh musuh mereka itu. Bendang dan kebun disuruh baiki semula dan diusahakan.

Di Ligor, raja Ligor menerangkan kepada Tunku Anum dan rombongannya bahawa puteranya, Phya Nina Nuncit yang memerintah di negeri Kedah telah mengirimi surat berpoluh-puluh

pucuk menyatakan orang Kedah telah menyerang askar Siam-Ligor di beberapa tempat di Kedah mengakibatkan ratusan terkorban. Phya Sina Nuncit bersetuju negeri Kedah diserahkan balik kepada pemerintah Melayu Kedah, dengan syarat Kedah menghantar ufti berbentuk 'bunga emas' kepada Siam tiga tahun sekali. Surat kuasa pun diberikan kepada Tunku Anum sebagai akuan negeri Kedah diletak di bawah perintah Tunku Anum. Kembali bersama-sama Tunku Anum ke Kedah ialah segala tawanan orang Melayu Kedah sesama perang dahulu. Datuk Muhammad Arshad (Datuk Arau) turut bersama-sama Tunku Anum meninggalkan Ligor tetapi dengan beberapa rakannya menuju ke Arau. Sampai di Arau beliau mengadap Wan Fatimah dan menerangkan segala peristiwa dan perkara yang berlaku di Ligor. Beliau juga memberitahu bahawa negeri Kedah telah diserahkan kembali kepada Tunku Anum.

Pada tahun 1839 raja Ligor yang berkuasa atas pentadbiran negeri Kedah meninggal dunia dan ini memudahkan kerajaan pusat di Bangkok mengambil anak-anak raja Ligor kembali dan diberi jawatan lain. Dua pembesar Siam, Chao Phya Yommarat dan Phya Siphphat berpendapat satu rombakan dan penyusunan semula perlu diadakan di Kedah, lalu mengesyorkan kepada Raja Siam, Raja Nang Klau (Rama III) agar melantik pentadbir pro-Siam di kalangan pembesar Melayu untuk mentadbir negeri Kedah yang dibahagi kepada empat wilayah besar. Keempat-empat wilayah itu ditadbir oleh gabenor masing-masing: Negeri Kedah (Muang Saiburi) di bawah pentadbiran Tunku Anum, Negeri Kubang Pasu (Muang Kabang-Pasu) di bawah Tunku Hasan, Negeri Setul (Muang Satun) di bawah Tunku Bisnu, dan Negeri Perlis (Muang Polit) di bawah Raja Long Krok (Paduka Seri Maharaja Lela) dibantu oleh Syed Husain Jamalulail. Apabila Raja Long Krok meninggal, Syed Husain dilantik oleh Siam mentadbir Perlis.

Setelah Syed Husain berjaya menjadi Gabenor negeri Perlis, maka bondanya Wan Fatimah yang bercita-cita tinggi untuk anakandanya itu pun menyuruh Datuk Muhammad Arshad mengumpul para pembesar, penghulu, panglima dan orang tua-tua datang mengadap beliau untuk merundingkan sesuatu.

Setelah sekalian jempunan hadir mengadap, Wan Fatimah pun menerangkan sebab mereka dijemput itu. Tujuan utama ialah hendak mendapatkan tanda tangan mereka sebagai pengakuan



Puteri Dunia Melayu

mereka bersetuju Syed Husain Jamalulail dilantik menjadi Raja Perlis. Wan Fatimah berhasrat mengutus surat kepada Raja Ligor memohon supaya Raja Ligor bersetuju dan menyokong perlantikan Syed Husain Jamalulail. Jurutulis surat itu ialah Alang Kecil dari Padang Pauh dan susunan kata-kata dalam surat itu dikarang oleh Wan Fatimah sendiri. Selesai saja surat itu ditulis, disemak dan diminta Lahim (Ibrahim) membacanya, semua pembesar, penghulu, panglima dan orang tua-tua dalam perjumpaan itu pun menurunkan tandatangan masing-masing. Wan Fatimah pun menyerahkan surat itu kepada Datuk Muhammad Arshad (Datuk Awang) yang membawa surat itu kepada Tuk Raja Long di Titi Tinggi (Bendang Raja) di sempadan negeri Perlis dengan Setul. Tuk Raja Long diminta memberi sokongannya melalui sepucuk surat yang ditulis oleh Tuk Raja Long. Surat itu akan dipersembahkan kepada Raja Ligor.

Beberapa hari selepas itu Wan Fatimah pun menyuruh Datuk Awang, Alang Kecil dan Lahim pergi ke Ligor untuk mempersembahkan surat itu kepada Raja Ligor. Setelah dibaca Raja Ligor, dia pun yakin bahawa Syed Husain Jamalulail mendapat sokongan ramai untuk dijadikan raja. Raja Ligor pun memberi surat yang dialamatkan kepada Syed Husain agar datang mengadap ke Ligor untuk mendapat penjelasan tentang perlantikan itu. Setelah surat dibawa kepada Wan Fatimah maka beliau menyuruh


Datuk Awang menjemput anakanda beliau yang berada di Pulau Pinang. Setelah Syed Husain sekeluarga kembali ke Perlis beliau pun berangkat ke Ligor diiringi Datuk Awang dan beberapa orang kenamaan. Raja Ligor menjelaskan bahawa Syed Husain perlu mengadap Raja Siam agar perlantikan beliau itu sah. Raja Ligor pun memberi dua pucuk surat untuk dibawa ke Bangkok, sepucuk untuk Perdana Menteri Siam dan sepucuk untuk Raja Siam. Surat kepada Perdana Menteri untuk memudahkan Syed Husain mengadap Raja Siam dan surat kedua itu untuk Raja Siam memperkenankan pengangkatan pengurniaan pangkat dan gelaran kepada Syed Husain Jamalulail sebagai Raja Perlis yang pertama.


Pada 20 Mei 1843, ketika Syed Husain Jamalulail berusia genap tiga puluh tahun, Raja Siam pun memperkenankan Syed Husain menjadi Raja Perlis yang pertama dengan gelaran, Phya Songkram Ramu Wichit Wilis Asmara Phya Pelit. Perlis juga dikehendaki menghantar ufti 'bunga emas' sekali dalam setiap tiga tahun ke Siam.

Demikianlah seorang ibu dengan gigihnya bukan sahaja mengangkat anaknya dari negeri Gabenor menjadi Raja sebuah negeri bahkan membebaskan negeri kecil itu menjadi sebuah negeri berdaulat, aman dan makmur.

*Sirih kuning pinangnya kelat,
Buluh perindu tidak tertahan;
Putih kuning marilah dekat,
Hati rindu tidak tertahan.*

SALASILAH WAN FATIMAH DAN HUBUNGANNYA DENGAN RAJA-RAJA PERLIS





Dewan / Jabatan Mufti dan At-Ribadah



Tengku Ampuan Mahrum

PERMAISURI MERAJUK ISTANA PUN SEPI

Pada masa ini jika disebut "Bandar Temasya", banyak orang akan tertanyanya: Di mana bandar tersebut itu? Adakah temasya di situ? Kalau ada pun bandar apa pentingnya bandar itu? Kedu-dukan Bandar Temasya berhampiran dengan tebing Sungai Langat yang dilindungi Pulau Carey. Ia bertambah semarak apabila Sultan Abdul Samad (1857-1898) membukanya dalam tahun 1866. Semasa teretusnya Perang Kelang atau Perang Saudara (1867 hingga 1873) Sultan Abdul Samad pun berpindah dari Kelang ke Langat, khususnya Bandar Temasya.

Pada masa Sultan Abdul Samad, banyak pertentangan dari anak-anak raja dan pembesar Selangor, masing-masing mencari pengaruh dan kuasa. Tengku Ampuan Basik bonda Raja Mahmud terus-menerus berikhtiar mencari jalan supaya puteranya dapat menaiki takhta hinggakan beliau cuba meminta bantuan Inggeris di Singapura. Inilah antara sebab-sebab Sultan Abdul Samad berundur ke Jugra dan di sana baginda melantik menantunya Tengku Dziauddin (timang-timangan Tengku Kudin) dari Kedah, adik Sultan Ahmad Tajuddin, menjadi wakil Sultan, satu jawatan yang memegang kuasa mutlak. Tengku Kudin

berkahwin dengan puteri baginda, Raja Arfah, yang baginda putuskan pertunangan dengan Raja Mahadi. Ini meruncingkan lagi dan menyayat hati Raja Mahadi, kerana Tengku Kudin dianggap orang luar. Sejak peristiwa itu, teretuslah Perang Saudara di Selangor. Raja Muda Musa, putera Sultan Abdul Samad yang keras hati itu terus memusuhi Tengku Kudin.



Masa berlalu dan perang terus berlaku. Raja Muda Musa berputera Raja Sulaiman manakala perkongsian hidup Tengku Kudin dengan Raja Arfah melahirkan seorang puteri, Raja Mahrum. Dalam tahun 1874 Selangor menerima J.G. Davidson sebagai Residen Inggeris dan beliau menetap di Kelang manakala Frank Swettenham tinggal di Bandar Temasya. Perang Saudara yang bermula pada tahun 1867 berakhir sehingga kemangkatan Raja Mahadi pada tahun 1882. Setelah itu Raja Muda Musa pun mangkat, dan pada 6 Februari 1898, Sultan Abdul Samad yang berusia 93 tahun pun mangkat dan dimakamkan di Bukit Jugra. Maka diangkatlah Raja Sulaiman ibni almarhum Raja Musa menjadi Sultan Selangor yang ke 5 bergelar Sultan Alaeddin Sulaiman Syah, cucunda Almarhum Sultan Abdul Samad, pada 17 Februari 1898 di Istana Jugra dihadiri Residen Jeneral. Negeri-negeri Melayu Bersekutu, William H. Treacher. Dilantik juga Tengku Mahrum binti Tengku



Puteri Dunia Melayu

Dziauddin menjadi Tengku Ampuan Selangor. Baginda juga cucunda almarhum Sultan Abdul Samad.

Isteri baginda Sultan Alaeddin Sulaiman Syah, iaitu Tengku Ampuan Selangor Tengku Mahrum terkenal cantiknya, tinggi budi bahasanya dan digemari rakyat jelata. Hanya ada dua sifat yang kurang baik Tengku Mahrum ini iaitu baginda amat keras hati dan degil tak mahu berganjak apabila membuat keputusan. Walaupun begitu, baginda disayangi dan menyayangi baginda Sultan. Setelah beberapa lama antara baginda berdua itu berkasih-kasih maka dikurniakan Allah (SWT) seorang putera Tengku Musaeddin dan tiga orang puteri, Tengku Maheeran, Tengku Fatimah dan Tengku Arfah. Dengan adanya keempat-empat putera-puteri ini maka suasana Istana Mahkota Puri (yang telah dirobohkan pada 1958 dan diganti dengan Istana Alam Syah) suatu tempat yang riang dan bersinar. Istana Mahkota Puri itu, menurut seni bina Islam Timur Tengah, dan terletak di atas sebuah bukit di Kelang.

Jodoh pertemuan dan ajal maut ditentukan Tuhan. Begitulah yang berlaku pada keluarga diraja ini. Sultan Alaeddin telah mengahwini Hajjah Safiah binti Haji Abdul Ghani seorang kebanyakan yang berasal dari Kelang tetapi menetap di Parit Jawa, Padang Muar, Johor. Hajjah Safiah dibawa tinggal bersama baginda di Istana Langat, kerana baginda sering berulang-alik dari Kelang ke Langat atas urusan pembinaan Istana Besar di Bandar Temasya dengan perbelanjaan baginda sendiri.

Perkahwinan baginda dengan Hajjah Safiah ini ditentang oleh Tengku Ampuan Mahrum kerana dia tidak rela dimadu. Baginda merajuk lalu melarikan diri baginda bersama-sama kesemua putera-puteri baginda ke Pulau Pinang mengadap ayahanda baginda Tengku Dziauddin di Kelawai pada 3 Januari 1899. Dikatakan juga baginda sedang hamil. Baginda meminta izin ayahandanya untuk tinggal di Tanjung Dawai di Kedah, di kebun kelapa ayahandanya kerana di sana lengkap dengan istana. Permohonan itu dibenarkan. Maka tinggallah Istana Mahkota Puri lengang, sunyi dan tidak bermaya. Para pembesar pun resah gelisah sedang Sultan Alaeddin lebih banyak bersemayam di Langat, melainkan jika ada keramaian di Kelang.



Thany-Jekaliah Mahrum dan Amn-Kahri

Keluarga Diraja Selangor ini berkebayu labuh songket tabur, sulaman kelengkapan atau telekup. Kain songket limar dipadankan sebagai kain sarung dan selendang panjang.

Berbagai-bagai ikhtiar dilakukan untuk memujuk Tengku Ampuan Mahrum pulang ke Kelang tetapi semuanya gagal. Dalam tahun itu juga (18 Februari) Tengku Mahrum melahirkan seorang puteri yang diberi nama Tengku Zaharah. Kelahiran puteri ini disampaikan kepada Sultan Alaeddin maka pada April 1900 dititahkan Raja Haji Bot membawa surat baginda untuk disampaikan kepada Tengku Ampuan Mahrum, namun usaha ini



Puteri Dunia Melayu

pun gagal, walaupun setelah dinasihati ayahanda baginda, Tengku Dziauddin agar balik ke Kelang.

Sebelum itu, pada 3 Mac 1900, Residen Jeneral Frank Swettenham dan Residen Selangor memerintahkan Raja Laut (Raja Muda Selangor) pergi memujuk Tengku Ampuan Mahrum agar pulang ke Kelang. Malangnya sebelum rombongan itu berangkat, salah seorang puterinya, Raja Ngah isteri Raja Ja'afar meninggal dunia kerana bersalin, maka rancangan pun dibatalkan. Ketiadaan Tengku Ampuan Mahrum di Kelang amat dirasai oleh para pembesar istana, pihak pentadbir dan baginda Sultan, bahkan usaha-usaha mengadakan istiadat pertabalan Sultan Alaeddin turut tergendala.

Memikirkan baginda tidak akan ditabal jikalau tiada Tengku Ampuan Mahrum, maka baginda Sultan sendiri berangkat ke Tanjung Dawai, tempat tinggal Tengku Dziauddin ayahanda Tengku Ampuan Mahrum. Baginda belayar menaiki sebuah kapal kerajaan bernama Asmaralda. Tatkala tiba di sana berbagai-bagai nasihat dan pujuk rayu dihamburkan baginda, namun Tengku Ampuan tetap dengan pendirian baginda tidak mahu pulang ke Kelang. Maka pulanglah Sultan Alaeddin dengan rasa hampa dan kecewa.

Satu lagi iktihar dibuat dengan perginya Dato Bentara Kiri Amar Diraja Wan Muhammad Amin bin Wan Muhammad Said bersama dengan Raja Jusoh bin Raja Ya'akob, Wan Ambiah binti Wan Muhammad Said (adik Dato Bentara Wan Muhammad Amin), Encik Kechik bin Ja'afar dan Encik Ismail dengan menaiki sebuah kapal bernama Tonia pada 9 Februari 1901, dari Kelang ke Pulau Pinang. Pada esoknya sampailah rombongan itu ke Pulau Pinang dan pada hari yang sama terus ke Tanjung Dawai lalu mengadap Tengku Ampuan dan kemudian mengadap Tengku Dziauddin untuk menyampaikan warah daripada Sultan Alaeddin Sulaiman Syah. Kata Tengku Dziauddin:

"Bolehlah Bentara serta Jusoh (Raja Jusoh) muafakat dengan Mahrum. Aku suka sangatlah ia balik, tetapi aku tiada lalu hendak menguatinya kerana kalau aku kuati suruh ia balik tentu diikutnya, tetapi aku khuatir apabila ia sampai di Kelang kelak tiada berbetulan dengan Yamtuan, nanti ia mari juga datang kepadaku.

Hendak pun ia pergi ke mana-mana tiada berani, oleh hal yang demikian tentulah kurang baiknyanya."

Pada malangnya Dato Bentara pun mengadap lalu memujuk dan menasihati Tengku Ampuan Mahrum supaya balik ke Kelang, namun tiada mendapat jawapan. Kemudian, pada tiap-tiap malam dihantar adiknya, Ambiah, pergi memujuk dan memberi nasihat selain mendapatkan rahsia latar belakang kejadian itu. Sehingga hari yang kelimabelas barulah dapat keputusan daripada Tengku Ampuan, titahnya:

"Baiklah Dato', akan tetapi Che' Om (membahasakan dirinya) hendak ke Pulau Pinang dahulu."

Ini dipersetujui Dato' Bentara sebab sudah berasa lega dapat keputusan yang amat memuaskan itu. Esoknya setelah memberitahu Tengku Dziauddin, Tengku Ampuan serta rombongan pun berangkat ke Pulau Pinang dengan kapal Merbok. Setelah tiga hari, Dato' Bentara hendak telegraf ke Kelang untuk menghantarkan kapal tetapi tidak dibenarkan kerana Tengku Ampuan hendak balik ke Tanjung Dawai mengadap ayahanda baginda dahulu.

Setelah seminggu di Pulau Pinang, barulah Tengku Ampuan berangkat ke Tanjung Dawai. Ambiah pula memberitahu bahawa Tengku Ampuan membenarkan telegraf ke Kelang agar kapal Asmaralda datang ke Pulau Pinang, dan pada 3 Mac 1901 sampailah kapal itu. Turut datang bersama ialah Raja Abdul Murad (adinda Sultan), Dato' Penggawa Haji Ahmad, Dato' Maharaja Lela Haji Abdul Ghani dan Dato' Syahbandar Haji Ali, masing-masing membawa isteri. Kesemuanya seramai 30 orang.

Rombongan ini pula dibawa ke Tanjung Dawai mengadap Tengku Ampuan. Pada malangnya Tengku Ampuan mengadap ayahandanya memohon balik ke Kedah, dan sekembali kelak dari Kedah akan singgah lagi mengadap, kemudian barulah balik ke Kelang. Sembah Tengku Ampuan itu diperkenankan paduka ayahandanya. Keesokan harinya barulah rombongan itu bertolak dari Tanjung Dawai ke Kuala Kedah, tetapi tidak dapat masuk kerana air sedang surut. Oleh itu Kapten Hasan mengarahkan Syed Ali agar naik bot

ke Balai Polis Kuala Kedah dan menelefon Tengku Muhammad Bahdhar bin Tengku Dziauddin di Alor Setar, minta hantarkan adinanya Tengku Haji Adnan dan Syed Ahmad (suami Tengku Mariam) hilir dengan kapal sewa untuk mengambil Tengku Ampuan.

Pada malamnya barulah Tengku Haji Adnan sampai dengan kapal sewa tetapi terpaksa menunggu air pasang barulah dapat berjalan perlahan-lahan dan tiba di Kuala Kedah pada jam 5 pagi. Setelah berhenti dua jam barulah mudik hingga sampai ke Alor Setar. Di sana Tengku Ampuan disambut kekandanya Tengku Mariam berserta Yang Dipertuan Kedah. Pada 7 Mac, Tengku Ampuan pun berangkat ke Langgar untuk menziarahi makam diraja, kemudian kembali dengan sampan, lalu singgah pula di kediaman Mak Wan Besar (Wan Hajar) serta sekalian adik-beradiknya.

Esoknya, 8 Mac waktu tengahari Tengku Ampuan dan rombongan pun bertolak dari Alor Setar dan pada petangnya sampailah di Tanjung Dawai. Turut menghantar ialah Tengku Muhammad Bahdhar Syah dan Tengku Haji Adnan serta Wan Mat Temenggung, Wan Musa dan Wan Muhammad Saad. Selain itu orang Tanjung Dawai berjumlah 24 orang lelaki dan perempuan. Di Tanjung Dawai naiklah Tengku Ampuan mengadap ayahandanya Tengku Dziauddin.

Selesai mengadap menyatakan kembali ke Kelang, barang-barang pun diturunkan dan malam itu juga belayar dan esok paginya sampai ke Pulau Pinang. Dato Bentara pun mengutus telegraf kepada Sultan Alaeddin di Kelang. Pada tengah hari kapal Asmaralada pun belayar dan pada 10 Mac 1901 sampailah kapal itu di Pangkalan Batu, Kelang. Sultan Alaeddin sendiri datang dengan bot ke kapal menyambut Tengku Ampuan.


Kereta kuda dan beca pun berpuluh-puluh menanti di pangkalan jambatan lalu naiklah sekalian ahli rombongan ke istana. Pada jam


11 pagi Tuan Belfied, Residen Selangor pun datang dari Kuala Lumpur untuk mengucapkan selamat balik kepada Tengku Ampuan Mahrum. Rakyat pun amat sukacita dan istana Mahkota Puri sering menerima kunjungan.

Lama masanya Tengku Ampuan pergi merajuk itu ialah dua tahun dua bulan enam hari, dan kerana itulah tergendala pekerjaan pertabalan Sultan Alaeddin.

Setelah keadaan di istana pulih, dan dengan keputusan mesyuarat pada 22 Oktober 1903, Sultran Alaeddin pun dimahkotakan dengan gelaran Sultan Alaeddin Sulaiman Syah bertempat di Istana Mahkota Puri, Kelang sebagai Sultan Selangor yang ke 5. Bagindalah Sultan Selangor pertama yang memakai mahkota bertatahan intan berlian. Sebelumnya Sultan yang ditabalkan memakai sejenis songkok buatan Bugis yang disebut 'Mahkota Leleng'. Mahkota Leleng diperbuat kesemuanya daripada emas yang berasal dari Bugis. Oleh sebab Islam melarang lelaki memakai emas maka mahkota itu dipecahkan oleh Sahibul-Fadhillah Syeikh Abdul Ghani, seorang ulama dari Sumatera juga guru kepada Sultan Muhammad (1825 - 1857) Sultan Selangor ke 3. Itulah sebabnya pada pertabalan Sultan Abdul Samad, Mahkota Leleng itu sudah tiada. Baginda cuma memakai tanjak kain sutera dari Bugis.

Pada 4 November tahun yang sama, diadakan pula istiadat menggelar isteri baginda, Tengku Mahrum menerima gelaran Tengku Ampuan Paduka Seri Negara. Putera baginda Tengku Musaeddin bergelar Tengku Mahkota, semua puteri baginda memakai gelaran 'Tengku Puteri' seperti Tengku Puteri Maheran, Tengku Puteri Fatimah dan Tengku Puteri Arfah. Ketika peristiwa inilah istana di Kelang itu disebut Istana Mahkota Puri (pada tapaknya didirikan Istana Alam Syah yang ada pada hari ini). Bermula tarikh ini Sultan Alaeddin lebih banyak berada di Kelang daripada berada di Istana Bandar Temasya di Langat.





Basmala Yagutian Khat

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu (yang sempurna imannya) ialah mereka yang apabila disebut nama Allah (dan sifat-sifatNya) gemetarlah hati mereka; dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayatNya, menjadikan mereka bertambah iman, dan kepada Tuhan mereka pujaah mereka berserah

*Al-Anfaal 8:2
(Khat Maghribi)*

Disentuh Keadaan

Puteri Dunia Melayu dalam kategori ini adalah mereka yang terperangkap di dalam sesuatu suasana atau keadaan yang luar biasa, yang tidak dirancang, aneh atau mengejutkan. Tak dapat tidak, sebagai akibat terperangkap atau keterlanjuran di dalam keadaan yang terdesak, maka mereka ini menjadi terkenal, menjadi sebab percaturan kuasa politik, menjadi pertikaian maruah seterusnya menjadi pengubah sejarah. Tentu sekali puteri dunia Melayu sedemikian menonjolkan sifat-sifat yang sedia berkorban, sanggup menanggung malu, sanggup berpisah daripada keluarga, ayahanda dan bonda, sanak-saudara bahkan meninggalkan tanah tumpah darahnya. Namun mereka meneruskan kehidupan baru serta masa depannya dengan penuh ketabahan, memelihara maruah wanita dan mempunyai keyakinan diri yang amat mengagumkan.



Kepala Bantal

Thsan : DHEA Finecast Enterprise / Fotografi: everything Sdn.Bhd.

Kepala bantal ini diperbuat daripada logam perak yang berkualiti tinggi dengan saduran emas 24 karat dan rodium. Kepala bantal ini dihiasi dengan corak ukiran awan.

DISENTUH KEADAAN

	M/S
4.1 PUTERI DEWI SEKARDADU • BALAMBANGAN • c. 1430	320
4.2 PUTERI LELA MENCANAI • BRUNEI • c.1521	322
4.3 RAJA DUNGU • BRUNEI • c. 1533-1581	326
4.4 PUTERI RATNA SUARI • CERMIN • c.1390	330
4.5 RATU TAMANURUNGA • GOWA • c.1300	334
4.6 PUTERI LINDUNGAN BULAN • KEDAH • c.1603-1619	338
4.7 TENGGU SAFURA NEGARA • KEDAH • c.1670	342
4.8 PUTERI PITALOKA • MADURA • c.1351	346
4.9 RATU DWARAWATI • MAJAPAHIT • c.1448	350
4.10 RARA OYI • MATARAM • c.1448	356
4.11 TUN KUDU • MELAKA • c.1450	362
4.12 PUTERI HWANG LI PO • MELAKA • c.1465	366
4.13 TUN MANDA • MELAKA • c.1500	370
4.14 CIK PUAN CIK SENI • N. SEMBILAN • c.1773	374
4.15 SERI BANUN • N.SEMBILAN • c.1725	378
4.16 TUN TEJA RATNA BENGGALA • PAHANG • c. 1495	380
4.17 TUN MERAH TUN SABAN • PERAK • c. 1528	386
4.18 PUTERI LIMAU PURUT • PERAK • c.1619-1627	388



Puteri Dewi Sekardadu

KISAH SAYU PILU SEORANG IBU

Bayangkan seorang puteri yang baru melahirkan seorang putera tetapi putera itu dihukum oleh datuknya agar dimasukkan ke dalam sebuah peti untuk dihanyutkan ke laut, kalau tidak akan dibunuh. Dengan menyerahkan anak itu kepada takdir dengan dada yang sebak dan berlinangan air mata peti itu pun dihanyutkan ke laut sehingga hilang daripada penglihatannya. Semoga anak itu hidup dan menjadi seorang yang besar dan mulia. Demikian harapan ibu yang terpaksa berpisah dengan anaknya.

Puteri itu ialah Dewi Sekardadu, ibu kepada Raden Paku yang terkenal sebagai Sunan Giri, seorang Wali Songo di Gresik.

Kisah bermula di daerah Balambangan di Jawa Timur yang diserang sejenis wabak penyakit yang mengorbankan bukan saja rakyat bahkan golongan diraja, antaranya ialah Puteri Dewi Sekardadu, Puteri Prabu Menak Sembayu, dan Putera Wirabumi putera Hayam Wuruk, Raja Majapahit. Pada masa itu seorang pendakwah Islam, Maulana Abu Ishak bin Sayyid Ali Nurul Alam bin Sayyid Jamaluddin Husain al-Kubra sanggup menyembuhkan puteri itu, dengan syarat Prabu Menak Sembayu memeluk Islam jika puteri itu terus hidup. Dengan kehendak Allah, Dewi Sekardadu pun sembuh maka dikahwinkan dengan Maulana Ishak. Setelah perkahwinan itu, Prabu Menak Sembayu pura-pura masuk Islam, tetapi apabila dilihatnya semakin ramai rakyat memeluk

Islam maka baginda merasa khuatir kalau-kalau agama Islam terus berkembang di kalangan rakyatnya. Sebenarnya baginda sendiri benci akan Islam. Didorong oleh kemarahan dan bencinya itu baginda mengupah seorang pahlawan membunuh Maulana Abu Ishak, tetapi Maulana Abu Ishak dapat menyelamatkan dirinya dan terus meninggalkan Balambangan serta isterinya yang sedang mengandung tujuh bulan.

Semasa hendak meninggalkan Balambangan, Maulana Abu Ishak berpesan kepada isterinya sekiranya anak yang dikandung itu laki-laki, hendaklah diberi nama Raden Paku dan sekiranya perempuan terserahlah kepada ibunya menamakannya. Maulana Abu Ishak dikatakan terus pergi ke Pasai dan bermastautin di sana.

Apabila Prabu Menak Sembayu mendapat tahu Maulana Abu Ishak melarikan diri ke Pasai, murkanya semakin memuncak sehingga setelah Puteri Dewi Sekardadu melahirkan putera, baginda terus akan membunuh putera yang masih kecil itu. Tetapi Dewi Sekardadu merayu dengan tangisan yang disertai kata-kata menyayat hati memohon agar ayahandanya tidak membunuh anaknya itu. Itu pun murkanya masih belum reda. Hanya hukuman 'bunuh' terhadap anak kecil itu diganti dengan 'dimasukkan ke dalam peti dan dihanyutkan ke laut'. Nampaknya keputusan itu tak dapat dihalang lagi oleh Dewi Sekardadu melainkan berserah kepada takdir. Beliau hanya dapat menghantar puteranya ke tepi pantai dan memerhatikan keti yang sedang



Puteri Dunia Melayu

hanyut itu sehingga hilang dari penglihatannya. Tentunya pemergian anaknya itu diiringkan dengan doa dan harapan yang hanya seorang ibu dapat melahirkannya, kerana perpisahan itu mungkin untuk selama-lamanya. Selepas itu Puteri Dewi Sekardadu terus menghilangkan diri tidak diketahui ke mana perginya.

Manusia hanya dapat merancang. Tuhan melaksanakan. Bagi Dewi Sekardadu, merancang pun tiada jalan. Hanya tinggal harapan maka jelaslah pelaksanaan harapan terserah bulat-bulat kepada takdir Ilahi. Sedang peti terapung-apung ke laut maka sampailah ke sekitarnya sebuah kapal perniagaan; haluannya menjadi berputar-putar seolah-olah disengajakan untuk mengelilingi peti yang terapung-apung itu. Apabila nakhoda kapal memungut peti itu dan didapati di dalamnya ada seorang bayi lelaki, maka tujuan asalnya hendak ke Pulau Bali dibatalkan lalu balik ke Gresik dan anak yang dipungut itu diserahkan kepada Nyai Gadi Pinateh, pemilik kapal itu. Alangkah gembiranya wanita itu ketika melihat kanak-kanak kecil molek itu kerana dia sendiri seorang janda yang tidak mempunyai anak. Maka anak itu terus dinamanya Joko Samudro (Jaka Samudera).

Setelah Jaka Samudera besar kira-kira berumur sebelas tahun ia diserahkan kepada Sayyid Ahmad Rahmatullah atau Raden

Rahmat bin Sayyid Ibrahim Zainal al-Akbar yang terkenal dengan nama Sunan Ampel. Beliau sebenarnya saudara Maulana Abu Ishak. Penyerahan ini untuk mempelajari pengajian Islam di Surabaya. Pada masa itulah Jaka Samudera diberi nama Raden Paku oleh Sunan Ampel sebagaimana menurut amanat ayahandanya.

Tatkala Raden Paku menemui ayahandanya Maulana Abu Ishak di Pasai, ayahandanya memberitahu bahawa ibunya yang sebenarnya ialah Puteri Dewi Sukardadu. Raden Paku berasa amat sedih mengenangkan peristiwa perpisahannya dengan ibu dan ayah kandungnya itu. Ketika itu juga timbul perasaan marahnya dan berniat hendak membalas dendam terhadap datuknya Prabu Menak Sembayu, tetapi ayahandanya melarangnya meneruskan niatnya itu dengan menyatakan bahawa pembalasan adalah suatu perbuatan yang tidak baik dan tidak pernah dilakukan oleh Nabi Muhammad (SAW) melainkan yang selayaknya melakukan pembalasan itu adalah Allah (SWT) Yang Maha Adil. Apabila mendengar nasihat itu, Raden Paku menyedari kesilapannya itu dan kembali menyerahkan segala-galanya hanya kepada Allah (SWT). Bersesuaian dengan peribadinya yang sepadan dengan ilmunya itu, ayahandanya telah menamakannya Muhammad 'Ainul Yaqin, dan beliau inilah yang pada akhirnya bergelar Sunan Giri, salah seorang Wali Songo.

*Menitik embun di Gunung Sari,
Buah delima di dalam puan;
Dua tiga boleh kucari.
Mana sama denganmu tuan?*



Puteri Lela Mencanai

MEMADU KASIH SEHIDUP SEMATI

Kegemilangan kemajuan kerajaan Brunei telah mencapai kemuncaknya pada zaman Sultan Bolkia, Sultan Brunei yang ke 5 (1485–1524). Baginda amat suka akan perkara-perkara yang baru yang mencabar. Oleh yang demikian baginda suka berangkat ke luar negeri mencari ilmu pengetahuan dan pengalaman untuk memajukan negara dan rakyat Brunei. Dalam masa pelayaran itu baginda suka membawa gendang kebesaran diraja; dengan demikian baginda terkenal dengan nama 'Nakhoda Ragam'. *Salasilah Raja-raja Brunai* (versi Datu Iman Aminuddin) menyebut: "..... Dan Sultan inilah (Sultan Sulaiman) beranakkan Sultan Bolkia, ialah berperang dengan bangsa Suluk dan ialah mengalahkan Negeri Suluk dan Negeri Saludang nama Rajanya Datuk Kemin (Gambang). Maka Sultan Bolkia ialah juga dinamakan orang tua-tua 'Nakhoda Ragam'. Ialah beristeri akan Puteri Lela Manjani (Mencanai)."

Perluasan pemerintahan Sultan Bolkia termasuk Sulu dan Saludang dan baginda telah mengahwini Puteri Lela Mencanai, Puteri Raja Sulu dan Puteri Datu Gamban, dan meluaskan penempatan dan perdagangan Brunei serta syiar Islam. Kebesaran dan kegagahan Brunei pada zaman keemasan Empayar Brunei ini diakui oleh Pigafetta semasa rombongan Magellan singgah di Brunei pada tahun 1521.

Dalam pelayaran Sultan Bolkia ke ceruk rantau empayar baginda, Puteri Lela Mencanai sentiasa ada di samping baginda dan puteri ini tidak menghabiskan masa dengan percuma. Biar di laut atau di mana-mana pun, Puteri Lela Mencanai sentiasa mengait dan menyulam, satu kerajinan tangan yang amat mengasyikkan suami baginda yang sentiasa memerhatinya dengan teliti. Lantaran terlalu asyik memerhatikan sehingga baginda tertidur di atas pangkuan isterinya yang sedang menyulam itu.

Hati puteri itu terharu lantaran suaminya terbaring di pangkuannya maka tumpuan pada pekerjaannya pun terganggu. Maka tersalahlah tuan puteri itu mencucukkan jarumnya lalu tercucuk akan tangan suaminya. Oleh kerana tikaman jarum itu sangat bisa sehingga menyebabkan baginda tidak sedarkan diri. Tuan puteri terperanjat melihat keadaan yang terjadi tak semenamena itu. Di ketepikan pekerjaan sulamannya lalu terus merawat suaminya. Tetapi bisa yang menjalar ke seluruh tubuh baginda tidak mahu surut bahkan semakin mengganas. Akhirnya membawa maut kepada Sultan Bolkia.


Tidak dapat digambarkan betapa sedih dan dukacitanya puteri muda itu apabila sedar akan kehilangan kekasih dan suaminya itu bahkan seorang raja negara yang besar. Namun begitu tidak diberitahunya kepada sesiapa, selain meratapi jenazah yang terbujur di hadapannya.



Tarsila (Salasilah) Raja-raja Brunei yang terpahat pada batu



Puteri Dunia Melayu



Makam Sultan Bolkiah

Dengan tekun dan teliti jenazah itu dibubuhnya kapur barus untuk mengurangkan bau busuk daripadanya. Dalam pada itu kapal diraja itu semakin hampir ke pelabuhan Brunei.

Tatkala sampai kapal itu disambut dengan riang oleh para pembedas, antaranya anakanda Sultan Bolkiah, Pangeran Muda Abdul Kahar. Apabila usungan kenaikan baginda merayap hampir kapal Puteri Lela Mencanai, maka keluarlah puteri itu diiringi para dayang-dayang. Orang ramai hairan tercengang-cengang melihat akan Puteri Lela Mencanai yang amat cantik bagai ratu kecana. Namun setelah ratu itu bertemu dengan Pangeran Muda dan menyampaikan khabar dukacita itu suasana terus berubah. Putera Mahkota terus pengsan. Suasana girang tiba-tiba negeri Brunei menjadi gelap gelita, diiringi ratap tangis seluruh rakyat.

Dalam keadaan serba sedih di istana maka berlakulah tragedi yang amat memilukan – Puteri Lela Mencanai yang bagai cahaya bulan purnama – tiba-tiba menikam dirinya dengan sebilah keris, lalu mangkat. Dalam baginda nazak itu baginda meminta mayatnya dikuburkan bersama-sama mayat suaminya, Sultan Bolkiah. Permintaannya dikabulkan dan kedua-dua jenazah itu dimakamkan di Salarong Bermisan Tiga, yang disebut Makam Kota Batu. Demikianlah kisah kasih dan cinta diraja yang amat sayahdu, sedihup semati.





Raja Dungu

IBU KEPADA TIGA ORANG BENDAHARA

Pihak Sepanyol telah melakukan serangan ke atas Brunei pada tahun 1577, semasa pemerintahan Sultan Abdul Kahar, tetapi gagal. Dalam masa pemerintahan sultan berikutnya, Sultan Saiful Rijal (1578 – 1589) sekali lagi Sepanyol menyerang Brunei iaitu pada tahun 1580. Bagindalah raja Brunei pertama yang disebut namanya oleh laporan Sepanyol.


Serangan ini dikatakan atas galakan dua orang Pangeran Brunei, iaitu Pangeran Seri Lala dan Pangeran Seri Ratna yang menentang kelakuan buruk adinda dan menteri utama Sultan, iaitu Raja Bendahara Sakam. Raja Sakam adalah seorang raja yang suka mengambil isteri dan gundik daripada segala anak dara para bangsawan yang cantik-cantik. Bahkan diceritakan bahawa dia pernah melarikan pengantin perempuan yang sedang bersanding. Apabila Sepanyol menyerang, Sultan seisi istana lari ke Sungai Budu, di sebelah barat Baram dan meninggalkan Bendahara Sakam mempertahankan Brunei. Brunei berjaya menghalau Sepanyol, dan baginda Sultan pun dijemput kembali. Selepas itu Bendahara Sakam pun mengejar kedua-dua Pangeran itu ke Belait dan membunuh mereka di sana.

Itu kisah adinda Sultan Saiful Rijal. Berikut ialah kisah seorang puteri baginda. Baginda mempunyai beberapa orang anak, yang tua perempuan, digelar Raja Dungu. Raja Dungu ini sangat cantik

rupa parasnya. Sebabnya jadi dungu itu mengikut kepercayaan orang Brunei, kerana semasa ia masih dalam kandungan bondanya, ia telah dinobatkan oleh baginda Sultan Saiful Rijal, sebab puterinya itu disangkanya laki-laki. Dari masa ia di dalam kandungan itu lagi ayahandanya telah berniat hendak menjadikan dia Putera Mahkota, sebelum Pangeran Bendahara Sakam dilantik menjadi Raja Bendahara lagi. Oleh kerana ia perempuan maka jadilah ia dungu sebab kononnya telah dinobatkan sebelum lahir.

Walaupun puteri ini dungu namun amat cantik jelita dan pihak yang meminang tidak kisah sangat akan perihal kebijaksanaan seseorang puteri asalkan cantik dan dari kerabat diraja. Maka berkahwinlah puteri ini dengan seorang raja kebanyakan yang tinggal di Kampung Pandai Kawat, yang terkenal dengan nama Pangeran Muhammad Panjang. Semasa perkahwinan, Pangeran Muhammad Panjang membawa 300 orang hamba sebagai pengiring emas kahwinnya. Hasil perkongsian hidup dengan puteri ini lahirlah beberapa orang anak. Antara yang termasyhur ialah Bendahara Abdul Kahar, Bendahara Damit dan Abdul Mubin. Abdul Mubin ini akhirnya menjadi Sultan Abdul Mubin, Sultan Brunei ke-13. Pangeran Muhammad Panjang juga bergelar Pangeran Bendahara Seri Lela.

Putera baginda Sultan Saiful Rijal yang kedua bernama Pangeran Muda Syah Brunei, yang ketiga Pangeran Muhammad Hasan dan keempat seorang puteri tidak diketahui namanya, kerana puteri ini



Perhiasan pengantin perempuan Brunei.

diperisteri oleh anak raja Pahang. Oleh kerana Raja Dungu itu perempuan maka hak putera mahkota terserah kepada adindanya Pangeran Muda Syah Brunei. Walaupun Raja Dungu tidak berpeluang menjadi Ratu namun dua orang keturunannya telah diangkat menjadi Sultan Brunei, iaitu Sultan Nasruddin (Sultan Brunei ke-15) dan Sultan Abdul Mubin (Sultan Brunei ke-13).

Raja Dungu dikurniakan oleh ayahandanya, Sultan Saiful Rijal, harta pusaka berupa enam buah daerah: pertama Marudu, kedua Banggi, ketiga Mempakul, keempat Lawas, kelima Bukua, dan keenam Membakut. Tanahnya yang begitu luas dengan hasilnya melimpah-ruah menunjukkan betapa murahannya rezeki Raja Dungu; juga menandakan kasih sayang seorang raja terhadap puteri yang walaupun tidak dapat memenuhi cita-cita baginda namun dapat juga menghasilkan dua orang putera yang kemudiannya menjadi Sultan Brunei.




Burung jelatik burung jeladan,
Mencari sarang burung tempua;
Sama cantik sama padan,
Seperti pinang dibelah dua.

Berikut ini ialah pemerian tentang kecantikan wirawati daripada *Hikayat Awang Si Ambok*, sebuah lipur lara dari Brunei:

*Maka paras tuan puteri itu terlalu amat elokya:
 alis lentik mengekor siar
 anak rambut menagar air,
 lentik di hujung patah mengunag,
 bulu mata menongkat kening,
 bibir manis limau seulas,
 meralnya delima merakah,
 menguntum senyum mengandung madu,
 cahaya muka purnama empat belas,
 gigi renek membiji batat,
 putihnya asmaradanta,
 hidung mancung manangkai bunga,
 jari halus menyungin landak,
 luncit bagai dian digiling,
 leher jenjang gading dilarik,
 makan pinang kaca-kacaan,
 menelan air sirih berbinar-binar,
 kelihatan dari luar,
 mata jeli bintang timur,
 menjeling manja hati terhibur,
 pipi licin pauh dilayang,
 pinggang ramping sejengkal kiri,
 rambut panjang mayang mengurai,
 bersanggul Pisang Sesikat Terpas Bergantung,
 telinga kecil telipuk layu,
 tubuh bidang sampiran kain,
 tumit betis menclur burung,
 orang elok bertambah elok,
 orang gawai bertambah gawai,
 seperti orang naik mempelai,
 berbaju labuh Kilat Di Tangkas,
 bertabur dengan Cencawi Besar,
 bercincin pusaka turun-temurun,
 sinarnya panjut-memanjut,
 berdokoh Labuh Sehari Bulan,
 Serbang di dahi Emas Sekati,
 berbinar-binar cahaya nilakandi,
 gelang keroncong sebelah satu,
 berkain panjang Kilat Di Tambing,
 bertabur dengan Cencawi Damit,
 berpendang panjang sembilan tujuh setali,
 kesepuluh dengan rumbainya,
 tujuh intan dikarang.
 Sesandang didada Seribu Lingga,
 berkisi dengan Pancabicara,
 bersumbang mutiara Teluk Bayu.*

(Rahim, 1986: 62-63)

SALASILAH SULTAN-SULTAN BRUNEI





Puteri Ratna Suari

NIATNYA TERKABUL SETELAH USAI USIANYA

Cerita Puteri Ratna Suari ini berkait rapat dengan seorang pelopor dan tokoh pertama Wali Songo (Wali Sembilan) yang berperanan mengembangkan Islam di Tanah Jawa, iaitu Maulana Malik Ibrahim (juga disebut Syeikh Maghribi ataupun Sunan Gresik). Maulana Malik Ibrahim ialah anak Syed Barakat Zainal Alam anak Syed Husein Jamaluddin al-Kubra ('bapa' kepada kebanyakan pendakwah Islam di Asia Tenggara) yang mencantumkan nasabnya sehingga kepada Ahmad bin Isa al-Muhajir dan seterusnya sampai kepada Sayyidina Husein, cucu Rasulullah (SAW).

Syed Husein Jamaluddin al-Kubra belayar dengan sekumpulan pendakwah dari Ma'abar, India lalu singgah di Aceh sebelum pergi ke Cermin (nama lama Patani Darus-Salam) dan Campa. Di Campa beliau berkahwin dengan Puteri Ramawati, anak Sultan Zainal Abidin dan Siti Zubaidah [jila baca cerita masing-masing dalam buku ini]. Tentang keturunan mereka, sila lihat salasilah di akhir cerita ini. Syed Husein Jamaluddin al-Kubra seterusnya belayar ke Tanah Jawa dan selanjutnya ke negeri Bugis dan meninggal dunia di Wajak, Sulawesi Selatan.

Tidak diketahui dengan jelas tempat lahirnya Maulana Malik Ibrahim. Mungkin beliau dilahirkan dan dibesarkan di Cermin atau di Campa. Negeri Cermin ialah Patani Darus-Salam yang

terkenal sebagai 'Negeri Cermin Mekah' dan Campa pada masa itu diperintah oleh Sultan Umdatuddin anak Syed Ali Nurul Alam bin Syed Hussein Jamaluddin al-Kubra. Negeri Cermin diperintah oleh Sultan Baqi Syah, dan Raffles dalam *History of Java* menyebut bahawa Malik Ibrahim seorang Arab, sepupu Raja Cermin. Setelah Malik Ibrahim dilatih sebagai seorang pendakwah, beliau pun dihantar ke Jawa Timur lalu berdakwah di Daerah Leran dan mendirikan masjid di Desa Pesucinan, selain membangunkan pesantren, tempat para santri melanjutkan pengajian Islam.

Setelah dua tahun mengajar di Leran, beliau sedar bahawa satu cara bagi mempercepatkan penyebaran Islam di Jawa ialah jikalau Raja Majapahit, yang beragama Hindu-Buddha itu, dapat diislamkan. Maka dengan sabar dan berhati-hati Malik Ibrahim merancang agar Raja Majapahit dapat dikahwinkan dengan seorang puteri Islam yang jelita lagi kuat imannya. Yang dimaksudkan ialah Puteri Ratna Suari, Puteri Raja Cermin (Patani Darus-Salam) Sultan Baqi Syah yang juga sepupunya. Surat pun diutus kepada Raja Cermin menyatakan rancangan agar Puteri Ratna Suari dibawa ke Jawa untuk disunting oleh Raja Majapahit, dan dengan itu dapat mengislamkan Majapahit dan seterusnya seluruh Jawa. Rancangan ini dipersetujui Raja Cermin. Namun begitu pihak puterinya harus ditanya sama ada sanggup atau tidak diperisterikan kepada orang asing. Puteri Ratna Suari yang jelita itu ditanya pendapatnya oleh baginda sendiri dengan menjelaskan segala-galanya. Puteri akan



Puteri Dunia Melayu

tinggal di negara orang yang berbudaya asing, selain bersuami dengan raja yang tidak dikenalnya dan harus secara halus dan bijak mendekati suaminya itu kepada agama yang baru, iaitu menukarkan anutannya dari agama Hindu-Buddha kepada Islam. Baginda Sultan telah menjelaskan segala tugas dan tanggungjawab yang harus dipikul puterinya. Di samping itu baginda menyatakan bahawa pengorbanan besar puterinya itu akan membawa makna

pengorbanan, maka itulah cinta yang semurni-murni cinta. Demikian cinta anakanda kepada agama Islam. Setulus ikhlas semurni jiwa."

Berlinangan airmata baginda mendengar pengakuan tegas dan penuh yakin lagi tabah daripada Puteri Ratna Suari, lalu baginda bertitah:



*Bendera negeri Kelantan yang tertera gambar harimau yang terjalin di dalamnya ayat:
 Nasru min Allah fat hun qarib wa basyiril-Mu' minin. (as-Saff: 13)*

yang besar kepada usaha dakwah Islamiyah di Nusantara.

Dengan tenang, walau dengan suara yang sebak dan pilu, Puteri Ratna Suari menyatakan:

"Paduka ayahanda, anakanda faham segala yang ayahanda jelaskan serta tanggungjawab yang harus anakanda pikul, namun demi agama Islam yang suci ini yang mesti disebar seluas-luasnya ke seluruh Nusantara... maka anakanda bersedia, melakukan pengorbanan ini. Setiap yang kita cintakan itu, jika mahukan

"Ayahanda sendiri berasa amat berat akan berpisah dengan anakanda, oleh itu ayahanda sendiri akan belayar menemani anakanda ke Tanah Jawa dengan iringan sanak-saudara dan para pendakwah. Semoga Allah (SWT) merestui niat dan amalan kita ini demi agama kita ini."

Dengan iringan kira-kira 40 orang pendakwah, baginda pun bersedia mengharungi lautan dengan perahu yang mengibarkan bendera yang tertulis padanya ayat al-Quran: *Nasru min Allahi wa fat-hun qarib wa basyiril-mukminin* (Maksudnya: Pertolongan



Puteri Dunia Melayu

daripada Allah serta kemenangan yang hampir, dan hebahkanlah kepada kaum Mukmin).

Ada pihak yang menyatakan rombongan itu diketuai oleh Malik Ibrahim sendiri yang berangkat dari Cermin sekitar tahun 1397 [Wan Mohd. Shaghir Abdullah, 1999] dan ikut serta adalah Raja Cermin bersama-sama puteranya, Siddiq Muhammad, dan puterinya Ratna Suari. Beberapa orang saudara sepupu Malik Ibrahim yang turut serta ialah Syed Ja'afar, Syed Qasim dan Syed Khairat. Rombongan muhibah dari Cermin itu mendarat di pelabuhan Jenggolo, Gresik, lalu baginda Raja Cermin dipersila beristirahat di Leran. Sebelum baginda berkunjung ke Majapahit, terlebih dahulu dikirimkan warkah kepada Raja Majapahit (Wikramawardhana alam Hyang Wisesa yang memerintah pada 1389-1427), memberitahu maksud kedatangannya, yakni untuk mengikat tali persahabatan dengan Majapahit. Maka pertemuan pun berlaku di Desa Minggiran, Daerah Krian, Surabaya.

Semasa pertemuan itu, Sultan Baqi Syah pun menyampaikan sebuah cenderamata berupa sebiji buah delima besar kepada Raja Majapahit. Turut bersama-sama Raja Cermin itu ialah Puteri Ratna Suari agar dilihat oleh Raja Majapahit dan terus disuntingnya. Namun, Raja Majapahit rupanya berasa tersinggung dan tidak menghiraukan hadiah itu, kerana bagaimanakah seorang raja dari jauh datang dengan hanya membawa sebiji buah delima, padahal buah itu ada di mana-mana.

Menyedari bahawa hadiah itu mendatangkan ketegangan dan puterinya pun tidak dihiraikan, Raja Cermin pun bermohon pulang ke Gresik. Setelah tamunya pulang, Raja Majapahit memerintahkan agar buah delima pemberian Raja Cermin dibelah. Alangkah terperanjatnya Sang Raja ketika dilihatnya kandungan buah delima itu. Di dalamnya tidak ada langsung isi delima tetapi intan permata yang kilau-kilauan gemerlapan. Barulah Raja Majapahit itu sedar bahawa Raja Cermin itu bukan sembarang orang, tetapi orang yang benar-benar luar biasa dan sakti.

Titeliti baginda akan kulit luar delima itu pun tiada cacat-celanya bahkan tiada kelihatan berlubang dan tiada goresan meskipun sekecil lubang jarum. Maka amatlah menyesal Raja Majapahit itu

atas sikapnya yang kurang menghargai Raja Cermin, tetamunya itu. Maka Raja Majapahit mengutus Maulana Maghfur (anak Malik Ibrahim yang sedia tinggal di Majapahit) agar cepat menyusul Raja Cermin dan memohon agar baginda kembali ke Majapahit.

Dalam masa itu seribanya di Leran, Sultan Baqi Syah diliputi rasa sedih dan kecewa kerana gagal membuat hubungan diplomasi dengan Raja Majapahit, apatah lagi usaha untuk menjodohkan Puteri Ratna Suari dengan Raja Majapahit tidak berhasil dan tentunya harapan untuk mengislamkan Sang Raja juga jauh sekali. Niat Sang Sultan tiada lain selain kembali ke Cermin. Apabila Maulana Maghfur menyatakan permintaan daripada Raja Majapahit itu, Raja Cermin sudah tawar hati dan terus menolak permintaan Raja Majapahit itu.

Setelah beberapa hari di Leran, wabak penyakit pun menyerang Daerah Leran lalu membawa banyak korban. Ramai penduduk meninggal dunia. Puteri Ratna Suari, Puteri Raja Cermin yang hendak dijodohkan kepada Raja Majapahit yang enggan memeluk agama Islam, turut diserang penyakit yang cepat menular itu. Pesan puteri itu kepada ayahandanya:

"Paduka ayahanda, nampaknya hayat anakanda tidaklah lama kerana wabak ini akan membawa ajal anakanda bersamanya. Walaupun usaha kita ini menemui kegagalan pada awalnya dan ayahanda bersedih kerana itu, janganlah ayahanda berputus asa. Biarlah anakanda terkubur di Tanah Jawa ini... Ya Allah yang Maha Berkuasa, hendaklah wabak ini mengambil daku dan Kau gantikan dengan wabak agama-Mu yang suci agar ia menular ke seluruh Tanah Jawa ini. Ayahanda dan paman, usahlah berdukacita, *Nasrum-minallah wa fat-hun qarib wa basyysiril mukmin. Allahu Akbar. Asy-hadu ala ilaha ilah wa asy-hadu an-na Muhammadur-Rasulullah.....*"


Puteri Ratna Suari dikuburkan di Leran, dan ditandai dengan candra sangkala: Puteri Rusung Nawang Wulan: 1331 yakni tahun Saka, atau 1389 Masehi. [Tidak jelas bila Puteri Ratna Suari sampai ke Jawa. Menurut J. Wolbers pada tanggal 1391 M, manakala J.A.B. Wiselius menyatakan pada tanggal 1399 M, dan



Puteri Dunia Melayu

menurut Umar Hasyim (1981:27) pada tanggal 1381 M dan seterusnya Puteri itu meninggal dunia pada 1389 M. Umar Hasyim juga menyebut Raja Cermin itu sebagai Sultan Kedah bergelar Sultan Mahmud Syah Alam dan nama lain bagi Puteri itu, Puteri Dewi Sari.]

Sekembalinya Raja Cermin, Maulana Malik Ibrahim terus menyiarkan agama Islam di Daerah Leran dan sekitarnya. Akhirnya beliau menetap di Gresik hingga kembali kerahmatullah pada tahun 1419 dan dimakamkan di Gresik jua. Beliau inilah Wali Songo yang pertama dan dikenali sebagai Sunan Gresik.



*Pucuk pauh delima batu,
Anak sembilang di tapak tangan;
Sungguh jauh di negeri satu,
Hilang di mata di hati jangan.*



Ratu Tamanurunga

RATU PERTAMA SATU BANGSA GAGAH PERKASA

Agak menghairankan juga bahawa raja pertama di daerah Gowa, kini termasuk Sulawesi Selatan negeri kaum Bugis yang terkenal gagah berani itu adalah seorang ratu, seorang raja perempuan yang bergelar Tamanurunga ri Gowa atau Raja pertama Gowa.

Tamanurunga dipercayai oleh rakyat tempatan bahawa puteri itu turun dari kayangan dan namanya pun bererti 'yang turun dari kayangan'. Konon, sang puteri turun ke suatu tempat yang disebut Taka'basia dan dijumpai penduduk di dalam sebuah gua di Taka'basia. Berdasarkan peninggalan dal (tulisan pada daun-daun lontar) bahawa puteri Tamanurunga itulah ratu pertama di Gowa, maka digelar Tamanurunga ri Gowa. Ada pendapat menyatakan gelaran itu diberi oleh pemimpin suku di situ kerana Ratu Tamanurunga dijumpai di dalam gua, yang dalam bahasa Bugis disebut Gowasi.

Walaupun Ratu Tamanurunga ini bukan seorang Muslimat, namun telah melahirkan para raja dan sultan yang gagah berani hingga pada satu masa turut menggegarkan Dunia Melayu dan mengubah aliran sejarah, selain menjadi penentang kuasa Barat yang gigih. Menurut ahli sejarah, Islam mulai masuk ke Gowa dengan Islamnya Raja Gowa yang ke-14 iaitu I Manga'ranggi Daeng Manra'bia, yang setelah memeluk agama Islam bergelar Sultan Abdullah Awalul-Islam. Orang Arab lebih mengenali baginda dengan gelaran

Sultan Alauddin. Setelah baginda mangkat maka digelar Tumenanga ri Gaukana yang bererti: Yang mangkat ketika bertakhta. Manakala pendapat lain pula menyebut gelaran baginda setelah mangkat sebagai Sultan Alauddin Tumananga ri Agama. Dan Sultan Alauddin ini telah diislamkan, bukan oleh pendakwah, tetapi oleh Mangkubumi I Mallingsang Daeng Nyami Karaeng Katangka. Dialah orang pertama Bugis-Makasar yang memeluk agama Islam, dan dialah yang besar jasanya kerana mengislamkan rajanya sendiri.

Ketika Sultan Alauddin berusia tujuh tahun, baginda telah dilantik menjadi raja dengan gelaran I Manga'ranggi Daeng Manra'bia. Oleh sebab umurnya masih muda maka pentadbiran negara dijalankan oleh Mangkubumi I Mallingsang Daeng Nyami Karaeng Katangka, juga terkenal sebagai Karaeng Matowaiya, sebagai Perdana Menteri Kerajaan Gowa. Ketika memegang jawatan itulah Mangkubumi Karaeng Matowaiya dapat mempengaruhinya lalu mengislamkan Raja I Manga'ranggi. Selain itu mudah baginya kerana beliau adalah saudara kandung ibu suri Raja I Manga'ranggi, yang bernama Samho Daeng Niasseng.

Dengan Islamnya Raja I Manga'ranggi maka terdirilah sebuah masjid, Masjid Jami'Hatangka di Gowa yang besar kemungkinan dibina atas arahan Sultan Alauddin atau dinasihati oleh Mangkubumi. Sultan Alauddin adalah raja yang bertuah kerana baginda diangkat dalam usia yang begitu muda bagi menggantikan



Puteri Dunia Melayu

saudaranya yang bernama I Tepu Karaeng Daeng Parahbung, Raja Gowa yang ke-13 yang dipaksa turun takhta pada usia 15 tahun kerana tingkah lakunya tidak disenangi rakyat jelata. Jadi naiklah seorang raja yang lebih sopan santun untuk menerima hidayah dan

yang cantik jelita maka anak raja Makasar ini belayar mengharung lautan di seluruh Nusantara mencarinya. Ikutilah kisahnya seperti yang tercatat di dalam *Sejarah Melayu*.



Mahkota Kerajaan Gowa

nur Islam, seterusnya melangsungkan keturunan beragama Islam yang kuat.

Di sini diperturunkan kisah seorang pahlawan dan pelaut dari Makasar yang ada hubungan dengan Kerajaan Melayu Melaka pada abad ke-15, iaitu cerita Karaeng Samarluka (yang disebut 'Semerluki' di dalam *Sejarah Melayu*). Kisah Karaeng Samarluka ini amat menarik kerana disebabkan mengidamkan seorang puteri

Kata sahibul-hikayat, maka tersebutlah perkataan ada sebuah negeri di tanah Mengkasar [Makasar], Balulii namanya, nama rajanya Karaeng Mancokok, terlalu besar kerajaannya, segala negeri di tanah Makasar itu semuanya takluk kepadanya. Maka ia beristerikan anak Karaeng Ditandring Jokanak tujuh bersaudara, ketujuhnya diperisterinya oleh baginda itu, tetapi puteri yang bongsu itu terlalu amat baik parasnya. Dan puteri yang tua sekali beranak laki-laki, maka dinamai oleh ayahnya Semerluki



*Pakaian wanita Sulawesi Selatan.
Sketsa pensel oleh Wan*



[Karaeng Samarluka]. Beberapa lamanya Samarluka pun besarlah, terlalu berani lagi perkara tiada berbagai [berbanding] di dalam tanah Makasar itu.

Maka pada suatu hari Samarluka masuk mengadap ibunya, maka ia terpdang pada emak bongsunya, maka Samarluka itu pun hendak akan emak bongsunya itu, maka tiada diberi oleh Karaeng Mancokok, katanya:

“Bagaimana engkau hendak akan puteri bongsu itu kerana ia emak saudaramu lagi pun ia isteriku? Jikalau engkau hendak beristeri baik paras, pergilah engkau merompak ke Hujung Tanah, mencari perempuan yang serupa emak saudaramu itu.”

Maka Samarluka pun berlekap 200 banyaknya kelengkapan, pelbagai rupa perahunya. Telah sudah lengkap, maka Samarluka pun pergilah, kasadnya [hasratnya] hendak mengalahkan segala negeri di bawah angin itu. Pertama, ia pergi ke Jawa; banyak jajahan Jawa dirosakkannya. Maka di situ tiada berani orang mengeluari [menghalau] dia. Maka Samarluka lalu ke Siam, banyak dialahkannya rantau Siam; itu pun tiada orang mengeluari dia. Maka lalu ia ke laut Hujung Tanah, dirosakkannya segala teluk rantau Melaka. Maka dipersembahkan orang kepada Sultan Mansur Syah: ‘Bahawa segala jajahan duli tuanku banyak binasa oleh raja Makasar yang bernama Samarluka.’ Maka baginda menitahkan Laksamana [Hang Tuah] memayari [meronda]

Samarluka, maka Laksamana keluar dengan kelengkapan. Maka Samarluka datang ke laut Melaka, telah bertemu kelengkapan Melaka dengan Samarluka, lalu berperang berlanggar-langgaran; rupa panah dan sumpitan seperti hujan. Maka banyaklah kelengkapan Makasar rosak oleh kelengkapan Melaka. Maka perahu Laksamana bertemu dengan perahu Samarluka, maka oleh Samarluka disuruhnya campaki sauh terbang perahu Laksamana, kena, lalu lekat; maka disuruhnya putar; maka segera disuruh tetas oleh Laksamana. Maka kelengkapan Samarluka banyak alah oleh kelengkapan Laksamana, tetapi orang Melaka banyak mati oleh sumpitan, kerana masa itu orang Melaka belum lagi tahu akan tawar ipuh.

Setelah mengalami kekalahan di tangan Laksamana Hang Tuah di Selat Melaka, angkatan Karaeng Samarluka terus ke Pasai, dan di sana pun ditentang dengan gigih oleh Orang kaya Raja Kenayan, lalu beliau pun berundur. Dalam pengembarannya di Pulau Andalas (Sumatera), Karaeng Samarluka bertemu dengan seorang penyebar agama Islam yang bernama Abdul Ma'mur Khatib Tunggal, bergelar Dato'ri Bandang, berasal dari Kota Tengah di Sumatera Barat. Atas bimbingan Dato'ri Bandang, Karaeng Samarluka akhirnya memeluk agama Islam.

Demikian kisah seorang pahlawan gagah dari Makasar yang ingin mencari sesuatu yang cantik, akhirnya mendapati sesuatu yang lebih cantik dan murni iaitu cahaya Islam.



Puteri Lindungan Bulan

ANGKARA AYAHANDA PUTERI BINASA

Kota Siputih (dulu dipanggil Pulau Segembak Serai) tempat berlakunya cerita yang menyayat hati lagi penuh misteri ini, telah dibina oleh adinda baginda Tengku Ahmad pada tahun 1282 sebagai kubu pertahanan di sebelah utara, dalam zaman pemerintahan Sultan Kedah kelima, Sultan Mahmud Syah I (1280–1321). Setelah siap maka diserahkan kepada Dato' Seraya Wang. Pada masa itu Sultan Kedah bersemayam di Kota Sungai Emas, Kuala Muda. Kota Siputih hanya menjadi tempat persemayaman diraja pada tahun 1323 apabila Sultan Ibrahim Syah (1321–1373) berpindah ke sana, maka jadilah Kota Siputih ibu negeri Kedah.

Pada zaman Sultan Sulaiman Syah II (1602–1625) Sultan Kedah ke 12, baginda telah beristerikan Cik Ratnamala dan beroleh dua orang putera-puteri: Tengku Rijaluddin dan Tengku Sofiah. Seorang lagi isteri baginda, diketahui sebagai Puteri Siputih saja, mendapat dua orang puteri kembar. Seorang bernama Tengku Zulaikha (Zaleha) dan seorang lagi Tengku Mariyam. Kedua-dua puteri itu cantik jelita dan amat memikat hati sesiapa yang memandang akan mereka. Ketika bulan mengambang penuh, mereka berdua sering bermain-main di kawasan antara Padang Pelimau dan Padang Rumpit Beluli. Kononnya oleh sebab kecantikan puteri-puteri itu sehinggalah bulan purnama pun malu menunjukkan wajahnya walaupun ada awan tebal dan pohon-pohon tiada melindungi namun cahaya bulan tidak menyulahi puteri-puteri itu.

Oleh hal yang demikian maka seorang daripadanya digelar Puteri Lindungan Bulan (Tengku Zulaikha), manakala seorang lagi Puteri Bintang Kejora (Tengku Mariyam). Maka tersebar luaslah peri kejelitaan dan kesopanan kedua-dua puteri itu ke seluruh negeri Kedah lantas ke seluruh Alam Melayu termasuk negeri Aceh Darus-Salam.

Walaupun kedua-dua puteri itu kembar dengan wajah yang serupa namun baginda Sultan Sulaiman Syah lebih menyayangi Puteri Lindungan Bulan daripada Puteri Bintang Kejora oleh sebab kebijaksanaan puteri itu. Sebagai puteri pingitan amat sukar melihat mereka di luar istana. Ini menurut tradisi tatasusila peribadi gadis-gadis Melayu zaman silam yang memelihara kehormatan mereka dengan baik.

Pada satu hari, datanglah Nakhoda Lamun dari Inderagiri ke Kedah lalu memberitahu bahawa Aceh ingin menyerang Kedah. Tatkala didengar Panglima Tuk Langgar Ipoh, beliau terus bertempik:

“Bahaya jangan dicari tapi rezeki harus dipukat. Berpantang maut sebelum ajal. Jika hubungan kita dengan Aceh akan putus, biar putus sekali.”

Namun Dato' Seraya Imam, Syarif Aznan, Mufti Kedah menganjurkan agar Kota Siputih menyambut angkatan Aceh dengan baik, dan sekiranya layanan baik yang bakal diberi tidak diterima dengan baik barulah dilancarkan perang. Syor ini



dipersetujui Sultan Sulaiman maka dikerah segala pegawai dan rakyat jelata agar bersiap sedia perhianan persambutan namun dalam masa itu harus bersiap sedia untuk berperang.

Pada masa itu Raja Aceh, Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (1607-1636) telah pun menakluk sebahagian besar wilayah di pulau

menyebabkan Raja Aceh berubah fikirannya dan tidak jadi menyerang Kota Seputih. Raja Aceh itu pun diiringi oleh Tengku Rijaluddin dengan kenaikan Tentayu Emas belayar ke Kuala Sanglang. Di sana Raja Aceh disambut oleh Raja Bendahara Seri Paduka Maharaja Sura lalu mengenderai gajah berangkat menuju Kota Siputih dan ketika sampai di Pintu Gerbang Kota Siputih



Makam Puteri Lindungan Bulan di Seputih, Kedah

Sumatera dan di Semenanjung telah menakluk Johor (1613), Pahang (1618) dan Perak (1620). Kini nampaknya Kedah pun akan melalui nasib yang sama. Pada tahun 1624 sampailah angkatan Aceh di Pulau Panjang lalu disambut oleh Tengku Rijaluddin putera Sultan, dengan penuh hormat dan mesra yang

disambut oleh Seri Paduka Maha Menteri dan Temenggung Seri Maharaja Anggota Desa. Akhirnya rombongan itu disambut oleh Dato' Bentara Wang Seri tatkala sampai di Balai Penghadapan lalu dibawa menghadap Sultan Sulaiman sebelum menghadiri Santapan Diraja.

Semasa Raja Aceh santap bersama-sama Sultan Sulaiman, datanglah seorang dayang beretel seraya menyembah: "Ampun Tuanku, puteri Tengku Zulaikha terluka jarinya. Darahnya putih. Ampun Tuanku."

Sultan Sulaiman pura-pura tidak mengambil berat tentang hal itu (kerana baginda sudah pun tahu hal itu) lalu menyuruh dayang itu beredar. Tetapi bagi Sultan Iskandar Muda puteri yang luar biasa itu sebaik-baiknya dimiliki baginda.

Semasa di Kota Siputih, Raja Aceh itu dilayan dengan baik: disediakan sebuah istana, dibawa berburu rusa di Padang Jangam serta dipersembahkan pelbagai majlis budaya tempatan. Sampai pada ketika yang baik Raja Aceh serta angkatannya pun kembali ke Aceh. Tiada berapa lama kemudian datanglah ke Siputih utusan peminangan daripada Raja Aceh bagi menyunting 'puteri yang berdarah putih' untuk puteranya Raja Muda Aceh. Peminangan itu diterima oleh Sultan Sulaiman, cuma Tengku

Zulaikha tidak diserahkan tetapi Tengku Mariyam menjadi penggantinya. Hal sedemikian tidak diperetujui Permaisuri Siputih bahkan kedua-dua puteri itu pun tidak menyetujui tindakan ayahanda mereka kerana itu merupakan satu penipuan yang buruk padahnya jika diketahui oleh Aceh. Namun Sultan Sulaiman tidak berganjak daripada ketetapan baginda maka yang membantah terpaksa mengalah kerana setia dengan keputusan raja. Akhirnya Tengku Mariyam dihantar ke Aceh dengan pesanan bahawa puteri itu tidak melakukan sebarang kerja yang menggunakan sebarang alat tajam.

Bagaimanapun, rahsia yang cuba diselindungi itu akhirnya tersingkap juga. Jari jemari Puteri Mariyam entah macam mana semasa mengacip pinang terkacip sedikit jari manisnya. Darah yang kelihatan warnanya merah. Sultan Iskandar Muda pun diberitahu maka murkalah baginda lalu merancang untuk membalas dendam. Oleh sebab malunya keluarga diraja Aceh kerana penipuan itu maka datanglah angkatan Aceh menyerang



Makam Puteri Lindungan Bulan di Seputih, Kedah



Puteri Dunia Melayu

Kota Siputih tetapi serangan itu gagal lalu dikepunglah oleh Aceh. Setelah lama dikepung maka pihak bertahan menanggung kesusahan seperti kekurangan makanan dan penyakit. Tahulah Sultan Sulaiman bahawa kota itu tidak dapat bertahan lama maka pada satu malam bulan terang Baginda serta Permaisuri dan Puteri Zulaikha pergi ke pinggir sebuah tanah tinggi dalam kota itu. Tempat itu sukar dikesan disebabkan hutan tebal. Di situ tersedia sebuah gua kecil. Ke dalam gua itu Puteri Lindungan Bulan disuruh tinggal hingga berakhirnya kepungan Aceh. Baginda sendiri menutup mulut gua itu agar tidak dapat dikesan, lalu baginda menyeru kepada bulan yang terang benderang itu:

“Wahai Sang Bulan, jauhilah sinaranmu daripada menyulahi makam anakku, Puteri Zulaikha!”

Setelah itu baginda berdua kembali ke istana dengan penuh kesedihan. Tidak lama kemudian Kota Siputih yang dikepung itu dapat dirempuh masuk oleh tentera Aceh dan dengan mudah Siputih pun alah dan kotanya dibakar. Sultan Sulaiman serta Permaisurinya yang cuba melepaskan diri dapat ditangkap, namun Puteri Zulaikha tidak dijumpai. Walaupun seluruh tentera Aceh dikerah mencarinya namun tidak dapat dikesan. Sultan Sulaiman dibawa ke Aceh sebagai tawanan dan disiksa namun baginda membusu seribu bahasa tentang kediaman Puteri Lindungan Bulan. Sultan Sulaiman Syah II mangkat di Aceh pada bulan Jamadil-akhir 1035 H. Putera baginda, Tengku Rijaluddin ditabalkan sebagai Sultan Kedah ke 13 bergelar Sultan Rijaluddin Muhammad Syah (1625–1651).

Makam Puteri Lindungan Bulan itu terletak di bawah naungan pohon-pohon kayu, di antaranya pokok lokcan yang benihnya didatangkan dari Aceh. Anehnya, hanya pokok lokcan yang di makam Siputih sahaja berbuah dan sedap dimakan. Makam itu pernah dipagar dengan kawat duri tetapi kononnya penduduk di situ pernah mendengar suara merayu agar dia (Puteri Lindungan Bulan) tidak dikurung lagi. Baginda mahu bebas seperti manusia biasa dan tidak lagi mengalami penderitaan selama ini.

Syair Puteri Lindungan Bulan
Indah nian puteri pingitan,
Wajah menarik cantik rupawan,
Tiada tolok tiada bandingan,
Siapa memandang terus tertawan.

Susuk tubuhnya rendah rembunai,
Mengatur langkah lemah-gemalai,
Rambut ke pinggang mayang mengurai,
Memikat jiwa iman berderai.

Mata berkilau bintang kejora,
Alisnya lentik panah asmara,
Hidungnya mancung elok bentuknya,
Sirih nan bujur seri wajahnya.

Bibir nan manis menguntum senyum,
Gigi bersinar mutiara tersusun,
Jelingan manja hati teruntun,
Namun perilaku bersopan santun.

Tidak disangka takdir beralih,
Puteri nan suci lagi pun salah,
Rupa-rupanya berdarah putih,
Akan membawa padah nan pedih.

Kota Siputih dilanda bencana,
Kerana niat yang tidak sempurna,
Raja pun mangkat negeri pun fana,
Puteri seorang tidak ketara.

Hendak dicari di hari rembang,
Turunlah hujan sinar pun hilang,
Hendak dicari di malam terang,
Datanglah kabus tinggallah bayang.

Namun sang puteri bersiar di taman,
Haiwan di rimba menjadi teman,
Dipupuk bayu dinaungi awan,
Itulah Puteri Lindungan Bulan.



Tengku Safura Negara

CITA-CITA YANG TIDAK DIRESTU TAKDIR

Pepatah Melayu menyatakan: Pucuk dicita ulam mendatang. Namun ada kalanya pucuk dicita, pucuk terus layu. Inilah kisah seorang puteri yang amat tinggi cita-citanya.

Sultan Dhiauddin Mukarram Syah I (1661-1688) Sultan Kedah pada masa itu bersemayam di Kota Sena. Baginda mempunyai seorang puteri dengan isterinya Wan Jinnga yang bergelar Paduka Bonda, anak Datuk Seri Paduka Tuan. Nama puteri baginda itu ialah Tengku Safura Negara dan sudah berumur enam belas tahun. Kejelitaan rupa paras Tengku Safura Negara pun tersebar luas ke seluruh Dunia Melayu, hingga kedengaran sampai ke Makasar.

Dalam pada itu, pada tahun 1664, baginda Sultan Kedah bertitah agar para menteri serta rakyat pergi membangunkan sebuah kota di daerah bernama Wai (sekarang mukim Kuala Perlis). Kota serta istana yang lengkap itu diberi nama Kota Indera Kayang. Pada hari yang baik, baginda dengan segala isi istana berangkat dari Kota Sena pergi bersemayam di Kota Indera Kayang yang baru dibina itu, dan Kota Sena yang tinggal itu diserahkan kepada Datuk Biram Pahlawan serta Datuk Jugar Alam untuk mentadbirnya. Pada satu hari

baginda bertitah kepada Datuk Seri Maharaja Putera Dewa:

"Bangunkan seluruh kota di Bukit Pinang dan lengkapkan ia dengan istana serta Balai Penghadapan. Hasrat beta agar ramai orang datang mendiami Bukit Pinang itu."



Datuk Seri Maharaja pun membangunkan kota, istana serta kampung-kampung untuk rakyat tinggal di situ. Terusan juga digali dari Kayang terus ke Sungai Besar Kampung Enok Madi untuk memudahkan orang yang membendung menggunakan air. Dalam pada masa itu dititahkan Tan Jaya Indera yang mengurus segala gajah diraja agar menjemput Raja Muda di Kota Naga dan Raja Bendahara di Kota Rentang datang ke Kota Indera Kayang. Raja Muda pun berangkat pergi; begitu juga Raja Bendahara serta puteranya, Tengku Sulaiman berangkat pergi. Setelah berhimpun maka Sultan Dhiauddin pun mengangkat Tengku Sulaiman menjadi Raja Temenggung kerana beliau berani dan tahu perihal peperangan. Maka digelar Tengku Paduka Maharaja Temenggung Anggota Desa.

Adapun Sultan Dhiauddin mempunyai seorang isteri yang muda tinggal di istana Bukit Pinang yang bernama Cik Sepa Cendera.




Maka berulang-aliklah baginda di antara dua buah kota itu. Selama empat puluh hari baginda di Bukit Pinang dan empat puluh hari di Indera Kayang. Baginda berulang-alik mengikut terusan yang dikorek itu.

Tengku Safura Negara pula dipinang oleh Raja Bugis dari Makasar, hendak dikahwinkan dengan puteranya yang bernama Raja Juang Tawa. Setelah bermuafakat maka pinangan Raja Bugis itu diterima oleh Sultan Dhiauddin. Apabila sampai masa yang dijanjikan maka angkatan Raja Juang Tawa pun sampailah di Kota Indera Kayang diiringi ayahanda saudaranya bernama Raja Pacok Ali bersama-sama empat orang menteri serta peralatan yang cukup. Pada hari dan ketika yang baik maka perkahwinan antara Tuan Puteri Tengku Safura Negara, puteri Kedah dan Raja Juang Tawa, putera Raja Bugis pun dilangsungkan. Setelah itu ayahanda saudara Raja Juang Tawa pun memohon pulang dan kedua mempelai itu tinggallah di Kota Indera Kayang. Setelah empat belas bulan berkahwin itu Raja Juang Tawa beroleh seorang putera dengan isterinya Tengku Safura Negara. Sultan Dhiauddin menamakan cucunda baginda itu Tunku Ngah Putera. Pada masa Tengku Ngah Putera berusia 17 bulan, ayahandanya Raja Juang Tawa pun mangkat lalu dimakamkan di Langgar [makam] Kota Indera Kayang. Datuk Biram Jaya dititah menyampaikan surat berita kemangkatan itu ke Makasar. Tidak lama selepas itu, Raja Menehara dan Raja Muda pula mangkat.

Tengku Paduka Mahkota Temenggung (Tengku Sulaiman) pula membina sebuah kota di Kubang Pasu dan diberi nama Kota Giam. Dalam pada itu Sultan Dhiauddin beroleh seorang putera dengan isterinya di Bukit Pinang yang bernama Cik Sepa Cendera. Baginda menamakan paduka anakanda baginda itu Tengku Ata'ullah.

Dikatakan dalam tahun 1674, angkatan perang Siam datang ke Kedah dengan niat hendak memaksa Kedah menghantar bunga emas kepada Siam, kerana Kedah sudah lama tidak menghantarnya. Hal demikian membangkitkan semangat orang Kedah kerana selain terdesak dengan kepungan orang Belanda (sejak Sultan Dhiauddin memerintah) orang Kedah tidak dapat berniaga dengan sepenuhnya dan oleh itu kurangnya pendapatan sehingga tergendalalah pembuatan bunga emas dan perak itu. Oleh kerana



Tengku Safura Negara yang jelita ini berbandan dengan kebaya warna samar, warna yang banyak dipakai di Kedah dan Terengganu. Selendangnya dari kelengkapan yang dihasilkan daripada kemahiran tukang-tukang sulam yang tinggal di bawah naungan Paduka Sultan.

Foto: Jilid 7, Muzium Melayu dan Perkhidmatan



keadaan tertekan itu, orang Kedah dapat mengalahkan angkatan Siam dan menghalaunya dari perairan Kedah.

Setelah mangkatnya suami Tengku Safura Negara, maka Tengku Paduka Maharaja Temenggung pun bermuafakat dengan segala menteri dan anak raja-raja hendak menabalkan Tengku Ata'ullah menjadi bakal Sultan. Ini kerana para pembesar bimbang akan Tengku Ngah Putera, iaitu cucunda baginda akan dijadikan bakal Sultan. Mereka syak baginda akan memilih putera kepada anak sulungnya, Tengku Safura Negara menggantikan baginda. Mereka bimbang kerana takut keturunan Sultan Dhiauddin putus, dan tidak mahu seorang putera dari raja asing naik takhta kerajaan Kedah.

Perkara ini menarik perhatian kerana hal yang sedemikian dibuat setelah mangkatnya Raja Juang Tawa. Ini bermakna anak raja Bugis itu memang kuat pengaruhnya dan besar kemungkinan mengangkat isterinya, Tengku Safura Negara, menjadi raja apabila Sultan Dhiauddin mangkat. Bahkan nama puteri itu, Tengku Safura Negara, menunjukkan beliau dianggap berhak memerintah kerana bukan sahaja beliau anak raja yang sulung bahkan nama 'Negara' itu sudah meandulatkan beliau ke takhta kerajaan. Tetapi dengan kematian suaminya yang menjadi penyokong kuatnya selama ini maka harapan puteri itu jatuh kepada puteranya, Tengku Ngah Putera.

Hal demikian dapat dibaca oleh Tengku Paduka Maharaja Temenggung yang tidak mahu 'orang luar' mewarisi takhta Kedah, maka serta merta mencadangkan para pembesar menabalkan Tengku Ata'ullah putera Sultan Dhiauddin dengan Cik Sepa Cendara. Kata Tengku Temenggung:

"Pada fikiran hamba tiadalah elok kalau kita maklumkan ke bawah Duli Yang Dipertuan bahawa kita hendak tabalkan puteranya Tunku Ata'ullah takut-takut baginda akan menegah. Apakala tertegah, tiadalah sampai maksud kita, kerana baginda itu sangat kasih akan cucunda Tengku Ngah Putera. Jika kita membuat juga yang demikian, menjadi derhakah kita ke Bawah Duli Yang Dipertuan, kerana sudah menegah kita membuatnya."

Tanya seorang menteri:

"Jadi, Tengku Temenggung, apa harus kita buat?"

Sahut Tengku Temenggung: "Pada fikiran hamba lebih baik kita tabalkan Tunku Ata'ullah dahulu menjadi bakal sultan. Setelah itu barulah kita muafakat pergi maklumkan ke Bawah Duli Baginda bahawa putera yang kita tabalkan itu adalah putera baginda sendiri."

Segala pembesar pun akur dengan ketetapan Tengku Temenggung itu lalu Datuk Seri Paduka Maha Menteri dan Datuk Seri Paduka Raja Laksamana dan Datuk Seri Maharaja Putera Dewa dan Menteri Delapan pun bersiap segala peralatan. Setelah genap 40 hari setelah hari penabalan itu, Tengku Temenggung dengan para pembesar pun berangkat ke Kota Indera Kayang menghadap Sultan Dhiauddin, menyembah bahawa Tengku Ata'ullah telah ditabalkan sebagai bakal sultan.

Apabila baginda mendengar sembah para pembesar itu baginda berdiam sahaja tiada berkata apa-apa tentang hal itu. Kemudian baginda bertitah tentang hal-hal lain. Selang tujuh hari baginda berangkat ke Kota Pinang dan Tengku Temenggung kembali ke Kota Giam. Nyata para pembesar Kedah telah membuat suatu keputusan tanpa persetujuan baginda dan baginda tidak dapat membatalkan penabalan itu kerana disepakati orang kuat negeri iaitu Tengku Temenggung dan para menterinya. Hal demikian juga menunjukkan baginda ini raja yang lemah dan menurut sahaja ketetapan para pembesarnya.

Penabalan Tengku Ata'ullah menyebabkan Tengku Ngah Putera marah dan menaruh dendam terhadap Tengku Ata'ullah. Tentu sekali pada masa itu Tengku Ngah Putera baru remaja, jadi yang menjadi dalang pemikirannya tentu sahaja bondanya Tengku Safura Negara dan saki-baki pengikut ayahanda beliau yang berada di Kedah.

"Tuanlah yang sepatutnya menjadi Sultan kerana tuan anak kepada anak sulung Sultan yang ada, bukan Tengku Ata'ullah anak kepada isteri muda baginda itu," kata orang Bugis yang di Kedah. "Marilah kita balik ke Makasar dan mendapat bantuan agar takhta ini menjadi milik tuan."

Maka apabila ditanya pendapat bondanya maka sahut Tengku Safura Negara:





"Dulu semasa ayahanda masih hidup dapat juga bonda memangku tuan sebelum tuan ditabalkan; tetapi apakah daya ayahanda sudah tiada, maka tuan sendirilah berusaha merampas takhta yang memang hak milik tuan. Baliklah ke negeri ayahanda tuan dan dapatkan bantuan."

Tengku Ngah Putera pun mengadap nindanya di Kota Indera Kayang memohon pulang ke Makasar, lalu dibenarkan. Dua orang menteri, Datuk Nila Pahlawan dan Datuk Johan Pahlawan, dititah mengiring beliau pulang ke Makasar dengan melayari dua buah penjajap. Setelah sampai di Makasar, Tengku Ngah Putera terus mengadap nindanya. Beberapa hari kemudian dua orang menteri Kedah itu pun dibenarkan pulang ke Kedah, beserta sepucuk surat kepada Sultan Kedah menyatakan beliau ingin tinggal di Makasar setahun dua sebelum balik ke Kedah. Setelah itu barulah Tengku Ngah Putera menyatakan perkara yang berlaku di Kedah dan memohon bantuan, maka bersiaplah orang Bugis dengan segala angkatan dan peralatan perang. Angkatan Bugis itu dipimpin oleh seorang panglima yang luas pengalamannya iaitu Raja Tagok Kurnam. Setelah siap pada tahun 1687, belayarlah angkatan Bugis itu menuju Tanah Melayu dan melalui Selat Melaka terus ke Kedah.

Apabila sampai berita kedatangan angkatan Bugis itu maka Datuk Seri Paduka Raja Laksamana dititah melakukan penangkisan di laut, dan Tengku Paduka Maharaja Temenggung bersedia dengan pertahanan darat. Orang Bugis menyerang ikut Sungai Merbok lalu disekat oleh Datuk Laksamana serta hulubalang dari Pulau

Langkawi dan panglima Kuala Bara. Perang itu sengit sekali dan banyak mati kedua-dua belah pihak. Setelah dua bulan bertempur, orang Bugis menghentikan serangan kerana kematian ketua panglimanya, Raja Tagok Kurnam. Dengan kehilangan ketua angkatan perang mereka orang Bugis menjadi tawar hati, lalu berundur. Mereka berundur ke tepi laut Benuas (Perak), kemudian ke Kelang (Selangor), dan seterusnya ke Jeram (Selangor). Walaupun Tengku Ngah Putera meminta bantuan daripada nindanya namun tiada bantuan diberi maka orang Bugis yang tiada balik bermastautin terus di tempat-tempat tadi. Di Jeram, Tengku Ngah Putera beristeri di sana dan mendapat dua orang putera. Pada tahun 1688, Sultan Dhiauddin diangkat dan diganti oleh putera baginda yang telah ditabal iaitu Tengku Ata'ullah, bergelar Sultan Ata'ullah Muhammad Syah II (1688 – 1698) bersemayam di Kota Bukit Pinang.

Nampaknya takdir tidak menyebelahi Tengku Puteri Safura Negara walaupun mendapat sokongan suami yang gagah berani dari Makasar serta putera yang gagah dan gigih membuat persediaan di Makasar tetapi gagal pada saat-saat akan berjaya menjejak takhta kerajaan Kedah yang diimpikan bondanya sejak dari dulu lagi.

Kita tidak tahu apakah yang berlaku kepada Tengku Safura Negara, tentunya kegagalan puteranya meremuk-redamkan cita-citanya hendak merasa secebis kuasa jika puteranya menjadi raja. Lebih daripada itu, tentulah rasa terpuik hebat kerana putera madu baginda iaitu Tengku Ata'ullah putera Cik Sepa Cendera yang ditabal menjadi Sultan Kedah.

*Limau manis dimakan manis,
Manis sekali rasa isinya;
Dilihat manis dipandang manis,
Manis sekali hati budinya.*





Puteri Pitaloka

DISEBABKAN PUTERI PANGKAT TERKORBAN



ajah Mada, seorang negarawan dan strategis tentera yang ulung di Majapahit, memiliki pandangan politik yang luas serta kemahiran militer yang tinggi untuk menjadi Patih Amangkubhumi.

Maka melalui jasa baktinya serta taat-setianya kepada keluarga diraja, beliau peringkat demi peringkat sampai ke tahap jawatan Patih Amangkubhumi. *Nagara-kretagama* menyebut Gajah Mada seperti yang berikut:

Gajah Mada tinggal di timur laut istana diraja. Beliau lah tangan kanan dan pelindung raja, dan sebagai Patih beliau mentadbirkan negara. Beliau sentiasa setia kepada raja dan memiliki sifat-sifat yang baik: bertutur dengan fasih, jujur, bijaksana, diri terkawal, cergas dan cepat membuat keputusan.

Dalam lagu XVIII/2 dikatakan Gajah Mada seorang Menteri yang tertinggi pangkatnya di Majapahit dan penyokong istana yang dihormati.

Dyah Hayam Wuruk Sri Rajasanagera menjadi raja Majapahit menggantikan bondanya, Ratu Tribhuwanatunggadewi pada tahun 1351. Baginda akhirnya berkahwin dengan Puteri Indudewi seorang puteri Wijayarajasa – penguasa Wengker, pada tahun 1357

setelah gagal mengahwini seorang puteri dari Sunda. Puteri Sunda itu bernama Dyah Pitaloka, dikatakan sungguh cantik menawan.

Dari perkahwinan baginda dengan Puteri Indudewi yang disebut oleh Pararaton Paduka Suri, maka lahirlah Puteri Kusumawardhani. Pada tahun 1357 Gajah Mada cuba menakluk kerajaan Sunda melalui perkahwinan antara Puteri Pitaloka dari Sunda dan Hayam Wuruk Raja Majapahit, tetapi gagal. Kegagalan ini membawa padah kepada Gajah Mada, menyebabkan beliau dilucutkan dari jawatan Patih Amangkubhumi.



Pada mulanya, menurut Pararaton, Raja Hayam Wuruk ingin mengahwini seorang puteri Sunda yang bernama Puteri Pitaloka. Untuk tujuan itu Patih Gajah Mada dihantar menjadi utusan melamar puteri tersebut ke Sunda. Raja Sunda bersetuju lalu mengunjungi ke Majapahit tetapi tidak membawa bersama puterinya. Gajah Mada tidak bersetuju dengan perkahwinan biasa di antara Raja Hayam Wuruk dengan seorang puteri dari Sunda yang dianggapnya bertaraf lebih rendah daripada Majapahit. Beliau pun mengemukakan cadangan bahawa puteri Sunda itu seharusnya diberikan sebagai ufti atau pemberian hormat dari sebuah negeri naungan kepada negeri yang besar. Saranan ini ditolak bulat-bulat oleh Maharaja Sunda, yang berasa terhina





Puteri Jabodetabek Alumnus dan Persembakan

Puteri dari Madura memakai baju kebaya wanita kepulauan Jawa dipadan dengan kain batik tulis corak Madura warna merah bata dan biru. Kalung daripada manik dan kepingan emas turut menghias diri.



Bekas / Dr. Martha Tilaar

*Jauh sungguh perigi mandi,
Maksud hati hendak bertapa;
Berat sungguh menanggung budi,
Seribu tahun memang tak lupa.*

kerana diperendah taraf baginda oleh Gajah Mada.

Keesokan harinya, atas perintah Gajah Mada, istana hinggap tempat tinggal Raja Sunda itu serta para pengikut baginda tiba-tiba dikelilingi oleh tentera Majapahit. Pengepungan itu bermakna Maharaja Sunda terpaksa menyerah dan akur dengan saranan Gajah Mada. Walaupun Raja Sunda ingin menurut namun para pengikut baginda tidak mahu menyerah.

Mereka mahu menentang kerana itu adalah soal maruah. Maka Maharaja Sunda pun dipengaruhi lalu baginda pun menurut pendapat para pengikutnya. Mereka mahu menentang sehingga ke titisan darah terakhir dan tidak mahu menyerah kepada Gajah Mada yang dianggap khianat itu. Hasrat mereka ingin menentang disampaikan kepada tentera Majapahit maka bersedialah kedua-dua angkatan itu di suatu tanah lapang bernama Bubut.

Maharaja Sunda dan Patih Usus menteri baginda, telah terkorban awal-awal lagi. Ini menyebabkan tentera Sunda merempuh tentera Majapahit yang di sebelah selatan, lalu menyerbu ke arah barat-daya, tempat Gajah Mada menunggu di atas kereta ratanya. Di sekelilingnya segala hulubalang yang pilihan, lima belas panglima yang terkenal gagah berani digelar Bhayangkara. Ketua mereka Gajah Mada sendiri dengan pangkat bekel. Maka berlakulah pertarungan yang hebat dan ngeri. Setiap askar Madura yang menyerbu ditetak dan disembelih, tidak dapat menyentuh Gajah Mada. Akhirnya kesemua pengikut dan tentera Sunda itu habis dibunuh oleh askar Majapahit. Pertarungan yang berlaku di Bubut ini berlaku dalam tahun 1357.

Raja Hayam Wuruk yang sentiasa berangan-angan memiliki Puteri Pitaloka yang sungguh cantik itu memang bagai teruna dilamun cinta. Dalam bahasa Jawa disebut kesmaran. Sentiasa gelisah dan resah. Sekembalinya Gajah Mada dari medan perang diharapkan kegelisahan dalam hati sanubarinya dapat terubat. Tentunya berita gembira kerana dari jauh kedengaran sorak-sorai tentera Majapahit. Masuk saja Gajah Mada, Hayum Wuruk terpaksa

menenangkan diri dan berdiri tetap walaupun seluruh anggota tubuh baginda berasa hendak terbang mendapatkan Gajah Mada dan mendengar kata-kata merdu yang dinanti-nantikan. Namun setelah dipersembahkan berita perang Majapahit-Madura dan akibatnya, remuk-redamalah baginda bagai ular berpulas-pulas.

Setelah Raja Hayam Wuruk gagal mengahwini Puteri Pitaloka, amatlah kecewanya baginda dan kemurkaan baginda tidak tertahan lagi.

"Patih Gajah Madalah sebab utama Puteri Pitaloka tidak jadi menyerikan kraton ini, dan hidup beta. Nyah dari Majapahit dan tinggalkan jawatannya."

Dengan rendah hati, Gajah Mada pun berundur dan keluar dari kraton Majapahit. Rumahnya telah dikelung dan harta-bendanya dirampas oleh tentera Majapahit. Gajah Mada, khuatir akan nyawanya, terus lari dan berselindung dari desa ke desa. Isterinya yang setia turut mencari beliau dari kampung ke kampung. Maka kedua-duanya hidup berkelana, jauh lebih buruk daripada hidup mewah di puncak pemerintahan seperti dulu. Disebabkan seorang puteri jelita banyak nyawa terkorban dan pangkat yang tinggi hilang melayang, hanya tinggal tulang empat kerat dan nyawa sahaja!

Namun permegian Gajah Mada itu tidak lama kerana tidak ada sesiapa secerdas dan secerdas beliau mengendalikan Empayar Majapahit yang luas itu pada ketika itu. Paling lama beliau dalam buangan hanya selama dua tahun kerana pada tahun 1359, Patih Gajah Mada terlibat dalam lawatan diraja ke Lumajang. Selepas peristiwa Bubut itu, beliau tidak lagi secerdas seperti dahulu. Usaha dan upaya beliau yang ingin menundukkan Sunda merupakan pertempuran terakhir baginya. Tidak ada lagi penaklukan semasa tempoh kedua beliau menjadi Patih Amangkubhumi. Nampaknya beliau mendapat pelajaran daripada peristiwa Bubut itu, satu peristiwa pahit disebabkan seorang puteri cantik dari Sunda, Puteri Pitaloka.



Ratu Dwarawati

KAHWIN DUA SUAMI DUA AGAMA

Kerajaan Majapahit semakin makmur dan sejahtera, rakyatnya hidup aman dan tenteram. Pada satu hari di Balai Penghadapan Prabu Brawijaya bertitah kepada Patih Gajah Mada, menteri utamanya:

"Patih Gajah Mada, semalam beta bermimpi berkahwin dengan seorang puteri kerajaan Campa. Adakah Patih mendengar berita bahawa raja Campa mempunyai seorang Puteri?"

Maka sahut Patih sambil menyembah:

"Memang patik ada mendengar bahawa Raja Campa mempunyai seorang puteri yang cantik jelita."

Wajah baginda pun berseri-seri mendengar khabar itu lalu bertitah:

"Jikalau begitu eloklah Patih mengirimi utusan ke Campa untuk melamar puteri itu untuk beta. Suruh saja Raden Panular berangkat mengetahui perutusan."

Apabila Raden Panular masuk mengadap maka titah Seri Paduka Baginda:

"Panular, pergilah ke negeri Campa membawa surat beta. Katakan

kepada Raja Campa bahawa puterinya beta pohon akan dijadikan isteri dan permaisuri beta."

Raden Panular pun menyembah:

"Daulat Tuanku. Titah Tuanku patik junjung."

Setelah Raden Panular sampai di Campa dia pun dialu-alukan dan pada hari mengadap, masalah utusan Majapahit itu ke dalam istana Campa setelah surat diarak dari tempat penginapan hingga ke istana. Maka Raden Panular pun memperkenalkan dirinya dan maksud utusan itu datang:

"Patik Adipati Panular utusan Raja Majapahit yang bergelar Maharaja Brawijaya. Patik diutus menyampaikan surat."

Setelah surat dibaca, raja Campa sangatlah sukacita kerana sekiranya Campa dan Majapahit ada hubungan rapat seperti perkahwinan itu maka lebih erat lagi persahabatan dan banyak urusan dapat diselesaikan. Namun titah Raja Campa, baginda harus mendapat persetujuan puterinya dulu.

Setelah puteri Campa bersetuju dikahwinkan dengan Raja Majapahit barulah persiapan dibuat untuk menghantar dan mengiringkan puteri itu kerana ini merupakan satu perpindahan besar melalui Laut China Selatan. Setelah belayar beberapa lama

akhirnya sampailah ke Gresik dan di sana Prabu Brawijaya menyambut bakal permaisuri baginda. Setelah upacara perkahwinan puteri Campa digelar Ratu Dwarawati.

Maharaja Brawijaya banyak sekali isterinya selain yang baru yang cantik-cantik belaka lagi dikasihinya baginda. Hal demikian kurang menyenangkan Ratu Dwarawati, sehingga Paduka Ratu memohon izin untuk kembali ke Campa. Tetapi permohonan baginda ini tidak diizinkan kerana menurut pemikiran Maharaja Majapahit hal itu akan memburukkan perhubungan Majapahit-Campa.

Walau pun berasa pilu dan dukacita, Ratu Dwarawati berasa terhibur dengan kedatangan anak saudaranya dari Campa. Yang dimaksudkan ialah Raden Rahmat putera Makhдум Ibrahim (Syeikh Wali Lanang) dengan puteri Campa adik Ratu Dwarawati. Raden Rahmat baru saja kembali dari Mekah maka setelah mendengar bonda saudaranya berkhwin dengan Maharaja Brawijaya beliau mengambil keputusan akan belayar untuk bertemu dengan bonda saudaranya yang menjadi Ratu di Majapahit. Raden Rahmat pun memberitahu Raja Campa akan hasratnya itu lalu dipersetujui Raja Campa maka belayarlah beliau ke Tanah Jawa. Amatlah sukacita Ratu Dwarawati dapat bertemu kemanakan atau anak saudaranya lalu diperkenalkan kepada Brawijaya dan Maharaja itu terus tertarik dengan perwatakan dan budi Raden Rahmat lalu dialu-alukan secara besar-besaran, dan diangkat menjadi Sunan di Ampelenta. Beliau kemudian hari terkenal sebagai Sunan Ampel, salah seorang Wali Songo (Wali Sembilan) di Tanah Jawa. Di sana beliau menjadi pemimpin orang Islam yang bermastautin di situ. Dengan perilaku luhur dan kesantunan Raden Ampel maka Raja Majapahit mengeluarkan peraturan bahawa rakyat Majapahit boleh menganut agama Islam asalkan tidak ada paksaan. Namun demikian baginda sendiri enggan memeluk agama Islam.

Ratu Dwarawati yang kurang senang dengan suaminya Maharaja Majapahit itu yang mempunyai banyak selir [gundik] lalu memohon memeluk agama Islam. Ini dibenarkan Brawijaya. Tidak diketahui siapa yang mendorong Ratu Dwarawati memeluk Islam tetapi besar kemungkinan anak saudaranya, Raden Rahmat, memainkan peranan penting mempengaruhi bonda saudaranya. Ratu Dwarawati sangat kasih akan kemanakan baginda itu

sehingga diberi seorang puteri triman [puteri pemberian raja] seorang puteri dari Tuban. Ratu Dwarawati sendiri sudah mempunyai dua orang anak, seorang puteri yang tua dikahwinkan dengan Adipati Dayaningrat dari Pajang-Pengging, dan yang muda laki-laki bernama Lembu Peteng, diangkat menjadi bupati Madura. Raden Rahmat juga terparkat dan berjaya mengahwini seorang puteri Bupati Wilwatikta bernama Ni Gede Manila [wanita ternama dari Manila]. Setelah perkahwinan inilah beliau menetap di Ampel-denta.

Salah seorang daripada banyak isteri Maharaja Majapahit ini ialah seorang dari Negeri China. Puteri China itu berulang-ulang bermimpi bulan jatuh ke ribanya. Bahkan Ratu Dwarawati pun turut bermimpi melihat Puteri China itu memangku bulan. Hal itu merangsingkan Ratu Dwarawati lalu memohon kepada Brawijaya agar puteri China itu diasingkan. Baginda menurut kemahuan permaisurinya lalu memanggil Patih Gajah Mada. Kepada menteri itu diperintahkan agar membawa Puteri China itu kepada Arya Damar sebagai puteri triman dengan pesan tidak boleh bersatu dengannya sehingga bayi yang ada di dalam kandungannya itu lahir.

Perkara itu dilaksanakan dengan sempurna dan puteri China itu pun sampailah ke Palembang. Setelah melahirkan anak, maka puteri China itu diperisteri oleh Arya Damar yang menjadi Bupati Palembang. Putera yang dilahirkan puteri China itu dinamakan Raden Fatah [Arab: Fatah, bererti Pemegang, Pembuka]. Setahun kemudian lahirlah seorang putera dari Arya Damar dan dinamakan Raden Timbal (riwayat lain disebut Kusen). Kedua-duanya mendapat didikan bersama seperti putera-putera raja.

Setelah kedua-duanya besar barulah Arya Damar memberitahu siapa mereka sebenarnya, kata Arya Damar:

"Ketahuilah Raden Fatah, sebenarnya kamu bukanlah anaku, tetapi putera prabu Brawijaya Majapahit. Kamu datang bersama ibumu yang ditrimankan kepadaku. Pada waktu itu kamu sudah tujuh bulan di dalam kandungan ibumu. Adapun sebab ibumu ditrimankan kepadaku kerana permaisuri kluatir kau nanti akan merebut takhta kerajaan Majapahit pada hal takhta telah disediakan untuk putera permaisuri yang bernama Bondan Surati. Sekarang



pergilah bersama adikmu ke Majapahit, jadilah magang [sukarelawan] di istana." Untuk memendekkan cerita, akhirnya Raden Fatah sampai ke Ampeldenta dan berguru dengan Sunan Ampel (Raden Rahmat) dan berkahwin dengan anak beliau.

Setelah lama belajar maka Raden Fatah disuruh pergi ke hutan Bintara mencari padang Glagahwangi. Di situ lah dia harus mendirikan perkampungan Islam kerana telah diramalkan di situ lah akan berdiri kerajaan Islam yang pertama di Jawa. Beberapa lama kemudian berdirilah sebuah kerajaan kecil di Bintara dan Raden Fatah diangkat sebagai rajanya. Hal demikian menimbulkan kemurkuan Brawijaya lalu menghantar Raden Timbal yang menjadi sukarelawan di istana Majapahit untuk menundukkan Bintara, tetapi Raden Timbal, tahu akan raja sebenar di Bintara, menasihati Raden Fatah agar mengadap Brawijaya dan memohon Bintara terus menjadi daerah pentadbirannya.

Setelah Brawijaya diperkenalkan dengan puteranya Raden Fatah oleh Raden Timbal maka permohonan itu diperkenankan. Titah Prabu Brawijaya:

"Wahai anaku Raden Fatah. Kamu beta izinkan mendirikan jemaah Islam di Bintara tetapi hendaklah dengan sukarela. Kamu beta angkat menjadi Adipati, bergelar Adipati Natapraja. Dan kamu Raden Timbal, beta angkat kamu menjadi Adipati di Terung."

Sesudah itu berkali-kali Adipati Natapraja (Raden Fatah) cuba mengislamkan Brawijaya namun dinasihati Sunan Ampel:

"Janganlah tergesa-gesa, anaku. Janji Tuhan ialah setahun lagi. Baginda tak mahu Islam kerana baginda sudah ditakdirkan untuk jadi raja beragama Hindu yang terakhir."

Pada masa kehancuran Majapahit, Ratu Dwarawati tinggal di istana yang bernama Gentan. Dalam masa itu segala harta benda Majapahit termasuk segala putera-puteri dan dayang-dayang istana dibawa ke Demak (Bintara) kota Islam yang diperintah oleh Raden Fatah/Adipati Natapraja. Antara hulubalang yang mengiringkan rampasan dan tawanan itu ialah Sunan Kudus (seorang Wali Songo) mengganti ayahandanya yang tewas dalam perang mengentup Majapahit. Beliau ditugaskan untuk membawa Ratu

Dwarawati ke Demak kerana puteri itu menjadi puteri anugerah buat Sunan Kudus. Perkahwinan ini untuk mengelakkan kata-kata yang tidak baik akibat perebutan takhta Majapahit. Syaratnya ialah perkahwinan antara nenek dan cucu, iaitu Sunan Kudus lebih muda daripada Ratu Dwarawati. Oleh itu beliau seolah-olah menjemput calon isterinya dan bukan memboyong [membawa pindah] seorang puteri kerajaan yang menjadi tawanan perang.

"Kanjeng Ratu, hamba datang dengan perintah oleh penguasa Demak, Adipati Natapraja untuk menjemput Ratu dengan segala dayang-dayang dan harta benda ke Demak."

"Baiklah cucunda, beta telah sedia untuk berpindah ke Demak."

Ratu Dwarawati tidak tahu bahawa nasib baginda kini di dalam tangan Sunan Kudus. Anggapan Ratu bahawa baginda menjadi puteri boyongan biasa yang akan dijadikan isteri raja yang memboyongnya, iaitu Adipati Natapraja. Di dalam hati, baginda telah menerima nasibnya menjadi isteri raja Hindu penutup dan menjadi isteri raja Islam yang pertama. Baginda tidak tahu bahawa raja yang memboyongnya ialah Sunan Kudus. Oleh kerana itu Ratu Dwarawati sangat terkejut apabila diberitahu bahawa baginda akan ditrimankan [dianugerahkan] kepada Sunan Kudus. Upacara perkahwinan akan dilangsungkan sesudah Adipati Natapraja dinobatkan sebagai raja Islam yang pertama.

Setelah Adipati Natapraja (Raden Fatah) dinobatkan sebagai Sultan Demak bergelar Natagama Khalifatullah 'Senapati Waliullah dengan disaksikan sesetengah wali songo (antaranya Sunan Ampel dan Sunan Giri) maka bertemulah baginda dengan bonda saudara baginda, Ratu Dwarawati. Ratu berdukacita kerana hendak dianugerahkan kepada Sunan Kudus. "Ibunda Ratu," titah Raden Fatah, yang kini Sultan Demak cuba menghiburkan hati bonda sau-daranya, "kahwinlah Tuan dengan Sunan Kudus, sama-sama darah Campa."

Jawab Ratu Dwarawati:

"Sebenarnya bonda tidak ingin kahwin lagi, anakanda. Bonda telah anakanda pertemuan dengan cucunda Bonda. Bukankah itu tidak sebanding?"

"Ibunda, sekarang zaman telah berubah," titah Seri Sultan, "beta mengambil teladan dan riwayat para nabi. Dulu puteri Wuryam



Puteri Dunia Melayu

juga kahwin dua kali. Pertama dengan Thabut, dan yang kedua dengan Nabi Daud. Diterima oleh Allah (SWT). Segala kehendaknya dikabul oleh Allah (SWT), sehingga puteranya kemudian menjadi raja, iaitu Nabi Sulaiman."

Mendengar alasan itu, Ratu Dwarawati tidak dapat membantah lagi. Kemudian titah Seri Sultan kepada Sunan Kudus yang turut hadir:

"Sekarang terimalah Ratu Dwarawati sebagai isterimu, anakanda Sunan Kudus."

Jawab Sunan Kudus: "Dualat Tuanku."


Seri Sultan pun memimpin Ratu Dwarawati ke luar istana, diiringi permaisuri baginda dan para dayang-dayang menuju ke arah Masjid Agung, tempat upacara perkahwinan dilaksanakan. Selesai upacara Sunan Kudus pun membawa Ratu Dwarawati isterinya ke tempat tinggalnya.

Beberapa tahun kemudian Ratu Dwarawati meninggal dunia dan dikuburkan di Karang Kemuning. Sunan Kudus berkahwin pula dengan puteri kepada Arya Terung.



Masjid Demak

SALASILAH PUTERI DWARAWATI DAN RATU KALINYAMAT





Rara Oyi

PENYEBAB KERUNTUHAN EMPAYAR MATARAM

Mataram pada mulanya adalah kawasan hutan yang diberikan oleh Sultan Pajang kepada Ki Pemanahan setelah anaknya, Raden Ngabehi Loring Pasar berjaya membunuh Arya Penangsang Adipati Jipang sebagai menuntut bela pembunuhan Pangeran Kalinyamat dan Pangeran Prawata (suami dan kakanda Ratu Kalinyamat) atas desakan Ratu Kalinyamat yang bertapa tanpa memakai sebarang pakaian di Gunung Danaraja (sila lihat ceritanya dalam buku ini). Raden Ngabehi Loring Pasar kemudiannya diangkat oleh Sultan Pajang untuk mentadbir Mataram dengan gelaran Senopati ing Ngalaga Saiyidin Panatagama. Beliaulah yang dijanjikan bantuan oleh Ratu Roro Kidul, penguasa Laut Selatan (sila lihat ceritanya dalam buku ini) dalam memenuhi cita-cita Senopati untuk menjadikan Mataram kuasa besar.

Setelah Panembahan Senopati mangkat baginda diganti oleh puteranya Pangeran Adipati Anom dan dua belas tahun kemudian takhta diduduki Mas Rangsang bergelar Kanjeng Sultan Agung Senopati ing Ngalaga Ngabdurrahman yang juga bergelar Kanjeng Sultan Agung Prabu Pandita Anyakrakusuma. Berikutnya dinobatkan Pangeran Adipati Mataram sebagai Sultan bergelar Kanjeng Susuhunan Amangkurat Senopati ing Ngalaga Abdurrahman Sayidin Panatagama.

Sultan Amangkurat I inilah yang mengambil anak dalang Ki Wayah, yang sudah bersuami dan mengandung dua bulan tetapi kerana amat cantik rupanya maka dijadikan selir atau gundik diberi nama Ratu Wetan tapi orang banyak menyebutnya Ratu Malang. Sultan amat menyayangnya maka dibunuh suaminya. Dari hari ke hari perasaan cintanya makin bertambah-tambah, lebih-lebih lagi setelah lahir kandungannya, seorang bayi lelaki. Sebaliknya, Ratu Malang amat berdukacita mendengar kematian bekas suaminya. Sepanjang hari menangis saja, mengenangkan padah yang menimpa suaminya. Makin lama makin kurus dan akhirnya ia jatuh sakit lalu meninggal dunia. Atas perintah Sultan mayatnya dibawa ke gunung Kelir tetapi tidak dikebumikan kerana sentiasa mahu ditatap baginda; sehinggalah baginda bermimpi Ratu Malang itu diambil suaminya dan ketika jaga didapati mayatnya itu sudah lenyap.

Sultan ini mempunyai anak sulung bernama Pangeran Adipati Anom yang dipelihara datuknya, Pangeran Pekik yang tinggal di Surabaya. Dengan meninggalnya Ratu Malang, timbullah keinginan sultan akan mengambil gundik lagi, lalu dipanggil dua orang menteri.

"Nayatrana dan Yudakarti, pergilah engkau berdua ke merata tempat mencari mata air yang airnya berbau harum. Setelah dapat,



Kejelitaan Rara Oyi menyebabkan ayahanda (Sultan Mataram) dan anakanda (Pangeran Anom) tergitu-gitu kepadanya

kumpulkanlah semua wanita di desa itu dan mintalah yang paling cantik di antara mereka untuk menjadi gundikku. Berangkatlah segera.”

Kedua-dua menteri itu pun menjelajah ke merata tempat hingga sampailah di sebuah desa di daerah Surabaya maka bertemulah dengan mata air yang airnya berbau harum. Mereka pun menemui ketua desa itu, bernama Ngabehi Mangunjaya, lalu menyampaikan maksud kedatangan mereka itu. Mendengar itu, Mangunjaya terkejut bercampur gembira, katanya dalam hatinya:

“Memang sudah takdir, anaku yang perempuan akan menjadi gundik raja.”

Maka katanya kepada kedua-dua menteri itu:

“Pada hematku, tidak ada yang lebih cantik daripada anak perempuanku. Si Oyi. Tetapi dia belum dewasa, baru menginjak masa remaja.”

Maka dipanggilnya anaknya, Si Oyi. Terpandang saja kedua menteri itu akan gadis sunti itu maka tercengang-cengang terpesona dan kagum akan kecantikannya. Lalu kata seorang menteri:

“Jika dipersetujui, bolehlah kiranya Si Oyi ini dibawa ke Mataram untuk dipersembahkan kepada Sultan.”

Saranan ini dipersetujui kedua orang tuanya lalu dibawa ke Mataram, setelah singgah di rumah Ngabehi Wirareja lalu membawanya sekali ke kraton Sultan. Melihat saja akan Si Oyi yang cantik molek itu, baginda amat berkenan di hati lalu dititahnya kepada Wirareja agar memelihara Si Oyi dengan baik sehingga dia dewasa barulah dibawa kepada Sultan. Sejak hari itu Si Oyi menjadi keluarga Ngabehi Wirareja.

Beberapa lama kemudian, Sultan Amangkurat teringat akan putera baginda yakni Pangeran Adipati Anom yang kini sudah dewasa dan seharusnya dikahwinkan. Setelah dipanggil, Sultan pun menyaranakan agar Adipati Anom pergi ke Cirebon dan melihat anak perempuan Adipati Cirebon itu sendiri dan jika berkenan di hati barulah Sultan akan menghantar peminangan. Di Cirebon, anak perempuan adipati itu pun menyuruh menyajikan sirih kepada Adipati Anom. Kecantikannya memang mempersonakan tetapi dari air mukanya, kelihatan ia berwatak pemarah dan tidak takut akan lelaki. Setelah pertemuan itu Adipati Anom pun kembali ke Mataram lalu menyatakan kepada ayahandanya bahawa dia tidak berkenan.

Beberapa hari kemudian Pangeran Adipati Anom keluar bersiar-siar di sekitar kota Mataram. Setelah penat berjalan, singgahlah ia di rumah Wirareja, langsung naik ke pendapa atau ruang tamu, tanpa memberi salam. Kena pula pada masa itu Rara Oyi sedang membuat di ruang tamu bersama-sama ibu angkatnya Nyai Wirareja. Terkejutlah Rara Oyi dan kerana malu terus mengumpulkan peralatannya lalu masuk ke dalam. Pangeran



Adipati Anom terdiam agak lama terpesona melihat gadis yang amat cantik itu hingga tak sedar Wirareja berada di hadapannya. Adipati Anom dipersilakan masuk ke dalam lalu bertanya siapakah gadis yang membuat di pendapa itu.

"Itu Rara Oyi, simpanan ayahandamu, anak dari Surabaya. Ia ditiptikan [diamanahkan untuk disimpan] kepadaku sejak kecil lagi dan apabila dewasa harus kuserahkannya ke istana. Kini dia sudah dewasa, jadi harus segera kuserahkan."

Mendengar penjelasan itu, Adipati Anom berasa sedih dan terus pulang lalu mengunci dirinya di dalam bilik. Semua orang suruhannya menganggag dia sakit kerana tidak keluar-keluar kecuali pengasuhnya yang tahu bahawa ia sedang dirundung cinta terhadap seorang gadis yang tinggal di rumah Wirareja maka diberitahu hal itu kepada datuknya Pangeran Pekik. Pada esok harinya, Pangeran Pekik serta isterinya pergi ke Mataram lalu berjumpa Wirareja memujuknya agar Rara Oyi diberikan kepadanya untuk dikahwinkan dengan cucunya, Pangeran Adipati Anom. Wirareja tentunya enggan melepaskan Rara Oyi kerana takut dimarahi Sultan dan tentunya ia akan dibunuh. Namun pujuk Pangeran Pekik:

"Biarlah aku yang menanggung akibatnya walaupun mau menimpa aku."

Kata Nyai Wirareja, isteri Ngabehi Wirareja setelah menerima hadiah emas dan pakaian untuk dirinya dan sanak-saudaranya:

"Sultan tidak akan marah, kerana yang meminta puteranya sendiri yang diharapkan akan menjadi raja kelak."

Kerana terpengaruh oleh isterinya, Wirareja pun menyerahkan Rara Oyi kepada Pangeran Pekik, yang berkata:

"Wirareja, kiranya sudah ditakdirkan Allah bahawa Mataram akan binasa oleh anak perempuan ini, engkau tentu akan dimurkai Sultan. Hidupmu akan jadi sengsara sedangkan aku sendiri akan menemui ajalku. Izinkan aku pulang ke Surabaya."

Sekembali ke Surabaya, Rara Oyi diserahkan kepada Pangeran Adipati Anom yang menerimanya dengan penuh rasa terima kasih

kepada datuknya. Sejak itu kedua-dua pemuda dan pemudi itu hidup dalam kebahagiaan menjalin kasih sayang antara mereka.

Beberapa hari kemudian datanglah utusan Sultan meminta Rara Oyi yang disangka masih dalam pingitan Wirareja. Alangkah terperanjat dan murkanya baginda Sultan apabila diterangkan perkara yang telah terjadi. Terus dihantar tentera ke Surabaya untuk menghabiskan riwayat Pangeran Pekik serta 40 orang keluarganya. Wirareja serta isterinya dibuang ke Pranaraga dan akhirnya dibunuh juga di situ. Pangeran Adipati Anom diperintahkan agar dia sendiri membunuh isterinya, Rara Oyi. Jika tidak menurut, dia tidak akan diakui sebagai putera Sultan lagi.

Sungguh remuk-redam perasaan Pangeran Adipati Anom tatkala menerima perintah agar Rara Oyi, isterinya mesti dibunuh oleh tangannya sendiri. Keadaannya bagai perumpamaan: jika ditelan madu emak jika diluah mati bapa. Maka ditanya isterinya apakah keputusannya.

"Inilah yang amat merungsingkan kanda, dinda. Tital perintah Sultan mesti ditaati. Namun cintaku padamu...."

Kata Rara Oyi, cuba mencari-cari sesuatu pada wajah suaminya:

"Seagung manakah cinta kanda? Takut pada tital ayahanda sendiri kerana baginda gagal mendapatkan dinda? Atau kanda amat gentar dengan perintah seorang sultan?"

Jawab suaminya:

"Kiranya tidak ditaati, kanda akan putus hubungan dari ayahanda Sultan. Menjadi orang biasa, tanpa pangkat, tanpa kuasa, tanpa harta...."

Rara Oyi mencelah:

"Tanpa isteri, konon yang amat kanda kasihii."

Pangeran Anom mengalih ke arah isterinya lalu memeluknya:

"Kanda amat mencintaimu, Rara Oyi. Kaulah buah hatiku. Satu-satunya perhiasan hidupku. Tetapi apakan daya. Kanda tak



dapat berbuat apa-apa.”

Rara Oyi melepaskan dirinya seraya berkata:

“Memang kanda tak pernah bertindak dengan wajar. Dulu ketika kanda bertemu dengan dinda pun kanda cuma lari dan menyingkirkan diri. Tak berani bertindak, seperti melarikan dinda. Kenalah datukmu Pangeran Pekik mengambilku dan mengahwinkanku denganmu dengan menghulurkan lehernya ke dalam jerat...”

Bentak Pangeran Anom: “Jadi apa dinda mahu kanda buat?”

Jawab Rara Oyi, tegas:

“Kita lari meninggalkan segala ini. Menjadi orang biasa. Dinda pun berasal dari rakyat biasa. Asalkan dapat hidup bersama. Kita hormati cinta kita ini, kanda.”

Pangeran Anom masih takut: “Tentu saja tentera ayahanda mencari dan membunuh kita. Kanda tak berani...”

Tiba-tiba Rara Oyi merampas keris dari pinggang Pangeran Anom lalu berlutut di hadapannya. Keris dihunus lalu ditatang dan dengan air matanya yang berlinangan, katanya kepada suaminya sebagaimana berikut:

“Jikalau kanda tidak berani lari, beranikan diri kanda untuk kali penghabisan. Putuskanlah riwayat Rara Oyi dan hancurkanlah cinta yang singkat ini antara kita. Dengan mengalirnya darahku yang tidak berdosa ini maka akan mengalirlah lahar merah dari Gunung Merapi. Dengan singkatnya hidupku yang kucurahkan dengan kasih sayang ini maka bulan dan matahari akan gerhanalah di langit. Dengan remuk redamnya hatiku ini maka akan turunlah ribut dan hujan yang tidak menentu. Dengan berakhirnya nafasku di dunia ini maka akan kemaraulah Mataram dan Sultannya akan

menjadi kejam dan tidak siuman. Nah, selesaikanlah masalahmu, kanda. Taatilah perintah ayahandamu baginda Sultan.”

Dengan rasa penuh pilu bercampur ketakutan terhadap Sultan, Pangeran Anom pun membunuh isterinya Rara Oyi. Setelah isterinya meninggal dunia, dia sendiri dibuang oleh perintah Sultan ke Lipura, dan seluruh kediaman Kabupaten Surabaya habis dibakar serta isi kandungannya sekali.

Walaupun Pangeran Adipati Anom akhirnya diampun oleh Sultan Amangkurat dan dikembalikan kadipaten Surabaya kepadanya namun dia sentiasa dirundung kesedihan, dan tidak berbuat sesuatu. Rakyat Mataram amat gelisah dan sedih melihat Sultan mereka melakukan kezaliman dan penyesaan secara yang sewenang-wenangnya.

Pentadbiran negara tidak berjalan dengan baik, tambahan pula banyak bupati, menteri serta keluarga istana yang berebut kuasa dan kedudukan. Sering juga terjadi gerhana bulan dan matahari, hujan turun tidak menurut musim, hujan abu serta gempa bumi. Langit turut disilangi tahi bintang. Semuanya tanda-tanda bahawa negara Mataram akan binasa.

Musuh-musuh pun sedikit demi sedikit merangkul di keliling Empayar Mataram. Tentera yang dihantar untuk menundukkan musuh pun selalu kalah perang. Sultan sendiri tidak lagi berminat berperang. Baginda sudah mengetahui bahawa setelah kerajaan Mataram berusia 100 tahun, ia akan binasa sewaktu baginda menjadi raja. Maka baginda memerintahkan permaisuri dan putera-puteri serta keluarganya supaya bersiap-siap untuk meninggalkan istana. Pada suatu malam pada tahun 1600, Sultan serta kerabatnya pun meninggalkan istananya di Plered menuju ke arah barat... buat pertama kalinya seorang Sultan Mataram gentar kerana diburu musuh.



SENARAI RAJA-RAJA KERAJAAN MATARAM

- | | |
|---|---|
| 1. Panembahan Senopating Ngalaga Saiyidin Panatagama
(Raden Ngabehi Loring Pasar)
+ 1582-1601 | 6. Kanjeng Sultan Amangkurat III
(Sunan Mas) 1703-1705 |
| 2. Panembahan Krapyak
(Raden Mas Julang)
1601-1613 | 7. Pakubuwana I
(Sunan Puger)
1705-1719 |
| 3. Kanjeng Sultan Agung Senopating Ngalaga Ngabdurrahman
(Raden Rangsang)
1613-1645 | 8. Amangkurat IV
1719-1727 |
| 4. Kanjeng Sultan Amangkurat I
(Pangeran Adipati Mataram @ Sunan Tegalwangi)
1645-1677 | 9. Pakubuwana II
1727-1749 |
| 5. Kanjeng Sultan Amangkurat II
(Pangeran Adipati Anom)
1677-1703 | 10. Pakubuwana III
1749-1755
(Penguasa terakhir Mataram dan
Sultan Jogjakarta yang pertama)
1755-1788 |



*Pohon pandan pohon berduri,
Dipandang amat sedap;
Hidup di dunia bahasa dan budi,
Serta jua tertib beradab.*



Skema oleh: Wan Zaidah Wan Yunos

Wajah seorang wanita Sulawesi Selatan



Tun Kudu

PENGORBANAN BESAR SEORANG SRIKANDI

Pada zaman Sultan Muzaffar Syah (1446 – 1456) Empayar Melaka menjadi semakin luas. Sejak baginda (nama tubuhnya Raja Kasim) merampas kuasa dengan bantuan Seri Nara Diraja Tun Ali, baginda berjaya menakluk Manjung (di Perak) yang mengeluarkan bijih timah. Begitu juga Selangor dijadikan negeri pembayar ufti. Dikatakan baginda memerangi Kampar dan Inderagiri lalu mengislamkan mereka. Tercatat dalam *Sejarah Melayu* mengenai baginda seperti berikut:


Adalah Sultan Muzaffar Syah di atas kerajaan terlalu baik fi'il baginda, dengan adil dan murah dan saksama pada memeriksa rakyat; dan ia menyuruh membuat undang-undang supaya jangan lagi bersalahan adat segala hukum menterinya.

Boleh dikatakan Sultan Muzaffar itu seorang raja yang gagah berani, dapat mengendalikan angkatan tentera; juga seorang yang adil dan saksama dalam pentadbiran Melaka yang semakin berkembang perdagangannya. Pada masa itu juga menjadi Bendahara ialah Seri Wak Raja, tetapi Bendahara itu mati termakan racun lalu Sultan Muzaffar Syah mengangkat Seri Nara Diraja Tun Ali (bapa saudaranya) menjadi Bendahara. Pembesar-pembesar Melaka pada masa Bendahara Seri Wak Raja sudahpun terbahagi kepada dua pihak: Melayu dan India-Muslim. Puak Melayu

diketahui oleh keluarga Bendahara Seri Wak Raja, bapa Tun Perak dan India-Muslim dipimpin oleh Seri Nara Diraja Tun Ali.

Bendahara Seri Wak Raja mempunyai tiga orang anak. Yang tua seorang perempuan bernama Tun Kudu, terlalu amat baik rupanya, maka diperisteri oleh Sultan Muzaffar Syah. Yang tengah seorang lelaki, Tun Perak namanya dan yang bongsu juga lelaki, Tun Perpatih Putih. Tun Perak walaupun anak Bendahara tidak diberi sebarang jawatan oleh Sultan Muzaffar Syah, lalu beliau pergi ke Kelang menjadi Penghulu di sana. Sultan Muzaffar Syah, mengenang akan jasa bapa saudaranya (Seri Nara Diraja Tun Ali) membantu baginda merampas kerajaan dari Parameswara Dewa Syah atau Sultan Abu Syahid, maka terus mengangkat Tun Ali menjadi Bendahara. Hal demikian inilah antara sebab-sebab para pembesar Melaka menjadi dua pihak, kerana inilah pertama kali seorang keturunan India-Muslim memegang jawatan yang tinggi selepas raja Melaka.

Dalam zaman pemerintahan Sultan Muzaffar Syah, Siam telah menyerang Melaka sebanyak dua kali. Serangan Siam pertama itu, melalui jalan darat (mungkin dari Pahang melalui Penarikan turun ke Muar) dapat dipatahkan oleh hulubalang-hulubalang Melaka termasuk Tun Perak dari Kelang. Maka Tun Perak dijadikan Bentara, dan setelah menunjukkan kebijaksanaannya dinaikkan taraf menjadi Perdana Menteri bergelar Paduka Raja. Pada zaman



Sisi hadapan



Sisi belakang

Mata wang Sultan Muzaffar Syah, Melaka.

Penyeter: Syed Zulfahri S.H. Noor

itu Perdana Menteri tidaklah meneraju kerajaan dan pangkatnya di bawah Bendahara. Namun Paduka Raja Tun Perak disuruh duduk setara dengan Seri Nara Diraja di seri balai. Apabila Tun Perak duduk bersebelahan Seri Nara Diraja Tun Ali, Tun Ali beralih tempat ke seberang kerana tidak mahu duduk dekat dengan Tun Perak. Jadi Tun Perak duduk di tempat Bendahara, dan Tun Ali duduk di tempat Penghulu Bendahari di seberang. Begitu kuat perseteruan di antara kedua belah pihak: Melayu dan India-Muslim.

Menurut *Sejarah Melayu*: Setelah Paduka Raja dan Seri Nara Diraja dua orang itu menjadi orang besar, maka anak Melayu pun berbelah, setengah pada Paduka Raja, setengah pada Seri Nara Diraja. Kerana kedua-duanya sama orang berasal, maka Seri Nara Diraja tidak mahu muafakat dengan Paduka Raja, sentiasa bersinggat juga. Beberapa kali lalain pula orang Paduka Raja kedatangan dengan Paduka Raja dalam kampung Seri Nara Diraja. Maka Sultan Muzaffar Syah pun tahu akan perihail itu maka terlalu dukacita baginda melihat kelakuan Paduka Raja dengan Seri Nara Diraja itu. Maka fikir di dalam hati baginda, 'jikalau demikian,

binasalah negeri ini, kerana orang besarnya tiada muafakat sama orang besar.'

Pada masa itu isteri Seri Nara Diraja Tun Ali ialah anak Bendahara Seri Amar Diraja, sudah meninggal dunia. Melalui perkahwinan ini lahir Tun Putih yang setelah besar dikahwinkan dengan Raja Abdullah putera Sultan Muzaffar Syah. Datuk ini tiada beranak lelaki selain Tun Naina Madi, anaknya dengan seorang gundik. Pada fikiran Sultan Muzaffar eloklah bapa saudaranya berteman, dan dengan itu diharapkan dapat dibawa berbicara setelah hatinya dilembutkan dengan kurnia diraja. Maka Seri Nara Diraja pun dijemput mengadap ke istana. Maka berlakulah suatu dialog yang amat menarik di dalam *Sejarah Melayu*.

Maka titah Sultan Muzaffar Syah: Mahukah Seri Nara Diraja beristeri?

Sembah Seri Nara Diraja: Jikalau ada kurnia Duli Yang Dipertuan, baiklah, Tuanku.

Titah Sultan Muzaffar: Mahukah Seri Nara Diraja akan Tun Bulan, anak Orang kaya Hitam?



Sembah Seri Nara Diraja: Mohon patik, Tuanku.
Titah Sultan Muzaffar: Mahukah akan Tun Rakna?
Sembah Seri Nara Diraja: Mohon patik, Tuanku.
Titah Sultan Muzaffar: Mahukah akan Tun Gembala?
Sembah Seri Nara Diraja: Mohon patik, Tuanku.
Maka beberapa anak-orang besar-besar ditanyakan oleh Sultan, tiada yang berkenan pada Seri Nara Diraja.
Maka titah Sultan Muzaffar Syah: Mahukah Seri Nara Diraja akan Tun Kudu anak Bendahara Seri Wak Raja, saudara Paduka Raja?

Maka sembahnya: Daulat, Tuanku.

Seperti yang telah disebut awal lagi, Tun Kudu ialah kakak Tun Perak Paduka Raja, yang cantik jelita dan telah diperisteri Sultan Muzaffar sendiri. Walaupun Tun Kudu ini matanya juling sedikit namun amat menarik dipandang kerana wajahnya yang manis berseri, beliau telah dididik dalam keluarga Bendahara Seri Wak Raja maka perilakunya amat sopan santun. Tentunya hidupnya di dalam istana nyata gembira bersama Sultan Muzaffar Syah yang muda lagi gagah perkasa.

Mendengar beliau ditalak oleh Sultan Muzaffar Syah tentunya menghancurkan hatinya. Bukan sahaja beliau terpaksa keluar dari istana dengan segala kemewahan tetapi terpaksa dikahwinkan dengan Seri Nara Diraja Tun Ali yang jauh lebih tua daripada suami beliau yang sedia ada. Tun Kudu tidak dapat membantah. Beliau pada mulanya amat hairan mengapa ditalak dengan tiba-tiba oleh Sultan Muzaffar. Apakah dosanya? Apakah kesalahannya? Kemudian apabila Tun Kudu dihantar ke rumah Paduka Raja dengan segala belanjanya, beliau bertanya kepada adiknya:

"Apakah ertinya semua ini, adinda. Apakah dosa kekanda ditalak Yang Dipertuan?"

Walaupun Tun Perak dapat membaca hasrat Sultan Muzaffar namun tidak dijelaskan selain berkata: "Bersabarlah, kanda. Adinda diberitahu Tuanku, setelah selesai iddah kekanda, kekanda akan dikahwinkan kepada Seri Nara Diraja Tun Ali." Mendengar nama Tun Ali, Tun Kudu terus masuk ke dalam mengalirkan air mata membasahi nasibnya yang bakal tiba-tiba hidup sebagai isteri kepada seorang tua! Ke mana hendak dibawa badan dan nasib?

Titah raja harus dijunjung.

Apabila keluarga dan anak buah Seri Nara Diraja mendengar berita itu maka kata mereka kepada Datuk itu.

"Bagaimana Datuk hendak beristeri muda kerana datuk sudah tua? Bulu mata dan bulu kening Datuk pun sudah bertemu?"

Maka sahut Seri Nara Diraja, tersengih selepas meludahkan air sirih dari dalam mulutnya ke dalam ketur.

"Di mana kamu sekalian tahu? Jikalau demikian sia-sialah pula dibeli oleh bapaku sekati emas di benua Keling itu?"

Maka anak buahnya tersenyum simpul. Ada yang menggeleng-gelengkan kepala. Yang lain menutup mulut kerana geli hati.

Setelah iddahnyanya, Tun Kudu dikahwinkan dengan Tun Ali. Sejak hari perkahwinan itu muafakatalah Tun Ali dengan Tun Perak, menjadi berkasih-kasihian seperti saudara sejalan jadi. Tidak lama selepas itu datanglah Seri Nara Diraja menghadap Sultan Muzaffar Syah, sembahnya: "Tuanku, baiklah Paduka Raja dijadikan Bendahara, kerana ia sedia anak Bendahara."

Paduka Raja Tun Perak pun diangkat menjadi Bendahara bergelar Bendahara Paduka Raja, dan Tun Ali tetap memegang jawatan Penghulu Bendahari dengan gelaran lamanya, Seri Nara Diraja.

Dengan peristiwa ini, berlakulah hasrat Sultan Muzaffar agar Melaka tidak berbelah kepada dua kaum. Baginda berjaya dengan satu pengorbanan besar iaitu berpisah dengan Tun Kudu, seorang yang dikasihinya baginda. Pengorbanan baginda ialah untuk menggembelngkan dua keluarga terbesar di Melaka agar menjadi lebih teguh, bersatu dan muafakat.

Namun pihak yang menjadi korban itu, Tun Kudu, setelah berkahwin dengan Tun Ali, berasa agak puas juga kerana adiknya, Tun Perak, dapat memegang jawatan Bendahara, iaitu jawatan ayahanda mereka dahulu. Mungkin juga pengorbanan Tun Kudu ini hasilnya dapat dilihat kemudian hari apabila adiknya menjadi Bendahara yang agung, menjadi dalang mengangkat dan

menurunkan raja-raja Melaka serta mengangkat dua orang anak Tun Kudu sendiri menjadi Penghulu Bendahari dan Temenggung. Mereka itu ialah Tun Tahir dan Tun Mutahir.

Selain itu Tun Perak turut mengemukakan anak perempuan Tun Kudu yang bernama Tun Senaja menjadi salah seorang Permaisuri Sultan Alauddin Ri'ayat Syah. Pengorbanan Tun Kudu tidak sia-sia kerana adiknya tetap mengenang budi dan menghargai pengorbanan kakaknya. Kalau dilihat dari segi lain, kalau pun Tun Kudu melahirkan anak di istana belum tentu anak-anaknya memegang teraju pemerintahan sebegitu tinggi dan berpengaruh.

Adakah Tun Ali juga turut berkorban? Kalau difikir-fikirkan Tun Ali juga telah turun dari jawatan tertinggi di Melaka menjadi

Penghulu Bendahara. Namun pengorbanan ini kerana beliau tiada anak lelaki untuk menggantinya. Namun pada usia yang sudah lanjut mendapat anugerah berupa bekas isteri raja yang cantik dikira satu ganjaran besar atas pengorbanan jawatannya itu. Walaupun Sultan Muzaffar boleh memberi mana-mana wanita anak para pembesar kepada Tun Ali tanpa menyebut nama Tun Kudu, namun baginda mungkin ada muslihat murni di sebalik pengorbanan isterinya itu. Seperti yang dinyatakan, Raja Kasim tidak akan naik takhta Melaka kalau tidak kerana rampasan kuasa (coup de'tat) yang dirancang dan dilakukan Seri Nara Diraja Tun Ali.

Inilah pada zaman sekarang disebut a *win-win situation*, satu keadaan yang timbul dari pengorbanan segi tiga.

*Tingkap papan kayu bersegi,
Sampai sekat di Pulau Angsa;
Indah tampan kerana budi,
Tinggi bangsa kerana bahasa.*



Puteri Hwang Li-Po

BUDI BAHASA PUTERI MENJADI IKUTAN

Kesultanan Melayu Melaka mungkin mencapai puncak kegemilangannya pada zaman pemerintahan Sultan Mansur Syah (1456–1477). Pada zaman itu negeri-negeri seperti Kampar, Inderagiri, Rupat, Siak, dan Rokan di Sumatera timur sudah ditakluki, manakala Selangor, Bernam, Manjong, sekitar kuala Sungai Perak, Singapura, Bentan dan pulau-pulau sekitarnya termasuk takluk Melaka. Dalam zaman baginda Bendahara Tun Perak berjaya menakluk Pahang. Perdagangan pula tersebar luas seluruh dunia, dari Aden hingga ke negeri China dan dari Melaka hingga ke ceruk rantau Nusantara.

Sultan Mansur Syah, selain mengahwinkan puteri-puteri baginda dengan raja-raja negeri takluknya, baginda sendiri mengahwini puteri-puteri seperti Puteri Wanang Seri dari Pahang, Raden Galoh Candra Kirana dari Majapahit, Tun Putih Nur Pualam anak seorang menteri dan lain-lain.

Menurut Tome Pires: Baginda mengambil semua puteri yang cantik-cantik daripada saudagar-saudagar Parsi serta Keling dan menjadikan gundik baginda, mengislamkan mereka sebelum kahwin dan mengahwinkan mereka dengan anak-anak menteri dan disertakan emas kahwin; dan adat perkahwinan berlainan kaum tidak menghairankan di Melaka.

Kebanyakan perkahwinan baginda ini disebut *marriage of convenience* untuk mengeratkan kekeluargaan, pengaruh dan pertalian politik antara Raja Melaka dan raja-raja yang bernaung di bawah Empayar Melaka. Kalau Melaka menjadi paksi bagi kerajaan kecil di sekitarnya menghantar ufti tanda bertuanan Melaka, namun di Asia pula negara China menjadi *superpower* bagi negara-negara di Asia dan Asia Tenggara menghantar ufti tanda menghormati kedudukan negara China sebagai negara terkuat di Asia. Biasanya ufti dan persembahan itu berupa hasil mahsul utama sesebuah negara itu dan sekembalinya dari mengadap Maharaja China, mereka menerima hadiah yang berlipat ganda lagi daripada Perbendaharaan China, seperti wang, pakaian, alat-alat kebesaran dan barang kemas dan barang-barang buatan China. Ada juga negara yang beruntung jika rajanya menerima seorang puteri dari istana Maharaja China. Dan Melaka, atau lebih tepat lagi Sultan Mansur Syah telah menerima 'hadiah' yang istimewa itu, iaitu Puteri Hwang Li-po.

Walaupun tiada catatan rasmi di Arkib Kerajaan China tentang seorang puteri China dihadihkan kepada Raja Melaka, namun angkatan serta bilangan pengiring serta dayang-dayang yang sampai ke Melaka dalam kira-kira tahun 1460-an, menunjukkan suatu peristiwa besar di Melaka, sehingga dikhaskan sebuah bukit yang berhampiran, sebagai tempat kediaman puteri China serta

dayang-dayang dan pengiringnya yang seramai lima ratus orang. Bukit yang dikhaskan itu dinamakan Bukit China dan sehingga hari ini masih ada tinggalan (seperti perigi Hwang Li-po) serta perkuburan dan ciri-ciri kecinaan masih terdapat di Bukit China.

Menurut *Sejarah Melayu*, menteri Melaka yang menjadi duta ke negara China itu ialah Tun Perpatih Putih, adik Bendahara Paduka Raja Tun Perak. Beliauulah juga yang mengiring pulang Puteri Hwang Li-po itu ke Melaka. Berikut ini adalah petikan dari *Sejarah Melayu* (Manuskrip 18 Koleksi Raffles):

Hatta datanglah musim akan pulang. Maka Raja China pun mentahkan Ling Ho berlempak akan menghantarkan anakanda baginda ke Melaka. Maka Ling Ho pun berlempaklah. Maka oleh Raja China dipilih lima ratus anak para menteri yang mudamuda dan seorang menteri yang terbesar akan panglimanya menghantarkan anakanda baginda. Setelah sudah lengkap, maka Tun Perpatih Putih pun belayarlah kembali. Beberapa lamanya di jalan, sampailah ke Melaka. Maka dipersembahkan oranglah kepada Sultan Mansur Syah, bahawa Tun Perpatih Putih sudah datang membawa anak Raja China.

Maka baginda pun terlalu sukacita, maka disuruh baginda alukan kepada segala orang besar-besar dan hulubalang sekalian.

Setelah bertemu, maka dengan seribu kebesaran dan kemuliaan



Seorang puteri sentiasa dihias cantik dan kemas agar kelihatan menarik

di bawahnya masuk ke dalam. Maka Sultan Mansur Syah pun terlalu hairanlah melihat Tuan Puteri Hwang Liu [Hwang Li-po] anak Raja China itu. Hatta maka disuruh baginda masuk Islam.

Setelah sudah Islam maka Sultan Mansur Syah pun kahwin dengan puteri anak Raja China itu.

Maka baginda beranak seorang anak laki-laki, dinamai Paduka Mimat, maka Paduka Mimat beranakan Paduka Seri China; maka Paduka Seri China beranakan Paduka Ahmad, ayah Paduka Isap. Maka segala [anak] menteri China yang lima ratus itu disuruh diam di Bukit China; itu pun dinamai Bukit China datang sekarang. Ialah yang berbuat perigi di Bukit China itu: anak cucu orang itulah dinamai bijuanda China. Maka Sultan Mansur Syah memberi persalinan akan menteri China yang menghantar puteri itu. Maka ia pun mohonlah kembali.

Kononnya selepas menjadi menantu Maharaja China barulah Sultan Mansur Syah mentahkan Tun Telanai dan Menteri Jana Putera pergi ke benua China berkirim sembah kepada Maharaja China. Tentang 'berkirim sembah' dan 'berkirim salam' pada zaman Kesultanan Melaka, ada

baiknya didalam sedikit bagaimana adat sedemikian timbul dan dilaksanakan. Hal yang demikian timbul oleh sebab Melaka harus membuat perhubungan diplomasi di sekitarnya dan di peringkat antarabangsa.

Adat Perutusan Melaka

Dasar perhubungan antarabangsa Melaka yang bertindak sebagai sebuah Empayar memerlukan dasar yang jelas lagi tegas. Ini bererti bahawa setiap negeri yang berhubung dengannya akan diberi layanan mengikut status negeri itu vis-à-vis Melaka. Dalam jangka masa 35 tahun pertama, Melaka menganggap negeri China sebagai penaungnya dan menghantar utfi ke negeri itu, sambil berbaik-baik dengan Pasai dan Jawa. Setelah merasakan dirinya kuat, Melaka mula menjalankan program peluasan dengan menakluk negeri-negeri dan jajahan yang kecil di sebelah menyebelah Selat Melaka. Setelah dapat mengalahkan serangan Siam dua kali, Melaka merasakan dirinya sudah dapat menetapkan dasar 'daripada banyak satu, lebih baik bersahabat banyak.'

Titah Sultan Mansur Syah kepada menteri-menteri baginda:

Apa bicara tuan hamba sekalian? Baiklah kita menyuruh ke benua Siam; apa sudahnya kita berhalangan selama ini. Kita berkelahi dengan dia pun tiada, dan berdamai pun tiada. Orang Siam tiada datang ke Melaka, dan orang Melaka pun tiada pergi ke Siam (*Sejarah Melayu* edisi Shellabear, cetera 13).

Pendapat Sultan Mansur itu dipersetujui para menteri, lalu Bendahara dititahkan mengarang surat yang kemudian hari menjadi dasar perutusan antara Melaka dan negeri-negeri luar. Bagi Siam suratnya berupa 'surat neutral':

Hendaklah tuan hamba karang surat kita ke benua Siam. Kehendak kita, surat itu sembah janggan, salam pun janggan, kasih sayang pun janggan (*Sejarah Melayu*, cetera 13).

Disebut 'surat neutral' kerana Melaka pada masa itu sudah menetapkan tiga jenis surat perutusan bagi negeri-negeri di sekitarnya sama ada di dalam atau di luar Empayar Melaka. Negeri-negeri ini bolehlah dibahagi kepada empat taraf atau darjat mengikut ukuran kerajaan Melaka (Syed Zulfida, 1978: 119 – 129).

A. Negeri yang dianggap sebagai lebih tinggi tarafnya daripada Melaka. – Dalam pandangan Melaka hanya negeri China yang mempunyai taraf ini, dan Melaka menghantar 'surat sembah' serta

utfi kepadanya.

Surat Sembah Raja Melaka kepada Maharaja China berbunyi: "Sahaya raja Melaka empunyai sembah, datang kepada paduka ayahanda raja China."

Demikian juga raja Brunei berkirim sembah ke Melaka, berbunyi: "Paduka anakanda empunyai sembah datang ke Bawah Duli Paduka ayahanda."

B. Negeri yang tarafnya sebanding atau sama darjat dengan Melaka. Pasai dan Aru termasuk dalam kategori ini kerana nyata kedua-dua negeri itu tidak dapat ditaklukkan oleh Melaka sepenuhnya. Kedua-duanya menerima 'surat salam' dari Melaka.

Bunyiya seperti yang berikut ini:

"Salam doa paduka kakanda datang kepada paduka adinda seri Sultan *al-mu'azzam al-malik al-mukarram zillu'llah fi'l-'alam*."

C. Negeri yang tertakluk atau bernaung di bawah pemerintahan Melaka atau bernaung di bawah raja Melaka. Negeri-negeri ini seperti Pahang, Siak, Rokan, Inderagiri, Kampar, Lingga, Kedah, Manjung, Beruas dan Terengganu. Negeri-negeri ini menyampaikan 'surat sembah' kepada Melaka.

Bunyi 'surat sembah' adalah seperti berikut ini:

"Salam doa paduka kakanda/adinda [menurut usia raja yang berkenaan] datang kepada paduka adinda/kekanda."

D. Negeri yang dianggap bermusuhan dengan Melaka, iaitu negeri Siam. Kemudian apabila hubungan menjadi baik, negeri itu dianggap setaraf jua. Jika Siam tidak bermusuhan dengan Melaka, tentu negeri itu menerima 'surat kasih' tetapi oleh sebab permusuhan pernah wujud maka Raja Melaka menetapkan sembah pun janggan, salam pun tidak, surat kasih pun janggan. Ertinya, Melaka menghantar sepucuk surat yang neutral.

Bagi Pasai dan Aru, 'surat salam' dihantar kerana kedua-duanya sudah Islam. Negeri-negeri yang di luar Darul-Islam dikirim 'surat kasih'.



Puteri Dunia Melayu

Walaupun ada peraturan demikian namun jika satu pihak mengubah perkataan 'salam' menjadi 'sembah' maka boleh mendatangkan huru-hara, seperti peristiwa surat dari Aru apabila sampai ke Pasai, orang yang membaca surat itu daripada membaca: Paduka kakanda empunya salam, maka dibacanya Paduka kekanda empunya sembah. Beberapa kali ditegur utusan Aru, tetapi tidak dihiraukannya, lalu mengamuklah utusan itu di istana Pasai, seraya berkata:

"Lain surat, lain dibaca! Remak [lebih baik] mati di tanah Pasai ini, jangan mati di tanah Aru. Jikalau dimakan anjing Pasai pun biarlah sebab sepatut ini!"

Sebagai akibat perubahan satu patah perkataan itu Aru dan Pasai berkelahi beberapa tahun. Mengetahui hal yang demikian maka apabila Melaka hendak berutus ke Pasai, disuruh hafaz kandungan surat itu pada utusannya. Demikian berlaku kepada utusan Melaka Orang kaya Tun Muhammad tatkala sampai di Pasai lalu ditanya orang Pasai, "Manakah surat? Marilah kami arak." Maka kata Tun Muhammad, "Hambalah surat, araklah hamba." Lalu dia dinaikkan ke atas gajah lalu diarak ke istana dan dia sendiri melafazkan isi kandungan surat daripada Raja Melaka kepada Raja Pasai.

Walaupun kita menyimpang sedikit daripada cerita Puteri Hwang Li-po namun kehadiran puteri China itu di Melaka mungkin sedikit sebanyak mengubah penulisan surat diplomasi Melaka, kerana negara China amat teliti tentang surat diplomasinya ke negara-negara lain. Biasanya surat kerajaan China ditulis atas kertas khas yang amat bernilai. Pernah penulis surat diraja membuat kesilapan dalam satu perkataan surat untuk Raja Melaka lalu disembahkan kepada Maharaja China. Baginda menyuruh tulis surat itu semula. Sahut penulis itu bahawa kertas khas akan digu-

nakan berlebihan kerana surat itu cuma untuk raja Melaka. Baginda murka lalu beritahu:

"Kita jangan perkecilkan darjat mana-mana raja. Tuliskan semula surat itu dengan betul. Ini bukan tentang nilai kertas tetapi nilai persahabatan dan maruah kerajaan China terhadap negara-negara uftinya."

Puteri Hwang Li-po tentunya seorang yang bersopan santun dan berbudi tinggi kerana telah mengasuh anak cucu baginda Sultan Mansur Syah dengan baik. Menurut *Sejarah Melayu*:

"Syahadan akan Paduka Mimat, anak Sultan Mansur Syah dengan Puteri Hwang Li-po, anak raja China itu pun sudah hilang. Ada lagi seorang anak baginda laki-laki. Paduka Seri China namanya, dirajakan oleh Sultan Mansur Syah di Jeram, hampir Langat; dan sekarang pun ada lagi kotanya, dan orang di Jeram itu pun baik-baik bahasanya jika orang bertemu."

Sultan mempengaruhi kehidupan di istana. Puteri Hwang Li-po tentunya mempengaruhi kesenian tempatan dengan penggunaan bahan-bahan dan barang-barang China di Melaka. Nampaknya Puteri Hwang Li-po dapat dengan mudah menyesuaikan diri di kalangan orang Melayu kerana China peranakan (Baba dan Nyonya) yang dikatakan keturunan para pengiring dan dayang baginda itu mempunyai cara hidup yang bersopan santun dan banyak memakai adat resam Melayu. Selain itu orang di Jeram yang ditadbir oleh Paduka Seri China juga dikatakan orang baik budi bahasa mereka itu. Perkara ini tentulah tidak terjadi dengan sengaja. Tentulah dipelajari daripada contoh dan teladan yang baik yang memerintah mereka itu. Bak kata peribahasa Melayu: Benih yang baik jatuh ke laut menjadi pulau.



Tun Manda

PENGORBANAN DAN PERPISAHAN

Cerita Tun Manda dan Pangeran Surabaya adalah peristiwa 'panjat angkara' yang amat masyhur di dalam *Sejarah Melayu*. Perkataan 'panjat' yang biasanya bermaksud naik atau mendaki boleh bermaksud sesuatu yang dramatik dan adakalanya ngeri dan luar biasa. Maksudnya yang lain ialah memasuki (biasanya lelaki) ke dalam rumah untuk mendapatkan seorang perempuan (untuk diperisteri) tetapi perempuan itu tidak dibenarkan berkahwin dengan lelaki yang melamarnya. Perempuan itu akan ditawan dengan keris terhunus diacukan padanya. Kata dua yang berlaku ialah sama ada dibenarkan perempuan itu berkahwin dengan si penceroboh itu atau perempuan itu dibunuh.

Panajat ada dua jenis: satu panjat angkara dan dua panjat adat, iaitu secara keras seperti yang diringkaskan di atas secara adat. Kedua-dua jenis panjat ini berlaku dalam masyarakat Melayu menurut ketetapan dan peraturannya yang tertentu.

Panajat angkara berlaku tatkala seorang lelaki memanjat rumah dan menceroboh masuk rumah seorang gadis dengan keris atau pun senjata yang lain. Dia mesti menawan gadis itu (dipegang erat atau diikat). Jika saudara mara gadis itu ada mereka boleh terus membunuhnya. Oleh itu dia harus seorang yang gagah dan handal serta rakan-rakan yang sedia membantunya, juga jika dia

dari keluarga yang berpengaruh. Seseorang yang berani melakukan panjat angkara untuk mendapatkan seorang gadis yang telah ditolak lamarannya oleh keluarga gadis itu, harus memenuhi tiga syarat:

1. Kerapatan banyak (orang atau sahabat yang menyokong)
2. Wang banyak (pembayaran berganda yang harus dibayar)
3. Jantannya berlebih (berani menghadapi pelbagai kemungkinan termasuk maut)

Pada zaman Sultan Mahmud Syah (1488–1528) kesultanan Melaka sudah mula menampakkan gejala keruntuhan walaupun secara keseluruhan Melaka masih kelihatan gemilang, makmur dan menikmati peradaban yang tinggi. Bak kata pepatah: Ikan menjadi busuk terlebih dahulu dari kepalanya. Hal demikian memang benar buat Empayar Melaka ketika itu. Sultan Mahmud seorang raja yang zalim (membunuh atas perkara remeh-temeh, baik rakyat mahupun saudaranya sendiri); suka bermain muda (merampas Tun Dewi daripada kekasihnya dan menaiki rumah Tun Bayazid semasa dia tiada) dan baginda tiada mengendahkan sangat akan pentadbiran.

Yang sebenarnya menjadi 'orang kuat' Melaka pada masa itu ialah dua adik-beradik bernama Tun Mutahir yang memegang jawatan Bendahara, dan abangnya Tun Tahir yang menjadi Penghulu



Bendahari. Mereka berdua ini, termasuk Tun Senaja (bonda Sultan Mahmud) adalah anak Seri Nara Diraja Tun Ali dengan Tun Kudu, kakak Bendahara Paduka Raja Tun Perak. Tun Ali ada seorang lagi anak lelaki bernama Tun Abdullah tetapi lain bondanya. Tun Abdullah pula mempunyai beberapa orang anak lelaki dan perempuan; seorang perempuan bernama Tun Manda dan dia diangkat anak oleh Seri Nara Diraja Tun Tahir.

Pada satu hari berlabuhlah kapal dari Tanah Jawa di Melaka. Antara orang yang mendarat ialah Pangeran Surabaya bernama Patih Adam, yang datang mengadap Sultan Mahmud Syah. Patih Adam dianugerahi persalinan dan disuruh duduk tara Menteri. Setelah beberapa hari di Melaka, Patih Adam pergi mengunjungi Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir. Sambil berbual-bual di selasar bersama-sama Seri Nara Diraja Tun Tahir, maka keluarlah Tun Manda yang pada masa itu masih lagi kecil baru tahu berlari-lari jatuh, lalu berlari-larilah di hadapan Tun Tahir, bapa angkatnya. Kata Tun Tahir kepada Patih Adam:

"Dengarlah kata anak hamba ini. Konon katanya dia hendak berlakikan tuan hamba."

Patih Adam, mendengar kata-kata itu pun tunduk seraya menyembah: "Inggeh" [bahasa Jawa: Ya].

Apabila sampai musim kembali ke Jawa, Patih Adam pun memohon pada Sultan Mahmud Syah lalu dianugerahi persalinan setaraf dengan pangkatnya sebagai Pangeran Surabaya. Sebelum kembali Patih Adam telah menebus seorang budak perempuan di kalangan orang Jawa di Melaka. Budak itu sama umurnya seperti Tun Manda, dan besarnya pun sama; lalu dibawa kembali ke Surabaya. Setelah sampai di Surabaya budak perempuan itu dipelihara dengan baik. Tahun demi tahun Patih Adam menunggu sambil memerhati budak kecil itu membesar; dari gadis sunti sehingga menjadi gadis yang boleh disunting. Tatkala budak itu patut bersuami maka diberinya bersuami.

Patih Adam pula mengerah orangnya berlangkap kerana hendak belayar ke Melaka. Dipilihinya 40 anak peria [pegawai istana] yang gagah berani untuk menjadi pengawal peribadinya. Sesampai ke

Melaka pergilah Patih Adam ke rumah Seri Nara Diraja Tun Tahir untuk menuntut janji, katanya:

"Manira [aku] datang ini hendak minta janji andeka [benar] pakanira [engkau], hendak mendudukkan [mengahwinkan] manira dengan anakanda."

Terperanjat Tun Tahir mendengar kata-kata Patih Adam, lalu dijawabnya: "Tiada hamba berjanji hendak mendudukkan anak hamba dengan tuan hamba."

Patih Adam menceritakan kembali: "Tiadakah tatkala anakanda lagi berlari-lari maka kata tuan: 'Patih Adam, dengar kata anak hamba ini, ia hendak berlakikan tuan hamba?'"

Sahut Seri Nara Diraja: "Sungguh hamba berkata-kata demikian, tetapi hamba bergurau juga dengan tuan hamba."

Ujar Patih Adam: "Adakah adat peria [adat orang bangsawan] diperguraukan orang?"

Patih Adam kembali pada senggerahannya [rumah tumpangan] dengan rasa marah dan tidak puas hati maka timbullah dalam hatinya hendak merogol Tun Manda. Cuma tinggal masa dan kesempatan.

Tun Manda, anak angkat Seri Nara Diraja Tun Tahir itu sudah besar dan diberi rumah sendiri hampir dengan rumah Tun Tahir, lengkap dengan para dayang dan penunggu rumah. Tatkala tiada orang kelihatan Patih Adam datang berbual-bual dengan penunggu pintu luar lalu diberinya emas seraya berkata:

"Berilah aku masuk ke rumah Tun Manda bersama pengikut-pengikut aku empat puluh orang."

Melihat emas begitu banyak maka gelaplah mata penunggu pintu itu dan luruhlah tanggungjawabnya bagi daun berguguran, dan larilah taat setianya pada maruah yang harus dipeliharanya. Sungguhlah bagai sabda Saiyidina Ali bin Abi Talib (*karamullahu wajlahu*): *La Khaira 'i-Wafa' 'ala man la asla lahu*, maksudnya:



Sia-sia bersetia atas orang yang tiada berbangsa baginya.

Pada suatu malam datanglah Patih Adam dan empat puluh pengikutnya lalu masuk ke halaman rumah yang sudah sedia terbuka. Patih Adam pun naiklah ke rumah Tun Manda. Orang di dalam rumah pun gemparlah namun seorang dayang dapat lulus daripada kepungan itu dan lari memberi tahu Seri Nara Diraja Tun Tahir. Amatlah marah pembesar Melaka itu seraya menyuruh memanggil orang berhimpun dengan senjatanya. Rumah Tun Manda terus dikepung. Di atas rumah itu Patih Adam duduk di sisi Tun Manda, ditindahinya paha gadis itu. Dia pun menghuraikan sabuknya [ikat pinggang] lalu diikatnya pinggang Tun Manda sekerat dan diikatkannya pada pinggangnya sendiri sekerat. Selesai kerja mengikat erat mereka berdua, barulah Patih Adam menghunus kerisnya dan menunggu padah tindakannya itu.

Orang yang mengepung rumah itu terlalu banyak berlapis-lapis. Empat puluh anak periaii pilihan itu pun berlawan menentang orang Seri Nara Diraja yang mengepung itu. Setelah beberapa lama maka habis dibunuh orang semua empat puluh pengikut Patih Adam itu, lalu diberi tahu orang kepadanya "*Kabeh sampun pecah.*"

Sahut Patih Adam: "*Dendamene kang sampun pecah kabeh ingsun putera di dalem ikabela nanging pararatu.* (Biarlah habis mati semuanya, akan aku anak orang ini pun padalah.) Rumah itu pun dinaiki orang lalu mereka pun menyerbu hendak membunuh Patih Adam.

Ketika itu kata Patih Adam: "Jikalau aku dibunuh, anak orang ini kubunuh!"

Orang pun terhenti lalu diberitahu kepada Seri Nara Diraja akan kata-kata dan kelakuan Patih Adam itu.

Kata Seri Nara Diraja: "Jangan ia dibunuh, takut anak hamba

dibunuhnya, kerana pada hamba, jikalau seluruh Jawa itu pun sekali jikalau anak hamba mati tiada sama pada hamba."

Tidaklah jadi Patih Adam dibunuh; tetapi dikahwinkan dengan Tun Manda. Selama Patih Adam berada di Melaka tiada pernah dia bercerai barang sejadi jua pun dengan Tun Manda. Ke mana sahaja dia pergi bersama-sama jua, seperti keroncor dengan belangkas lakunya. Akan Tun Manda yang cantik jelita itu dan oleh sebab dirinya telah terbunuh empat puluh anak orang bangsawan Surabaya selain beberapa orang Melaka tidaklah kita tahu apa perasaannya. Pertama, yang kita tahu Tun Manda ialah mangsa keadaan yang luar daripada kawalannya. Kata-kata seloroh yang dianggap gurauan oleh ayah angkatnya itu telah disalah tafsirkan oleh pemuda Jawa, sehingga kerana beliau banyak nyawa terkorban.

Kedua, Tun Manda telah diberi lanjutan umur atas kasih sayang ayah angkatnya, Tun Tahir. Tentunya beliau berterima kasih kerana itu walaupun akhirnya di bawa ke Surabaya dan 'menjadi orang Jawa.'

Ketiga, tentunya Patih Adam lebih tua daripada Tun Manda, besar kemungkinan dua kali lebih tua daripada isteri yang diidamkannya itu. Dan bagi Seri Nara Diraja, walaupun sedih berpisah dengan anak angkatnya itu tentu bersyukur kerana dapat menyelamatkan nyawanya.

Apabila musim kembali ke Jawa tiba, Patih Adam memohonlah kepada Seri Nara Diraja hendak kembali membawa Tun Manda sekali, maka dibenarkan oleh Seri Nara Diraja. Patih Adam pun mengadap Sultan Mahmud Syah lalu baginda menganugerahi persalinan pakaian selengkapnya. Patih Adam pun baylorlah kembali ke Surabaya. Dengan Tun Manda, Patih Adam mendapat seorang putera bernama Tun Husain yang menggantikan Patih Adam menjadi Pangeran Surabaya kemudian hari.



Rumah Melaka



Cik Duan Cik Seni

BERASAL ANAK BENA MENURUNKAN ANAK GAHARA

Kita pernah dengar tentang istilah 'kaum kerabat' dan di kalangan raja-raja, kerabat diraja'. Kedua-dua istilah ini bermaksud orang yang rapat kepada kita atau kepada raja. Namun di Negeri Sembilan ada satu kaum yang diberi nama 'Air Kaki' dan mereka inilah yang paling rapat dengan peribadi Yang Dipertuan di Seri Menanti. Siapakah anggota Air Kaki ini dan apakah peranan atau fungsi mereka? Menurut Aturan Seri Menanti:

Asal-usul Air Kaki itu bermula dengan dua orang saudara laki-laki dan dua orang saudara perempuan. Salah seorang saudara perempuan itu bernama Encik [gelaran untuk orang baik-baik dari golongan rakyat, baik lelaki mahupun perempuan] Seni, dan dialah yang diperisteri oleh Raja Melewar (1773–1795). Kakaknya bernama Encik Jangka dan dialah yang menjadi Air Kaki. Antara saudara laki-laki itu seorang menjadi Raja Diwangsa dan seorang lagi digelar Seri Amar Diraja. Kedua-duanya menjadi pengikut baginda yang dipercayai, yang menjadi utusan baginda kepada para penghulu dan juga mengendalikan perihal istana dan alat-alat kebesaran raja. Mereka

menentukan apa-apa yang salah dan yang betul di dalam istana, sama ada pada waktu siang mahupun pada waktu malam.

Sumber dari Sungai Ujong nampaknya lebih bersifat sejarah dan lebih jelas:

Apabila Penghulu Na'am, dari Muar, telah dipancing dan Raja Khatib melarikan diri ke Pahang, Raja Melewar pun menahan dua orang anak dara Penghulu itu. Kemudian apabila huru-hara itu berakhir dan orang pun kembali ke kediaman masing-masing, dua orang anak laki-laki Penghulu Na'am datang bertanya khabar tentang dua orang saudara perempuan mereka. Kata Raja Melewar, "Kami tidak menyuruh mereka menjaga ayam-itik kami, dan tidak juga kami suruh bekerja di luar. Kami meletakkan harta kami yang paling bernilai di dalam jagaan mereka." Selepas itu baginda pun berkahwin dengan kedua-dua anak dara itu, dan menjadikan seorang daripada saudara laki-laki itu Seri Amar Diraja dan yang seorang lagi Raja Diwangsa, dan dengan itu maka Air Kaki segala raja di Seri Menanti berasal dari suku Batu Hampar dan adalah keturunan Penghulu Na'am dari Muar. Suku Batu Hampar itulah yang paling rapat hubungannya





dengan Yamtuan.

Keluarga Air Kaki yang turun-temurun melalui sebelah perempuan, mempunyai monopoli tentang pegawai-pegawai yang menyelenggarakan perihal peribadi Yamtuan seperti Seri Amar Diraja dan Raja Diwangsa, manakala pihak perempuan pula menikmati hubungan yang lebih rapat dengan Yamtuan. Kebiasaannya isteri utama Yamtuan sama ada dari kerabat diraja (digelar Tengku Puan) ataupun dari Air Kaki (digelar Encik Puan/Cik Puan).

Satu lagi cerita yang dianggap rasmi adalah seperti berikut:

Apabila Raja Khatib melarikan diri dan Penghulu Na'am telah dihukum pancung oleh Raja Melewar maka perkelahian itu pun berakhir. Raja Melewar pun kembali ke Rembau membawa bersama-sama baginda Encik Seni, anak perempuan Penghulu yang mati itu. Raja Melewar pun bersemayam di Penajis, Rembau dan ditabalkan oleh Undang Yang Empat lalu bergelar Sultan Mahmud ibni al-Marhum Sultan Abdul Jalil Syah. Dua orang saudara Encik Seni itu pun berpakat dengan dua orang laki-laki dari Tanah Datar bernama Cantik dan Molek untuk mencari saudara perempuan mereka. Apabila sampai di Penajis keempat-empat laki-laki itu cuba masuk ke dalam kawasan istana tetapi dihalang oleh pengawal di pagar. Apabila didengar oleh Encik Seni saudara-saudaranya bertengkar di luar istana dia pun berkejar mencari kekasihnya dengan air mata bercucuran. Titah Raja Melewar: "Mengapa adinda menangis? Apakah hingar-bingar di luar sana?" Encik Seni pun menjelaskan bahawa kaum kerabatnya datang hendak mengadap Yamtuan tetapi tidak dibenarkan masuk. Titah Raja Melewar baginda ingin sangat berjumpa mereka. Laki-laki berempat itu pun naik tangga, lalu duduk kedua-duanya di serambi sementara Raja Melewar pula keluar lalu bersemayam pada penterana. Kemudian barulah seorang bertanya khabar tentang saudara perempuan mereka. Sahut Yamtuan, "Bukanlah niat kita hendak menghina saudara perempuan kamu apabila kita mengambil dia. Kita lakukan yang terbaik untuknya. Dia akan menjadi peti benian kita, dan kamu akan menjaga anak kuncinya. Baginda pun bertanya Encik Seni, "Adakah laki-laki ini benar-benar saudara kamu?" Lalu jawab Encik Seni, "Ya, dua daripada mereka adalah saudara hamba, dan dua lagi adalah orang Tanah



Puteri : Jabatan Muzium dan Antikuiti

Puteri dari Madura memakai baju kebaya wanita kepulauan Jawa dipadan dengan kain batik tulis Madura warna merah bata dan biru. Kalung daripada manik dan kepingan emas turut menghias diri.



Puteri Dunia Melayu

Datar yang ada hubungan dengan kami.” Maka Yamtuan bertitah, “Kembalilah ke Seri Menanti dan bangunkan sebuah istana untukku supaya aku dapat bersemayam di sana apabila aku berangkat kelak.” Mereka pun menyelenggarakan istana itu dan apabila siap mereka pun pergi ke Rembau lalu mengiring Yamtuan ke Seri Menanti, dan di sana baginda menggelar Encik Seni itu ‘Cik Puan’, dan dua orang saudara laki-lakinya gelaran Seri Amar Diraja dan Raja Diwangsa, dan kepada dua orang Tanah Datar itu gelaran Penghulu Dagang dan Akhinzaman.

Begitulah peri pentingnya peranan Encik Seni dalam mempereratkan hubungan saudara-maranya dari Batu Hampar serta orang Tanah Datar dengan Yamtuan Raja Melewar yang menjadi Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan yang pertama. Beliau juga menaikkan taraf dirinya dari perempuan biasa anak seorang Penghulu ke taraf permaisuri bergelar ‘Cik Puan’ dan kerana beliauah pegawai-pegawai paling rapat dengan Yamtuan dapat menyandang jawatan turun-temurun.

Ada kalanya ada juga disebut antara Air Kaki dan Air Kaki yang jernih. Secara rasmi dikatakan Air Kaki yang jernih itu dihidkan kepada penduduk Batu Hampar yang mendiami kawasan Sungai Layang di Seri Menanti, manakala Air Kaki meliputi kesemua penduduk Batu Hampar di sekitar istana. Perbezaannya adalah antara Air Kaki sebenar (atau ahli anggota keluarga khusus yang menjadi pegawai istana pertama kepada Raja Melewar) dan seluruh anggota Suku Batu Hampar yang melahirkan keluarga khusus tadi.

Ada perbilangan kata tentang Air Kaki yang sebenar: Sekecil-kecil Air Kaki bersamaan tarafnya dengan Undang, dan sebesar-besar Air Kaki bersamaan tarafnya dengan anak putera. Namun, ini tidaklah diturut secara hurufiah atau dipraktikkan, selain menggambarkan betapa pentingnya peranan dan fungsi Air Kaki itu.

Sekarang eloklah kita tinjau pula apakah peranan pegawai-pegawai dari Air Kaki dan Tanah Datar. Dua orang daripada Air Kaki dan dua orang daripada Tanah Datar diangkat menjadi Orang Empat Istana, dan pangkat mereka adalah seperti berikut:

- Dato’ Seri Amar Diraja (Air Kaki)

- Dato’ Raja Diwangsa (Air Kaki)
- Penghulu Dagang (Tanah Datar)
- Datuk Akhinzaman (Tanah Datar)

Peranan mereka ini adalah seperti berikut :

Peranan Orang Empat Istana sebagai pegawai pengelola di dalam istana. Mereka menyambut Undang yang datang dari daerah masing-masing ke istana. Seri Amar Diraja dan Raja Diwangsa duduk mengadap Yamtuan sehinggalah baginda sedia menerima Undang itu. Apabila Yamtuan bertitah supaya Undang dibawa mengadap, Akhinzaman dan Penghulu Dagang yang mengiring Undang masuk mengadap, datuk yang dua tadi tidak bergerak. Dua pegawai Air Kaki telah diamanahkan menyimpan kunci peti benian Yamtuan. Mereka juga yang menjaga segala alat dan lambang kebesaran Yamtuan.

Siapakah suku Batu Hampar yang tinggal di Sungai Layang itu. Dikatakan mereka itu berasal dari Luak Agam di negeri Minangkabau. Ketua pendarat terawal itu bergelar Dato’ Raja yang dikatakan dari keluarga Bendahara Sakti yang memerintah Luak Sungai Terap dan bergelar Penghulu Alam Minangkabau. Daripadanya dikatakan turun Dato’ Amar Raja dan Dato’ Maharaja Diwangsa. Adat dan pesakanya Air Kaki jernih dapat digambarkan melalui perbilangan ini:

Ke laut dijadikan apung,
Ke bukit dijadikan tongkat,
Ke darat dijadikan suluh,
Dirampung [cacat] menjadi tampung tawar sedingin.

Begitulah besarnya perkhidmatan yang diberikan kepada Yamtuan.

Mari kita tinjau pula bagaimana orang Tanah Datar ada kaitannya dengan Encik Seni serta ketua-ketua pertama orang Batu Hampar. Ahli suku Tanah Datar yang pertama adalah dua orang yang ada talian saudara, Sultan Sumanik dan Sultan Johan Kebesaran dari keluarga Datuk Makhdm Sakti di Sumanik. Mereka itu datang dengan pengikut yang ramai, mula-mula singgah di Siak, tetapi tidak singgah di Johor, terus menyeberang ke Melaka kemudian melalui Rembau barulah sampai ke Seri Menanti. Sultan Sumanik



Puteri Dunia Melayu

membuat petempatan di Air Merbau Anjing Beranak dan Sultan Johan membuka petempatan di Tanjung Alam. Kemudian daripada itu datang pula tiga orang ternama dari Minangkabau: Tuk Putih dari Seri Lemak di Minangkabau, dijadikan Pawang Negeri dan tinggal di Kuala Gamin; Tuk Laut dari Mungkal yang diam di Kuala Air Humba Tali; Tuk Syeikh dari Seri Melenggang yang diam di Anak Air Sungai Lantah. Kelima-lima peneroka awal ini menjadi sahabat baik. Kemudian apabila bilangan penduduk bertambah dan dirasakan perlu ada seorang Penghulu, maka anak gadis Penghulu Inas yang bernama Senduk Mas, dipinang oleh orang Minangkabau untuk dikahwinkan kepada salah seorang di kalangan mereka yang bernama Khatib Akhir. Daripada perkongsian hidup mereka itulah lahirnya Na'am, Penghulu Muar yang pertama. Penghulu Na'am

pula berkahwin dengan seorang perempuan dari Luak Batu Hampar dan memperoleh lima orang anak, antaranya tiga adalah anak perempuan, iaitu Warna Mas, Nyai Koreng dan Encik Seni, manakala dua lagi adalah laki-laki, yang menjadi ketua-ketua Luak Batu Hampar. Raja Khatib berkahwin dengan Warna Mas. Setelah menghalau Raja Khatib dan memancung Penghulu Na'am, Raja Melewar memperluaskan keturunannya sendiri dengan mengambil-pakai konsep *matriarchal* dengan mengahwini Encik Seni.

Begitulah kisah Encik Seni yang asalnya anak benua [anak daripada ibu bapa orang biasa/kebanyakan] setelah diperisteri oleh raja maka keturunannya menjadi anak gahara [anak daripada kedua-dua ibu bapa raja].



*Buat bangsal di Pulau Daik,
Menahan taut sambil mengilau;
Kalau asal benih yang baik,
Jatuh ke laut menjadi pulau.*



Seri Banun

KEJELITAANYA MENCETUS KEMERDEKAAN NEGERINYA

Pembaca budiman, tahukah anda bahawa gelaran bagi Undang Jelebu yang pertama berbunyi 'Datuk Mendika Menteri Akhir Zaman Sultan Jelebu'? Dan Luak Jelebu yang mula-mula memutuskan hubungan (tidak lagi beraja) ke Johor? Bagaimanapun hal yang sedemikian itu berlaku. Ia berlaku oleh seorang puteri Rembau bernama Seri Banun.

Kecantikan Seri Banun, puteri Orang Kaya Kecil, Datuk Undang Rembau menjadi sebutan setiap teruna di daerah itu malah keayaannya menjadi impian setiap jejaka ingin memperisterikannya. Bagi mengelakkan sebarang bencana yang mungkin tiba, Seri Banun ditunangkan dengan seorang pemuda pilihan Datuk Undang Rembau itu. Namun begitu, kejelitaan Seri Banun sampai ke pengetahuan Sultan Johor, yang terus jatuh asyik lalu menghantar utusan ke Rembau memiming Seri Banun. Tetapi apabila utusan baginda itu sampai ke Rembau, mereka diberitahu bahawa pinangan Sultan Johor itu tidak dapat diterima kerana Seri Banun telah bertunang dengan seorang pemuda di Rembau. Apabila hal itu dipersembahkan kepada baginda, maka murkalah baginda lalu memerintahkan Orang Kaya Kecil Undang Rembau itu datang mengadap baginda.

Undang Rembau tidak mahu pergi ke Johor, melainkan -

dihantarnya seorang anak lelakinya yang bernama Si Amat mengadap Sultan Johor. Apabila sampai di Johor ia pun mengadap Sultan Johor. Si Amat serta merta dibunuh kerana baginda bukan berkehendakkan dia datang ke Johor melainkan ayahnya Undang Rembau. Berita Si Amat dibunuh oleh Sultan Johor itu segera sampai ke Rembau dan ke seluruh Negeri Sembilan.

Orang Kaya Kecil Datuk Undang Rembau yang berasa tercabar dengan tindakan zalim Sultan Johor itu mengarahkan beberapa orang pergi mendapatkan bantuan ke Johol dan ke Sungai Ujong tetapi tidak mendapat sebarang bantuan. Namun begitu Orang Kaya Kecil tidak putus asa lalu beliau sendiri pergi ke Jelebu untuk mendapatkan bantuan Penghulu Jelebu, Datuk Moyang Saleh. Setelah mendengar aduan daripada Undang Rembau, Moyang Saleh pun amat marah akan perbuatan Sultan itu lalu beliau pun menyanggupi tugas menuntut keadilan atas kematian Si Amat anak Undang Rembau itu; lalu mengumpul beberapa orang pendekar mengiringinya ke Johor. Mereka itu ialah Tuk Beruang Hitam, Tuk Laut Api, Tuk Bauk dan Tuk Gagah Lela Perkasa. Hajat Moyang Saleh ialah hendak menuntut bela kematian Si Amat seorang anak buah yang tidak berdosa, seperti kata petitiuh Adat Perpatih: 'Cincang mampus, bunuh beri balas.'

Pada masa itu penduduk yang asal di Jelebu ialah dari dua pihak: puak Biduanda Asli iaitu Biduanda Sasilah dan satu lagi puak



Puteri Dunia Melayu

Biduanda yang telah bersemenda dengan orang Minangkabau iaitu Biduanda Waris. Selepas Datuk Gombak, jawatan Batin diwarisi oleh keturunan Moyang Angsa anak Datuk Niko Raja Sari Kempai, yang bernama Moyang Acheh. Moyang Acheh ini dari sebelah perempuan iaitu nasab dari Moyang Angsa. Moyang Acheh bersuamikan Datuk Mentunggang yang datang dari Pagar Ruyung, Minangkabau lalu menjadi Penghulu di Jelebu seperti Datuk Gombak juga. Dan Moyang Saleh adalah keturunan Moyang Acheh yang tersebut di atas.

Setelah beberapa lama di jalan, angkatan Moyang Saleh pun sampai di Johor lalu menuju ke istana Sultan Johor. Setelah memberitahu kepada pihak istana bahawa rombongan Datuk Penghulu Jelebu hendak masuk mengadap namun mereka tidak diendahkan, tidak dibawa masuk bahkan tidak dilayan langsung sebagai tetamu. Oleh kerana terlalu marah Tuk Gagah Lela Perkasa mengugut untuk masuk ke dalam istana dan memperkosa gundik-gundik Sultan sebagai balasan layanan buruk yang mereka terima. Tetapi cadangan itu dilarang oleh Moyang Saleh dengan kata-kata bahawa kedatangan mereka bukan untuk melakukan kejahatan tetapi menuntut keadilan. Moyang Saleh terus membawa rakan-rakannya duduk di atas sebuah busut besar di hadapan istana itu. Dalam masa itu turunlah hujan tidak berhenti-henti diiringi kilat dan halilintar. Moyang Saleh serta rakan-rakannya tetap duduk tidak berganjak. Namun Sultan masih tidak menjemput mereka naik ke istana.

Moyang Saleh mencampakkan bajunya ke atas dan baju itu terus berkembang seolah-olah payung melindungi mereka daripada hujan. Kesaktian ini dilihat oleh Sultan serta para pembesar dengan rasa gerun dan takut maka barulah Sultan membenarkan rombongan itu naik ke salah satu bangunan istana dan dijemput duduk di Bilik Melintang. Bagaimanapun, Sultan masih enggan bersemuka dan berunding dengan Moyang Saleh. Hal demikian menyebabkan pendekar itu tidak sabar. Perasaan marah yang meluap-luap membuatkan masing-masing menunjukkan belang. Tuk Beruang Hitam terus memamah-mamah tiang-tiang istana itu, dan Tuk Laut Api pula terbatuk-batuk lalu mengeluarkan kepulan asap dan api daripada mulutnya. Tuk Gagah Lela Perkasa

pula menggesel-geselan tubuhnya pada tiang seri hingga bergegar istana itu bagai dilanda gempa bumi. Tuk Bauk yang enggan naik ke istana menunjukkan kehebatannya dengan mencungkil dan menggali tanah hingga halaman istana itu berlubang-lubang. Dalam keadaan cemas dan takut itu para pembesar menasihati Sultan agar segera berunding dengan Moyang Saleh sebelum berlaku pertempuran yang nyata akan merugikan Sultan dan negeri Johor.

Oleh sebab baginda sendiri melihat semua itu dengan mata baginda maka baginda membenarkan Moyang Saleh serta hulubalangnya masuk mengadap. Semasa mengadap itu, Moyang Saleh tidak membangkitkan hal Si Amat anak Undang Rembau itu dibunuh melainkan beliau menyatakan kedudukan mereka itu hendak menuntut kebebasan dan memutuskan hubungan Jelebu dengan Johor.

Keesokan harinya, dalam satu pertemuan rasmi yang dihadiri para pembesar negeri serta Moyang Saleh dan empat orang hulubalangnya, maka Sultan Johor mengisytiharkan Moyang Saleh menjadi raja dengan gelaran 'Datuk Mendika Menteri Akhir Zaman Sultan Jelebu'. Dan mulai hari itu Datuk Moyang Saleh tidak perlu menyembah mana-mana raja, boleh mengeluarkan arahan dan perintah sendiri di wilayahnya, dan tidak lagi menerima perintah daripada Sultan Johor.

Setelah selesai segala urusan di Johor, Moyang Saleh pun kembali membawa rombongannya balik ke Jelebu. Sejak itu Jelebu tidak lagi beraja ke Johor; dan tidak lama kemudian semua daerah di Negeri Sembilan tidak lagi "beraja ke Johor, berti ke Siak dan bertuan ke Minangkabau". Kisah Moyang Saleh memutuskan perhubungan antara Jelebu dengan Johor ini berlaku kira-kira pada tahun 1725. Walau pun beliau digelar "Sultan" namun Undang Jelebu yang pertama itu tidak pernah memakai gelaran itu.

Itulah kisah yang berpunca daripada kejelitaan seorang puteri, Seri Banun, yang menyebabkan bebasnya bukan saja Daerah Jelebu bahkan seluruh Negeri Sembilan dari pemerintahan kuasa negeri luar, iaitu negeri Johor.



Tun Teja Ratna Benggala

PENCULIKNYA MENYEBABKAN SEORANG RAJA TURUN TAKHTA

Tun Teja Ratna Benggala,
Pandai membelah lada sulah;
Jika tuan tiada percaya,
Mari bersumpah kalam Allah

Inilah pantun yang dipersembah oleh Hang Nadim kepada Tun Teja, anak Bendahara Pahang yang cantik jelita itu ketika beliau disoal benarkan dia akan dipersembahkan kepada Raja Melaka, dan tidak dibawa lari untuk diperisterikan.

Ceritanya bermula dengan kemangkatan Sultan Muhammad raja Pahang, dan menurut *Sejarah Melayu* almarhum diganti oleh anakanda baginda Sultan Abdul Jamil yang hendak meminang Tun Teja anak Bendahara Pahang itu. Tetapi sejarah pula lain ceritanya. Sultan Muhammad (Sultan Pahang yang pertama) mangkat pada tahun 1475, dan diganti oleh kekandanya Sultan Ahmad Syah. Kedua-dua adik beradik ini memang sangat berhasrat hendak menjadi Raja Melaka tetapi sentiasa dihalang oleh Bendahara Tun Perak, jadi sentiasalah berlaku perselisihan dan dendam mendiami antara Raja Melaka dan Raja Pahang. Cerita Hang Nadim melarikan Tun Teja adalah satu daripada episod itu dan menjadi sebab Sultan Ahmad Syah turun takhta kerajaan lalu mengasingkan diri daripada orang ramai dan hidup secara zahid, diam di hulu iaitu di tempat yang bernama Lubok Pelang. Kejadian ini berlaku lebih kurang pada tahun 1494.

Tun Teja digelar 'Ratna Benggala' yang bererti 'intan permata dari Benggala', mungkin menggambarkan 'yang tercantik antara yang cantik'. *Sejarah Melayu* menyatakan '....terlalu baik parasnya dalam tanah Pahang, seorang pun tiada samanya pada zaman itu, barang lakunya sedap manis tiada berbagai....'.

Betapa cantiknya Tun Teja serta peribadinya yang menawan hati; yang digambarkan oleh Seri Dewa Raja kepada Sultan sangat menarik hati Sultan. Sayangnya, anak Bendahara Pahang itu sudah bertunang dengan Raja Pahang, hanya menunggu masa yang baik ketikanya untuk berkahwin. Setelah Sultan Mahmud mendengar khabar yang dibawa Seri Dewa Raja itu, baginda pun inginlah akan anak Bendahara Pahang itu, lalu titah baginda:

"Barangsiapa membawa anak Bendahara Pahang itu ke mari, apa yang dikehendaknya, kuanugerahkan akan dia. Jikalau ia hendakkan sekerat kota dan kerajaan sekalipun, kita anugerahkan, dan apa pun dosanya tiada kita bunuh."

Titah itu didengar oleh Hang Nadim yang berada di bawah balai penghadapan.

Hang Nadim sebagai hulubalang biasa, sekadar berlepak di bawah balairong seri tidak duduk di atas seperti menteri dan pembesar lain.



Sebelumnya Hang Nadim gagal menjalankan tugas membeli kain yang dibuat khas di Kalinga (di benua India) kerana kapal yang ditumpangnya karam di laut dan hanya dapat persembahkan empat helai kepada Sultan Mahmud. Mungkin kerana dimurka Sultan maka dia menanti di bawah balai kalau-kalau ada arahan daripada

menumpang baluk orang dan ketika sampai di Pahang dia bersahabat dengan seorang nakhoda Campa, Syed Ahmad namanya lalu semakin karib persahabatan mereka itu. Tanya Hang Nadim pada Nakhoda itu:

Tuan hamba kasih akan hamba ini, kasih sungguh-sungguhkah?



Photo: Wikimedia Commons

Makam Tun Teja di Merlimau, Melaka

Sultan atau menteri. Terdengar sahaja titah Sultan Mahmud itu, Hang Nadim terfikir dalam hatinya: "Baik aku pergi ke Pahang, mudah-mudahan dapat Tun Teja itu, kubawa ke bawah Duli Yang Dipertuan akan menghapuskan dosaku."

Dengan sedemikian, Hang Nadim pun pergi ke Pahang

Sahut Nakhoda Syed Ahmad: "Mengapa tuan hamba mengatakan kata-kata demikian ini kepada hamba? Pada perasaan hamba, hingga atas nyawa hamba sekalipun akan ubat tuan hamba, relalah hamba."

Mendengar kata-kata sahabatnya itu lalau Hang Nadim bertanya:



"Sungguhkah Tun Teja anak Bendahara Pahang itu terlalu baik akan kahwin." akan kahwin."

Jawab Sayyid Ahmad: "Sungguh, tetapi sudah bertunangan dengan

Yang Dipertuan Pahang. Apa daya tuan hamba hendak melihat dia, kerana ia anak orang besar. Jangankan manusia memandang dia, matahari dan bulan lagi tiada melihat dia." "Apa dayaku mendapat dia?" Fikir Hang Nadim, bingung.

Beberapa lama kemudian lalu lah seorang perempuan tua pelulut seorang yang menggosokkan bedak wangi pada badan agar kulit menjadi licin] maka Hang Nadim memanggilnya lalu berlulut padanya. Tanya Hang Nadim pada si pelulut itu:

"Manda ini orang siapa?"

"Hamba ini orang Orang kaya Datuk Bendahara," sahut si pelulut itu.

"Adakah manda masuk ke rumah Datuk Bendahara?"

"Biasa hamba masuk ke rumah Datuk Bendahara. Lagipun anak Datuk yang bernama Tun Teja itu biasa berlulut pada hamba," jelas si pelulut itu.

"Sungguhkah kudengar Tun Teja itu amat baik parasnya?"

"Sungguh, tiada sama dalam negeri Pahang ini, kerana hamba pun ratalah segala rumah orang besar-besar hamba naiki, seorang pun segala anak orang kaya-kaya itu tiada seperti Encik Teja itu. Sudah bertunangan dengan Yang Dipertuan, dijanjikan musim Jawa inilah

Bertanyalah Hang Nadim pada si pelulut yang semakin ramah itu:



Tun Teja mengenang nasibnya dalam pelayaran ke Melaka.

"Hai mandaku, dapatkah manda menanggung rahsia ku?"

"Insyaa-Allah Taala dapat, kerana hamba pun biasa disuruh orang." Setelah selesai berlulut Hang Nadim memberi perempuan tua itu emas dan kain baju terlalu banyak. Setelah dilihatnya harta begitu banyak tertawanlah hatinya akan harta dunia, maka si pelulut mengakulah ia menanggung rahsia Hang Nadim.

Kata Hang Nadim: "Jikalau dapat, hendaklah dengan daya upaya mandaku, akan Tun Teja itu mandaku bawa kepadaku, supaya kupersembahkan kepada Raja Melaka."

Hang Nadim pun memberi kepada si pelulut itu lulut yang sudah diadunkan dengan ubat guna-guna [ubat pengasih yang sudah dijumpai] seraya berkata:

"Sapukan ini pada Tun Teja."

Perempuan pelulut itu pun masuk ke dalam rumah Bendahara dan ketika bertanya siapa hendak

berlulut maka dipanggil dayang Tun Teja kerana Tun Teja hendak berlulut. Perempuan tua itu pun melulut tubuh badan anak Bendahara itu, dan apabila tiada orang di keliling, maka bertanya:

"Sayangnya hamba melihat rupa tuan, terlalu baik parasnya ini akan berlakikan raja ini. Jikalau raja yang besar lagi alangkah

baiknya.”

Bertanya Tun Teja: “Siapa pula raja besar daripada Raja Pahang ini?”

“Raja Melaka raja besar daripada Raja Pahang ini, lagi dengan lebih baik parasnya,” sahut si pelulut.

Tun Teja terdiam mendengar kata-kata perempuan tua itu. Si pelulut itu pun terus menggosok-gosok tubuh gebu Tun Teja dengan lulut yang diberi Hang Nadim seraya dipujuk-pujuknya dengan kata-kata yang lemah lembut, lagi dengan manis mulutnya menyampaikan kata-kata itu, katanya:

“Sekarang pun ada hamba Raja Melaka di sini, Hang Nadim namanya; disuruh baginda mengambil tuan. Hendak pun disuruh baginda dengan kebesaran, kalau-kalau tiada diberi oleh Yang Dipertuan Pahang. Sebab itulah maka disuruhnya curi pada Hang Nadim. Jikalau tuan mahu dibawa ke Melaka, nescaya diperisteri oleh Raja Melaka, kerana baginda tiada beristeri kerajaan, Tuanlah kelak jadi Raja Perempuan di Melaka. Jikalau tuan diperisteri oleh Raja Pahang, bermadulah tuan dengan Raja Perempuan Pahang. Jikalau tuan jadi isteri Raja Melaka, tiada dapat tiada menyembah kelak Raja Perempuan Pahang kepada tuan.”

Dengan kata-kata itu berubahlah pendirian Tun Teja dan relalah dengan pendapat si pelulut itu.

[Di sini *Sejarah Melayu* memberi nasihat, dengan kata-kata: “.... Sebab itulah tiada diberi oleh segala orang yang berakal, anak-cucunya berlulut pada si pelulut. Adalah seperti kata syair: *La ta'manna 'ajuzatan dakhala'l-khaba'il, hal ta' manunna asada ma'a'l-ghanam*, yang artinya jangan kamu percaya akan perempuan tua masuk ke rumah kamu, adakah harimau itu dipercayai serta kaum kambing?]

Walaupun Tun Teja sudah rela dengan rancangan si pelulut itu namun hatinya tertanya-tanya: “Kalau beta tiada dipersembahkannya kepada Raja Melaka, takut Hang Nadim mengambil beta akan isteri.”

Si pelulut pun kembali memberi tahu Hang Nadim segala yang telah berlaku, termasuklah kemusykilan Tun Teja itu. Kata Hang

Nadim: “Hai mandaku, sampaikanlah jawapan hamba dengan pantun ini semoga Tun Teja rela sepenuhnya:

Tun Teja Ratna Benggala,

Pandai membelah lada sulah;

Jika tuan tiada percaya,

Mari bersumpah kalam Allah

Kembalilah si pelulut itu pada Tun Teja lalu menyampaikan segala kata-kata Hang Nadim itu, maka sahut Tun Teja:

“Jika demikian kabullah beta.”

Setelah mendapat jawapan daripada Tun Teja melalui si pelulut itu, Hang Nadim pun amat sukacita lalu mendapatkan sahabatnya, Nakhoda Syed Ahmad, katanya:

“Adapun hamba datang kepada tuan hamba ini sedia minta disertai ajal. Itupun jika tiada aral [halangan] kepada hati tuan hamba, semata-mata hamba harap akan kasih tuan hamba.”

Maka sahut nakhoda itu:

“Janganlah tuan hamba berdukacita lagi, hingga nyawa hamba, hamba sertakan. Tuan hamba, berkata benarlah tuan hamba.”

Hang Nadim pun menceritakan segala perihalnya sudah berjanji dengan Tun Teja itu, semuanya diceritakan kepada nakhoda itu, lalu memberi pesanan:

“Jikalau sudah putus kasih tuan hamba akan hamba, baiklah tuan hamba ke jong tuan hamba, nantilah di Kuala Pahang, insya-Allah Ta'ala dinihari kelak hamba hilir mendapatkan tuan hamba, lalulah kita ke Melaka. Insya-Allah Ta'ala apabila selamat kita ke Melaka, tuan hamba dipermulia oleh Duli Yang Dipertuan.”

Nakhoda Syed Ahmad pun bersetuju, lalu mengerahkan orangnya bersegera naik ke jong, seraya berkata: “Musim telah dekat, ketika tengah hari inilah kita keluar.” Syed Ahmad itu terlalu baik jejaknya, patut dengan budi pekertinya lagi berani. Setelah siap, ia pun naik ke jong lalu hilir ke Kuala Pahang, hingga di luar alangan,



di sana ia berhenti.

Apabila malam, Hang Nadim pun menyuruh si pelulut itu emasi segala penunggu pintu masuk ke rumah Bendahara Pahang. Setelah diemasi segala penunggu itu bersetialah dengan Hang Nadim. Tatkala hampir dinihari, pada ketika sedang sedap orang tidur, maka perempuan pelulut itu membawa Tun Teja keluar; penunggu pun membuka pintu dan Hang Nadim sudah ada menanti di luar, perahu pun sudah tersedia di pangkalan. Si pelulut pun menyuruh Tun Teja keluar. Hang Nadim pun membungkus tangannya dengan kain lalu disambutnya Tun Teja, dibawanya turun ke perahu, lalu berkayuh hilir.

Sungai Pahang itu ada tiga lapis batangan. Pada setiap batangan dihambur Hang Nadim pasir dari lengan bajunya ke dalam air, bunyinya seperti orang menecar jala. Dia pun minta bukai batangan pada penunggu di situ. Setelah didengarnya bunyi orang menjala, maka dibukanyalah batangan itu, dan Hang Nadim pun keluarlah. Begitulah yang dibuatnya lepas satu, satu sehingga luluslah ketiga-tiga batangan itu, maka Hang Nadim pun berkayuhlah sungguh-sungguh. Setelah sampai ke jong Nakhoda Syed Ahmad, Hang Nadim pun membawa Tun Teja naik ke jong itu. Angin paksa pun bertuip, sauh disuruh bongkar lalu belayarlah menuju Melaka.

Setelah siang, segala inang pengasuh mendapati Tun Teja tiada di peraduannya lalu dicari ke merata tempat. Apabila tiada berjumpa di segala tempat barulah diberitahu Datuk Bendahara, kata mereka:

"Anakanda ghaib, tiada ketahuan ke mana pergingnya, hamba tiada tahu."

Disuruh cari ke merata tempat, tiada juga bertemu, khabarnya pun tiada. Riuhlah orang menagis di dalam rumah Bendahara. Setelah didengar oleh Raja Pahang lalu disuruh tafahus [selidik] ke sana ke mari. Datanglah seorang dari Kuala Pahang mengatakan dinihari tadi ia bertemu dengan seorang lelaki membawa seorang perempuan bertudung, dibawanya naik sebuah jong lalu belayar ke laut.

Mendengar khabarnya itu, jelaslah pada Raja Pahang bahawa Tun Teja telah dilarikan orang. Maka disuruh segera berlangkap perahu

kira-kira 40 buah untuk mengejar Hang Nadim. Segala hulubalang dengan perahunya pergi itu besegeta-segeta. Hampir Pulau Keban bertemulah dengan jong Syed Ahmad lalu diserang oleh orang Pahang. Tiap kali sebuah perahu rapat hendak mengait jong itu maka dipanah oleh Hang Nadim, kena orang yang mengait itu, jatuh lalu mati. Setelah beberapa perahu Pahang mencuba dan gagal, satu pun perahu hulubalang tiada mahu tampil lagi. Raja Pahang pula menyuruh menampilkan perahu baginda, dan apabila dekat lalu dipanah Hang Nadim dengan panah losong, kena kemuncak payung Raja Pahang, belah dua. Hang Nadim pun bertempik:

"Hei orang Pahang, lihatlah tahunya aku memanah! Jikalau aku hendak melawan kamu sekalian, seorang-seorang dapat kumasukkan biji mata kamu."

Orang Pahang pun gentar rasanya melihat betul Hang Nadim memanah itu.

Menurut *Sejarah Melayu*: "... Hang Nadim itu terlalu amat bijaksana pada memanah, umpamanya membelah kayu pun ia dapat dengan panah."

Melihat kenaikan Raja Pahang mendekati jong itu, segala hulubalang Pahang pun tampil, bersusun rupa perahunya, tetapi seorang pun tiada mahu melanggar jong itu oleh kerana dahsyatnya anak panah Hang Nadim, seperti mata petir datangnya itu. Jika kena orang berjebang [sejenis perisai], terus dengan jebangnya; jika kena orang berperisai, terus dengan perisainya. Melainkan perahu Tun Arya yang berani mendekati jong itu. Dipanah Hang Nadim kena jebang Tun Arya terus, lalu kena dadanya, luka sedikit. Tiada lama kemudian angin besar pun turun dan jong itu pun dilayarkan Nakhoda Sayyid Ahmad ke tengah laut. Segala kelengkapan Pahang pun tiada lah beroleh melaut, kerana ombak terlalu besar dan perahu mereka itu kecil-kecil, lalu mereka pun berundur. Nakhoda Syed Ahmad pun belayarlah ke Melaka, tanpa sebarang halangan.

Setelah beberapa lama di jalan sampailah ke Melaka lalu diberitahu oranglah kepada Sultan Mahmud bahawa Hang Nadim pulang dari Pahang menumpang jong Nakhoda Syed Ahmad, membawa anak Bendahara Pahang yang bernama Tun Teja Ratna Bengala itu. Telah didengar Sultan Mahmud maka terlalu sukacita baginda lalu



Puteri Dunia Melayu

disuruh alu-alukan Hang Nadim.

Kesukaan Sultan Mahmud di darat rupa-rupanya terimbang dengan kedukaan dua makhluk di lautan, sedang memandang matahari yang semakin masuk ke ufuk barat, walaupun menyerlahkan alam dengan cahaya merah kencana malah yang akan menyusur ialah gelap malam. Tun Teja mendekati hulubalang yang beberapa hari itu menjadi penaung dan pemeliharanya, dengan sedu-sedan:

Bukannya mudah berceraï kasih,
Laksana wau menanti angin;
Apakah padah beta tersisih,
Beta yang mahu orang tak ingin.

Kata hulubalang, walaupun tubuh sasarnya kelihatan gagah namun jiwa raganya remuk redam, katanya hampir berbisik:

“Sama-samalah kita berkorban dan berpisah. Suratn takdir tak dapat dielak atau diubah.

Bunga seroja di tasik tenang,
Talam hiasan kurang selasih;
Korban Teja tetap dikenang,
Dalam ingatan orang berkasih.
Makanlah sirih itu dan lupakanlah Hang Nadim.”

Semasa mengunyah-ngunyah sirih itu, Tun Teja menyatakan buat kali terakhir kepada Hang Nadim :

Buah jarak di dalam dulang,
Cemperai di atas peti;
Berjarak serasa hilang,
Berceraï serasa mati.”

Setelah hari malam, Hang Nadim pun masuk mengadap Sultan Mahmud Syah persembahkan Tun Teja Ratna Benggala, maka baginda pun terlalu hairan melihat rupa Tun Teja itu lalu diucapkan baginda: *Subhanallah 'amma yasifun*, dan beberapa puji baginda akan Hang Nadim, dan diberi persalin seperti adat pakaian raja-raja dan dianugerahi emas, dan perak dan harta tiada terkira banyaknya. Nakhoda Syed Ahmad juga dipersalin dan digelar Tun Setia Diraja, dianugerahi keris bersalut dan pedang berikat emas disuruh berdiri sesama Bentara. Maka Tun Teja dikahwini Sultan Mahmud Syah, terlalu kasih baginda akan dia.

Sultan Ahmad Syah Pahang (1474-1494) yang telah menerima beberapa penghinaan dari Melaka – yang terakhir tunangan baginda Tun Teja anak Bendahara Pahang diculik hulubalang Melaka – berasa sangat malu kepada rakyat baginda dan juga berasa bosan hendak mentadbir negeri maka baginda pun menurunkan diri dari takhta kerajaan Pahang dan mengasingkan diri di hulu pada satu tempat bernama Lubok Pelang. Bagindalah yang disebut Marhum Syeikh setelah baginda mangkat.

Itulah kisah seorang puteri Pahang, oleh sebab keadaan yang tidak dapat diduga dan dirancang, telah menjulang ke taraf Raja Perempuan Melaka, namun dalam masa yang sama telah menyebabkan seorang raja turun dari takhta.



Tun Merah Tun Saban

PENGORBANAN YANG MENYATUKAN NEGERI

S elengkong Tanah Minangkabau Selilit Pulau Perca, Dilengkong ular Saktimuna Terpisah Selat Melaka. Jika sah beta raja berdaulat, lepaslah sekalian malapetaka.”

Seruan yang dilafazkan Raja Muzaffar tatkala kapal kenaikannya tersangkut di Beting Beras Basah di Kuala Sungai Perak adalah suatu seruan keramat yang melepaskan anak raja itu daripada terkandas terus, dan seterusnya menjadikan baginda pengasas raja-raja negeri Perak hingga ke hari ini.

Siapakah dan bagaimanakah Raja Muzaffar tiba-tiba sampai ke Kuala Sungai Perak?

Raja Muzaffar ialah putera Sultan Mahmud (1488–1528) dengan Puteri Wanang Kening atau Kemuning dari keluarga diraja Kelantan, yang dibawa kembali ke Melaka oleh Temenggung Tun Mutahir setelah menawan negeri itu. Setelah Melaka jatuh ke tangan Portugis (1511) keluarga diraja beralih tempat ke Ulu Muar lalu ke Pahang dan ke Pulau Bentan serta berkerajaan di situ. Di sanalah

Raja Muzaffar dijadikan bakal Sultan dan dikahwinkan dengan Tun Terang, puteri tiri Sultan Mahmud (anak Tun Fatimah dengan suaminya yang pertama, Tun Ali anak Tun Tahir Seri Nara Diraja, Melaka).



Geliga Embun yang dipersembahkan kepada Sultan Muzaffar Syah, Perak oleh Tuk Temong, dan kini menjadi sebahagian alat kebesaran negeri Perak Darul Ridzuan

Tetapi apabila Tun Fatimah, isteri Sultan Mahmud (suaminya yang kedua) berputerakan Raja Ali (disebut juga Raja Kecil Besar), putera Tun Fatimah itu pula ditabalkan jadi Bakal Sultan mengambil tempat abangnya, Raja Muzaffar. Bentan dialahkan oleh Portugis pada tahun 1526. Sultan Mahmud berundur ke Kampar (di Sumatera). Apabila baginda mangkat kira-kira pada tahun 1528, Raja Ali bergelar Sultan Alauddin Riayat Syah menggantikan kerajaan. Raja Muzaffar serta isterinya Tun Terang dan putrereka Raja Mansur berangkat meninggalkan Kampar; kemudian singgah di Kelang, lalu ke negeri Perak. Setelah melepasi Beting Beras Basah dan mudik ke Tanah Abang (di Air Mati Mukim Lambor Kanan) Raja Muzaffar disambut para pembesar negeri Perak dan ditabalkan menjadi Sultan Perak yang pertama bergelar Sultan Muzaffar Syah. Ini berlaku pada tahun 1528. Baginda telah membawa bersama baginda segala alat kebesaran negeri Melaka ke

negeri Perak yang digunakan semasa setiap pertabalan Sultan Negeri Perak.

Pada masa pertabalan Sultan Muzaffar Syah itu Tun Saban dan Tuk Temong datang mengadap membawa persembahan 77 ekor gajah sebagai hadiah daripada rakyat di Hulu Perak dan Temong. Tuk Temong juga menghadiahkan tangkal azimat bernama Geliga Embun yang sehingga hari ini menjadi alat kebesaran kerajaan Perak. Sultan Muzaffar Syah menjemput Seri Agar Raja Tun Mahmud anak Paduka Tuan Tun Isap Berakah datang ke Perak dan dilantik menjadi Bendahara kerajaan negeri Perak yang pertama.

Tiada lama selepas itu berbangkit perselisihan di antara baginda dengan Tun Saban, kerana Tun Saban tiada mahu memberikan anaknya yang sangat cantik rupawan, bernama Tun Merah jadi gundik Sultan Muzaffar Syah. Tetapi sepeninggalan Tun Saban tiada di rumahnya, beberapa orang yang dititahkan oleh Sultan Muzaffar datang mengambil Tun Merah lalu dibawa ke istana baginda. Oleh sebab itu berlakulah peperangan di antara pengikut Sultan Muzaffar dengan pengikut Tun Saban.


Negeri Perak pada masa itu tiada orang berpangkat Bendahara. Ini disebabkan Bendahara Tun Mahmud telah dipanggil balik ke Johor, maka negeri Perak tiada Bendahara. Maka Sultan Muzaffar pun menawarkan pangkat Bendahara kepada barang siapa antara orang baginda yang dapat membunuh Tun Saban. Seorang yang berasal dari kerabat diraja Pagar Ruyung (Minangkabau) yang bersamasama datang dengan Sultan Muzaffar dari Kampar, Megat Terawis namanya, telah menyanggupi tawaran baginda itu. Akhirnya dalam satu peperangan, Megat Terawis dapat membunuh Tun Saban. Sultan Muzaffar pun mengangkat Megat Terawis memegang jawatan Bendahara bergelar Bendahara Paduka Raja. Bendahara-bendahara Perak keturunan Megat Terawis berakhir pada zaman Sultan Iskandar Zulkarnain, Sultan Perak yang kelima belas.

Bagaimanapun sebagai mengenang jasa Tun Saban, keturunan beliau dilantik menjadi Orang Besar Perak dengan gelaran Orang Kaya kaya Seri Adika Raja hingga hari ini. Sejak peristiwa penculikan Tun Merah dan terbunuhnya ayahnya Tun Saban, negeri Perak dikuasai seluruhnya oleh Sultan Muzaffar.



Keindahan busana tradisional negeri Perak

Foto: Johanan Museum dan Arkib.



Puteri Limau Purut

CINTAKAN NEGERI SENDIRI

Sultan Mukaddam Syah (1603–1619), sultan negeri Perak yang ke 6, bermuram durja dan amat rungsing oleh sebab bahawa sahaja baginda menolak pinangan Sultan Aceh.

Rombongan Aceh itu datang untuk meminang Tuan Puteri Limau Purut, puteri Sultan Mukaddam Syah yang tersangat cantik itu. Sudah tentu penolakan pinangan itu akan mendatangkan mala petaka ke atas negeri Perak. Bukan kerana baginda tidak mahu merapatkan silaturahim dengan Aceh akan tetapi Puteri Limau Purut sudah pun bertunang dengan anak saudara baginda yang bernama Raja Mansur, adinda kepada Sultan Alauddin Syah, Sultan Perak yang ke 5 (1594–1603), kedua-duanya putera kepada Raja Kecil Lasa (Raja Inu).

Oleh sebab pinangan Raja Aceh akan Puteri Limau Purut itu telah ditolak oleh Sultan Mukaddam Syah, datanglah angkatan perang Aceh memerangi dan mengalahkan negeri Perak lalu menawan Sultan Perak serta permaisuri baginda dan Puteri Limau Purut beserta pengasuh puteri itu yang bernama Esah Gerbang.

Turut ditawan ialah beberapa orang pengiring baginda termasuklah Raja Bongsu atau Raja Yusuf. Raja Aceh yang menghantar angkatan untuk menakluk negeri Perak dan beberapa daerah lain dalam tahun 1619 ialah Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam.



Di Perak, tinggalah seorang pembesar, Bendahara Garang Megat Abdullah (keturunan Bendahara Megat Terawis, Bendahara Perak pada zaman Sultan Muzaffar Syah, Sultan Perak yang pertama, 1528–1549) yang sempat meluluskan diri semasa askar Aceh menawan istana. Oleh sebab negeri Perak di bawah pentadbiran Aceh, Bendahara Megat Abdullah tidak dapat memerangi askar Aceh yang lebih kuat itu maka beliau dan beberapa orang pengikutnya berundur ke tempat yang sulit dan menyamar diri. Bagaimana pun, beliau berazam hendak membawa kembali Sultan Mukaddam Syah serta keluarga diraja itu ke Perak.

Pada tahun 1619 sampai berita ke Perak bahawa Sultan Mukaddam Syah telah mangkat di Aceh, dan tidak berapa lama kemudian dikatakan Raja Mansur anak saudara almarhum itu, yang bertunang dengan Puteri Limau Purut, dapat melepaskan diri


Puteri Dunia Melayu

daripada tawanan Aceh lalu pergi ke negeri Johor. Maka Bendahara Megat Abdullah bertekad hendak membawa balik Puteri Limau Purut dan jika berjaya beliau akan membawa balik Raja Mansur ke Perak dan mengahwinkan kedua-duanya serta menabalkan baginda berdua sebagai Sultan dan Raja Perempuan Perak. Bendahara Garang Megat Abdullah pun berpakat dengan seorang besar Perak yang bergelar Maharaja Lela agar beliau pergi ke Johor dan membawa kembali Raja Mansur ke negeri Perak.

Pada ketika yang baik, Bendahara Megat Abdullah serta Tuk Merah, Tuk Bidara dan seorang panglima bernama Sembana pun belayar ke Aceh, dan apabila mendarat terus ke istana raja Aceh memakai pakaian kebesaran masing-masing. Mereka diiring masuk ke dalam istana, mengadap Iskandar Muda Mahkota Alam yang bertanyakan maksud tetamu baginda itu. Dengan tegas dan bahasa yang sopan-santun Bendahara Megat Abdullah pun menyatakan hasratnya membawa Puteri Limau Purut balik ke Perak. Antara kata-kata Bendahara Garang itu:

Buah sepasang dua setangkai,
Kini terpisah hampir bercecai,
Bukan disebabkan lumrah alam,
Kerana angkara Mahkota Alam.

Ketahui olehmu raja bestari,
Hal demikian dikutuk Ilahi,
Dua makhluk bertunang sudah,
Secara angkuh kini terpisah.

Besar dosanya akan tertulis,
Di sisi Allah mulia majlis,
Di dunia ini Tuanku yang ghana,
Di akhirat kelak akan terhina.

Walaupun Iskandar Muda nampak termakan oleh kata-kata pedas Bendahara Garang dan ingin mengembalikan Puteri Limau Purut, namun Permaisuri baginda membantah, titah baginda:

“Sudah dua kali beta hamil dan mengidamkan buah durian di mercu pokok di luar kota, tak siapa yang berjaya mendapatkannya hingga beta keguguran, buah durian tidak juga gugur.”

Iskandar Muda bertanya Permaisurinya:
“Jadi, apakah gerangan maksud adinda?”

“Puteri Limau Purut yang sangat cantik itu sudah menjadi anak angkat kita, takkan hendak diserahkan percuma saja. Susah-payah kita mengambilnya biarlah bersusah-payah pula Bendahara Garang



Ihsan Jabatan Muzium dan Antikuiti

Puteri ini memakai gaya Aceh bercelana baldi disulami benang emas. Sarung songket dipakai menutupi celana hingga bawah lutut agar sopan bagi muslimah. Pada masa dahuluan perhiasan emas yang dipakai banyak sekali



Puteri Dunia Melayu

mengambilnya. Kali ketiga beta hamil ini jika tidak dapat merasa lemak manis durian di luar kota, rasanya pendeklah hayat beta kali ini."

Permaisuri Aceh terus menangis tersedu-sedu. Iskandar Muda pun mengarahkan agar Bendahara Garang mengambil durian yang diidamkan Permaisuri Aceh itu. Seorang menteri Aceh disuruh menunjukkan pokok durian itu. Alangkah terperanjatnya Bendahara Garang dan rakan-rakannya melihat pokok durian yang seolah-olah menjulang ke langit tingginya dan daun-daunnya menyapu awan. Buah durian tunggal hampir-hampir tidak kelihatan di mercu pokok.

"Inilah pohon durian bernama Mambang di Awan. Silalah Datuk Bendahara ambil buah tunggal itu dengan apa jua cara dan ilmu yang ada pada Datuk. Jika Datuk gagal, Datuk dan orang Datuk akan ditawan."

Tuk Merah dan Tuk Bidara tahu bahawa cara memanjat atau cara meranggha bukanlah kaedahnya. Sembana yang singkat akal itu mengesyorkan mereka menyerah saja.

"Jangan begitu," kata Bendahara Garang. "Belum melangkah sudah teradung. Kita cuba dahulu."

Lalu Bendahara Garang membuka pencak silatnya seraya menyebut-nyebut petua ini:

"Kuurut lengan nan panjang,
Berkisar mata nan merah,
Tercacak rambut nan hitam.

Sekali penumbukku datang,
Bila sampai hatiku marah,
Berkisar segala alam."

Dalam berpencak silat itu Bendahara Garang mencari-cari sesuatu hendak dijadikan pelontar buah durian itu. Tidak ada sebarang benda melainkan sepucuk lela rentaka, sejenis meriam besi waja. Maka Bendahara Garang memuja lela itu:

"Hai lela besi bertuah,

Dentumanmu amat memukau,
Banyak musuh telah tertawan,

Jangan engkau jatuhkan maruah,
Helang sewah jadikan engkau,
Gugurkan durian Mambang di Awan.

Maka Bendahara Garang pun melontarkan lela itu ke pucuk pohon durian itu, dan gugurlah durian tunggal itu ke bumi dengan gemuruh bunyinya. Amatlah hairan dan gentar orang Aceh yang menyaksikan peristiwa itu.

Durian yang ajaib itu pun dibawa masuk ke dalam istana lalu disembahkan kepada Permaisuri Aceh yang hairan sungguh akan kesaktian Bendahara Garang. Sembah Bendahara Garang:

"Tuanku, silalah santap buah idaman, Semoga mendapat putera budiman."

Jawab Permaisuri Aceh itu:

"Terima kasih atas usaha gigih Orang kaya Bendahara. Jikalau dalam sebulan ini beta tidak keguguran dan anak di dalam kandungan ini subur jadinya, relalah beta lepaskan Puteri Limau Purut walaupun puteri itu bagai anak kandung beta sendiri."

Bendahara Garang bersetuju dan berdoa agar segala rancangan berjaya. Dalam pada itu Sembana semakin mesra dengan menteri-menteri Aceh dan bertekad tidak mahu kembali ke Perak, maka dia merancang sesuatu untuk mendapat penghargaan daripada orang Aceh.

Sehari sebelum Iskandar Muda menetapkan hari kepulangan Puteri Limau Purut, tergerak di hati Bendahara Garang supaya mereka berlayar pada malam itu juga kerana dikuatiri tidak dilepaskan pada waktu siang esoknya. Maka disuruh Tuk Bidara memberitahu Esah Gerbang, dayang pengasuh Puteri Limau Purut bersiap-sedia. Setelah meluluskan diri pada malam itu dan hendak turun ke perahu, maka tiba-tiba Bendahara Garang serta Puteri Limau Purut dan para pengikutnya dihalang oleh sepasukan askar Aceh di pantai. Mereka diketuai Sambana yang belot dan ingin mendapat



nama di Aceh. Tanpa bersoal-jawab Bendahara Garang terus menyuruh Tuk Bidara mengawal Puteri Limau Purut manakala dia dan Tuk Merah terus mengamuk lalu membunuh dan mencederakan orang Aceh pengikut Sambana. Sambana yang cuba lari ketika dilihatnya banyak orangnya tewas, berbalik melawan Bendahara Garang dan menemui ajalnya di hujung keris Megat Abdullah, Bendahara Garang.

Sekembali mereka ke Perak, Puteri Limau Purut yang diiringi Bendahara Garang disambut oleh Datuk Maharaja Lela yang menyatakan beliau berjaya membawa balik Raja Mansur dari Johor ke Perak lalu ditabalkan sebagai Sultan Perak ke-7 bergelar Sultan Mansur Syah II. Yang tidak dijelaskan pada masa itu adalah Raja Mansur setelah melarikan diri dari Aceh ke Johor telah berkahwin dengan seorang kerabat diraja Jambi semasa baginda berada di Johor. Bagaimanapun baginda dikahwinkan dengan tunangan baginda Puteri Limau Purut yang menjadi Raja Perempuan Besar negeri Perak. Buat seketika Puteri Limau Purut merasa bahagia di sisi Sultan Mansur Syah namun apabila Sultan Mansur dari semasa ke semasa berulang-alik ke Johor tahulah baginda bahawa baginda bermadu dan sentiasa berlinangan air mata ketika ditinggalkan. Esah Gerbanglah satu-satunya penghibur dan tempat mengadu nasibnya.


Semasa di Aceh, Puteri Limau Purut sentiasa berdoa agar baginda dapat kembali ke Perak walaupun ayahandanya, Sultan Mukaddam Syah serta bondanya mangkat di Aceh. Baginda sentiasa menguatkan semangat kerana percayakan pepatah: Hujan emas di negeri orang, hujan keris lembing di negeri sendiri, lebih baik negeri sendiri. Kini setelah mengecap kebahagiaan dengan tunangnya, rupa-rupanya tunangannya sudah disambar orang terlebih dahulu. Namun Puteri Limau Purut tidak menyalahkan suaminya kerana tentulah Raja Mansur tidak menyangka baginda akan bertemu kembali dengan tunangannya kalau sudah berada di

Acheh, pun tidak menyangka akan ditabalkan dan mewarisi takhta negeri Perak. Segalanya sudah ditakdirkan.

Tidak diketahui dengan jelas apakah yang terjadi akhirnya kepada Sultan Mansur Syah II (1619 – 1627) suami Puteri Limau Purut itu. Menurut riwayat raja-raja Perak, baginda telah mangkat dan dimakamkan di Johor. Tetapi mengikut sejarah Perak yang diumumkan, pada tahun 1627 Sultan Iskandar Muda, Aceh telah menghantar satu rombongan orang besar-besar ke Perak lalu menurunkan Sultan Mansur Syah dari takhta Perak dan mengganti baginda dengan Raja Bongsu/Raja Yusof (adinda almarhum Sultan Mukaddam Syah) dan Sultan Mansur dibawa ke Aceh dan akhirnya baginda mangkat di Aceh.

Namun begitu yang benar dan nyata ialah makam Puteri Limau Purut ada di Perak iaitu di Kampung Melayu Pulau Tiga, di sebelah jalan raya dari Kampung Gajah ke pekan Bota. Kanan. Jauhnya makam itu kira-kira 2 km dari tepi jalan raya (N.A. Halim 1988). Jelaslah baginda Sultan Mansur Syah (suami Puteri Limau Purut) tidak dibawa ke Aceh. Besar kemungkinan baginda mangkat di Johor.


Nota: Puteri Limau Purut sebagai watak dalam sejarah negeri Perak adalah seorang puteri Sultan Mukaddam Syah (Sultan Perak ke 6) dan Bendahara yang membawa baginda kembali dari Aceh ke Perak bernama Megat Abdullah. Peristiwa ini berlaku dalam tahun 1619. Cerita Puteri Limau Purut ini pernah dipentaskan di bawah judul Megat Terawis namun jelas faktanya tidak tepat kerana dalam cerita pementasan itu disebut Sultan Mansur Syah (Sultan Perak yang ke 2) dan Bendahara ialah Megat Terawis, Bendahara Perak selepas Bendahara Tun Mahmud, yang dipanggil balik ke Johor. Bendahara Garang Megat Abdullah besar kemungkinan keturunan Bendahara Megat Terawis.




*Sarang helang di pohon durian,
Turun ke bendang menanam padi;
Abang berperang dalam lautan,
Adik berperang di dalam hati.*



SALASILAH WANANG KEMUNING, TUN MERAH, PUTERI LIMAU PURUT
DAN KESULTANAN AWAL NEGERI PERAK







Ilmu Samudra Kera

*Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah,
dan hendaklah kamu bersama-sama orang-orang yang benar.*

*Al-Taubah (11:119)
(Khat Thuluth)*

Mitos

Kisah Puteri Dunia Melayu dalam kategori ini agak tersendiri sebab kesukaran memperoleh sebarang bukti yang sahih bahawa mereka pernah wujud menjadi watak dalam sejarah. Mereka ini berkisar di alam kayangan, khayalan dan alam penceritaan seperti dalam persembahan wayang kulit, makyung, menora, tarian asyik, main petri atau pengubatan tradisional yang bersangkutan pemujaan semangat, ruh dan dewa-dewa. Oleh sebab sifat-sifat alam supernatural itu berlainan daripada alam nyata maka puteri Dunia Melayu ini mempunyai kebolehan luar biasa seperti menjelma, ghaib dan terbang. Pasti nya wajah dan watak mereka ini amat jelita, sungguh memukaukan dan luar biasa, yang hanya dapat dikhayalkan namun sifat-sifat kemanusiaan mereka boleh diteladani atau dibuat sempadan.



Bunga Raya Emas

Insan : DHEA Finecast Enterprise / Fotografi: everything Sdn.Bhd.

*Bunga raya adalah bunga kebangsaan Malaysia.
Ia diperbuat daripada logam perak dan disadur dengan emas 24 karat.*

MITOS

	M/S	
5.1	PUTERI JUNJUNG BUIH • BANJAR	398
5.2	PUTERI RATNA DEWI • BRUNEI	402
5.3	PUTERI MAYANG SELIDA • JOHOR	404
5.4	PUTERI ANJASMARA • MAJAPAHIT	412
5.5	DEWI ASMAYASEKAR • MAJAPAHIT	418
5.6	KANJENG RATU RORO KIDUL • MATARAM	422
5.7	PUTERI GUNUNG LEDANG • MELAKA	426
5.8	PUTERI KANUN • N.SEMBILAN	430
5.9	WAN SUNDARI • PALEMBANG	434
5.10	PUTERI RAMBANG RAMBUNUT • SABAH	438
5.11	PUTERI SARIPU • SABAH	444
5.12	PUTERI SANTUBONG • SARAWAK	448
5.13	PUTERI UMBUK (ULIK) MAYANG • TERENGGANU	452



Puteri Junjung Buih

PENGASAS KEGEMILANGAN DINASTI BANJAR

Sebelum raja Negara Dipa, Ampu Jatmaka, melepaskan nyawanya maka dipanggil dua orang anaknya, Ampu Mandastana dan Lambu Mangkurat serta dua orang menteri utamanya, Arya Magatsari dan Tunjunggung Tatah Jiwa untuk mendengar wasiat. Kata raja itu dia memegang Negara Dipa sementara diwujudkan raja yang sebenar. Dia bukanlah berasal raja, tetapi saudagar besar. Oleh itu dia membina berhala yang dipuja sebagai raja. Jadi setelah dia mati nanti, segala berhala itu hendaklah dibuang ke laut. Kedua-dua anaknya diperintah agar tidak menjadi raja, tetapi pergi bertapa: Ampu Mandastana ke bukit dan Mangkurat di sekitar air. Sementara itu, kedua-dua menteri tadi diperintah menjaga negeri. Setelah Ampu Jatmaka mati, segala perintahnya dituruti.

Pada satu hari Lambu Mangkurat bermimpikan ayahnya Ampu Jatmaka memberi arahan supaya dia membuat rakit batang pisang dan menunggu di suatu lubang sebuah sungai. Di situ akan timbul buih putih, di dalamnya suara perempuan akan berbunyi, itulah raja engkau dan katanya hendaklah diikuti. Segala arahan ayahnya itu dituruti Lambu Mangkurat tanpa takut akan segala ujian dan kesukaran; tiada berubah hatinya, hanya raja itu dicarinya.

Berikut ini petikan daripada *Hikayat Banjar* (Cerita Raja Banjar dan Raja Kota Waringin):
Sudah itu maka timbul buih seperti payung agung besarnya,

rupanya seperti permata ratna mutu manikam cahayanya. Air pun tenang seperti air dalam dulang. Maka berbunyi suara di dalam buih itu, maha merdu bunyinya seperti bangsikara [seruling], katanya:

'Hai Lambu Mangkurat, apa kerja sida [engkau] ini?'

Maka sahut Lambu Mangkurat:

'Hamba ini mencari Raja akan Raja di dalam negeri Negara Dipa ini.'

Maka sahut suara itu:

'Hai Lambu Mangkurat, ialah aku, Raja yang sida cari itu. Namaku Puteri Tunjung Buih.'

Kata Lambu Mangkurat:

'Syukur lamun [kalau] demikian, Tuanku hamba ambil akan Raja, hamba diaman di dalam candi itu.'

Kata Puteri Tunjung Buih:

'Aku tiada mau diam di dalam candi itu, kerana bekas berhala. Sida menyuruh mengambil patung bertulis di Gunung Batu Piring itu empat kayu itu akan tiangnya, buatkan aku mahligai tempatku diam, jadikan schari itu jua. Maka aku suruh perbuatkan tapih [kain sarung] kuning, panjangnya tujuh hasta, lebarnya tujuh kilan





Kelat bahu daripada emas, Kalimantan.

[jengkal]; buatkan jadi sehari ini jua akan tudungku naik ke mahligai itu. Anak dara empat puluh yang membuatnya itu, jangan orang yang sudah berlaki.

Sudah itu, hari pun siang, sahut Lambu Mangkurat:
'Baiklah, tuanku.'

Lambu Mangkurat pun pulang lalu memberitahu Ampu Mandastana dan segala menteri tentang perihal berjumpa Puteri Tunjung Buih dan segala kehendaknya. Setelah itu dikerahlah kerja-kerja itu kepada rakyat, dan berkat puteri itu, semuanya jadi dalam sehari itu, mahligai dan kain kuning itu. Sesudah itu Lambu Mangkurat pun pergi mengadap puteri itu. Menurut *Hikayat Banjar*. Maka ia bernama Puteri Tunjung Buih kerana seperti bunga air [bunga tunjung = seroja biru]. Maka ia kerana Raja air itulah maka puteri itu dapat dinamai Tunjung Buih – ertinya 'tunjung' itu bunga –

dapat dinamai Junjung Buih – ertinya 'junjung' itu Raja. Itulah maka tiada salah disebut Puteri Tunjung Buih benar, disebut Puteri Junjung Buih benar.

Setelah dipersembahkan kain kuning dan diberitahu bahawa mahligai sudah siap. Puteri itu pun keluar dari dalam buih itu...

Rupanya gilang gemilang cahaya seperti kumala [batu gemala hikmat], memakai pakaiannya dari dalam air itu – bertapih sutera kuning, berkakamban [selendang] sutera kuning – dan bertudung kain kuning perbuatan anak dara empat puluh itu. Puteri Junjung Buih naik berjalan keluar dari buih itu waktu isyak empat belas hari bulan.

Maka puteri itu diarak bagai pengantin dengan bunyi-bunyian diiringi anak dara empat puluh itu sehingga naik ke mahligai. Maka diamlah puteri itu, dipelihara oleh segala peringkat rakyat



Puteri Dunia Melayu

Negara Dipa. Empat puluh anak dara itu diam di bangkilas-midar [tempat khas bagi wanita menghadiri majlis] di bawah mahligai itu akan suruh-suruhan puteri itu. Sudah itu berkamit [berkawal] siang malam oleh kaum mandung dan kaum sarawisa [pengawal] berganti-ganti seratus-seratus.

Beberapa hari selepas itu, Lambu Mangkurat mencadangkan kepada Puteri Junjung Buih bahawa puteri itu patut berkahwin. Puteri itu menjawab beliau tidak akan berkahwin melainkan dengan seorang anak raja yang ditemui melalui pertapaan sepertinya juga. Ampu Mandastana mempunyai dua orang putera yang kakak, bernama Bangbang Sukmaraga dan Bangbang Patmaraga.

Pada satu hari Lambu Mangkurat mendapati mereka berdiri di bawah istana dan ternampak mereka bunga nagasari dan sirih pinang daripada Puteri Junjung Buih. Sangkaannya satu perhubungan asmara sedang berkembang. Timbullah fikiran buruk di dalam hatinya bahawa pada satu hari nanti beliau terpaksa akan menyembah salah seorang anak saudaranya. Untuk mengelak hal itu berlaku, Lambu Mangkurat memutuskan akan membunuh anak-anak muda itu. Beliau membawa mereka menangkap ikan lalu dibunuh di Lubuk Badansanak, di Sungai Tabalung. Mayat mereka ghaib di hadapan matanya.


Sedang Ampu Mandastana dan isterinya menunggu kepulangan kedua-dua anak mereka, dua ekor burung tawarik jatuh ke ribaan mereka, menandakan bahawa anak mereka sudah mati. Mereka pun mengambil keputusan membunuh diri. Lambu Mangkurat pula bermimpi yang ayahnya menyatakan bahawa 'putera raja diperolehi menerusi pertapaan' yang dikehendaki tuan puteri itu dapat ditemui di Majapahit. Lambu Mangkurat pun belayar ke Majapahit untuk memohon putera tersebut. Sayangnya putera ini menghidap suatu penyakit yang dahsyat, namun Raden Putera dibenarkan dibawa balik oleh Raja Majapahit.

Sesampai di Pandamaran, bahtera mereka tidak dapat bergerak konon dibelit oleh sepasang naga putih. Raden Putera pun terjun ke dalam air untuk menemui naga-naga itu kerana naga-naga itu ialah suruhan Puteri Junjung Buih.

Selepas tiga hari satu pesta pemujaan pun diadakan. Raden Putera pun keluar dari air sambil berdiri di atas sebuah gong, gagah dan bebas daripada penyakit dahsyatnya. Gong itu dikait dengan paradah [tangkai/pemegang beliung] lalu dijadikan pusaka seni, diberi nama Rabut Paradah. Raden Putera mengumumkan nama barunya, Suryanata. Lambu Mangkurat pun sujud di kakinya, dan Gong Rabut Paradah pun dimainkan. Pandamaran juga ditukar nama menjadi Pabantan.

Setelah mudik Raden Suryanata ditempatkan di rumah lama Ampu Jatnaka maka jamuan besar diadakan selama 40 hari, dan rakyat datang membawa persembahan. Dalam masa perjalanan ke balai persiraman, tempat istiadat perkahwinan dengan Puteri Junjung Buih dijalankan, Raden Suryanata dihalang oleh suara dari kayangan agar beliau tunggu dan terima mahkota kerajaan yang turun dari kayangan. Selepas menerima simbol keagungan itu barulah Raden Suryanata dan Puteri Junjung Buih berangkat ke balai persiraman untuk dikahwinkan dan ditabalkan sebagai raja dan pemaisuri. Semenjak itu raja mengadakan penghadapan setiap hari Sabtu.

Setelah beberapa lama kemudian Puteri Junjung Buih melahirkan dua orang putera, Raden Suryanggawangsa dan Raden Suryawangsa. Pada satu hari Maharaja Suryanata memanggil Lambu Mangkurat lalu mengumumkan bahawa sudah sampai masanya bagi baginda dan pemaisuri pulang ke tempat asal mereka. Baginda meletakkan putera-puteranya di bawah peliharaan Lambu Mangkurat. Selepas baginda berdua ghaib, Raden Suryanggawangsa diangkat menjadi Raja dan Lambu Mangkurat menjadi Mangkubumi.



Penyu belimbing sedang mendarat untuk mencari tempat bertelur.



Puteri Ratna Dewi

PENGHUBUNG BRUNEI DENGAN CHINA

Kita tahu bahawa mercu Gunung Kinabalu adalah puncak tertinggi di Asia Tenggara terletak di Sabah, Negeri di Bawah Bayu dan pada satu masa dahulu di bawah kekuasaan kerajaan Brunei Darus-Salam. Di sini diperturunkan legenda tentang Gunung Kinabalu, bagaimana ia dinamakan dan siapakah puteri yang menjadi penghubung mesra antara negeri Brunei dan negeri China.

Menurut Salasilah Raja-raja Brunei

Sebermula kepada masa itu adalah Raja China menyuruh dua orang menterinya ke sebelah Brunei ini mengambil kemala naga yang di atas Bukit China Balu. Ada pun seorang menteri yang tua bernama Ong Bong Kong, dan menteri yang kedua bernama Ong Sum Peng. Maka banyakkah rakyat menteri kedua itu, China, habis dimakan oleh naga yang menjaga kemala itu. Daripada itulah, maka bukit itu dinamakan Bukit China Balu, sebab banyak orang China mati di sana.

Kemudian dalam hal pekerjaan kedua, orang China itu sangatlah susah memikirkan akan mendapatkan kemala itu. Oleh demikian maka keluarlah akal seorang menteri yang kedua, yang bernama Ong Sum Peng; ialah mengeluarkan fikiran maka dapat kemala itu.

Adapun diperbuatnya peti kaca seperti kandil; ditaruhnya di dalam peti kaca itu dian yang besar. Dan diperbuatnya lagi dedaran iaitu kikek (wau). Maka pada tatkala itu dijaganya itu naga mencari makannya. Apabila naga itu turun mencari makan, Ong Sum Peng pun naik di atas kikek itu serta membawa peti kaca. Maka apabila sampai ianya di atas bukit itu, diletakkannya peti itu yang berdian cukup terangnya. Maka kemala itu pun diambilnya lalu ia naik di atas kikek itu lalu ditarik oleh orang-orangnya, sampailah selamat Ong Sum Peng itu ke dalam wangkangnya beserta kemala yang dapat.

Maka pada masa itu, naga pun balik daripada mencari makannya. Telah dilihatnya kemalanya tiada ada lagi, hanya lain cahaya dian di dalam peti kaca itu, maka naga itu pun meronta turun balik mencari kemalanya tiada ketahuan lagi entah di mana. Maka terpan danglah ia akan cahaya kemalanya ada di laut, lalu diikutnya, maka berenanglah naga itu menuju wangkang kedua buah itu di dalam belayar. Maka naga itu pun semakin dekat oleh terlalu sangat lajunya berenang itu.

Maka apabila dilihat oleh Ong Sum Peng naga itu sudah hampir wangkang kedua buah itu, maka menteri itu pun naik ke wangkang Ong Bong Kong, tiada lagi terkira-kira sebab ketakutan. Maka keluarlah akal Ong Sum Peng membakarkan besi macam peluru, dibakarnya merah-merah. Apabila sahaja dekat naga itu



Kalung hiasan

Foto: Jabatan Muzium dan Warisan

dingangkannya mulutnya hendak menangkap wangkang itu; dalam itu dibuangnya mulut naga itu sebiji dua biji besi itu, kira-kira dua tiga buluh biji besi itu ditelannya. Maka ia pun lemah berenang lalu ia tenggelam lalu mati.

Maka kedua menteri itu pun terlalu amat sukacita hatinya mendapat kemala itu. Syahadan di dalam hal pelayaran itu, maka datanglah fikiran menteri yang pertama, iaitu Ong Bong Kong, ia hendak memegang kemala itu. Maka dipintanyalah kemala itu kepada Ong Sum Peng. Maka kata Ong Sum Peng, "Aku pun memegangnya sama juga lagi pun aku yang mendapatkan, sebab aku empunya akal maka dapat." Maka berkata Ong Bong Kong, "jikalau tiada ada lepas pada aku itu kemala, nanti aku rosakkan wangkangmu itu." Maka datanglah fikir Ong Sum Peng itu yang baik pada fikirnya: "Apa gunanya aku berkelahi di tengah laut kerana kemala ini? Lagipun aku bersaudara." Maka diberinyalah kemala itu kepada Ong Bong Kong, saudaranya.

Maka Ong Sum Peng pun muafakat dengan segala anak-anak wangkangnya, katanya, "Baiklah berbalik haluan kita." Lalu ia menuju ke Kuala Brunei lalu masuk ke dalam negeri. Ertinya Ong Sum Peng itu merajuklah kepada saudaranya Ong Bong Kong. Maka tetaplah Ong Sum Peng itu di dalam Brunei. Ada pun pada zaman itu, Awang Khalak Betatar jadi Sultan, namanya Sultan

Muhammad. Maka Sultan itu beranak seorang perempuan, terlalu elok rupanya puteri itu. Kemudian tiada berapa lamanya, maka meminanglah Ong Sum Peng akan tuan puteri itu. Maka diterimalah oleh Sultan Muhammad akan pinangan Ong Sum Peng itu, lalu dikahwinkannya sebagaimana mengikut istiadat raja yang berkerajaan.

Maka tiada berapa kelamaannya, beranaklah isteri Ong Sum Peng itu, seorang perempuan, terlalu baik rupanya.

Ada satu kekeliruan tentang Ong Sum Peng ini. Walaupun beliau berkahwin dengan puteri Sultan Muhammad yang bernama Puteri Ratna Dewi namun beliau bukanlah Sultan Brunei kedua bergelar Sultan Ahmad. Sultan kedua yang sebenarnya ialah Fatih Berbai, adinda Sultan Muhammad yang berkahwin dengan adik (bukan anak) Ong Sum Peng. Itulah Sultan Brunei yang kedua bergelar Sultan Ahmad. Bagaimana pun, Puteri Ratna Dewi tetap menjadi pengikat padu antara negeri China dan negeri Brunei.

Ikan di laut, asam di darat; di dalam belanga berremu jua.



Gelang pakatan puteri

Foto: Jabatan Muzium dan Warisan



Puteri Mayang Selida

PENHUBUNG BIDUANDA DAN RAJA

Jika lagu 'Tanjung Puteri' didendangkan, sudah tentu alunannya merdu, seni kata serta gambaran sejarah akan membawa pendengarnya ke alam romantik, alam mistik dan alam misteri. Hal yang demikian memang benar kerana puteri yang berkenaan memang meliputi aspek-aspek tersebut. Namun ada antara kita yang bertanya:

"Mengapakah Tanjung Puteri di Johor itu diberi nama demikian? Siapakah puteri itu?"

Inilah cerita Puteri Mayang Selida yang menyebabkan begitu banyak salasilah antara Sultan dan Bendahara kerajaan Johor dengan asal usul para pembesar dan para penguilu sebahagian besar dinasti-dinasti di Negeri Sembilan.

Inilah cerita asal-usul kaum Biduanda (Orang Asli di Negeri Sembilan) dan Puteri Mayang Selida. Mula-mulanya ada seorang yang bernama Batin Seri Alam. Pada satu hari Batin Seri Alam, sedang berburu di dalam hutan, tiba-tiba bertemu dengan satu tunggul kayu yang berjalan berhampiran dengan tebing Sungai Langat. Ditangkapnya tunggul itu lalu dibawanya ke rumah dan disimpan pada tempat yang selamat sehinggalah tunggul itu bertelur, 44 butir telur kesemuanya. Telur itu ditanam sehingga

menetas daripadanya 44 orang kanak-kanak. Inilah nenek-moyang kaum Biduanda. Batin Seri Alam memelihara kanak-kanak itu sehingga mereka besar, kemudian membekalkan kain yang diperbuat daripada kulit kayu untuk menutup kemaluan mereka. Mereka diajar memburu dan membina perahu.

Apabila kanak-kanak itu dewasa, 22 daripada mereka menyeberang ke Sumatera dan membuat petempatan di sana; manakala 22 lagi menetap di Semenanjung dan menjadi Biduanda.

Satu lagi cerita tentang asal usul kaum Biduanda ini kononnya tiaptiap orang jatuh dari langit ke bumi, sama ada berdiri, terduduk ataupun tersebam [jatuh atas mukanya]. Yang jatuh lalu berdiri akan menjadi Raja, yang terduduk akan menjadi Batin, dan yang jatuh tersebam akan menjadi hamba. Batin Seri Alam jatuh lalu terduduk.

Dia terus bangun lalu pergi mengelilingi dunia dan memerintah para hamba abdi - kaum Baduwi di negeri Arab, kaum biduan di benua India dan kaum Biduanda di Semenanjung. Kononnya ketiga-tiga perkataan itu bermaksud 'hamba'.

Seterusnya Batin Seri Alam memimpin orangnya menerokai Jelebu. Di sana dia terjumpa makanan tersedia di dalam beberapa buah dulang tetapi tidak ada sesiapa pun di situ untuk menjelaskan tentang makanan itu. Batin Seri Alam serta orangnya pun makan

dan setelah sudah menamakan tempat itu Kuala Dulang.

Orang Jelebu yang sudah beragama Islam cuba hendak mengislamkan Batin Seri Alam maka diajarlah dia mengucap dua kalimah syahadat dan ini dipadahi disebutnya setelah lama diajar. Tetapi apabila tuk mudim [tukang sunat] menjelaskan tentang penyepit dan pisau sunat, Batin Seri Alam menyatakan dia hendak membuang air kecil dahulu. Setelah beberapa lama orang menunggu akhirnya mereka pun mencarinya tetapi Batin Seri Alam sudah hilang.

Selepas Batin Seri Alam hilang, maka Batin Beranggai Besi pula berkuasa. Isterinya ialah Berduri Besi dan iparnya, Ketopong Besi. Pada satu hari semasa mereka keluar berburu, mereka terjumpa seorang kanak-kanak perempuan yang sangat cantik seperti peri, tersorok di dalam sebuah gua. Kanak-kanak itu dibawa balik dan dijadikan anak angkat mereka. Oleh sebab kanak-kanak itu sangat cantik dan kulitnya lebih cerah daripada mereka maka dinamakan Puteri Mayang Selida. Kanak-kanak itu tidak mahu menjamah haiwan – seperti cigak [monyet], tupai, ayam hutan yang tidak dimasak – yang disajikan kepadanya,



"Puteri bersiram"

Karya : Ismail Al-Bukhary, 2002

melainkan memakan buah-buahan, taruk ubi dan pucuk sayur-sayuran.

Dari hari ke hari Mayang Selida pun membesar dan menjadi seorang anak dara yang jelita maka namanya menjadi sebutan orang hinggalah sampai ke istana Johor. Kononnya Sultan Johor [dalam cerita yang lain, seorang putera baginda] bermimpi wajah Puteri Mayang Selida lalu baginda inginkan puteri itu. Baginda pun menyuruh orang membawa baginda dengan perahu dari setempat ke setempat. Pada tiap setiap tempat persinggahannya baginda menyuruh orangnya mengambil air dan menimbangnya, dan baginda menyuruh orang berkayuh ke perairan yang timbangan airnya semakin ringan. Para pengikut baginda hairan mengapa baginda berbuat demikian. Mengapa tidak pergi saja ke sungai? Ini tidak, mereka menyusur pantai di Selat Tebrau. Tentulah airnya masin. Adakah sesuatu yang tidak kena pada baginda? Akhirnya, sam-

pailah pada satu tempat lalu baginda mendarat seraya bertitah:

"Timbanglah air di sini."

Setelah air di pantai itu ditimbang, maka hairanlah segala



Puteri Dunia Melayu

pengikutnya kerana air di situ memang ringan seolah-olah tiada bergaram, tetapi jernih bagai air gunung, lalu mereka sembahkan:

“Tuanku, nampaknya perjalanan Tuanku berakhir di sini, kerana air di sintilah yang paling ringan antara air yang telah patik semua timbangkan.”

Mendengar kata-kata itu baginda tersenyum, lalu berjalan seorang diri ke dalam hutan yang pada pandangan baginda menjelma bagaikan sebuah taman dan sedang berjalan bersiar-siar tetapi terselindung di balik pohon-pohon ialah seorang gadis. Baginda mendekatinya dan benarlah wajah si jelita itu wajah Puteri Mayang Selida.

Puteri Mayang Selida dibawa balik ke istana lalu dikahwini Sultan Johor. Seorang putera daripada perkahwinan ini ialah Bendahara Sekudai, nenek moyang bagi penguasa di Sungai Ujung. Tempat pertemuan Sultan Johor dengan Puteri Mayang Selida itu dinamakan Tanjung Puteri.

Berikut ini [lihat lampiran salasilah satu] ialah salasilah yang diturunkan menurut tradisi kaum Biduanda, menunjukkan pertalian antara kerabat diraja Johor melalui Bendahara Sekudai dan pengasas dinasti di Sungai Ujung, Kelang, Jelebu dan Johol.

Menurut salasilah ini ada perhubungan antara Batin Bercanggai Besi serta watak-watak legenda yang berkaitan asal-usul negeri-negeri kecil dalam Negeri Sembilan: Tuk Jelundong, pengasas Jelebu; Nenek Kerbau, pengasas Johol; Tuk Tukul dan Tuk Landas, pengasas Kelang. Tuk Jelundong dan Tuk Kerbau ialah dua saudara perempuan kepada Batin Bercanggai Besi. Batin Bercanggai Besi ialah bapa kepada Tuk Dara Derani yang beranakkan Batin Seribu Jaya yang berkahwin dengan Bendahara Sekudai; dan daripada mereka berdua inilah turunya penguasa Sungai Ujung.

Nama Sungai Ujung ini nama baru kerana tidak ada sungai yang bernama ‘Ujung’. Menurut tradisi, kawasan itu disebut Semujong, dan *Sejarah Melayu* menyatakan sebagai Sening Ujung. Bagaimanapun, semua kisah menyatakan bahawa Datuk Kelana orang yang pertama membuka Sungai Ujung. Menurut salasilah-nya, dia dikatakan anak Bendahara Sekudai, dan nama tubuhnya

ialah Muhammad Tumbu, dan terkenal pula sebagai Tuk Jebat kerana saudaranya ialah Tuk Musang. Beliau juga dikenali sebagai Datuk Kelambu kerana beliau diam di Kuala Sungai Kelambu. [Sila lihat lampiran salasilah dua].

Pada Salasilah dua, di atas, ada perkara-perkara yang menarik. Pihak yang menciptanya memang tidak peka dengan adat Minangkabau. Tuk Dara Mudek dan Penghulu Selat adalah keturunan dari satu perut, maka perkahwinan mereka itu dianggap sumbang menurut adat Minangkabau kerana mereka itu anak kepada dua orang bersaudara (lelaki) maka tidak boleh berkahwin. Mereka juga adalah anak kepada dua orang adik-kakak (Tuk Cumbu dan Tuk Jerumbu), oleh itu tidak boleh berkahwin. Perkahwinan seperti ini perkara biasa di Semanjung, tetapi dianggap tiga kali sumbang menurut adat Minangkabau. Jadi salasilah ini bukanlah salasilah orang Minangkabau tulen, tetapi dicipta oleh orang Melayu tempatan berasaskan puteri-puteri Orang Asli, tetapi memang tidak konsisten. Pada zaman Bendahara Sekudai keturunan melalui lelaki lebih penting. Adat Perpatih hanya digunapakai di Sungai Ujung sejak zaman Engku Sabun.

Cerita Puteri Mayang Selida ini banyak versinya. Satu versi dari Nanning, dikatakan Nenek Bangkok dari Ulu Jelebu yang menjumpai Puteri Mayang Selida, dan puteri itu berkahwin dengan putera Sultan Abdul Jalil, Johor bernama Cahaya Putera, dan putera hasil perkahwinan itulah Bendahara Sekudai. Pasangan ini beranak banyak.

Berikut ini adalah keturunan Penguasa/Penghulu daerah-daerah di Negeri Sembilan.

- Nenek Tukul yang membuka Pangkalan Pauh di Kelang.
- Nenek Jelundong yang membuka Sungai Lumut di Jelebu.
- Nenek Landasan yang membuka Bandar Lima, iaitu Rahang di Sungai Ujung.
- Nenek Kerbau yang membuka Lantai Kulit di Johol.
- Dato’ Mudek yang kahwin dengan Khatib Muhammad, seorang

lelaki Pasai.

- (f) Dato' Bungkal yang kahwin dengan Lela Balang, dari suku Tiga Nenek di Kampung Bedara, Rembau.
- (g) Dato' Mengkudu yang berkahwin dengan Tun Syahid [atau Sayyid] di Pahang.

[Tentang (e) dan (g) berbeza sedikit daripada kisah tradisi Rembau.]

Menurut rekod tradisi dari Rembau, Bendahara Sekudai mengahwini seorang anak perempuan Penghulu Jakun, dan mempunyai tiga orang anak. Dua daripadanya menjadi nenek-moyang Orang Asli bagi Dinasti Rembau dan Sungai Ujong, dan seorang ibu kepada Bendahara Pahang. Menurut tradisi Rembau, Bendahara Sekudai terus pergi ke Pahang.

Apakah yang dapat kita ketahui daripada salasilah yang bersifat legenda ini? Tiap-tiap salasilah cuba memberi keabsahan (legitimacy) kepada Penguasa/Penghulu/Undang yang memerintah daerah-daerah tertentu dengan menghubungkan mereka dengan pihak berkuasa di Johor melalui seorang pembesar Johor, iaitu Bendahara Sekudai. Berikut ini adalah sultan-sultan Johor pada zaman itu [silat lihat lampiran salasilah tiga].

Jelaslah bahawa legenda Negeri Sembilan itu tidak benar yang mengatakan Bendahara Sekudai putera kepada mana-mana Sultan tersebut di atas. Tidak ada putera Sultan yang menjadi Bendahara sehingga selepas pembunuhan Sultan Mahmud (Mangkat Dijulang) pada tahun 1699, apabila keturunan Bendahara mewarisi takhta Johor [silat lihat lampiran salasilah empat].



Jadi siapakah Bendahara Sekudai dan bilakah masanya beliau dapat mentadbir Negeri Sembilan? Tentulah bukan sebelum tahun 1614, kerana Tun Seri Lanang masih menjadi Bendahara; dan jawatan beliau pula diwarisi oleh dua orang anaknya. Cuma resensi Batavia tentang 'Sejarah' yang bersamaan Codex A Dulaurier menjelaskan bahawa Tun Jinal, Bendahara Paduka Raja yang digelar 'Dato' Sekudai, dan memberikan salasilah berikut [silat lihat salasilah lima].

Kisah misteri di atas memang tiada kesudahan. Beberapa watak legenda (sama ada wujud atau tidak) cuma memainkan peranan untuk memberi keabsahan (legitimacy) dan pengukuhan pertalian antara suatu pihak (biasanya yang bawah) dengan pihak yang lebih berkuasa agar kedudukan atau status mereka terjamin. Puteri Mayang Selida yang timbul secara *supernatural* memberi pertalian romantik antara Orang Asli dengan kerajaan Johor manakala Bendahara Sekudai menjadi pertalian pentadbiran serta 'bapa' kepada beberapa dinasti pemerintahan di Negeri Sembilan sebelum kedatangan Adat Perpatih yang mengambil alih kuasa patrilineal menjadi matrilineal. Jadi, peranan Puteri Mayang Selida dijadikan lambang matrilineal walaupun bukan setulen adat yang datang dari Minangkabau kemudiannya.


Nota

Salasilah-salasilah dan butiran cerita disesuaikan daripada:

1. Wilkinson, R.J. 'Sungai Ujong'. Miscellaneous Papers on Negeri Sembilan, Collected from *the Journal of the Royal Asiatic Society*, 1906?
2. Winsteadt, R.O. 'Bendahara Sekudai and Negeri Sembilan'. Appendix III. A History of Johore (1365 - 1895). *Malaysian Branch, Royal Asiatic Society Reprinted No. 6*. 1979.




SALASILAH TIGA



SALASILAH EMPAT



SALASILAH LIMA





Puteri Anjasmara

KISAH KASIH SEGI TIGA

Cerita Damar Wulan adalah suatu epik Jawa kuno yang berpusat di Majapahit dan terdapat dalam berbagai-bagai bentuk dan versi seperti Serat Damar Wulan berbentuk tembung atau syair; Paken Ringgit Krucil berbentuk cerita dialog untuk wayang krucil; sama juga Paken Mandraswara; L...ngendriyan khusus untuk wayang; dan *Hikayat Damar Wulan* dalam bentuk prosa cerita biasa. Menurut jalan cerita memanglah ia tertumpu pada wira Damar Wulan serta episod-episod perang, magis, kesatriaan, istana, kembara, pertapaan dan sebagainya. Segalanya berbelit-belit sehinggalah berakhir dengan kemenangan wiranya.

Selain Damar Wulan, seorang wira yang ideal, ada dua watak puteri: Ratu Puteri Kencana Wungu yang menjadi Raja Majapahit dan Puteri Anjasmara, kekasih dan isteri Damar Wulan. Ada beberapa puteri yang lain tetapi peranan mereka hanya sampingan.

Tatkala Raja Majapahit, Seri Brawijaya mangkat dan diganti dengan puteri tunggalnya Ratu Puteri Kencana Wungu, Perdana Menternya Patih Udara meninggalkan Majapahit untuk hidup sepi di dalam gua. Turut ditinggalkan isterinya yang sedang hamil, lalu berpesan kepada panakawannya (hamba pengiring): Kalau anak itu laki-laki namakan ia Damar Wulan, kalau perempuan sekehendakmulah. Dalam masa itu adik Patih Udara, Raden Jegetan, memohon kepada Ratu Puteri agar diberi jawatan

abangnya maka digelar Patih Logender. Dengan tiadanya Patih Udara, maka Patih Logender cuba menggoda isteri abangnya namun ditolak kakak iparnya. Kemudian beliau lari mendapatkan ayahnya seorang petapa lalu tinggal di Paluhamba. Di sana beliau melahirkan seorang putera, maka dinamakan Damar Wulan.

Patih Logender pula mempunyai tiga orang anak: yang sulung laki-laki bernama Layangseta; yang tengah laki-laki bernama Layangkumitir dan yang bungsu perempuan bernama Anjasmara. Anak perempuan ini amat manis parasnya, gilang-gemilang cahayanya laksana bulan purnama, galak seperti srikandi, dan banyak cakapnya. Setelah besar Damar Wulan tiba ke Majapahit tetapi telah dijadikan penjaga kuda oleh Patih Logender apabila mengetahui asalnya. Dalam masa memotong rumput untuk dua belas ekor kuda yang harus disempurnakan setiap hari beliau dikasihi orang sekeliling, termasuklah Anjasmara yang datang menemui dia di kandang kuda. Melihat betapa segak dan tampannya Damar Wulan maka Anjasmara terus jatuh cinta dan berahi akan gembala kuda ayahnya. Namun Damar Wulan amat takut dan bersikap seperti seorang hamba. Tidak Anjasmara. Katanya:

"Kalau kamu dibunuh oleh ayah, masakan aku tinggal hidup. Kalau luka dadamu, tentu kubela kamu, kita mati bersama-sama." Damar Wulan masih takut. Anjasmara meluahkan rasa hatinya:



نَصْرُ مِنَ اللَّهِ وَقَدْ قَرَّبَ وَبَشِّرِ الْمُؤْمِنِينَ

Bendera negeri Kelantan yang tertera gambar harimau yang terjalin di dalamnya ayat:
Nasrun min Allah fut huw qarib wa basyiril-Mu'minin (as-Saff : 13)

"Ini laki-laki penakut, takut melihat perempuan. Sejak dahulu benci sungguh aku kepada laki-laki yang suka menangis. Sayang, orang laki-laki takut perempuan. Kalau kamu cinta akan aku, janganlah khuatir kalau kamu dimarahi oleh ayahanda, tentu kamu ku pelindungi kerana kamu saudaraku. Jangan kepalang mendera aku, deralah aku dengan nyanyian dan pujukan. Pergilah ke kediamanku, ku beri kamu persalinan. Sayang benar orang bagus badannya bercemar dedak, cemarilah badanmu dengan boreh (bedak) harum. Marilah kita pergi, jangan takut mati, masakan kamu mati sendiri, hingga sampai sakit atau mati sekali pun tentu aku bela kamu. Kamu ini sungguh menyesalkan hati, mesti aku menangis?"

Damar Wulan dibawa Anjasmara ke rumahnya, diberi pakaian, digosok badannya dengan bedak harum. Jangankan Damar Wulan tak jatuh cinta kepada Anjasmara, meski pendita sekalipun batallah tapanya kepada perempuan, kata pengarang cerita ini. Apabila diketahui Patih Logender maka kedua-duanya dipenjarakan.

Pada satu hari datang seorang utusan dari Balambangan membawa surat daripada Raja Menakjingga ingin meminang Seri Ratu Majapahit yang masih belum bersuami. Jika tidak setuju, Majapahit akan diserang. Dulu Balambangan memang takluk di bawah Majapahit tetapi setelah tenteran semakin kuat maka rajanya mula merajalela. Dengan penolakan pinangan itu maka tentera Menakjingga berangkat ke Daha, negeri di antara Majapahit dan Balambangan. Adipati Tuban, paman kepada Seri-Ratu, turut keluar hendak membantu. Adipati ini, Ranggalawe namanya terkenal seorang panglima gagah dalam sejarah Jawa. Pertempuran Balambangan dengan Daha mengakibatkan kekalahan Daha; Adipatinya gugur dan anak isterinya lari ke Majapahit. Mendengar khabar kekalahan Daha maka Ranggalawe terus maju mengempur tentera Balambangan. Suatu perang dahsyat pun berlaku digambarkan seperti di dalam epik besar dunia *The Iliad*, *Mahabharata* dan *Ramayana* maka hampir lenyap tentera Balambangan dipukul oleh angkatan Tuban diketuai Ranggalawe.

Setelah itu datanglah tentera Balambangan diketuai Menakjingga sendiri, yang diakui kebal dan banyak kesaktian. Dengan bantuan itu maka Ranggalawe dikepong lalu dibunuh dengan kejampunya.

Mendengar khabar pamannya mati, Seri Ratu pun mengisytiharkan sayembara: 'Barangsiapa sanggup melawan Menak-jingga, beta tidak akan memandang orang, tentu besar ganjaran. Ia akan menjadi raja di Majapahit, beta izinkan bersanggul keling, beta berlindung kepadanya. Kalau orang itu masih muda, beta jadikan saudara beta sejati. Kalau orang itu tua, beta pandang ia sebagai ayah. Itulah sayembara beta.'

Namun tak seorang yang menyanggupi. Bahkan banyak yang menyerahkan harta, kedudukan, pangkat dan gelaran asalkan jangan disuruh menentang Menakjingga.

Satu usaha yang dilakukan Seri Ratu ialah membakar dupa dan menyediakan sajian lengkap untuk memuja memohon bantuan kepada Hyang Hotipati, dewa tertinggi. Setelah memuja semalaman maka hampir pagi datanglah suara menyatakan: "Ya cucuku, janganlah kamu bersedih hati. Kalau cucuku menghendaki negerimu ini akan menang dalam peperangan dengarkan nasihatku ini. Di sini ada seorang sateria bernama Damar Wulan, bagus rupanya, asalny dari Paluhamba. Sekarang ini sedang disiksa oleh Pathmu Si Logender. Damar Wulan dipenjarakan dalam taman. Mintalah dia dengan segera, kerana dia akan dapat menghilangkan sedihmu..."

Seri Ratu terus mengarahkan Patih Logender agar Damar Wulan dibebaskan, lalu Ratu Majapahit menyampaikan surat yang berbunyi:

"Ya Damar Wulan, adapun sebabnya kamu beta panggil ini, kerana beta mahu kamu serang Balambangan. Kalau kamu dapat membunuh Raja Menakjingga dan membawa kepalanya ke mari, besarlah ganjaranmu, iaitu menjadi Raja Majapahit. Beta hanya akan menyampangi kamu. Kalau kamu setuju dengan kehendak beta ini, berangkatlah besok."

Maka sembah Damar Wulan ketika menemui Seri Ratu :

"Tuanku, segala titah hamba junjung. Hamba melakukan

kewajibkan ini kerana mengerjakan perintah Raja, meskipun hingga mati sekalipun, hamba tidak akan undur. Hanya berkat doa Seri Ratu yang hamba pohon agar dapat menyenangkan hati Raja Puteri."

Dalam masa melihat wajah Damar Wulan itu Raja Puteri bertambahlah berahinya apatah lagi mendengar kata-kata manis seperti madu itu. Sekembali ke rumah, Anjasmara segera menyambut suaminya serta bertanya:

"Kekanda, apa sebabnya kekanda dipanggil oleh Seri Ratu? Rupanya cinta Raja Puteri itu kepadamu kanda. Tentu dia ingin bersuamikan kanda. Di mana dapat orang memperolehi laki-laki yang serupa kekanda ini, bagus dan gilang-gemilang cahayanya. Tetapi kalau diminta oleh baginda, tentu dinda tidak akan serahkan begitu saja."

Damar Wulan mententeramkan isterinya dengan menyatakan tugasnya, namun ditegah isterinya dengan kata-kata yang menakutkan. Terus dipujuk Damar Wulan dan didengarkan lagu-lagu yang menghiburkan Anjasmara sehinggalah puteri itu tertidur maka keluarlah ia meninggalkan isterinya.

Di Balambangan, Damar Wulan berkenalan dengan dua orang puteri tawanan Menakjingga iaitu Waita dan Puyeng yang mengetahui rahsia kematian Menakjingga serta berteguh janji akan mengabdikan diri kepada Damar Wulan.

Kata Damarwulan : Kalau hamba menang perang kerana menurut petunjuk tuan puteri berdua, hamba bernazar hendak memperhambakan diri kepada tuan puteri berdua, hamba menurut saja perintah tuan puteri, dijual tujuh kali sehari pun hamba menurut jua.

Jawab kedua puteri itu:

"Raden, ada tiga macam permintaan hamba. Pertama, bunga pakma kembang di dada. Kedua, matahari yang tidak akan terbenam. Ketiga, laut yang tidak akan kering."

Damar Wulan tersenyum kerana faham akan maksud kata-kata

ganjil itu. Bunga pakma kembang di dada, maksudnya menjadi suami isteri. Matahari yang tidak akan terbenam, maksudnya janganlah mereka itu berpisah selama-lamanya. Laut yang tidak akan kering, maksudnya apa saja kehendaknya ditunaikan.

Damar Wulan menyanggupi segala kemahuan puteri itu asalkan mereka menunjukkan alat yang dapat membunuh Menakjingga. Kedua puteri itu masuk ke peraduan raja Balambangan lalu mencuri peti emas yang tersimpan di kuing azimat raja itu di dalamnya. Walaupun disuruh puteri agar dibunuh Menakjingga semasa dia masih tidur, namun darah sateri Damar Wulan tidak membenarkan. Menakjingga dibangunkan maka bertarunglah kedua-duanya sehingga dipukul besi kuning itu pada pelipis kiri raja itu, barulah rebah Menakjingga. Kepala Menakjingga pun dipenggal lalu dibawa balik ke Majapahit.

Malangnya di pertengahan jalan, Layangseta dan Layangkumittir, anak Patih Logender, telah menahan rombongan Damar Wulan lalu menikamnya dan merampas kepala Menakjingga dan membawa balik kepada ayah mereka, dengan harapan Layangseta akan menjadi raja Majapahit dan memperisterikan Seri Ratu.

Damar Wulan yang ditinggalkan oleh rombongan kerana disangka mati dipulihkan oleh Ki Ajar Tunggalmanik, seorang petapa. Katanya: "Ya cucuku anak yang bagus, pendur benar kamu ini. Bangunlah. Sekarang belum waktunya kamu pergi ke alam baqa kerana tiada yang menjadi pedoman dunia."

Damar Wulan kembali ke Balambangan dan mendapat sokongan taat setia daripada para menteri dan rakyatnya.

Di Majapahit, Patih Logender mempersembahkan bagaimana kedua anaknya memenggal kepala Menakjingga. Walaupun Seri Ratu bersedih namun bertanya kepada Waita dan Puyengan yang menjadi tawanan itu. Maka terbongkarlah pembongahan keluarga Patih Logender kerana puteri-puteri menyatakan yang benar.

Berita kematian Damar Wulan telah sampai ke telinga Anjasmara, maka bertekadlah puteri itu akan mencari dan melihat mayat suaminya sendiri sebelum menuntun bela. Keluarlah Anjasmara seorang diri meredah hutan rimba, sepanjang jalan menengis dan

meratapkan nasibnya:

"Ya dewa! Alangkah celaknya badanku ini! Bersuami belum lagi lama, kini sudah kematian suami. Ya kanda Damar Wulan! Aniyanya kanda, sampai hati kanda tinggalkan dinda. Sedang tidur ditinggalkan saja. Sekarang kanda dah tiada. Betapa diriku seorang diri. Kanda, bawalah dinda ke mana kanda pergi... Di mana gerangan mayatmu, kanda?"

Dalam masa itu Damar Wulan sedang membawa rombongan dari Balambangan maka ternampak akan seorang wanita berjalan terhuyung-hayang, pakaian tercarik merata tubuhnya meununjukkan luka-luka akibat dikait duri hutan rimba. Damar Wulan tidak melupai isterinya lalu melompat turun dari kudanya dan berlari mendapatkannya. Mula-mula Anjasmara gementar tetapi setelah dikenalnya wajah suaminya maka menjeritlah Anjasmara disambut suaminya.

"Ya jiwaku, tidak kusangka-sangka bahawa kanda akan bertemu dengan dinda."

Anjasmara menangis tersedu-sedu, dengan kata-kata:

"Ya kakanda, adinda pun demikian juga, kerana mendengar berita kekanda telah gugur. Itulah sebabnya adinda tidak hiraukan bahaya menyusul kerana adinda hendak mengetahui mayat kanda. Fikiran adinda tak lain hanyalah hendak membela."

Segalanya dijelaskan oleh Damar Wulan, maka sahut isterinya:

"Meskipun mereka itu saudara adinda, tetapi jahat kelakuaninya, tiada dapat mereka itu mengubahnya. Mereka itu sampah dunia. Tidak akan berdosa kalau kekanda membunuh mereka itu."

Mereka pun meneruskan perjalanan ke Majapahit menyatakan apa yang sebenarnya berlaku. Berikutannya Damar Wulan bersiap berperang tanding melawan kedua-dua anak Patih Logender itu. Dia dihiasi oleh Anjasmara sendiri yang masuk gelanggang sambil memegang pada hujung kain suaminya. Kata Damar Wulan:

"Ya kekasih, jantung hati kanda, janganlah adinda ikut masuk ke dalam gelanggang. Tidak ada gunanya. Kalau-kalau tertikam."

Maka jawab Anjasmara:



Puteri Dunia Melayu

"Maka takut kena tikam? Bahkan adinda takut kalau-kalau kanda mati. Apalah yang dinda nanti-nantikan dalam hidup ini?"

Lalu kata Damar Wulan: "a adinda, hanya adindalah yang kasih akan kanda. Ya ratna pekaca yang manis, hanya adindalah tangkai kalbu kekanda."

Sebelum bertarung tiap-tiap panglima memperagakan tarian. Layangseta menari tarian Makassar, manakala Langkumitir menarikan tarian Bali. Dalam masa itu orang yang menonton bertaruh akan panglima yang difikirkannya akan menang. Damar Wulan menari bagai merak mengigal sambil memutar-mutarkan lembingnya. Anjasmara yang memegang hujung kain Damar Wulan berkata:

"Kanda, janganlah menari. Adinda takut kerana banyak janda dan perawan yang akan jatuh cinta kepada kanda. Kalau-kalau kanda diambil mereka."

Anjasmara memberikan sepiak sirth kepada suaminya, maka kata Damar Wulan: Ya adinda, jangan ikut. Mengapa dinda ni? Kan kanda mencari maut.

Anjasmara tersenyum lalu mencubit paha suaminya. Kata Damar Wulan dengan suara lembut: Ya adinda, lepaskanlah hujung kain kanda. Kanda hendak menentang musuh, iaitu kedua saudara dinda.

Jawab Anjasmara: "Tidak kanda. Dinda tidak mahu pergi. Hidup atau mati dinda ikut berperang bersama kanda. Kalau kanda mati, dinda pun mati juga."

Damar Wulan membuang lembingnya, lalu dipeluknya isterinya itu seraya berkata:

"Ya kesuma, mata hati kanda, adik kekanda yang mencintai suaminya, janganlah dinda menangi. Lepaskanlah kain kanda. Relakan kanda berjuang kerana dinda."

Setelah itu Damar Wulan pun menyerang Layangseta dan Layangkumitir yang kedua-duanya dipukul setengah mati tetapi dilepaskan mereka lari keluar gelanggang. Dengan itu Damar Wulan telah diangkat naik takhta Majapahit bergelar Brawijaya kedua dan Seri Ratu menjadi raja perempuannya. Setelah menjadi raja Majapahit, walaupun Patih Logender memberontak namun setelah ditangkap diampunkan oleh Damar Wulan.

Bagaimana akhirnya dengan Anjasmara? Seri Ratu yang telah jatuh berahi akan Damar Wulan telah memanggil Anjasmara mengadap, titah Seri Ratu:

"Ya adikku, relalah beta beradik kepadamu kerana dinda memang saudara beta. Mudah-mudahan adinda tidak marah kepada beta. Marilah adinda bersama-sama hidup senang dan mewah di Majapahit, sama-sama belajar hidup dengan madu."

Apa jawab Anjasmara?

"Ya Seri Ratu, siang dan malam hamba selalu menurutkan perintah Paduka Baginda. Jangankan itu yang Ratu Puteri kehendaki, meskipun nyawa hamba sekalipun, hamba serahkan ke bawah Duli Paduka Ratu."



Istiadat pasangan pengantin menurut Istiadat Istana Mangkunegaran

Photo: Dr. Amrin Zahari



Dewi Asmayasekar

KASIH IBU MENDATANGKAN HASIL

Pada suatu waktu dahulu di sekitar sebuah gunung bernama Duk duduk bertapa seorang lelaki bernama Prabu Dayaningrat dengan ditemani gadis kecil, anaknya bernama Dewi Asmayasekar. Di sekitar gunung itu beliau, sebagai seorang pendeta, terkenal hanya sebagai Ki Juru. Kalau tidak duduk bertapa maka Ki Juru mengerjakan sawah yang di lereng gunung itu ataupun berkebun di sekitarnya untuk menyara hidup berdua. Hasil tanaman yang berlebihan diberi percuma kepada penduduk yang tidak ramai yang tinggal jauh sedikit dari gunung itu.

Tahun demi tahun berlalu maka Dewi Asmayasekar pun besar menjadi seorang gadis remaja yang sangat cantik. Sedar akan anaknya yang cantik itu maka bertanya di dalam hati Ki Juru: 'Siapakah yang akan menyunting bunga yang sedang mekar di hutan ini? Masakan didatangi orang sebegini jauh dan sukar?'

Tempat pempatan Ki Juru itu terletak hampir sebuah sungai yang jernih dan agak dalam. Tiap-tiap hari Dewi Asmayasekar turun ke sungai untuk mandi, mencuci dan sebagainya. Pada suatu pagi Dewi Asmayasekar pergi ke sungai itu seperti biasa, menyangkutkan kainnya pada dahan rendah dan mandi tanpa sehelai benang kerana siapakah yang akan melihatnya? Lagipun dia di dalam air berendam hinggaplah ke lehernya. Di ranting-ranting yang menjulai ke air burung bersul-suil. Di tebing bunga-bunga hutan kembang diusik

matahari. Walaupun Dewi Asmayasekar tidak menyedari tentang sesuatu, namun ada sepasang mata sedang memerhati gelagatnya di dalam air itu. Bukan saja Dewi Asmayasekar satu-satunya makhluk di dalam air namun ada satu lagi makhluk – iaitu seekor buaya putih.

Melihat kejelitaan Dewi Asmayasekar itu maka buaya putih itu pun jatuh hati terhadapnya, lalu gadis cantik itu disihirnya. Kini Dewi Asmayasekar tidak lagi melihat dirinya di dalam sungai tetapi di dalam sebuah istana yang indah permai. Dalam saat-saat dia terpegun memerhati akan hiasan cantik di sekelilingnya, dia terkejut melihat seorang muda seperti anak raja datang dari belakangnya. Orang muda itu cukup tampan mendekatinya dengan senyum menawan. Dalam imbas pandang pertama itu Dewi Asmayasekar terus terparkat dan jatuh hati terhadap pemuda itu, lalu mereka pun memadukan asmara yang sedang memarak.

Dewi Asmayasekar hidup bagai di dalam mimpi. Segala-galanya indah, tak pernah dialami; sehinggalah pada suatu waktu maka kembalilah ia mendandan dirinya di tebing sungai itu. Waktu masih pagi tetapi embun sudah kering. Dengan segera dia pun bergegas pulang. Baginya waktu berlalu bagai budak bertatih-tatih. Mengapakah gerakannya begitu lambat dan lembam?

Betapa tidak! Walau pun segalanya berlaku bagai dalam mimpi namun kini dia berasa bahawa dia berbadan dua. Segala-galanya

diceritakan kepada ayahnya, Ki Juru, yang sungguh hairan. Berkali-kali ditanya namun yang dinyatakan adalah mimpi atau khayalan itu saja. Mimpi yang sungguh indah tetapi yang nyata itu pahit dan menyedihkan.

Ki Juru tidak memarahi Dewi Asmayasekar, tetapi menyesali dirinya yang gagal sebagai pelindung puterinya. Dia terlalu mengharapakan hutan dan rimba menjadi pelindung. Kini masa terus bergerak dan sampai waktunya Dewi Asmayasekar pun melahirkan seorang putera yang cantik mukanya bercahaya berseri-seri. Dengan kelahiran bayi itu reda sedikit beban yang ditanggung Ki Juru. Katanya kepada anaknya:

"Anakku sayang Dewi Asmayasekar, sekarang lahirlah sudah anakmu seorang putera yang molek ini. Menurut tilikanku dia akan menjadi orang bernama kelak. Aku namakan anakmu itu Jaka Sengara. Tapi anakku sayang, dengan lahirnya anakmu ini, tibalah saatnya aku pergi. Peliharalah anakmu baik-baik. Selamat tinggal, anakku."

Walaupun Dewi Asmayasekar tidak dapat menahan ayahnya, namun hidupnya tidak terlantar terus sebab jiran-jirannya sentiasa datang membantu. Walaupun demikian tugas membesarkan seorang anak berseorangan bukanlah mudah, lebih-lebih lagi hidup di dalam hutan rimba yang banyak bahayanya. Anak dapat disusui tetapi diri sendiri harus diurus, makanan harus dicari, disimpan baik-baik dan dicatu agar tidak membazir taklaka dia sakit atau iklim tidak membenarkan dia keluar ke kebun. Namun sentiasa ada jiran datang mengunjunginya. Antara yang mengunjunginya ialah seorang pemuda yang tampan sekali. Mula-mula Sang Dewi hairan taklaka bertemu pemuda itu kemudian dikenang-kenangnya kembali wajah itu. Maka jelaslah pada fikirannya: 'Itulah pemuda ayah anakku.' Beberapa hari Sang Dewi mengadakan selamatan (sajian untuk kesyukuran), tetapi pada hari terakhirnya, pemuda itu kesiangan dan berubah menjadi buaya putih. Ketika Dewi Asmayasekar bangun dan terlihat akan buaya putih itu tahulah dia bahawa pemuda tampan itu asal buaya putih. Maka jelaslah peristiwa yang dahulu dianggapnya berlaku dalam mimpi, memang benar.

Walaupun hidup Dewi Asmayasekar dua beranak tidak kekurangan

namun tanggungan sang ibu mendidik anaknya bersendirian amatlah sukar. Dia harus tabah, sabar, dan teguh pendirian kerana tiada tempat bergantung. Ada orang yang cuba melindungi mereka tetapi mereka tidaklah sekuat yang diharapkan. Pada satu hari Jaka Sengara bertanya sesuatu kepada ibunya:

"Ibu, bila ibu tenang di hati, ingin hamba dengar sebenarnya siapa ayah hamba. Selama ini hamba tak tahu pernahkah orang lelaki yang diam di rumah kita ini."

Dewi Asmayasekar berlinangan air mata, mula-mula sedikit lama-kelamaan semakin kuat tangisannya, lalu dirangkul anak dan meriba kepalanya, membelai-belai rambutnya. Lama sang ibu tidak berkata apa-apa selain meluahkan tangisan bagai tawaf membawa hujan. Akhirnya ketika reda barulah Dewi Asmayasekar mengangkat kepala anaknya yang dibasahi air mata itu, lalu diceritakanlah apabila anak itu yang duduk tunduk membongkok di hadapan ibunya. Ditenung akan muka anaknya, maka kata Dewi Asmayasekar:

"Ayahmu adalah seorang buaya putih."

Maka terhurailah peristiwa semasa dia bertapa di samping ayahnya dan peristiwa di sungai tempat dia mandi itu. Bagaimana keadaan berubah menjadi istana yang indah megah. Juga tentang pemuda tampan yang berubah menjadi buaya putih kerana kesiangan tidur di rumahnya ketika Jaka Sengara masih kecil.

"Dialah raja segala buaya, anakku," ujar Dewi Asmayasekar mengakhiri ceritanya.

Jaka Sengara menarik nafas panjang, hatinya penuh dengan perasaan takjub. 'Dia putera seekor buaya putih yang sakti yang dapat menjelma menjadi seorang pemuda kakak. Sebentar anak itu diam memikirkan keturunan sebelah ayahnya. Namun siapakah ibu yang cantik, diam seorang diri di dalam hutan ini? Dengan nada lembut dan hormat, tanda dididik dengan baik oleh ibu yang punya taraf hidup yang tinggi.

"Ibu, siapakah ibu ini sebenarnya?"

"Ayahku seorang Raja yang berkuasa di kerajaan Pajang-Pengging.

Ibuku puteri Maharaja Brajakumara Majapahit," jelas Dewi Asmayasekar, merenung dengan tegas wajah anaknya.

"Jadi, ibu, hamba ini bukan sebarang anak biasa. Tiap titik darah yang mengalir di dalam tubuhku adalah darah raja yang besar, juga ahli pertapaan dan orang yang sakti. Namun, ibuku, mengapakah nasib hamba begini? Mengapa ibu?"

Jelas Dewi Asmayasekar : Jaka Sengara anakk, ibu mendidiku dengan apa yang diwariskan oleh datuk dan nenekmu – orang bangsawan, orang terdidik, orang yang berbudaya tinggi – agar kau menjadi seorang putera yang sempurna. Sekarang terpulang kepada kau, anakk, apa yang hendak kau lakukan untuk hidupmu.

Jaka Sengara tunduk mengucup tangan ibunya seraya berkata: Ibu, izinkanlah hamba pergi. Hamba akan mencari jawabnya. Akan hamba kembali menjemput ibu pulang ke mahligai megah yang sepatutnya kediaman ibu.

Jaka Sengara sujud di hadapan ibunya yang meraih kepalanya lalu mengucup dahi anak bertuah itu. Kata Dewi Asmayasekar: Pergilah, anakk. Tiap titik air mataku akan menjadi pelepas dahagamu. Tiap suap yang kutahan akan menjadi pelepas laparmu. Tiap ucapan doaku akan mendorongmu dalam pertapaanmu. Pergilah wahai sayangku. Pergilah."

Maka pergilah Jaka Sengara dari tempat ke tempat dia bertapa. Ia bertapa di dalam gua, di hutan belantara, di dalam air. Apabila panas, dibiarkan tubuhnya dibakar matahari terik. Apabila hujan dibiarkan tubuhnya didera titik-titik hujan yang terus menerus menjadi air bah lalu dibiarkan dirinya dihanyutkan, bersama segala benda yang dihanyutkan. Pada suatu ketika tubuhnya masih

terapung-apung kedengaran suatu suara menyeru dengan jelas: "Wahai anakk, pertapaanmu telah diterima oleh para dewa. Pergilah ke Majapahit. Perhambakan dirimu kepada Prabu Brawijaya."

Ketika Jaka Sengara terbangun, dia sudah terbaring di tebing sungai. Sudah hampir dengan kota Majapahit. Apabila dikehendaki para dewa maka mudah saja dia sampai ke Majapahit.

Di sana Jaka Sengara diterima sebagai 'magang' oleh Prabu Brawijaya lalu dititah menakluk pulau Bali. Ekspedisi ke pulau Bali itu berjaya menakluk pulau itu dan Jaka Sengara membawa pulang puteri Bali. Dengan kejayaan itu, Prabu Brawijaya terus mengangkatnya menjadi Adipati di tempat datuknya dahulu, memakai gelaran Dayaningrat yang dipakai datuknya dahulu, memegang kerajaan Pengging dan dianugerahi seorang puteri 'triman'.

Selepas itu dia datang mengundang ibunya lalu dibawa ke kraton. Maka memuncaklah hidupnya – penuh tenteram dan bahagia. Adipati Dayaningrat berputera dua orang – yang tua Kebo Kanigara dan yang muda Kebo Kenanga. Semasa perebutan kuasa Majapahit, Dewi Asmayasekar meninggalkan dunia dan tidak lama kemudian disusuli anaknya Adipati Dayaningrat. Tinggallah dua puteranya, kehilangan orang terdekat yang disayangi. Kebo Kanigara meninggalkan Majapahit lalu pergi bertapa di Gunung Merapi.

Demikianlah berkatnya didikan seorang ibu yang berkorban bersusah payah membesarkan anaknya sehingga akhirnya menjadi seorang Adipati dalam kerajaan Majapahit. Bak kata bidalan Melayu: Benih yang baik jatuh ke laut menjadi pulau.



*Tuai padi antara masak
Esok jangan layu-layuan;
Intai kami antara nampak,
Esok jangan rindu-rinduan.*



Kanjeng Ratu Roro Kidul

SEMUA RAJA MATARAM JADI SUAMINYA

Legend tentang Kanjeng Ratu Roro Kidul memang terkenal umum di Tanah Jawa sebagai Penguasa Laut Selatan, Indonesia. Apakah sifat-sifatnya dan latar belakangnya yang amat mempersonakan ramai hingga ke hari ini sejak berkurun-kurun yang lalu. Pertama, kejelitaan Ratu Roro Kidul ini yang menarik bukan saja di kalangan raja-raja Jawa, terutama di daerah pantai Laut Selatan, bahkan para pelukis cuba merakamkan wajah indah itu pada kanvas mereka. Kedua, dikatakan Ratu Roro Kidul itu, sejak raja Mataram yang pertama, terus menerus menjalin kasih dengan generasi raja-raja kemudiannya; ketiga, bagi mengingati sang ratu dicipta pelbagai upacara dan tarian yang khusus lagi indah oleh pihak kraton; keempat cerita latar belakang Ratu Roro Kidul itu sendiri yang berubah daripada wajah yang hodoh menjadi cantik yang menakjubkan para pencerita dan pendengar tanpa jemu-jemu.

Marilah kita kembali ke asal usul Kanjeng Ratu Roro Kidul yang mempersonakan ini. Pada satu masa dahulu hidup seorang puteri yang cantik bernama Dewi Kadita di sebuah kerajaan Pakuan Pajajaran yang dikuasai oleh Prabu Mundhingsari (atau Siliwangi dalam versi lain). Oleh kerana kecantikannya itu beliau dipanggil Dewi Srengenge (matahari yang indah). Walaupun memiliki seorang puteri yang cantik namun sang raja sentiasa berharap mendapat seorang putera. Sang Raja pun berkahwin dengan Dewi Mutiara maka berhasilillah cita-cita raja mendapatkan seorang

putera. Dewi Mutiara ingin sangat agar puteranya naik takhta kerajaan maka dianjurkan agar Puteri Kadita disingkirkan dari istana. Rancangan ini sudah tentu ditolak oleh sang raja, namun Dewi Mutiara berusaha dengan memanggil seorang dukun, dengan arahan:

“Aku ingin tubuhnya yang cantik menjadi penuh dengan kudis dan bisul gatal-gatal. Bila berhasil akan kuberi imbalan [upahan] yang tak pernah kau impikan.”

Ketika Puteri Kadita bangun selepas malam itu didapati tubuhnya dipenuhi dengan kudis dan gatal-gatal yang berbau busuk. Beliau menangis, tak tahu apa nak dibuat. Ketika diketahui sang raja maka dijemput puluhan tabib, namun tidak dapat disembuhkan. Dewi Mutiara menekankan agar Puteri Kadita disingkir dari negeri supaya tidak menandatangani sial di dalam negeri.

Puteri Kadita pun pergi bersendirian keluar istana dan jauh dari negerinya tak tahu ke mana hendak dituju. Beliau yang berhati mulia tidak menaruh dendam terhadap ibu tirinya, malahan mengaggap itu suatu takdir, maka beliau sentiasa berdoa agar Tuhan mendampingi dalam menanggung derita dan seksaan lahir dan batin. Setelah tujuh hari tujuh malam sampailah puteri yang malang itu ke pantai Samudera Selatan. Melihat akan air yang bersih dan jernih, beliau terus terjun ke dalamnya dan berenang. Tiba-tiba, tatkala disentuh air Samudera Selatan itu akan



Ratu Roro Kidul menjelma dari Laut Selatan

Lukisan dalam Pasak Kehang MHS Sdn. Bhd.

kulitnya maka berlakulah perkara luar biasa. Kudis dan bisulnya yang gatal-gatal itu lenyap, tiada langsung meninggalkan tanda-tanda atau bekas berpenyakit. Bahkan beliau menjadi lebih cantik daripada sebelum itu. Kulitnya licin dan gebu bahkan wajahnya berseri bersinar-sinar.

Di Laut Selatan itu Puteri Kadita menjadi ratu yang menguasai semua makhluk halus sepanjang pesisir pantai Pulau Jawa dan samudera Indonesia yang luas dan dalam. Namanya menjadi Roro Kidul Kencanasari. Konon pusat istananya ada di beberapa tempat, seperti di daerah Parangtritis, Mancingan dan Yogyakarta selain beberapa kawasan pantai di Jawa Timur.

Versi cerita yang menyebabkan Ratu Roro Kidul berkahwin bergilir-gilir dengan raja Mataram generasi demi generasi berubunyi seperti berikut. Seorang Pangeran kerajaan Pajajaran bernama Joko Suruh telah bertemu dengan seorang pertapa wanita yang memerintah agar Joko Suruh mengunjungi kerajaan Majapahit di Jawa Timur. Oleh sebab pertapa itu seorang wanita muda yang cantik maka Joko Suruh jatuh cinta kepadanya; tetapi sang pertapa itu adalah ibu saudara kepada Joko Suruh, bernama Dewi Ratna Suwinda, maka cintanya ditolak. Dewi Ratna Suwinda semasa muda mengasingkan diri bertapa di sebuah bukit, kemudian ia turun ke pesisir Laut Selatan dan menjadi penguasa spiritual di sana. Dewi Suwinda berpesan kepada Joko Suluh jika keturunan Pangeran itu menjadi penguasa kerajaan yang muncul dekat Gunung Merapi, ia akan mengahwini seluruh rajanya bergilir-gilir turun-termurun.

Generasi berikutnya, Panembahan Senopati, pengasas kerajaan Mataram kedua, dalam mempersiapkan tenaganya untuk menentang kerajaan di utara, bertapa menghening jiwa di pantai Laut Selatan. Pertapaannya yang hebat itu menarik perhatian Ratu Roro Kidul.

“Sinuwan, haraplah Tuanku hentikan semadi Tuanku. Laut Selatan dengan isinya akan rosak kerananya. Bukankah segalanya itu milik Tuanku sendiri? Hamba menyerah kepada Tuanku, bila nanti Tuanku berperang dengan raja-raja lain di Pulau Jawa hambalah yang akan membantu Tuanku. Tetapi hentikanlah semadi Tuanku.” Senopati menurut maka Laut Selatan tidak bergelora lagi dan

segala kerosakan pulih kembali. Ratu Kidul pulang ke istana di dasar laut bersama dengan Senopati. Mereka saling jatuh cinta lalu berkahwin. Selama di istana itu Senopati diberi pelajaran dalam ilmu pemerintahan serta mantra memanggil Ratu Kidul apabila menghadapi pertempuran. Senopati pun meminta izin keluar dari lautan di Parangtritis. Sejak saat itu Ratu Kidul dikatakan berhubung erat dengan keturunan Senopati dan sesajian [sesajian, semahan kepada makhluk halus] dipersembahkan setiap tahun melalui perwakilan istana Solo dan Yogyakarta.

Dikatakan Ratu Kidul berkahwin beberapa kali. Kononnya yang pertama dia bersuamikan Prabu Angin-angin, raja jin dari kerajaan Tanjungbang. Hasil perkahwinan ini lahir seorang puteri yang cantik bernama Dewi Widananga. Selain itu pengasas kerajaan Mataram, Wong Agung Ngeksi Ganda dan semua raja Mataram termasuk Sultan Agung, hinggalah pemerintahan Sultan Pakubuwana VII. Semasa upacara penabalan Sultan Pakubuwana X, Ratu Kidul dikatakan turut hadir di istana Surakarta. Sehingga akhir hayatnya, Pakubuwana X dikatakan selalu dikunjungi Ratu Kidul yang berkendaraan kereta kencana.

Legenda Ratu Kidul diabadikan di Jawa, terutamanya di Yogyakarta dan di Surakarta, kedua-dua kraton memiliki leluhur yang sama, yakni kerajaan Mataram. Sultan pertama Yogyakarta, Hamengkubuwana I telah membina pada pertengahan abad ke-18, sebuah Taman Sari yang indah hampir kraton Ngayogyakarta Hadiningrat, dipanggil Sumur Gumuling. Taman ini dikatakan tempat pertemuan Sultan dengan Ratu Kidul. Hamengkubuwana II telah mencipta tarian Bedaya Semang yang ditarikan oleh sembilan orang perawan yang berpakaian seperti pengantin diraja zaman silam. Kraton Surakarta juga ada tarian bedaya yang dinamakan Bedaya Ketawang yang lebih tua daripada Bedaya Semang kerana dicipta oleh Sultan Agung (1610–1645) pada zaman kegemilangan kerajaan Mataram untuk memperingati pertemuan yang menggambarkan cumbu rayu antara Panembahan Senopati (pengasas dan nenek-moyang Sultan Agung) dan Kanjeng Ratu Kidul. Kesembilan-sembilan penari bedaya ini dipakaikan dengan dodot Banguntulak Alas-alasan, sejenis kain bidang luas berlatar warna biru serta pola-pola haiwan laut, gunung dan lain-lain. Tema tarian memamerkan keadaan ombak laut dengan gaya lemah gemalai yang menarikjubkan. Upacara Labuhan tahunan masih



diadakan dengan persembahan sajian dari Sultan dibawa ke Laut Selatan dan dihanyutkan.

Kepercayaan dan penghayatan terhadap Ratu Kidul terus diabadikan meluas sampai Jawa Barat. Di Samudera Beach Hotel di Pelabuhan Ratu ada tersedia sebuah bilik nombor 308, khusus untuk Ratu Kidul. Sesiapa yang ingin masuk ke bilik ini harus melalui seorang perantara yang menyajikan persembahan buat Sang Ratu. Di luar bilik atau kamar 308 itu mungkin masih ada pokok ketapang, tempat Presiden Sukarno bersemadi sebelum membangunkan hotel itu. Di dinding bilik 308 itu terhias dengan lukisan oleh beberapa pelukis Indonesia terkenal, seperti Basuki Abdullah yang pernah melukis Ratu Kidul lebih sepuluh kali. Karya-karyanya menghiasi Istana Bogor dan Istana Negara.

Pada satu ketika kamar 308 ini pernah dikunjungi rombongan Yayasan Parapsikologi Semesa (YPS) pimpinan Drs. Sabdono dan Permadi S.H. Bersama mereka ialah Baby Huwae (Lokita Purnama) bekas bintang filem yang mencebur diri dalam alam mistik sebagai tukang ramal. Dia memerintahkan agar pintu yang mengadap laut dibuka. Setelah itu Baby mengangkat tangannya ke atas lalu tangan itu bergerak lemah gemalai disertai geliat separuh tubuhnya – gerakan yang mirip dengan gerakan tarian Bedaya Ketawang. Kemudian dari mulutnya keluar kata-kata dalam bahasa

Jawa tinggi bahkan ada yang dalam bahasa Kawi, dan suaranya pun berubah begitu lembut dan menawan (padahal Baby biasanya bersuara lantang dan tak mahirpun berbahasa Jawa tinggi). Seolah-olah digerak oleh kuasa ghaib, tangan seorang ahli YPS, Sri Mulyono menghasilkan lima bait tembang kinanti, dan satu daripadanya diturunkan di sini:

Ingsun saka kidul

(Saya datang dari Selatan)

Maniti marang kawruhanira

(Harap kau ketahui)

Sira-sira sing manegis iki

(Engkau yang datang meminta petunjuk ini)

Amung ana lima sing pinitji

(Hanya ada lima orang terpilih)

Kang wus ingsun tanpa kinanti ing

(Yang sudah ku ketahui dalam sasmita mimpi)

Jejer adeg-adeg sira bakal madeg

(Tegaklah engkau akan berdiri tegak)

Jer basuki mawa beya, jer basuki mawa reksa

(Kesejahteraan menuntut pengorbanan, keselamatan memerlukan tantangan)

[Dipetik dari Majalah *Kartini*]



Puteri Gunung Ledang

PENGAJARAN BUAT RAJA BERNAFSU BUAS

Kisah Puteri Gunung Ledang, sejak zaman Melaka hingga ke hari ini, menimbulkan banyak perdebatan. Antaranya pada zaman Raja Melaka yang manakah cerita itu berlaku – Sultan Mansur Syah (1459–477) atau Sultan Mahmud Syah (1488–1528)? Hal ini disebabkan adanya dua sumber, yang berupa *Sulalatus-Salatin* (Raffles MS. No. 18 edisi R.O. Winstedt) dan *Sulalatus-Salatin* (edisi W.G. Shellabear). Namun begitu, kami kemukakan kisahnya dari MS. No. 18 (yang lebih tua) dengan sedikit jalinan dari edisi Shellabear (bahagian taman beserta dua buah pantun); dan memperjelas mengapa hal demikian berlaku di akhir kisah ini.

Pada suatu hari Sultan Mansur Syah dihadap oleh para pembesar, menteri, sida-sida dan hulubalang sekalian. Maka titah baginda:

“Adapun bahawa syukur kita ke hadrat Tuhan *subhanahu wa Ta’ala*, kita beroleh kerajaan yang amat besar dianugerahkan Allah kepada kita, tetapi suatu lagi maksud kita: jikalau dapat kita pohonkan ke hadrat Allah, bahawa kita hendak beristeri yang terlebih daripada segala raja-raja dalam dunia ini.”

Maka sembah segala pembesar:

“Adakah Tuanku, seperti Tuanku kehendaki itu? Kerana puteri Jawa dan puteri China telah diperisteri Yang Dipertuan? Apa pula

yang lebih daripada itu?”

Maka titah Sultan Mansur Syah:

“Jikalau beristeri sama anak raja-raja ini, adalah raja yang lain pun demikian, tetapi yang kukehendaki barang yang tiada pada raja-raja yang lain; itulah kehendak kita peristeri.”

Maka sembah segala orang besar-besar:

“Yang mana titah Tuanku itu, supaya patik sekalian kerjakan.”

Maka titah Sultan Mansur Syah:

“Kita hendak memining Puteri Gunung Ledang. Laksamana dan Sang Setiahal kita titahkan.”

Tentang Puteri Gunung Ledang ini sudah jadi buah mulut orang bahawa rupa parasnya amatlah cantik dan perawakannya amat memikat. Puteri tersebut bukanlah anak raja biasa dari mana-mana negeri tetapi dikatakan mendiami Gunung Ledang, dan tidak sebarang orang yang pernah bertemu dengannya. Akan asalusulnya pun banyak, dan antaranya anakronistik dan berupa khayalan.

Bagaimanapun, seperti yang diperintah, dua pahlawan Melaka



Puteri Dunia Melayu

(Laksamana Hang Tuah dan Sang Setia) terpaksa menjalankan kerja itu dengan bantuan Tun Mamad, Penghulu Inderagiri yang membawa orangnya untuk menebas jalan dan memudahkan perjalanan rombongan itu ke Gunung Ledang.

Telah beberapa hari lamanya di jalan, sampailah ke kaki Gunung Ledang, lalu sekaliannya pun mendaki gunung itu. Baru kira-kira setengah gunung itu angin bertiup dengan kencang, menyukarkan perjalanan mereka. Tun Mamad pun mencadangkan agar dia serta dua tiga teman naik terus mendaki manakala Laksamana, Sang Setia serta orang lain berhenti sahaja di pertengahan gunung itu. Saranan ini dipersetujui Laksamana, maka Tun Mamad dengan pantas meneruskan pendakian gunung itu, agar dapat menyampaikan maksud raja secepat mungkin.

Tun Mamad pun sampailah di kawasan buluh perindu, angin semakin keras dan awan seolah-olah dapat disentuh. Kedengaranlah bunyi buluh perindu yang amat merdu itu, yang menyebabkan burung terbang berhenti dan segala margasatwa berhenti mendengar, hairan tercengang-cengang. Tun Mamad pun bertemu dengan sebuah taman, lalu dia pun masuk ke dalam taman yang indah itu.

Maka dilihat oleh Tun Mamad serba bunga-bunga dan pelbagai buah-buahan ada dalam taman itu sekaliannya dengan jambangannya, pelbagai rupa jambangan. Segala burung di dalam taman itu pun berbunyi, pelbagai bunyinya, ada yang seperti orang berteriak, ada yang seperti orang berbangsi, ada yang seperti orang bersyair, ada yang seperti orang berbarit, ada yang seperti orang berseloka, ada yang seperti orang bergurindam. Limau mengkar pun bersorak, anggerik pun mengilai, delima tersenyum, dan bunga air mawar berpantun, katanya:

Sana sini gigi menintang,
Nak makan ikan dalam telaga;
Lagi lemak telur berlinang,
Sisiknya lekat kepada dada.

Maka disahut oleh bunga tanjung biru, katanya:
Dang Nila memangu puan,
Berembang buah pedada;

Adakah gila bagimu tuan,
Burung terbang dipipiskan lada.

Tun Mamad pun hairan memandang perhiasan taman itu, lalu bertemu dengan sebuah balai di dalam taman itu. Semua perkakasnya tulang, atapnya rambut. Di atas balai itu seorang perempuan tua, baik rupanya, menyampai kain pendukung, empat orang perempuan muda-muda menghadapi dia. Dia bertanya kepada Tun Mamad:

“Orang mana kamu ini, dan hendak ke mana?”

Jawab Tun Mamad:

“Kami ini orang Melaka, nama kami Tun Mamad, dititahkan oleh Sultan Melaka meminjau Puteri Gunung Ledang ini. Laksamana dan Sang Setia ada di bawah gunung ini, tiada boleh naik. Akan hamba disuruhnya. Dan tuan hamba ini siapa, dan apa nama tuan hamba?”

Sahut perempuan itu:

“Nama hamba Dang Raya Rani. Hambalah pengetua tuan puteri Gunung Ledang. Nantilah hamba di sini. Biar hamba persembahkan segala kata tuan hamba ini pada tuan puteri.”

Maka Dang Raya Rani dengan keempat-empat perempuan itu pun lenyaplah. Ada selepas itu menjemalah seorang perempuan tua bongkok belakangnya, berlipat tiga. Katanya pada Tun Mamad:

“Ada pun segala kata-kata tuan hamba itu sudahlah dipersembahkan oleh Dang Raya Rani pada Puteri Gunung Ledang. Akan titah Tuan Puteri, ‘jikalau Raja Melaka hendakkan aku, perbuatkan aku jambatan emas satu, jambatan perak satu, dari Melaka datang ke Gunung Ledang ini. Akan peminangnya, hati nyamuk tujuh dulang, hati kuman tujuh dulang, air mata setepayan, air pinang muda setepayan, dan darah raja semangkuk, dan darah anak raja semangkuk. Jikalau boleh demikian kabullah Tuan Puteri akan kehendak raja Melaka itu.’
Telah sudah ia berkata-kata demikian maka ia pun lenyaplah. Menurut pendapat sesetengah orang yang bererita itu, orang tua




Puteri Dunia Melayu

itulah Puteri Gunung Ledang merupakan dirinya.

Tun Mamad pun turun lalu menyampaikan segala kehendak Puteri Gunung Ledang kepada Laksamana. Seterusnya mereka pun turun-lah lalu kembali ke Melaka menghadap Sultan Mansur Syah. Segala kata-kata dan syarat-syarat Puteri Gunung Ledang itu pun dipersembahkan oleh Laksamana kepada Sultan Mansur Syah. Maka titah Sultan Mansur Syah: "Semuanya dapat kita adakan. Tetapi akan mengeluarkan darah anak kita itulah yang tiada dapat kita adakan, kerana tiada sampai hati kita."

Nota: *Sulalatus-Salatin* edisi Shellabear yang dianggap telah

diperbaiki oleh Tun Seri Lanang dari edisi tertua (Raffles MS. No. 18), diubah kisah Puteri Gunung Ledang dari zaman Sultan Mansur Syah ke zaman cucu baginda, Sultan Mahmud Syah untuk menegaskan pengajaran secara halus itu kepada serorang raja yang memang suka bermain muda di kalangan isteri-isteri pembesar di Melaka, selain baginda sendiri sudah banyak isteri dan gundiknya. Lagipun baginda telah berkahwin dengan anak Laksamana Hang Tuah, yang bernama Tun Sirah. Masakan disuruh bapa mertua yang sudah tua menempuh hutan belukar dan mendaki bukit semata-mata hendak memuaskan nafsu buasnya!



Nyir Galing

*Nyir galing puncak mahligai,
Sayang ketupat berisi inti,
Hancur daging tulang berkecai,
Belum dapat belum berhenti.*



Pemandangan Gunung Ledang dari sebuah tasik



Puteri Kanun

PUTERI YANG WUJUDKAN PERMAINAN BONGAI

Di Negeri Sembilan, khususnya di Kuala Pilah dan Johol, terdapat satu jenis persembahan muzik yang terkenal dengan nama Bongai. Pada zaman moden ini, antara alat-alat muziknya ialah sebuah gong, dua buah rebana dan sebuah biola (violin). Beberapa orang penyanyi, lelaki dan perempuan, juga menjadi sebahagian daripada Bongai. Oleh sebab satu daripada rentak muzik Bongai menggambarkan rentak kuda berlari maka Bongai dikenali juga sebagai Rentak Kuda. Ada kalanya Bongai dimainkan muzik dengan alat-alat saja, dan ada kalanya nyanyian para penyanyi diiringi muzik. Kalau dinyanyikan biasanya penyanyi menyanyikan lagu dalam loghat Negeri Sembilan.

Yang menarik tentang persembahan Bongai ini ialah hubungannya dengan makhluk mitos yang bernama Puteri Kanun. Menurut cerita orang tua-tua Bongai berasal daripada lagu yang dinyanyikan untuk menyeru Puteri Kanun. Lagu tersebut dinyanyikan oleh Datuk Sabun, seorang pembesar Datuk Seri Mahagalang, salah seorang keturunan Datuk Perpatih Nan Sebatang di Minangkabau, iaitu ketika Datuk itu menyeru Puteri Kanun di Sungai Jerneh. Lagu ini juga dinyanyikan oleh Puteri Kanun ketika memuja Maharaja Jin sewaktu menghantar Datuk Sabun balik ke kampungnya.

Datuk Sabun ialah seorang peneroka yang membuka negeri di hulu

Sungai Muar iaitu di Daerah Johol. Datuk Sabun yang gagah-perkasa lagi berani itu setelah berhasil membuka negeri, pada satu malam telah bermimpi bertemu dengan Puteri Kanun yang tinggal di puncak Bukit Miku di hulu Sungai Jerneh (sekarang Sungai Inas), satu daripada sungai yang mengalir ke Sungai Muar. Puteri itu ingin berjumpa dengan Datuk Sabun kerana hendak memberinya beberapa hadiah. Dalam mimpi itu Datuk Sabun diajar oleh Puteri Kanun mantra (jampi serapah) yang mesti dinyanyikan ketika menyeru puteri itu apabila sampai hampir puncak Bukit Miku.

Pada esok harinya, Datuk Sabun pergilah mudik ke hulu Sungai Jerneh. Apabila sampai di satu tempat bernama Jeram Joeng, Datuk Sabun dikejar oleh suatu lembaga, yang sebenarnya ialah Maharaja Jin. Dia menyatakan bahawa Puteri Kanun itu tunangannya tetapi tidak berupaya bertemu dengan puteri itu kerana puteri itu makhluk yang sangat sakti. Maharaja Jin tidak akan melepaskan Datuk Sabun selagi dia (Datuk Sabun) tidak menunaikan satu janji. Apabila ditanya apakah yang harus dibuatnya, maka kata Maharaja Jin:

“Hendaklah kamu bawa bersama-sama Tuan Puteri Kanun ketika kamu balik dari Bukit Miku kelak. Jika kamu gagal, kamu akan kukejar dan akan ku bunuh kelak.”

Datuk Sabun pun bersetuju, lalu dilepaskan oleh Maharaja Jin itu. Datuk Sabun pun meneruskan perjalanannya sehinggalah sampai



Gambar ihsan Petronas



ke mahligai Puteri Kanun lalu dinyanyikanlah lagu seruan yang dijangkan Puteri itu dalam mimpinya dulu. Berikut inilah mantera lagu itu:

Wahai penghuni puncak mahligai,
Pancaran gading di hujung lamannya,
Bunga raya di palang atapnya,
Seperti di dalam mimpi hamba.

Di kuala Sungai Keruh, di kuala Sungai Jernih,
Di anjung rumah poyang Pak Senai,
Tuan Puteri mengundang hamba ke hulu air,
Sekarang hamba tunaikan janji.

Jika benar sebagai mimpi,
Zahirkanlah diri Tuan Puteri,
Untuk menepati janji,
Jika tidak, mohon hamba kembali.

Selesai sahaja mantera itu dilagukan oleh Datuk Sabun, muncullah seorang perempuan tua mempersilakan Datuk Sabun masuk ke istana mahligai itu. Nyanyian Datuk Sabun yang julung-julung kali dilagukan ini dianggap persembahan Bongai yang pertama. Setelah masuk ke dalam istana maka dilihatnya terhidang makanan dan minuman yang lazat belaka. Selepas makan dan minum barulah muncul Puteri Kanun yang cantik jelita bertanyakan khabar. Datuk Sabun pun menceritakan perihal hidupnya dan ketakutannya kerana Puteri Kanun tertawa sahaja mendengar perihal itu, terutama dia akan dikejar oleh Maharaja Jin semasa pulang kelak. Mendengar janji Datuk Sabun kepada Maharaja Jin itu maka Puteri Kanun berasa kasihan terhadap Datuk Sabun maka Puteri Kanun sanggup menemani Datuk Sabun setakat Jeram Joeng. Semasa bersama Puteri Kanun itu Datuk Sabun diberi hadiah berupa sebatang seruling dan sebuah tetawak (tabuh atau gendang raya). Setelah menerima hadiah-hadiah itu Datuk Sabun pun mohon pulang.

Dalam perjalanan pulang, lama kelamaan Datuk Sabun yang

ditemani Puteri Kanun itu sampailah ke Jeram Joeng. Di situ mereka dikejar oleh Maharaja Jin, tetapi Puteri Kanun tidak gentar lalu melagukan suatu mantera (yang dianggap suatu Bongai juga), lalu menghamburkan segeggam abu dapur itu pada kulit tubuh Maharaja Jin itu maka dia pun menggeletar ketakutan dan kesakitan. Setelah selesai melagukan mantera (Bongai) itu Maharaja Jin pun terperangkap di celah batu di sebelah air terjun di situ. Dipercayai derauan air terjun yang kedengaran hingga ke hari ini adalah bunyi Maharaja Jin itu mengerang kesakitan.

Dengan terperangkapnya Maharaja Jin itu maka selamatlah orang yang selalu lalu-lalang di kawasan itu daripada gangguannya. Setelah Datuk Sabun selamat melalui Jeram Joeng itu maka Puteri Kanun pun ghaib, dan Datuk Sabun pun meneruskan perjalanannya pulang membawa alat-alat bunyian yang dihadiahkan oleh Puteri Kanun, serta lagu yang dilafazkan. Dari lagu-lagu terawal yang diiringi seruling dan tetawak itu maka berkembanglah persembahan Bongai di Johol dan sekitarnya hingga ke kawasan-kawasan lain di Negeri Sembilan.

Biasanya lagu-lagu Bongai dalam bentuk pantun dan dinyanyikan dalam loghat Negeri Sembilan. Walaupun pada satu masa dulu banyak lagu-lagunya namun kini tinggal tak seberapa. Antaranya: Budu Randai, Bujang Jauh, Cemperai, Cantik Manis, Donak Donai, Dindin, Gobang Pendek, Hitam Manis, Itik Pulang Petang, Petasih, Rentak Kuda Senaling, Sulung Abang, dan Timang Abang. Temanya meliputi segala aspek hidup selain kasih-sayang. Misalnya, Cantik Manis dan Hitam Manis memuji-muji wanita, manakala Cemperai menceritakan secara sindiran sepagas suamisteri yang sudah talak tiga tetapi kerana desakan ejekan itu telah mencari seorang muhalil (Cina buta) agar dapat berkahwin semula. Ada juga jenis lagu yang berangkaian dalam satu cerita, seperti 'Cerita Merah'. Dalam cerita itu dinyanyikan tiga jenis lagu, iaitu Gobang Panjang, Gobang Cindai dan Gobang Kitang. Penceritaan dilakukan menggunakan puisi bebas dan disampaikan dengan cara berkata-kata dan kurang dilagukan, seolah-olah penyampaian cara ballada. Ada beberapa rentak dalam persembahan Bongai, dan ia berasaskan gong dan rebana. Rentak-rentak ini adalah Rentak Kuda, Rentak Tiga dan Rentak Ketipung Danau. Ada juga lagu yang dimainkan tanpa rentak seperti lagu-lagu Gobang yang



Puteri Dunia Melayu

tersebut di atas. Adakalanya penyanyi-penyanyi seolah-olah tak sedarkan diri atau 'naik sycikh' semasa penyampaian lagu-lagu Gobang.

Ada juga pihak yang menyatakan Bongai berasal daripada nyanyian Puteri Bongsu dalam *Hikayat Malim Deman*. Dalam cerita rakyat ini Puteri Bongsu kononnya telah menyanyikan lagu

Bongai yang pantunnya berbunyi:

Ya Illahi Bongai,
Kuda ada bertapak tidak,
Tapak terletak di atas meja,
Ibumu ada bapamu tidak,
Pada siapa hendak bermanja?



Istana Menanti



Puteri Wan Sundari

PUTERI SUCI PENEGUH JANJI

Di tanah Andalas [Sumatera] ada sebuah negeri, Palembang namanya. Sungai yang mengalir di situ Muara Tatang dan di hulu Muara Tatang terdapat sungai yang lain bernama Melayu. Di kawasan itulah berdirinya sebuah bukit bernama Bukit Si Guntang dan di hulunya Gunung Maha Meru. Sebuah padang di sebelah darat bernama Panja-lingen. Raja Palembang pada masa itu Demang Lebar Daun. Konon daun telinganya lebar daripada biasa.

Di Bukit Si Guntang itulah dua orang perempuan mengusahakan padi huma: seorang bernama Wan Empok dan seorang lagi Wan Malini. Pada satu malam, tatkala dua orang peladang itu berada di rumah, mereka terpandang ke arah Bukit Si Guntang yang tiba-tiba terang beryala-nyala seperti api. Kedua-duanya takut hendak meniasat pada malam itu. Esoknya kedua-duanya pun mendaki Bukit Si Guntang dan didapati padi mereka telah berubah menjadi emas, daunnya menjadi perak dan batangnya menjadi tembaga. Tanah di puncak bukit itu pun seperti warna emas. Tidak jauh dari situ mereka terserempak dengan tiga orang lelaki muda yang tidak pernah mereka lihat sebelum itu. Fikir mereka, tentulah mereka bertiga ini yang mengubah keadaan padi dan tanah di situ. Maka mereka pun bertanya:

"Siapakah tuan hamba ini, dan dari mana datang tuan hamba ini?"

Anak jin atau anak perikah tuan hamba ini?"

Maka sahut seorang antara tiga lelaki muda itu:

"Adapun kami ini bukanlah jin atau peri tetapi manusia dan kami daripada anak cucu Raja Iskandar Zulkarnian. Nasab kami daripada Raja Nusyirwan Adil. Nama kami Nila Pahlawan, Krishna Pandita dan Nila Utama. Pedang kami ini bernama Corek Si Mandang Kini [Cura Simanja Kini] dan lembing ini bernama Lembuara dan mohor ini Cap Halilintar Kayu Gamat namanya."

"Apa sebabnya maka tuan hamba ke mari?"

Tanya dua peladang itu. Maka diceritakanlah oleh Nila Pahlawan akan latar belakang keturunannya dari sejak Iskandar Zulkarnian hingga ke saat itu.

"Apakah tanda seperti kata tuan hamba itu?" Tanya peladang itu lagi.

"Mahkota inilah tandanya, dan perubahan pada padi embok serta tanah bukit ini itulah tandanya."

Barulah Wan Empok dan Wan Malini percaya lalu membawa anak raja bertiga itu ke rumah mereka; ketiga-tiganya menaik



keindahan seekor lembu putih. Kedua-dua perempuan itu pun menjadi kaya-raya disebabkan kesaktian anak raja bertiga itu. Nila Utama digelar oleh Wan Empok dan Wan Malini, Sang Sapurba. Lembu putih itu pun memuntahkan seorang lelaki bernama Batala yang berdiri memuji Sang Sipurba dengan kata-kata yang mulia-mulia. Inilah yang disebut ciri tatkala raja-raja Melayu kemudian hari ditabalkan, dan Batala inilah asal usul orang yang membaca ciri pada masa pertabalan raja-raja Melayu itu. Sang Sapurba pun digelar 'Sang Sapurba Taram Sri Tribuana'. Nila Pahlawan dan Krishna Pandita pun berkahwin dengan Wan Empok dan Wan Malini. Daripada anak cucu mereka itulah digelar bagi laki-laki 'Awang' dan bagi perempuan 'Dara'. Itulah asalnya perawangan dan perdaraan.

Berita Wan Empok dan Wan Malini mendapat anak raja turun dari keenderaan itu pun sampai pada Demang Lebar Daun lalu dia pun datang mengadap membawa aneka persembahan. Maka Demang Lebar Daun dianugerahi persalinan. Setelah masyhur berita itu ke segala negeri, maka raja-raja yang lain pun datang mengadap serta dengan persembahan masing-masing, dan mereka ini pun dianugerahi persalinan. Sang Sapurba pun hendak beristeri maka jika ada raja-raja yang ada anak perempuan yang baik rupa parasnya maka dikahwini baginda. Tetapi setelah berada dengan baginda puteri itu berpenyakit kedal, dikatakan rulah dijamah baginda itu. Dengan demikian, kurang esa empat puluh yang sudah diperisteri baginda semuanya kedal juga. Tiap-tiap puteri itu ditinggalkan baginda kerana berpenyakit kedal itu.

Tersebutlah tentang raja Palembang itu, Damang Lebar Daun, mempunyai seorang puteri yang terlalu baik rupa parasnya, tiada berbanding cantiknya pada zaman itu, Wan Sundari namanya. Wan Empok dan Wan Malini pun memberitahu kepada Sang Sapurba lalu dipinangnya. Maka sembah Demang Lebar Daun:

"Jikalau anak patik tuanku peristeri, nescaya kedal ia. Tetapi jikalau tuanku mahu berwa'adat [berteguh janji] dengan patik, maka patik persembahkan anak patik ke bawah Duli Yang Dipertuan."

Kononnya sejak itu diperguna kata-kata 'Yang Dipertuan' dan 'patik' sebagai bahasa istana. Maka titah Sang Sipurba:
"Apa yang dikehendaki oleh bapaku itu?"

Lalu sembah Demang Lebar Daun [Berikut ini adalah wa'ad antara Sang Sapurba dan Demang Lebar Daun]:

"Adapun tuanku segala anak-cucu patik sedia akan jadi hamba ke bawah Duli Yang Dipertuan. Hendaklah ia diperbaiki oleh anak-cucu Duli Tuanku. Dan jika ia berdosanya sebesar-besar dosanya pun, jangan ia difadhihkan [dimalukan; di aikkan], dinista dengan kata-kata yang jahat. Jikalau besar dosanya dibunuh. Itu pun jikalau berlaku pada hukum syarak."

Maka titah Sang Sapurba:

"Akan pinta bapa itu beta kabulkanlah. Tetapi beta minta satu janji pada bapa beta."

Maka sembah Demang Lebar Daun:

"Janji yang mana itu, Tuanku?"

Maka titah Sang Sipurba:

"Hendaklah pada akhir zaman kelak anak-cucu bapa beta jangan derhaka pada anak cucu kita. Jikalau ia zalim dan jahat pekerti sekalipun."

Maka sembah Demang Lebar Daun:

"Baiklah, Tuanku. Tetapi jikalau anak buah tuanku dahulu mengubahkan dia, maka anak cucu patik pun mengubahkanlah."

Maka titah Sang Sapurba:

"Baiklah, kabullah beta akan wa'adat itu."

Maka baginda pun bersumpah-sumpahan barang siapa mengubahkan perjanjian itu dibalikkan Allah bumbungannya ke bawah, kaki tiangnya ke atas. Itulah sebabnya dianugerahkan Allah subhanahu wa Ta'ala pada segala Raja-raja Melayu, tiada pernah memberi aib [malu] pada segala hamba Melayu, jikalau sebagaimana sekali pun besar dosanya, tiada dikat dan digantung dan difadhihkan dengan kata-kata yang jahat. Jikalau ada seorang



Puteri Dunia Melayu

raja memberi aib seorang hamba Melayu, alamat negerinya akan binasa. Begitu juga segala anak Melayu pun dianugerahkan Allah *subhanahu wa Ta'ala* tiada pernah derhaka dan memaling muka pada rajanya, jikalau jahat pekerti sekalipun serta aniaya.

Wa'adat Sang Sipurba dan Demang Lebar Daun dianggap undang-undang yang keramat (sacred) di antara golongan raja dan golongan rakyat, saling hormat menghormati antara mereka demi kesejahteraan dan keamanan negara. Dari wa'adat ini juga timbul konsep taat setia kepada raja dan tidak menderhaka; yang setimpal pula dengan adab bahawa raja tidak boleh memberi malu terhadap rakyat Melayunya.

Setelah berwa'adat dan berteguh-teguh janji, maka Wan Sundari anak Demang Lebar Daun pun dipersembahkan ke bawah Duli Sang Sapurba lalu dikahwin oleh baginda itu. Pada malamnya baginda pun beradulah dengan tuan puteri dan setelah hari siang maka dilihat baginda tuan puteri itu tidak kedal. Amatlah sukacitanya baginda lalu disuruh beritahu kepada Demang Lebar Daun. Nyata anaknya selamat daripada penyakit kulit itu lalu dipersilakan Sang Sapurba serta isterinya ke Palembang.

Di Palembang akan diadakan upacara memandikan Sang Sapurba. Maka dibinalah panca persada pangkat lima kemuncaknya yang amat indah perbuatannya.

Setelah siap maka dimulakan pekerjaan berjaga-jaga empat puluh hari empat puluh malam makan minum bersuka-sukaan, dengan segala raja-raja, para menteri, sida-sida, bentara, hulubalang dan segala rakyat sekalian.

Gambaran jelas upacara mandi dan pertabaln Sang Sapurba serta Wan Sundari dipetik dari *Sejarah Melayu* seperti berikut :

Setelah genaplah empat puluh hari empat puluh malam, maka air mandi pun diarak oranglah dengan segala bunyi-bunyian, dan bekas air mandi itu sekalannya emas berpermata. Maka Sang Sapurba dua laki isteri pun diarak tujuh kali berkeliling panca persada itu, maka baginda laki isteri pun mandilah di seri panca persada itu, dimandikan oleh Batala. Setelah sudah mandi, maka Sang Sapurba pun bersalin kain selengkap tubuh, lalu memakai

pakaian darapati darmani namanya, dan Tuan Puteri Wan Sundari pun memakai kain buru damiani; kedua baginda memakai dengan selengkap pakaian kerajaan. Maka kedua laki isteri pun duduk di atas peterana yang kemasan di atas singgahsana kerajaan. Maka gendang nobat pun dipalu oranglah. Setelah sudah tabal, maka



Lukisan di Mazium S



Puteri Dunia Melayu

segala para menteri hulubalang sekaliannya menjunjung duli baginda. Telah itu nasi santapan pun diangkat orang maka baginda dua laki-isteri pun santaplah. Setelah sudah santap, maka Batala membubuh pancawa pancara di telinga raja kedua laki-isteri. Setelah itu maka Sang Sipurbalah jadi raja di Palembang itu, maka

Demang Lebar Daun pun turun menjadi Mangkubumi.

Tuan Puteri Wan Sundari memegang peranan yang amat penting dalam perubahan kerajaan Palembang, kerana kesucian tuan puteri ini menjadi paksi pada perjanjian antara Sang Sapurba dan Demang Lebar Daun. Kesucian Wan Sundari juga tidak kena sumpahan atau tulah sebab dijajah oleh 'raja segala raja' itu mengukuhkan wa'adat yang ditubuhkan antara ayahanda dan suami baginda. Nama baginda 'Sundari' dalam bahasa Sanskrit bermaksud 'Yang Cantik' atau 'Si Jelita'. Jelaslah wa'adat yang diwujudkan itu suatu peraturan atau adat yang harus dipegang agar tidak bersalahan antara kedua pihak. Bukankah ini satu pengimbang yang cukup baik kerana ia berasaskan tatasusila peradaban yang tinggi?

Walaupun ada kelemahannya seperti: 'anak Melayu tidak menderhaka walaupun rajanya amat jahat kelakuannya serta menganiayainya' namun raja sedemikian dapat disanggah seperti kata bidalan Melayu:

'Raja berdaulat raja disembah
Raja zalim raja disanggah.'

Perkara sedemikian pernah berlaku dalam Kesultanan Melaka apabila Raja Muhammad, putera kesayangan Sultan Mansur Syah, telah 'ditolak oleh bumi Melaka' menjadi raja di Pahang, kerana membunuh Tun Besar anak Bendahara Tun Perak.

Sebenarnya waadat Sang Sapurba-Demang Lebar Daun ini jika diserikan dengan mohor seperti wajah jelita - Tuan Puteri Wan Sundari - tak akan berlaku sebarang pertelingkahan kerana akibatnya 'negeri akan binasa.'



Sultan Etnologi Melaka



Puteri Rambang Rambunut

BUDI MULIA DAN KETABAHAN HATI

Pada satu waktu dahulu ada sebuah negeri, Dundangan namanya; dan rajanya, walaupun sudah tua amat dikasihi rakyat kerana memerintah dengan adil dan saksama. Raja ini mempunyai tujuh orang puteri yang sungguh cantik rupa parasnya. Dan puteri yang bongsulah yang amat menawan sesiapa yang memandang. Oleh itu puteri bongsu dicemburi kakak-kakaknya yang enam itu. Raja sendiri pun lebih menyayangi puteri bongsu, bukan sahaja kerana kecantikannya tetapi disebabkan budi bahasa dan kelakuannya yang penuh sopan santun.

Pada satu hari datanglah seorang putera raja dari negeri jiran hendak meminang salah seorang daripada puteri-puteri raja Dundangan itu. Putera ini sungguh kakak dan tampan orangnya.

"Puteri yang manakah yang tuan ingin peristerikan?" Tanya Raja Dundangan, kerana putera itu tidak menyatakan pilihannya.

"Tuanku, patik serahkan pada kebijaksanaan Tuanku untuk memilih buat beta," jawab putera itu, "kerana pada pendapat patik, Tuankulah yang lebih arif, asalkan puteri itu sesuai patik jadikan permaisuri apabila patik menjadi Raja kelak."

Raja tua itu serba salah. Puteri yang manakah yang paling sesuai?

Maka setiap puteri, kecuali puteri bongsu, menawarkan diri masing-masing.

"Pilihlah anakanda," usul Puteri Sulung, "tentulah menyalahi adat jika adik-adik hamba melangkah bendol! Apa kata orang kelak? Malulah hamba."

"Ayahanda, pilihlah anakanda," ujar Puteri Kedua, "kerana takhta kerajaan ini kelak akan diwarisi kekanda yang sulung. Jika anakanda berkahwin dengan putera itu, dapat juga anakanda menjadi Permaisuri."

Puteri-puteri yang lain turut menawarkan diri dengan pelbagai sebab dan alasan, sehingga raja tua jadi keliru dan celaru.

"Aduh! Cacau dan kacau beta!" rungut Raja Dundangan.

Ini menyebabkan keenam-enam puteri itu tergelak berdekah-dekah kerana geli hati melihat ayahanda mereka kebingungan.

"Puteri Bongsu, mengapa anakanda berdiam saja?" Tanya baginda dengan lembut.

"Ayahanda, andainya ada jodoh, tidak ke mana," jawab Puteri Bongsu, lembut sambil tersenyum malu, "Segala ditentukan Tuhan.

Begitu juga masa depan anakanda.”

Kakak-kakaknya mencebikkan bibir ke arah adik bongsu mereka, kerana kata-kata bernasnya melukakan hati mereka. Puteri Bongsu kesal mengeluarkan pendapatnya, kerana mereka tidak suka dia bercakap banyak. Oleh sebab tidak mahu ada rasa cemburu di kalangan puteri-puteri baginda, maka raja Dundangan terpaksa menolak lamaran putera negeri jiran itu. Maka terkilamlah enam orang puteri yang ingin sangat akan putera yang gagah lagi tampan itu. Lalu keenam-enam puteri itu menyalahkan Puteri Bongsu kalau tidak tentu salah seorang daripada mereka akan terpilih.

Dengan perasaan muram dan kesal itu mereka terus ke Taman Larangan lalu mandi di sungai yang mengalir di taman yang indah dengan aneka bunga dan tumbuhan. Mereka dituruti Puteri Bongsu yang ingin berbaik-baik semula dengan kekanda-kekandanya serta ingin memujuk mereka. Tatkala sampai maka Puteri Bongsu ternampak sesuatu terapung-apung di permukaan sungai itu datang mendekati Puteri Sulung.

“Kanda Sulung! Ada sesuatu menghampiri kanda. Awas!”

“Apa?” Puteri Sulung mengherdik adiknya, kerana tidak mahu diganggu.

“Di sana, ada buah rambang rambunut sedang hanyut datang mendekati kanda,” ujar Puteri Bongsu.

“Ah sungguh cantik buah itu!”

Melihat buah rambang rambunut tersentuh tubuhnya maka Puteri Sulung menjerit melonjak-lonjak sambil menangkis buah yang berwarna merah darah dan berbulu halus itu.

“Aduh! Berbintat-bintatlah kulit beta! Miangnya bulu buah itu! Ah, musnahlah kejelitaan beta! Pergi! Pergi!”

Puteri Bongsu geli hati melihat gelagat kakak-sungunya takut akan buah rambang rambunut yang terapung-apung itu dan semakin menyerlah kena cahaya matahari. Turut menyaksikan buah merah murup itu ialah sekawan burung punai yang bertengger di atas

ranting; juga seekor tupai nandung yang melompat-lompat di tebing sungai. Kini buah merah itu mendekati Puteri Kedua yang membuat ia menjerit-jerit sambil mengusik buah yang berbulu halus ke arah Puteri Ketiga yang turut berteriak takut terkena miangnya. Begitulah dari seorang puteri ke seorang puteri buah rambang rambunut itu seolah-olah mengusik bercumbu-cumbuan sehinggalah dikusi oleh puteri-puteri itu ke arah Puteri Bongsu yang menunggu di tebing sungai itu, tanpa takut tanpa geli. Buah merah itu dikuti Puteri Bongsu. Kakaknya hairan terpinga-pinga memerhati dari jauh. Kemudian mereka naik ke tebing lalu mengusik bersorak ke arah adik bongsu mereka:

“Puteri Bongsu! Puteri Rambang Rambunut!” Berkali-kali disorak dengan gelak ketawa. Mereka pun melagukan:

Puteri Rambang Rambunut,
Orang tak mahu dia pungut,
Sungguh berbahaya, sayang,
Buah merah berbulu miang.”

Walaupun tersinggung dengan usikan kakak-kakaknya, Puteri Bongsu membawa buah rambang rambunut itu ke biliknya di istana, lalu menyembunyikan di suatu sudut meja hiasnya. Kata hatinya: ‘Benarkah tubuhku akan berbintat-bintat? Akan berkusidkah tubuhku? Namun, mengapa aku tertarik dengan buah ini, memiliki dan menyayanginya?’

Oleh sebab tidak selesa makan bersama kakak-kakaknya yang sentiasa menggelarnya Puteri Rambang Rambunut maka dia menyuruh dayangnya membawa makanan ke dalam biliknya. Tetapi setelah makanan yang lazat-lazat itu dihidangkan, Puteri Bongsu hilang selera lalu terlena terus. Esok harinya ketika bangun puteri berasa sangat lapar lalu menyerbu hidangan yang tidak dijamahnya sejak malam lagi. ‘Sungguh terkejut dan hairan Puteri Bongsu kerana segala makanan habis licin. Siapa memakannya? Ditanya pada dayang, dayang pun tidak tahu. Siapa yang berani masuk kerana kawasan peraudaan puteri-puteri itu kawasan larangan dan dikawal ketat.

Pada malam kedua pun Puteri Bongsu tidak mahu makan bersama puteri-puteri lain yang terus mengusik dengan panggilan Puteri




Puteri Dunia Melayu


Rambang Rambunut, maka disuruh dayang membawa hidangan makan ke dalam kamarnya. Entah macam mana puteri tidak ada selera lalu tidur sehingga esoknya ketika berasa lapar, didapati hidangannya habis dimakan. Siapa memakannya? Setelah tiga malam berturut-turut perkara yang sama berlaku, maka Puteri Bongsu mengesyaki sesuatu. Beliau sendiri akan menyiasat kejadian ganjil itu.

Seperti malam-malam sudah, dipinta satu hidangan makanan diletak di dalam biliknya lalu Puteri Bongsu pura-pura tidur. Dari bawah selimut beliau mengintai ke arah hidangan manakala tangannya menggenggam hulu pedak (sejenis senjata) yang tersisip

di pinggangnya. Puteri menanti dengan debaran jantung yang semakin kencang. Tiba-tiba terdengar sesuatu dari arah buah rambang rambunut yang terletak di sudut meja perhiasannya. Diarahkan pandangannya ke buah itu. Buah itu merekah perlahan-lahan dan dari rekahan yang semakin meluas keluar pancaran cahaya yang bersinar kilau-kilauan. Dan dari rekahan buah rambang rambunut itu keluar suatu lembaga – mula-mula kecil tetapi menjadi semakin besar – maka akhirnya berdirilah seorang – pemuda gagah perkasa lagi kakak wajahnya. Pemuda itu melangkah keluar dari lingkaran cahaya berwarna tujuh bagai pelangi itu dan terus menuju pada hidangan makanan yang tersedia. Puteri Bongsu tidak gentar malah tersenyum melihat perawakan dan gelagat



*Anak merpati disambar helang,
Rama-rama terbang ke huma;
Harimau mati meninggalkan belang,
Manusia mati meninggalkan nama.*





pemuda itu.

Di mana gerakan beliau pernah melihat pemuda ini? Namun Puteri Bongsu telah terpijak dengan pemuda yang menceroboh masuk kamarnya melalui buah rambang rambunut itu. Siapa dia gerakan? Malam semalam Puteri Bongsu sudah membutuhkan sejenis ubat pelai pada sirih yang disediakan bersama jamuan itu. Sirih akan dimakan sebagai pencuci mulut. Seperti yang dijangka, setelah selesai makan, pemuda itu pun mengunyah sirih. Kemudian pemuda itu terus ke peraduan tempat Puteri Bongsu pura-pura tidur. Pemuda itu menatap wajah Puteri Bongsu yang cantik jelita itu sepuas-puasnya. Puteri Bongsu menahan diri agar tidak bergerak kerana beliau berasa hendak ketawa kerana geli hati akan gelagat pemuda yang menelitinya. Beberapa lama kemudian pemuda itu pun melangkah hendak kembali ke dalam buah rambang rambunut, tetapi berasa pening. Terhuyung-hayang seketika, kemudian rebah di atas peraduan di sisi Puteri Bongsu, terus tertidur dengan nyenyaknya di situ.

Puteri Bongsu tersenyum kerana rancangannya sudah mengena. Dengan lilin di tangan maka ditatannya wajah pemuda itu. Ah, memang tak lain tak bukan, inilah putera raja negeri jiran yang datang tempoh hari melamar mereka tujuh beradik. Putera itu dengan kuasa tertentu telah menjelma sebagai buah rambang rambunut dan berjaya masuk ke dalam kamar Puteri Bongsu. Supaya putera raja itu tidak kembali ke dalam buah merah itu maka Puteri Bongsu membakar buah itu kelopak demi kelopak. Esoknya lalu terpaku pemuda itu memandang Puteri Bongsu yang berwajah garang dengan pidak terhunus. Putera itu terus menyerbu ke arah meja yang dianggapnya tersimpan buah rambang rambunut itu. Setelah diselongkar merata tidak ada buah yang dicari.

"Kamu cari apa?" Sergah Puteri Bongsu di belakangnya.

"Beta... er... hamba.... Entah ke mana dia?" Serba-salah putera itu hendak menjawab. Bingung.

"O! Kamu menceroboh ke dalam bilik hamba dan mencuri makan hidang hamba, ya?" Puteri Bongsu pura-pura marah. "Bagaimana kalau hamba khabarkan kepada ayahanda?"

"Jangan tuan puteri. Tentu hamba akan dipancong kerana berada

di dalam bilik tuan puteri. Maafkan hamba, ampunkanlah hamba, tuan puteri."

"Dan memakan habis hidang hamba pula."

"Ampun beribu-ribu ampun kerana hamba terlalu lapar, menunggu sehari suntuk sehingga malam baru dapat makan."

"Mengapa tuan hamba menjelma masuk ke dalam buah rambang rambunut itu?"

"Itu satu helah hamba mendekati dan mengenali budi pekerti tuan puteri," ujar putera itu. "Ketika tuan puteri tidak gentar memegang buah rambang rambunut maka tahulah hamba bahawa kata-kata rakyat memang benar. Tuan puteri berhati mulia dan tidak mudah mempercayai keburukan dengan tidak melihat buktinya. Itulah sifat-sifat murni yang hamba sanjung. Lebih-lebih lagi berada pada seorang puteri yang jelita."

Tiba-tiba pintu bilik itu terkuak luas dari luar. Keenam-enam kakak Puteri Bongsu menjengah muka dengan niat hendak mengusiknya lagi. Tetapi alangkah terperanjatnya melihat putera yang gagah dan kakak berada di dalam bilik itu. Dengan rasa dengki dan cemburu, mereka terus melaporkannya keadaan tadi kepada raja, ayahanda mereka. Walaupun diterima laporan itu dengan rasa murka dan sedih, namun pertimbangan keadilan masih ada pada raja yang tidak bertindak dengan terburu-buru.

"Tidak! Mereka tidak akan dihukum! Beta harus menjaga nama baik beta," titah baginda setelah mendengar laporan enam puteri baginda dan juga mengetahui siapa pemuda itu. "Anakanda berdua itu harus dikahwinkan. Dan perkahwinan ini harus dirayakan besar-besaran selayak perkahwinan seorang puteri raja dengan putera raja negeri jiran yang kaya raya. Titah perintah beta jangan dibantah."

Namun keenam-enam puteri cuba membantah tetapi tidak dilayan baginda. Perkahwinan Puteri Bongsu dengan putera raja itu pun berlangsung secara besar-besaran dan kedua-dua anak raja itu hidup bahagia. Selang beberapa bulan hamillah Puteri Bongsu dan semakin mendalam kasih sayang suaminya putera raja jiran itu.



Puteri Dunia Melayu

dan di pihak enam kekanda semakin iri hati mereka melihat kebahagiaan adik mereka. Dalam masa itu putera raja berasa beliau harus belayar ke negeri seberang untuk membeli segala alat dan kelengkapan untuk menyambut anak mereka kelak.

“Berwaspada adinda tatkala dikunjungi kekanda berenam. Dan berhati-hati apabila disuruh membuat sesuatu,” pesan putera raja, suami Puteri Bongsu. Banyak lagi pesanan dan nasihat putera itu hingga mendatangkan senyuman pada wajah isterinya.

“Usah kanda bimbang, adinda tahulah menjaga diri.”

Seperti yang dijangka memang datanglah kakak-kakak Puteri Bongsu memujuknya ke taman dan naik buaian. Mula-mula dihayun perlahan-lahan tetapi semakin lama semakin laju, serta dengan ejakan: Bodoh sungguh Puteri Rambang Rambunut! Mereka hayun buaian itu sekuat-kuat dengan rupa bengis. Akhirnya melambungh Puteri Bongsu yang sarat itu terkeluar dari taman terus ke angkasa, melayang jauh ke laut lalu terhempas di atas pohon kelapa di sebuah pulau. Maka puaslah hati puteri enam orang itu dengan menyatakan: “Mangkatlah sudah Puteri Rambang Rambunut.”

Puteri Bongsu, dengan kehendak Tuhan, tidak mati dan sampai saatnya telah melahirkan seorang putera yang comel. Di atas pokok kelapa itulah tinggalnya ibu dan anak. Pada satu hari datanglah sebuah kapal berwarna emas hampir pulau itu. Untuk menarik perhatian Puteri Bongsu menyanyi dengan suara lembut:

Anjung emas, anjung emas,
Adakah nampak si orang muda,
Suami hamba yang bernama
Rambang Rambunut?

Tetapi tidak diendahkan nakhoda kapal emas itu lalu belayar terus. Kemudian datang pula sebuah kapal berwarna perak ke pulau itu. Sekali lagi Puteri Bongsu menyanyi:

Anjung emas, anjung emas,

Adakah nampak si orang muda,
Suami hamba yang bernama
Rambang Rambunut?

Nakhoda kapal ini pun mengangap itu hanya desiran angin lalu membawa kapalnya pergi. Kemudian datang pula kapal berwarna suasa, tetapi kali ini nakhoda serta anak kapalnya tersentuh hati oleh lagu sayu itu. Mereka mendarat lalu menyasiat maka ternampaklah seorang wanita memeluk anak berada di atas seponon kelapa. Setelah dibawa turun dan mendengar cerita Puteri Bongsu maka diberi makanan, rawatan dan pakaian lalu dibawa kepada raja Rambang Rambunut. Murkalah baginda melihat isteri dan puteranya dilaku sedemikian. Puteri Bongsu serta anaknya disuruh masuk ke dalam sebuah peti cukup dengan makanan lalu belayar ke negeri Dundangan.

Sesampai Raja Rambang Rambunut pura-pura bertanya puteri enam itu.

“Adinda Puteri Bongsu... er. hilang semasa bermain buaian,” ujar Puteri Sulung. “Barangkali dia diculik orang.”

“Tak mengapalah. Sekarang beta boleh buat pilihan lain.” Ini menyukakan hati puteri-puteri itu kerana masih berharap menjadi permaisuri. Kata raja itu seterusnya: “Beta ada membawa hadiah istimewa untuk kekanda semua. Bukalah peti besar ini.” Sebaik saja keenam-enam puteri itu terlihat peti besi yang bersalut emas itu, maka berebut-rebutlah mereka hendak membukanya. Apabila peti terbuka, puteri-puteri enam itu terperanjat besar. Wajah mereka bagai mayat kerana pucat dan kerana dilanda dosa yang mereka lakukan. Keluar dari peti itu Puteri Bongsu sambil mengendong puteranya dan berlinang air mata berkata:

“Kita bertemu kembali kekanda.”

“Ah! Puteri Rambang Rambunut!” jerit mereka serentak. Dan apabila disua bayi comel itu, mereka berundur terus lalu lari meninggalkan istana, tidak kembali lagi, kerana takut dan malu. Akan Puteri Bongsu hiduplah bersama suami tersayang serta putera mereka yang comel dan cerdik itu dalam keadaan bahagia selama-lamanya.





Periuk Kera di rimba Sabah



Gaming Kinabalu

Kehidupan di dasar laut





Puteri Sariju

KASIH SAYANG YANG TAHAN DUGAAN

Di negeri Bawah Bayu di daerah Lahat Datu, kononnya ada sebuah pulau yang didiami nelayan dan petani. Golongan petani ber-huma dan bercucuk tanam di lereng-lereng bukit. Yang paling banyak dihasilkan ialah limau purut. Pulau itu diperintah oleh seorang Raja kononnya berasal dari Tanah Jawa, namanya Raja Wawigan Anum. Anahnya walaupun umur baginda sudah lanjut tetapi tiada beristeri. Tak siapa mengetahui sebabnya dan tak siapa pula yang berani bertanya. Sikap raja ini yang tegas menyebabkan rakyat menghormatinya. Namun begitu baginda baik hati dan selalu menggesa rakyat agar bekerja keras kalau-kalau dilanda kemarau atau tengkujuh. Ada kalanya baginda bertindak kasar terhadap orang malas, sehingga ada yang mengatakan rajanya kejam, lalu meninggalkan pulau itu.

Pada satu hari baginda pergi melawat kebun limau purut baginda sendiri yang luas itu. Dalam masa merayau-rayau di kebunnya itu tiba-tiba baginda terkejut melihat ada orang masuk ke dalamnya. Di tengah-tengah kebun itu seorang gadis yang sangat cantik sedang memakan buah limau purut yang masak ranum.

"Siapa gadis itu?" Tanya Raja Wawigan Anum kepada ketua penjaga kebun yang turut mengekori baginda.

"Yang mana satu, tuanku?" Tanya ketua penjaga itu kembali sebab

ramai gadis yang ada di situ menyambut kedatangan raja mereka.

"Itu, di tengah-tengah kebun," bisik baginda. "Siapa dia?"

"Ampun Tuanku, patik kurang pasti."

"Cis! Mustahil kamu tak tahu! Barangkali dia anak saudara kamu."

"Bukan, Tuanku. Gadis itu pencuri. Ya, pencuri."

"Cis, ada-ada saja kamu ini," marah Baginda kerana menuduh sedemikian buruk terhadap gadis jelita itu.

"Tentu seorang pencuri, Tuanku, kerana patik kenal semua orang di sini."

Gadis yang sedang memungut dan memakan limau purut itu, berasakan dirinya sedang diperhatikan terus memalingkan mukanya lalu menentang wajah Raja Wawigan Anum. Buat seketika mereka bertentang mata. Mata gadis itu terbeliak bagi seorang pesalah sedang menerima hukuman daripada hakim. Dia berundur setapak demi setapak, sedangkan Raja Wawigan terpukau merenung gadis itu yang cantik berseri-seri. Baginda terus terpakat dan ingin menjadikan gadis itu permaisurinya. Maka baginda terus melangkah ke arah gadis yang berundur itu.

Tiba-tiba gadis itu berlari kencang dari situ, sekali sekala berpusing di balik pohon-pohon limau. Serta merta Baginda pun mengejar gadis itu, takut kalau dia hilang terus. Para pengiring Baginda turut



Puteri Dunia Melayu

mengejar tetapi Baginda yang dapat menangkap gadis itu lalu dipeluk erat-erat walaupun gadis itu meronta-ronta hendak lepas.

"O, mencuri buah limau purut, ya?" ujar Raja Wawigan, berseoroh. "Kau tahu tak ini buah limau Raja?"

"Mana kutahu ini buah Raja! Lepaskan beta! Lepaskan beta!" jerit gadis itu, meronta sambil membuang buah limau di tangannya.

"Pencuri mana boleh dilepaskan," kata Raja Wawigan sambil tersenyum. "Kalam belum dihukum dahulu."

Baginda mengisyaratkan agar para pengikutnya beredar.

"Sedarkah tuan hamba siapa beta ini, hah? Beta seorang puteri, tahu?" jerkah gadis itu dengan garang.

"Bagaimana hamba nak tahu, kalau tak diberitahu?"

"Lepaskan beta!" jerit gadis itu. "Nama beta Puteri Saripu. Beta berasal dari Kayangan. Lepaskan beta segera, kalau tidak..."

"Kalau tidak, bagaimana?" usik Raja Wawigan Anum, kini semakin seronok memeluk puteri yang cantik itu.

"Kalau tak dilepaskan, akan beta adu kepada ayahanda beta di Kayangan. Biar ayahanda beta perang tuanku hamba. Baru padan muka."

Raja Wawigan ketawa berdekeh-dekeh seraya berkata:

"Bagaimana tuanku puteri nak mengadu, kalau hamba tak lepaskan?" Sedar bahawa beliau tidak berdaya lagi, maka Puteri Saripu berlembut, maka dia merayu:

"Tolonglah, beta berjanji tidak akan mencuri buah limau purut di pulau ini lagi, kalau tuanku hamba lepaskan beta." Maka puteri itu terus menangis teresak-esak. Maka hati Raja Wawigan tersentuh oleh tangisan gadis itu, namun jika dilepaskan sudah tentu puteri itu akan terbang ke Kayangan dan tak kan pulang lagi. Baginda tidak mahu kehilangan puteri jelita itu.

Maka baginda memberi penjelasan tentang diri baginda sebagai raja pulau itu: Baginda ingin mengahwini Puteri Saripu dan menjadikan beliau permaisuri di pulau itu.

"Bagaimana tuanku Puteri Saripu?" rayu Raja Wawigan, merenung wajah Puteri Saripu dengan penuh harapan.

Puteri Saripu, walaupun jauh lebih muda daripada baginda, merasakan ada kebaikan di dalam diri Raja Wawigan Anum. Kesungguhan baginda memeluknya dan rayuannya menandakan dia masih bersopan. Kalau terperangkap oleh penganas atau perompak sudah tentu dia menjadi korban buas kejantanan. Tentu raja ini seorang yang baik. Maka kata puteri itu,

"Baiklah, hamba setuju," ujarnya dengan tunduk tersipu-sipu.
"Tapi dengan satu syarat."

"Apakah syaratnya, tuanku puteriku?" Tanya Raja Wawigan dengan cemas, jantungnya berdebar-debar.

"Syaratnya tuanku tidak boleh menyakiti hati beta," jelas Puteri Saripu lembut. "Tuanku boleh mengutuk, jika beta atau sesiapa di antara keluarga kita yang melakukan kesalahan. Tetapi jangan sekali-kali mengeluarkan kata-kata kasar dan kesat atau maki-keji di hadapan beta. Apatah lagi bersikap kasar dan bengis. Itulah syaratnya."

Raja Wawigan Anum bersetuju tanpa berfikir panjang, kerana pada



Puteri Saripu



saat itu baginda tak kan tergamak menghamburkan kata-kata keji dan kesat di hadapan puteri itu. Maklumlah baginda sedang mabuk kesmaran. Bagi baginda tiada puteri sebanding Puteri Saripu. Lagipun syarat itu suatu nilai murni yang patut dihayati semua orang.

Beberapa purnama kemudian, maka orang pulau itu berasa amat gembira kerana berlangsungnya perkahwinan antara Raja Wawigan Anum dengan Puteri Saripu dari Kayangan. Selama tujuh hari tujuh malam pelbagai majlis keramaian dan pertunjukan diadakan. Dengan restu keluarga dari Kayangan, Puteri Saripu pun menetaplah di bumi. Maka bahagialah hidup Raja Wawigan bersama permaisuri baginda Puteri Saripu.

Sampai masanya Puteri Saripu pun melahirkan seorang putera yang comel lalu dinamai baginda Putera Wulan Gandin. Maka putera itu dibesarkan dengan penuh kasih sayang dan amat di-manjakan. Segala permainannya diperbuat daripada emas. Alat permainan dari Kayangan tak kurang menariknya. Maka semakin manjalah Putera Wulan Gandin. Dengan demikian Putera Wulan menjadi seorang putera yang nakal. Dia tidak menurut kata pengasuhnya dan peraturan istana. Dia bebas berbuat apa saja, di mana-mana saja, biarpun semasa ayahandanya sedang bersemayang atau pun sedang bermesyuarat.

Pada satu hari Raja Wawigan sedang minum petang. Melihat putera baginda bermain guli emas baginda memanggilnya untuk minum bersama, tetapi puteranya tidak mengendahkan panggilan ayahandanya. Dalam masa itu, tiba-tiba guli puteranya terpelanting lalu terkena kepada Raja Wawigan yang menjerit kuat kerana amat sakit. Baginda terus murka.

"Wulan! Kc mari!" Lalu baginda mengeluarkan kata-kata kasar dan kesat terhadap puteranya. Sekaligus baginda melepaskan rasa geram terhadap permaisurinya yang memang ada bersama.

"Beginilah orang Kayangan memelihara anak, ha?" sindir baginda dengan wajah bengis.

"Apakah maksud kanda?" Tanya Puteri Saripu, terkejut.

"Tengok ni! Sampai bengkak kepala orang tuanya, dibiarkan. Rosak akhlak dan perangai Si Wulan ini jadinya!"

Mendengar kata-kata sindiran yang diluahkan Raja Wawigan itu maka Puteri Saripu merasa tersinggung. Sedarlah baginda bahawa suaminya telah melanggar syarat perkahwinan mereka dulu. Puteri Saripu pun merajuk lalu serta-merta baginda membawa Putera Wulan Gandin lalu terbang ke Kayangan. Mula-mula Raja Wawigan tidak sedar pemergian permaisuri dan puteranya tetapi setelah reda kemurkaannya barulah baginda menyesali kesilapan baginda. Ingin baginda menemui Puteri Saripu agar kembali ke bumi, tetapi bagaimana? Baginda cuba membuat sayap daripada bulu burung dan cuba terbang dari puncak Gunung Kinabalu tetapi baginda jatuh tergolek-golek hingga terhempai di perdu pokok limau purut tempat baginda mula bertemu dengan Puteri Saripu dulu.

Dalam melangun itu datanglah burung Garuda yang bulunya daripada gansa, dan kilauannya menyambar mata baginda. Sambil melayang-layang burung Garuda itu meminta tolong dan seterusnya jatuh ke kaki Wawigan Anum, lalu baginda bertanya apa yang menyusahkan burung itu. Baginda terus merawat burung Garuda Gansa itu. Sayapnya tertedera dan matanya tertusuk sebutir guli emas. Maka kata burung itu :

"Tuanku sungguh baik hati. Walaupun tuanku ada masalah sendiri, tuanku tidak keberatan membantu sesiaja saja yang mengalami kesusahan. Hamba ingin membalas jasa Tuanku. Hamba boleh membantu tuanku berjumpa dengan Puteri Saripu dan putera tuanku."

"Eh, bagaimana tuan hamba tahu masalah beta?"

"Ampun tuanku, sebenarnya hamba sering berulang-alik dari bumi ke Kayangan. Hamba terbang ke merata tempat dan mendengar pelbagai hal dan masalah daripada penduduk tempat persinggahan hamba. Demikianlah hamba dapat khabar tentang permaisuri dan putera tuanku. Jika Tuanku izinkan, hamba ingin membalas budi tuanku yang telah merawat hamba."

"Bagaimana kita akan masuk ke istana Kayangan itu?" Tanya Raja Wawigan.

"Guli emas yang Tuanku keluarkan dari mata hamba, tuanku tunjukkan kepada pengawal gapura istana, katakan Tuanku ingin memberi guli itu kepada Putera Wulan Gandin."



Puteri Dunia Melayu

Tanpa berlelah burung Garuda Gangsa pun menerbangkan baginda ke gapura istana Kayangan lalu dilakukan baginda seperti dirancangan, tetapi kata pengawal itu:

"Tuanku mesti mengisikan bakul dengan air sebagai syarat masuk ke dalam istana."

Bakul itu tentunya berlubang-lubang dan mustahil mengisikan dengan air. Namun burung Garuda tidak putus asa, lalu memanggil sahabat-sahabatnya dari kaum belut. Setelah para belut itu berkumpul maka diminta mereka mengeluarkan lendir daripada tubuh mereka yang disapkan pada permukaan dalam bakul maka tertutuplah lubang-lubang itu.

Maka mudahlah Raja Wawigan mengisi air dan membawanya ke dalam istana. Pengawal gapura tersenyum lalu membenarkan mereka masuk.

Walaupun sudah masuk ke dalam namun baginda tidak dapat menentukan yang mana antara puteri-puteri itu permaisuri baginda. Semuanya cantik-cantik dan rupa mereka hampir serupa saja. Oleh kerana terlalu letih baginda berehat pada pohon rendah manakala Garuda mengepak-engepakkan sayapnya setelah hinggap pada dahan pokok itu. Buah yang gugur bergolek-golek ke tanah hampir dengan baginda. Buah itu buah limau purut. Baginda terus menoleh ke belakang lalu tersentak nafas baginda seketika. Alangkah gembiranya Raja Wawigan kerana di situ berdiri Puteri Saripu dan puteranya sedang memakan limau purut. Baginda terus meleluk mereka.

"Maafkan kanda kerana menyinggung hati adinda tempuh hari. Kanda berjanji akan mengawal sikap kanda yang panas baran itu."

"Maafkan anakanda kerana menyakiti hati ayahanda," ujar Putera Wulan Gandin yang sudah berumur tujuh tahun. "Anakanda berjanji tidak akan nakal-nakal lagi dan akan mematuhi perintah ayahanda."

"Oleh kerana terlalu rindu akan kekanda dan teman-temannya di bumi, Wulan Gandin selalu membawa adinda ke pohon limau purut ini. Inilah satu-satunya pohon limau purut di Kayangan," kata Puteri Saripu, tersipu-sipu.

"Adinda bagaimana?" Raja Wawigan cuba menduga.

"Bagaimana apa, kanda?" Jawab Puteri Saripu dengan soalan.

"Tidakkah adinda ingat akan orang di bumi?"

Oleh sebab ibunya tidak menjawab, maka kata Wulan Gandin, "Mestilah, ayahanda. Bonda sering menceritakan tentang kehebatan ayahanda sebagai pemerintah dan bermacam-macam lagi."

Kedua-dua Raja Wawigan dan Puteri Saripu ketawa kecil mendengar anak mereka membantu merapatkan mereka berdua. Akhirnya, dengan bantuan Garuda Gangsa mereka pun turun ke bumi. Sebagai tanda penghargaan kepada Garuda sebuah istana dihadihkan kepadanya sehingga akhir hayatnya maka ditanam pada sebuah pulau, yang diberi nama Pulau Gangsa. Raja Wawigan tiga beranak hidup bahagia sepanjang hayat mereka.



Puteri Santubong

MUSIBAH AKIBAT CEMBURU BUTA

Kisah mitos terkenal di bumi Kenyalang, Sarawak adalah tentang dua orang anak-anak Dewa Kayangan yang turun ke bumi. Adindanya Puteri Santubong, suka bertanun kain manakala kekandanya, Puteri Sejinjang pula suka bercucuk-tanam. Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang amat akrab sejak dari kecil lagi. Mereka berdua amat dikasihi oleh ayahandanya, Raja Indera Kayangan.

Sebagai pemerintah, Raja Indera Kayangan mengambil berat bukan sahaja keamanan dan kesejahteraan rakyat di Alam Kayangan tetapi juga rakyat di bumi. Baginda sering memantau keadaan di bumi dengan melihat melalui bola kristal saktinya. Pada suatu hari baginda melihat suatu perang saudara berlaku di antara dua suku kaum etnik di sebuah kampung di bumi Kenyalang. Keadaan di kampung itu huru-hara dan berlaku pertumpahan darah.

Baginda, seorang pemerintah yang cintakan kedamaian, berasa amat sedih melihat peristiwa itu lalu mengambil keputusan untuk menghantar bantuan keamanan iaitu seorang duta. Baginda berfikir panjang, siapakah di antara kedua puterinya yang akan diberi tanggungjawab berat sebagai duta keamanan di Bumi Kenyalang. Akhirnya baginda membuat keputusan untuk memangkil Puteri

Sejinjang datang mengadap dan menitah puteri kesayangannya untuk ke turun ke kampung yang sedang huru-hara di Sarawak itu. Tiadalah Puteri Sejinjang membantah arahan ayahandanya. Maka turunlah Puteri Sejinjang ke bumi Kenyalang dengan membawa sebuah lesung dan sebatang antan.

Kehadiran Puteri Sejinjang sebagai Duta Keamanan dari alam Kayangan itu memeranjatkan kedua belah pihak yang sedang bermusuhan namun disambut baik sebagai Duta Keamanan yang boleh menyelesaikan perselisihan faham mereka. Puteri Sejinjang menghakimi rundingan damai yang diadakan dan perang saudara berjaya dihentikan. Semua peristiwa itu dilihat oleh Raja Indera Sakti melalui bola kristal saktinya. Baginda rasa amat gembira dan bangga dengan kejayaan puteri kesayangannya itu. Rakyat di kampung itu merasa amat terhutang budi dengan puteri kayangan itu lalu sebulat suara melantiknya sebagai ketua kampung itu. Baginda Raja Indera Kayangan merestui hajat rakyat di bumi.

Buat seketika, Puteri Sejinjang melaksanakan tanggungjawabnya dengan sempurna. Kampung itu menjadi damai dan makmur semula tetapi keadaan mula berubah apabila Puteri Sejinjang mementingkan dirinya kerana asyik bercucuk tanam dan menumbuk padi sehinggakan perselisihan faham antara dua kaum di kampung tidak dihiraukannya. Lama-kelamaan, perang saudara tercetus semula dan keadaan di kampung itu menjadi huru-hara.

Pada suatu hari, Raja Indera Kayangan menilik bola kristal saktinya. Baginda terkejut melihat keadaan di bumi Kenyalang, dan rasa amat kecewa dengan Puteri Sejinjang yang lalai melaksanakan amanah dan tanggungjawabnya. Baginda dengan segera menitahkan Puteri Santubong untuk berhent menenun dan turun ke bumi Kenyalang membantu Puteri Sejinjang mengembalikan keamanan di kampung itu.

Malangnya kehadiran adinudanya, Puteri Santubong untuk membantu memulihkan keadaan di kampung itu membuat Puteri Sejinjang marah dan berasa tercabar. Puteri Santubong menyampaikan pesan-pesan ayahanda mereka dan memberi nasihat kepada kekhendanya tetapi akibatnya Puteri Santubong yang berasa amat malu itu menolak sebarang usaha dan campur tangan adinudanya. Masing-masing ada pendirian sendiri, maka bergapuduhlah kedua puteri Kayangan itu. Akhirnya, Puteri Santubong mengalah dan diusir oleh kekhendanya dari kampung itu. Puteri Santubong pun menbawa diri ke sebuah hutan di bumi Kenyalang. Dikisahkan juga di alam Kayangan, ada seorang puteri kecil

bernama Putera Murud yang termimpikan seorang puteri jelata (Puteri Santubong). Apabila terjaga, Putera Murud membuat keputusan mencari puteri misteri itu untuk dijadikan isteri. Hajat

Putera Murud itu direstui oleh ayahanda dan bondanya. Maka turunlah Putera Murud ke bumi Kenyalang dengan kuda saktinya, berkelana dari kampung ke kampung selinggga sampai ke tepi sungai di sebuah hutan lalu berehat sebentar. Oleh kerana keletihan maka putera itu tertidur di situ. Apabila teresedar, Putera Murud terperanjat mendapati dirinya sudah berada di dalam sebuah kuli yang tertanam sudah dalam keadaan yang tergunap-gunap. Putera Murud melihat seorang puteri duduk kekadang dan mempermainkan dirinya sebagai Puteri Sejinjang, iustua kampung di situ. Puteri Sejinjang menantang kepada puteri kecil itu tentang bagaimana dia terjumpa puteri misterididur di tepi sungai di dalam hutan ketika dia



Puteri Sejinjang dan Puteri Santubong

pergi berniaga. Putera Murud menyedemikan dirinya dan menyatakan hasratnya untuk ke bumi untuk menemui puteri jelata yang termimpikannya. Puteri Sejinjang lalu bawakan puteri jelata yang ditaklukkan oleh Putera Murud itu adalah adinudanya. Puteri





Puteri Santubong

Ilustrasi: Kompas.com, Saat Persembahkan Puteranya.

Santubong. Oleh kerana perasaan dendam terhadap adindanya maka Puteri Sejinjang dengan senang hati mengaku bahawa dirinya adalah puteri yang dimimpikan oleh sang putera. Putera Murud yang lurus bendul, berasa amat gembira kerana disanggakan impiannya sudah tercapai. Tidak lama kemudian berkahwinlah Puteri Sejinjang dengan Putera Murud. Perkahwinan mereka disambut baik oleh rakyat di kampung itu.

Pada suatu hari, Putera Murud memasuki hutan sendirian untuk memburu kijang. Sedang dia menghendap kijang di hutan itu, tiba-tiba dia terdengar suara wanita menyanyi dengan begitu merdu. Putera Murud mencari suara tersebut dan akhirnya dia terlihat seorang puteri seperti di dalam mimpinya sedang bertenen di sebuah pondok di tepi tasik.

Putera Murud memberanikan dirinya merapati sang puteri yang terlalu asyik menenun itu. Puteri Santubong terkejut besar melihat putera itu lalu cuba melarikan dirinya ke dalam pondoknya tetapi ditahan oleh putera itu. Putera Murud dengan segera menenangkan keadaan dan memperkenalkan dirinya. Putera Murud terpaksa melihat kejelitaan Puteri Santubong yang sama seperti wajah puteri dalam mimpinya dahulu. Mereka saling memperkenalkan diri masing-masing. Puteri Santubong kembali tenang dan duduk berbual dengan putera perkasa itu. Putera Murud menceritakan mimpinya kepada Puteri Santubong dan perihal perkahwinannya dengan Puteri Sejinjang. Puteri Santubong pula menceritakan bagaimana dia turun ke bumi sehingga membawa diri ke dalam hutan akibat perbalahan dengan kekandanya, Puteri Santubong. Putera Murud lalu sedar bahawa dia telah diperdayakan oleh Puteri Sejinjang. Sedang mereka begitu asyik berbual, tiba-tiba mereka disergh dengan kehadiran Puteri Sejinjang yang sedang marah.

Rupa-rupanya Puteri Sejinjang menjejaki Putera Murud dan berasa terkejut melihat Puteri Santubong masih wujud di bumi Kenyalang. Perasaan cemburu dan marahnya terhadap Puteri Santubong dan Putera Murud meluap-luap bagaikan gunung berapi maka berkelahilah kedua puteri tersebut untuk menawan hati Putera Murud. Pastinya, Puteri Murud berhasrat untuk memutuskan hubungannya dengan Puteri Sejinjang yang telah menipunya dan mengahwini pula puteri impiannya iaitu Puteri



Puteri Dunia Melayu

Santubong. Putera Murud terjebak di tengah-tengah perkelahian antara Puteri Sejingang dan Puteri Santubong, bagaikan kisah cinta tiga segi.

Peristiwa yang memalukan ini dilihat oleh ayahanda puteri, Raja Indera Kayangan melalui bola kristal saktinya dari istana alam Kayangan. Baginda amat murka dan marah lalu menyumpah Puteri Santubong dan Putera Murud menjadi dua buah gunung yang berasingan manakala Puteri Sejingang pula menjadi sebuah pulau.

Demikianlah kisah mitos asal usul nama Gunung Santubong, Gunung Murud dan Pulau Sejingang yang terdapat di Sarawak. Kisah Puteri Santubong dan Puteri Sejingang juga dijadikan lagu rakyat yang terkenal bagi negeri Sarawak.



Puteri Sejingang

Imej: Kemajuan Seri Perambatan Peranan.



Imej: Kemajuan Seri Perambatan Peranan.

Perbalahan di antara Puteri Santubong dan Puteri Sejingang.



Puteri Umbuk Mayang

KASIH SEJATI TIDAK DAPAT DIPISAHKAN

Apa mungkin sepagas kekasih dari dua alam yang berbeza, sang putera di bumi dan sang puteri dari alam kayangan, boleh hidup bersama sepanjang hayat? Inilah kisah tujuh beradik, Puteri Umbuk Mayang, mitos ter-mahsyur dari negeri Terengganu.

Di alam Kayangan terdapat sebuah kerajaan bernama Daha Bumatra yang di perintah oleh Maharaja bernama Dewa Indera Kayangan. Baginda dan isteri, Seri Maharani Mayang Kesuma mempunyai tujuh orang puteri jelita bernama Mayang Mengurai, Mayang Mawat, Mayang Pinang, Mayang Cempaka, Mayang Kenanga, Mayang Melur dan Mayang Sari. Mereka dibesarkan dalam suasana penuh kasih sayang dan kemewahan, bak menatang minyak yang penuh oleh ayahanda dan bonda mereka. Maharaja Dewa Indera Kayangan amat mengambil berat keselamatan tujuh orang puterinya sehinggakan tidak membenarkan satu makhluk pun memasuki taman larangan berhampiran mahligai mereka tanpa terlebih dahulu mendapat limpah perkenan baginda. Sejak kecil lagi, puteri tujuh beradik itu dilarang bermain atau keluar dari taman larangan itu tanpa pengetahuan dan keizinan baginda.

Semasa kecil, puteri tujuh beradik itu sangat akrab dan mesra. Tetapi keadaan berubah apabila mereka meningkat dewasa. Kekanda-kekanda enam beradik itu mula rasa cemburu terhadap

puteri bongsu, Mayang Sari kerana berasakan bahawa ayahanda dan bonda mereka lebih mengasihinya. Mereka sering memulau dan mempersendakan Mayang Sari. Walau bagaimana pun, mereka pandai bersandiwara mesra terhadap Mayang Sari apabila berhadapan ayahanda dan bonda mereka. Keadaan ini amat menyedihkan Puteri Mayang Sari. Pastiinya ayahanda dan bondanya akan murka dan menghukum kesemua kekandanya sekiranya dia melaporkan perkara tersebut kepada mereka berdua. Namun Mayang Sari tidak sampai hati untuk melakukan sedemikian kerana terlalu menghormati dan mengasihi kesemua kekandanya, bak 'air yang dicincang pasti tidak akan putus'. Suasana tersebut menyedihkan Puteri Mayang Sari. Puteri bongsu yang manja itu berasa kesepian dan sering menangi atas layanan dingin kekanda-kekandanya. Baginya, istana yang tersergam indah dan mewah itu tidak sebahagia seperti dahulu lagi lalu mengambil keputusan untuk membawa dirinya ke suatu tempat yang tidak boleh dicari oleh kesemua kekandanya untuk menghibur hatinya yang duka.

Maka pada satu malam, ketika semua orang sedang tidur nyenyak, Puteri Mayang Sari telah memakai baju layangnya dan senyap-senyap keluar dari istana tanpa disedari oleh sesiapa pun, lalu meluncur terbang ke bumi. Puteri Kayangan itu terbang dengan riangnya, umpama burung terlepas keluar dari sebuah sangkar emas. Tiada sedikit pun perasaan takutnya walaupun dia telah melanggar perintah ayahandanya. Dari ruang angkasa, Puteri


Puteri Dunia Melayu



Puteri Kayangan berpakaian serba indah turun ke bumi.

Mayang Sari terlihat satu kawasan tasik yang begitu indah, airnya berkilau-kilauan terkena biasan cahaya bulan purnama yang sedang menerangi malam lalu turunlah sang puteri mendarat di tepi tasik itu, hinggap di atas seketul batu besar yang bagaikan disediakan khas buatnya. Puteri Mayang Sari dapat merasakan suatu keadaan yang luar biasa di tasik itu dan berbisik pada dirinya, "Sungguh syahdu, indah dan damainya di bumi ini. Rasanya kita ingin terus menetap di sini dan tidak ingin kembali ke istana Kayangan yang membosankan."

Timbullah keinginannya untuk bermain air tasik yang kehijauan jernih itu. Maka diluruhlah pakaiannya satu persatu sehingga berkemban sahaja masuk ke dalam tasik itu dengan riang. Setelah

puas mandi, lalu sang puteri kembali semula mengenakan pakaiannya di atas batu itu. Puteri Mayang Sari seronok menghirup udara yang segar ketika bumi mula dibasahi embun jantan. Tetapi kadang-kadang hatinya berasa hiba apabila terkenang perbuatan kekanda-kekandanya yang berenam itu. Sedang Puteri Mayang Sari mengelamun di tasik yang sepi itu sambil menyisir rapi rambutnya, tiba-tiba dia terdengar sayup-sayup bunyi siluan yang datang dari suatu makhluk yang sedang berjalan menyusuri tepian tasik itu. Klam-kabut sang puteri menyiapkan diri dan menyembunyikan diri di belakang batu. Puteri Mayang Sari terpicat melihat pemuda tampan itu bagaikan cinta pandang pertama dan berhasrat untuk bersahabat dengan pemuda bumi itu pada suatu masa akan datang. Buat kali pertama ini, dia hanya ingin mengamati

Puteri Dunia Melayu

pemuda bumi itu dari jauh sahaja.

Maka dua tiga purnama selepas itu, Puteri Mayang Sari turun lagi dari Kayangan ke tasik itu tetapi pemuda bumi itu tiada kelihatan memancing di tempat biasanya di tepi tasik itu. Puteri Mayang Sari pulang dengan hampa tetapi tetap akan kembali untuk berkenalan dengan pemuda itu. Akhirnya, sampai juga hasrat Mayang Sari untuk bertemu dengan pemuda bumi itu ketika bulan purnama yang keempat. Mayang Sari nekad tidak akan pulang ke Kayangan dengan kecewaan, dia akan menegur dan berkenalan dengan pemuda bumi itu.

Bagi pemuda di bumi (idaman Puteri Mayang Sari) bernama Awang, sudah tiga purnama dia tidak datang ke Tasik Paloh Mengkuang itu untuk memancing sejak ibunya, Mek Seroja sakit tenar dan tidak sedar diri. Awang masih teringat kata-kata Tok Pawang yang datang cuba memulihkan ibunya secara perubatan tradisional, "Ibumu sudah terkena ilmu hitam yang dihantar oleh orang yang busuk hati padanya. Ibu kamu hanya boleh dipulihkan apabila terhidu haruman bunga bakawali."

"Bunga bakawali? Macam mana rupanya dan di mana Awang boleh mendapatkannya, Tok?" tanya Awang kepada Tok Pawang

Tok Pawang menjawab sambil tersenyum sinis, "Bunga bakawali itu berwarna putih dan baunya amat harum, ia berkembang hanya pada waktu tengah malam dan akan layu pada waktu siang hari. Bunga itu hanya ditanam di alam Kayangan."

Awang bertambah bingung, "Macam mana Awang naik ke alam Kayangan, Tok?"

Tok Pawang membalas dengan tenang, "Tidak mudah caranya, kalau kamu bertuah dapat bertemu dengan puteri Kayangan, maka mohonlah pertolongan darinya untuk mendapatkan sekuntum bunga bakawali untuk menyembuhkan ibu kamu."

Kata-kata Tok Pawang itu sentiasa bermain dalam fikiran Awang semasa dia memancing ikan di Tasik Paloh Mengkuang. Di situlah tempat Awang bermain, mencari ketenangan serta memancing sebagai punca rezeki sejak dari kecil lagi. Bagi Awang, ibu dan neneknya adalah orang yang terpenting dalam hidupnya sejak ayahnya meninggal dunia semasa dia masih kecil lagi.

Mereka tiga beranak tinggal di sebuah rumah usang di pinggir sebuah kampung yang tidak jauh dari Tasik Paloh Mengkuang. Sedang Awang asyik mengalamun, tiba-tiba Awang terasa bagaimana ada suatu kelainan pada suasana di tasik itu, bagaimana dia diperhatikan seseorang. Awang berasa seram sedikit lalu bersiul untuk menenangkan dirinya daripada berfikir yang bukan-bukan.



Puteri Umbuk Mayang enam beradik.

Bagi Puteri Mayang Sari yang sedang duduk di atas sebuah batu tidak jauh dari Awang, itulah pertama kali dia melihat manusia bumi secara dekat. Dia teringin sangat untuk berkenalan dengan pemuda itu, tapi dia risau juga kalau-kalau pemuda itu tidak sudi bersahabat dengan makhluk dari alam Kayangan. Namun, Puteri Mayang Sari menguatkan hatinya dan terus terbang menghampiri pemuda itu. Awang langsung tidak menyedari kehadiran puteri kayangan itu di belakangnya. Selangkah demi selangkah, sang puteri menghampiri pemuda itu sambil mengusiknya dengan membalang bunga-bunga kecil yang dikutip di sekitar tasik itu. Awang pula kehairanan, dari mana bunga-bunga kecil itu gugur mengenai kepala dan badannya. Tiba-tiba Awang terhidu bau yang amat wangi tapi tak dihiraukannya. Namun semakin lama semakin



Puteri Dunia Melayu

semerbak wangian itu. Bulu romanya naik meremang, teringatkan apa yang diceritakan oleh kawan-kawannya tentang tasik itu. Untuk memberanikan dirinya, Awang pun bersiul lebih kuat, butiran peluh sejuk mula membasahi dahinya. Tiba-tiba Awang terdengar suara merdu seorang gadis memberi salam padanya. Awang terkejut besar sehingga hampir tergelincir jatuh ke dalam tasik. Semur hidup Awang, dia tidak pernah melihat gadis secantik pari-pari di sekitar kampungnya. Awang terpuak melihat puteri jelmaan yang berpakaian indah serba keceemasan lengkap dengan baju layangnya. Debaran di dadanya semakin kencang. Awang menggosok matanya berkali-kali sehingga menjadi merah, terlalu sukar baginya untuk mempercayai apa yang dilihatnya itu.

"Jangan takut wahai pemuda bumi. Sudah lama kita memerhatikan tuan hamba." kata Puteri Mayang Sari sambil tersenyum malu.

Awang membalas senyuman sang puteri, lalu bertanya. "Siapakah gerangan tuan hamba yang cantik bak bidadari ini? Hamba tak pernah melihat sesiapa secantik tuan hamba di sini semur hidup hamba."

"Kita bernama Puteri Mayang Sari dan berasal dari alam Kayangan. Siapa pula gerangan tuan hamba ini?"

"Nama hamba, Awang Kencana. Panggil sahaja Awang. "Apakah hajat Tuan Puteri datang ke sini?" jawab Awang dalam keadaan gementar.

"Kita ingin sekali bersahabat dengan makhluk bumi. Kita harap Awang sudah menjalin persahabatan dengan kita yang datang jauh dari bumi iaitu alam Kayangan." balas Mayang Sari dengan malu.

"Hamba ini bukanlah orang berada, hamba hanya boleh menawarkan sekeping hati yang ikhlas dan suci untuk persahabatan kita." Jawab Awang dengan rendah diri.

"Sesungguhnya, tiada yang lebih berharga daripada itu di dalam diri seseorang." sambut Puteri Mayang Sari dengan gembira.

Selepas itu, mereka berdua pun duduk di tepian tasik itu sambil

berkenalan antara satu sama lain. Tiba-tiba Awang teringatkan ibunya yang sakit tenat, lalu memohon budi baik Puteri Mayang Sari untuk membawa kepadanya sekuntum bunga bakawali dari alam Kayangan untuk memulihkan kesihatan ibunya yang tercinta. Pada awalnya, Puteri Mayang Sari agak keberatan kerana amat sukar baginya untuk membawa keluar bunga tersebut dari taman larangan istana Kayangan tanpa pengetahuan ayahandanya.

Awang merayu sehingga menitisikan airmata, "Hanya pada tuan puteri tempat hamba bergantung harapan, hanya bunga bakawali yang boleh menyembuhkan ibu hamba."

Akhirnya Puteri Mayang Sari bersetuju untuk membantu Awang kerana telah kasihan mendengar kisah ibunya yang sakit tenat akibat dianiaya orang. Sebelum berpisah, Puteri Mayang Sari berjanji untuk datang semula di tempat yang sama dengan membawa sekuntum bunga bakawali yang dikehendaki Awang. Amat berat sekali bagi mereka berdua untuk berpisah kerana masing-masing sudah jatuh cinta pandang pertama. Awang melabai Puteri Mayang Sari yang meluncur terbang ke langit sehingga ghaib dari pandangan.

Semasa Puteri Mayang Sari berada di bumi, Maharaja Indera Kayangan telah memerintah kesemua puterinya datang mengadap di kamar baginda. Hanya enam orang puteri yang hadir. Ketika itu, barulah puteri Kayangan enam-beradik itu sedar bahawa adinda bongsu mereka sudah menghilangkan diri. Sebenarnya, Maharaja Indera Kayangan dan Permaisuri Seri Maharani sudah mengetahui Puteri Mayang Sari keluar membawa diri dari istana disebabkan layanan buruk kekanda-kekandanya. Keenam-enam puteri itu berasa amat malu dan menyesal atas sikap mereka. Maharaja Dewa Indera Kayangan berpesan supaya pertalian puteri tujuh beradik itu diertakkan semula dan hapuskan sebarang penyakit hati seperti dengki, benci, dusta dan lain-lain. Bonda mereka juga berpesan supaya mereka saling memelihara dan mengisi antara satu sama lain.

Kepulangan Puteri Mayang Sari pada hari itu sangat dinantikan oleh semua ahli keluarganya. Apabila sampai di istana, Mayang Sari rasa agak cemas tetapi kemudian rasa amat lega apabila keenam-enam kekandanya begitu mesra dan memohon



Puteri Dunia Melayu

maaf daripadanya atas segala kelakuan buruk mereka. Kesemua kekandanya juga berjanji untuk tidak lagi berkelakuan buruk terhadapnya, sebaliknya memelihara dan mengasihinya selagi nyawa dikandung badan. Mayang Sari berasa sungguh terharu dan gembira sehingga menitikkan airmata. Puteri Bongsu yang berhati mulia itu dengan senang hati memaafkan kesemua kekandanya. Sebenarnya, Puteri Mayang Sari sangat mengasihinya semua ahli keluarganya.

Kesemua kekandanya ingin tahu ke mana Puteri Mayang Sari selalu pergi apabila menghilangkan diri. Maka Puteri Mayang Sari dengan sukacita menceritakan segala keindahan di Tasik Palong Mengkuang dan kisah persahabatannya dengan seorang pemuda bumi yang tampan dan baik hati bernama Awang Kencana.

Kesemua kekanda Mayang Sari terpegung mendengar cerita menarik adinda bongsu mereka. Mayang Sari memohon pertolongan kesemua kekandanya untuk mendapat izin ayahandanya untuk turun ke bumi menghantar sekuntum bunga bakawali kepada Awang di Tasik Paloh Mengkuang bagi memulihkan kesihatan ibunya. Kesemua kekanda Puteri Mayang Sari bersetuju untuk membantunya dalam apa jua keadaan. Mereka juga ingin mengambil kesempatan terbaik itu untuk melihat sendiri keindahan di bumi yang diceritakan oleh Mayang Sari. Maka puteri tujuh beradik itu pun pergi mengadap ayahanda dan bonda mereka untuk menyampaikan hajat. Maharaja Dewa Indera Kayangan pada mulanya agak keberatan memperkenankan hajat puteri-puterinya tetapi akhirnya mengalah apabila mereka merayu berulang-kali. Syaratnya, kesemua tujuh puteri mesti pulang segera ke istana Kayangan. Maka berterbanganlah Puteri Umbuk Mayang tujuh beradik dengan baju layang masing-masing menuju ke Tasik Paloh Mengkuang.

Lama Awang duduk termenung menunggu kedatangan Puteri Mayang Sari di tepi tasik itu. Awang menunggu ketibaan sang puteri sehingga terlena di atas pasir di persisiran Tasik Paloh Mengkuang. Sesungguhnya makhluk Kayangan tidak memungkir janji. Awang dikejutkan dengan suara riuh beberapa orang perempuan. Gembira sungguh Awang apabila melihat Puteri Mayang Sari menjelma di hadapannya dengan membawa sekuntum bunga bakawali. Mereka berdua saling merindui antara satu

sama lain.

“Siapakah keenam-enam puteri jelita yang datang bersama Puteri Mayang Sari?” tanya Awang.

Balas Puteri Mayang Sari, “Kita ni puteri bongsu dan mereka semuanya kekanda-kekanda kita belaka”.

Puteri Mayang Sari memperkenalkan keenam-enam kekandanya kepada Awang. Mereka diarah oleh ayahanda untuk menemani Mayang Sari menyerahkan bunga bakawali itu kepada Awang. Awang mengucapkan terima kasih atas budi baik Puteri Umbuk Mayang tujuh beradik.

Ujar Puteri Mayang Mengurai, “Sckiranya Awang memerlukan sebarang bantuan, serulah kami semua”.

Awang bertanya, “Bagaimana caranya hamba seru Puteri Umbuk Mayang semua sekiranya perlukan bantuan?”

Jawab Puteri Mayang Mengurai, “Perasaplah kemenyan pada mayang, serulah nama kami satu persatu bagaikan lagu. Pasti kami akan menjelma”.

Puteri Mayang Sari memohon maaf kepada Awang kerana mereka semua harus pulang segera kerana telah berjanji dengan ayahanda dan bonda mereka. Awang berasa begitu berat sekali melepaskan Puteri Mayang Sari terbang pulang kerana masih belum lenyap rasa rindunya. Puteri Mayang Sari juga terasa amat hiba hingga pipinya dibasahi dengan linangan airmata. Puteri Mayang Sari mengasat airmatanya dengan selendang kuningnya lalu menyangkut selendang itu ke bahu Awang sebagai tanda kasih sepanjang masa. Mereka juga turut hiba melihat kehebatan cinta antara adinda bongsu, Puteri Mayang Sari dan Awang. Puteri Umbuk Mayang enam beradik terpaksa memujuk adinda bongsunya untuk pulang segera.

Maka terbanglah Puteri Umbuk Mayang tujuh beradik ke angkasa dengan pantas kilat. Awang melihat mereka terbang bagaikan sekumpulan burung di angkasa sehingga ghaib dari pandangan. Awang berasa terkilan dan kecewa kerana tidak sempat menyampai



Puteri Dunia Melayu

hajatnya untuk melamar Puteri Mayang Sari sebagai isterinya kerana puteri-puteri Kayangan itu datang hanya seketika. Awang pulang segera ke rumahnya membawa sekutum bakawali.

Selang beberapa hari sahaja, Mek Seroja, ibu Awang dapat dilihat kesihatannya. Menyedari Awang sudah teruna, ibunya mengambil keputusan untuk menjodohkannya dengan Puteri Pusa, anak ketua kampung mereka. Perkara ini amat me-nyedihkan hati Awang. Puas Awang menjelaskan kepada ibu dan neneknya tentang hasratnya untuk berkahwin dengan Puteri Mayang Sari, namun ibunya menolak bulat-bulat kerana tidak mungkin makhluk dari dua alam yang berbeza boleh berkahwin. Hari perkahwinan Awang semakin dekat. Awang tetap membantah perkahwinannya dengan Puteri Pusa. Awang semakin kurus, tidak lalu makan lalu jatuh sakit. Mulutnya sentiasa menyebut nama Puteri Mayang Sari. Dia mula meracau terbayangkan kehadiran Puteri Mayang Sari yang cantik bak bidadari itu ada disampingnya. Semua orang kampung yang datang menziarah Awang, berasa amat kasihan melihat keadaannya yang semakin tenat. Awang sering berjalan terhoyong-hayang ke Tasik Paloh Mengkuang membawa rindunya yang teramat-amat kepada Puteri Mayang Sari. Diasapnya kemenyan pada mayang pinang lalu menyanyi menyayu Puteri Mayang Sari dan kekanda-kekandanya untuk segera datang ke bumi :

Umbuk Mayang kuumbuk,
Umbuk dengan jala jemala,
Nak sambut dayang kusambut,
Sambut dengan puterinya esa.
Puteri esa berkain serong,
Puteri esa berbaju hijau,
Puteri esa berdokoh kancing,
Puteri esa bersubang gading
Puteri esa bersanggul sendeng.

Nak umbuk mayang diumbuk,
Umbuk dengan jala jemala,
Nak sambut dayang kusambung,
Sambut dengan puterinya dua.

Puteri dua berkain serong,

Puteri dua berbaju hijau,
Puteri dua berdokoh kancing,
Puteri dua bersubang gading
Puteri dua bersanggul sendeng.

Nak umbuk mayang diumbuk,
Umbuk dengan jala jemala,
Nak sambut dayang kusambung,
Sambut dengan puterinya dua.

Puteri tiga berkain serong,
Puteri tiga berbaju hijau,
Puteri tiga berdokoh kancing,
Puteri tiga bersubang gading
Puteri tiga bersanggul sendeng.

Nak umbuk mayang diumbuk,
Umbuk dengan jala jemala,
Nak sambut dayang kusambung,
Sambut dengan puterinya empat.

Puteri empat berkain serong,
Puteri empat berbaju hijau,
Puteri empat berdokoh kancing,
Puteri empat bersubang gading
Puteri empat bersanggul sendeng.

Nak umbuk mayang diumbuk,
Umbuk dengan jala jemala,
Nak sambut dayang kusambung,
Sambut dengan puterinya lima.

Puteri lima berkain serong,
Puteri lima berbaju hijau,
Puteri lima berdokoh kancing,
Puteri lima bersubang gading
Puteri lima bersanggul sendeng.


Nak umbuk mayang diumbuk,
Umbuk dengan jala jemala,


Puteri Dunia Melayu

Nak sambut dayang kusumbang,
Sambut dengan puterinya enam.

Puteri enam berkain serong,
Puteri enam berbaju hijau,
Puteri enam berdokoh kancing,
Puteri enam bersubang gading
Puteri enam bersanggul sendeng.

Nak umbuk mayang diumbuk,
Umbuk dengan jala jemala,
Nak sambut dayang kusumbang,
Sambut dengan puterinya tujuh.
Puteri tujuh berkain serong,
Puteri tujuh berbaju hijau,
Puteri tujuh berdokoh kancing,
Puteri tujuh bersubang gading
Puteri tujuh bersanggul sendeng.



Mhazir / Creative Commons / Adzabli Saif, Bkt.

Puteri Umbuk Mayang tujuh beradik turan ke bumi.

Manakala di alam Kayangan pula, Maharaja Dewa Kayangan dan Permaisuri Seri Maharani telah menerima lamaran untuk menjodohkan Puteri Mayang Sari dengan Dewa Gempita, seorang pembesar di negeri Daha Bumantra yang gagah dan pembengis. Puteri Mayang Sari menangis siang dan malam tidak mahu dijodohkan dengan Dewa Gempita. Cinta kasih sepenuh hatinya hanya untuk Awang, pemuda di bumi itu. Ayahanda dan bonda pasti akan kecewa terhadapnya kerana Puteri Umbuk Mayang tujuh beradik tidak boleh berkahwin dengan makhluk luar dari alam Kayangan.

Kekanda Puteri Mayang Sari: Puteri Mayang Mengurai, Puteri Mayang Mawar, Puteri Mayang Pinang, Puteri Mayang Cempaka, Puteri Mayang Kenanga, Puteri dan Mayang Melur turut berasa sedih dan kasihan melihat keadaan adinda bongsu mereka yang kelihatan semakin lemah tidak bermaya.

Maka keenam-enam kekanda Puteri Mayang Sari berikrar untuk melakukan apa saja demi kebahagiaan adinda bongsu. Mereka sepakat melarikan Puteri Mayang Sari keluar dari istana Kayangan walaupun dilarang oleh ayahanda dan bonda mereka, "Jangan pergi! Sekiranya engkar, anakanda semua tidak dibenarkan lagi jejak semula ke istana ini sampai bila-bila!"

Tersentak dan gementar seketika Puteri Umbuk Mayang tujuh beradik itu buat seketika namun mereka tetap meluncur terbang secepat kilat bersama Puteri Mayang Sari meninggalkan istana Kayangan menuju ke Tasik Paloh Mengkuang dan dari jauh mereka sudah mendengar rintihan pilu suara Awang menyanyikan lagu 'Umbuk Mayang' mendayu-dayu. Awang semakin menghayunkan badannya dengan begitu asyik menyeru nama Puteri Umbuk Mayang tujuh beradik tanpa hiraukan orang sekeliling dan tidak menyedari ibu dan neneknya sudah duduk disisinya.

Akhirnya, ibu dan nenek Awang merestui hajat Awang untuk berkahwin dengan puteri Kayangan, Puteri Mayang Sari, kerana sudah tidak sanggup melihat keadaan Awang yang semakin hilang akal. Awang memeluk ibu dan neneknya dengan perasaan gembira tidak terhingga, lebih-lebih lagi apabila melihat satu persatu

Puteri Dunia Melayu

muncul di depannya Puteri Umbuk Mayang tujuh beradik dari Kayangan. Awang bagaikan sihat tiba-tiba apabila melihat buah hatinya, Puteri Mayang Sari. Puteri Mayang Sari meluru mendapatkan Awang dengan airmata kasih membasahi pipi masing-masing. Mereka yang hadir di situ, turut menitikkan airmata melihat keagungan cinta antara Awang dan Puteri Mayang Sari.


“Wahai Puteri Mayang Sari, janganlah tinggalkan Awang lagi. Tak sanggup Awang menanggung selautan kasih dan rindu ini”, rayu Awang kepada kekasihnya dengan sedu-sedan.

Puteri Mayang Sari berikrar, “Awang, kita berjanji tidak akan berpisah lagi dan bersetuju untuk hidup bersama sepanjang hayat.”

Awang tersenyum dan melonjak-lonjak keriangannya. Semua hadirin di situ turut bersorak gembira. Setelah keadaan kembali tenang, Puteri Mayang Sari pun menceritakan kepada Awang dan keluarganya tentang segala peristiwa yang terjadi di istana Kayangan. Kini, mereka Puteri Umbuk Mayang tujuh beradik sudah tidak dibenarkan kembali ke istana Kayangan kerana telah mengkenari perintah larangan ayahanda dan bonda mereka. Walaupun, keenam-enam kekanda Puteri Mayang Sari terasa amat sedih dengan perkara itu, namun mereka rasa gembira dapat melakukan sesuatu yang luar biasa demi selautan kasih mereka terhadap adinda bongsu mereka. Mereka, Puteri Umbuk Mayang enam beradik juga telah membuat keputusan untuk terus menetap di bumi di kawasan masing-masing untuk

melindungi adinda bongsu mereka daripada sebarang gangguan terutamanya daripada Dewa Gempita.

Akhirnya, Puteri Mayang Sari berkahwin dengan Awang, bersatulah sepasang kekasih yang berasal dari dua alam yang berbeza. Sebelum terbang bersama isterinya, Puteri Mayang Sari, Awang sempat berpesan, “Andainya ibu dan nenek rindu, serulah nama Awang dan Puteri Mayang Sari.”




Puteri Mayang Sari menikmati keindahan alam di bumi.

Puteri Umbuk Mayang tujuh beradik sempat mengikat janji untuk bertemu pada setiap bulan purnama di Tasik Paloh Menkuang. Sebelum berpisah menuju haluan masing-masing, Puteri Umbuk Mayang tujuh beradik berpeuk cium sambil air mata kasih bercucuran membasahi pipi masing-masing.

Akhirnya, Puteri Mayang Mengurai berangkat ke Bukit Puteri, Puteri Mayang Mawar terbang ke Pulau

Redang, Puteri Mayang Pi-nang ke Pulau Perhentian, Puteri Mayang Cempaka melayang ke Bukit Cendering, Puteri Mayang Kena-nga menjaga Pulau Kapas dan Puteri Mayang Melur bertapak di Gunung Tebu. Manakala Puteri Mayang Sari dan Awang membina kehidupan bahagia di sekitar Tasik Paloh Mengkuang dan sesekali akan berada di puncak Bukit Bucu dan Pulau Bidong.

Demikianlah hebatnya ikatan kasih sesama Puteri Umbuk Mayang tujuh beradik serta cinta sejati antara Puteri Mayang Sari dengan Awang, bak air yang dicincang pasti tidak akan putus.





Ilham Yudianto Kritis

Katakanlah syahid Muhammad: "Tidak sekali-kali akan menimpa kami sesuatu pun melainkan apa yang telah ditetapkan Allah bagi kami. Dialah Pelindung yang menyelamatkan kami, dan (dengan kepercayaan itu) maka kepada Allah inalah hendaknya orang-orang yang beriman bertawakkal".

*At-Taubah 9:51
(Khat Farsi)*

Lampiran



Puteri Dunia Melayu

101 PUTERI DUNIA MELAYU –SEJARAH DAN LEGENDA

INDEKS

A

	Mukasurat
Adat Perpatih,	190 - 201
Adat Temenggung,	190 - 201
Adruja Wijayamala,	76 - 85
Air Kaki,	376
Air Kaki yang jernih,	376
Alexander Hamilton,	120 - 123

B

Balai Majlis Mahkamah Rakyat,	142
Belanda,	18 - 23, 24 - 29, 30 - 33, 34 - 37, 38 - 39, 40 - 43, 176 - 179

Bendahara Garang Megat Abdullah,	
Bendahara Tun Abdul Jalil (Sultan Abdul Jalil Riayat Syah IV),	388 - 393
Bundo kandaung,	94 - 97 94 - 99

C

Cati Bilang Pandai,	192 - 201
Cik Puan Cik Seni,	374 - 377
Cik Siti Wan Kembang,	68 - 75, 278 - 285
Cut Nyak Dhien,	18 - 23
Cut Nyak Meutia,	24 - 29

D

Dang Raya Rani,	427
Dara Petak dan Dara Jingga,	202 - 205
Dato' Pekerma Jaya,	271
Datuk Katumanggungan,	192
Datuk Moyang Saleh, Penghulu Jelebu,	379
Datuk Parapatieh nan Sabatang (Sutan Balun),	207
Datuk Puteri Siti Awan,	100 - 101

Demang Lebar Daun,	49
Deramang,	272
Dewi Asmayasekar,	418
E	
Engku Puteri Raja Hamidah,	264 - 267
G	
Geliga Embun,	386
H	
Hayam Wuruk Sri Rajasanagara, Majapahit	380
	86 - 89
	202 - 209
	202 - 205
	172 - 175
	246 - 349
I	
Ibn Battutah (Abu Abdullah Muhammad)	85
Indojati,	192 - 201
Inggeris/British,	
Syarikat Hindia Timur Inggeris (English East India Company),	267
	104 - 6
K	
Kanjeng Ratu Roro Kidul,	422 - 425
Karaeng Samarluka, Makasar,	334 - 337
Kemas Jiwa (Bhre Parameswara),	92 - 93
Ken Arok,	223
Ken Dedes,	222 - 225
Kisaran Payung, Kuala Krai,	83
Koto Piliang dan Bodi Caniago,	193 - 197
Ku Tana Mansur (Tun Dalam/Sultan Mansur Syah) Terengganu,	123
Kublai Khan,	201 - 205
	202 - 205
	144
Kuta Inong Baleë, Krueng Raja,	5
	14 - 17

L	
Lagu Kartini,	161
Laksamana Hang Tuah,	428 - 337
Laksamana Keumalahayati,	14 - 17
Langkasuka,	76 - 78
Langkawi, pulau,	268 - 275
M	
Maharaja Bakong Ahmad Permala (@ Sultan Ahmad Bakoy Perumudal Perumal),	129 - 293
Maharaja Shogun Tokugawa Iyeyasu, Jepun,	103
Mahsuri,	268 - 275
Malik Mustafa,	129
Mambang di Awan, pohon durian,	390
Masjid Agung Sang Ciptarasa,	253 - 58
Maulana Abu Ishak,	320
Megat Seri Rama,	94
Meurah Johan (Sultan Alauddin Johan Syah),	286 - 289
O	
Opu Daeng Parani,	260
P	
Paduka Bonda Che' Menjalara,	166 - 171
Pagar Ruyung, Minangkabau,	203 - 204
Pangeran Adipati Anom, Mataram,	357 - 359
Pangeran Muda Tengah (Sultan Tengah),	218
panjang adat,	370
panjang angkara,	370
Parameswara Dewa Syah (Sultan Abu Syahid),	297
Patih Adam, Pangeran Surabaya,	371 - 372
Patih Gajah Mada,	8 - 8
	346 - 349
	202 - 205
Permaisuri Seni @ Puteri Hijau,	44 - 45
Pocut Baren,	34 - 37
Pocut Meurah Intan,	38 - 39
Pocut Mueligo,	40 - 43
Portugis,	155
	303 - 304

	104
Prabu Menak Sembayu, Balambangan,	320 - 321
Puteri Anjasmara,	412 - 417
Puteri Dewi Sekardadu,	320 - 325
Puteri Galoh Wi Kesuma,	90 - 93
Puteri Ganggang Sari,	210 - 211
Puteri Gunung Ledang,	424 - 429
Puteri Hwang Li Po,	366 - 69
Puteri Jamilan,	94 - 99
Puteri Junjung Buih,	398 - 401
Puteri Kanun,	430 - 433
Puteri Lela Mencanai,	322 - 325
Puteri Limau Purut,	388 - 393
Puteri Lindungan Bulan,	338 - 341
Puteri Makhдум Tansyuri,	206 - 208
Puteri Mayang Sari,	452 - 459
Puteri Mayang Selida,	404 - 409
Puteri Neng @ Nan Nio Lian Khi,	286 - 289
Puteri Paramisuli,	228 - 233
Puteri Pitaloka,	346 - 349
Puteri Ramawati,	148 - 153
Puteri Rambang Rambunut,	438 - 443
Puteri Ratna Dewi,	402 - 403
Puteri Ratna Suari,	330 - 333
Puteri Rokan,	296 - 299
Puteri Sa'adong,	278 - 285
Puteri Santubong,	448 - 451
Puteri Saripu,	444 - 447
Puteri Sejinjang,	449
Puteri Suria,	218 - 221
Puteri Tapasi,	144 - 147
Puteri Tunina dan Puteri Angintabu,	188 - 191
Puteri Umbuk Mayang,	452 - 461
Puteri Wanang Kemuning,	184 - 187

Q

Qanun al-Asyi Darus-Salam,

6

R	
Raden Adjeng Kartini,	158 - 161
Raden Ahmad Rahmatullah (Sunan Ampel),	149
Raden Fattah, Sultan Demak pertama,	150
	60
Raden Galoh Gemerancang,	290 - 295
Raden Ngabehi Loring Pasar (Mas Danang),	62
Raden Paku @ Muhammad Ainul-Yaqim (Sunan Giri),	321
	178
Raja Abdullah,	281
Raja Aisyah Sulaiman,	214 - 217
Raja Bharubhasa,	126
Raja Biru,	108 - 109
Raja Dunggu,	326 - 329
Raja Emas Cayang,	120 - 123
Raja Fatimah,	254 - 259
Raja Hijau,	102 - 107
Raja Jaya Singawarman, Campa,	146
Raja Kamaliah @ Putroë Phang,	140 - 143
Raja Kecil (Tuan Bujang/Sultan Abdul Jalil Rahmat Syah), Johor,	98 - 99
	260 - 262
Raja Kuning,	116 - 119
Raja Melewar, Negeri Sembilan,	375 - 376
Raja Nur Alam,	248 - 251
Raja Sang Tawal, Langkasuka,	77 - 78
	126
Raja Ungu,	110 - 115
Raja Wawigan Anum,	444 - 445
Rama Khamhaeng,	72
Rara Oyi,	356 - 361
Ratu Dewi Pakungwati,	58 - 63
Ratu Dwarawati,	350 - 355
Ratu Kalinyamat,	60 - 63
Ratu Kencana Wulan,	294 - 299
Ratu Mas Rarasumanding @ Ong Tien,	252 - 253
Ratu Nahrasiyah,	128 - 131
Ratu Nur Ilah @ Warda Rahmatullah,	124 - 127
Ratu Rajapatni,	172 - 175
Ratu Sima,	64 - 67

Ratu Syarifah Fatimah,	246 - 247
Ratu Tamanurunga,	344 - 337
Ratu Tribuwanatungadewi,	86 - 89
Ratu Wandan Sari,	176 - 179

S

Sang Adityawarman,	203
Sang Setia,	427
Sang Sapurba Taram Sri Tribuana,	48 - 51
Syed Husein Jamaluddin al-Kubra,	149 - 150
Serendah (Seri Indah) Sekebum Bunga Cerang Tegayung,	83
	278
	60 - 71
Seri Banun,	378 - 379

Siam,

Raja Prasatthong,	
Raja Naraj,	110 - 111
	116
	278 - 28

Siti Zubaidah,

Sultan Abdul Ghafur Mohyiddin Syah, Pahang,	52 - 57
	120
	105

Sultan Abdul Hamid Halim Syah, Kedah,

	116 - 117
	164 - 165
	166 - 171

Sultan Abdul Jalil Riayat Syah IV (Bendahara Paduka Raja Tun Abdul Jalil),

Sultan Agung Senapati ing Ngalaga Ngabdurrahman (Mas Rangsang),	120
Sultan Alaeddin Sulaiman Syah, Selangor,	356
Sultan Alauddin Riayat Syah Sayyid al-Mukammil, Aceh,	313
Sultan Alauddin Riayat Syah, Johor,	14 - 17
	44 - 45
	254

Sultan Alauddin Riayat Syah, Melaka,

Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Riayat Syah, Johor,	180 - 181
Sultan Baqi Syah, Cermin,	255 - 259
Sultan Bolkuah, Brunei,	332
Sultan Dhiauddin Mukarram Syah I, Kedah,	322 - 325
Sultan Dipertuan Qudrat, Maguindanao,	342 - 345
Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam, Aceh,	132
	4
	140 - 143

Sultan Alauddin Riayat Syah, Melaka,

Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Riayat Syah, Johor,	180 - 181
Sultan Baqi Syah, Cermin,	255 - 259
Sultan Bolkuah, Brunei,	332
Sultan Dhiauddin Mukarram Syah I, Kedah,	322 - 325
Sultan Dipertuan Qudrat, Maguindanao,	342 - 345
Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam, Aceh,	132
	4
	140 - 143

Sultan Baqi Syah, Cermin,

Sultan Bolkuah, Brunei,	322 - 325
Sultan Dhiauddin Mukarram Syah I, Kedah,	342 - 345
Sultan Dipertuan Qudrat, Maguindanao,	132
Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam, Aceh,	4
	140 - 143

Sultan Dhiauddin Mukarram Syah I, Kedah,

Sultan Dipertuan Qudrat, Maguindanao,	132
Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam, Aceh,	4
	140 - 143

Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam, Aceh,

	4
	140 - 143

Sultan Mahmud Mangkat Dijulang, Johor,	94
	100
	123
Sultan Mahmud Syah, Melaka/Johor,	180 - 183
	184 - 186
Sultan Mahmud Syah, Riau-Lingga,	264 - 266
Sultan Malik'us-Saleh, Samudera-Pasai,	210 - 211
Sultan Mansur Syah II, Perak,	391
Sultan Mansur Syah, Melaka,	93
Sultan Muhammad Syah, Melaka,	296 - 299
Sultan Mukaddam Syah, Perak,	388
Sultan Muzaffar Syah, Melaka,	180
	296 - 297
Sultan Muzaffar Syah, Sultan Perak pertama,	185 - 186
	304
Sultan Rijaluddin Muhammad Syah, Kedah,	113
Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah, Terengganu,	238 - 239
Sultan Sulaiman Syah II, Kedah,	338 - 341
Sultan Zainal Abidin, Campa,	52 - 56
Sultanah Nur'ul-'Alam Naqiatuddin Syah,	8 - 9
Sultanah Nur'ul-'Azam, Sulu,	132
Sultanah Raziah, Delhi, India,	12
Sultanah Syajaratul-Dur, Mesir,	12
Sultanah Taj'ul-'Alam Safiyyatuddin Syah,	4 - 7
Sultanah Zakiyyatuddin Inayat Syah,	10 - 11
Sultanah Zinatuddin Kamalat Syah,	12
'Sumpah Nusantara' Gajah Mada,	88
Sya'ir Tawarikh Zainal Abidin III (Riwayat Terengganu Darul-Iman),	234
Syarif Hidayatullah (Sunan Gunung Jati),	58
	154 - 157
	252
Syarif Muhammad Kabungsuan,	188 - 191
Syarifah Mudaim @ Dewi Rarasantang,	154 - 157
Syarikat Hindia Timur Belanda (VOC),	6
	104
Syarikat Hindia Timur Inggeris,	104
Syed Husain Jamalulail, Raja Perlis pertama,	306 - 309
T	
Tengku Ampuan Mahrum,	312 - 315

Tengku Ampuan Mariam,	238 - 241
Tengku Dalam Kalthum,	234 - 237
Tengku Fakinah,	30 - 33
Tengku Ngah Putera, Kedah,	343 - 345
Tengku Safura Negara,	342 - 345
Tengku Tengah Tun Irang,	260 - 263
Teuku Raja Sabil (Siwah Rajawali), Aceh,	26
Tun Abdul Jalil, Pasai,	290 - 293
Tun Ali, Seri Nara Diraja, Melaka,	296 - 298
Tun Fatimah,	300 - 305
Tun Kudu,	362 - 365
Tun Mamad, Penghulu Inderagiri,	427 - 428
Tun Manda,	370 - 372
Tun Merah Tun Saban,	386 - 387
Tun Mutahir, Bendahara Seri Maharaja, Melaka,	182
Tun Perak, Bendahara Paduka Raja, Melaka,	362 - 365
	181
Tun Senaja,	180 - 183
Tun Tahir, Seri Nara Diraja, Melaka,	300 - 303
Tun Teja Ratna Benggala,	380 - 385
Tun Zainal Abidin (Sultan Zainal Abidin) Terengganu,	120 - 123
Tunggul Ametung,	223 - 224
Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, Perdana Menteri Malaysia pertama,	166 - 168
	170
V	
van der Heijden, Kolonel Karel,	40
W	
wa'ad Sang Sapurba - Demang Lebar Daun,	436 - 437
Wali Songo (Wali Sembilan),	148
Wan Empok & Wan Malini,	434 - 435
Wan Fatimah,	306 - 309
Wan Hajar,	162 - 165
Wan Muhammad Saman bin Ismail, Perdana Menteri Kedah,	162
Wan Seri Benian,	48 - 51
Wan Sundari,	434 - 437
Y	
Yamtuan Muda Ja'far, Riau-Lingga,	264 - 267

A

A. Samad Ahmad (ed.) 1979. *Sulalatus-Salatin (Sejarah Melayu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Baqir Zein 1999. *Masjid-masjid Bersejarah di Indonesia*. Jakarta: Gema Insan Press.

Abdul Halim Bashah, Hj. (ABHAR) 1996. *Wali Songo Dengan Perkembangan Islam di Nusantara*. Kota Bharu: Al Kafilah Enterprise.

Abdul Halim Nasir 1995. *Seni Bina Masjid di Dunia Melayu-Nusantara*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia

Abdul Latiff Abu Bakar (ed.) 1984. *Sejarah di Selat Melaka*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Melaka.

_____ (ed.) 2001. *Adat Melayu Serumpun*. Melaka. Perbadanan Muzium Melaka.

Abdul Rahman Abdullah 2000. *Sejarah dan Tamadun Asia Tenggara: Sebelum dan Sesudah Pengaruh Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.

Abdul Rahman al-Ahmadi 1994. *Syair Siti Zubaidah Perang China: Perspektif Sejarah*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia

Abdul Samad Idris 1961. *Takhta Kerajaan Negeri Sembilan*. Kuala Lumpur: Utusan Printcorp Sdn.Bhd

_____ 1968. *Negeri Sembilan dan Sejarahnya*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu Berhad

_____ 1970. *Hubungan Minangkabau dengan Negeri Sembilan dari Segi Sejarah dan Kebudayaan*.

Abdullah bin Mohamed (Nakula) 1981. *Keturunan Raja-raja Kelantan dan Peristiwa-peristiwa Bersejarah*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

Abdullah Ishak, Dr. Hj. 1990. *Islam di Nusantara (Khususnya di Tanah Melayu)*. Petaling Jaya: Al-Rahmaniah.

Achjadi, Judi 1976. *Pakaian Daerah Wanita Indonesia*. Penerbit Djambatan.

Agus Sunyoto 1987. *Sejarah Perjuangan Sunan Ampel: Taktik dan Strategi Dakwah Islam di Jawa Abad 14-15*. Surabaya: Penerbit LPL1-Sunan Ampel.

Ahmad Ismail 1982. *Sejarah Negeri Perlis Indera Kayangan*. Alor Setar: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah.

Amin Sweeney, P.L. (ed.) 1968. 'Salasilah Raja-raja Berunai', *JMBRAS*, Vol. 41, Pt.2, No. 214.

Andaya, Barbara Watson & Leonard Y. Andaya 1982. *A History of Malaysia*. London: Macmillan Asian Histories Series.

Andaya, Leonard Y. 1975. *The Kingdom of Johor, 1641-1728*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

B

Babad Tanah Jawa 1975. Terjemahan M. Ramlan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Buyong Adil 1971. *Sejarah Selangor*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____ 1972. *Sejarah Pahang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____ 1972. *Sejarah Perak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____ 1974. *Sejarah Terengganu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____ 1980. *Sejarah Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____ 1981. *Sejarah Negeri Sembilan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____ 1981. *Sejarah Perlis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

C

Cheah Boon Kheng 1993. 'Power Behind the Throne: The Role of Queens and Court Ladies in Malay History.' *JMBRAS*, LXVI, 1.

Coedès, G. 1968. *The Indianized States of Southeast Asia*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

D

DWI Dasa Warsa: *Taman Mini Indonesia Indah* 1995. Taman Mini Indonesia Indah & PT. Usaha Sistem Informasi Jaya.

F

Fauzi Basri, M. A. 1986. *Cempaka Sari: Sejarah Kesultanan Negeri Perak*. Ipoh: Yayasan Perak.

Fadzlena Jafar 25 Okt.1999, "Puteri Legenda: Misteri Kubur Cik Siti". *Majalah Citra*, The New Straits Times Press (M'sia) Bhd.

_____ 1 Nov.1999, "Puteri Legenda: Asal usul Cik Siti Wan Kembang". *Majalah Citra*, The New Straits Times Press (M'sia) Bhd.

_____ 6 Dis.1999, "Puteri Legenda: Kesaktian Puteri Saadong?". *Majalah Citra*, The New Straits Times Press (M'sia) Bhd.

_____ 13 Dis.1999, "Puteri Legenda: Puteri Saadong anak buluh betung". *Majalah Citra*, The New Straits Times Press (M'sia) Bhd.

_____ 20 Dis.1999, "Puteri Legenda: Hati kambing muda ganti bayi". *Majalah Citra*, The New Straits Times Press (M'sia) Bhd.

_____ 27 Dis.1999, "Puteri Legenda: Tulah air ludah Puteri Saadong?". *Majalah Citra*, The New Straits Times Press (M'sia) Bhd.

_____ 10 Jan.2000, "Puteri Legenda: Kemaluan diubati, Prasat Mungkir Janji". *Majalah Citra*, The New Straits Times Press (M'sia) Bhd.

_____ 17 Jan.2000, "Puteri Legenda: Abaikan rakyat kerana asyik ulit isteri muda". *Majalah Citra*, The New Straits Times Press (M'sia) Bhd.

_____ 24 Jan 2000, "Puteri Legenda: Rajuk Puteri Saadong". *Majalah Citra*, The New Straits Times Press (M'sia) Bhd.

_____ 31 Jan.2000, "Puteri Legenda: Benarkah Puteri Saadong masih hidup?". *Majalah Citra*, The New Straits Times Press (M'sia) Bhd.

H

Hall D.G.E 1981. *A History of South-East Asia*. Fourth Edition. London: Macmillan.

Hamka (Dr. H. Abdul Malek Karim Amrullah) 1981. *Dari Perbendaharaan Lama*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.

Harun Mat Piah & Siti Zainon Ismail 1986. *Lambang Sari: Tari Gamelan Terengganu*. Pejabat Kerajaan Negeri Terengganu & Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Hill, A.H. 1955. 'The Hikayat Abdullah', *JMBRAS*, XXVIII, 3

Hughes-Hallet, H.R. 1940. 'A Sketch of the History of Brunei', *JMBRAS*, XVIII, pt.ii.

Husain, Mahdi 1953. *The Rehla of Ibn Battuta*. Gaekwad Oriental Series.

I

Ibrahim Ismail, Haji 1987. *Sejarah Kedah Sepintas Lalu*. Kedah: Universiti Utara Malaysia.

Ibrahim Shukri. Trans. By C. Baily & J.N. Miksic 1985. *History of the Malay Kingdom of Patani/Sejarah Kerajaan Melayu Patani*. Monographs in International Studies Southeast Asia Series No.68. Athens: Ohio University, Ohio.

Imran Abu Amar, Drs. H. 1992. *Sunan Gunung Jati Cirebon*. Kudus: Penerbit Menara Kudus.

Ismail Hanapiah 2001. *Mahsuri*. Langkawi: Muara Kundang Sdn.Bhd.

J

Jones, Russell (ed.) 1987. *Hikayat Raja Pasai*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.

Jurnal Darussalam, Bil.I, 1992. Berunei Darussalam: Jabatan Pusat Sejarah.

Jurnal Sejarah Melaka, Bil.6, 1981. Melaka: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Melaka

Jurnal Sejarah Melaka, Bil.7, 1982. Melaka: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Melaka.

K

Kartodirdjo S. et al 1992. *700 Tahun Majapahit : Suatu Bunga Rampai*. Surabaya : Dinas Pariwisata Daerah Propinsi Daerah Tingkat 1 Jawa Timur.

Kedah Dari Segi Sejarah (Kedah in History). Jilid 4, Bil. I, April 1970.

Kedah Dari Segi Sejarah (Kedah in History). Jilid 5, Bil. I, Ogos 1971.

Kedah Dari Segi Sejarah (Kedah in History). Jilid 6, Bil. I, Dis. 1972.

Khoo Kay Kim et al (eds.) 1985. *Selangor: Dahulu dan Sekarang*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia &

Jabatan Sejarah Universiti Malaya

M

Mahayudin Hj. Yahaya & Ahmad Jelani Halimi 1993. *Sejarah Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
Majul, Cesar Adib 1988. *Islam di Filipina*. Terjemahan Shamsuddin Jaapar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Majalah Wanita, Ogos 2000. Utusan Media (Malaysia) Berhad.

Mansoer, M.D. et al 1970. *Sejarah Minangkabau*. Jakarta: Bhratara.

Maxwell, W.E. (ed.) 1997. *Notes and Queries*. MBRAS Reprint 15. Kuala Lumpur: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.

Melipriapapa MH 1992. *Paduka Cik Siti*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.

Miscellaneous Papers on Negeri Sembilan (collected from the *Journal of the Royal Asiatic Society*). c.1895. N. Sembilan.

Mohammad bin Pengiran Haji Abd. Rahman, Pengiran Haji 1992. *Islam di Brunei Darussalam*. Brunei : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohammad Said, H. 1981. *Acch Sepanjang Abad*. Jilid I & II. Medan: P.T. Percetakan dan Penerbitan Waspada.

Mohd. Shah bin Mohd. Said al-Haj 1996. *Tambo Alam Naning*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Yusof Md. Nor (ed.) 1984. *Salasilah Melayu dan Bugis* (oleh Raja Ali Haji, 1865). Petaling Jaya: Fajar Bakti.

Mohd. Zamberi A. Malek 1993. *Umat Islam Patani: Sejarah dan Politik*. Shah Alam: Penerbit Hizbi.

Muhammad Hassan 1968. *At-Tarikh Silsilah Negeri Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhammad Yusoff Hashim (ed.) 1992. *Hikayat Siak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhammad Yusoff Hashim & Aruna Gopinath 1992. *Tradisi Persejarahan Pahang Darul Makmur, 1800-1930*. Petaling Jaya: Tempo Publishing.



Puteri Dunia Melayu

N

- Norazit Selat 1990. *Negeri Sembilan Dahulu dan Sekarang*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Norhalim Hj. Ibrahim 1993. *Adat Perpatih: Perbezaan dan Persamaannya dengan Adat Temenggung*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

P

- Purba* (Jurnal Persatuan Muzium Malaysia) Bil.2, 1983. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Purba* (Jurnal Persatuan Muzium Malaysia) Bil.4, 1985. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Pusaka* (Berita Jabatan Pusat Sejarah). Bil.1, 1988. Brunei Darussalam: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Pusaka* (Berita Jabatan Pusat Sejarah). Bil.2, 1988. Brunei Darussalam: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

R

- Raffles, Sir Thomas Stamford 1830. *The History of Java*. London.
- Raja Chulan 1962. *Misa Melayu*. Kuala Lumpur: Pustaka Aman.
- Ras, Johannes Jacobus 1990. *Hikayat Banjar*. Terjemahan Siti Hawa Salleh. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Reid, Anthony 1969. *The Contest for North Sumatra : Atjeh, the Netherlands and Britain 1858-1898*. Kuala Lumpur, University of Malaya Press.
- Ricklefs, M.C. 1982. *A History of Modern Indonesia. c.1300 to the Present*. London: Macmillan Press Ltd.

S

- Sa'ad Shukri Haji Muda 1971. *Detik-detik Sejarah Kelantan*. Kota Bharu.
- Saleeby, N.M. 1908. *The History of Sulu*. Manila.
- Saleeby, Najeeb M. 1976. *Studies in Moro History, Law and Religion Antonio Martel de Gayangos, The Island of Mindanao*. Manila: Filipiniana Book Guild, Inc.





Puteri Dunia Melayu

Sharifah Zaleha Syed Hassan & Rashila Ramli (eds.) 1998. *Kedudukan dan Citra Wanita Dalam Sumber-sumber Tradisional Melayu*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, UKM.

Shellear, W.G. (ed.) 1957. *Sejarah Melayu or the Malay Annals*. Singapore: Malaya Publishing House.

Sheppard, Mubin 1972. *Taman Indera : Malay Decorative Arts and Pastimes*. Kuala Lumpur : Oxford University Press.

Siti Zainon Ismail 1997. *Busana Melayu Johor*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti & Yayasan Warisan Johor.

Slametruljana 1976. *A Story of Majapahit*. Singapore: Singapore University Press.

Soewito Santoso 1970. *Babad Tanah Jawi* (Galuh-Mataram). Surabaya: PT. Citra Jaya Murti.

Solichin Salam 1960. *Sekitar Wali Sanga*. Kudus: Penerbit Menara Kudus.

Sujitno H.S. & Achmad H.M. 1995. *Aceh : Masa Lalu, Kini dan Masa Depan*. Aceh : Kantor Sekretariat Gubernur KDH Provinsi Daerah Istimewa Aceh.

Syed Zulflida 1977. 'Perutusan dan Surat DiRaja dalam Sejarah Melayu', *Jurnal Budaya Melayu*, Jil. 3 Bil. 1. Universiti Kebangsaan Malaysia.

T

Tamar Djaya 1965. *Pusaka Indonesia I & II*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.

Teeuw, A. & D.K. Wyatt 1970. *Hikayat Patani: the story of Patani*, 2 vols. The Hague: Martinus Nijhoff.

Tenas Effendy 2000. *Pemimpin Dalam Ungkapan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tengku Luckman Sinar 1996. *The History of Medan in the Olden Times*. Sixth Edition. Medan: Lembaga Penelitian dan Pengembangan Seni Budaya Melayu.

Tuan Hj. Muzaffar Dato' Hj. Mohamad & (Tun) Suzana (Tun) Hj. Othman 2001. *Ahlu-Bait (Keluarga) Rasulullah s.a.w. dan Raja-raja Melayu*. Kuala Lumpur: Al-Wasilah Enterprise.

U

Umar Hasyim 1974. *Sunan Kalijaga*. Kudus: Penerbit Menara Kudus.

_____ 1981. *Riwayat Maulana Malik Ibrahim*. Kudus: Penerbit Menara Kudus.



_____ 1983. *Sunan Muria: Antara Fakta dan Legenda*. Kudus: Penerbit Menara Kudus.

V

Vlekke, Bernard H.M. 1967. *Nusantara (Sejarah Indonesia)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Desi Ernita, Mac 2003. "Bukan Salah Datuk Pekerma". *Majalah Variasi*, Teguh Ringgit Publishing House.

Rodly Fadly, Mac 2003. "Harta Mahsuri di Lubuk Rumbia". *Majalah Variasi*, Teguh Ringgit Publishing House.
Bil.40, hlm 3-9.

W

Wan Mohd, Amin bin Wan Mohd. Said 1968. *Pusaka Selangor*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wan Mohd. Shaghir Abdullah, Hj. 1999. *Penyerahan Islam & Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu*. Kuala Lumpur: Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara & Khazanah Fathaniyah.

Wilkinson, R.J 1911. *Malay History Part V. Notes on the Negeri Sembilan*. Papers on Malay Subjects. Kuala Lumpur: FMS Government Press.

Winstedt, R.O. 1938. 'The Malay Annals or Sejarah Melayu: The Earliest Recension from MS.No. 18 of the Raffles Collection in the Library of the Royal Asiatic Society, London', *JMBRAS*, No.16, Pt.3.

_____ 1979. *A History of Johore*. MBRAS Reprint No.6. Kuala Lumpur: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.

Y

Yura Halim 2002. *Ririnsej Brunei Darussalam*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Yura Halim & M. Jamil Umar 1958. *Sejarah Brunei*. Kuala Belait: Brunei Press.

Yusoff Hassan 1983. *Jugra Dalam Sejarah*. Kuala Lumpur: Penerbitan Tra-ira.

Z

Zaide, Gregario E 1978. *Sejarah Politik dan Kebudayaan Filipina*. Jilid I. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zainoeddin Saleh & Anwar Dusky 1952. *Sedjarah Indonesia*. Jakarta: Penerbit Pustaka Dewata.

Zainuddin, H.M. 1961. *Tarich Atjeh dan Nusantara*. Medan: Pustaka Iskandar Muda.



Puteri Dunia Melayu

1966. *Srikandi Atjeh*. Medan: Pustaka Iskandar Muda.
- Zakaria Ahmad, Drs. 1972. *Sekitar Keradjaan Atjeh dalam tahun 1520-1675*. Medan.
- Zakaria Ali 1994. *Islamic Arts in Southeast Asia, 830 -1570 A.D.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zein M. Wiryoprawiro, IR. 1986. *Perkembangan Arsitektur Masjid di Jawa Timur*. Surabaya: PT. Bina Ilmu.
- Zubaidah Shawal 1994. *Busana Melayu*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium dan Antikuiti.
- Zubaidah Sual 1999. *Kegemilangan Warisan Emas / The Splendour of Gold*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium dan Antikuiti.



Puteri Dunia Melayu
PENGHARGAAN

Jabatan Muzium dan Antikuiti

*Merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia, semua agensi dan individu yang membantu
menjayakan penerbitan buku khas 101 Puteri Dunia Melayu: Sejarah dan Legenda
sempena ulang tahun ke-40 Muzium Negara*

Kedutaan Besar Republik Indonesia (Kuala Lumpur)
Arkib Negara Malaysia
Perpustakaan Negara Malaysia
The British Library, United Kingdom
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu
Balai Undang Luak Johol, Negeri Sembilan
Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (IBKKM, UKM)
Istana Budaya
Jabatan Seni Persembahan Petronas
Yayasan Restu
Pucuk Rebung Muzium Galeri DiRaja, Suria-KLCC
DHEA Finecast Enterprise
Gunung Ledang Resort Sdn.Bhd
Canang Adcalls Sdn.Bhd
Majalah *Wanita*, Urusan Melayu (Malaysia) Berhad
Majalah *Seni Bela Diri*
Majalah *Variasi*
Majalah *Citra*, The New Straits Times (M) Berhad
BD + A Design Consultants (Indonesia)
Bank Exim (Indonesia)
Tan Sri Datuk Wira Ab. Aziz Tapa
Prof. Madya Dr. Ding Choo Ming
Datin Siti Mariani S.M. Omar

Model Busana Tradisional

Asuana Derani • Azarima Amin Zahari • Fuzi Yunus • Hadijah Mohd. Yunus • Hanizan Abd. Hamid •
ISZ Norhayati Idris • Naemah Mohd. Yusoff • Noralina Ali • Norhaliza Harun • Nor Hashila Haji Hassim •
Norzalina Rozlan • Nurul Akmar Hamzah • Safia Ismail • Shamsuana Md. Salimin • Suraya Adnan •
Puteri Nurita Khalid • Yusniata Mohammad • Zuraidah Ghazali

Fotografi
Zaleha Tasrib • Julie Aziah Salleh • Ahmad Suhaimi Shamsuddin

